DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
1445 / 2024

(JILID II)

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA
HARI SELASA, 17 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2024 HINGGA
HARI SABTU, 12 RAMADAN 1445 BERSAMAAN 23 MAC 2024

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dewan Majlis BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

2. LAPORAN PENUH (HANSARD) MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA PULUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA 1445 / 2024 JILID II

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)

BRUNEI Darussalam. Majlis Mesyuarat Negara.
Dewan Majlis : Laporan Penuh (Hansard) : Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara 1445/2024. (Jilid II). -- Bandar Seri Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2024.
565 pages ; 25 cm
ISBN 978-99984-968-0-4 (Paperback)
1. Majlis Mesyuarat Negara -- 2024 2. Legislative councils 3. Legislative bodies -- Brunei Darussalam -- Congresses 4. Brunei Darussalam -- Politics and government -- Congresses I. Title

328.595504 BRU (DDC 23)

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya
Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Penyusun

Dayang Sarinah binti Haji Md. Hashim
Awang Norhakimin bin Nordin
Dayang Susilawati binti Saie
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah

Penyemak

Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd. Yassin
Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail
Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup
Dayangku Aqilah Nursyahidah binti Pengiran Roslan
Dayang Amanina Nadirah binti Haji Akop
Awang Haji Moksin bin Haji Durahim
Dayang Siti Nuur Hafiizah binti Haji Abd. Rashid

Pemberita Sambilan

Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat
Dayang Siti Nurul Hasanah binti Ja'afar
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit
Pengiran Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Dayang Malini binti Jamali
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim
Awang Mohamad Syahafindey bin Husin
Dayang Salamah binti Haji Saidil
Dayang Siti Nurulidayah binti Haji Jafri
Dayang Nor Hafizah binti Rahim
Dayang Muhidyatunnajihah binti Othman
Awangku Shazned @ Awangku Mohammad Najib bin Pengiran Shamri
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin
Dayang Fatimah binti Bungsu
Awang Azmy bin Untong
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan
Dayang Rafiqah binti Haji Awang Hamzah
Dayang Norehan binti Haji Nani/Nayan
Dayang Siti Nuradibah binti Haji Jahri @ Azahari
Dayang Siti Nurhuzaifah binti Haji Hamzah
Dayang Hajah Haslinah binti Haji Alias
Pengiran Nuruljanah Nabillah binti Pengiran Haji Rosley

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Rabu, 2 Ramadhan 1445 / 13 Mac 2024	
36.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	624
37.	Doa Selamat	627
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN PENDIDIKAN Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	628
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	632
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md. Yusof	634
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	639
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	641
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	646
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	648
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	650
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	654
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	658
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	663
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	665
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	666
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	669
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	670
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	674

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 3 Ramadan 1445 / 14 Mac 2024	
38.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	677
39.	Doa Selamat	680
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
40.	**JABATAN PERDANA MENTERI** **Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	681
	JABATAN PERDANA MENTERI **Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A**	
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	693
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	694
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	695
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	698
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	702
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	702
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	708
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	710
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	712
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	714
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	716
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	717
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	719

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	723
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	727
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	731
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	732
	Hari Sabtu, 5 Ramadan 1445 / 16 Mac 2024	
41.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	734
42.	Doa Selamat	737
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SAMBUNGAN - JABATAN PERDANA MENTERI Tajuk SA08A hingga SA16A	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	738
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	742
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam	744
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	746
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	746
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	747
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	748
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	752
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	753
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	753
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	755

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman	758
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	758
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	759
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	760
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	761
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	763
	JABATAN PERDANA MENTERI **Tajuk SA08A hingga SA16A**	
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	764
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	764
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	765
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam	767
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	769
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	773
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	776
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	777
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	779
	Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat	781
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	781
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	783

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
43.	**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** **Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A**	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	785
	Hari Isnin, 7 Ramadan 1445 / 18 Mac 2024	
44.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	795
45.	Doa Selamat	798
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN PEMBANGUNAN **Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A**	
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	799
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	800
	Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman	800
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	801
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	804
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	806
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	807
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	820
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	821
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	822
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	826
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	833
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	839
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	842

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	844
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam	848
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	850
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	851
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	855
	Hari Selasa, 8 Ramadan 1445 / 19 Mac 2024	
46.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	860
47.	Doa Selamat	863
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN PEMBANGUNAN Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A	
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	864
48.	**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A**	
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	870
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	881
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	882
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	883
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	886
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	887
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	887
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	888
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	893
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	894

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	896
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	897
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	898
	Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong	899
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam	900
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	901
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	902
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	904
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	905
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman	907
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	908
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	908
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	908
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	910
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	910
49.	**KEMENTERIAN KESIHATAN** **Tajuk SM01A**	
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	912
	Hari Rabu, 9 Ramadan 1445 / 20 Mac 2024	
50.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	930
51.	Doa Selamat	933
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KESIHATAN Tajuk SN01A hingga SN09A	
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	934
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	938
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	938
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	939
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	941
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	944
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	945
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	958
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin	958
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	959
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	960
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	961
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	961
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	963
52.	**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A**	
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	967
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	988
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	990
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	991
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	991

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	992
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	993
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	994
	Hari Khamis, 10 Ramadan 1445 / 21 Mac 2024	
53.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	996
54.	Doa Selamat	999
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	1000
	SAMBUNGAN – PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A	
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	1001
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	1013
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	1015
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	1016
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	1017
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	1018
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	1019
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	1020
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	1021
55.	**Tajuk SP01A - KEMAJUAN**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1026
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	1031
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	1032
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman	1033

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	1035
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	1037
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	1038
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1038
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	1041
56.	**"SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2024/2025, DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG YANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU"** (Bacaan Kali Ketiga)	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1044
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	1045
57.	**PERKARA VII**	
	KETETAPAN DI BAWAH PERKARA 83, FASAL 7 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, 1959	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1045
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	1046
	KETETAPAN DI BAWAH BAB 4 CERAIAN 2 DARI AKTA KUMPULAN WANG KEMAJUAN (PENGGAL 136)	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	1047
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	1048
	Hari Sabtu, 12 Ramadan 1445 / 23 Mac 2024	
58.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1050
59.	Doa Selamat	1053

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
60.	**PERKARA VIII – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**	
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	1054
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	1059
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	1063
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	1065
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	1068
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	1069
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam	1075
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	1080
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	1084
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	1086
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman	1088
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	1090
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	1094
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	1095
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	1097
	Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman	1099
	Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong	1101
	Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat	1102
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	1103
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	1106
	Yang Berhormat Yang Di-Pertua	1111

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
61.	**JAWAPAN BERTULIS BAGI SOALAN-SOALAN RANG UNDANG-UNDANG**	
	Kementerian Hal Ehwal Ugama	1116
	Kementerian Pembangunan	1130
	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	1166
	Kementerian Pendidikan	1190

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 2 Ramadan 1445 / 13 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kesebelas pada hari ini, Rabu, 2 Ramadan 1445 bersamaan 13 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini dan bersidang bagi hari yang kesebelas dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula dalam peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang dalam peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan

oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada petang hari Isnin yang lalu telah mula membahaskan dan membincangkan tajuk belanjawan di bawah Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersama saya di sini, masih terdapat beberapa orang Ahli Yang Berhormat ingin turut serta dalam perbahasan di bawah tajuk ini.

Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat seterusnya untuk mengajukan soalan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan ingin memberikan respons dan penjelasan bagi soalan-soalan yang ditujukan kepadanya yang belum dijawabnya pada hari Isnin yang lalu.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

Kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, mengenai sejauh manakah inisiatif-inisiatif Sistem Pengurusan Pembelajaran *(LMS), DRMS, MoE TV, Smart Classroom* dan *Blended Learning* telah memberikan keberhasilan serta impak kepada pelajar sepertimana yang telah dihasratkan?

Bagi menjawabnya, inisiatif-inisiatif ini merupakan usaha dan strategi utama Kementerian Pendidikan dalam mendukung Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan bagi mengukuhkan lagi penggunaan teknologi dalam pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif ini adalah baharu dan dalam fasa awal pelaksanaannya, sebahagiannya masih dalam fasa rintis.

إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Pendidikan melalui Pusat Teknologi Pendidikan akan terus memantau dan menilai akan keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut secara berterusan. Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan akan mengadakan kajian bagi mengetahui impak dan keberhasilan inisiatif-inisiatif tersebut.

Berikut adalah soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

1. Dari jumlah 43% yang lulus dengan mempunyai kredit 5 *'O' Level* dan ke atas, berapakah peratus yang mempunyai kredit dalam pelajaran Inggeris, Sains dan Matematik?

   Dari jumlah 43% yang lulus dengan mempunyai kredit 5 *'O' Level* ke atas, pelajar-pelajar mendapat kredit dalam Bahasa Inggeris adalah 37.61%, Sains 40.43% dan Matematik 39.33%.;

2. Mengenai pengijazahan pascamenengah yang disasarkan 90% lulus setiap tahun dan adakah ini telah mencapai sasaran dan apakah peranan Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan?

   Kadar pengijazahan bagi peringkat pendidikan teknikal dan pengajian tinggi yang merangkumi data pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian dari tahap dua hingga tahap enam, *Brunei Darussalam Qualification Frame Work* bagi tahun 2022 adalah 86.8%, iaitu kurang 3.2% untuk mencapai sasaran 90%.

   Sebab utama pelajar tidak menamatkan pengajian mereka adalah kerana gagal dalam pengajian, berhenti atau menarik diri dari pengajian kerana mendapat tawaran pekerjaan, menghadapi masalah kesihatan, mempunyai masalah peribadi termasuk masalah kewangan, kurang mendapatkan sokongan daripada keluarga, masalah sosial dan sebagainya. Sebab-lsebab lain adalah seperti mengulang pengajian dan menamatkan pengajian mereka pada tahun berikutnya.

   Mengenai peranan Kementerian Pendidikan untuk membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan?

   Sebenarnya berbagai-bagai usaha telah 'diungkayahkan' oleh Kementerian Pendidikan melalui institusi pengajian tinggi dalam membantu meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran atau *employability* graduan, seperti kegiatan-kegiatan tahunan yang 'diungkayahkan' oleh setiap institusi pengajian tinggi misalannya pameran kerjaya UBD anjuran UBD *Centre of Networking Employment and Career Training* ataupun UBD *CoNECT*, karnival kerjaya yang bertujuan memberikan dorongan dan semangat kepada alumni dan bakal graduan UNISSA, Hari Pasaran *(Market Day)* yang 'diungkayahkan' oleh politeknik dan juga *networking event* di institusi pengajian swasta.

   Institusi pengajian tinggi juga menyediakan platform keusahawanan yang menggalakkan graduan untuk bekerja sendiri *(self-employment)* dan perniagaan permulaan *(startup)* seperti yang telah kaola sampaikan pada hari Isnin yang lalu seperti Klinik Keusahawanan UBD*,* Bazaar Keusahawanan Alumni, *LCB Incubation Centre* dan sebagainya; dan

3. Mengenai pembinaan sekolah-sekolah baharu dan tambahan bangunan dan jumlah bilangan tenaga pengajar masih dalam bilangan yang sama?

Bagi menjawab pertanyaan ini, sebenarnya daripada 10 buah projek pembinaan sekolah dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, 8 buah projek hanyalah melibatkan penaiktarafan dan penambahan bangunan kepada sekolah yang sedia ada. Penaiktarafan ini adalah bertujuan menampung keperluan sekolah yang 'melimpasi' had kapasiti sebenar.

Dalam perkara ini, penambahan tenaga pengajar adalah tidak diperlukan, memandangkan sekolah-sekolah tersebut masih mempunyai jumlah pelajar yang sama. إِنْ شَاءَ اللهُ, Kementerian Pendidikan akan meneliti perkara ini secara lebih lanjut dengan mengambil kira pertama, jumlah tenaga pengajar dan juga pelajar yang sedia ada dan kedua nisbah pelajar dan guru ataupun *teacher student ratio*.; dan

4. Terakhir, mengenai Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan. Memohon pencerahan berapakah jumlah graduan-graduan yang telah berhasil menamatkan pengajian dan berapakah jumlah yang mendapatkan keputusan cemerlang ataupun peringkat kelas pertama?

   Sejak Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) mula diperkenalkan pada tahun 2014, seramai 864 pelajar telah dianugerahkan skim tersebut dan jumlah graduan yang telah tamat dan lulus dalam pengajian adalah seramai 692 orang. Dari jumlah tersebut seramai 122 orang penerima SBPP telah memperoleh keputusan yang cemerlang, iaitu kepujian kelas pertama.

   Berikut adalah jumlah penerima SBPP yang dianugerahkan kepujian kelas pertama dan kepujian kelas kedua dalam tempoh 3 tahun kebelakangan:

   i. Bagi tahun 2021, seramai 14 orang pelajar ataupun 25% memperoleh kepujian kelas pertama dan 28 orang pelajar memperoleh kepujian kelas kedua atas.;

   ii. Bagi tahun 2022, seramai 13 orang pelajar memperoleh kepujian kelas pertama dan 28 orang pelajar memperoleh kepujian kelas kedua atas.; dan

   iii. Bagi tahun 2023, seramai 9 orang pelajar memperoleh kepujian kelas pertama dan 23 orang memperoleh kepujian kelas kedua atas.

   Manakala cadangan bagi memperluaskan bidang atau kursus program bagi SBPP. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai kursus yang ditawarkan di bawah SBPP ini adalah berpandukan maklumat yang diperoleh daripada pihak *MPEC* berdasarkan keperluan negara khususnya keperluan dari pihak industri dan agensi-agensi swasta. Kerjasama berterusan dengan pihak *MPEC* ini adalah penting ke arah memastikan perancangan tenaga kerja yang berkesan

dan cekap melalui penyejajaran antara kebolehpasaran dan pekerjaan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas penjelasan dan keterangan tambahan yang telah diberikan itu. Maka sekarang, saya ingin memberikan laluan untuk beberapa orang Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan-soalan ataupun reaksi mereka terhadap perkara yang berkenaan ini.

Sebelum saya mempersilakan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan jawapan atau responsnya. Saya melihat bahawa pada hari Isnin yang lalu, banyak soalan yang telah ditimbulkan dan banyak antara soalan itu adalah merupakan soalan-soalan teknikal.

Saya tidaklah menegah Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membawa soalan-soalan teknikal seperti ini dalam Majlis ini, mungkin ada baiknya kepada khalayak ramai dan nampaknya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersedia menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa biarlah soalan-soalan itu merupakan soalan-soalan yang *stand-alone questions*. Bukan soalan-soalan yang kemudiannya ada pula soalan 'beranak-anak' lagi yang akan menimbulkan kesukaran kepada pihak yang berkenaan untuk memberikan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang 'beranak-anak' ini, perhatian yang harus ditumpukan kepada *stand-alone questions* ini akan hilang.

Jadi, saya minta kalau dapat soalan-soalan yang dikemukakan itu biarlah mempunyai *value* yang tertentu dan bukanlah merupakan soalan-soalan yang seolah-olah kita akan membuat percubaan sama ada ia mengetahui jawapannya ataupun tidak.

Saya akan memberikan kesempatan kepada kedua-dua belah pihak untuk membawa apa jua soalan yang diminati masing-masing dan saya akan memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk tidak menjawab soalan-soalan itu pada ketika ini dan akan menjawabnya sama ada secara bertulis atau dalam satu ketika yang kemudian nanti.

Jadi, *let us be fair* dalam perkara ini. Oleh sebab Kementerian Pendidikan, saya sendiri mengetahui bukanlah satu kementerian yang kecil. Ia merupakan sebuah kementerian yang besar dan kalau dilihat daripada bajetnya yang mempunyai *budget second only to defence* dan adalah mustahil *(impossible)* bagi seorang Yang Berhormat Menteri untuk mengetahui *A to Z*, apa yang terjadi dalam kementeriannya seperti Kementerian Pendidikan ini.

Sebab itu kita pecah-pecahkan kepada institusi-institusi berkenaan dan saya juga melihat nampaknya institusi-institusi yang menyokong usaha-usaha kementerian ini juga mungkin boleh memberikan sokongan-sokongan yang bererti kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Itu akan saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menilainya kemudian.

Saya akan memulakan dengan 3 orang Ahli Yang Berhormat dahulu bertanya, lepas itu saya akan meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab atau memberi reaksi dan responnsya kepada soalan-soalan yang dikemukakan.

Untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan dan semoga mendapat berkat dan rahmat kepada semua yang menunaikan ibadah Puasa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah yang disampaikan pada hari Isnin lalu, penuh dengan penerangan yang komprehensif dan tahniah diucapkan atas segala pencapaian dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Kaola ingin merujuk kepada Lampiran 1.08 di bawah Jabatan Kementerian Pendidikan. Pertama sekali kaola ingin mengucapkan tahniah dan menghargai pencapaian tahap *minimum standard literacy* bagi murid Tahun 1 dan 3 iaitu sebanyak 94% dan 95% pada tahun 2023. Pencapaian yang luar biasa ini telah mendorong kita untuk berada di hadapan pencapaian negara-negara Asia Tenggara seperti yang dilaporkan baru-baru ini oleh *SEAsia Stats.*

Walau bagaimanapun, kaola tertanya-tanya, kenapa sasaran yang akan datang ditetapkan pada 80% iaitu lebih rendah antara tahun 2024-2027 dan bukankah mendorong untuk mengekalkan dan meningkatkan lagi pencapaian ini?

Kemudian, mengenai anggaran tahap minimum numerasi. Untuk tempoh yang sama, telah ditetapkan secara konsisten pada 80%. Walau bagaimanapun, memandangkan tahap pencapaian pada tahun 2023, hanya berada pada 63% untuk murid Tahun 1 dan 50% untuk murid Tahun 3, hal tersebut menimbulkan persoalan tentang kebolehan pelaksanaan matlamat ini.

Persoalannya, bukankah lebih strategik untuk melaksanakan peningkatan secara beransur-ansur, dilengkapi dengan tindakan yang boleh diukur

untuk memastikan kemajuan pencapaian yang stabil.

Berdasarkan pemerhatian ini, kaola mencadangkan Kementerian Pendidikan untuk bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif yang bertujuan meningkatkan kemahiran numerasi dalam kalangan pelajar dan guru. Kepentingan numerasi yang melangkaui *basic arithmetic* adalah asas untuk membangunkan fikiran logik, memahami corak dan membuat keputusan berdasarkan data.

Seterusnya, kaola ingin menyentuh tentang mempromosikan keusahawanan dan daya saing global.

Ketika kita menghadapi kepesatan graduan yang tidak dapat ditangani oleh pertumbuhan ekonomi, terutama dalam ekonomi yang dikuasai sektor perkhidmatan, pemahaman tentang pasaran global adalah sangat penting untuk diketengahkan.

Soalan kaola, bagaimanakah kurikulum kita dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir di luar *domestic market*, melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang hal-ehwal luar negara dan kecekapan digital yang diperlukan untuk peringkat global?

Oleh yang demikian, kaola percaya adalah penting untuk Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Objektifnya adalah untuk menyelaraskan program pendidikan dengan kemahiran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa berpotensi melalui *internship* dengan syarikat tempatan yang berorientasi global. Sebagai alternatif, kita boleh menawarkan *grants* kepada perusahaan, membolehkan mereka dalam melibatkan dan penyertaan di negara lain.

Strategi ini bukan sahaja akan memupuk kemahiran seperti *hard skills* dan *soft skills* terhadap usahawan tempatan kita, tetapi juga mewujudkan langkah dan pendedahan dalam pasaran serantau sejak awal lagi. Sebagai titik permulaan, kita boleh memulakan penubuhan kepada *Crop Productions, Livestock, and Fisheries Industries.*

Perkara yang terakhir ialah mengenai memanfaatkan ekonomi digital. Era digital memberikan jalan unik untuk menjana pendapatan seperti *content creation, e-book authoring and publishing*, *game streaming and e-sports, web design and development, AI solutions and consulting, SCO specialist* dan *podcasting.*

Soalan kaola, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan dan menyokong laluan kerjaya digital ini dalam kalangan belia kita?

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kaola ingin mencadangkan untuk menyepadukan literasi digital dan media bersama-sama dengan kemahiran teknologi yang berkaitan seperti *coding*, digital *content creation*, digital *marketing* dan data .kepada kurikulum utama. Bak

kata pepatah, "Melentur buluh biarlah dari rebungnya".

Rumusannya, reka bentuk dan pembangunan kurikulum yang berkesan memerlukan penglibatan dan meliputi semua pihak yang berkepentingan serta *benchmarking* terhadap kejayaan sistem pendidikan.

Adalah penting untuk mengekalkan kurikulum yang dinamik serta disesuaikan seiring dengan kemajuan dan revolusi perindustrian yang berkembang. Sekian daripada kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lebih dahulu kaola dengan segala hormatnya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana mengizinkan kaola untuk bersama-sama menyertai perbahasan bagi Peruntukan Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dirakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas perkongsian pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 dengan komprehensif yang menjelaskan hala tuju Kementerian Pendidikan yang digariskan dalam Strategik 2023-2027 Kementerian Pendidikan. Ini termasuklah juga pencapaian program atau inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan juga usaha-usaha yang akan dilaksanakan pada tahun-tahun hadapan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sistem pendidikan berperanan penting dalam melahirkan tenaga kerja dalam pelbagai bidang atau jurusan bagi sesebuah negara. Ia memerlukan perancangan holistik berpandukan kepada kajian dan penyelidikan yang rapi, melangkaui dari aspek perancangan dan penyusunan strategi negara mengikut perkembangan dan kehendak industri, persekitaran dan juga politik termasuk faktor-faktor yang berkaitan.

Adalah dimaklumi bahawa Kementerian Pendidikan telah pun menyediakan 3 matlamat strategik iaitu termasuk Tenaga Manusia pada masa ini dan pada masa akan datang.

Ketiga-tiga matlamat Kementerian Pendidikan juga menyasarkan bagi mendukung pencapaian Wawasan Negara Brunei Darussalam khususnya

bagi matlamat pertama Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Apa yang diharapkan, apa jua sistem pendidikan dan program-program yang disediakan ini hendaklah dimulakan di peringkat awal persekolahan bagi menyerapkan dan menggalakkan lebih ramai lagi penuntut-penuntut berminat dalam bidang Sains, Matematik, *ICT* dan Pengetahuan Agama Islam.

Institusi-institusi pengajian tinggi, teknikal dan vokasional termasuk sektor swasta di negera ini telah pun mempelbagaikan kursus-kursus dan program-program bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam jurusan Sains, Teknologi, *Engineering, Arts* dan *Mathematic (STEAM), Technical and Vocational Education and Training, Business and Technology Education* dan lainnya.

Ini diikuti dengan kesinambungan program-program berkenaan ke tahap yang lebih tinggi di samping memberikan secara *in-house training* atau *attachement* dalam bidang teknikal dan vokasional.

Dalam memastikan setiap perancangan jangka panjang, sentiasa maju ke hadapan, bersifat dinamik dan *sustainable,* perlulah diadakan inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan yang lebih produktif, efisien dan efektif bagi menyediakan pelbagai aspek kemahiran dan kepakaran ke tahap yang lebih tinggi bukan setakat di peringkat ijazah atau sarjana malahan ke peringkat *produced* dan *expertise* sehingga ke tahap *specialize professional* dan konsultan dalam pelbagai bidang seperti *economic analysis, accountant,* kejuruteraan, *banking, investment,* keagamaan, pakar-pakar bahasa, perundangan, kedoktoran, digital saintifik dan lain-lain lagi.

Kesemua bidang kemahiran, kepakaran atau profesional yang dimaksudkan ini bagi memastikan sumber tenaga manusia memenuhi kehendak dan keperluan negara, apatah lagi negara kita pada masa ini mempunyai pelbagai industri yang besar seperti *Brunei Methanol Company (BMC), Brunei Fertilizer Industry (BFI),* Projek Kemajuan Pulau Muara Besar Fasa ke-2 iaitu projek kompleks *petrochemical* dan penapisan berintegrasi (*Hengyi Industries*) dan juga keperluan dan perkembangan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan iaitu *GLC's* dan juga industi-industri hiliran dan lain-lain industri pada masa ini dan pada masa akan datang.

Apa yang ingin kaola bangkitkan di sini ialah melihat kepada cabaran-cabaran yang perlu dihadapi yang kaola memohonkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan:

1. Apakah strategi atau inisiatif bagi ketiga-tiga matlamat perancangan strategik Kementerian Pendidikan untuk disiapsiagakan dalam menuju dan mencapai ke arah Wawasan Brunei 2035, merealisasikan *Economic Blueprint for Brunei*

Darussalam dan juga menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir?;

2. Setakat manakah sudah perancangan, pemantauan dan pelaksanaan dalam menyediakan sumber manusia dalam pelbagai kemahiran, kepakaran untuk memenuhi keperluan negara dan industri yang sedia ada dan pada masa akan datang?; dan

3. Apakah perancangan dan persediaan di peringkat awal persekolahan bagi menggalakkan dan menarik minat lebih ramai pelajar-pelajar mengikuti program-program yang menjurus kepada keperluan negara dan industri-industri pada masa akan datang? Dengan cara demikian إِنْ شَاءَ اللهُ ia membolehkan penuntut-penuntut ini untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih *marketable*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh berkenaan dengan *Brunei Darussalam Qualification Framework.* Apa yang difahamkan fungsi dan peranan *Brunei Darussalam Qualification Framework* telah dikuatkuasakan melalui *Brunei Darussalam National Accreditation Council Order 2011* yang digunakan sebagai garis panduan atau *tool to develop guidelines that classify qualification based on criteria or grade at the national level and benchmark with the international good practice.*

Adalah diambil maklum menurut mukadimah Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa pembentangan Belanjawan Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 pada hari Isnin yang lalu, mereviu kelayakan-kelayakan Brunei Darussalam *(Brunei Darussalam Qualification Framework)* dalam memastikan ia relevan dengan mengemas kini kelayakan-kelayakan yang diperlukan.

Memandangkan kepada pelbagai perkembangan sistem pendidikan khususnya kursus-kursus dan program-program termasuk *multiple pathways* yang telah banyak diperkenalkan di institusi pengajian sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Kaola berpandangan *BDQF* ini adalah sangat penting untuk diketahui umum untuk mempromosi kefahaman, mengelakkan kekeliruan, meningkatkan fikiran orang ramai termasuk pelbagai pihak seperti pelajar, ibu bapa, majikan, agensi kerajaan dan mereka yang berkepentingan.

Oleh sebab *BDQF* adalah juga perlu dikongsikan dengan pihak-pihak berkepentingan khususnya orang ramai untuk mengikuti perkembangan semasa yang terkini dan pembaharuan-pembaharuan dalam sistem pendidikan dan arus pendidikan.

Dari itu, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan setakat manakah status perkembangan terkini dalam usaha mereviu terhadap penyediaan kerangka Kelayakan Negara Brunei Darussalam *BDQF* ini dan bilakah kiranya penggubalan ini dapat dilaksanakan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2011?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menimbulkan berhubung dengan kanak-kanak sekolah yang tidak hadir. Apa yang difahami terdapat kanak-kanak yang tidak mahu hadir ke sekolah dengan alasan-alasan tidak munasabah. Sedangkan Akta Pendidikan Wajib sudah diwujudkan dan di bawah Akta Pendidikan Wajib tersebut antara lain menekankan kanak-kanak hendaklah sentiasa hadir di sekolah sebagai murid.

Seperti yang kita maklumi pendidikan awal bagi kanak-kanak merupakan satu keutamaan dan pelaburan yang sangat tinggi nilainya kepada negara sebagai usaha mencapai kecemerlangan bagi mewujudkan sebuah negara berpendidikan dan juga berkemahiran tinggi menjelang tahun 2035.

Sehubungan itu, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan iaitu:

1. Adakah Akta Pendidikan Wajib ini sudah 'dibarigakan' secara meluas kepada ibu bapa dan juga penjaga di negara ini khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung pedalaman.; dan

2. Dalam membendung masalah kanak-kanak yang tidak hadir ke sekolah ini, bagaimanakah cara untuk memperkesankan lagi Akta Pendidikan Wajib ini bagi memastikan dipatuhi oleh semua lapisan rakyat dan masyarakat di negara ini akan keperluan akta ini diwujudkan dan apakah inisiatif atau langkah-langkah pihak Kementerian Pendidikan menangani penuntut-penuntut yang tidak hadir ke sekolah?.

   Adalah tidak dapat 'kitani' nafikan sebilangan daripada masyarakat di negara ini ada yang kurang berkemampuan atau keluarga yang miskin ditambah lagi dengan persekitaran perumahan yang kurang kondusif, terlampau ramai ahli keluarga yang tinggal serumah dan seumpamanya.

   Keadaan seperti ini mungkin dihadapi oleh sebahagian pelajar yang sedang mengikuti pembelajaran atau pengajian sama ada di sekolah rendah atau di sekolah menengah.

   Inilah juga cabaran-cabaran yang 'kitani' perlu tangani bersama. Apatah lagi dalam usaha bersama untuk mengeluarkan keluarga yang sedemikian ini dari kepompong kemiskinan dan sekali gus

meningkatkan taraf hidup yang lebih baik bagi keluarga berkenaan.

Berkaitan dengan senario ini, adakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan untuk membantu mereka yang menghadapi kategori sedemikian, khususnya dalam aspek peluang untuk meneruskan pembelajarannya. Dipohonkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

3. Kaola ingin menyentuh tentang keputusan peperiksaan *GCE 'O' Level dan GCE 'A' Level* iaitu antara prestasi yang telah pun ditunjukkan di sekolah-sekolah swasta dan di sektor kerajaan. Apa yang diperhatikan di negara ini keputusan peperiksaan dalam pengamatan saya, kalau tidak betul, sila betulkan iaitu seperti *GCE 'O' Level dan GCE 'A' Level* di institusi-institusi atau sekolah-sekolah di sektor swasta pastinya prestasinya lebih baik jika dibandingkan dengan institusi-institusi atau sekolah-sekolah sektor kerajaan. Perkara ini telah pun berlaku pada tahun-tahun sebelumnya.

   Sehubungan itu, sukacita kaola ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah sudah dikenal pasti punca satu penilaian yang menyumbang kepada prestasi peperiksaan lulusan *GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level* di sekolah-sekolah swasta adalah lebih baik dibandingkan dengan sekolah-sekolah di sektor kerajaan.

   Dengan cara sedemikian إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya pengajaran-pengajaran atau sistem-sistem atau mengetahui buku-buku sekolah yang mereka gunakan buku dari luar negeri yang boleh menjadi pengajaran dan teladan dalam usaha 'kitani' bersama untuk meningkatkan prestasi keputusan peperiksaan berkenaan di sekolah-sekolah di sektor kerajaan.

Akhirnya, dalam kesempatan ini kaola sukacita mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa yang penuh keberkatan kepada Yang Berhormat Pengerusi dan juga semua Ahli Yang Berhormat, Yang Mulia Jurutulis, Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis serta sekalian yang hadir di Dewan yang mulia ini. Semoga kita semua akan sentiasa dirahmati dan dikurniakan taufik dan hidayah serta dalam keadaan sihat walafiat. آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن .

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم,
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah yang panjang lebar yang telah disampaikan pada hari Isnin lepas dan tahniah atas inisiatif dan usaha-usaha yang telah dijalankan dalam menyediakan ekosistem pendidikan yang mampan, lestari dan responsif, semoga usaha tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kualiti pendidikan tinggi adalah tonggak utama dalam kemajuan sesuatu negara. Dalam konteks pentadbiran pendidikan yang kompleks terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan dan integriti sistem pendidikan antara faktor ini termasuklah kompetensi tenaga-tenaga pengajar, kurikulum yang disediakan dan pemimpin sekolah yang cekap dan berkesan.

Dalam bidang pendidikan usaha untuk mencapai kecemerlangan bukan saja merupakan aspirasi mulia tapi juga merupakan keperluan asas bagi pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Oleh itu, mekanisme yang mengatur pengambilan penempatan pendidik memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan dasar-dasar pendidikan yang berkesan.

Guru-guru memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di sekolah. Bilik-bilik darjah adalah medan proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. *This is where the action is*. Dalam darjah dengan penuntut-penuntut yang berbeza kebolehan diajarkan kemahiran seperti *literacy, numeracy, digital, analytical* dan kemahiran kritis.

Guru-guru akan menyampaikan kemahiran-kemahiran ini dengan pelbagai kaedah seperti *discovery* dan *exploratory learning.* Penuntut-penuntut akan dinilai melalui kaedah yang mempunyai *validity* dan *reliability.* Guru-guru yang kreatif dan *reliability* serta mempunyai ilmu yang mendalam pada mata pelajaran yang mereka ajarkan dapat menarik minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

Dengan menggunakan kaedah *exploratory and discovery learning* serta menyepadukan teknologi terkini seperti *IT*, guru-guru boleh menimbulkan minat kanak-kanak untuk secara bersendirian, *independent* mendalami pengetahuan mereka dalam subjek-subjek yang mereka minati.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola gembira bahawa Kementerian Pendidikan akan mengukuhkan memilih dan mengambil tenaga pengajar baharu menerusi Program Perantis serta proses pengambilan tenaga lebih terancang dan

juga melalui *manpower auditing and planning.*

Adalah dimaklumi dari dahulu lagi sekolah-sekolah di negara ini dibekalkan dengan guru-guru dari luar negara. Generasi kaola banyak terdidik oleh guru-guru dari luar negara seperti India, Sri Lanka, Philippines dan lain-lain dari persekolahan persediaan hingga ke peringkat menengah kaola telah dididik oleh mereka ini. Bahkan guru-guru Bahasa Melayu kaola datang dari luar negeri tapi أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini banyak sudah anak-anak tempatan berkelulusan tinggi dan berkelayakan.

Oleh yang demikian, adalah tiba masanya bagi anak-anak tempatan ini mengambil alih tugas-tugas mereka. Sehubungan itu, kaola sukacita bertanya sampai bilakah mereka ini akan bertugas di negara ini?.

Mengenai guru-guru tempatan yang berkontrak, kaola mencadangkan supaya mereka ini diambil secara tetap terutama mereka yang membuat pengkhususan dalam pendidikan, sudah bekerja beberapa tahun di sekolah-sekolah dan mempunyai pengalaman dan rekod yang sangat baik dan cemerlang.

Yang Berhormat Pengerusi, berdasarkan banyak kajian berkaitan dengan Sekolah-Sekolah Berkesan *(Effective School Research),* ada menunjukkan bahawa pemimpin sekolah mempunyai peranan dalam memajukan sekolah mereka dari beberapa segi seperti pencapaian akademik dan juga bukan akademik.

Mereka berperanan menjadi pemimpin kurikulum *(curriculum leader).* Mereka memastikan pelaksanaan kurikulum yang disediakan oleh pihak berwajib dilaksanakan dengan sempurna, secara berkesan dan penuh tanggungjawab. Mereka sendiri menjadi model *classroom teacher* atau guru kelas mengajar mata pelajaran yang mereka mempunyai penguasaan.

Adakah pentadbir-pentadbir sekolah pada masa ini masih mengajar di bilik-bilik darjah? Itu soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Di samping itu, mereka juga ialah seorang pemimpin yang *transformative* dengan menjadikan suasana sekolah *(school climate)* yang memberangsangkan, kondusif, ceria dan menarik minat kanak-kanak untuk berada di sekolah.

Oleh yang demikian, kaola berpendapat, pelantikan pemimpin sekolah itu iaitu guru-guru besar dan pengetua-pengetua, hendaklah dipilih berdasarkan kriteria yang mantap, rekod kecemerlangan, jelas dan telus.

Begitu juga pelantikan pengawai kanan terutamanya bahagian Pendidikan Teras. Mereka mestilah mempunyai pengalaman mengajar, mempunyai rekod yang sangat baik dan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah, kerana mereka akan menyelia, memantau ke sekolah-sekolah dan menjadi mentor. Justeru, mereka hendaklah mempunyai kebolehpercayaan kredibiliti dalam kalangan masyarakat sekolah.

Yang Berhormat Pengerusi, isu terakhir yang kaola akan timbulkan adalah mengenai murid yang berkeperluan khas. Mengenai perkara ini telah dimaklumkan yang sebuah sekolah khas telah ditubuhkan pada awal tahun ini. Sekolah ini hanya dapat menampung kira-kira 50 orang murid.

Kaola faham bukanlah senang dan mudah mengendalikan kanak-kanak yang berkeperluan khas. Banyak cabaran yang perlu dihadapi dan juga memerlukan kesabaran serta memerlukan kemahiran yang tinggi.

Jadi, bagaimanakah pengendalian dan pengurusan kanak-kanak yang tidak dapat ditampung oleh sekolah ini? Kalau ia dikendalikan di sekolah-sekolah biasa, adakah tenaga yang mengendalikannya mencukupi?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan respons kepada soalan-soalan yang ditimbulkan oleh 3 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan soalan-soalan mereka tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Soalan pertama daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai *literacy and numeracy level.* Yang Berhormat ada memetik mengenai 94% untuk literasi dan 95% untuk numerasi.

Ini adalah peratus secara keseluruhan. Manakala, Yang Berhormat beritahu tadi mengenai *National Key Performance Indicators 1.5 (nKPIs 1.5),* sasarannya adalah 80% iaitu kurang daripada *literacy and numeracy rate* secara keseluruhan itu adalah merujuk kepada peratus pelajar untuk Tahun 1 dan 3. Penilaian *literacy and numeracy* mereka dinilai *at their age level.* Tetapi secara keseluruhannya, memang 'kitani' 94% *for literacy* dan 95% *respectively*.

Soalan yang kedua mengenai *domestic market*. Memang kita akan terus berusaha untuk menjadikan pelajar-pelajar 'kitani' berkemampuan untuk berdaya saing secara global. Ke arah itu, beberapa inisiatif telah 'diungkayahkan' oleh Kementerian Pendidikan menerusi institusi pengajian tinggi seperti pengiktirafan oleh badan-badan profesional antarabangsa bagi program-program yang ditawarkan di institusi *TVET* dan pengajian tinggi seperti *UBD's General Engineering Programme* yang merupakan kursus pertama di Negara Brunei Darussalam untuk menerima pengakreditasian daripada *Accreditation Board of Engineering and Technology (ABET), Civil Engineering Programme* yang ditawarkan di Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang telah diakreditasikan oleh *Joint Board of Moderators (JBM)*

United Kingdom dan *Institute of Brunei Technical Education (IBTE) School of ICT* serta program-program yang ditawarkan yang telah pun diakreditasikan oleh *Computing Technology Industry Association.*

Ertinya, memang banyak inisiatif yang telah dilakukan hasil kerjasama dengan industri-industri. Memang kita tidak dapat tidak bekerjasama dengan mereka kerana dunia ini saling berkaitan. *We acknowledged the interconnected world.*

Soalan ketiga, kaola minta maaf tidak dapat *catch* soalan, mungkin akan dijawab secara bertulis.

Soalan keempat, mengenai ekonomi digital. Memang dalam usaha kita untuk siap siagakan pelajar-pelajar dengan kemajuan teknologi, pelajar akan terus diberi pendedahan mengikut kesesuaian dan peringkat persekolahan mereka. Seperti peringkat *tertiary,* memang ada menawarkan program-program yang sentiasa dikemas kini supaya ia relevan.

Terkini, ada 62 bidang *ICT* telah ditawarkan *ranging from* Sijil ke pasca ijazah, termasuklah *micro-credentials.* Modul *ICT programme* itu termasuklah seperti bidang *Programming, Artificial Intelligence*, *Database Info System, Modelling* dan *Digital Communication.*

Manakala, dengan pendidikan teras seperti yang kaola sebut beberapa kali mengenai *platform MoE TV, smart classroom,* aktiviti ataupun program-program yang berteraskan *coding development* dan juga program *Stream for Future and Coding It Smart Devices for School.*

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, mengenai inisiatif strategik untuk melaksanakan ataupun mencapai *all the strategic goals* dalam *Strategic Plan* Kementerian Pendidikan.

Sebenarnya, semua inisiatif tersebut telah kaola senaraikan semasa mengongsikan mukadimah pada hari Isnin yang lalu. Setakat mana penyediaannya? Ada beberapa program yang masih dalam kajian, penyelidikan dan penyediaan dan ada beberapa inisiatif yang telah dimulakan ataupun dilaksanakan di peringkat awal.

Mungkin kaola jawab dulu yang *BDQF.* Sebenarnya, *BDQF* ini ada *online.* Seperti yang telah kaola sampaikan pada hari Isnin yang lalu, *BDQF* ini masih dalam *reviewing* kerana ada beberapa program baharu seperti *micro-credentials* dan sebagainya yang ditawarkan oleh universiti-universiti.

Jadi, oleh sebab ia program baharu, pihak *BDQF* dan ahli-ahlinya sedang meneliti lagi semula di mana masuknya *the recognition of prior learning* itu dalam *level* tersebut. Kanak-kanak yang tidak hadir strategi yang berkesan untuk menangani isu keciciran. Kementerian Pendidikan memang memandang serius mengenai isu keciciran ini dan ketidakhadiran pelajar ke sekolah.

Apabila pelajar meninggalkan sekolah sebelum menamatkan pendidikan, mereka akan kehilangan peluang untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dalam kehidupan dan ini boleh membawa kepada isu sosial seperti pengangguran, kemiskinan dan juga kesihatan mental. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menangani isu ini termasuklah sesi-sesi 'pemberigaan' Pindaan Akta Pendidikan Wajib dan kepentingan kehadiran ke sekolah yang melibatkan warga sekolah, para ibu bapa, para pelajar dan juga pihak yang berkepentingan.

Selain itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah juga giat melaksanakan usaha-usaha untuk membantu dan mencegah para pelajar yang sering tidak hadir ke sekolah dan tercicir seperti lawatan ke rumah-rumah, bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin akar umbi seperti penghulu, ketua kampung dan agensi-agensi yang berkenaan serta penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Penempatan pelajar-pelajar yang mempunyai isu kehadiran dan kurang berkemampuan di Asrama Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah untuk mengikuti Program Belia Ri'ayah Wa Mahabbah.

Sebenarnya jumlah pelajar yang tercicir berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di bawah Kementerian Pendidikan pada tahun 2022, ini sebagai info tambahan sahaja hanya 212 orang pelajar, iaitu 0.28% daripada 75,835 orang pelajar yang tercicir.

Kita memang mengubah strategi dalam 'membarigakan' Akta Pendidikan Wajib. Kalau dulu memang kita selalu menghebahkan mengenai *penalty for those* yang tidak menghantar anaknya ke sekolah termasuk tindakan-tindakan yang akan diambil tetapi mulai 1 November 2023, *approach* tersebut kita ubah kepada 'memberigakan' kepentingan Akta Pendidikan Wajib, kepentingan kehadiran ke sekolah dan mana-mana pelajar yang tidak hadir dan disebabkan oleh mana-mana sebab yang tertentu.

Silalah datang ke Kementerian Pendidikan bagi Kementerian Pendidikan memberikan pertolongan dan kita sama-sama bekerjasama.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dari saat ia 'diberigakan' dengan cara yang baharu ini ada 13 orang yang sudah terkeluar daripada sistem persekolahan telah tampil semula untuk masuk ke dalam sistem persekolahan.

Soalan mengenai *MoE* bekerjasama dengan industri? Pihak *MoE* telah bekerjasama rapat dengan Sekretariat Tetap *MPEC* dan *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* dalam menyelaraskan *supply and demand*.

Mengenal pasti *critical occupations,* iaitu sebanyak 60 telah dikenal pasti setakat

ini dan membangunkan rangka kerja kecekapan atau *competency framework.* Terdapat sebanyak 50 buah telah disediakan.

Pihak *IBTE,* Politeknik Brunei dan juga *L3 Centre* telah terlibat dalam pembentukan 8 daripada 9 program yang dilancarkan oleh *MISC seperti* Program *Bridging Armecs (Module HCG 03 HSSE)* yang ditawarkan sebagai sebahagian daripada Program Sektor Minyak dan Gas di *IBTE* dan Program *I-Skills, Dual TVET,* Perantisan Kemahiran *HSE*, *I-Lift* dan Program Bahasa Bagi Pemandu Pelancong dan juga Program Asas Pemandu Pelancong.

Majoriti program ditawarkan di Politeknik Brunei dan juga *IBTE* ini selaras dengan rangka kerja kemahiran yang disediakan oleh *MISC* dan setakat ini sebanyak 17 program *IBTE* telah diselaraskan dengan *Brunei National Occupation Skills Standard (BNOSS).*

Bagi memenuhi permintaan Pelaburan Langsung Asing *(FDI)*, Kementerian Pendidikan telah bekerjasama dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* untuk menyejajarkan *supply and demand.*

Sebanyak 17 buah program dalam pelbagai peringkat di bawah *Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)* telah ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi awam seperti Ijazah Kejuruteraan Kimia dan Proses di Universiti Brunei Darussalam, 7 Program Petrokimia Peringkat Diploma di Politeknik Brunei manakala *IBTE* pula telah menawarkan 2 Program Diploma, 3 Program *HNTEC* dan 4 Program *ISQ* khusus bagi memenuhi keperluan tenaga *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* Pada tahun 2022 seramai 629 orang pelajar telah mengikuti 7 program berkenaan.

Kaola hanya tercatat *'O' Level* dan *'A' Level.* Apa sebenarnya soalan tadi? Kalau diizinkan untuk kaola menjawab nanti sebab kaola tercatat *'O' Level* dan *'A' Level* saja di sini. Nanti kaola menjawab soalan tersebut.

Kaola teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai pengambilan. Ya, memang betul mulai tahun 2019 kita sudah mengubah cara pengambilan guru. Proses pemilihan dan pengambilan pengajar adalah melalui Program Immersi dan Program Perantis.

Program Immersi ini adalah bagi graduan-graduan yang mengikuti bidang pendidikan yang mempunyai kelulusan dalam pendidikan dan Program Perantis adalah bagi mereka yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan. Ertinya memang Kementerian Pendidikan masih mengambil calon-calon dari yang berkelulusan pendidikan dan juga yang tidak mempunyai kelulusan bidang pendidikan tetapi Program Perantis yang tidak mempunyai *initial teacher preparation* ini ataupun *license to teach*, mereka akan dihantar ke *Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE)*

untuk mengikuti Program *Master of Teaching.*

Sampai bila kita akan mengambil *contract teachers* untuk menjadi sebahagian daripada tenaga pengajar? Sebenarnya terdapat 209 orang guru kontrak asing yang masih di*engage* atau di*employed* oleh Kementerian Pendidikan dan daripada jumlah 209 orang ini, 199 orang adalah *CfBT teachers* dan 10 orang adalah yang berkontrak. 6 mengajar *English Language,* 2 Matematik, 1 *Chemistry* dan 1 lagi *General Paper.*

Daripada 10 orang ini, 5 orang akan bersara pada tahun ini dan 5 orang lagi akan bersara pada tahun hadapan. Kenapa kita masih memerlukan mereka, *especially CfBT teachers* ini memang kita mengharapkan sekurang-kurangnya kita mempunyai seorang *native English speaker* di dalam satu sekolah kerana ia akan menjadi seorang pakar rujuk dalam mengukur tahap standard *so* memang kita ada calon-calon guru atau guru-guru yang berkebolehan mengajar Bahasa Inggeris.

There are a lot of them, they are very good English teachers tetapi memang kita memerlukan *native English speakers* untuk mem*benchmark*. Dalam masa yang sama, memang kita juga masih memerlukan tenaga pengajar bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam program-program yang berkaitan dengan *Integrated Curriculum, Literacy* dan *Numeracy Coaching Programme* dan sebagainya.

Ia adalah memastikan supaya pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris itu tetap dikukuhkan sebab *the language of school is English and the language of the assessment is also English. Local Contract Teachers (LCT),* soalan ini memang telah dikemukakan pada tahun lepas kerana kebanyakannya *LCT* ini ada yang belum mendapat pekerajaan dan ditambah lagi dengan kontrak mereka yang mungkin habis pada Januari 2022.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه daripada 77 pemohon jawatan *LTC* ini 69% telah lulus ujian bertulis dan sehingga ini sebenarnya 63 daripada 77 orang itu telah menerima tawaran bagi jawatan Pegawai Pelajaran bergaji hari dan selebihnya ada lagi beberapa *LCT.* Ada 2 orang sebenarnya tidak hadir temu duga, 3 orang masih calon simpanan dan 9 orang calon gagal ertinya yang gagal ini boleh memohon jika ada lagi kekosongan, jika ada Program Perantis ditawarkan pada tahun ini, mereka dipelawa untuk memohon, manakala yang calon simpanan tadi yang 3 itu, tidak lagi perlu memohon kerana kalau ada lagi jawatan kosong yang disebabkan oleh persaraan mereka إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan terus ditawarkan jawatan Pegawai Pelajaran bergaji hari.

Pentadbir yang masih mengajar, memang ada pegawai pentadbir masih mengajar, guru besar ataupun *principals*, pengetua-pengetua sekolah dan bagi mereka ini untuk dinaikkan pangkat, sama jua *principal* ataupun pegawai-pegawai yang lain itu, kalau ia 'kan' naik pangkat memang 'kitani' ada

requirement tertentu. *It's not easy* sebenarnya dan memang satu kemestian mereka mesti mendapat rekod yang cemerlang, pengalaman yang baik dan sebagainya.

Mengenai isu kanak-kanak berkeperluan khas, yang sekolah swasta itu hanya menampung 50 lebih orang sahaja dan memang masih banyak, terlalu ramai, kalau mengikut statistik mungkin lebih beratus, dalam 500, *PL* 4 dan *PL* 5. Kebanyakan mereka ini sebenarnya ada yang telah dihantar ke sekolah-sekolah dan oleh sebab mereka ini *intervention is* secara *one to one,* kadang-kadang tidak dapat dimasukkan ia ke dalam kelas sebab ada keperluan-keperluan tertentu, jadinya mereka ini masuk dalam bilik khas dan ada yang mereka ini datang ke sekolah dalam beberapa hari dalam seminggu supaya memberi laluan kepada pelajar-pelajar lain saja. Sebab tidak dapat mereka itu datang hari-hari disebabkan oleh 'kitani' memang tidak cukup guru.

Antara usaha pihak kementerian untuk menambah guru pendidikan khas adalah pengambilan tenaga baharu melalui Program Perantis seperti yang telah kaola *mention* tadi mengenai pemilihan pengambilan guru melalui Program Perantis, ada 19 orang telah diambil melalui program ini.

Pengambilan *Special Education Needs Support Educators (SENSE)* seramai 55 orang. Guru *SENSE* adalah guru biasa yang diberikan Kursus Latihan Asas Pendidikan Khas dan akan mengajar pelajar berkeperluan khas secara separuh masa dan selain itu 30 orang guru agama juga sedang menjalani kursus asas bagi menampung keperluan guru agama pendidikan khas untuk sistem pengintegrasian dan pengambilan guru-guru secara berkontrak dalam kalangan mereka yang telah bersara dan pengalaman dan ini sebenarnya masih dalam penelitian dan perancangan.

إِنْ شَاءَ اللهُ. Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk menambah lagi bilangan guru-guru yang dapat mengajar ataupun menangani isu keramaian pelajar-pelajar berkeperluan khas. Mungkin itu sahaja barangkali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ .

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola ada 3 soalan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai mata pelajaran *Science Technology Engineering Arts and Mathematics.* Merujuk perbahasan mengenai *STEAM* pada sesi hari ke-10, hari Isnin, 11 Mac 2024, kaola ingin menambah sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Yang pertama mohon pencerahan mengenai persiapan-persiapan yang dibuat untuk memastikan kejayaan pelaksanaan *STEAM* ini.;

2. Adakah peruntukan yang disediakan seimbang dengan persiapan-persiapan yang telah dirancang? Kaola difahamkan adanya guru-guru yang mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Mengenai *KPI*, kaola mencadangkan *KPI* yang seiring dengan matlamat kebangsaan seperti Wawasan Brunei 2035 dan mengukur kejayaan dalam melaksanakan pendidikan *STEAM* bagi guru-guru dan pelajar-pelajar.;

   Soalan kaola mengenai penubuhan Sekolah Khas Kerajaan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه, adanya penubuhan Sekolah Khas Swasta yang dilancarkan pada bulan Januari tahun ini. Merujuk kepada sesi muzakarah 2022, Yang Berhormat Menteri Pendidikan memaklumkan, terdapat penubuhan Sekolah Khas Kerajaan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Walau bagaimanapun, penubuhan sekolah tersebut tidak termasuk dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027.

   Soalan kaola, apakah perancangan jangka panjang untuk menyediakan sistem pembelajaran untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan matlamat mereka hidup berdikari sebagai ahli masyarakat yang berguna? Penyelidikan perlu dilakukan bagi mengenal pasti negara manakah yang telah berjaya melaksanakan sistem pendidikan pelajar berkeperluan khas.

   Adakah terdapat amalan-amalan terbaik dari sekolah khas yang berjaya yang dapat diambil oleh Negara Brunei Darussalam sebagai strategi pelaksanaan untuk menyatupadukan pelajar ke dalam masyarakat sambil memerhatikan keperluan Melayu Islam Beraja dalam kejayaan?; dan

3. Penglibatan belia dalam sektor pertanian dan agrimakanan. Sekali lagi kaola menyusul kepada Kementerian Pendidikan atas cadangan baik Yang Berhormat Pengerusi semasa perbahasan yang kaola kemukakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hari ke-6 Majlis Mesyuarat Negara. Kaola mohon pencerahan mengenai perancangan bagi graduan-graduan mengikuti kursus pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*IBTE*):

i. Apakah perancangan bagi pelajar-pelajar graduan selepas tamat kursus mereka?;

ii. Apakah usaha atau inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya? Perkara ini mengambil kira Negara Brunei Darussalam masih jauh dalam mencapai kadar sara diri dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه, dan salam sejahtera. Awal kalam, kaola mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa kepada semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dan semua hadirin dan hadirat yang ada, semoga kita mendapat rahmat dan keberkatan bulan Ramadan Al-Mubarak ini, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas pembentangan mengenai inisiatif dan perancangan kementerian pada hari Isnin yang lalu. Semoga semua perancangan tersebut akan merealisasikan visi kementerian ke arah pendidikan berkualiti ke arah negara yang maju إِنْ شَاءَ اللهُ.

Kaola merujuk membahaskan mengenai Program *Master of Teaching (MTeach)* di Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Univesiti Brunei Darussalam yang mempersiapkan para graduan, bakal pendidik dengan kelayakan yang profesional yang diperlukan untuk menceburi profesion perguruan.

Kaola juga merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam pembentangan yang lalu bahawa penstrukturan semula program ini termasuk dalam projek Kementerian bagi Tahun Kewangan 2024/2025, yang berkaitan dengan Matlamat 3, Wawasan Brunei 2035 iaitu: "Membina Sumber Tenaga Manusia". Projek tersebut kaola ambil makum bertujuan menambah baik kandungan kurikulum bagi memastikan program ini setanding dengan kualiti, piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

Oleh itu, memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai graduan-graduan yang menangguhkan atau meninggalkan pengajian ini sebelum tamat tempoh program kerana menerima tawaran kerja tetap di sektor kerajaan. Antara sebab yang kaola dapat maklum mengenainya ialah kerana tidak ada jaminan yang mereka ini diberikan keutamaan untuk menjawat sebarang jawatan pendidik setelah menamatkan program tersebut. Apakah kesan penangguhan pelajar-pelajar ini atau graduan-graduan tersebut terhadap perancangan awal pihak kementerian mengenai kapasiti sumber tenaga manusia yang telah dirancang?

Berkaitan projek berkenaan juga, kaola percaya *outcome* daripada projek ini nanti ialah bakal guru-guru yang lebih berkualiti dan setanding dengan rakan sejawatan mereka di peringkat antarabangsa, إِنْ شَاءَ اللهُ ini juga sekali gus akan menaik taraf sistem pendidikan negara yang sedia ada.

Oleh itu, bagi menaik taraf profesion perguruan dan menjadikannya sebagai antara profesion pilihan utama para graduan, kaola sukacita juga mencadangkan supaya sijil ini dijadikan syarat kelayakan utama pengambilan guru-guru baharu di institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta.

Setiap pemohon untuk jawatan berkaitan pendidik contohnya seperti Pegawai Pelajaran atau Pegawai Pendidikan, hendaklah memiliki sijil *MTeach* ini atau yang sebanding dengannya tanpa pengecualian sepertimana amalan yang ada pada masa ini.

Pelaksanaannya bolehlah dirancang untuk jangka panjang dan diselaraskan juga dengan Program Perantis yang sedang diperkenalkan oleh pihak kementerian sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi. Ini bertujuan untuk memastikan konsistensi kualiti dan kelayakan profesional semua tenaga pengajar dari awal perkhidmatan mereka lagi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya kaola menambah sedikit perbahasan mengenai bidang keusahawanan. Kaola mengambil maklum mengenai pelbagai inisiatif menyokong bidang ini yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan melalui agensi-agensi seperti Pusat Keusahawanan Inovasi dan institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta di negara ini.

Kaola memohon pencerahan:

1. Bagaimanakah pihak kementerian menjejaki kelangsungan penglibatan siswa/siswi ini dalam bidang keusahawanan setelah mereka menamatkan pengajian? Kaola berpendapat maklumat ini penting diketahui untuk mengenal pasti keberkesanan program untuk merancang penambahbaikan dan

membantu mengembangluaskan perusahaan yang diceburi.;

2. Sejauh manakah penglibatan siswa/siswi dalam bidang ini yang telah berjaya mengembangluaskannya sebagai sumber pendapatan utama mereka setelah menamatkan pengajian sehingga mampu membukakan peluang-peluang pekerjaan kepada yang lain? Jika ada data mengenainya, mohon dikongsikan untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.; dan

3. Akhir sekali, apakah perancangan jangka panjang pihak kementerian berkaitan hala tuju keterlibatan pelajar-pelajar ini dalam bidang keusahawanan khususnya dalam membantu peningkatan meningkatkan perkembangan ekonomi negara?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah yang panjang lebar meliputi berbagai-bagai aspek pendidikan, hala tuju, perancangan dan pencapaiannya.

أَلْحَمْدُ لِلّه, ketujuh-tujuh prestasi utama bagi indikator-indikator yang dikenal pasti secara keseluruhan menunjukkan prestasi yang meningkat. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan semua warga Kementerian Pendidikan atas usaha yang berterusan menghadapi cabaran demi cabaran dan sentiasa di bawah pemerhatian orang awam. Kaola juga mengucapkan tahniah atas peningkatan pencapaian *PISA*. Kaola yakin langkah-langkah telah pun diambil untuk memperbaikinya pada masa hadapan.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola merujuk kepada indikator bagi peratus sasaran institusi pendidikan yang berada pada tahap *minimum standard* sekolah berdasarkan *Whole School Evaluations (WSE)* 2024/2025 yang disasarkan 64.2%, bagi tahun 2025/2026 disasarkan kepada 67.5% dan bagi tahun seterusnya 2026/2027 ialah 70.8%.

Kaola meminta pencerahan apa maksud sasaran di atas itu? Fahaman kaola, kalau sesebuah sekolah itu hanya mencapai standard minimum dalam *Whole School Evaluations,* ini bermakna sekolah tersebut masih banyak kelemahan dalam aspek *teaching* dan *learning*, dalam penyediaan sekitar *learning environment*.

Implikasinya, sekolah yang hanya mencapai standard minimum perlu banyak pembaikan untuk meningkatkan *educational delivery* supaya boleh mengatasi *minimum threshold,* atas daripada *minimum threshold.* Kebaikan untuk *improvement* yang perlu dibuat antaranya termasuklah kepimpinan sekolah, pelaksanaan kurikulum, pedagogi, kemudahan-kemudahan di sekolah, perkhidmatan bantuan pelajar dan menguatkan hubungan sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat setempat.

Pada pandangan kaola, sepatutnya usaha pihak kementerian ialah untuk sekolah-sekolah kita mencapai tahap yang lebih tinggi daripada *minimum standard.* Boleh juga barangkali sasaran kita itu bagi sekolah-sekolah mencapai lebih dari standard minimum, menjadikan sekolah kita cemerlang *and high performing school*.

Jadi, dalam pandangan kaola, sasarannya bukanlah sasaran untuk meningkatkan sekolah yang mencapai *minimum standard* sepatutnya mencapai lebih tinggi daripada *minimum standard*.

Dalam hal ini, barangkali patut juga kita tanya berapa peratuskah sekolah kita yang diiktiraf sebagai *high performing*? Kaola boleh memikirkan *a few but* secara keseluruhan kita tidak tahu berapa ramai sekolah yang dikira *high performing* ini.

Soalan kaola berkaitan dengan ini ialah:

1. Apakah langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk membantu institusi pendidikan yang tidak mencapai standard minimum ini?. Adakah usaha bagi membantu sekolah-sekolah sedemikian termasuk menempatkan pemimpin-pemimpin sekolah yang berkualiti yang mempunyai prestasi yang terbukti (*proven*) untuk membimbing sekolah-sekolah berkenaan.;

2. Adakah juga termasuk menempatkan beberapa orang guru yang boleh membawa impak positif kepada pelajar-pelajar dan juga guru-guru yang lain selaku *school influencer* misalannya?; dan

3. Sama ada mengubah cara penyampaian dengan pedagogi yang sesuai dan mewujudkan persekitaran sekolah yang boleh merangsang pembelajaran dan memberi dukungan tambahan awal sekolah-sekolah sehingga mencapai standard minimum dan tindakan lain yang sesuai bagi mengeluarkan sekolah-sekolah ini, bagi meningkatkan taraf mereka bukan sahaja setakat pencapaian standard minimum tetapi lebih daripada itu.

Sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan yang telah dikenal pasti hendaklah dipantau satu per satu ertinya setiap sekolah mestilah dipantau dengan teliti. Jika hanya setakat memantau secara umum tanpa tindakan susulan dan berjadual, kemungkinan besar sekolah-sekolah itu akan masih berada dalam kategori minimum sahaja iaitu mungkin *underperforming.*

Jadi, berkaitan dengan ini kaola juga bertanya berapa buahkah sekolah rendah dan menengah yang sudah dibantu dan menampakkan perubahan yang ketara?

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam peruntukan tahun ini di bawah Kod 003/004 (Pemeliharaan Bangunan dan Aset), Pendidikan Rendah nampaknya tidak ada peruntukan sementara.

Bagi Pendidikan Menengah di bawah Kod Akaun 004/000 (Pemeliharaan Bangunan dan Aset) sebanyak $99,235.00 yang diperuntukkan, satu jumlah yang amat kecil. Kaola memahami banyak sekolah yang memerlukan kerja-kerja pemeliharaan dan sukar mendapat bantuan, sukar mendapatkan peruntukan, sebahagian daripada sekolah-sekolah itu perlu dibuat kerja-kerja pemeliharaan di bawah RKN-11 tetapi tidak terlaksana. Jadi, kaola berharap di bawah RKN-12, kerja-kerja yang perlu akan dibuat bagi keselesaan pelajar-pelajar.

Seterusnya, kaola menyambut baik pemakluman tentang perubahan umur kanak-kanak untuk bersekolah iaitu 5 tahun. Apakah ada penambahan dalam peruntukan kerana semestinya ia memerlukan penambahan guru-guru yang berkemahiran, tambahan prasarana yang sesuai bagi menampung kanak-kanak sedemikian dan juga alat-alat pembelajaran yang sesuai yang membina minda kanak-kanak dan menimbulkan *curiosity* dalam kalangan mereka? Kaola percaya dengan had umur kanak-kanak bersekolah awal diturunkan ke 5 tahun, ia adalah *pathways* yang betul untuk mengasah *social skills* dan *cognitive skills* kanak-kanak. Biarlah jika ia bermula pada tahun ini, ia akan bermula di bawah kepimpinan guru-guru yang cukup terlatih dan berwibawa, *caring, committed* dan *focus* agar apa juga *benefit* dari persekolahan awal ini dapat dimanfaatkan bagi pembelajaran seterusnya. Kita mahu pembelajaran awal kanak-kanak ini akan *make the difference* kepada pembelajaran kanak-kanak yang seterusnya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola seterusnya ingin menyentuh mengenai pengurusan tenaga manusia bagi sesuatu organisasi. Sejauh manakah isu-isu *meritocracy* penetapan jawatan, lantikan pemangku, penempatan kerja (*work placement*), pertukaran (*interdepartmental transfer*), tawaran latihan telah ditangani melalui prosedur-prosedur yang *transparent?* Pada Musim Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19, ada ditimbulkan masalah guru yang antaranya mereka merasa kurang sokongan dari pihak pentadbiran, *stress* dan *burn out,*

kurangnya peluang untuk perkembangan profesional, suasana sekolah yang kurang menarik dan pertambahan *work load* guru-guru. Adakah pembaikan dibuat dalam perkara ini? Mohon pencerahan Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola seterusnya ingin menyentuh sedikit tentang Universiti Brunei Darussalam (UBD). Universiti pertama yang ditubuhkan dalam tahun 1985 dan telah banyak melahirkan graduan-graduan yang kini memegang jawatan-jawatan terpenting dalam kerajaan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, sejak penubuhan UBD telah mula melakar nama di dunia pendidikan termasuk dalam *World University Ranking* dan *QS University Ranking*.

Kaola mengambil maklum mengenai pencapaian UBD sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang semakin meningkat dan menjadi kebanggaan negara. Kaola hanya ada satu perkara yang kaola ingin bangkitkan Yang Berhormat Pengerusi iaitu mengenai keterampilan UBD.

Berbanding dengan pensyarah universiti-unversiti yang lain di negara ini kita jarang melihat profesor-profesor, pakar-pakar di UBD tampil di forum-forum tempatan memberi pandangan, menyampaikan kertas-kertas penyelidikan mereka atau menjadi ahli dalam badan-badan penggubal dasar (*Task Force*) dan mana-mana agensi kerajaan.

Kaola yakin sumbangan dan buah fikiran mereka akan menambah baik apa juga strategi dan penggubalan dasar kerajaan. Pada masa ini, kita hanya mengetahui siapa mereka apabila mereka dipindah ke Kementerian Pendidikan. Harap perkara ini dapat diteliti oleh mana-mana pihak berkenaan tentang tenaga di UBD.

Akhir sekali, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SF03A – UNISSA di bawah Kod/Akaun 1201-011, RKN-12 telah memperuntukkan sebanyak $95,918,359.00. Kaola percaya ia adalah bagi bangunan UNISSA. Sebagai universiti Islam yang sudah menyerlah, yang dihasratkan sebagai syiar Islam yang sudah diakui sebuah pusat pengajian tinggi Islam tulen, kaola merasa projek ini janganlah dilengah-lengah, dibangunkan secara cukup sahaja "asal ada".

Ini adalah projek ikon dan telah dibincangkan sejak pada tahun 2012, kaola berpendapat janganlah samakan projek ini seperti membangun sekolah menengah, bukan sering kita membangun universiti apalagi universiti Islam. Kita mesti berpandangan jauh dan siapnya nanti kampus UNISSA ini ia mesti menjadi kebanggaan negara sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja. Cuma yang kaola sering tekankan ialah agar pengisian universiti ini dari segi kurikulumnya mestilah sentiasa relevan dan menepati martabat negara.

Kaola difahamkan ia akan dibangun secara *design and build* bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan dan dijangka akan siap pada tahun 2026/2027, 15 tahun sejak projek ini diluluskan. Jadi,

kaola khuatir bila siapnya nanti ia tidak akan melambangkan syiar Islam kerana kita akan *cut corners* agar harganya murah. Kaola berpendapat jika projek ini dianggap ikon biarlah bangunannya juga ikonik.

Sekianlah sahaja yang ingin kaola sentuh Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan yang diberikan dan kesabaran Yang Berhormat Pengerusi mendengar perbahasan terutama pada bulan Ramadan yang mulia ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan responsnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, kaola akan menjawab lebih dahulu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Pertama adalah mengenai *STEAM* dan juga peruntukan pelajarannya. Kementerian Pendidikan memang menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, Peruntukan Alat Tulis, *Teaching and Learning* di bawah Tajuk Peruntukan P01201, Perkhidmatan Pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah. Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk jabatan-jabatan seperti *STEP Centre*, *Edu-Tech* untuk mengendalikan program-program *STEAM*.

Sekolah khas swasta, sebenarnya bukan sekolah khas kerajaan 'barangkali' bagi sekolah khas swasta yang dimaksudkan itu dan itu sudah saya jawab pada hari Isnin dan perancangan untuk berdikari dalam melahirkan pelajar yang berkeperluan khas yang berkualiti dan berkemahiran pula, Jabatan Pendidikan Khas sedang mempersiapkan satu program yang dinamakan *Programme Sheltered Integrated Employment (ShInE). ShInE* merupakan salah satu pelbagai laluan bagi lepasan pelajar program pravokasional yang bertujuan menyediakan latihan vokasional yang diiktiraf bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas.

Program ini ditawarkan sebagai kesinambungan atau pelengkap untuk persediaan latihan kemahiran vokasional atau kemahiran kerja selama 2 tahun. Para pelajar akan ditawarkan kursus-kursus kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan keperluan pihak industri dan pada masa kini dapat menghasilkan tenaga kerja yang mahir, *competent* dan berkualiti tinggi, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Kursus-kursus tersebut seperti *hospitality, culinary, fabric,* jahitan pakaian, fesyen dan pertukangan. Selain itu juga, program *ShInE* bertujuan memberi peluang kepada lepasan program ini untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya dengan menjurus ke arah bidang

vokasional, melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan mencari pekerjaan dengan kemahiran yang dimiliki.

Mengenai graduan Kursus Pertanian. Soalan yang pertama, perancangan bagi pelajar-pelajar graduan ini selepas menamatkan kursus mereka. Di samping menyediakan peluang untuk melatih penuntut yang berminat dalam bidang pertanian melalui program yang berstruktur dan suasana pembelajaran yang kondusif, pihak-pihak institusi juga ada memberikan bimbingan kerjaya bukan sahaja semasa mengikuti pengajian, tetapi juga selepas mereka menamatkan kursus.

Institusi-institusi berkenaan turut memberikan dukungan lanjut kepada graduan-graduan melalui perundingan dan kerjasama dengan pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, pihak perbankan, *Darussalam Enterprise (DARe)* dan agensi-agensi lain yang berkaitan untuk membantu dalam menyediakan keperluan modal kewangan untuk memulakan usaha di sektor ini.

Usaha menggalakkan lebih ramai graduan tempatan kita khususnya dalam kalangan mereka yang berkelulusan dalam bidang pertanian dan agrimakanan, sebenarnya memerlukan sokongan padu daripada semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan dan juga pihak industri. Melalui pendekatan senegara ini, kita akan dapat memenuhi hasrat keselamatan makanan dan sara diri dalam sektor pertanian dan agrimakanan.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat. Apakah usaha atau inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya? Harapan kementerian ini adalah bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus tersebut untuk menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya atau *proficiency* mereka.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , berdasarkan data daripada kajian *graduate employment study* yang dilaksanakan setiap tahun, kadar kebolehpekerjaan atau *employment rate* graduan-graduan dari Program Pertanian di *IBTE*, 6 bulan selepas Majlis Konvokesyen telah meningkat dari tahun sebelumnya iaitu 70% pada tahun 2020, 78% pada tahun 2021 dan 82% pada tahun 2022.

Susulan lanjut pihak *IBTE* terhadap 89 graduan yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2021 dan 2022, khususnya dalam bidang pertanian iaitu pengkhususan dalam *crop technology, veterinary and livestock management and rise industry,* didapati seramai 73 graduan atau 82% telah bekerja. Daripada 73 orang ini, 65 orang didapati bekerja di sektor swasta yang berkaitan dengan bidang yang telah diambil.

Soalan berikut daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam iaitu mengenai *Master of Teaching.* Kementerian Pendidikan akan membuat penstrukturan semula pada

tahun ini dengan memberikan penekanan kepada kandungan kurikulum.

Apa akan terjadi kepada graduan-graduan atau bakal graduan yang telah berhenti atau menangguhkan kerana mereka berfikir yang mereka ini tidak ada pekerjaan? Sebenarnya, ini adalah salah satu sebab kenapa pihak Kementerian Pendidikan mengubah cara pemilihan dan pengambilan guru.

Ia adalah berdasarkan keperluan dan apabila ada keperluan tersebut, Program-Program Perantis ataupun Immersi dibukakan. Ia ditawarkan Kepada orang yang sudah ada *MTeach* atau yang sebanding dengannya dan yang belum ada *MTeach* atau yang sebanding dengannya. Ertinya, yang belum ada *Initial Teacher Preparation.* Kalau misalannya untuk tahun ini ada 30 orang sahaja yang diperlukan, jadi 30 orang itu yang akan diambil dalam program-program ini. Jika mereka sudah ada *Initial Teacher Preparation,* mereka tidak perlu ke UBD untuk mengambil *MTeach* tetapi kalau mereka belum ada *Initial Teacher Preparation,* mereka akan dihantar ke sana setelah mereka lulus beberapa *assessment.*

Yang kedua, untuk menaik taraf *proficiency* guru. Dicadangkan untuk guru-guru baharu mesti mengambil Sijil *MTeach.* Memang ia adalah satu kemestian. Seperti kalau kita mahir memandu kereta tetapi tidak ada lesen, jadi tidak boleh memandu. Sama juga dengan menjadi seorang guru, mesti ada *Initial Teacher Preparation* dan *Diploma in Teaching* untuk membolehkan ia menjadi seorang guru yang berkelayakan. Memang satu kemestian, seseorang yang hendak menjadi guru ia mesti melalui atau mengikuti Program *Initial Teacher Preparation (ITP)* di mana sahaja.

Yang ketiga, mengenai keusahawanan dan keberkesanan program-program. Memang ada data-data beberapa pelajar yang sudah *graduate* dan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Tetapi *at the moment, I don't have the data with me.*

Mungkin إِنْ شَاءَ اللهُ saya akan mengongsikannya jika sudah ada dan kalau tidak sempat di Dewan ini, saya akan memaklumkan secara bertulis. Sama juga dengan soalan yang keempat, keusahawanan ekonomi negara, إِنْ شَاءَ اللهُ akan disampaikan secara bertulis juga.

Yang ketiga daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai *Whole School Evaluation (WSE).* Bagi menjamin kualiti penyaluran pendidikan di institusi pendidikan, penilaian keseluruhan atau *Whole School Evaluation (WSE)* diperkenalkan bertujuan untuk menilai kualiti pendidikan di sekolah dan penyediaannya adalah secara menyeluruh.

Dalam usaha untuk memupuk rasa kepunyaan *(sense of ownership)* dan *accountability* untuk perkembangan pencapaian kemajuan pelajar, sekolah-

sekolah kerajaan telah membuat Penilaian Kendiri Sekolah atau *internal Whole School Evaluation* dan ia bermula pada tahun 2018.

Penilaian *WSE* ini dilaksanakan melalui 2 cara iaitu *internal* dan *external.* Panjang sebenarnya proses-prosesnya kalau kaola hendak sebutkan di sini. Tetapi, kalau masih memerlukan maklumat tersebut, kaola akan membuat secara bertulis mengenai maksud pendekatan *WSE* melalui *internal* dan *external* tersebut.

Berapakah sekolah yang telah dicerap sejak tahun 2018 menggunakan *instrument WSE?* Sebanyak 120 sekolah telah dinilai oleh Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah menggunakan instrumen *WSE* dalam tempoh 7 tahun dari tahun 2017 hingga 2023, iaitu 90 buah sekolah rendah, 26 buah sekolah menengah dan 4 buah Pusat Tingkatan Enam. Daripada jumlah keseluruhan ini, jumlah sekolah yang telah mencapai *Band 3* atau *the minimum standard* ialah 10 buah sekolah rendah, 6 buah sekolah menengah dan 2 buah Pusat Tingkatan Enam. Secara keseluruhan, 15% yang dinilai telah mencapai *Band 3.*

Beberapa buah sekolah yang telah dilawati, 26 buah sekolah sebenarnya telah dinilai semula iaitu 20 buah sekolah rendah, 5 buah sekolah menengah dan sebuah Pusat Tingkatan Enam. 88.5% daripada 26 buah sekolah yang telah dinilai semula telah menunjukkan peningkatan iaitu 20 buah sekolah rendah telah menunjukkan peningkatan, 5 buah sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan dan Pusat Tingkatan Enam telah menunjukkan peningkatan 100%.

Manakala peruntukan bagi pemeliharaan sekolah rendah dan menengah, memang 'barangkali' dalam buku belanjawan tidak berapa banyak te*reflect* tapi memang ada dan kebanyakan pemeliharaan itu sudah termasuk dalam skop pekerjaan bagi *facility management* yang telah di*engage* oleh Kementerian Pendidikan. Ia satu pendekatan baharu bagi memelihara prasarana-prasarana sekolah dan juga *office.*

Soalan mengenai Akademi UBD yang tidak berapa menonjol. Ahli Akademi UBD sebenarnya banyak menjadi ahli-ahli kepada jawatankuasa-jawatankuasa ataupun *taskforce* yang ada di kementerian-kementerian dan ada yang telah menjadi pakar rujuk terutamanya dalam bidang teknikal dan dasar. Memanglah sumbangan ini tidak nampak dan tidak ketara jika ia diukur hanya melalui keterampilan di televisyen dalam bentuk ceramah dan sebagainya.

Oleh itu, sebenarnya memang pihak UBD telah banyak terlibat dalam menyumbang kepada negara. Banyak konsultasi dan program-program eksekutif juga ditawarkan kepada agensi kerajaan dan swasta yang sudah dan sedang dilaksanakan pada masa ini.

Kaola ingin menambah sedikit tadi mengenai *WSE.* Apakah bantuan yang diberikan kepada sekolah? Bantuan kepada sekolah bagi meningkatkan

pencapaian *standard* yang minimum, iaitu pegawai kluster membantu sekolah dalam membentuk dan melaksanakan *SIP (School Improvement Plan)* yang lazimnya disediakan. Sejurus pihak sekolah menerima laporan *WSE*, sekolah-sekolah yang mencapai tahap pencapaian membuat sesi perkongsian ataupun *sharing session* kepada sekolah-sekolah lain bagi membantu meningkatkan pencapaian dan juga pegawai kluster turut membantu sekolah-sekolah memahami rubrik *WSE* dan mengumpul bahan-bahan penetapan *(band).*

Keempat, menjalankan kluster *WSE Micro Validation* dan *Across Cluster Micro Validation.* Menjalankan *pure review within and across cluster*. Mengenai UNISSA, RKN Ke-12 إِنْ شَاءَ اللهُ memang Kementerian Pendidikan pun berhasrat untuk menjadikannya sebuah bangunan yang selaras dengan objektif utama UNISSA itu ditubuhkan dan إِنْ شَاءَ اللهُ memang peruntukannya telah disediakan memang banyak peruntukan yang disediakan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Menjunjung kasih.

Mengenai bila ia akan siap? إِنْ شَاءَ اللهُ Memang 'kitani' tidak akan melambat-lambatkanya tapi dari segi *earthwork* memang ada kelambatan di sana disebabkan oleh kualiti tanah dan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Jadi terdapat 'kelambatan' dan 'tersasar'. إِنْ شَاءَ اللهُ Ia akan sentiasa dipantau supaya dapat segera dilaksanakan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ dan salam sejahtera. Salam Ramadan Mubarak, semoga semua akan diredai. Perbincangan di dalam Dewan pada hari dan bulan yang mulia ini diterima sebagai amal ibadah dan kita dijauhkan daripada fitnah dunia dan akhirat. آمِيْنُ

Lebih dahulu terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kaola peluang untuk ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Terima Kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas pencerahan dan penerangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas perkembangan dan hala tuju serta tumpuan dan keutamaan kementerian dalam Tahun Kewangan 2024/2025 ini.

Kaola mempunyai beberapa soalan dan pandangan yang sebahagiannya adalah susulan kepada soalan yang kaola bangkitkan dalam Persidangan Majlis

Mesyuarat Negara Ke-19, serta beberapa isu semasa yang telah disampaikan oleh rakyat kepada kaola.

Pada sesi permesyuaratan tahun lepas, kaola mengetengahkan isu berkenaan dengan *PISA,* iaitu *Programmed for International Student Assessment* kerana ia adalah satu mercu tanda yang menilai pencapaian negara, Wawasan Brunei 2035 melalui matlamat pertama, iaitu: Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya di tahap antarabangsa. Sumber tenaga manusia ini hendaklah mampu membekalkan negara di samping berpegang kepada nilai Melayu Islam Beraja.

Justeru, izinkan kaola mengemukakan beberapa soalan dan pandangan alternatif dengan penilaian *PISA* untuk Kementerian Pendidikan untuk menimbangkannya. Soalan pertama, keputusan *PISA* 2018 dan tahun 2021 serta kaitannya dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu tahniah atas pencapaian yang meningkat yang dicapai oleh Kementerian Pendidikan dalam keputusan pembelajaran negara dari *PISA* 2018 hingga *PISA* 2022. Kita maklum bahawa *PISA* ialah *assessment* yang menilai keupayaan dan kemahiran murid-murid yang berumur 15 tahun (Tahun 9 persekolahan) dalam mata pelajaran Matematik, Membaca dan Sains. Kaola difahami dari laporan, Negara Brunei Darussalam adalah antara 81 buah negara yang ikut serta dalam penilaian dan antara 7 buah negara *ASEAN* yang ikut serta.

Kaola juga maklum *PISA* adalah alat penilaian antarabangsa *(independent)* yang bertujuan meneroka dan menilai keupayaan anak-anak 'kitani' menyelesaikan masalah yang kompleks *(complex issues),* berfikiran kritis *(critical thinking)* dan juga berkomunikasi dengan berkesan *(effective communication)*. Bukan *exam based* tapi penilaian ini memberikan petunjuk tentang bagaimana Sistem Pendidikan Negara mempersiapkan murid-murid berumur 15 tahun untuk menghadapi cabaran kehidupan sebenar dan mencapai kejayaan pada masa depan. Menjadikan kedudukan negara dalam *ranking PISA* amat penting.

Yang Berhormat Pengerusi. *PISA* pada tahun 2022 telah mendedahkan keseluruhan 6,000 orang penuntut dalam Tahun 9 untuk dinilai, iaitu 'kitani' adalah antara 690,000 orang dari 29 juta penuntut yang berumur sama di seluruh dunia. Syabas kepada Kementerian Pendidikan yang telah berani membuat keputusan untuk terus mengikuti *PISA.*

Dengan mengikuti *PISA* dan menganalisis keputusannya, warga Kementerian Pendidikan akan mengetahui sukat-sukat kemantapan Sistem Pembelajaran Negara. Kaola penuh percaya bahawa warga kementerian akan menerima baik hasil penilaian *PISA* sebagai hadiah yang berharga kerana ia berupa *independent*

third party assessment terhadap Sistem Pembelajaran Negara yang dinilai oleh ahli yang pakar dalam bidang ini. Keputusan dari *PISA* juga dapat menilai keberkesanan program intervensi jika dibandingkan dengan penilaian sebelumnya dan jika dibandingkan hasilnya dengan pencapaian dari negara lain, pembuat dasar (*policy makers*) dan pendidik-pendidik (*educators*) akan dapat menilai keberkesanan sistem pembelajaran negara berbanding dengan negara lain.

Kita perlu menyediakan anak-anak 'kitani' bukan sahaja berjaya dalam negeri, tetapi juga boleh berdaya tahan, berdaya saing di arena antarabangsa, serantau dan *global* kalau kita berhajat menyediakan anak-anak 'kitani' kompetitif sebagai *future work ready mobile global workers*. *Disclaimer*, koala membaca *PISA report* sebagai seorang *interested grand parent* dan bukan *public policy maker* atau *educator*.

Kaola serahkan penilaian mendalam kepada agensi yang berkepentingan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, secara keseluruhan Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan peningkatan dari kajian *PISA* tahun 2018 dengan ketiga-tiga domain dari Matematik, Membaca dan Sains.

Walau bagaimanapun, ada peningkataan yang ketara laporan *PISA* tahun 2022 menunjukkan Negara Brunei Darussalam masih di peringkat bawah purata (*below average*), *ranked* 42 *globally,* kalau kita katakan kita berada dalam *tier 3, 3rd quartile, division 3*.

Kohort *PISA* tahun 2018 yang berumur 15 tahun, 16 tahun dalam tahun 2018 إِنْ شَاءَ اللّٰهُ menjelang tahun 2035 mereka akan mencapai umur awal tahun 30-an. Mereka inilah akan menjadi generasi yang akan menjadi penggerak negara, menjawat posisi pengurusan dalam agensi kerajaan dan swasta. Soalan:

1. Mohon pencerahan pengajaran yang penting dari *PISA* tahun 2018 / 2022 yang telah dan akan diambil untuk membuat intervensi *step changes* agar dapat meningkatkan kompetensi anak-anak murid, membawa *ranking* negara walaupun tidak ke *top quartile / first quartile*, tetapi sekurang-kurangnya *above average* dalam *tier* kedua dalam waktu yang pendek bagi memastikan prestasi pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam kekal kompetitif mencapai tahap yang tinggi *ASEAN* dan *OECD*.

   Pada mulanya kaola akan minta pencerahan kalau ada korelasi keputusan yang kurang memuaskan dalam *ranking PISA* ini disebabkan oleh pembelajaran awal *basic early childhood education* yang kurang berkesan. Apabila melihat carta yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang pencapaian anak-anak 'kitani' yang mencapai 5 *'O' Level* ke atas adalah pada tahap 40% setahun *the last 5 to 10 years*.

   Ini sebanding *the below average ranking* dalam *PISA*. Apakah

peningkatan *step changes* dalam *basic education* untuk menangani keputusan yang masih pada tahap 40% keputusan *'O' Level*. Kalau 'kitani' membuat sesuatu dengan cara yang sama, maka kita tidak bolehlah mengharapkan keputusan yang berbeza. *In the corporate world, if we do something the same way, we do not expect step changes.*

Dari *report PISA*, kaola maklum perbelanjaan *cumulative* 'kitani' bagi setiap pelajar sepanjang tahun-tahun sekolah rendah dan menengah antara usia 6 tahun ke 15 tahun juga merupakan salah satu yang tertinggi di rantau *ASEAN*, iaitu pada tahap USD207,000 *purchasing power parity* untuk setiap pelajar.

Untuk perbandingan, Singapura membelanjakan $166,000 dalam tempoh yang sama dan Vietnam yang mungkin data yang tidak mencukupi, hanya membelanjakan $13,000 seorang setiap pelajar dalam 10 tahun, tetapi *ranking* kedua negara ini lebih tinggi daripada Negara Brunei Darussalam.

Apakah yang dapat kita pelajari dari 2 buah negara ini agar keberkesanan pembelajaran mereka yang patut kita tiru tanpa malu-malu. Soalan terakhir 'beranak-anak' dalam *PISA* kaola, bolehkah kita menggunakan alat analisis data dan statistik seperti *artificial intelligence* untuk mengenal pasti bahagian-bahagian *PISA* yang perlu dipertingkatkan demi mencapai matlamat Waswasan Brunei 2035, dari trend yang telah kita perolehi dari kohort *PISA* tahun 2018 dan *PISA* tahun 2021? Itu soalan saya tentang *PISA*.;

2. Mengatasi kadar keciciran pelajar dan memberi sokongan kepada belia yang terputus hubungan dalam sistem pendidikan. Merujuk kepada carta yang dilihatkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kadar kelulusan penuntut dari peringkat *'O' Level* hanya mencapai di bawah 46%. Kemasukan ke peringkat pascamenengah (Tingkatan 6, *IBTE* dan *IPT*) juga hanya mencapai 60% pada tahun 2022/2023. Jika merujuk kepada statistik-statistik yang sedia ada, sama ada yang menduduki *'O' Level* atau menduduki *PISA* tahun 2018 dan kadar kelulusan *'O' Level* dan kemasukan ke pascamenengah secara purata lebih 1000 pelajar yang telah menduduki *'O' Level* setiap tahun tidak memiliki arah tujuan selepas itu atau peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka.

   Adakah ini disebabkan oleh kekurangan tempat atau kegagalan dalam mendapatkan kelulusan? Bagaimanakah kita dapat merangka strategi yang berkesan untuk menangani isu yang membimbangkan agar pelajar yang berusia 15 tahun ke 18 tahun yang meninggalkan sistem pendidikan kita tidak tercicir dan tidak mempunyai kelulusan? Patutkah kita menyesuaikan Akta Pendidikan Wajib

untuk merangkumi bukan saja 5 tahun tapi merangkumi sampai ke umur 18 tahun?;

3. *Underutilisation Or Underpaid Talented Resources.* Kalau dulu orang tua-tua 'kitani' memberi nasihat dengan kata-kata motivasi agar anak-anak mereka rajin belajar dan malah banyak yang sanggup berkorban agar anak-anak mereka berpelajaran tinggi. Orang-orang 'kitani' sedar berpelajaran dan berkelulusan tinggi ialah tiket untuk keluar daripada kemiskinan. *Education is a step to exit spiral of poverty*. Kata orang tua-tua: "Lai rajin-rajin belajar, nanti إِنْ شَاءَ اللهُ kalau kamu *pass,* kamu akan mendapat pekerjaan yang kamu minati, kamu dapat gaji yang lumayan".

   Tetapi dengan realiti sekarang, apa mesej motivasi yang dapat 'kitani' ungkapkan kepada anak-anak 'kitani' supaya rajin belajar dan menelaah pengajian apabila anak-anak kita menjawab, "Ma…Pa..kalau kami berkelulusan tinggi pun, 'tedapat' *Degree*, *Master*, *PHD* belum jua tentu dapat kerja atau dibayar yang sepatutnya." Apa *catch phrase* yang boleh kita gunakan sekarang untuk mengajar agar pembelajaran itu diambil prioriti oleh anak-anak 'kitani'. Wawasan Brunei 2035 matlamat pertama bagi Brunei dikenali dengan pencapaian penduduknya yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi yang mengikuti piawaian antarabangsa yang tertinggi.

   'Kitani' telah banyak bijak pandai, adakah ada data tentang berapa graduan ijazah kedoktoran PhD dari universiti tempatan dan luar negeri dan berapa orangkah yang sudah memegang jawatan dalam bidang yang mereka pelajari dan adakah diketahui jumlah yang *asset underutilized* atau *underpaid* dengan kelulusannya? Apakah kita mempunyai senarai individu memiliki PhD tetapi masih belum bekerja atau bekerja bukan di tempat yang dipelajari?;

4. Kluster pendidikan UBD, UTB dekat dan kini kaola maklum bahawa Politeknik Brunei juga akan ditempatkan di tempat yang berdekatan. Apakah *pull factor* sebenarnya untuk mengambil keputusan untuk menempatkan ketiga-tiga institusi pendidikan ini berdekatan? 'Bukankah bisai' tempat pendidikan itu ditubuhkan di setiap daerah. أَلْحَمْدُ لِلّٰ UNISSA di Daerah Temburong. Mungkin Politeknik Brunei boleh ditempatkan di sekitar industri untuk meningkatan kolaborasinya dengan industri-industri, bukan di kluster di tempat yang sama; dan

5. Kecekapan berbahasa dengan kompeten dalam 3 bahasa atau lebih daripada 3 bahasa. Dalam dunia global tanpa batas dan untuk menyiapsediakan anak Brunei jadi

kompetitif dan ada daya saingan siap siaga menjadi pekerja global.

Adakah ura-ura untuk mendorong anak-anak 'kitani' untuk menguasai lebih daripada 2 bahasa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu ke 3 atau 4 *on an opportunity basis* tanpa membebankan anak-anak untuk menguasai *basic education*.

Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mohon pencerahan.
والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, didoakan agar semua usaha dan perancangan ke arah menjadikan anak-anak Brunei kita sebagai warga yang berilmu, berkemahiran tinggi lagi berjaya agar tercapai, إِنْ شَاءَ اللهُ

Kaola ingin menyuarakan pendapat atau cadangan mengenai sistem integrasi pendidikan yang telah dilancarkan sejak beberapa bulan yang lalu. Kaola memahami perubahan ini bukan sesuatu yang mudah bagi kementerian, guru-guru, ibu bapa dan pelajar-pelajar namun begitu dalam sama-sama mendukung usaha ini kita harus mencari cara dan bekerjasama untuk menjayakan perubahan ini dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, kaola ingin mencadangkan bagi sebuah program iaitu *School Meal Programme* yang sebelum ini pernah disediakan semasa waktu rehat sekolah tetapi pada masa ini ia tidak lagi dijalankan. Pada pendapat kaola, program ini sebenarnya dapat memberikan pelbagai manfaat sama ada memberikan *food security* semasa waktu krisis dan juga membantu menjadikan anak-anak kita menjadi warga yang sihat dan produktif.

Sekali gus juga membantu mereka yang berkenaan keluar daripada kepompong kemiskinan dan kelaparan. Dengan penyediaan makanan ini juga kita dapat menangani kekurangan *micronutrient* dengan menyajikan makanan yang pelbagai termasuk makanan yang mengandungi zat penting sekali gus tabiat pemakanan yang sihat.

Ia juga berfungsi sebagai insentif kepada ibu bapa untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah dan meneruskan pendidikan mereka yang menjadi matlamat utama kita sejak lamanya, *education for all.* Bagi kanak-kanak yang datang dari keluarga berpendapatan rendah atau *vulnerable groups,* program ini berfungsi sebagai jaringan keselamatan sosial dan program ini juga bertujuan menyokong pembekal makanan domestik atau tempatan.

Dalam perkara yang sama, kita dapat juga memeduli kanak-kanak yang tidak

membawa bekal makanan untuk makan tengah hari semasa integrasi ini. Tidak semua ibu bapa mampu menyediakan makanan untuk anak-anak mereka dan adakalanya guru-guru terpaksa tampil ke hadapan sebagai ihsan mereka menyediakan makanan bagi mereka. Ini sememangnya suatu kenyataan yang amat menyedihkan.

Oleh yang demikian, program ini diharapkan dapat mencipta keseimbangan kepada semua kanak-kanak dengan makanan yang sama dan tersedia justeru juga menanamkan disiplin dalam kalangan kanak-kanak sekolah untuk memakan makanan yang betul dengan *nutrient* yang mencukupi.

Sehubungan dengan itu, difahamkan juga ada sesetengah kes yang memerlukan perhatian lebih dengan penyediaan makanan yang sesuai dengan *dietary* mereka atas sebab masalah kesihatan, alergi dan sebagainya. Tetapi perkara ini bukanlah suatu halangan memandangkan banyak negara lain yang telah mempraktikkan program ini.

Selain itu, kaola juga ingin mencadangkan program ini dapat disediakan secara percuma kepada semua pelajar atau bagi kanak-kanak yang memenuhi kriteria berdasarkan pendapatan keluarga mereka manakala bagi yang lainnya, bolehlah mengenakan yuran untuk menampung kos makanan selagi ia tidak membebankan ibu bapa.

Pada akhirnya, hasilnya adalah lebih berkesan dari segi kos kerana bukan saja lebih murah tetapi juga menjimatkan masa ibu bapa yang bertungkus-lumus setiap hari dalam memastikan anak-anak mereka mempunyai bekal makanan ke sekolah.

Dengan ini, ibu bapa dapat memulakan hari dengan lebih berkualiti dan bersemangat. Kaola juga ingin menambah bahawa selain membantu ibu bapa dan anak-anak sekolah, program ini juga akan membantu peniaga tempatan kita dan ia tidak bermakna satu pembekal akan menyediakan untuk semua sekolah.

Diharapkan juga pada masa akan datang akan ada lebih ramai lagi belia yang terlibat dengan perniagaan yang sihat, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan buat mereka dan bahkan suatu pekerjaan yang terjamin apabila program ini ditetapkan untuk jangka masa yang panjang.

Oleh itu, kaola berharap perkara ini boleh dipertimbangkan dan disediakan peruntukan baginya dan berharap program ini dapat memberikan semangat bagi semua pihak dalam sama-sama memikirkan ke arah menyokong sistem pendidikan kita yang ada. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Selamat tengah hari dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang untuk kaola turut serta dalam perbincangan ini. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa kepada kaum muslimin yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu, kaola juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah dan pembentangan yang telah dikongsikan. Semoga segala inisiatif yang diusahakan itu akan dapat memberi manfaat kepada anak-anak 'kitani' dan melahirkan belia cemerlang sebagai peneraju bangsa dan negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bercakap mengenai belia cemerlang sebentar tadi kaola sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada para belia yang bergiat aktif dan menyumbangkan tenaga dari segi penyelidikan, akademik terutama mahasiswa sarjana muda yang melibatkan diri secara *job attachment* mahupun *internship* terutama dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Namun dalam perkara ini, kaola ingin memohon pencerahan lanjut daripada pihak Kementerian Pendidikan mengenai tindakan susulan terhadap perkembangan *R&D (research and development)* bagi program *agriculture* yang kaola percaya pada masa ini giat aktif 'diungkayahkan' oleh institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Brunei, Universiti Sultan Sharif Ali dan *Institute of Brunei Technical Education.*

Kaola percaya dengan usaha dalam mengumpulkan data dan maklumat untuk *R&D* ini akan dapat diusahakan secara lebih komprehensif seperti menubuhkan *central information system*.

Dalam pada itu juga kaola ingin menyambung susulan dari persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim pada sesi kelmarin mengenai pencapaian dan kemajuan program-program dan hasil-hasil penyelidikan yang telah di *commercialize* di institusi pengajian tinggi.

Dalam perkara ini, kaola ingin mencadangkan untuk perbincangan pihak kementerian dan pihak-pihak yang berkepentingan supaya program *agriculture* yang ditawarkan di *IBTE* itu mempunyai hala tuju yang *diversify* misalannya sebuah universiti itu menawarkan program bidang dalam pertanian manakala universiti yang lain menawarkan dalam bidang perikanan *instead of* membuka dan menubuhkan program-program yang sama kepada *IBTE* sedemikian.

Perkara ini akan dapat menggalakkan lagi terutama dalam perkembangan *R&D* kerana setiap *IBTE* mempunyai fokus-fokusnya dan akan dapat mengukuhkan lagi *foundation* penyelidikan-penyelidikan yang tertentu.

Sekian itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم
لْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . لسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan mukadimah yang dibentangkan pada 30 Syaaban 1445 bersamaan 11 Mac 2024 yang lalu mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan kerana membalas surat susulan 90 hari kaola mengenai isu-isu dan soalan-soalan yang kaola bangkitkan di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun lepas dan juga ucapan yang sama kepada Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bukan sahaja Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan ini membalas surat susulan kaola tetapi juga mempersilakan kaola secara bersemuka mendiskusikan isu-isu dan soalan-soalan pada tahun lepas.

Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Kaola ada beberapa soalan dan usulan bagi Kementerian Pendidikan iaitu:

1. Mengenai padang-padang bola sepak di bawah Kementerian Pendidikan. Kaola difahamkan terdapat 153 buah sekolah kerajaan yang pemeliharaannya diuruskan oleh 3 buah syarikat yang dilantik dan pemeliharaan ini termasuk 117 padang bola sepak yang ada. Dari 117 ini, 90 padang permukaan rumput biasa manakala 27 *artificial turf* (rumput tiruan). Kalau 'kitani' lihat sekeliling 'kitani' ada padang-padang berkenaan 'usulnya' tidak terurus dan ada yang kalau 'kitani' lihat, permukaan padang ada yang tengah-tengahnya tidak berumput dan bagi padang rumput tiruan bila hujan sahaja air didapati bertakung dan ada juga padang-padang ini dilihat langsung tidak *playable* disebabkan oleh kerosakan yang teruk.

   Kemusykilan kaola jika sekiranya 3 syarikat ini berkontrak dengan pihak Kementerian Pendidikan dengan skop memelihara sekolah-sekolah

termasuk padang-padang bola berkenaan kenapa keadaan padang-padang itu menjadi sedemikian. Adakah skop kontrak pemeliharaan padang atau perkara ini terlepas perhatian dan kurang pemantauan? Jika sekiranya ia skop kontrak dan syarikat itu tidak mampu memelihara padang-padang tersebut selain diambil tindakan yang sesuai kepada syarikat tersebut, kenapa ia tidak diberikan dan disewakan sahaja kepada kelab-kelab bola sepak negara untuk menggunakannya dan menguruskannya? Kaola percaya padang-padang itu akan terjaga dan terurus oleh kelab yang akan sentiasa menggunakannya dan memeliharanya.

Terkait juga dengan padang bola ini, kenapa sesetengah padang bola sepak boleh digunakan oleh orang kampung dan sesetengahnya tidak boleh? Sebagai contoh salah sebuah sekolah yang terletak di Daerah Tutong, tidak dibenarkan untuk digunakan walhal "rumput gajah" tumbuh yang boleh mempercepatkan kerosakan kepada padang dan kesudahannya padang terbiar dan tidak boleh dipakai. Jika jangka penggunaan padang tersebut sehingga 10 tahun, tetapi oleh sebab tumbuhnya "rumput-rumput gajah" dan segala rumput- rampai yang memusnahkan padang tersebut akan memendekkan lagi jangka penggunaannya. Bukankah ini isu ketirisan dalam penggunaan peruntukan kerajaan dan adalah bertentangan dengan konsep lebih berhemah. Sebab itulah ada kaitannya soalan kaola ini dengan soalan dan cadangan kaola yang di atas.

Izinkan kaola di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengongsikan harga/kos. Harga ini ialah harga tahun 2008/2009 tetapi tidak tahu harga sekarang. Membuat padang tiruan bagi sekolah rendah ialah $209 ribu, iaitu pemasangan *artificial turf*nya ialah $120 ribu. Ini padang yang kecil bagi sekolah rendah. Manakala bagi sekolah menengah seperti Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) $574 ribu, setengah juta yang pemasangan *artificial turf*nya saja $264 ribu bagi padang besar.

Manakala kos penggantian *artificial turf* sahaja, kalau rosak bagi sekolah rendah ialah dianggarkan $80 ribu, manakala sekolah menengah ialah $280 ribu seperti Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

Kos pemeliharaan bulanan *artificial turf* bagi sekolah-sekolah rendah ialah *maintenance*nya $120 sebulan sehingga kontrak tersebut 5 tahun menjadikannya $7,200. Manakala bagi sekolah menengah ialah $140 sebulan yang jumlahnya ialah $8,400 sekiranya 5 tahun.;

2. Mengenai peruntukan kepada sistem pembelajaran yang ada di *IBTE*

terutama sekali alat-alat pembelajaran atau pengajaran untuk sesi praktikal pelajar dalam *in campus hands-on training.* Kalau kaola rujuk bajet 2024 yang ada, kenapakah tidak ada peruntukan untuk pembelian alat-alat pembelajaran praktikal berkenaan? Pada hemah kaola, alat-alat ini adalah inti pati sangat penting dalam memastikan pelajar mendapat kemahiran yang dihasratkan selagi mereka dalam kampus dan untuk mendukung kaedah program yang memerlukan *hands-on* dan program *Dual TVET* yang kaola bangkitkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas.;

3. Yang ingin kaola bangkitkan di sini ialah mengenai sukatan pelajaran bidang pertanian dan agrimakanan di sekolah-sekolah menengah. Seperti yang 'kitani' maklum, sektor pemakanan adalah pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama. Manakala, pertanian dan agrimakanan adalah salah satu subsektor yang mendukung agenda mempelbagaikan ekonomi negara. 'Kitani' perlu mempunyai ramai rakyat berkecimpung dalam bidang ini.

   Apa yang ingin kaola cadangkan di sini ialah jika sekiranya tidak keberatan untuk bidang pertanian dan agrimakanan ini dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran ataupun setidak-tidaknya kandungan pertanian dan agri makanan ini diberi penekanan khas dalam sukatan pelajaran di sekolah menengah seluruh negara termasuk sekolah swasta.

   Apa yang dimaklumi pada masa ini, bidang ini hanya diperkenalkan di peringkat teknikal dan universiti sahaja. Kaola percaya dengan penyerapan bidang ini di peringkat menengah lagi, akan dapat meramaikan lagi rakyat iaitu dalam kalangan pelajar sekolah menengah didedahkan dan dilatih untuk menceburi bidang pertanian dan agrimakanan dari awal lagi.;

4. Mengenai anggaran Perbelanjaan Kemajuan RKN-12 – Kod Akaun 1201-012 – Kampus Kekal Politeknik Brunei iaitu peruntukan berjumlah $100 juta untuk kampus kekal Politeknik Brunei. Soalan kaola, apakah rasional dan justifikasi peruntukan yang besar ini? Yang kedua, adakah langkah-langkah difikirkan untuk politeknik ini dapat menjana pendapatan hasil iaitu *value for money spent* sama ada ia menunjukkan *tangible* kewangan atau *intangible* lain dari kewangan?; dan

5. Terakhir ialah mengenai Anggaran Perbelanjaan Kemajuan RKN-12 – Kod/Akaun 1201-025 iaitu sebanyak $20 juta diperuntukkan untuk pembinaan *UBD Innovation Hub*. Kaola memohon pencerahan mengenai pembinaan *hub* ini dan dari segi apa manfaat yang akan dicapai

kerana 'kitani' sudah ada *Knowledge Hub* dan *I-Centre.* Tidakkah terdapat *duplication* di sini?

Dengan adanya *UBD Innovation Hub* itu nanti, adakah ia akan membuahkan hasil pendapatan untuk UBD dan kerajaan? Apa yang kaola maksudkan dan pada pendapat kaola, dalam proses membuahkan satu-satu produk buatan Negara Brunei Darussalam, ia akan melalui 4 peringkat iaitu *Research, Development, Innovation dan Commercialization (RDIC).*

Jika sekiranya *UBD Innovation Hub* ingin menjurus kepada 4 peringkat ini terutama sekali peringkat *Commercialization,* ia memang akan dapat membuahkan hasil pendapatan kepada UBD dan kerajaan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Kaola ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed lebih dahulu mengenai Program Makan *(School Meal Programme)* bagi memudahkan lagi pelaksanaan sistem integrasi.

Sebenarnya, sebelum sistem integrasi dilaksanakan memang kanak-kanak balik tengah hari dan mereka memang makan tengah hari di rumah ataupun dibawa oleh ibu bapa ke kedai.

Satu cadangan yang baik *School Meal Programme* ini. Ia juga sebenarnya sudah difikirkan oleh pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi tertentu yang lainnya. Tetapi, ada juga pandangan kadang-kadang kanak-kanak ini diberi makanan yang sama, ada yang tidak makan. Jadi, dari pemerhatian di sekolah, ada makanan yang tidak dimakan. *So* ada juga kebaikan dan keburukan *School Meal Programme* ini kerana ada pembaziran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan dibawa balik lagi untuk difikirkan kesesuaiannya. Bagi guru-guru yang memberikan makanan itu, barangkali sampai juga waktunya untuk 'kitani' sama-sama bertanggungjawab kepada kanak-kanak ini bukan sekadar terlalu mengharap kepada guru, sebab bukan kerja guru untuk memberi makan. Jadinya, untuk sama-sama bertanggungjawab kepada kanak-kanak. Itu amanah 'kitani' bersama.

Yang kedua, soalan daripada Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai *R&D (Research and Development)* dari UTB dan UNISSA, serta soalan-soalan yang berkaitan mengenainya. Sebenarnya, mengenai graduan-graduan dan sebagainya, ada sudah saya jawab semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul

Mumin. Tetapi yang bahagian *Research* ini, إِنْ شَاءَ اللهُ akan dikongsikan jika saya sudah mempunyai maklumat mengenainya. Supaya tidak ada duplikasi, memang *different institute* akan menawarkan program yang bunyinya mungkin sama tetapi *level of mastering the programme is not the same.*

For example, IBTE akan menawarkan program-program di peringkat 4 yang membolehkan mereka mendapatkan *requirement* untuk meneruskan pembelajaran mereka ke UTB dan UNISSA bagi *Level* 5. Jadi, bagi menjawabnya secara menyeluruh, إِنْ شَاءَ اللهُ juga akan dijawab secara bertulis.

Soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin ialah mengenai padang-padang bola. Kenapa ada sekolah yang tidak membenarkan? Mungkin ada sebab-sebab tertentu. Perkara ini akan ditanyakan semula. Mungkin ada sebab-sebab tertentu sekolah tersebut tidak membenarkan.

Yang Berhormat Pengerusi: Soalan yang dikemukakan mengenai beberapa projek tertentu yang terdapat dalam RKN-12. Ada baiknya 'kitani' tinggalkan soalan-soalan itu dan kita dengar lagi penerangan-penerangannya kemudian nanti apabila 'kitani' membincangkan mengenai Belanjawan RKN-12 yang akan 'kitani' teliti. Jadi, tidak 'balik-balik'.

Apabila 'kitani' membincangkan RKN-12, itu juga yang akan 'kitani' bincangkan. Jadi, masa 'kitani' banyak terbuang mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan itu 'balik-balik'.

Jadi, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menghormati bahawa masa 'kitani' singkat. Jadi, ada baiknya 'kitani' tumpukan perhatian 'kitani' kepada perkara-perkara yang harus 'kitani' selesaikan dan 'kitani' akan dapat menyelesaikannya. Perkara-perkara ini tidak 'balik-balik' disebut dalam mesyuarat 'kitani' ini. Silakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak akan menyentuh mengenai anggaran RKN-12 mengenai Politeknik Brunei dan juga *UBD Innovation Hub.*

إِنْ شَاءَ اللهُ , kalau sampai masanya, kaola / saya akan mengongsikan *information* mengenainya. Mengenai bidang pertanian dijadikan mata pelajaran, 'ani tah' sebenarnya salah satu subjek yang boleh ditawarkan dalam *STEAM*. Kalau *STEAM* itu sebenarnya, ada tiga komponen, Sains, Matematik dan juga *Arts*. *Arts* itu adalah termasuk komponen *agriculture.* إِنْ شَاءَ اللهُ, kalau misalannya, sekolah berkeupayaan dan ada juga pihak-pihak lain yang boleh membantu, subjek pertanian akan ditawarkan di sekolah-sekolah yang mampu menawarkannya.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Kaola telah selesai menjawab tiga soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tinggal satu soalan lagi daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Ada banyak soalan di sini:

1. Mengenai beberapa soalan daripada *PISA*. Pengajaran yang penting daripada *PISA* 2018 dan juga tahun 2012. Ya memang betul bagi pencapaian *PISA* 2022, 'kitani' ada peningkatan yang sangat ketara daripada tahun 2018. Walau bagaimanapun, ia masih belum meletakkan negara 'kitani' di kedudukan separuh negara teratas. Walaupun 'kitani' merupakan salah satu daripada hanya empat buah negara yang mengambil bahagian dalam *assessment* ini yang telah mencatat peningkatan dalam ketiga-tiga *domain,* iaitu Sains, Matematik dan Membaca.

   Pengajaran utama yang harus 'kitani' hargai di sini adalah peningkatan ini ertinya ia disebabkan oleh apa yang sudah 'kitani' buat. Strategi 'kitani' itu berjaya dan 'kitani' akan pertingkatkan lagi strategi-strategi tersebut. Kalau dapat 'kitani' *strengthen*kan lagi.

   Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah me*review* lagi pengisian kurikulum, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti *professional development* para guru dan juga kualiti penilaian berterusan, penilaian kendiri bagi pelajar-pelajar dan memperluaskan lagi penggunaan teknologi *digital*.

   Jika tadi, Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan. Sebaiknya 'kitani' sama-sama memberikan ucapan tahniah itu kepada semua guru, tenaga pengajar di Negara Brunei Darussalam kerana tanpa mereka, 'kitani' tidak dapat mengecapi peningkatan sedemikian. Juga kepada ibu bapa atas sokongan dan dukungan yang berterusan yang diberikan kepada anak-anak mereka.;

2. Mengenai kolerasi antara keputusan dengan pendedahan *basic early childhood education* ataupun pendedahan pendidikan awal kanak-kanak. Sebenarnya, keberkesanan program masa 'diorang' dahulu mengikuti Program *Early Childhood* itu, tidak dapat dipastikan sama ada ia berkesan ataupun tidak. Keberkesanan *that programme* kerana tidak ada *items* dalam *PISA* yang menyentuh mengenainya tetapi kalau ia mengikuti sahaja, *we do not know the quality*.

   Terdapat kolerasi yang menunjukkan keputusan yang baik dalam *PISA* dan penglibatan dalam pembelajaran awal kanak-kanak, ada kolerasi tersebut. Dapatan yang diperolehi dari *PISA* 2022, menunjukkan pelajar dari Negara Brunei Darussalam telah memperolehi *score* yang lebih tinggi khususnya dalam domain *Mathematics*. Jika mereka bersekolah di peringkat awal, iaitu *early childhood education*.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pindaan telah dibuat dalam Akta Pendidikan Wajib Penggal 2011, bahawa umur wajib kanak-kanak

'kitani' turunkan daripada enam tahun kepada lima tahun. Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti *PISA* 2022, 75% daripada pelajar-pelajar ini *is quite big,* yang sudah mengikuti sekurang-kurangnya setahun pendidikan awal kanak-kanak. Jadinya, kalau 100% kanak-kanak 'kitani' mengikuti pendidikan awal kanak-kanak dan mengingatkan 'kitani' lagi ada kolerasi antara kedua-keduanya, إِنْ شَاءَ اللهُ, 'kitani' berharap akan ada peningkatan dalam *PISA;*

3. Perbelanjaan *cumulative* setiap pelajar, perbandingannya dengan negara-negara lain. Memang *OECD PISA* ada melaporkan perbelanjaan negara-negara yang mengambil bahagian dalam pendidikan dari segi perbelanjaan *cumulative* setiap pelajar sepanjang *tempoh theoretical* pengajian, terdapat kolerasi antara perbelanjaan ataupun *expenditure* dengan pencapaian. Mungkin Yang Berhormat ada melihat *graph* dalam *PISA analysis* itu, ada *correlation* dengan R^2 *0.5*.

   Tetapi kalau 'kitani' amat-amati lagi, di sini ia mendatar dan keberadaan Negara Brunei Darussalam, berada di sini yang purata perbelanjaan *per student* itu memang sangat tinggi. Perlu 'kitani' ingat bahawa perbelanjaan yang tinggi disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktornya adalah kadang-kadang kerana sekolah 'kitani' ada yang hanya 15 orang *students*, ada 20 dan sebagainya sedangkan kalau mengikut purata di negara-negara lain mungkin banyak beribu *students* itu *per school*.

   Jadi, ia boleh mengakibatkan perbelanjaan *per student* itu tinggi. Ertinya di sana terdapat *margin of error*. Kalau dari segi statistiknya 'kitani' terpaksa juga *take into consideration*. *Having said that*, apabila *graph* tadi itu mendatar di sebelah Negara Brunei Darussalam, iaitu yang paling tinggi di sana. Ertinya apabila sampai satu *point*, terdapat faktor-faktor lain lagi yang boleh menjadi penyebab utama ataupun ada korelasi kepada pencapaian.

   Dalam satu analisis lain, terdapat korelasi yang sedikit lebih tinggi dengan aras R^2 *0.6* bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) ataupun *Gross Domestic Production (GDP)* juga merupakan satu faktor. Faktor status ekonomi, sosial, kebudayaan dan sebagainya.

   Dalam satu pemikiran yang lain juga, pada tahun 2022 memang 'kitani' telah membelanjakan peruntukan *sebanyak x thousand* tetapi dari *x thousand* itu, pada tahun tersebut 70% daripada perbelanjaan tersebut adalah untuk membayar gaji dan 30% digunakan untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang. 70% daripada tadi itu adalah untuk membayar gaji tenaga pengajar dan juga bukan tenaga pengajar yang berjumlah lebih $12,000.

Jadinya 30% itu daripada *x thousand* itu, 'atutah kitani' gunakan untuk perkhidmatan pendidikan, biasiswa, *grant*, utiliti dan sebagainya.

Berbalik kepada negara-negara lain, yang mungkin 'kan kitani' bandingkan. 'Kitani' tidak tahu daripada *x amount of budget* yang 'diorang' ada itu, berapa peratus untuk 'diorang' bayar gaji dan berapa peratus 'diorang' gunakan untuk aktiviti-aktiviti pendidikan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan 'diorang'.

Mengenai data analisis. Bolehkah 'kitani' menganalisis data dan statistik seperti *artificial intelligence* dan *predictive tool* untuk mengenal pasti bahagian-bahagian *PISA* untuk meningkatkan lagi pencapaian 'kitani'? Sebenarnya, setelah 'kitani' menerima *result* daripada *PISA*, memang 'kitani' ada membuat *a lot of simulation* dengan data-data dan menganalisis data-data tersebut.

Walaupun bukan senang sebab kalau 'kitani kan' mengikuti 'diorang' ini, 'diorang' ini ada yang sudah meninggalkan misalannya tahun 2018, ada yang sudah meninggalkan alam persekolahan dan sebagainya. *So* 'kitani' kalau 'kan' membuat *analysis of per cohort,* 'kitani' dapat membuat secara *stratified* sahaja. Tetapi *yes* 'kitani' sudah dapat, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, 'kitani' dapat mencari juga beberapa *predictive tools* yang dapat digunakan dan *the team*, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dapat menggunakan *predictive tools* seperti *rush model analysis RN Conquest* untuk mengira *linear* dan *multiple regression* dan *other predictive analysis*. Jawapannya ada. Keciciran pelajar, 'pembarigaan' Akta Pendidikan Wajib, ini soalan yang sudah saya jawab tadi, *approach* 'kitani' sudah berlainan bagi mereka yang tidak bersekolah, yang tercicir itu, *they can come back to us and this is very interesting* Yang Berhormat bertanya apa *catch phrase* untuk pendidikan ini, walaupun belajar tinggi-tinggi tetapi tidak juga bekerja*. I tried hard* tetapi *this is the best I can say, I think educated unemployed is still much better than uneducated unemployed.;* dan

5. Mengenai cadangan untuk menaikkan umur pendidikan wajib ke 18 tahun. Perkara ini sebenarnya pernah dibincangkan di peringkat Mesyuarat Majlis Pelajaran Kebangsaan (MPK) pada 15 Februari 2016. Berdasarkan hasil mesyuarat tersebut, tiada kolerasi antara tempoh persekolahan yang lebih lama dengan pengurangan masalah pengganguran.

   Sebaliknya, isu-isu seperti mewujudkan sumber-sumber ekonomi selain industri minyak dan gas adalah lebih relevan untuk difikirkan kerana ia boleh memberikan banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.;

6. Mengenai bahasa, soalan yang terakhir. Selain mata pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai mata pelajaran teras, memang Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum juga menyediakan kurikulum bahasa-bahasa seperti *French*, Bahasa Arab dan juga Mandarin. Ketiga-tiga bahasa tersebut ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan sahaja, bukan teras di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab.

   Pada tahun 2023 sebanyak 27 buah sekolah menengah dan maktab telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Arab dengan keramaian 2,699 pelajar yang telah mengikutinya dan 172 orang yang telah mengikuti pembelajaran Bahasa Mandarin. Pada masa ini, *unfortunately* Bahasa *French* masih belum dapat ditawarkan disebabkan oleh ketiadaan tenaga pengajar.

   Pihak Kementerian Pendidikan menyambut baik saranan Yang Berhormat mengenai mempelbagaikan lagi bahasa lain dalam kurikulum sekolah dan إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan dibincangkan lagi di peringkat kementerian dengan mengambil kira relevansinya dan kepentingannya kepada pelajar-pelajar. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan suka untuk membuat intervensi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck berkenaan kajian-kajian yang dibuat oleh institusi-institusi pengajian tinggi berkenaan dengan pertanian dan agrimakanan.

Sebenarnya ada terdapat kolaborasi antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan dengan institusi pengajian tinggi pada masa ini bahawa penyelidikan-penyelidikan itu, hasil itu digunakan bagi membolehkan pihak jabatan memberikan *formulation* ataupun strategi yang lebih efektif kepada peladang-peladang 'kitani' pada masa ini.

Sebagai contoh, berkolaborasi dengan pihak UNISSA, pada masa ini ada 3 penyelidikan untuk *soil improvement* bagi ladang-ladang di negara ini, menggunakan *chicken manure, organic farming concept* dan juga *other technique*. Itu 3 penyelidikan yang dibuat oleh UNISSA.

Di samping itu juga, dengan pihak UNISSA, satu kajian berkenaan dengan *vertical farming, introduction to vertical farming, implication* kepada produktiviti. Itu penyelidikan yang dibuat oleh pihak UNISSA bersama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Di samping itu juga, 'kita' bagi pihak *environment* mendapat bantuan pihak UNISSA dalam

mengkaji *shelf live* untuk mengekalkan kesegeran hasil tani 'kitani'. Ini adalah satu penyelidikan yang dibuat oleh UNISSA untuk membantu mengurangkan *waste* dalam hasil tuaian.

Dengan pihak UTB pula, 'kitani' ada membuat *research and packaging* dan juga *research in irrigation on farming.* Pihak *IBTE* sekarang menggunakan *paddy farming trial*. إِنْ شَاءَ اللهُ dalam sekejap masa lagi Jabatan Perikanan akan melibatkan pihak UNISSA dalam membuat kajian bersama dengan pihak *Singapore broodstock development (breeding and hatchery*). Ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat dilaksanakan dalam sekejap masa lagi untuk membolehkan 'kitani' meningkatkan kapasiti untuk menyediakan baka ikan-ikan di negara ini.إِنْ شَاءَ اللهُ. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana telah menjawab soalan-soalan yang begitu banyak yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ini juga menunjukkan betapa minat yang terdapat dalam kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai alam pendidikan ini dan juga adalah menjadi keutamaan sama ada kepada keluarga dan mahupun komuniti bahawa pendidikan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam kehidupan 'kitani'.

Walau bagaimanapun, 'kitani' telah melihat Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan juga beliau telah berjanji untuk memberikan jawapan-jawapannya secara bertulis terhadap soalan-soalan yang belum dapat dijawab dengan jelas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira sudah selesai kita membincangkan Rang Belanjawan Kementerian Pendidikan ini dan kita telah memberikan kesempatan kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membahaskannya.

Maka, saya berpandangan ada baiknya Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk SF01A hingga SF06A ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah pun selesai meluluskan Tajuk-Tajuk Belanjawan di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya kira cukuplah sekian kita berbahas di Peringkat Jawatankuasa ini, maka Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang

semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya kira cukup sekian kita bersidang pada hari ini. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula, إِنْ شَاءَ اللهُ ,pada esok hari, iaitu hari Khamis, 14 Mac 2024 mulai dari pukul 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 3 Ramadan 1445 / 14 Mac 2024

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kedua belas, hari ini Khamis, 3 Ramadan 1445 bersamaan 14 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bagi bersidang pada hari yang kedua belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneruskan penelitian Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada hari semalam telah pun selesai

membahaskan dan seterusnya meluluskan Belanjawan di bawah Kementerian Pendidikan. Maka sekarang kita beralih kepada Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A - Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita beralih kepada Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebelum saya membukakan bagi Tajuk di bawah kementerian ini untuk dibahaskan seperti yang lazimnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju penyediaan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera, selamat pagi dan salam 3 Ramadan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله yang peramba/kaola/saya hormati. Lebih dahulu, izinkan peramba/kaola/saya merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang untuk menyampaikan ucapan mukadimah tentang fokus Belanjawan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 di Dewan yang mulia ini, pada hari ketiga kita Berpuasa fardu bulan Ramadan Syahrul Quran, bulan keampunan yang penuh keberkatan dan keistimewaan.

Dalam kesempatan ini, peramba/kaola/saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan penuh hormat sukacita menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan bagi penyediaan Peruntukan sebanyak $566,321,410.

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum jawatankuasa ini membincangkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini. Ia bertujuan memandu

perbincangan secara lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal belanjawan yang akan dibincangkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sukacita dimaklumkan bahawa Anggaran Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dirangka dengan memberikan penekanan kepada matlamat dan keutamaan tema belanjawan negara Tahun Kewangan 2024/2025: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi utama dalam menerajui dan menyelaras pelaksanaan fungsi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjunjung sepenuhnya hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam terus meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan sebagai pemangkin kepada pembangunan perekonomian negara yang berdaya tahan serta menjaga kepimpinan, keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara serta rakyat dan penduduk di negara ini selaras juga dengan visi Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri iaitu: 'Kepimpinan dan Tadbir Urus Yang Cemerlang' dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya menyasarkan pelaksanaan anggaran perbelanjaannya berasaskan usaha-usaha mendukung tiga keutamaan Belanjawan Negara yang telah ditetapkan.

Keutamaan pertama iaitu: Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam. Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus bertindak merangka strategi ke arah memelihara kestabilan politik, mempertahankan kedaulatan negara serta menyokong usaha-usaha berkaitan pertahanan dan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa termasuk perencanaan kebangsaan dalam memerangi ancaman kepada keselamatan. Justeru, agensi-agensi keselamatan negara akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan khasnya orang awam sebagai penekanan kepada pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*. Dari aspek kemajuan dan pembanguan sosial di negara ini pula, pembentukan *social blueprint* akan menjadi dokumen utama dalam penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan dasar strategi dan program yang berkaitan.

Ia juga diselaraskan dengan keutamaan-keutamaan Wawasan Brunei 2035 khasnya kepada Matlamat 2 iaitu: Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi. Keberkesanan dan mutu perkhidmatan berkaitan menjaga keselamatan awam akan terus sahaja diberikan perhatian

dan keutamaan. Ia dilaksanakan menerusi kerahan tenaga kerja secara berancang dan perolehan aset secara berhemat serta penggunaan yang optimum.

Sebagai misalannya, ke arah memastikan kelancaran operasi dan meningkatkan keberadaan agensi penguat kuasa di seluruh negara, penggunaan kenderaan dan motosikal dilaksanakan di bawah Projek Perancangan Perolehan Aset Pasukan Polis Diraja Brunei bagi kegunaan Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Kepentingan memelihara kesejahteraan awam juga turut dititikberatkan menerusi peranan agensi-agensi media rasmi kerajaan iaitu Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan. Agensi-agensi berkenaan akan terus bekerjasama dengan setiap kementerian, jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkanun dalam sama-sama memastikan maklumat-maklumat berkaitan kerajaan adalah betul serta penyiarannya teratur dan cepat kepada umum. Antara pendekatan yang dimaksudkan termasuklah penerbitan program radio dan televisyen, penerbitan akhbar rasmi kerajaan iaitu "Pelita Brunei" dan juga pelaksanaan program-program kemasyarakatan di peringkat akar umbi dan kenegaraan.

Tidak kurang pentingnya ialah peranan yang diambil di peringkat Jabatan Perdana Menteri sendiri, khasnya penggunaan platform multimedia terkini dalam menyalurkan maklumat sebagai misalannya Pejabat Wawasan Brunei melancarkan aplikasi *Instragram* rasmi *@wawasanbrunei2035* dan juga laman sesawang matlamat pembangunan yang berdaya tahan *(Sustainable Development Goal-SDG) SDG Tracker* dan aplikasi *Instagram* rasmi *@sdg_brunei*. Manakala Jabatan Mufti Kerajaan, selain penerbitan Makalah "Al-Hadaf" dan terbitan-terbitan yang lainnya secara rutin juga telah memperkenalkan saluran *YouTube* dan aplikasi *Instragram* rasmi *@jmkbrunei*.

Usaha-usaha sedemikian bertujuan agar semua pihak khasnya orang ramai memperolehi maklumat terkini dan betul mengenai usaha-usaha dan kemajuan dalam bidang-bidang berkenaan selain menjadi landasan bagi perkongsian kemajuan di peringkat antarabangsa dan menggalakkan kerjasama serta meningkatan tindakan bersepadu senegara, serantau dan antarabangsa.

Dari segi ketersediaan dan kedayatahanan hidrokarbon pula, usaha-usaha terus dipertingkatkan dalam memastikan sumber minyak dan gas adalah mencukupi dan adanya kesinambungan bagi bekalan tenaga dalam negara, khususnya bekalan tenaga elektrik dan bahan api termasuk produk petroleum dan tong *LPG*.

Bekalan tenaga yang berterusan adalah penting dalam mendukung pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan bagi

kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga amat menitikberatkan keberlangsungan bekalan tenaga.

Dengan pelaksanaan projek pembangunan yang berterusan di bawah Peruntukan Belanjawan Tahunan dan juga Rancangan Kemajuan Negara sebelum ini, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mempertingkatkan kedudukan indeks *realibility* bekalan tenaga elektrik atau *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* secara signifikan sejak antara tahun 2013 hingga ke tahun 2022 iaitu pada tahap yang setaraf dengan yang terbaik di rantau ini. Namun, seperti juga dalam utiliti-utiliti pembekal tenaga negara lain, Negara Brunei Darussalam tidak terlepas daripada cabaran insiden gangguan bekalan tenaga yang tidak dijangka-jangka yang pada lazimnya disebabkan oleh infrastruktur sistem yang gagal untuk berfungsi pada tahap optimum dan juga perkara-perkara yang di luar kawalan. Oleh yang demikian, keutamaan adalah diberikan kepada penaiktarafan prasarana sistem bekalan tenaga elektrik dari segi pengukuhan, pembaikan dan pembaharuan.

Ini termasuk meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan pencegahan *(preventive maintenance)* dan penyelenggaraan pembetulan *(corrective maintenance*). Pada sistem penjanaan, sistem rangkaian penghantaran *(transmission*) dan pembahagian *(distribution)* dan juga lampu-lampu jalan.

Di samping itu, dalam memastikan kesinambungan perkhidmatan-perkhidmatan kritikal yang terkesan oleh insiden gangguan pembekalan tenaga elektrik, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik giat memperbaiki tindakan balas khususnya melalui Pelan Kesimbungan Operasi *(Bussines Continuity Plan)* yang lebih berintergrasi antara pihak-pihak kerajaan yang berkaitan. Ini termasuk memastikan ketersediaan bekalan tenaga dari saluran dan sumber alternatif termasuk *genset* bergerak bagi menampung bekalan pada situasi gangguan yang di luar jangkaan.

Dalam terus memenuhi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha untuk meningkatkan kapasiti bekalan giat dilaksanakan. Ke arah ini, pembinaan Stesen Jana kuasa Bukit Panggal Fasa 2, telah direncanakan dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2027. Keutamaan turut diberikan bagi memperluaskan penyediaan perkhidmatan bekalan tenaga elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman termasuk Mukim Sukang dan Melilas, Daerah Belait yang sudah mula menerima bekalan secara berfasa.

Bagi bekalan bahan api untuk kegunaan dalam negara pula, أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan adanya Loji Penapisan Minyak di Pulau Muara Besar, bekalan produk petroleum akan sentiasa dapat dijamin dan had

minimum stok negara *(country wide stock)* kekal pada tahap 21 hari pada setiap masa. Manakala bagi tong *LPG* pula, had minimum stok negara kekal akan ditingkatkan daripada 7 hari kepada 14 hari mulai tahun ini bagi memastikan bekalan adalah lebih tinggi daripada kadar permintaan pada masa ini. Pelan Kontingensi Bekalan *LPG* yang merupakan langkah jangka masa yang pendek juga diperkukuhkan melalui pengimportan *LPG* secara *bulk* untuk seterusnya diproses bagi pembotolan di kilang *LPG*, Lumut, Seria.

Sebagai jaminan masa jangka yang panjang, إِنْ شَاءَ الله sebuah kilang pembotolan baharu akan dibangunkan di Pulau Muara Besar pada tahun 2026 dengan kapasiti yang lebih tinggi dan konsep reka bentuk yang lebih cekap.

Ke arah mendukung sebahagian keutamaan pertama ini khususnya Meningkatkan Produktiviti Awam Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif menjurus kepada meningkatkan lagi tahap produktiviti dalam perkhidmatan awam dan mutu perkhidmatan yang disediakan bagi orang ramai dan pihak swasta.

Inisiatif-insiatif ini antara lainnya termasuk:

1. Peralihan sebahagian daripada peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) ke kementerian-kementerian bagi pengambilan jawatan-jawatan Bahagian 2 ke bawah yang ia adalah bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengisian jawatan kosong. Selain itu, usaha untuk menambah baik sistem *Public Service Commission Recruitment 2.0 (PSCR 2.0)* dan *Public Service Commission Computerised Assesment Management System (PSC-CAMS)* juga diteruskan dalam penambahan dan penambahbaikan *features* agar proses jawatan kosong dapat dipercepatkan.;

2. Pelaksanaan fasa kedua bagi Sistem Sumber Manusia (SSM) modul-modul yang berkaitan pengurusan sumber manusia dan *payroll* dilancarkan. Pelancaran modul-modul ini akan mengurangkan lagi proses kerja yang dilaksanakan secara manual termasuk keupayaan bagi perolehan data secara digital dengan cepat. Ini setentunya dapat menyumbang kepada pengurusan sumber manusia dan pelaksanaan proses kerja yang lebih efisien dan bersistematik.;

3. Anugerah Inovasi Perdana (AIP) akan terus diadakan pada setiap tahun bagi mempergiatkan usaha serta memupuk budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam. Sejak AIP bermula pada tahun 2019 sehingga 2023 sebanyak 50 projek telah diterima dan 39 daripadanya telah dipertandingkan bagi penganugerahan tersebut.;

4. Melaksanakan bengkel membangunkan rangka kerja bagi mengukuh tahap produktiviti di sektor awam di peringkat *ASEAN*, bengkel ini merupakan antara insiatif dirangka kerja *ASEAN Cooperation Of Civil Service Matters (ACCSM) 2021 - 2025* yang hasilnya nanti akan dapat membantu dalam merancang, meneroka, membentuk dan melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti awam khususnya bagi negara ini.; dan

5. Terus melaksanakan dan menemas kini program-program latihan kepada pembangunan keupayaan dan kemahiran yang diteraskan perkembangan teknologi di samping membudayakan invovasi dalam pelaksanaan tugas seharian.

Beralih pula kepada Keutamaan Kedua, iaitu: Memupuk Kepelbagaian Ekonomi yang Mampan.

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga terus giat berusaha dalam mengekalkan sektor huluan bagi tujuan mendukung usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara yang secara langsung dalam memperkembangkan lagi sektor hiliran minyak dan gas. Kita terus mensyukuri nikmat dalam kita masih mampu bertahan mengeluarkan minyak dan gas semenjak tahun 1929. Walau bagaimanapun, sektor huluan adalah semakin mencabar dari segi teknikal, komersial dan *economical.*

Dalam meningkatkan prospek pengeluaran, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, terus mengutamakan persepaduan dengan semua pihak bagi memastikan operasi yang optimum dalam jangka masa yang pendek dan bagi jangka masa serderhana dan panjang pula untuk mempertingkatkan kebolehlaksanaan projek-projek pemajuan padang dan aktiviti eksplorasi sepertimana juga seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengekalkan dan mengaktifkan hala tuju pengeluaran sektor huluan.

Ke arah mendukung usaha-usaha ini, sebuah Jawatankuasa Pandu Pertumbuhan Huluan telah pun ditubuhkan bagi pendekatan yang lebih berintegrasi yang boleh mempercepatkan pelaksanaan. Pada tahun 2023, أَلْحَمْدُ لِلّٰه projek kemajuan baharu, iaitu "Projek Salman" telah mula menghasilkan *first oil* dengan pengeluaran daripada telaga-telaga baharu juga turut berjaya dipercepatkan.

Dalam memajukan sektor hiliran, Perjanjian Pelaksanaan *(Implementation Agreement)* bagi Projek Kemajuan Pulau Muara Besar Fasa 2 telah pun ditandatangani pada bulan November tahun lepas antara pihak Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam

dan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei *(BEDB)* bersama pihak syarikat *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* bagi memperkembangkan sektor hiliran minyak dan gas di negara ini ke arah mendukung dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan *Economic Blueprint* Negara Brunei Darussalam.

Fasa 2 ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2029 dan akan menumpukan kepada produk-produk baharu hiliran yang mempunyai nilai yang lebih tinggi yang mula menambah lagi produk-produk seterusnya bagi perkembangan kegiatan hiliran lanjutan. Ini akan mengukuhkan lagi nilai rantaian bekalan sektor hiliran dan secara tidak langsung mengukuhkan lagi kedudukan keterjaminan tenaga negara dan terus memainkan peranan sebagai pembekal sulung rasmi negara bagi membekalkan produk-produk petroleum seperti *gasoline, diesel* dan *Jet-A1* dan bakal dikeluarkan, iaitu *LPG,* yang produk-produk ini memenuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dari segi kualiti produk, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar *(HSE).* Di samping itu, Fasa 2 ini dijangka akan meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan dan perusahaan baharu bagi anak-anak tempatan.

Dalam memastikan sektor tenaga secara keseluruhannya adalah lestari dan rendah karbon pula, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga akan terus memberi fokus terhadap inisiatif-inisiatif seperti pengoptimuman operasi, kecekapan dan penjimatan tenaga serta penggunaan teknologi dan tenaga alternatif yang mula diperbaharui, khususnya tenaga solar (suria).

Projek Tenaga Suria 30 Megawatt di Kampung Belimbing Subok pada masa ini sedang dimajukan, إِنْ شَاءَ الله akan mula beroperasi pada tahun 2025, manakala yang selainnya termasuk Projek Tenaga Suria yang dimajukan oleh pelbagai agensi, termasuk syarikat-syarikat pengendali seperti sistem solar berskala besar anjuran *TotalEnergies Brunei* dengan kapasiti 12 megawatt yang dijangka menghasilkan *first power* pada awal tahun 2025.

Ke arah ini, beberapa tapak perairan *(floating solar)* telah dikenal pasti sebagai tapak-tapak sistem loji tenaga suria. Pembangunan Tenaga Suria yang berskala kecil dan sederhana juga akan diusahakan untuk menggalakkan orang ramai memasang sistem tenaga *solar* secara sukarela. Dengan memastikan teknologi alternatif ini adalah mampu milik bagi menggalakkan penggunaan tenaga suria yang lebih berleluasa, Jabatan Tenaga telah menekan terus mekanisme kos yang paling berkesan. Walau bagaimanapun, harga keseluruhan pembekalan dan pemasangan sistem *solar* adalah juga dipengaruhi oleh faktor-faktor pasaran.

Dalam memajukan dan mempercepatkan projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui dan lebih berintegrasi, satu Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga telah pun ditubuhkan dalam melibatkan pihak-pihak yang

berkepentingan seperti yang peramba/kaola/saya telah kongsikan pada minggu lepas. *Input* daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah sangat-sangat dialu-alukan juga oleh Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Bagi mencerminkan komitmen kerajaan dalam menerajui usaha-usaha penjimatan tenaga pula, Jabatan Tenaga giat bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain menerusi *Energy Managers* yang masing-masing dilantik untuk mengamalkan penjimatan dan kecekapan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan termasuk mengadakan pengauditan tenaga.

Penubuhan *ASEAN Centre for Climate Change* (*ACCC)* atau Pusat Perubahan Iklim *ASEAN* di Negara Brunei Darussalam juga menekankan komitmen negara terhadap usaha-usaha berkaitan perubahan iklim selaras dengan hasrat ke arah menjana pembangunan negara dan ekonomi yang berdaya tahan. Pusat ini, yang dijangka akan beroperasi pada tahun ini, merupakan sebuah hab ilmu serantau dan penyelidikan perubahan iklim yang menggalakkan tindakan iklim *collective* serantau dalam kalangan negara-negara anggota *ASEAN*. Ini dapat direalisasikan menerusi pembangunan dasar dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama perubahan iklim terutamanya berkaitan mitigasi, adaptasi dan kewangan.

Kaola seterusnya mengongsikan secara ringkas mengenai Keutamaan Ketiga, iaitu: Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus melaksanakan program-program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kemahiran para penjawat awam di negara ini. Sebagai usaha pembaharuan, pelaksanaan program-program di bawah *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP),* untuk pertama kalinya *Program Executive Development Programme for Senior Government Officers (EDPSGO)* Ke-30 pada tahun lalu telah dikendalikan dengan kerjasama pihak *Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.*

Gabungan kepakaran ini diharap dapat memberikan impak positif kepada pembelajaran yang lebih komprehensif dan mendorong para peserta program untuk mempraktikkan daya pemikiran yang berasaskan *solutions-centred,* di samping menerapkan keupayaan dalam membuat keputusan yang lebih berkesan dan penghasilan cadangan dasar dan projek yang inovatif dan bersifat transformatif.

Program-program peningkatan kapasiti yang lainnya seperti *Young Executive Programme (YEP)*; dan *Executive Development Programme for Middle Management Officers (EDPMMO)* akan terus dilaksanakan termasuk penelitian terhadap keberkesanannya agar perisiannya akan kekal relevan dan

memberikan impak signifikan yang diharapkan.

Selain program dalam negara, program kerjasama dengan negara luar turut diberikan keutamaan antaranya adalah Program Perkembangan Perkhidmatan Awam yang merupakan sebuah Program Penempatan Kerja Penjawat Awam Negara ke Republik Singapura. Program selama satu tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan memperluas jangkauan profesional para peserta menerusi pengalaman kerja secara langsung dan kefahaman tentang amalan-amalan terbaik yang dapat diterapkan dalam bidang fokus masing-masing. Setakat ini, seramai 9 orang pegawai yang merupakan kohort pertama mengikuti program berkenaan pada tahun lepas, dan إِنْ شَاءَ اللهُ ini akan dilaratkan kepada pegawai-pegawai lain pada tahun ini.

Di samping itu, Program Pertukaran Perkhidmatan Awam yang dikenali sebagai *Echelon* Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus dikendalikan melibatkan penyertaan pegawai-pegawai kanan dalam perkhidmatan awam kedua buah negara.

Sudah setentunya kerjasama seumpama ini dapat memberikan manfaat bukan sahaja dalam meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai yang menyertai khasnya menerusi pertukaran idea, perkongsian pembelajaran yang berasaskan pengalaman *(experiential learning)* dan amalan-amalan terbaik; dan perkongsian ilmu pengetahuan, malah akan mengukuhkan lagi jaringan kerjasama (*networking*) dan hubungan baik antara kedua-dua buah negara yang telah sekian lama terjalin.

Dalam mengukuhkan lagi keupayaan penjawat awam di negara ini yang merentasi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA) kini giat 'mengungkayahkan' dan mengemas kini Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Perkhidmatan Awam atau *Public Service Capability Development Framework* secara ringkasnya *PSCDF*. Rangka kerja ini merupakan pembaharuan dalam ekosistem pembangunan keupayaan perkhidmatan awam melalui penilaian keupayaan dan kebolehan tenaga kerja dalam melaksanakan strategi, insiatif dan program kementerian dan jabatan.

Menerusi agensi-agensi kerajaan akan dapat mengenal pasti jurang, keupayaan individu dan seterusnya membolehkan perancangan dan pelaksanaan latihan yang disesuaikan dengan keperluan individu berkenaan. Ini adalah penting kepada meningkatkan prestasi kerja di peringkat individu dan kesan limpahan positifnya terhadap organisasi dan perkhidmatan awam amnya.

Dalam mewujudkan tenaga kerja tempatan yang *employable* dan *marketable,* Pejabat Perancangan Tenaga Manusia dan Pusat Pekerjaan Brunei melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) atau *Manpower Planning and*

Employment Council - (MPEC), dan kerjasama institusi-institusi pendidikan negara ini melaksanakan usaha berterusan dengan menyediakan program-program seperti *i-Ready, Program Study and Professional Institution - SPIN, Skills Plus, Technical and Vocational Education Training - TVET, Tradeskills* dan Program Jati diri yang mendukung usaha-usaha ke arah pembangunan modal insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Dalam pada itu, bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anak-anak tempatan pada peringkat profesional selain penyediaan rangka kerja kompetensi seperti *Brunei ICT Industry Competency Framework,* dan *Brunei Darussalam Marine Competency Framework, Programme TechInspire Apprenticeship Programme, Clinical Supervisory Programme (CSP)* dan *iLeap Flexi* telah diperkenalkan yang menyediakan program latihan dalam bidang *ICT*, Kesihatan dan Minyak dan Gas, ke arah memastikan kemahiran anak tempatan disejajarkan dengan keperluan industri dan ekonomi.

Dalam usaha menarik minat anak-anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta, *Salary Guideline* juga telah diperkenalkan yang menggariskan maklumat gaji jawatan-jawatan tertentu, dan bagi membantu syarikat-syarikat swasta dalam menyediakan pakej gaji yang lebih kompetitif.

Tidak terkecuali ialah penganjuran Program Peringkat Akar Umbi, kendalian Pusat Pekerjaan Brunei, yang melibatkan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (antaranya adalah Ahli-Ahli Yang Berhormat berada di Dewan yang mulia ini) untuk berganding bahu dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh anak-anak kampung, terutamanya dari segi hal-ehwal pekerjaan.

Melalui program ini, taklimat mengenai skop kerja, inisiatif serta program yang 'diungkayahkan' telah diberikan dan sesi dialog juga dilaksanakan. Melalui sesi dialog tersebut, penghulu mukim dan ketua kampung telah berkesempatan mengongsikan isu-isu, pandangan dan cadangan penambahbaikan dalam sama-sama berusaha ke arah mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan pengambilan pekerjaan dan kemahiran dalam kalangan anak-anak tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Dalam menjaga kebajikan peserta-peserta Program Tenaga Manusia yang dikendalikan, inisiatif-inisiatif seperti pemberian *on-boarding pack*, pemantauan dan penilaian berkala melalui lawatan-lawatan, penyediaan borang maklum balas dan nombor talian *hotline* juga telah diperkenalkan oleh Pejabat Perancangan Tenaga Manusia.

Sementara di sektor tenaga pula, inisiatif dalam memperluaskan lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan khususnya di syarikat-syarikat pengendali utama minyak dan gas termasuk juga syarikat-syarikat industri sektor hiliran minyak dan gas, giat dilaksanakan selaras dengan matlamat

Arahan *Bruneianisation (Bruneianisation Directive).* Manakala Arahan Pembangunan Perniagaan Tempatan untuk Industri Minyak dan Gas *(Local Business Development Directive for the Oil and Gas Industry)* akan terus memainkan peranan penting dalam penyediaan ekosistem yang kompetitif bagi Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana *(MSME)* tempatan sebagai misalan Program i-Usahawan.

Usaha-usaha juga dilaratkan kepada mengukuhkan lagi pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia di sektor tenaga. Justeru, pembangunan kapasiti kemahiran dan kompetensi pegawai dan kakitangan yang mampan, latihan-latihan yang berbentuk teknikal dan khusus serta pengendalian *Coaching Programme* akan terus saja dilaksanakan melalui Rangka Kerja Kecekapan Sumber Manusia atau *Human Resource Competency Framework (HRCF).*

Secara keseluruhannya, usaha-usaha memperkasa tenaga manusia di negara ini dipandu oleh *Manpower Blueprint* yang diterajui oleh JPM melalui Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan bersama Kementerian Pendidikan, sebagai panduan kebangsaan bagi agensi pelaksana dan pihak-pihak berkepentingan merangka pelan strategik di peringkat kementerian dan sektor-sektor lain, di samping menyejajarkan dasar pendidikan, latihan dan tenaga manusia, serta haluan strategik ke arah perancangan tenaga manusia yang berkesan, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan objektif Maqasid Syariah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam mendukung ketiga-ketiga keutamaan belanjawan yang telah peramba/kaola/saya huraikan tadi, dari sudut urus tadbir Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 di bawah Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang selaras dengan usaha mengukuhkan lagi urus tadbir Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035.

Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Wawasan Brunei sedang melaksanakan inisiatif bagi mendapatkan Sijil Pengiktirafan Sistem Kualiti Pengurusan *(ISO Certification)* bagi Pejabat Wawasan Brunei.

Inisiatif ini akan memberikan penilaian terhadap keberhasilan pencapaian Wawasan Brunei 2035 termasuk verifikasi ke atas *KPI's* Kebangsaan melalui perspektif dan pengesahan bebas, peningkatan kualiti Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 termasuk kualiti *KPI's* Kebangsaan, penekanan kepada data dan pembuatan keputusan berasaskan bukti dan pengenalpastian dan pengurusan risiko yang boleh menjejaskan pencapaian Wawasan Brunei 2035 melalui pemikiran berasaskan risiko.

Sukacita juga peramba/ kaola/ saya memaklumkan bahawa usaha-usaha Tahun Kewangan 2024/2025 ini juga dihasratkan untuk mendukung Program *Fiscal Consolidation* dalam memastikan perbelanjaan secara berhemat dan berkeutamaan tinggi *(priority spending)* yang menekankan *'value for money'* di samping terus memastikan kawalan dalaman adalah mencukupi berkaitan pengurusan kewangan setiap jabatan ke arah mencapai keberhasilan yang dihasratkan menerusi perbelanjaan tersebut.

Kesimpulannya, dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ juga dan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussaslam, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa terpandu oleh keutamaan-keutamaan di bawah setiap matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan terus menekankan pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam perencanaan dan pelaksanaan strategi-strategi yang diterajuinya.

Jabatan Perdana Menteri juga akan terus berusaha dalam menguruskan perbelanjaan yang diperuntukkan secara berhemat dan memastikan setiap perbelanjaan akan menghasilkan impak positif dan bermakna kepada pembangunan negara serta setiap rakyat dan penduduknya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berasaskan itu, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, bagi Tahun Kewangan 2024/2025 telah disokong untuk disediakan peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak $566,321,410, iaitu sebanyak $321,284,710 bagi Gaji Kakitangan dan $245,036,700 bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekianlah sahaja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai cadangan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Sebelum mengakhiri, kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini adalah berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara yang isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka, maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas penerangan yang jelas dan terperinci berkenaan dengan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita mula untuk membahaskan dan membincangkan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pertahanan II tadi bahawa 5 jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dikategorikan sebagai jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Jabatan-jabatan ini berkaitan secara langsungnya dengan hal-ehwal strategik dan keselamatan negara dan tidak sesuai untuk dibincangkan secara terbuka maka jabatan-jabatan ini tidaklah perlu kita dibincangkan belanjawannya di dalam Dewan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perdana Menteri mempunyai 21 Tajuk, maka saya berpendapat bagi memudahkan perbincangan dan supaya ia lebih berkesan dan teratur maka tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri ini akan kita pecahkan kepada 3 bahagian untuk diteliti dan dibahaskan.

Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A, sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Belanjawan Kementerian ini. Saya kira, saya akan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat dahulu untuk mengemukakan soalan-soalan mereka dan seterusnya saya akan mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memberikan jawapan ataupun responsnya.

Sekarang, saya mempersilakan untuk mendahuluinya Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas penjelasan mengenai hala tuju Belanjawan Jabatan Perdana Menteri sebelum ini. Kaola ingin mengetengahkan isu pengangguran di negara ini yang sebenarnya isu yang berulang kali ditimbulkan.

Kaola ingin memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengenai beberapa perkara. Seperti yang diterangkan sebelum ini semasa perbincangan mengenai Rang Perbekalan pada awal persidangan tahun ini bahawa kadar pengangguran di negara kita dilaporkan sebanyak 5.2% pada tahun 2022. Namun jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang lebih kurang setengah juta, angka tersebut masih merupakan jumlah yang tinggi berbanding dengan negara-negara yang mempunyai bilangan penduduk yang lebih besar.

Kaola ingin memohon penjelasan lebih lanjut mengenai peratus yang dikongsikan ini sama ada 5.2% ini adalah termasuk individu yang sedang bekerja tetapi *pay scale* yang diterima tidak berdasarkan pencapaian pendidikan mereka serta mereka yang bekerja secara sementara tetapi berpotensi untuk menganggur semula seperti mereka yang terlibat dalam Program *i-Ready* atau pekerjaan sementara berdasarkan projek apabila kontrak mereka berakhir, mereka akan menganggur semula?

Selain itu, kaola ingin mengetahui strategi atau langkah-langkah yang selanjutnya yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak *MPEC* setelah kontrak-kontrak mereka yang sementara itu berakhir untuk memastikan bahawa individu-individu ini tidak perlu berbalik kepada pengangguran? Apa yang dapat ditawarkan kepada mereka untuk membantu mereka tetap berada di dunia kerja? Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum itu kaola tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas usaha dan perancangan ke arah tadbir urus Perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Apa yang kaola harapkan agar ia dapat dilaksanakan sesuai dengan hasrat matlamat pihak kementerian إِنْ شَاءَ اللهُ

Secara ringkas, kaola sukacita merujuk kepada persoalan kaola pada sesi muzakarah bersama Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan status taraf hidup rakyat yang terkini dengan mengambil kira situasi ekonomi sekarang yang serba mencabar. Perkara ini adalah penting sebagai petunjuk kedudukan kualiti hidup rakyat bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu kaola ingin mencadangkan agar satu kajian khusus perlu diwujudkan bagi mengetahui kedudukan semasa taraf hidup rakyat Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan peratus berdasarkan pendapatan setiap isi rumah mengikut kategori seperti di negara-

negara jiran. Apakah pernah dikemaskinikan status taraf hidup berdasarkan pendapatan dalam kategori iaitu fakir miskin, miskin dan sederhana serta kaya? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan pula Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hormatnya sukacita kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk ikut serta dalam membahaskan Peruntukan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini juga kaola ingin merakamkan terima kasih dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas pembentangan Peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang sangat komprehensif yang menggariskan hala tuju dan rangka kerja yang strategik mengikut keperluan dan keutamaan bagi mencapai ke arah visinya, kepimpinan dan tadbir urus yang cemerlang.

Transformasi dan pemodenan perkhidmatan awam yang cemerlang bagi sesebuah negara amat penting bagi memacu kemajuan dan perkembangan sosioekonomi negara memandangkan jentera penggerak utamanya yang berperanan sebagai pemudah cara terletak pada warga perkhidmatan awam.

Selari dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan ke arah menepati hasrat ini, kita sangat bersyukur dan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri kerana telah berjaya menyediakan satu peta jalan yang strategik yang berbentuk Rangka Kerja Perkhidmatan Awam bagi tahun 2016-2020. Rangka Kerja Perkhidmatan Awam tersebut telah mengenal pasti tiga (3) tema strategik iaitu:

i. Kepimpinan Yang Cemerlang.;
ii. Prestasi dan Produktiviti Organisasi.; dan
iii. *Pro-Business* dan Persekitaran Awam *(Public Environment).*

Sehubungan itu, sukacita mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, setakat manakah pelaksanaan transformasi dan

pemodenan selaras dengan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam yang dimaksudkan tersebut? dan seterusnya apakah kesinambungan kepada rangka kerja berkenaan untuk menyelaraskan dan sejajar dengan keadaan dan trend pada masa ini dan pada masa akan datang?

Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri sudah membuat kajian menyeluruh mengenai tahap produktiviti kerja perkhidmatan awam? Kajian merupakan komponen sangat penting untuk mengetahui setakat manakah sukat-sukat produktiviti kerja perkhidmatan awam khususnya dalam aspek *ranking* mengikut indeks tertentu seperti *World Bank* atau peringkat *ASEAN*.

Ada juga perlu untuk dikaitkan dengan indeks-indeks lain seperti *benchmark* seperti Indeks Keberkesanan Kerajaan (*Government Effectiveness Index*) sepertimana juga dipraktikkan oleh badan antarabangsa seperti *World Bank*.

Sehubungan itu, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, apakah langkah-langkah atau pelan tindakan untuk meningkatkan tahap pembangunan produktiviti khususnya di jabatan-jabatan kerajaan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jabatan Perdana Menteri sebagai ejen yang utama dan unggul bagi memperkasa dan menerajui ekosistem dasar kerajaan yang berkesan yang didukung oleh semua kementerian dan juga jabatan kerajaan dalam jentera Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana juga dalam misi Jabatan Perdana Menteri dalam Pelan Strategik Jabatan Perdana Menteri Tahun 2021-2024 yang menggariskan Jabatan Perdana Menteri menerajui pembentukan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar dan keutamaan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, kaola juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, setakat manakah Jabatan Perdana Menteri *as a leading agency* mempergiatkan usaha dalam menyelaraskan atau menyejajarkan dasar-dasar atau polisi-polisi kerajaan untuk memastikan semua kementerian dan agensi kerajaan mendukung dan melaksanakan tugas dalam bidang kuasa masing-masing untuk kita bersama-sama merealisasikan atau menjayakan sesuatu dasar yang lebih berkesan dan mendatangkan impak yang signifikan serta efektif bagi mencapai sasaran yang dihasratkan, misalannya perkara ini telah pun disentuh iaitu bagaimana 'kitani' untuk menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur ke negara ini dan untuk mempromosi industri pelancongan di negara ini.

Itulah, kaola tidak akan memperpanjangkan perkara ini, kaola ingin penjelasan sahaja macam mana cara 'kitani' untuk meningkatkan penyejajaran dan penyelarasan semua sekali kementerian dan agensi kerajaan supaya kita dapat menuju pencapaian yang satu-satu dasar kerajaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh di sini Jawatankuasa Audit. Pada ingatan kaola, Jawatankuasa Audit pernah diwujudkan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri beberapa tahun yang lalu yang membincangkan mengenai Laporan Audit yang disediakan oleh Jabatan Audit.

Kaola berpendapat jawatankuasa ini perlulah diwujudkan kalau ia belum wujud lagi atau di*revive.* Ia adalah sangat penting yang antara lainnya menilai Laporan Audit dan hasil pengauditan kepada agensi-agensi kerajaan dalam mengenal pasti punca sebarang penyelewengan ataupun pelanggaran yang bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Kewangan apatah lagi yang melibatkan kerugian kepada pihak kerajaan.

Di samping itu, membuat penilaian bagi sokongan untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Jawatankuasa Audit ini seterusnya akan mencadangkan langkah-langkah pembaikan dan tindakan yang sewajarnya diambil untuk memperkesankan lagi tadbir urus yang berintegriti, bertanggungjawab dan lebih efisien, efektif dan dinamik dalam jentera Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam perkara ini, kaola memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Adakah jawatankuasa masih diwujudkan dan apakah fungsi dan peranannya?

Setakat ini, apakah kalau ia wujud, apakah keberkesanan, peranan dan fungsi Jawatankuasa Audit ini untuk memastikan keseluruhan agensi-agensi kerajaan dalam mematuhi Peraturan-Peraturan Kewangan dalam memperkasakan tadbir urus dan pengurusan hal-ehwal kewangan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya?

Mohon juga kepastian, sejauh manakah 'pembarigaan' dan penyebaran tentang kefahaman untuk diserapkan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan termasuk peringkat *executive* dan *management* bagi memahami dan berpengetahuan dalam pengurusan hal-ehwal kewangan dan perkara-perkara yang berkaitan menurut Peraturan-Peraturan Kewangan bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan, penyelewangan dan juga kegiatan yang tidak diingini seperti rasuah dan seumpamanya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Negara Brunei Darussalam memanglah kaya dengan adat-istiadat dan menjadi ristaan turun temurun. Namun, generasi pada masa ini sebilangannya kaola sendiri nampak sudah kurang mengambil perhatian dan kurang peka atau faham mengenai dengan adat-istiadat yang berunsurkan 'kebruneian'.

Usaha untuk memberikan kefahaman mengenai adat-istiadat dan Melayu Islam Beraja ini mestilah kita teruskan dan pertingkatkan. Apa yang juga difahami dan dipraktikkan adalah tidak dinafikan jabatan-jabatan seperti Jabatan Adat Istiadat, Pusat Sejarah Brunei, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja melalui majlis ilmu, pembentangan dan muzakarah, melalui majlis ceramah-ceramah dan kursus-kursus telah juga diadakan di sekolah-sekolah, institusi-institusi dan mereka yang berkepentingan.

Dalam perkara ini, kaola juga ingin mencadangkan supaya dibanyakkan lagi buku-buku rujukan atau penulisan secara lengkap dan komprehensif mengenai adat-istiadat 'kebruneian' yang kita dapat nanti إِنْ شَاءَ اللهُ dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan ristaan zaman-berzaman.

Dengan demikian, adat-istiadat kita yang sudah termayshur turun-temurun akan sentiasa terjaga dan terpelihara. Di sini juga, kaola ingin melihat dalam topik Jabatan Adat Istiadat yang menunjukkan indikator jumlah taklimat mengenai pengetahuan kefahaman adat-istiadat adalah tidak begitu memberangsangkan pertambahannya.

Kaola melihat antara tahun 2023 hingga 2027, hanya pertambahan tiap-tiap tahun satu tambahan sahaja. Misalannya, dalam tahun 2022/2023, 2024/2025 dan 2025/2026, maka kaola mengambil kesempatan di sini kalau dapat 'kitani' usahakan bagi mempertingkatkan lagi usaha ini dari semasa ke semasa kerana perkara ini adalah sangat mustahak untuk 'kitani' 'barigakan' dan disebarluaskan yang berhubung kait dengan adat-istiadat 'kebruneian' dalam kalangan *stakeholders* yang berkepentingan sama ada di sektor swasta mahupun pemimpin-pemimpin akar umbi dan lapisan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sama ada 'kitani' boleh lakukan melalui media massa, kursus-kursus, majlis ilmu dan diubah suai, diperbaharui selari dengan peredaran dan kehendak semasa. Jadi, sekali lagi kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan dalam majlis ini dan disudahi dengan

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk turut serta membincangkan Peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang disampaikan yang begitu panjang lebar dan terperinci. Kaola mengucapkan tahniah atas inisiatif-inisiatif yang telah mahupun yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam memperkesankan lagi fungsi Jabatan Perdana Menteri selaku *lead and coordinating agency*.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan 8 program. Yang menarik perhatian kaola ialah program baharu iaitu yang berkaitan dengan hal-ehwal Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan mengurus dan memantau perkembangan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 dan *sustainable development goals*.

Tahniah atas penubuhan semula dan pengukuhan bahagian ini. Kaola hanya ingin memohon pencerahan mengenai persoalan yang berkaitan dengan program ini. Berasaskan data-data yang terkumpul oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dan laporan-laporan yang dibentangkan oleh Institusi Kewangan Antarabangsa dan Serantau seperti *IMF*, *AMRO* dan *ADB.*

Secara keseluruhannya, jika dibandingkan dengan *glidepath* ataupun langkah-langkah yang telah diusahakan oleh negara sehingga ini, apakah penilaian ataupun *assessment* Jabatan Perdana Menteri mengenai pencapaian negara dalam memenuhi sasaran-sasaran Wawasan Brunei 2035 setakat ini?

Dalam erti kata yang lain, di manakah tahap negara ketika ini dalam menepati sasaran Wawasan Brunei 2035 ini? Bagi kaola apa yang penting juga ialah impaknya *on the ground* yang penilaian berterusan perlu dibuat secara saksama dan telus dari segi kesannya kepada semua pihak yang berkepentingan terutamanya yang melibatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Oleh itu, kaola seterusnya memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, apakah bentuk penilaian yang telah dilaksanakan untuk menyukat pencapaian ini terutamanya mengenai impak sebenarnya *on the ground* dan sama ada impak *assessment* ini juga dinilai oleh pihak ketiga?

Perkara kedua ialah mengenai apa yang kaola namakan sebagai '3P' pekerjaan, pengangguran dan

pembasmian kemiskinan. '3P' ini adalah berkaitan dengan *social blueprint* yang diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini adalah saling berhubung kait dan benar-benar memberikan impak yang mendalam bagi kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Seperti yang dimaklumi, isu pekerjaan, pengangguran dan kemiskinan ini adalah sinonim juga dengan isu pertumbuhan ekonomi. Jika ekonomi berkembang dengan baik dan maju, pertumbuhan yang menggalakkan dan pesat, sudah setentunya ia akan menghasilkan banyak peluang pekerjaan dalam semua peringkat dan sektor.

Ini sedikit sebanyak akan mengurangkan jumlah rakyat dan penduduk yang berada dalam kategori kemiskinan. Namun demikian, pada hemat kaola isu ini juga memerlukan penelitian yang komprehensif kepada faktor-faktor yang penyebab lain yang berkaitan, yang antara lainnya termasuk seperti budaya hidup *(life style)*, budaya kerja, dasar perumahan, dasar pendidikan, dasar buruh dan gaji minimum, dasar perbankan, *welfare* dan sistem *safety net* negara, jati diri, *mindset* dan lain-lain.

Oleh itu, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengenai *way-forward* dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkepentingan dalam menangani isu ini secara holistik. Kaola berpendapat isu ini adalah *cross-cutting issue* yang memerlukan *concerted, integrated* dan *coordinated effort* serta penyejajaran tindakan dari semua pihak yang terlibat.

Ketiga, mengenai inisiatif Jabatan Perdana Menteri untuk meningkatkan produktiviti penjawat-penjawat awam telah pun disentuh oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini tetapi belum lagi dijawab. Jadi, kaola tidak lagi membangkitkan perkara ini kecuali memohon pencerahan Jabatan Perdana Menteri sama ada adakah perancangan Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti semula *(review) Civil Service Framework* yang ada pada ketika ini untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa terutamanya untuk menyelaras dengan transformasi *digital* negara ke arah pencapaian *Connected Smart Nation* dan dalam waktu yang sama untuk menjadikan ekosistem *business* di negara ini lebih kondusif?

Misalannya dengan mengadakan *flexi hours* bagi penjawat-penjawat awam bagi menangani kemaslahatan ibu bapa ketika menghantar dan mengambil anak-anak mereka berikutan pengintegrasian mata pelajaran agama dan mata pelajaran biasa.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan tahniah atas program-program pembangunan nilai insan yang telah dan akan diusahakan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam meningkatkan kapasiti penjawat-penjawat awam.

Kaola sendiri berpendapat ia bukan sahaja akan memerlukan pembaikan pada *hardware support* perkhidmatan awam secara menyeluruh, akan tetapi yang penting juga ialah pengukuhan peraturan dan dasar serta peningkatan *upgrading competency, productivity* dan *effectiveness* warga kerjanya supaya ia akan menghasilkan *service ready* penjawat-penjawat awam.

Oleh itu, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengenai usaha strategik Jabatan Perdana Menteri untuk mengenal pasti pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi sebagai *future leaders* yang bukan sahaja telah teruji kewibawaan, pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang masing-masing malahan yang mempunyai *integrity, credibility* dan *discipline* yang tinggi, berkelayakan, *forward-looking* dan berfikiran strategik serta mempunyai kebolehan untuk memahami *issue on the ground.*

Kaola berpendapat dengan adanya pengenalpastian *polished diamonds, high flyers* dan *rising star* ini ia akan membolehkan Jabatan Perdana Menteri untuk meningkatkan kapasiti pegawai-pegawai ini dan mengadakan *subsection plan* yang teratur, telus dan teruji.

Yang terakhir, mengenai pencapaian *MPEC,* yang dalam Petunjuk Prestasi Utama sasaran ialah bagi pengambilan pekerja tempatan sektor awam dan swasta sebanyak 12,635 orang setahun. Setakat ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه laporan-laporan yang dikongsikan oleh *JobCentre Brunei* nampaknya agak menggalakkan tetapi *on the ground* maklum balas daripada orang ramai terutamanya para ibu bapa dan pencari-pencari pekerjaan sendiri nampaknya berbeza dengan laporan yang diberikan.

Oleh itu, kaola ingin mohon pencerahan, adakah kemungkinan yang sebahagian pencari-pencari pekerjaan ini tidak diliputi ataupun *outside the radar* dan tidak dikongsi sama ataupun di*capture* oleh *JobCentre Brunei*? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan baharu dan berkualiti dalam semua sektor awam, swasta, *GLC's* dan *FDI* terutamanya di peringkat *HND* dan pemegang-pemegang ijazah?

Perkara ini juga pernah ditekankan dalam laporan *IMF Article IV Consultation 2023* bagi Negara Brunei Darussalam, bahawa terdapat kebimbangan *(concern) IMF* tehadap inisiatif kerajaan yang banyak dijuruskan atau dipusatkan kepada mengisikan jawatan *low paid jobs.* Perkembangan ini menjadi cabaran kerana sebilangan pemegang-pemegang ijazah dan belia yang memasuki pasaran kerja terpaksa menerima gaji yang lebih rendah daripada kelulusan tertinggi mereka, yang kesannya akan menjejaskan *domestic consumption* dan *inter-generational equity.*

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memberikan respons kepada soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terutama sekali kaola ingin menyampaikan ucapan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang telah mengetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh negara dari sudut pengangguran dan perkara ini kaola kira adalah mengenai *MPEC*, yang kaola yakin rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku menerajui *MPEC* ini akan bersedia untuk menyampaikan dan pencerahan mengenainya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan tadi.

Sebahagiannya menyentuh mengenai pengangguran dalam negeri, ada juga yang satu dua soalan mengenai Jawatankuasa Audit dan kaola ingin terus juga menjawab soalan-soalan tersebut.

Terlebih dahulu kaola ingin merujuk kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai dengan kadar pengangguran dan strategi atau langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil pihak *MPEC* setelah kontrak para *apprentice i-Ready* berakhir.

Kaola lebih dahulu kongsikan penjelasan lebih lanjut mengenai kadar pengangguran yang ia adalah berdasarkan kepada Kajian Tenaga Kerja (KTK). KTK ini dijalankan berdasarkan kaedah pensampelan sistematik dan data yang diperolehi adalah *calibrated* berdasarkan penduduk di negara ini.

Kadar pengangguran adalah mengambil kira jumlah penganggur, iaitu golongan yang tidak bekerja dan sedang mencari pekerjaan daripada jumlah tenaga kerja. Menyentuh mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu *individual* yang sedang bekerja tidak kira sama ada *pay-scale* yang diterima tidak berdasarkan pencapaian pendidikan mahupun bekerja dalam jenis pekerjaan sementara atau Program Perantis. Mereka adalah dikira sebagai golongan yang bekerja dan adalah termasuk sebagai sebahagian daripada tenaga kerja.

Pengiraan ini adalah selaras dengan metodologi piawaian antarabangsa ataupun dari *International Labour Organization* yang biasanya diguna pakai

oleh negara-negara lain termasuk negara 'kitani'.

Selain itu, beberapa negeri lain seperti negeri-negeri jiran ini juga mengukur kadar pengangguran jangka masa panjang atau juga dikenali sebagai *long term unemployment rate*. Kadar tersebut mengambil kira hanya golongan yang tidak bekerja, sedia untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan bepanjangangan selama tempoh satu tahun atau lebih. Bagi Negara Brunei Darussalam أَلْحَمْدُ لِلّٰه kadar pengangguran jangka masa panjang telah menunjukkan *trend* yang menurun, iaitu dari 4.3% pada tahun 2019 kepada 2.4% pada tahun 2022.

Mengenai soalan seterusnya, iaitu mengenai strategi atau langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak *MPEC* setelah kontrak para perantis *i-Ready* berakhir. اَلْحَمْدُ لِلهِ pihak Sekretariat Tetap *MPEC* melalui *JobCentre Brunei* telah dan sedang melaksanakan beberapa usaha ke arah memastikan individu-individu ini tidak perlu berbalik semula kepada penggangguran. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, objektif utama Program Perantis *i-Ready* adalah untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kerja di sektor swasta mahupun kerajaan selama 18 bulan. Pada masa yang sama juga, ia dapat membantu dalam meningkatkan *marketability* dan *employability* graduan-graduan tempatan.

Dalam memastikan tahap kualiti Program *i-Ready* sentiasa terjamin serta meningkatkan bilangan anak tempatan mendapat pekerjaan, pihak *JobCentre Brunei* telah mengambil beberapa langkah iaitu:

1. Memperketatkan lagi proses pemilihan syarikat yang mengikuti program ini seperti mengutamakan syarikat-syarikat yang memberikan *Conditional Offer of Employment* setelah selesai tempoh perantisan. Setakat ini, sebanyak 70% perantis di sektor swasta telah ditawarkan *Conditional Offer of Employment.*;

2. Nama-nama perantis ini juga dimasukkan ke dalam senarai pencari kerja atau *talent pool* di *JobCentre Brunei* dan dikongsikan dengan syarikat-syarikat yang mencari pekerja tempatan dari masa ke masa, melalui usaha *job matching.*; dan

3. Para perantis juga digalakkan juga mengikuti inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti yang dijalankan oleh Sekretariat Tetap *MPEC* seperti Program *Skills Plus* dan inisiatif yang 'diungkayahkan' bersama *Manpower Industry Steering Committe*.

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan usaha berterusan dari semua pihak, ia akan dapat sama-sama membantu dalam menangani isu pengangguran khususnya kepada anak-anak tempatan seperti yang dihasratkan.

Seterusnya, untuk menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub mengenai soalan sara hidup, taraf hidup rakyat dan sebagainya. Jadi, kaola ingin mengongsikan bahawa kajian khusus bagi pendapatan isi rumah mengikut kategori, JPES memang menjalankan kajian setiap 5 tahun.

Pada masa ini, Kajian Perbelanjaan Keluarga KPK 2023/2024 sedang dijalankan bermula pada 1 Ogos 2023 hingga 31 Julai 2024. KPK ini pada asalnya dijalankan pada tahun 2020/2021 dan ditundakan disebabkan penularan pandemik *COVID-19*.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengumpul maklumat terkini mengenai corak perbelanjaan dan tahap pendapatan keluarga. Maklumat daripada kajian ini nanti akan dapat digunakan sebagai maklumat penting dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan sosioekonomi negara.

Hasil daripada kajian ini boleh digunakan sebagai *input* Kos Minimum Keperluan Asas ataupun KMKA untuk mengira kos minimum bagi menyara keperluan asas harian bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Seterusnya mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai Jabatan Perdana Menteri sebagai *leading agency,* terutama sekali atasi isu *unemployment* pengangguran, ekonomi dan sebagainya.

Jadi, kaola ingin mengongsikan memang Jabatan Perdana Menteri ataupun melalui juga Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain untuk meningkatkan lagi usaha 'kitani' ataupun di*strategise* lagi dasar-dasar 'kitani' untuk 'kitani' lebih berjaya untuk menarik pelabur-pelabur dari negara-negara asing.

Jadi, perkara ini memang satu usaha berterusan yang di*coordinate* di bawah *Economic Blueprint.* Memang terlibat semua pihak seperti kaola pernah kongsikan di Dewan yang mulia ini, membangun ekonomi atau sama-sama menarik *FDI* ke dalam negeri ini, adalah tanggungjawab semua pihak.

Itulah kerjasama antara semua kementerian dan juga pihak swasta adalah penting untuk 'kitani' sama-sama menjayakan agenda tersebut.

Seterusnya, soalan juga daripada Yang Berhormat tadi mengenai Jawatankuasa Audit. Untuk mengongsikan sebelum ini, memang Jawatankuasa Audit diteruskan berfungsi.

Pada bulan Ogos 2020, nama Jawatankuasa Audit ditukar nama jadi Jawatankuasa Audit Kebangsaan. Sebelum itu, dari tahun 2016 ada juga satu Jawatankuasa *Ad Hoc* Disiplin ditubuhkan.

Memandangkan keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa ini lebih kurang sama, jadi pada September tahun 2022, kedua-dua jawatankuasa ini digabungkan menjadi satu jawatankuasa sahaja, dinamakan Jawatankuasa Audit Kebangsaan dan ataupun Jawatankuasa Audit Kebangsaan dan *Ad Hoc* Disiplin.

Setakat ini, sejak kaola sendiri mempengerusikan, jawatankuasa tersebut telah mengadakan sebanyak 8 mesyuarat dalam 2-3 tahun yang lepas ini. Jadi, dalam jawatankuasa ada juga mengatasi isu laporan-laporan dari Jabatan Audit sejumlah 166 laporan.

Pada masa ini, 59 laporan telah selesai, jadi yang tinggal lebih kurang 100 lebih laporan masih lagi dalam perbincangan dengan Jabatan Audit. Memang ini satu usaha yang diteruskan untuk menyelesaikan Laporan Audit memandangkan kebanyakan isu dalam Laporan Audit ini ada menyentuh mengenai Peraturan Kewangan Kerajaan sama ada rasuah ataupun salah guna kewangan.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah ada beberapa sesi perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan, sama ada yang terlibat dalam Laporan Audit ataupun 'inda'. Jadi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi rasa, adalah satu isu yang serius perlu 'kitani' mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan supaya apa yang 'kitani' sering lihat dalam Laporan Audit ini 'inda' akan terus terjadi.

Seterusnya, mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai pencapaian Wawasan Brunei 2035 setakat ini. Tidak dinafikan, pada masa ini memang 'kitani' semua faham Wawasan Brunei 2035 dilancarkan pada tahun 2007, ini setengah masanya sudah 'lapas'.

Jadi, apa yang tinggal 'atu ganya' 11-12 tahun lagi. Jadi perlulah 'kitani' mereviu balik kalau sekiranya 'kitani' masih lagi kan mencapai apa yang dihasratkan dalam matlamat-matlamat di bawah Wawasan ini, perlulah 'kitani' mereviu juga balik *KPI* dan sebagainya.

Jadi, walau bagaimanapun, nampaknya jua dalam setahun dua tahun ini pun ada kejayaan. Seperti Matlamat I, Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya. Mengenai matlamat ini, negara 'kitani' telah mencatat peningkatan dalam penilaian *Programme for International Student Assessment (PISA)* 2021 yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum ini, dalam mana *score* ketiga-tiga *domain* jika dibandingkan dengan kajian *PISA* 2018 iaitu 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi *Science*.

Antara negara *ASEAN* yang ikut serta, Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan antara tiga negara teratas dalam semua domain *PISA* 2022. Mengenai dengan Matlamat II, Negara Brunei Darussalam berada dalam

kedudukan ke 51 daripada 191 buah negara yang dikategorikan sebagai negara yang mempunyai *very high human development* menurut Laporan Indeks Pembangunan Manusia yang dikeluarkan oleh *United Nation Development Programme* bagi tahun 2021/2022.

Bagi Matlamat III, iaitu: Ekonomi Dinamik yang Berdaya Tahan. Bagi menjawab soalan ini, kaola pernah kongsikan jua, umtuk membangun satu ekonomi bukannya hanya dapat dicapai dalam masa yang pendek, ini memang perlu 'kitani' teruskan usaha 'kitani'.

Jadi, kaola sudah mengongsikan beberapa faktor mikro ekonomi di Dewan yang mulia ini dalam beberapa hari yang lalu, jadi, 'inda' perlu lagi kaola mengulangi lagi. 'Ganya' "kitani" menyentuh saja sedikit mengenai pertumbuhan *non-oil and gas sector* yang berterusan dalam 7 tahun kebelakangan mencapai *on average* 4.3%, 7 tahun *on average*. Jadi, ini sudah nampaknya usaha 'kitani' untuk men*diversify* ekonomi "kitani" ini sudah nampak ada pencapaian. Tapi perkara ini memang mesti "kitani" teruskan lagi.

Pengangguran dari 9.3% tahun 2011 hingga masa ini 5.2% pada tahun 2022. Itu sudah "kitani" nampak ada usaha dari kerajaan untuk menurunkan pengangguran. Tidak dinafikan masih juga ada sejumlah orang ramai "kitani" belum mendapat pekerjaan, dan ini terus menjawab jua soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai usaha *MPEC.* Jadi, apa yang penting "kitani" melihat, adakah kerajaan terus mengusahakan untuk mengatasi isu penganggurankah 'inda', jadi, ini "kitani" melihat statistik dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini sudah nampak kadar ini semakin menurun.

Jadi, inilah, kalau sekiranya ada 'indung'kah atau pencari kerja masih rasanya mungkin ia 'inda' termasuk *radar* boleh 'diorang' mendaftar dirinya dengan *JobCentre Brunei* ataupun berjumpa *MPEC.*

Pada masa ini, fasiliti-fasiliti di *MPEC* termasuk *JobCentre Brunei* pun telah disediakan supaya mudah orang ramai kunjungi ke *JobCentre Brunei* ataupun *MPEC* sama-sama mengongsikan *information* dan sebagainya. Jadi, ini digalakkan, mana-mana pihak yang rasanya belum lagi lebih faham apa peranan *MPEC* ataupun *JobCentre Brunei*, boleh datang ke *JobCentre Brunei* atau *MPEC*. Jadi, *MPEC* pun sentiasa mengadakan *roadshow* ataupun *recruitment fair* di *shopping centre* dan sebagainya. Ini memang sebelum itu di*advertise* dalam surat khabar ataupun *Instagram* dan sebagainya, ini mungkinlah kalau bagi yang pencari kerja ini yang *serious* mustahil akan *missed this advertisements* yang dikongsikan dengan orang ramai itu.

Kalau sekiranya ia minat 'benar-benar', bolehlah jumpa di *JobCentre Brunei*. Jadi, إِنْ شَاءَ اللهُ perkara 'ani' memang

'kitani' akan teruskan, kerajaan 'inda' *stop* memikirkan idea-idea yang baharu yang pada masa ini jua 'kitani' memikirkan juga jawatan-jawatan yang dipegang oleh pekerja asing di peringkat tinggi, di peringkat *professional, manager, engineering technician level*. Jadi, 'kitani' pun jua Ada *Manpower Industry Steering Committee*.

Pada masa ini, ada beberapa komite ditubuhkan untuk 'kitani' memikirkan kemungkinan ada sebahagian pekerjaan itu boleh diganti oleh anak-anak tempatan seperti *construction, accountancy* dan sebagainya. Jadi, pada masa ini, ada sudah 5-6 *Manpower Industry Steering Committee* bekerjasama dengan pihak swasta dan *trainers* dari pihak swasta. Sama-sama 'kitani' mencari peluang untuk mengganti jawatan-jawatan yang pada masa ini dipegang oleh pekerja asing oleh anak-anak tempatan 'kitani'.

Seterusnya dikongsikan jua, ada beberapa program pembangunan tenaga manusia yang sedang dijalankan oleh *MPEC* seperti *Skill Plus, SPIN in Accountancy* dan sebagainya. Jadi, ada lagi satu *because* nampak dari statistik ada sebahagian pekerja ini, ia 'inda' berapa tahan kerja lama. Jadi, ada sekejap berkerja 3 bulan berhenti dan sebagainya. Jadi, bagi pekerja tersebut, 'kitani' ada jua satu program dinamakan Program Jati Diri bekerjasama dengan PKBN supaya 'diorang' lebih berdisiplin.

Jadi, nampaknya, sejak program ini ditubuhkan pada tahun 2021, nampaknya hasilnya sudah ada positif. Jadi satu soalan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai cukupkah pekerja 'kitani' 'cemana' 'kitani' menolong 'diorang' dapat *certificate* dalam *HND, TVET.* Ini memang isu ditimbulkan dalam perbincangan dengan beberapa pihak yang berkepentingan.

Kalau meliat statistik 'kitani', mengikut *economic development* yang dirancangkan pada masa ini, kalau di*mapping* ke 5 tahun yang akan datang, kalau 'kitani' berjaya dengan *FDI* yang di*target* untuk dibawa ke Negara Brunei Darussalam ini, dalam 5 tahun yang akan datang 'kitani' akan ada kekurangan graduan dari *TVET* dan *HND*.

Jadi, *at the same time*, setiap tahun 'kitani' melihat *school dropout. School dropout* ini *on average* 1,800 orang, inilah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim tadi. *School dropout* ini bagaimana 'kitani' dapat menolong mereka supaya mereka sekurang-kurangnya dapat meningkatkan lagi kemahiran, meningkatkan lagi *skill*nya, meningkatkan lagi peluang mereka untuk mendapatkan kerja yang lebih berkualiti dan pendapatan yang lebih tinggi.

Ini satu usaha yang akan diteruskan dan ini akan bekerjasama dengan *IBTE* dan Politeknik Brunei supaya mana-mana *school dropout* tidak tergantung begitu saja, jadi 'kitani' akan memikirkan satu

tarikan supaya mereka ini terus, mungkin minatnya bukannya subjek-subjek di sekolah biasa, mungkin ada *interest* kepada *more hands on, TVET* dan sebagainya. Jadi, inilah 'kitani' bukakan peluang lagi supaya mereka dapat meningkatkan lagi kemahiran, mendapatkan *qualification.*

Perkara ini juga membantu pembangunan ekonomi 'kitani' seperti yang kaola kongsikan tadi, kalau ikut mana-mana *economic development* yang 'kitani' hasratkan dalam 5 tahun ini, kalau sekiranya 'kitani' berjaya 'kitani' mungkin akan berkurangan pekerja di peringkat *HND* dan *TVET*. Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan setakat ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan menambah sedikit. Kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat rakan sejawatan atas jawapan-jawapan tersebut walaupun ia khusus kepada bidang Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Namun demikian, kaola berharap tadi akan menjawab satu per satu daripada Yang Berhormat itu dan kaola ingin menambah saja mengenai soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub mengenai pembangunan dan kemajuan sosial memanglah merupakan misi jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Perdana Menteri mempunyai komitmen yang kukuh terhadap kesan positif yang berkekalan telah memberikan jaminan pembangunan sosial negara ini, JPM akan sentiasa membuat pemantauan dan penilaian berterusan untuk memastikan keberkesanan strategi dan program-program yang dilaksanakan khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat negara ini.

Kaola mengambil baik saranan Yang Berhormat itu dan sangat menghargai keprihatinan serta penglibatan semua pihak dalam hal ini dan JPM إِنْ شَاءَ اللهُ akan memastikan kerjasama berterusan dengan semua pihak termasuk juga komuniti dan masyarakat sivil dan agensi-agensi berkenaan seperti JAPES, KKBS dan JAPEM Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengumpul maklumat seperti Yang Berhormat cadangkan dan menggabungkan pelbagai perspektif dan penggubalan dasar yang efektif.

Mengenai soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof sudah sebahagiannya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Namun demikian soal transformasi dan pemodenan Rangka Kerja Perkhidmatan

Awam dan keupayaannya sedikit sebanyak telah pun disentuh dalam mukadimah dan mengenai dengan kajian menyeluruh prestasi pekerja perkhidmatan awam ini sudah jua dilaksanakan dan akan diteruskan kaedah-kaedah baharu dan إِنْ شَاءَ اللهُ pencerahan-pencerahan yang perlu dibuat akan dapat abiskaola terangkan sama ada secara bertulis atau pada sesi yang berlainan.

Yang kedua, ada juga Yang Berhormat bertanya setakat mana penyejajaran kementerian-kementerian dengan JPM dalam menghalatujukan prestasi perkhidmatan awam ini. Seperti juga dalam mukadimah ada menyatakan bahawa ada beberapa *living document* sebagai sandaran dan panduan terutama 'kitani' berpandukan kepada Wawasan Brunei 2035 dan dikuatkan dengan adanya 3 *blueprints* pada masa ini dan juga tiap-tiap kementerian mengemaskinikan ataupun membuat, menggubal rancangan strategik masing-masing yang ditunduki oleh JPM dan yang peringkat terakhirnya ialah *SUT Platform* masih juga berjalan seperti yang sebelumnya dan di sanalah perkara-perkara ini masih dapat dibincangkan dan dapat diusahakan.

Isu-isu lain seperti audit telah pun dijawab oleh Yang Berhormat rakan sejawatan tadi dan kaola pun menyambut baik jua pengamatan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai adat-istiadat yang berunsurkan 'kebruneian' yang mungkin sudah ada kekurangannya kerana generasi sekarang telah pun berhadapan dengan cabaran-cabaran persekitaran yang baharu, yang lain dan mungkin perkara itu juga perlu Jabatan Adat Istiadat Negara membuatkan pendekatan yang baharu juga selain 'membarigakan' apa-apa yang sudah sebagaikan adat kepada penuntut dan sekolah.

Dalam Istiadat Perkahwinan Diraja belum lama ini juga secara *whole of government* antara Jabatan Penerangan dan juga Radio Televisyen Brunei termasuk Jabatan Adat Istiadat Negara juga seberapa banyak yang boleh 'membarigakan' ataupun mengenalkan mengenai adat-adat Brunei lama khususnya Adat Perkahwinan Diraja melalui pengenalan kepada Alat-Alat Kebesaran Diraja diperjelaskan dan sebagainya. Inilah antara satu inisiatif dengan yang demikian pengamatan Yang Berhormat itu adalah diambil maklum dan akan dibuat dengan sebaiknya jua.

Mengenai perkara-perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim juga banyak telah pun diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, namun demikian apa-apa yang dikirakan masih lagi perlu untuk ditunduki, abiskaola akan cuba menerangkannya jua pada suatu kesempatan yang bersesuaian.

Selain cadangan Yang Berhormat untuk melihat *flexi hours* dan pengintegrasian pelajaran agama ini, barangkali juga 'kitani' jangan lupa bahawa *COVID-19* telah pun memberi hikmat dan pengajaran yang banyak jua khususnya dalam bagaimana cara untuk menggunakan kaedah-kaedah *online digital* dan sebagainya dan juga *business continuity plan* tanpa bekerja di tempat kerja itu mungkin perkara-perkara ini dapat juga diserasikan dan diberikan *synergy* tertentu kepadanya.

Namun demikian yang lain-lain seperti pemilihan pegawai yang berpotensi itu tidak akan diketepikan malahan diberikan keutamaan seperti fahaman Yang Berhormat *polished diamonds* ini mesti diutamakan. إِنْ شَاءَ اللهُ itulah antara lain sebagai tambahannya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan sedikit penerangan mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan tadi. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit saja mengenai persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub mengenai kajian tahap kehidupan di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa yang sama kaola ingin menarik perhatian pada *statement* Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim tadi mengenai dari sudut mikronya memanglah pertumbuhan ekonomi memainkan peranan, ia akan membuka ruang-ruang, peluang pekerjaan dan sudah setentunya ia akan membuka lebih banyak peluang-peluang untuk masyarakat golongan sasaran untuk mencapai tahap mandiri.

Jadi, pihak kerajaan pada umumnya memang tidak 'camah mata' dan mengeluarkan dan menghulurkan pelbagai bantuan kepada golongan sasaran yang memerlukan bantuan berkenaan.

Walau bagaimanapun, kaola ingin menarik perhatian kepada sudut mikronya. Dari sudut mikronya kaola ingin mengongsikan bahawa mana-mana permohonan bantuan adalah disalurkan kepada Sistem Kebajikan Negara dan sistem ini merupakan sebuah program yang dikenali sebagai '*Power Business Intelligence' (Power BI).*

Power BI ini adalah sebuah perisian yang dapat membantu dan mengumpulkan data-data yang terdapat di dalam sistem dan menyatukannya untuk menjadi sebuah 'papan pemuka' yang lebih interaktif bagi kemudahan analisis dan kajian ekosistem bantuan yang terperinci. Hasil kajian analisis ini dijalankan dengan data yang terdapat di dalam SKN dan apa gunanya. Ia akan

boleh membantu dalam mengenal pasti corak dan pola kemiskinan di negara ini.

Salah satu contoh analisis yang ingin kaola kongsikan, contoh penerima-penerima bantuan dalam kalangan belia yang berumur 18 tahun hingga ke 40 tahun yang dikategorikan sebagai *able-bodied, able to work (ABAW)* atau sebenarnya apa yang 'kitani' ketahui sebagai mempunyai tubuh badan yang sihat dan berupaya untuk bekerja, yang berstatus kahwin maknanya ada tanggungan, tidak bekerja, tidak ada pendapatan dan bergantung pada keseluruhannya kepada bantuan kerajaan dan didapati seramai 207 penerima bantuan daripada jumlah keseluruhan sebanyak 13,277 pemohon bertaraf belia bersamaan dengan 1.6% iaitu angka yang didapati setakat 4 Mac 2024.

Jadi, ini sebagai satu contoh, dapatan seperti ini boleh membantu dan menyumbang kepada penggubalan dasar yang bersandarkan bukti atau fakta, *(evidence-based policy formulation)* mahupun pelaksanaan program-program intervensi yang lebih bersesuaian dan mengikut sasaran, ertinya *customised* dan *targeted intervention* serta memperbaiki mana-mana program mahupun projek yang sedia ada yang dapat dicadangkan dan ditangani oleh pihak-pihak berkenaan.

Apa yang penting di sini, kaola kongsikan, sebahagian besar daripada penerima bantuan ini tidak mempunyai kelulusan, tidak ada dapat memenuhi kehendak-kehendak keperluan minimum untuk 'diorang' sama ada ia melanjutkan pelajaran, sama ada ia mendapatkan kelulusan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan.

Jadi, dalam hubungan ini, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ada Pusat Pembangunan Belia yang menjalankan program-program kemasyarakatan yang berunsurkan pemberian kemahiran.

Ertinya, memberi satu-satu kursus baik jangka pendek untuk memastikan mereka ini mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk ia mendapatkan pekerjaan yang bertepatan, sesuai dengan kemahiran yang ada dan dengan sendirinya melahirkan penerima-penerima bantuan yang keluar daripada kitaran penerima bantuan, ertinya golongan yang mandiri.

Jadi, itu yang kaola ingin kongsikan. Kadang-kadang ada timbul soalan kenapa perlu 'diorang' menghadapkan permohonannya melalui SKN? Jadi, kaola di sini ingin mengongsikan apa sebenarnya manfaat yang didapati daripada sistem SKN itu selain menyalurkan pemohonan bantuan dan melahirkan masyarakat yang mandiri. Kenapa kaola ingin mengongsikan di sini, kerana soalan yang ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub itu tadi adalah sangat relevan mengenai tahap kehidupan rakyat dan sangat relevan untuk melihat peluang-peluang

pekerjaan untuk melahirkan lebih ramai masyarakat yang mandiri.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sekali lagi mohon maaf kerana terlampau banyak mengambil masa dan diucapkan terima kasih.
والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk menambah ataupun memberikan penjelasan kalau persoalan mengenai kemiskinan ini dihubungkan dengan usaha-usaha yang ada melalui "agihan" Zakat misalannya. Ini ada hubungannya juga dengan SKN Yang Berhormat Pengerusi.

Hubungannya itu sudah pun dijelaskan yang dapat kajian data-data di sana kalau dari segi orang menerima bantuan. Tetapi, menerima bantuan dengan menerima "agihan" berbeza Yang Berhormat Pengerusi. Menerima bantuan maknanya sudah tetap misalannya *able-bodied.* Kalau dalam pemohonan SKN ia akan terus di*migrate* ke bahagian Zakat Yang Berhormat Pengerusi. *Able-bodied* tidak semestinya mempunyai pekerjaan, kerana tidak mahu bekerja saja atau memang ada sebab-sebab lain yang ia tidak berkerja.

Tetapi dari segi Zakat, ia bukan menerima bantuan tetapi ia menerima "agihan", "agihan" itu maknanya ada haknya daripada kumpulan wang Zakat yang diserahkan oleh pengeluar-pengeluar Zakat. Jadi, haknya itu dinamakan "agihan". Jadi, "agihannya" itu mestilah diukur daripada keperluannya. Dari segi keperluan inilah, 'lakat' dari tahun 2015 memakai 'sukat-sukat' apa yang dinamakannya kos minimum keperluan asas.

Jadi, kalau kos minimum keperluan asas itu tidak mencukupi daripada pendapatannya ataupun namanya kalau orang yang pencen ada gajinya dan sebagainya tidak mencukupi, maka mereka dengan sendirinya masuk ke dalam asnaf miskin. Dengan asnaf miskin itu mereka mendapat agihan Zakat. Itulah keadaannya. Tapi satu yang jelas sekarang ini, suatu yang menarik dalam soalan ini tadi ialah perlunya ada data yang mengetahui untuk taraf kemiskinan.

Usaha ke arah itu sebagaimana diterangkan oleh rakan sejawatan sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, data itu boleh didapatkan daripada *BI* tadi sebagai satu analisis dan sebagainya. 'Ganya' yang diusulkan tadi itu yang disarankan ialah 'kitani' adakah sudah suatu ketetapan taraf hidup di negara ini? Ketetapan yang mana kalau misalannya tadi antara menerima bantuan dengan menerima "agihan". Kedua-dua keperluannya adalah di sana.

Jadi, perkara macam ini barangkali difikirkan bagi memudahkan lagi penyaluran atau penyantunan ke atas orang-orang atau kalangan yang hidupnya memerlukannya.

Kemudian dari segi kemiskinan, ini ada hubungannya dengan bukan saja pekerjaan, tetapi adalah juga dengan keperluan perumahan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, kerana itulah keperluan perumahan ini diambil sebagai termasuk dalam sebahagian daripada makan, minum, pakaian dan perlindungan iaitu perumahan.

Mereka ini pun berhak mendapat "agihan" untuk mendapat perlindungan perumahan dan kerana itulah bantuan perumahan dari segi sewa rumah sekitar 600 keluarga pada masa ini ditanggung oleh Zakat dan perumahan yang dibangunkan sekitar lebih 100 buah dan ada lagi akan menyusul sebanyak itu.

Ini dari segi Zakat yang menyumbang kepada menyantuni orang-orang yang memerlukan ini Yang Berhormat Pengerusi. Bagaimanapun, perkara ini 'kitani' barangkali bersetujulah bahawa perkara rasional yang menghendaki penjelasan ataupun 'nya orang' kejelasan mengenai taraf hidup bagi 'kitani' bagi rakyat di Negara Brunei Darussalam ini.

Kaola selalu menyebutkan mungkin sebutan kaola ini sebagai *layman* dari segi orang ekonomi bahawa makin maju nanti 'kitani' akan mencapai Wawasan Negara 2035, akan terjadi *gap* kemiskinan yang berada dan tidak berada. Jadi, berpandukan kepada pengalaman negara-negara yang maju, sebahagiannya *gap* ini semakin luas.

Jadi, usaha untuk tidak meluaskan inilah sekarang yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang berusaha mengatasi pengangguran, mewujudkan pekerjaan dan sebagainya. Tetapi, jangan 'kitani' 'nya orang' 'rapan-rapan' 'karang' ketika Wawasan Negara 2035 telah mencapai kehidupan ekonomi yang tinggi, taraf hidup yang tinggi, tidak lagi ada kemiskinan, kaola rasa terlampau ideal juga itu Yang Berhormat Pengerusi. Itu saja yang dapat kaola tambah Yang Berhormat Pengerusi. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih atas jawapan-jawapan yang telah pun diberikan dan keterangan-keterangan lanjut yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya suka untuk mencadangkan supaya kita berhenti berehat selama 10 minit dan kita akan menyambung semula Mesyuarat ini lagi nanti إِنْ شَاءَ اللهُ.

(Majlis Jawatankuasa berehat sebentar)

(Majlis Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang Majlis ini

bersidang semula bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sebelum rehat tadi, Mesyuarat Jawatankuasa telah pun mula membahaskan dan membincangkan sebahagian Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekarang kita akan menyambung perbahasan tajuk-tajuk di bawah kementerian ini, kita masih membincangkan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A dan saya akan meneruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola mempunyai 2 soalan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

1. Mengenai *renewable energy development and climate change.* Penubuhan Dasar Perubahan Iklim Nasional Brunei *(BNCCP)* pada tahun 2021 merupakan langkah penting dalam membimbing Negara Brunei Darussalam ke arah pembangunan yang berdaya tahan dengan objektif pertamanya, *Established To Pave For Brunei Low Carbon In Climate Change, Resilient Pathway For A Sustainable Nation.*

   Brunei National Climate Change Council (BNCCP) menetapkan arah yang jelas bagi usaha masa depan negara dan menetapkan sepuluh strategi utama, setiap satu penting dalam membimbing Negara Brunei Darussalam ke arah matlamat hala tuju.

   Strategi-strategi ini termasuk sasaran penting seperti mencapai sifar pembakaran rutin menjelang Wawasan Brunei 2035, strategi satu *industrial emmisions* dan mencapai sekurang-kurangnya 30% daripada campuran tenaga daripada sumber-sumber boleh diperbaharui *(Strategy 4 - Renewable Energy).* Persoalan yang timbul adalah sama ada ini boleh dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan.

   Selain itu, adalah penting untuk mempertimbangkan implikasi peralihan ini terhadap pertumbuhan ekonomi negara. *Brunei National Climate Change Council (BNCCP)* mencadangkan pelbagai peluang dalam industri "hijau" dan karbon rendah, pembangunan perniagaan tempatan, pekerjaan, teknologi digital dan penyelidikan dan pembangunan.

Pemantauan berterusan dan adaptasi adalah penting untuk memastikan kemajuan ke arah masa depan yang lebih "hijau" dan berdaya tahan untuk Negara Brunei Darussalam. Soalan kaola:

i. Bagaimana kita mengukur peluang-peluang ini dan memahami impak potensinya terhadap pertubuhan ekonomi dan peluang pekerjaan?; dan

ii. Sebagai Tuan Rumah bagi *ASEAN Centre for Climate Change,* kaola ingin mendapatkan perkembangan terkini mengenai pertubuhan pusat tersebut. Pada musim permesyuaratan yang lalu telah diumumkan bahawa rancangan penubuhan- nya akan beroperasi pada tahun 2023. Namun demikian, kaola mengamati bahawa pusat tersebut belum beroperasi sehingga kini.

   Kaola mengambil maklum melalui mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bahawa ia akan beroperasi pada tahun ini. Kaola mohon pencerahan mengenai perkembangan ini.;

iii. Apakah pecahan dana-dana yang bakal digunakan sama ada hasil peruntukan bajet negara ($2.1 juta dan $700 ribu) setiap tahun dan sehubungan negara lain seperti NZD500,000 untuk *ASEAN Center for Climate Change.;*

iv. Mengenai reputasi dan *crisis management.* Dalam menghadapi cabaran semasa yang memberi kesan terhadap reputasi Negara Brunei Darussalam di peringkat domestik dan antarabangsa.

   Strategi pengurusan reputasi yang efektif adalah menjadi keutamaan contohnya insiden gangguan bekalan tenaga elektrik pada bulan Oktober tahun 2023 dan penutupan loji *BLNG* pada bulan Jun, tahun yang sama.; dan

   Impak gangguan bekalan tenaga elektrik berpanjangan sangat besar antaranya mengakibatkan gangguan bekalan air, kanak-kanak damit terpaksa tidur di kereta kerana kurang selesa di rumah dan pesakit-pesakit di rumah yang memerlukan bantuan peralatan elektrik seperti oksigen terpaksa dibawa ke hospital. Dari aspek perniagaan, kerugian besar ditanggung oleh peniaga-peniaga dan perkhidmatan-perkhidmatan kaunter ditiadakan.

   Terdapat juga perspektif yang negatif di media sosial berkaitan isu penutupan loji *BLNG* antaranya seperti *"BLNG is no longer a reliable supplier"* dan

berkaitan dengan gangguan bekalan tenaga elektrik yang berpanjangan seperti *"Brunei is struggling to serve the basic needs of the community".* Negara Brunei Darussalam menghadapi cabaran untuk memenuhi keperluan asas masyarakat.

Dalam hal ini, media sosial memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang sahih. Oleh itu, pihak-pihak yang berkaitan hendaklah telus menyampaikan maklumat-maklumat yang berkaitan isu-isu yang mendapat perhatian awam dan menghadapi persepsi negatif peringkat antarabangsa.

Soalan kaola:

i. Apakah langkah-langkah khusus yang telah diambil oleh kementerian ini untuk menangani insiden-insiden terkini yang memberi kesan kepada reputasi Negara Brunei Darussalam?; dan

ii. Bagaimanakah langkah-langkah ini diselaraskan dalam strategi pengurusan reputasi yang lebih luas untuk mengurangkan persepsi negatif di peringkat domestik dan antarabangsa?

Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang membangun yang memerlukan pelaburan-pelaburan luar negara yang sepatutnya mempunyai komunikasi yang lebih terbuka dan jelas untuk mempertahankan imej negara dan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur dan masyarakat antarabangsa.

Oleh itu, kaola mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri menerajui pembinaan *National Reputation Management Policy and Strategy.*

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah, rancangan dan perancangan serta hala tuju kementerian dalam pengurusan perbelanjaan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya terutama sekali ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Kaola ingin membincangkan di bawah Tajuk SA01A.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bacaan doa ketika bertugas adalah merupakan amalan baik yang perlu diterapkan di jabatan-jabatan kerajaan dan ia merupakan budaya kerja yang perlu dipraktikkan agar setiap pekerjaan dan perkhidmatan beroleh keberkatan daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Selain daripada itu, ia mampu mewujudkan suasana kerja yang lebih kondusif serta mendukung berkonsepkan 'Melayu Islam Beraja'.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita mencadangkan agar ditubuhkan satu Unit Bahagian Keagamaan di seluruh jabatan kerajaan dan melantik atau menyerapkan seorang pegawai atau guru agama bagi tujuan menghidupkan amalan membaca doa sebelum memulakan tugas harian. Mohon pencerahan mengenainya. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II kerana membentangkan mukadimah penyediaan Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang begitu jelas sebentar tadi.

Kaola ada beberapa soalan:

1. Mengenai *MPEC* iaitu penggunaan peruntukan tahunan tidak habis dan proses kebenaran menjalankan kursus yang memakan masa lama yang menjejaskan Program Pembangunan Sumber Tenaga Manusia.

   Kaola sukacita merujuk Tajuk peruntukan Jabatan Perdana Menteri iaitu di bawah Kod 006/003 - Perkhidmatan Sumber Tenaga Manusia berjumlah $24,909, 000.00.

   Isu yang dialami tahun demi tahun ialah penggunaannya tidak habis. Salah satu dari punca yang kaola percaya adalah disebabkan oleh proses-proses sedia ada dalam penggubalan kursus kemahiran dan juga proses kebenaran yang lambat di agensi-agensi dan autoriti yang berkaitan.

   Sebagai contoh, untuk memohon kebenaran menjalankan kursus pendek bidang *Health and Safety Executive (HSE),* memakan masa 8 minggu dan adakalanya terlebih daripada tempoh berkenaan berbulan-bulan yang menjejaskan pusat latihan yang berdaftar untuk menjalankan kursus-kursus kemahiran yang diperlukan oleh *MPEC*, terlambat.

Ini dengan sendirinya menjejaskan pembangunan sumber tenaga mahir yang dirancang. Kaola cadangkan agar punca-punca ini dikaji dan tindakan penambahbaikan diambil dengan segera.;

2. Izinkan kaola untuk membangkitkan soalan yang seterusnya iaitu mengenai kesan dan manfaat Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* terbesar perusahaan *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* kepada negara setakat ini yang mana Fasa 1 telah tamat dan kini bermula Fasa 2. Apa yang kaola ingin bangkitkan di sini ialah mengenai kesan dan manfaatnya kepada negara setakat ini iaitu dari segi manfaat penyediaan pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

   Dari jumlah keseluruhan anak tempatan yang diambil bekerja di *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* Fasa 1, berapakah jumlah anak-anak tempatan yang berhenti? Apakah sebab mereka itu berhenti? Kalau ramai yang bekerja sekejap sahaja dan berhenti bererti ada yang tidak kena dengan perusahaan tersebut; dan

3. Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi, mengenai "pemandu perempuan". Iaitu pemandu jabatan-jabatan kerajaan bagi pegawai-pegawai kanan yang telah saya bangkitkan semasa Muzakarah di Kementerian Hal Ehwal Ugama tersebut.

Kalau diamati, semua pemandu kenderaan yang disediakan oleh kerajaan bagi mereka ini adalah semuanya lelaki. Adakah pemikiran Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil khidmat pemandu dari kalangan wanita khusus untuk pegawai-pegawai kanan kerajaan *VIP*? Adalah nampak lebih sopan dipandang jika pemandu jabatan-jabatan kerajaan *VIP* kita dipilih dari kalangan pemandu wanita.

Perkara ini bertepatan dengan agama, adat resam dan cara orang Brunei. Tidak ada ruang lagi untuk akan timbul desas-desus percakapan orang dan lebih teruk lagi fitnah mengenai *close proximity.* Kaola percaya akan adanya rasa rimas bagi pegawai kanan kerajaan tersebut untuk tidur sekejap atau tertidur kerana keletihan bertugas atau pulang lewat malam dari menerima undangan dan tambahan pula tinggal di luar daerah. Sebaliknya kaola percaya akan rasa selesa sekiranya pemandunya wanita.

Kaola ingin menarik perhatian Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 11/2009 Negara Brunei Darussalam yang menetapkan garis panduan tambahan bagi penghantaran ke luar negeri bagi seorang pegawai lelaki dan seorang pegawai perempuan yang tiada hubungan mahram secara berduaan, yang kaola hampir warga kerajaan semua maklum.

Kaola juga difahamkan bahawa adanya pihak-pihak yang didakwa di bawah Bab 196, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 *(Syariah Penal Code Order 2013*) kerana mereka bukan mahram dan berada di dalam kereta iaitu kes *close proximity* yang menimbulkan kecurigaan. Ada baiknya pihak yang berkenaan lebih berawas untuk tidak memandang ringan akan perkara ini.

Perkara ini bukanlah lagi darurat kerana kita mempunyai pilihan lain iaitu pemandu wanita yang dari segi kebolehan mereka kita dapati أَلْحَمْدُ لِلّٰه mereka ini ada yang mampu menjadi pemandu bas-bas anak sekolah dan juga *pilot* kapal terbang. Natijahnya, ia juga memberi kemanfaatan terutamanya memberi peluang pekerjaan kepada wanita.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera dan selamat berpuasa. Lebih dahulu kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi memberi kaola peluang untuk ikut serta membincangkan Peruntukan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Terima kasih juga kaola sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas pencerahan dan penerangan berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju tumpuan dan keutamaan di kementerian Tahun Kewangan 2024/2025 ini.

Kaola ada beberapa soalan dan pandangan yang sebahagiannya adalah susulan dari isu yang kaola bangkitkan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-19 dan semasa muzakarah serta beberapa isu semasa yang telah disampaikan oleh rakyat kepada kaola.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A. Kaola ada beberapa isu ingin pencerahan dalam Tajuk Wawasan Brunei 2035, Jabatan Tenaga dan *MPC:*

1. Di bawah Kod Akaun 010/000 - Wawasan Brunei 2035, mengurus dan memantau perkembangan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan yang Berdaya Tahan *(Sustainable Development Goals).*

Kaola difahamkan antara tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri ialah mengurus dan pemantauan, memastikan perlaksanaan usaha dan pelan strategik kerajaan bersepadu sejajar untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kaola difahmakan juga ada lebih 100+ *KPI* yang mengandungi 37 *national KPI*. *KPI's* di peringkat kementerian dan jabatan dari pelan-pelan tindakan dalam 3 matlamat yang perlu pemantauan. Kaola faham kementerian berperanan penting untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti yang dilakukan sejajar untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Mohon pencerahan status audit bersepadu untuk memastikan *progress* yang dilaporkan oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan dan perlukah memperkerapkan jadual audit dari tiap-tiap 5 tahun ke satu jangka yang bersesuaian agar intervensi awal dapat diambil jika perlu memandangkan waktu tinggal terlalu singkat mencapai tahun Wawasan Brunei 2035.

Jika ada *independent audit* yang bebas untuk membantu memastikan keselarasan untuk mencapai matlamat.

Kaola juga mohon pencerahan mengenai Unit Wawasan Brunei 2035 dapat memberi *assurance* bahawa integrasi inisiatif-inisiatif yang dibuat di agensi-agensi kerajaan mencapai keberkesanan maksimum dan membuat perubahan yang diperlukan *(how can we be sure that a some of the various initiatives of the Wawasan will equal to meeting the Wawasan targets and make a prepared intervention as necessary)*.

Kaola juga mohon pencerahan tentang matlamat kedua, yakni kualiti kehidupan rakyat yang tinggi dan mencapai *Human Development Index (HDI) ranking* ke 10 terbaik di dunia. *(HDI)* adalah satu indikator yang baik yang mengambil kira kesihatan dan usia masyarakat, ekosistem pelajaran yang berkualiti dan menjadikan tahap kehidupan yang selesa.

Semasa pelancaran Wawasan Brunei 2035 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2008, *ranking* negara *(HDI)* ada pada tahap 40-an, tapi kini apabila kita telah menjalani setengah Program Wawasan Brunei 2035, negara sekarang padatahap 51 *ranking HDI* dari 203 buah negara. Walaupun *index value* 084 pada tahap yang *very high.*

Walaupun pencapaian dalam *HDI* meningkat tapi yang pasti negara yang lain pun turut meningkat atau adakah sebab-sebab yang lain, adakah ada perubahan dalam definisi

(HDI) index yang kita terlepas pandang hingga menyebabkan kita turun dalam *ranking* dunia dan jauh daripada tahap yang diidamkan iaitu *top 10* dalam dunia.

Mohon pencerahan intervensi yang perlu 'kitani' lakukan jika negara berhajat untuk *still* mencapai tahap *ranking* ke-10 dunia dalam waktu yang tinggal sebelum Wawasan Brunei 2035.

2. Yang Berhormat Pengerusi, saya teruskan isu mengenai Jabatan Tenaga. *Bruneianisation Plan*. اَلْحَمْدُ لِلهِ, ada beberapa pegawai tertinggi dalam kementerian dan agensi-agensi kerajaan kini adalah tenaga kerja profesional yang bermula kerjaya mereka dengan sebuah *company* swasta dalam bidang minyak dan gas.

   Kejayaan *Bruneianisation Programme* yang diusahakan dalam syarikat ini berkesan bermula dari satu *directive* kerajaan untuk *company* 'mengungkayahkan' *Bruneianisation Programme* dan pemantauan yang kuat oleh Ahli Lembaga *(Board of Directors)* dan mohon status pencapaian *target Bruneianisation Programme* itu dilaporkan pada setiap *meeting* tahunan lembaga.

   Ini juga dibantu oleh pemantauan yang kental oleh Autoriti *Petroleum Unit* pada ketika itu. Lantas *Bruneianisation Programme* bukan sahaja dapat mencapai menaikkan peratus anak tempatan dalam setiap peringkat dalam *company* swasta itu tapi yang lebih penting melalui program *competency framework*nya telah berjaya menaikkan jumlah anak-anak tempatan ke tahap profesional. Anak-anak tempatan dalam teknikal, *finance, governance, IT* dan aspek *HSE*.

   Ini termasuklah menaik taraf pengurusan kontraktor tempatan yang membuat kerja yang sukar ini. Industri sampingan juga turut meraih untung dengan kejayaan *Bruneianisation programme* yang bermula dari syarikat ini. Ini pandangan kaola. Kaola pasti dengan keberadaan tenaga-tenaga profesional lepasan dari syarikat ini yang sekarang berada dalam kementerian dan agensi kerajaan akan menaburkan masa dan komitmen untuk *introduce* best *practice programme Bruneianisation* yang agresif serta program menaik taraf pekerja ke tahap profesional yang serupa, atau yang lebih baik lagi dapat diserapkan kepada industri yang dipantau atau skop tanggungjawab mereka.

   إِنْ شَاءَ اللهُ. Pandangan kaola juga, kaola pasti dengan keberadaan tenaga-tenaga profesional lepasan dari syarikat ini dalam agensi kerajaan juga akan membawa mana-mana *best practices* dan *operational excellence* seperti *maintenance and equipment sparing standards, operational readiness assurance*

audit yang biasa dilakukan dalam industri minyak dan gas dan *best practices* dari operator pembekal eletkrik bebas dapat diserapkan serta merta ke dalam industri kritikal dalam kerajaan seperti di Jabatan Perkhidmatan Elektrik agar insiden ketiadaan bekalan tenaga elektrik yang dikenali dengan tragedi Oktober tidak berulang atau jika berlaku sesuatu di luar rancangan, ada pemulihan *recovery effort* dan *courtesy business continuity plan* akan dapat disegerakan.;

3. Soalan kaola tentang dengan Jabatan Tenaga. Rakyat maklum semenjak *Hengyi Chemical Complex Phase 1* di Pulau Muara Besar mula beroperasi, semua produk petroleum untuk dalam negeri telah pun dibekalkan sepenuhnya oleh *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd.* dan *Refinery Brunei Shell* di Seria sudah ditutup dan kaola faham menunggu waktu untuk dirobohkan.

   Mohon pencerahan mengapa *retail station* minyak di dalam negeri masih menggunakan logo *patent* Syarikat Minyak *Shell* seolah-olah produk itu memang dijual adalah produk Syarikat Minyak *Shell*. Walhal ke semua produk adalah keluaran *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd.* yang memenuhi *internal standard* yang tinggi. Walaupun syarikat Minyak *Shell* masih berbisnes *partner* dengan *Brunei Shell Marketing*?

   Kaola berpendapat sudah masanya Negara Brunei Darussalam menampilkan logo sendiri bagi menjual produk-produk yang dikeluarkan oleh Negara Brunei Darussalam sebagai produk Negara Brunei Darussalam, dan menjadi kebanggaan ia *made in* Negara Brunei Darussalam. Mohon pandangan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.;

4. Soalan seterusnya, tentang tenaga. Landskap Pekan Minyak Seria sekarang berubah dengan projek meroboh rumah-rumah kediaman Syarikat Minyak *Shell* yang tidak dipakai lagi dan juga tapak *refinery complex* akan dikosongkan. Kaola memohon pencerahan kalau ada pelan-pelan awal, apa-apa *development* atau pembangunan yang telah difikirkan boleh dibina di atas tapak-tapak yang difahami sebagai *high economic value estate* yang dikosongkan ini nanti.

   Harapan rakyat di Pekan Kuala Belait tapak ini bukan sahaja dibisaikan dengan landskap tetapi dibina dengan *value adding infrastructure* seperti menyediakan *high end office complex* untuk disewa oleh kontraktor-kontraktor industri tenaga yang boleh menampung menjana ekonomi setempat.; dan

5. Di bawah Tajuk SA006 – Kod Akaun 001 - *MPEC*. Kaola tidaklah ingin mengulang saranan dan harapan kaola semasa membincangkan

perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu analisis permit-permit kerja untuk membantu *MPEC* dan *MISC* membuat *forward manpower planning,* menyediakan anak tempatan dengan *skill plus* dan mana-mana kemahiran yang bersesuaian untuk menggantikan pemegang permit-permit kerja apabila tempoh permit kerja mereka mansuh.

Yang ingin kaola memohon pencerahan *KPI MPEC* iaitu seramai 12,635 orang setahun yang akan diambil bekerja. Mohon pencerahan adakah ini *incremental* 12,600 pada tiap-tiap tahun? jika ia *incremental* 12 ribu *target* tiap-tiap tahun, أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam sedikit masa, banyak kerja *work permit* akan diganti dengan orang-orang Brunei.

Mohon pencerahan juga, Perbelanjaan $24 juta iaitu naik $4 juta daripada tahun lepas, ialah bukannya sumbangan kepada anak tempatan tetapi ia mesti disiarkan sebagai sumbangan berupa subsidi kerajaan kepada swasta untuk membayar elaun 18 bulan pertama pekerja dengan *i-Ready programme*. Ia adalah sumbangan subsidi kerajaan kepada industri untuk mengambil pekerja *i-Ready* Brunei diberi pengalaman pekerjaan.

Isu ini mesti 'dibarigakan' supaya industri yang menerima pekerja-pekerja *i-Ready* tahu mereka menerima subsidi kerajaan. Sepatutnya mereka membayar gaji kepada pekerja *i-Ready graduate* tetapi kerajaan yang membayar subsidi gaji untuk 18 bulan pertama. Ini adalah satu dana yang besar yang kaola fikir mesti disiarkan kepada *companies* yang banyak menerima graduan-graduan dan *i-Ready programme*.

Sekian dahulu isu yang ingin kaola sampaikan pada sesi pertama dalam perbincangan Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri.

والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab dahulu beberapa soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Pertama sekali soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, mengenai *renewable energy and climate change*. Soalan pertama mengenai impak kepada pekerjaan kalau kita terus menggalakkan *renewable energy* dan usaha-usaha untuk mengatasi isu *climate change* ini dan juga impak kepada ekonomi.

Bagi kaola sebenarnya seperti isu-isu yang lain, *digitalization* dan sebagainya, ia memang akan membawa impak. Ini tertakluklah kepada setiap negara dengan perancangan dan sebagainya. Sama ada kita sambut isu-isu yang baharu ini dengan mengambil peluang

ataupun di*accept whatever they come, the impact with it.*

Jadi, bagi kaola, dari segi *climate change* ini, ia akan menubuhkan lagi pekerjaan yang baharu *especially on the green economy* dan sebagainya. *We need new engineers* yang pakar dalam pembangunan dan penggunaan teknologi tenaga yang boleh diperbaharui. *So, the renewable energy expertise and so on*. Ini bagi kaola, *a new job opportunity* bagi kita, jadi kita mesti membuat persediaan untuk menyambut peluang-peluang ini.

Dari segi ekonomi, kaola rasa juga ini satu isu yang *actually* akan memanfaatkan kita. Kalau kita lihat sahaja pada masa ini, *power generation* kita menggunakan gas, kalau sekiranya kita dapat menggunakan *renewable energy*, gas kita dapat kita jual atau dimajukan *downstream industry* dan sebagainya.

Jadi, *this is actually* yang positif bagi ekonomi kita. Jadi, kita menggalakkan kalau negeri lain seumpamanya, *solar panel* dan sebagainya kalau banyak negeri lain menggunakan *solar panel* dan bateri, mungkin harga masa depan akan menurun.

Jadi, kita ambil peluang, kalau harga menurun, kita mengikut juga mengadakan *solar energy* dan sebagainya dengan harga yang rendah, kita dapat menjimatkan gas kita untuk memajukan *downstream industry* dan sebagainya. Itulah yang bagi kaola, *this is positive*. Kita mesti juga memainkan peranan dengan negeri-negeri lain untuk sama-sama mengatasi isu *climate change* ini. Tapi 'buat-buat' itu, mungkin kita *will also benefit* dari segi *job* dan ekonomi.

Soalan mengenai dengan *ACCC* ini. Pada masa ini, peraturannya sebelum *ACCC* ini ditubuhkan, kita memerlukan 10 buah negeri *ASEAN* sama-sama *submit instrument of full power* kepada *ASEAN Secretariat*. Jadi, pada masa ini 5 buah negara sudah *sign on*. Satu lagi, إِنْ شَاءَ اللهُ tidak lagi lama, mereka akan menyelesaikan, yang lain masih dalam *internal process*.

Apa yang diharapkan sebelum ini, kita akan menubuhkan *ACCC* ini secepat mungkin *unfortunately* ini di luar kawalan negara 'kitani', terpaksalah kita menunggu tetapi memang usaha untuk kita sentiasa berunding dengan negeri-negeri yang belum menghantar *instrument of full power* ini, memang kita sentiasa berhubung dengan negara berkenaan supaya mereka dapat mempercepatkannya.

Dari segi bajet yang kita sediakan $2.1 juta. Ini sebenarnya disediakan untuk 3 tahun yang akan datang bagi pertumbuhan *ACCC* kerana *ACCC* ini berguna fizikal *office*. Kalau sekiranya 10 buah negeri ini *sign on* sudah *instrument of full power*, kita akan berusaha untuk melantik seorang *Executive Director* supaya dapat menjalankan *ACCC* ini *independent* daripada *Brunei Climate Change Secretariat.*

Seterusnya, kalau kaola dapat menjawab juga soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Mengenai kursus kelamaan prosesnya untuk membenarkan sehingga satu kursus ini mengambil masa 8 minggu baru ada kebenaran. Jadi, إِنْ شَاءَ اللهُ kalau sekiranya dapat 'kitani' 'membuntakkan' lagi masanya إِنْ شَاءَ اللهُ *MPEC* dan *JobCenter Brunei* akan melihat dan meneliti prosesnya.

Seterusnya, mengenai *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd, FDI*, kesannya dari segi *human resource*. Jadi, setakat ini, *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd* mengambil kira-kira seramai 700 orang anak-anak tempatan bekerja di *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd.* Jadi, kaola belum ada terdapat berapa orang sebenarnya telah berhenti dan sebagainya.

Jadi, kalau dilihat jumlah anak-anak tempatan bekerja di *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd.* ini, ia meningkat tetapi tidak meningkat secepatnya atas sebab-sebab yang tertentu. Jadi, apa sebabnya 'diorang' ini berhenti daripada *Syarikat Hengyi Industrial Sdn. Bhd Hengyi* itu, kadang-kadang ada yang *reason*nya dibagi *because* durang ada *alternative job opportunity* sudah, 'diorang' mungkin ada kena *offer* tempat lain ataupun ada yang rasa, *this job is not for me,* sebab itu 'diorang' berhenti, ada yang akan menyambung belajar lagi, jadi, ada yang sebahagian orang yang berhenti ia *personal reason*, tidak dikongsikan dengan syarikat itu, 'payah' 'kan' 'kitani' tahu 100% apa sebabnya.

Seterusnya, akhir sekali, mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai Wawasan Brunei 2035, sama ada dapat diaudit dalam masa yang lebih pendek daripada 5 tahun sekali, ini 'kitani' lihat keperluan untuk diaudit dalam jangka yang pendek. Bagi 'kitani' memang dari dulu sudah 'kitani' mengadakan satu Laporan Audit yang sebenarnya laporan yang terakhir ini 2016 hingga 2022 telah dikeluarkan.

Jadi, dari sanalah 'kitani' melihat apa lagi *improvement* yang perlu 'kitani' buat. Tapi, memang satu yang sudah 'kitani' mungkin sudah 'kitani' menghampir Wawasan Brunei 2035, adakah perlu 'kitani' memendekkan *duration*nya sampai mungkin setiap 3 tahun dan sebagainya, itu 'karang' pihak Wawasan memikirkan.

Jadi, pada masa ini juga 'kitani' mendapat khidmat penaiktarafan sistem kualiti pengurusan *ISO Certification* bagi Pejabat Wawasan Brunei melalui *independent assessment.* Jadi, ini kalau sudah ada, ada juga satu *input* dari segi bagaimana 'kitani' dapat meningkatkan cara 'kitani' mengurus Pejabat Wawasan Brunei ini.

Seterusnya, mengenai *Assurance Integrity Agency* ini, walaupun 'kitani' ada jawatankuasa masing-masing bagi setiap matlamat, 'kitani' sentiasa memikirkan juga *because* kebanyakan keahlian dalam setiap jawatankuasa ini,

ia *duplication* ada yang seperti kaola sendiri, kaola sebenarnya di dalam ketiga-tiga jawatankuasa juga.

Jadi, apa isu, kemungkinan 'kitani' memajukan ekonomi akan terjejas dari segi sosial, itu pun memang difikirkan, sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebentar tadi, kalau 'kitani' maju, ekonomi ke hadapan, jadi ada kemungkinan sebahagian penduduk dalam negeri yang tertinggal.

Jadi, dalam beberapa tahun kebelakangan, 'kitani' sudah menambah baik sistem 'kitani', Sistem Kebajikan Negara. Jadi, kalau sekiranya ada golongan yang tertinggal, tidak dapat *catch up*, memang ada, jadi adalah 'kena sambut' oleh Sistem Kebajikan Negara dan sebagainya.

Jadi, untuk 'kitani' memajukan ekonomi, 'kitani' mahu juga pekerja dapat menghadapi diri untuk menyambut peluang pekerjaan ini 'kitani' 'mengusai' jua SPK supaya bagi mana yang bekerja, persaraanya akan terjaga. Jadi, bukan macam sebelum ini skim itu mungkin kurang menarik sampai ada sebahagian pekerja yang mengatakan, "walaupun kerja keras, sudah bersara nanti 'inda' jua mencukupi", itu yang tidak menggalakkan 'diorang' bekerja. Ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan pembaikan yang sudah 'kitani' buat dalam SPK ini, ia akan menggalakkan orang ramai supaya terus bekerja, sama-sama kitani menyokong, membangunkan ekonomi 'kitani'.

Jadi, membangun ekonomi memerlukan pekerja yang berkemahiran. Jadi, ini mesti bekerja dengan jawatankuasa Matlamat I juga. Jadi, ini memang sentiasa diintegrasikan supaya 'kitani' sama-sama mencapai, kalau apa yang tercapai dalam Matlamat I memang membantu Matlamat III.

Seterusnya, mengenai *UNHDI*. Kaola ada kongsikan sudah tadi mengenai pencapaian *UNHDI* dan sebagainya. Jadi, *HDI* ini digunakan sebagai *global positioning* ataupun *benchmarking* sahaja. Jadi, mengukurkan perbezaan dengan negeri-negeri yang lain.

Jadi, 'kitani' perlu melihat kepada progres dalam negeri sebenarnya. Kalau 'kitani' bandingkan dengan negeri-negeri lain, 'kitani' mesti juga *concentrate*, teruskan kemajuan 'kitani' dalam negeri 'kitani' setelah melaksanakan pelbagai perubahan yang bermakna untuk membawa kepada kelangsungan pembangunan dan kemakmuran, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan Negara Brunei Darussalam.

Inilah yang 'kitani' teruskan, yang kadang-kadang 'kitani' suka meng*compare index* ini, *index* itu. Itu memang satu *practice* yang bagus, 'kitani' dapat melihat kedudukan 'kitani' berbandingkan dengan negeri-negeri lain.

Tapi, apa yang penting lagi, kalau 'kitani' terlalu *fixated* dengan *index* ini, kadang-kadang tertinggal 'pulang' progres yang sebenarnya yang perlu dibuat dalam negeri ini. Jadi, penting *index* ini sebagai

reference, apa yang penting benar-benar yang 'kitani' buat *is the real progress* yang 'kitani' perlu buat dalam negeri itu.

Itulah sahaja pandangan kaola dari segi satu soalan yang diajukan tadi itu. Itu sahaja kaola dapat kongsikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menambah sebahagian daripada soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin ada menyuarakan mengenai dengan reputasi dan *crisis management* terhadap gangguan-gangguan bekalan elektrik yang telah pun terjadi 2 kali pada tahun lepas contohnya dalam bulan Jun *LNG* dan juga bulan Oktober tenaga.

Dalam hal-hal sedemikan, bagi insiden-insiden gangguan bekalan tenaga elektrik, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah mengambil pendekatan pengurusan insiden yang mengutamakan kesejahteraan rakyat melalui langkah-langkah pemulihan yang cepat, selamat dan bersepadu.

Antara langkah tindak balas tersebut adalah pertama, pengaktifan Pelan Kesinambungan Operasi atau *Business Continuity Plan* seperti pengerahan *mobile genset*, *crisis management team*, *Standard Operating Procedure* yang ketat selaras dengan *best industry practices*, untuk memastikan impak yang terkawal. Ini sedikit sudah kaola jelaskan dalam mukadimah awal tadi.

Kedua, tindakan yang bersepadu dan kerjasama rapat daripada kesemua pihak untuk memastikan impak yang terkawal terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kritikal.

Yang terakhir, pihak jabatan juga akan menyampaikan maklumat yang terkini kepada orang ramai secara berterusan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial, berita televisyen dan di radio serta melalui saluran aplikasi *whatsapp* yang sedia ada di antara pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik bersama kesemua penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait.

Maklumat terkini sentiasa dikongsikan secara rasmi adalah untuk menjamin kepercayaan dalam kalangan orang ramai dan untuk menghentikan penyebaran maklumat yang tidak sahih mengenai insiden gangguan berkenaan. Namun demikian, berikutan insiden gangguan tersebut, didapati masih terdapat jurang dalam Pelan Kesinambungan Operasi atau *Business Continuity Plan (BCP)* negara. Oleh itu, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik giat memperbaiki tindakan balas khususnya melalui Pelan Kesinambungan Operasi yang lebih integrasi antara pihak-pihak kerajaan yang berkaitan.

Peramba/kaola/saya ingin meyampaikan bahawa pihak jabatan telah

mencadangkan beberapa tindakan yang bersesuaian bagi jangka masa panjang termasuk penaiktarafan aset-aset dan infrastruktur yang berkenaan ke arah memperbaiki perkhidmatan bekalan tenaga elektrik terhadap rakyat Negara Brunei Darussalam.

Ini adalah selaras dengan objektif Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan bekalan tenaga elektrik yang terjamin ke arah memacu perkembangan ekonomi negara. إِنْ شَاءَ اللهُ, dengan adanya pelan-pelan tindak balas ini impak gangguan terhadap aktiviti-aktiviti harian orang awam terutamanya perkhidmatan kritikal dapat dikawal di samping meningkatkan lagi kepercayaan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan dari segi kecekapan dan keberkesanan pembekalan sistem tenaga elektrik negara dalam menjamin kesejahteraan seluruh lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Berikutnya, kaola juga berterima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai cadangan Yang Berhormat agar ditubuhkan satu unit Bahagian Keagamaan di seluruh jabatan kerajaan dan melantik atau menyerapkan seorang pegawai atau guru agama bagi tujuan menghidupkan amalan membaca doa sebelum memulakan tugas.

Kaola kurang pasti juga kaola tidak hadir di Dewan yang mulia ini, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun membuat *respons* mengenainya? Namun demikian, kaola berpendapat juga satu cadangan yang baik dan ini pun mengambil kira pengalaman kaola di Kementerian Pertahanan.

Kementerian Pertahanan berbeza dengan kementerian atau jabatan lain yang lebih besar dan dari segi anggotanya pun, makanya ada di sana terdapat juga Jabatan Agama Angkata Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT) untuk menguruskan soal-soal keagamaan baik daripada pengajaran asas, fardu Ain dan fardu Kifayah kepada peringkat-peringkat berikut sehinggalah sebelum seseorang tentera yang berkhidmat itu menamatkan perkhidmatan ataupun bersara.

Itu satu kebaikan. Mengenai untuk menghidupkan amalan membaca doa sebelum memulakan tugas seharian, kementerian lain menggunakan kaedah-kaedah terkini pada masa ini, iaitu kaedah doa setiap memulakan pekerjaan di bangunan-bangunan utama kementerian ataupun jabatan dan begitu jua halnya doa penutup selepas menjalankan tugas harian.

'Barangkali' itu kalau hanya dikhususkan untuk membaca doa pegawai agamanya ataupun guru agamanya mungkin kurang juga dikirakan memberi satu kemanfaatan yang menyeluruh.

Mengenai soalan berikut daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Mengenai cadangan Yang

Berhormat untuk mewujudkan jawatan pemandu wanita di jabatan-jabatan kerajaan bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Ini pun kaola kurang pasti apa *respons* yang telah disampaikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama juga. Namun demikian, sebagai jawapan sukacita dimaklumkan bahawa skim iklan bagi jawatan pemandu adalah dibukakan kepada pemohon lelaki dan wanita dengan berpandukan syarat-syarat kelayakan minimum bagi mengisikan jawatan berkenaan.

Antara skop tugas dan tanggungjawab ialah berkebolehan menjaga keselamatan dan kebersihan serta memastikan kenderaan yang dipandu dalam keadaan baik dan selamat dan ketersediaan untuk bertugas pada bila-bila masa jika diperlukan termasuk di luar waktu bekerja yang biasa.

Walaupun dalam skim ada menyebutkan keutamaan adalah diberikan kepada calon lelaki, namun pengambilan pemandu-pemandu bagi pegawai-pegawai kanan adalah berpandukan kelayakannya, berkesanggupan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan serta lulus sesi temu duga tanpa mengira jantina *(gender).*

Kita mengharapkan apa jua pandangan ataupun apa jua *scenario* yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin itu mudahanlah dapat akan mengatasi masalah-masalah ini khususnya ada yang ada berkaitan dengan syariah dan sebagainya.

Mengenai soalan dan beberapa pemerhatian dan pengamatan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan sedikit sebanyak yang telah dijawab jua oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kaola akan 'menyampuk' sedikit dan menambah mengenai pencerahan soalan yang berkaitan dengan tenaga.

Soalan yang pertama mengenai *Bruneianisation*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه seperti arahan *Bruneianisation Directive* dikuatkuasakan pada tahun 2018, syarikat-syarikat pengendali utama sektor huluan khususnya di bawah naungan *Brunei Shell Joint Venture (BSJV)* telah berjaya mencapai 90% tahap *Bruneianisation* sepertimana jua Yang Berhormat nyatakan.

Ini adalah hasil usaha sama antara pelbagai pihak yang berkepentingan. Pelaksanaan arahan ini bukan sahaja menumpukan kepada sektor huluan saja, ia juga merangkumi kesemua industri minyak dan gas, iaitu huluan pertengahan dan juga hiliran.

Setakat bulan Disember 2023 yang lalu, pencapaian *Bruneianisation* bagi syarikat-syarikat pengendali utama huluan dan hiliran adalah pada tahap 73% secara purata. Namun yang demikian, sasaran usaha ini adalah untuk mencapai minimum 90% anak tempatan

dalam semua peringkat dan kumpulan kemahiran.

Ke arah ini Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Tenaga akan meneruskan penguatkuasaan arahan berkenaan dengan bekerjasama rapat dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Mengenai amalan terbaik industri untuk diterapkan ke dalam operasi-operasi di sektor lain terutamanya *critical installation,* kaola mengalukan cadangan baik ini.

Ke arah ini beberapa amalan-amalan terbaik sememangnya dapat diteladani khususnya dari segi proses dan piawaian keselamatan, pembangunan kapasiti dan pengurusan tenaga manusia. Pengurusan projek termasuklah kontrak dan pemerolehan dan selainya.

Manakala, Autoriti Petroleum Brunei Darussalam telah pun melaksanakan pengauditan operasi ke atas syarikat-syarikat pengendali terbesar dalam usaha untuk mencapai serta mengekalkan tahap pengeluaran minyak dan gas. Pada masa yang sama penubuhan agensi-agensi keselamatan terutamanya Autoriti Kebangsaan Keselamatan Kesihatan dan Alam Sekitar *(SHENA)* telah melaksanakan mengikut manual prosedur kerja dan garis panduan yang telah diadaptasi dan dipakai oleh piawaian antarabangsa sektor minyak dan gas.

Di samping itu juga, Jabatan Tenaga telah dan terus menjalankan program-program perbantukan tenaga kerja terutamanya dari syarikat-syarikat *BSJV* bagi memacu perkembangan dan penerapan amalan-amalan terbaik dari sektor industri tersebut dalam kalangan perkhidmatan awam.

Seterusnya mengenai soalan *shell brand* di stesen-stesen minyak. Sepertimana juga yang telah dinyatakan dalam mukadimah peramba/kaola/saya dan juga sesi muzakarah sebelum ini, dengan adanya kilang penapisan *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.* di Pulau Muara Besar, pembuatan dapat dihasilkan di dalam negeri dan ini akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan keterjaminan bekalan tenaga negara dari segi produk petroleum. Sebagai pembekal tempatan rasmi negara yang membekalkan produk-produk petroleum utama seperti *gasoline, diesel* dan *Jet-A1,* sememangnya keupayaan ini adalah merupakan satu kelebihan tambahan bagi produk-produk ini adalah berkualiti tinggi dan memenuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Namun yang demikian, produk-produk ini dipasarkan atas dasar komersial dan *Brunei Shell Marketing (BSM)* adalah merupakan pembeli tunggal untuk pasaran domestik.

Ini adalah modaliti perdagangan yang agak *common* bahawa produk berkenaan dibukakan kepada pembeli-pembeli atas dasar komersial dan seterusnya diguna pakai oleh syarikat berkenaan bagi tujuan pasaran lanjut. Produk-produk ini sememangnya adalah produk tempatan

yang dihasilkan oleh Negara Brunei Darussalam bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri tetapi juga dieksport di pasaran antarabangsa. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf, kaola tadi ada tertinggal satu soalan mengenai *MPEC* yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, iaitu mengenai sasaran *MPEC* untuk mengambil pekerja seramai 12,600 setiap tahun.

Just to confirm, jumlah itu ialah setiap tahun. Jadi, kalau 'kitani' lihat kebelakangan sejak tahun 2019 kita mencapai 11,100. Tahun 2022, 12,800. Tahun 2021, 12,200. Tahun 2022, 13,600. Tahun 2023, 12,600 lebih dari 12,600 dan ini adalah jumlah yang kita capai setiap tahun.

Soalan Yang Berhormat tadi, kalau kita dapat mencapai jumlah pengambilan seperti tahun-tahun sebelum ini dengan pengangguran pada masa ini 11,000 lebih orang 'kitani' mungkin dapat mencapai *zero unemployement*, jadi, untuk dikongsikan dengan Yang Berhomat jua, pada setiap tahun ada 'kitani' *estimate* 5,800 graduan yang baru masuk ke *labour market* .

Jadi, ada jua kira-kira 1,800 *drop out* dari sekolah, *secondary school* dan sebagainya. Ada juga yang sudah mendapat kerja yang berhenti, ada *re-entering labour market* 5,000 lebih orang, jadi, kalau dikumpulkan, setiap tahun 'kitani' *expect* 12,000 lebih orang *re-entering* ataupun yang *newly entering the labour market.* Pencapaian dalam beberapa tahun ini nampak 'kitani' hanya dapat *replace* yang baru masuk. *That is why* 'kitani' punya kadar pengangguran masih lebih kurang 5.2%, 5.0% dan sebagainya.

Jadi, inilah usaha untuk dapat mengurangkan berterusan, jadi, 'kitani' dapat meningkatkan lagi yang *school dropout* supaya 'diorang' dapat *certificate* sekurang-kurangnya *TVET* dan kalau dapat lagi ke *HND* supaya banyak pekerjaan yang ada tersedia, di *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. for example,* menunggu masa ini. Jadi dapat 'diorang' mengganti. Tapi, kalau ia *drop out* saja tidak mempunyai *qualification,* 'payah' 'kitani' kan mengurangkan berterusan. Ini satu isu.

Kedua, pada masa ini yang belum dapat kerja mungkin bertahun-tahun belum dapat kerja, jadi mungkin *qualification*nya *mismatch* dengan *industry demand,* ataupun terlampau banyak sudah orang membuat *qualification* itu, jadi tidak ada lagi keperluan tambahan untuk mengambil sebahagian *qualification* tersebut.

Jadi, inilah kemungkinan *mismatch* dalam industri. Isu ini, kerajaan pada masa ini, ada satu *high level committee* untuk mengatasi isu dari segi dasar-dasar dan sebagainya. إِنْ شَاءَ اللهُ dengan usaha-usaha ini 'kitani' akan dapat

identify apa sebenarnya, apa sebabnya, yang 'kitani' punya *unemployment* ini, *very sticky* sampai 4.9%, 5.2% dan sebagainya. Jadi, dalam 3 tahun ini macam nampak 'menurun-nurun ani', jadi mesti *identify* apa *root causes y*ang menyebabkan kadar pengangguran ini, jadi macam mana caranya lagi dapat 'kitani' mengambil supaya dapat ia terus menurun إِنْ شَاءَ اللهُ Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola pun terlepas tadi ada tadi soalan terakhir sebenarnya dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin iaitu mengenai cadangan pembangunan di tapak-tapak *high value estate* yang kosong pada masa ini di Daerah Belait.

Syarikat Brunei Shell Petroleum sedang meneliti kawasan-kawasan bekas tapak perumahan termasuk *refinery* dan aset-aset tersebut. Pada masa ini Syarikat *BSP* masih membuat perundingan dengan pihak-pihak yang berminat untuk mengusahakannya.

Manakala kawasan-kawasan yang tidak selamat untuk didiami dan tidak bersesuaian untuk didirikan sebarang pembangunan akan dirobohkan untuk keselamatan rakyat dan penduduk di kawasan Seria dan Belait. إِنْ شَاءَ اللهُ Pihak jabatan akan bekerjasama rapat dengan syarikat dan agensi-agensi yang berkaitan untuk memastikan keselamatan orang awam dahulu sebelum meneliti lagi nilai yang dapat diraih dari segi aset-aset tersebut.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penjelasan-penjelasan yang diberikan berhubung dengan soalan-soalan yang telah pun dikemukakan dan saya kira jawapan-jawapan yang dberikan adalah mencukupi bagi menerangkan kedudukan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya berpendapat bahawa cukup dulu kita berbahas pada hari ini. Maka saya berpendapat bahawa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang hari ini. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada hari

Sabtu, 16 Mac 2024 bermula dari pukul jam 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(**Majlis mesyuarat ditangguhkan)**

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 5 Ramadan 1445 / 16 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketiga belas pada hari ini Sabtu, 5 Ramadan 1445 bersamaan dengan 16 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ أَلْحَمْدُ لِلّٰه syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang pada hari yang ketiga belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk menyambung penelitian ke atas Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم .Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa pada hari Khamis yang lalu

telah pun mula membahaskan dan membincangkan Tajuk Belanjawan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita telah pun selesai membincangkan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A.

Sebelum saya membukakan tajuk-tajuk seterusnya untuk dibahaskan saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ingin memberikan beberapa respons dan penjelasan bagi soalan-soalan yang dikemukakan pada hari Khamis yang lalu yang belum dijawabnya. Saya persilakan sekarang Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi**.**

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Pagi ini, kaola ingin merujuk soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof iaitu antara lain, Yang Berhormat ingin pencerahan setakat manakah transformasi pemodenan selaras dengan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam dan apakah kesinambungan rangka kerja berkenaan yang sejajar dengan trend masa kini dan yang akan datang.

Juga, apakah langkah dan pelan tindakan untuk meningkatkan tahap produktiviti kerajaan. Sebagai jawapannya, kaola berterima kasih atas soalan itu, beberapa usaha dan perancangan telah dibuat. Sebagai Tuan Rumah Mesyuarat *ASEAN Cooperation on Civil Service Matters (ACCSM)* pada tahun ini, satu bengkel bertajuk: "*Developing Framework for Measuring Productivity and Public Sector"* akan diselanggarakan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di bawah *ASEAN Work Plan 2021-2025* pada bulan November tahun ini bersama negara-negara *ASEAN* yang bertujuan untuk menghasilkan piawaian yang dapat diguna pakai untuk mengenal pasti faktor kritikal dalam mengukur produktiviti penjawat awam dan sebagai penanda aras untuk penambahbaikan berterusan dan sebagai pemacu perubahan dalam membina strategi tenaga manusia.

Sejajar dengan matlamat *ACCSM* iaitu: "Untuk Membina dan Mengekalkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi, Dinamik dan Berpaksikan untuk Rakyat *ASEAN*", bengkel: "*Strengthening Government Strategies in Mental Health and Well-Being towards Achieving Work-Life Balance in Public Sector"* akan diselanggarakan oleh Institut Perkhidmatan Awam pada bulan Mei 2024 di bawah Pelan *ACCSM* 2021-2025.

Hasil daripada bengkel ini ialah untuk menghasilkan panduan dalam pengurusan *work-life balance* di sektor awam dan mendokumenkan inisiatif amalan terbaik dan cabaran yang dikenal pasti. Dokumen ini akan dapat digunakan

oleh pembuat dasar di negara *ASEAN.* Ia adalah sebahagian usaha menuju ke arah produktiviti di perkhidmatan awam.

Ini ditambah lagi dengan *Public Service Capability Development Framework (PSCDF)* yang baharu saja dilaksanakan oleh IPA untuk melihat taraf dan jurang yang ada pada kompetensi perkhidmatan awam seperti yang dimaklumkan dalam mukadimah hamba/kaola/saya sebelum ini. Jika ada jurang atau tidak mencapai sasaran tahap intervensi yang diperlukan mengikut modal pembelajaran sama ada *experiential, social* ataupun *formal learning,* ke arah ini, peranan IPA ialah memastikan kursus yang berasaskan kompetensi yang terkandung di dalam *PSCDF* tersebut.

Dalam masa yang sama, IPA akan terus menjalankan program-program latihan berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan tugasan harian sebagai dukungan kepada usaha peningkatan tahap produktiviti penjawat awam.

Untuk makluman bersama, hasil Kajian Impak yang dilaksanakan oleh pihak IPA ke atas 117 Penyelia-Penyelia Peserta Kursus yang telah mengikuti kursus-kursus di bawah tema: Produktiviti dan *ICT* anjuran IPA tahun lepas, 92% menyatakan terdapat impak terhadap pembaikan ke atas mutu kerja masing-masing dan 91% menyatakan terdapat impak kepada tahap produktiviti dalam organisasi, itulah untuk jawapannya.

Manakala, pada Khamis yang lalu juga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim telah mengemukakan beberapa soalan mengenai *review Civil Service Framework* dan juga mengenai *flexi hours*.

Pada menjawabnya bagi soalan pertama, dalam mendukung usaha senegara berkaitan transformasi digital melalui IPA, sebanyak 31% program atau kursus yang ditawarkan berupa inovasi dan *ICT*. Sebanyak 30 jenis kursus disediakan untuk diikuti oleh penjawat awam seperti *Basic IT Skills, Basic Programming, Designing for Presentation* termasuk penganalisisan data menggunakan *analysis tools* seperti *SPSS, Starter* dan *Visualization* menggunakan *Power Business Intelligence.*

Soalan kedua, kaola sendiri berpendapat mengenai *upgrading competency, productivity and effectiveness,* adalah sama dengan jawapan kaola pada soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof sebentar tadi.

Soalan ketiga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim ialah mengenai cadangan mengadakan waktu *flexi hours* iaitu bagi mengambil anak masing-masing berikutan pengintegrasian sekolah.

Untuk jawapannya, sejajar dengan perkembangan semasa dan untuk mengimbangi keperluan kerjaya dengan keseimbangan kehidupan *(work-life balance),* dan mengambil kira penanda aras waktu bekerja semasa menghadapi pandemik *COVID-19*, Jabatan Perdana Menteri khususnya melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, pada masa ini sedang membuat kajian kebolehsesuaian (*feasibility study*) dengan amalan-amalan terbaik termasuklah mengadakan kajian terperinci untuk menangani isu dan cabaran khususnya mengenai waktu bekerja dalam perkhidmatan awam secara menyeluruh dan produktiviti kerja dalam kementerian dan jabatan masing-masing. Untuk makluman, waktu kerja fleksibel pada masa ini memang telah dipraktikkan seperti perkhidmatan kaunter.

Walau bagaimanapun, inisiatif selanjutnya adalah kemungkinan bagi melaratkan konsep *flexi hours* ini ke dalam waktu bekerja dalam perkhidmatan awam secara keseluruhan. Pada peringkat permulaan ini, satu penyelidikan mengenai waktu hari bekerja telah pun diadakan di peringkat kumpulan kerja dengan mengenal pasti dapatan fakta mengenai kedudukan sumber manusia, fungsi tugasan kerja, penyampaian perkhidmatan kepada pihak berkepentingan dan fungsi berpusatkan pelanggan (*client centered*) dan dasar-dasar yang berkaitan untuk dianalisis kebolehsesuaiannya.

Dapatan dari kajian atau penyelidikan itu nanti, sudah setentunya akan menjurus kepada penggubalan dasar-dasar yang berkaitan khususnya waktu bekerja fleksibel dalam perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun, terdapat keperluan melaksanakan *stackholder engagement* yang lebih menyeluruh bagi memastikan pelaksanaannya inklusif tanpa menjejaskan produktiviti kerja, lebih-lebih lagi impak kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan daripada pihak kerajaan.

Apa jua diharapkan supaya kementerian-kementerian, untuk juga mempercepatkan dan menjayakan program digitalisasi untuk memenuhi sasaran *smart governance* serta merealisasikan ekosistem perkhidmatan awam yang lebih kondusif dan dinamik.

Kaola juga ingin merespons secara teliti iaitu mengenai soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai kekurangan dari segi 'pembarigaan' hal-ehwal berkenaan adat-istiadat.

Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat. إِنْ شَاءَ اللهُ, Jabatan Adat Istiadat Negara akan terus meningkatkan usaha dalam 'mengungkayahkan' taklimat-taklimat 'pembarigaan' dalam hasrat untuk menyebarluaskan pengetahuan adat-istiadat. Penyebarluasan pengetahuan adat-istiadat merupakan peranan utama

Jabatan Adat Istiadat Negara bagi mendukung visinya iaitu: "Untuk Memberikan Masyarakat Brunei Pengetahuan dan Pemahaman tentang Adat-Istiadat".

Antara usaha tindakan bagi memperkesankan lagi penyebarluasan pengetahuan adat-istiadat adalah seperti berikut:

1. Menyampaikan taklimat atau ceramah mengenai adat istiadat kepada pegawai dan kakitangan kerajaan melalui jabatan dan kementerian serta agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut perancangan, jadual dan permintaan.;

2. Menyampaikan taklimat atau ceramah mengenai adat-istiadat kepada pelajar pelbagai peringkat termasuk prauniversiti, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah di negara ini mengikut perancangan, jadual dan permintaan.;

3. Menyampaikan taklimat kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi setiap daerah untuk persediaan majlis ramah mesra dan menjunjung ziarah bersama rakyat dan penduduk sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.; dan

4. Jabatan ini juga membukakan taklimat dan ceramah kepada agensi-agensi swasta dan pertubuhan-pertubuhan awam *(non-governmental organization)* seperti agensi perbankan, agensi pelancongan dan persatuan-persatuan dan sebagainya.

Mengenai statistik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah sebagai sasaran *(KPI)* jabatan.

Walau bagaimanapun, Jabatan Adat Istiadat Negara terus meningkatkan usaha bukan sahaja untuk mencapai sasaran tersebut bahkan melebihi dari apa yang disasarkan sebagai misalan anggaran pada Tahun Kewangan 2023/2024 adalah 76 kali, namun jabatan telah pun memberikan taklimat sebanyak 88 kali.

Jabatan juga sedang dalam usaha untuk 'membarigakan' melalui platfom *mobile apps* yang pada ketika ini dalam peringkat permulaan, iaitu projek JAIN.bn. Melalui kaedah ini orang ramai akan dapat mengakses maklumat berkaitan dengan Jabatan Adat Istiadat Negara. إِنْ شَاءَ اللهُ

Jabatan Adat Istiadat Negara mengambil baik saranan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof untuk memperbanyakkan lagi buku-buku rujukan berkaitan adat-istiadat.

Walau bagaimanapun, dalam jangka masa pendek jabatan telah pun memasukkan maklumat mengenai adat-istiadat dalam buku Program Istiadat Perkahwinan Diraja 3 tahun kebelakangan. Dalam jangka masa panjang usaha ini akan ditingkatkan dengan kerjasama dari Pusat Sejarah Brunei, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi disampaikan menjadi respons kepada soalan pada hari Khamis yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas penjelasan dan penerangan yang diberikan itu.

Sekarang, kita akan teruskan dengan membincangkan Tajuk SA08A hingga Tajuk SA16A di bawah Jabatan Perdana Menteri dan tajuk-tajuk ini akan saya bukakan untuk dibahaskan.

Walau bagaimanpun, sebelum saya membukakan tajuk-tajuk ini untuk dibahaskan, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua memandangkan kita sudah memasuki hari ke-13 dan kita berhadapan dengan masa yang agak suntuk untuk menyelesaikan perkara-perkara yang di hadapan kita sebelum bermulanya Tahun Kewangan yang akan jatuh pada 1 April ini.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi ingin menasihatkan agar soalan-soalan yang dikemukan itu biarlah ringkas dan tertumpu kepada soalan atau cadangan sahaja. Mana-mana soalan yang tidak sempat dikemukakan ataupun dijawab bagi tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri pada hari ini dan mungkin juga tajuk-tajuk bagi kementerian lain setelah ini, saya akan membolehkan bagi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu untuk menjawabnya secara "bertulis" kemudian nanti.

Juga, saya ingin mengingatkan bahawa mana-mana soalan yang telah pun ke sesi Muzakarah, saya kira tidaklah perlu lagi untuk dibawa ke Dewan ini, soalan-soalan itu telah pun dijawab dengan jelas dan saya tidaklah perlu menghabiskan masa di Dewan ini untuk mendengarkan soalan yang sama dan jawapan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama saya di sini terdapat senarai Ahli Yang Berhormat, yang suka untuk membahaskan tajuk-tajuk yang ada ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola

mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang panjang lebar yang disampaikan pada hari Khamis lepas dan tahniah atas inisiatif dan usaha-usaha yang dijalankan serta keutamaan-keutamaan yang diberikan khususnya mengenai keselamatan, keamanan, kesejahteraan rakyat di negara ini melalui program-program seperti meningkatkan *competency* pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam.

Perkhidmatan awam adalah enjin jentera kerajaan yang penting dalam memajukan dan membangunkan negara, khususnya untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pada pandangan kaola, kalau enjin jentera ini baik, akan baiklah perjalannya sebagai contoh enjin kereta *Formula 1.* Perjalanannya adalah selalu lancar dan laju, apatah lagi kalau ia dipandu oleh orang yang profesional dan *champion* dalam *Formula 1*.

Tentunya akan berjaya meraih kejayaan dan kemenangan. Begitu juga dengan keadaan perkhidmatan awam, apabila mempunyai kakitangan yang profesional, berkecekapan yang mantap, إِنْ شَاءَ اللهُ pembangunan serta kemajuan negara akan bergerak maju, lancar dan berjaya.

Berkaitan dengan perkhidmatan awam ini, kaola menyambut baik usaha untuk membuat transformasi perkhidmatan awam termasuk untuk me*review GO* (Peraturan-Peraturan Am).

Dalam membuat transformasi ini tentunya semua dasar, peraturan, panduan yang akan dibentuk perlulah adil, telus, jelas, *meritocratic* dan tanpa ada penganiyayaan, *nepotism*, kronisme dan pilih kasih.

Dengan adanya transformasi ini apabila siap dan lengkap dilaksanakan, diharap tidak ada lagi timbul keraguan, pandangan dan tanggapan negatif orang ramai terhadap perkhidmatan awam kerana semuanya adalah terdiri daripada orang-orang yang berkelayakan, berkelulusan, berpengalaman, berkecekapan, berintegriti dan mempunyai prestasi yang cemerlang, berdedikasi dan mempunyai komitmen yang tinggi sesuai dengan tugas dan jawatan yang dipegang. Mereka adalah golongan elit masyarakat yang siap siaga untuk memacu negara ke arah Wawasan Brunei 2035, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Pengerusi. Isu seterusnya yang kaola ingin bincangkan ialah lantikan pegawai-pegawai. Ada antara pegawai ini meminta kaola untuk membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada masa ini terdapat pegawai-pegawai yang dilantik secara tetap ke dalam jawatan kosong dan ada juga mereka yang dilantik secara memangku sama ada 1 bulan, 6 bulan dan ada juga yang sampai bertahun belum ditetapkan

dalam jawatan masing-masing dan malah ada juga yang sudah bersara belum lagi ditetapkan. Nampak di sini tidak ada *consistency*.

Berkaitan dengan perkara ini, apakah masalah dalam membuat dan menetapkan lantikan pegawai-pegawai tersebut? Sukacita dipohonkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola merujuk pengurusan sumber tenaga manusia dalam perkhidmatan awam berkaitan hal-ehwal kebajikan penjawat awam khususnya kaum wanita. Wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan sosioekonomi negara. Wanita juga termasuk golongan yang berisiko yang perlu dilindungi di mana pun keberadaan mereka.

Kaola merujuk isu gangguan seksual di tempat kerja yang melibatkan kaum wanita, yang pernah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada Musim Permesyuaratan Tahun 2021.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023 sebanyak 23 kes jenayah dan gangguan yang melibatkan wanita di tempat kerja telah dilaporkan berbanding dengan 13 kes pada tahun 2022 dan 7 kes pada tahun 2021 semasa isu ini ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Data yang menunjukkan peningkatan ini amat membimbangkan sejak beberapa tahun kebelakangan.

Kaola berpendapat jumlah kes yang dilaporkan ini adalah terlalu kecil berbanding jumlah lebih 82 ribu wanita yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta di negara ini.

Kaola percaya banyak kes yang tidak dilaporkan antaranya berpunca dari stigma masyarakat, perasaan malu, takut akan kesannya terhadap keselamatan diri dan keluarga serta takut akan menjejaskan pekerjaan mereka khususnya jika pelaku adalah terdiri daripada pihak atasan ataupun golongan ketua-ketua dan ada juga mangsa yang tidak tahu hak mereka atau apa yang perlu dibuat dan ke mana aduan hendak dibuat jika jenayah ini terjadi kepada mereka.

Oleh itu, kaola mengambil maklum bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri sedang mengusahakan penelitian manual dasar dan peraturan mengenai

gangguan di tempat kerja ini dalam perkhidmatan awam. Oleh itu, kaola menyeru supaya manual ini segera dikuatkuasakan dan dibarigakan dengan secara meluas.

Dasar tersebut kaola harap akan jelas dan terperinci menetapkan definisi gangguan yang dimaksudkan di tempat kerja dan langkah-langkah menangani isu tersebut. Penguatkuasaan dasar ini nanti akan menunjukkan bahawa perlindungan dan kesejahteraan serta hak penjawat awam khususnya kaum wanita adalah satu keutamaan dan dipandang serius oleh kerajaan.

Dalam hal ini, kaola juga mencadangkan supaya satu "talian khas" disediakan bagi memudahkan masyarakat meminta nasihat dan mendapatkan maklumat dan membuat aduan awal mengenai jenayah ini. Pengendalian talian ini juga hendaklah mengutamakan kerahsiaan peribadi pengadu supaya mendapat kepercayaan mereka.

Berikutan itu, dasar ini juga haruslah 'dibarigakan' secara meluas dan mengadakan kempen-kempen kesedaran secara menyeluruh yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan di pihak kerajaan dan swasta.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021 Persatuan Siswazah Wanita telah mengadakan kaji selidik mengenai hal ini yang respondennya hanya meliputi 150 orang wanita bekerja dengan hasil dapatan 55% daripada responden pernah mengalami gangguan seksual di tempat kerja atau mengenali rakan atau rakan sekerja pernah mengalaminya.

Kaola menghargai usaha ini yang meskipun skop responden yang kecil, namun kaji selidik tersebut cukup penting dalam memberikan kesedaran kepada seluruh masyarakat mengenai kewujudan jenayah ini dalam kalangan penjawat awam di negara ini.

Oleh itu, kaola berpendapat adalah penting untuk pihak Jabatan Perdana Menteri menerajui satu kaji selidik yang seumpamanya di peringkat nasional merangkumi semua penjawat awam di sektor kerajaan dan swasta sebagai susulan kepada kaji selidik yang pernah dilaksanakan ini.

Ia bertujuan untuk mengetahui secara menyeluruh status terkini kes-kes gangguan ini yang berlaku di tempat kerja di negara ini. Maklumat ini juga kaola percaya akan membantu pihak Jabatan Perdana Menteri merancang inisiatif-inisiatif dan program-program untuk menangani serta membanteras kes jenayah ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola sukacita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang penuh dengan informasi ke arah merealisasikan kemajuan negara sepertimana yang dihasratkan pada hari Khamis yang lalu.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan siaran laporan Majlis Mesyuarat Negara di Radio Televisyen Brunei (RTB). Sepertimana yang kita sedia maklum, laporan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini disiarkan di TV diadakan pada setiap malam pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara berlangsung dan siaran ulangan pula dapat dilihatkan pada keesokan harinya.

Kaola sukacita mencadangkan agar sesi Permesyuaratan Majlis Meysuarat Negara dapat disiarkan secara langsung di siaran RTB bagi membolehkan orang ramai dapat mengikutinya dan mengetahui tentang suasana perbahasan di sepanjang permesyuaratan berlangsung.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas usaha dan perancangan ke arah tadbir urus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Apa yang kaola harapkan agar ia dapat dilaksanakan sesuai dengan hasrat dan matlamat pihak kementerian.

Kaola ingin menyentuh mengenai kemajuan teknologi canggih perlu digunakan secara positif dalam kemajuan era globalisasi dalam perkhidmatan. Kita tidak dapat lari daripada kemajuan teknologi yang cukup pantas ini termasuk dalam budaya kerja dan perkhidmatan yang disediakan.

Sehubungan dengan itu, kemajuan dalam teknologi terkini dalam kalangan warga perkhidmatan awam adalah penting menuju Wawasan Brunei 2035, sama ada dalam urusan pentadbiran termasuk hubungan antarabangsa, peralihan teknologi dalam pendidikan termasuk pasaran teknologi maklumat dan lain-lain.

Justeru, mana-mana warga perkhidmatan yang masih belum menguasai kemahiran teknologi sedikit sebanyak melambatkan sebarang perubahan yang dibuat.

Sehubungan dengan itu, apakah usaha-usaha yang dibuat bagi mengimbangi perkara ini tanpa meminggirkan setiap

warga perkhidmatan awam yang kurang berkemahiran dalam menguasai teknologi baharu?

Apakah perancangan ke arah transformasi penggunaan sepenuhnya teknologi digital di jabatan-jabatan kerajaan?

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, 'barangkali' kaola akan meneruskan apa yang akan disampaikan iaitu mengenai di bawah Tajuk SA11A. Sepertimana yang kita sedia maklum, jawatan atau pekerjaan dalam sektor swasta adalah merupakan pilihan kedua.

Ini mungkin disebabkan beberapa perkara, antaranya kemudahan yang disediakan dalam sektor kerajaan yang lebih menarik berbanding dengan sektor swasta. Namun pada itu, peranan sektor swasta juga penting ke arah menggerakkan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, apakah perancangan pihak kerajaan ke arah menggalakkan anak-anak tempatan untuk memilih pekerjaan di sektor swasta? Dalam masa yang sama, kaola turut mencadangkan agar elaun-elaun yang sesuai dapat diberikan kepada kakitangan swasta agar setara dengan kakitangan kerajaan seperti "elaun kurnia khas" dan lain-lain.

Dengan adanya inisiatif ini, ia dengan tidak secara langsung akan memberi galakan kepada anak tempatan untuk berkhidmat di sektor swasta. Mohon pencerahan Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira Yang Berhormat, perkara itu telah pun ditimbulkan sepanjang tahun dan kita juga telah menjawab sepanjang tahun soal seperti itu. Jadi saya kira, tidaklah 'payah kitani' panjang-panjangkan soal itu lagi.

Bagaimanapun, saya beralih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II sama ada bersedia menjawab soalan-soalan ini sekarang ataupun kita teruskan dengan mendengar soalan-soalan daripada empat orang Ahli Yang Berhormat lain yang suka untuk menyoal ataupun memberikan soalan atau cadangan dalam tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. 'Barangkali ada bisai jua' kaola menjawab salah satu dua soalan tadi 'atu', sementara menunggu untuk jawapan yang sesuai dikirakan untuk jawapan yang lebih tepat.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola berterima kasih atas soalan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin iaitu ada tiga soalan rentetan:

1. Mengenai transformasi perkhidmatan awam bahawa Yang Berhormat juga membuat analogi JPM ini sebagai enjin dan juga penjawat awam sebagai pemandu-pemandu *Formula 1.*;

2. Mengenai mengetengahkan isu kenaikan pangkat dan seterusnya.; dan

3. Isu pegawai-pegawai dan kakitangan yang memangku.

Untuk respons kepada soalan pertama itu, melalui usaha transformasi perkhidmatan awam khususnya dalam memperkesankan lagi mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, ia meliputi peranan beberapa agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Dalam hal ini, berbagai usaha dirancang dan dilaksanakan bagi menambah baik secara berterusan kualiti perkhidmatan awam yang antaranya seperti berikut:

i. Melaksanakan pemantauan ke atas tahap kecekapan organisasi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Antaranya, melalui Program Pengredan Prestasi Sektor Awam (3PSA), Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) dan pemantauan pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

   Program-program berkenaan menilai dan mengukur prestasi agensi kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama agensi-agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Dapatan-dapatan serta cadangan penambahbaikan daripada hasil penilaian dikongsikan kepada kajian agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk tindakan lanjut.;

ii. Melaksanakan Program Transformasi Sistem Kerja (TSK) yang melibatkan penelitian proses kerja terhadap satu-satu perkhidmatan kerajaan dan seterusnya melaksanakan penambahbaikan melalui kaedah *Business Process Re-Engineering*. Pada masa ini, tumpuan diberikan kepada agensi-agensi kerajaan yang memberikan khidmat kritikal kepada mengukuhkan aspek sosial ekonomi kumpulan sasaran yang diberikan bantuan.;

iii. Melaksanakan Program Anugerah Inovasi Perdana (AIP) iaitu merupakan satu inisiatif pengiktirafan kepada agensi-agensi kerajaan yang telah berhasil melaksanakan usaha-usaha

penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam perkhidmatan awam.

Ia juga bertujuan sebagai pemangkin kepada mempergiatkan lagi usaha agensi-agensi kerajaan dalam melaksanakan program-program pembaharuan serta penambahbaikan terutama khususnya kepada orang ramai dalam berurusan dengan agensi kerajaan.;

iv. Projek Sistem E-Pemedulian Pelanggan (EPP) yang dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (*EGNC*). Ia merupakan satu kaedah bagi pengumpulan data berkaitan prestasi perkhidmatan agensi-agensi kerajaan secara *digital*, cepat dan *real time*. Dengan adanya maklumat dan data yang terkini dan keupayaan sistem melaksanakan *Monitoring and Evaluation* (*ME*) ini akan memberi kemudahan untuk melaksankan data analitik, meramal dan merancang (*forecasting and planning*), menganalisis trend (*trend analysis*) penyampaian perkhidmatan.;

v. Pengemaskinian Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal '1A' dan Penggal 'B' yang akan diselajurkan dengan pewujudan mengawal dasar dan peraturan sumber manusia perkhidmatan awam yang di peringkat akhir penyelesaiannya. Pengemaskinian ini akan menghasilkan laporan yang lebih relevan dengan keperluan masa kini serta selaras dengan Surat-Surat Kelilling Kerajaan yang berkuatkuasa. Antara impak yang dihasratkan ialah mempertingkatkan produktiviti dalam perkhidmatan awam dengan adanya pembaikan ke atas peraturan-peraturan tertentu.; dan

vi. Pelaksanaan Rangka Kerja Pembangunan Keupayaan Perkhidmatan Awam (*Public Service Capability Development Framework – PSDF*). Rangka kerja ini merupakan pembaharuan dalam ekosistem pembangunan keupayaan perkhidmatan awam melalui penilaian keupayaan dan kebolehan tenaga kerja dalam melaksanakan strategi, inisiatif dan program kementerian dan jabatan. Ia akan mengenal pasti dengan jelas jurang kompetensi membolehkan latihan yang tersasar (*targeted*) dan seterusnya menyumbang kepada meningkatkan prestasi organisasi.

Itulah antara respons pada soalan pertama yang diberikan, kemungkinan ini sudah pun berulang kali dinyatakan dalam mukadimah dan juga waktu Muzakarah.

Mengenai soalan kedua, berkenaan kenaikan pangkat melalui penetapan jawatan. Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun memperkenalkan kaedah *stop gap measures* bagi menangani isu pengisian jawatan-jawatan kosong khasnya dalam Bahagian I bermula bulan Oktober 2020 yang membolehkan penggunaan perkiraan tempoh

keseluruhan perkhidmatan secara *A to Z* atau kelamaan perkhidmatan dari tangga gaji B2.EB3 atau B2 secara keseluruhan hingga ke tangga gaji jawatan yang dipegang pada masa ini.

Sejak bulan Oktober 2020, sebanyak 48% daripada pengisian jawatan-jawatan dalam Bahagian I telah diisikan menggunakan *stop gap measures* iaitu seramai 68 orang pegawai telah dibenarkan untuk dinaikkan pangkat dan ditetapkan ke jawatan yang dipangkunya. Dari 68 orang pegawai kanan tersebut, sebanyak 37 orang pegawai telah dinaikkan pangkat melalui *stop gap measures* daripada tangga gaji B3 dan sebanyak 31 orang pegawai telah dinaikkan pangkat melalui *stop gap measures* daripada tangga gaji Kumpulan II dan III.

Melalui kaedah kenaikan pangkat Bahagian II ke Bahagian I secara *stop gap measures* telah dapat melayakkan seseorang untuk ditetapkan ke jawatan yang dipangkunya iaitu tambahan 48% dari jumlah keseluruhan pegawai yang dinaikkan pangkat ke Bahagian I dengan pengemaskinian ke atas syarat-syarat kenaikan pangkat yang laju melalui syarat-syarat tersebut termasuk:

i. Pegawai berkenaan hendaklah memangku jawatan yang hendak diisi tidak melebihi satu tahun.;

ii. Pegawai berkenaan akan ditetapkan jawatan tertakluk kepada sokongan Setiausaha Tetap kementerian yang berkenaan dan juga sumbangan-sumbangan signifikan dan pencapaian *KPI* yang dilaksanakan dalam tempoh memangku.; dan

iii. Sumbangan signifikan dan pencapaian *KPI* termasuklah memperkenalkan dan melaksanakan penambahbaikan (pembaharuan), inovasi yang memberi impak positif kepada negara, kementerian dan jabatan dan menunjukkan bukti-bukti *concrete (evidence-based achievement).*

Untuk respons kepada soalan yang ketiga. Bagi sokongan memangku secara dalaman di kementerian dan jabatan, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008 mengenai Peraturan Lantikan Memangku adalah dirujuk yang menyatakan, walau apa jua keadaan ketua jabatan hendaklah memastikan hanya pegawai yang paling layak dan sesuai diperakukan sahaja disokong dan dibenarkan memangku.

Antara lainnya ini bermaksud ketelusan proses lantikan memangku dalam mana-mana kementerian atau jabatan adalah di bawah tanggungjawab ketua jabatan masing-masing. Ketua-ketua jabatan hendaklah memastikan pengurusan pentadbiran yang menilai kesesuaian dan kompetensi serta kelayakan pegawai atau pegawai kanan yang disokong untuk memangku adalah telus dan adil dengan berpandukan kepada peraturan-peraturan memangku seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 4/2008.

Manakala sokongan memangku secara substantif bagi tujuan penetapan jawatan, sokongan seseorang pegawai akan dihadapkan oleh Ketua Jabatan melalui Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing ke Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tujuan penelitian sokongan yang antara perkara-perkara yang akan diambil kira adalah termasuk:

i. Laporan sokongan kenaikan pangkat yang memberi penekanan penilaian kepada *evidence base* (Petunjuk Prestasi Utama) *Key Performance Indicator*.; dan

ii. Penilaian sokongan adalah berasaskan kepada aspek kepimpinan dan pengurusan strategik yang telah ditunjukkan oleh pegawai yang disokong di samping prestasi serta pencapaian pegawai dalam membantu meningkatkan produktiviti organisasi sama ada di peringkat kementerian, jabatan mahupun elit.

    Ini termasuklah impak dalam menimbang kepada peningkatan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Seterusnya penelitian terhadap senarai rakan sebaya yang sebanding dengan pegawai yang disokong untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangku berkenaan.

Dengan adanya kaedah *check and balance* ini إِنْ شَاءَ اللهُ tidak akan timbul istilah "pilih kasih" memandangkan ia telah melalui beberapa proses secara telus di pelbagai peringkat. Mana-mana jua sokongan bagi kenaikan atau penetapan dalam jawatan yang dipangku akan dibentangkan dan dibincangkan, lalu satu jawatankuasa yang bertindak secara *independent* dengan keahlian terdiri daripada beberapa agensi kerajaan.

Sekianlah, respons bagi soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Kaola juga ingin menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan iaitu mengenai cadangan agar sesi Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dapat disiarkan secara "langsung" di siaran RTB bagi membolehkan orang ramai mengikutinya dan mengetahui tentang suasana perbahasan sepanjang permesyuaratan berlangsung.

Terima kasih, kepada Yang Berhormat atas yang telah dikemukakan mengenai cadangan penyiaran Majlis Permesyuaratan Negara ini. Lebih dahulu dimaklumkan bahawa Radio dan Televisyen Brunei menyiarkan laporan Majlis Mesyuarat Negara setiap hari melalui siaran televisyen dan radio dan juga melalui aplikasi *RTB GO*.

Usaha-usaha penyebaran luas suasana persidangan dan sesi Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tidak hanya tertumpu kepada siaran TV dan radio sahaja, bahkan ia juga dilaksanakan melalui akhbar rasmi kerajaan, "Pelita

Brunei" dan turut didukung oleh media cetak tempatan dan juga agensi-agensi berita elektronik yang bertugas di Pusat Media, di Bangunan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Dengan adanya penglibatan sektor media di pihak kerajaan mahupun pihak swasta serta penggunaan pelbagai kaedah penyampaian sepertimana yang kaola sampaikan tadi, maka liputan perbahasan Majlis Mesyuarat pada masa ini pada pandangan peribadi kaola / peramba / saya adalah sudah memadai untuk mengetengahkan isu-isu penting yang menjadi perbahasan di Dewan yang mulia ini terutama sekali yang mempunyai kepentingan dan impak yang signifikan kepada orang ramai.

Pendekatan liputan siaran TV yang dipraktikkan pada masa ini juga memberikan ruang kepada orang ramai untuk mengikuti perbahasan di Dewan yang mulia ini mengikut kelapangan masa *(leisure time)* masing-masing dan juga ada siaran ulangannya.

Dalam masa yang sama orang ramai juga boleh mendapatkan Laporan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang diterbitkan setiap hari di laman sesawang Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Kaola juga ingin memberi respons kepada soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, iaitu apakah perancangan ke arah transformasi penggunaan sepenuhnya teknologi digital di jabatan-jabatan kerajaan?

Bagi menjawabnya ialah dalam mendukung usaha senegara berkaitan transformasi digital melalui Institut Perkhidmatan Awam, sebanyak 31% program atau kursus yang ditawarkan berupa inovasi dan *ICT* sebanyak 30 jenis kursus disediakan untuk diikuti oleh penjawat awam seperti *Basic IT Skills, Basic Programming, Designing for Presentation* termasuk penganalisisan data menggunakan *analysis tools* seperti *SPSS*, *Stata* dan *Visualisation* menggunakan *Business Intelligence*.

Itu dahulu yang dapat kaola respons dan yang lain-lain itu akan kaola usahakan untuk menyampaikannya di Dewan yang mulia ini dan jika tidak pun secara "bertulis".

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membuat intervensi terutama mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola menambah pendek sahaja mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai gangguan seksual yang hampir keseluruhan mangsanya terdiri daripada kaum wanita.

Sebenarnya kerajaan memandang serius perkara ini, tidak kira sama ada ia terjadi

di sektor perkhidmatan awam malahan juga di sektor swasta. Satu "talian khas" memang disediakan iaitu Talian Kebajikan "141", ia merupakan platform rasmi yang disediakan oleh kerajaan untuk memudahkan aduan orang ramai, pertanyaan dan bantuan kepada isu-isu kebajikan dan sosial. Ada dua perkara penting:

1. Maklumat-maklumat pengadu dan maklumat-maklumat yang diberikan adalah terlindung dari segi kerahsiaannya.; dan

2. Penjawab-penjawab talian ini adalah mereka yang sudah terlatih dan *qualified* untuk menangani isu-isu seperti ini. Perkara ini sudah setentunya sentiasa 'dibarigakan' tetapi mungkin ada yang masih kurang maklum mengenai perkara ini.

Dari sudut yang lain, terdapat juga kemungkinan mangsa-mangsa gangguan ini berfikiran apabila ia melapor ia tidak akan dipercayai. Bagi perkara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempergiatkan lagi 'pembarigaan' bagi meningkatkan kefahaman mengenai undang-undang yang sedia ada, bahawa mangsa-mangsa seperti ini adalah terlindung daripada segi undang-undang.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sudahi dengan وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Untuk tambahan Yang Berhormat Pengerusi, memang Jabatan Perdana Menteri menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk kaji selidik ini diadakan lagi di peringkat nasional dan untuk meng*qualified* lagi statistik yang nampaknya meningkat itu إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang kita beralih kepada tajuk yang berikutnya dan saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Kaola ingin memastikan sahaja Yang Berhormat Pengerusi, adakah ini masih dalam Tajuk SA08A hingga Tajuk SA016A? Terima kasih.

1. Kaola ingin membangkitkan mengenai perumahan dan rumah pangsa di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) khusus untuk kemudahan perumahan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan selagi mereka berkhidmat dengan kerajaan.

   Seperti yang kita maklumi, pegawai dan kakitangan yang diberi kemudahan ini hanya membayar sewa yang paling minimum dan ini adalah kaola anggap satu keistimewaan.

   Soalan kaola, dari jumlah keseluruhan rumah atau rumah

pangsa yang dibangunkan oleh pihak kerajaan sejak dari dulu hingga sekarang, berapa buah unitkah yang belum didiami dan disewa pada masa ini?

Bagi yang tidak didiami atau disewa apakah langkah-langkah Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menggunakannya secara maksimum atau adakah pihak JPA mempunyai perancangan lain mengenainya?;

2. Soalan kaola seterusnya, ini juga berkaitan dengan perumahan di bawah JPA. Seperti yang kita maklum, setelah pegawai dan kakitangan kerajaan itu bersara atau berhenti dari berkhidmat dengan kerajaan, mereka akan keluar dari rumah berkenaan.

   Tetapi, apa yang mendukacitakan, ada sesetengah rumah atau rumah pangsa yang ditinggalkan oleh mereka, ada yang dalam keadaan rosak atau tidak kembali kepada kondisi asal rumah itu apabila mereka mula-mula menghuni rumah itu dahulu.

   Ini mengakibatkan pihak kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan untuk memperbaiki kerosakan berkenaan. Soalan kaola, tidak adakah pemikiran atau tindakan-tindakan bagi pihak kerajaan mengemas kini peraturan yang sedia ada untuk menangani isu ini?

   Kenapa kaola bangkitkan perkara ini adalah kerana kaola percaya perkara ini sudah lama berlaku dan sudah banyak perbelanjaan kerajaan keluar untuk menampung kerja-kerja pembaikan berkenaan.;

3. Isu yang berkenaan Jabatan Penerangan. Jabatan ini adalah sebuah jabatan yang menjadi wadah 'pembarigaan' maklumat mengenai hal ehwal kerajaan melalui unit-unit kenegaraan, hubungan masyarakat dan hal-ehwal antarabangsa untuk pengetahuan kepada golongan belia dan segenap lapisan masyarakat di negara ini.

   Soalan kaola, apakah strategi jabatan ini dalam memperkasakan lagi tugas dan fungsinya untuk menambah baik lagi imej negara di mata antarabangsa dan pada masa yang sama, membantu negara mendukung aktiviti perekonomian negara terutama sekali menarik pelabur asing ke negara ini?;

4. Soalan ataupun cadangan. Cadangan pegawai dan kakitangan kerajaan yang memproses permohonan-permohonan dari sektor swasta untuk ditempatkan dan didedahkan ke syarikat-syarikat.

Sepanjang kaola berkecimpung selama 16 tahun dalam bidang perniagaan, kaola telah banyak menempuhi cabaran-cabaran demi membangunkan perniagaan agar akan sentiasa berterusan dan mampan.

Sebelum itu, kaola bertugas dengan sektor awam dan pada masa itu memang tidak terfikir akan "asam garam"

perniagaan sehinggalah kaola mengalaminya sendiri.

Bagi segelintir rakan kaola Ahli Yang Berhormat yang telah bersara dan juga rakan-rakan di luar sana yang bersara dan masuk ke sektor swasta atau memulakan perniagaan sendiri, mereka juga merasa apa yang kaola rasa lebih 10 tahun yang lalu dan sehingga kini. Apa 'nya' 'orang', sudah bersara dan masuk sektor swasta atau berniaga 'barutah' tahu liku-liku yang dihadapi.

Salah satu cabaran yang kaola maksudkan ialah apabila pihak-pihak swasta berurusan atau membuat permohonan dengan pegawai atau kakitangan kerajaan yang tidak pernah mengalami cabaran-cabaran berniaga dan bekerja di sektor swasta.

Dari pengalaman inilah, kaola ingin mengusulkan satu cadangan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengadakan satu program latihan dan pendedahan *(training and exposure)* ke sektor swasta khusus bagi pegawai atau kakitangan yang menerima dan memproses permohonan daripada pihak sektor swasta.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan mereka ke alam pekerjaan di sektor swasta atau berganding dengan peniaga tempatan dan membantu mereka untuk membuat permohonan ke pihak kerajaan dan mengalami operasi berniaga.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Salam sejahtera dan salam Ramadan Mubarak kepada semua. Kaola teruskan soalan kaola, ada 2. Di bawah Tajuk SA08A hingga Tajuk SA16A – Jabatan Perdana Menteri.

Di bawah Tajuk SA10A - Jabatan Perkhidmatan Awam, Kod 001-000. Lebih dahulu, kaola mohon maaf kalau kaola silap dalam beberapa isu yang akan kaola bangkitkan di sini sebab kaola tidak pernah bekerja dalam perkhidmatan awam.

Jadi, kaola kurang pasti akan tugas-tugas dan peranan sebahagian besar jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan lebih-lebih lagi jabatan-jabatan yang kaola tidak ada kesempatan pendekatan semasa bekerja dahulu.

Kalau difahamkan dari deskripsi JPA ialah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mempunyai fungsi utama meningkatkan dan mengukuhkan pengurusan sumber manusia, menempatkan mereka di agensi-agensi kerajaan bagi menjana produktiviti prestasi dan memenuhi kehendak pihak-pihak berkepentingan *(stackholder).* Bagi kaola, *stakeholder* itu ialah lantikan orang awam rakyat Negara Brunei Darussalam.

Memandangkan lebih kurang 60 ribu orang *civil servant* dan 80% daripada jumlah perbelanjaan tahunan, kalau kira bajet tahunan kita tahun ini $6.1 bilion tolak $1.03 bilion Perbelanjaan Khas dan baki $5 bilion, dan 80% daripada $5 bilion perbelanjaan tahunan ialah lebih kurang $4 bilion adalah merupakan Gaji Pekerja Awam.

Justeru, keberkesanan atau *effectiveness* dan ketelusan pegawai kerja awam membuat khidmat bakti dan layanan ketika menjalankan tugas urusan harian kepada orang awam perlulah dibuat pemantauan.

Soalan kaola tadi, bertanyakan mengenai perkongsian *indicator activity* pekerja awam setakat ini, barangkali akan dijawab apabila IPA akan mengadakan *Effectiveness Review in Civil Service* pada bulan November ini. Jadi, kaola akan tunggu apakah *indicator* produktiviti pekerja awam setakat ini dibandingkan dengan pekerja-pekerja awam di agensi *ASEAN Government* yang lainnya.

Jadi, kaola teruskan kepada soalan kaola iaitu mohon pencerahan jika ada usaha dan pelan tindakan untuk membantu agensi-agensi kerajaan dengan menjalankan tugas dengan menyediakan *tool* alat proses penilaian atau *assessment tool* yang objektif yang boleh diguna pakai oleh jabatan-jabatan untuk menilai produktiviti dan juga mengimbangkan *work load* di setiap jabatan, unit atau individu.

Ini memandangkan ada keluhan-keluhan yang sering didengar, ada sesetengah penjawat awam yang *overloaded* dengan kerja tambahan hingga kerja rutin mereka terjejas kerana terlalu sibuk sehingga tidak dapat mengambil Cuti Tahunan sehingga Cuti Tahunan mereka telah hangus, hilang.

Tetapi, ada juga sebilangan penjawat-penjawat awam dalam jabatan yang sama relaks hingga ada masa untuk membuat urusan peribadi seperti mengambil anak, menghantar anak ke sekolah dalam waktu bertugas. Kaola mengambil maklum inisiatif IPA dan akan menunggu keputusan pada bulan November dengan apa-apa *tool* yang dapat disebarluaskan atau digunakan sebagai menanai produktiviti-produktiviti di jabatan-jabatan/agensi kerajaan.

Soalan kaola, Yang Berhormat Pengerusi di bawah Tajuk SA14A - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kod 002/001 yang fungsi utama membekal dan memastikan perkhidmatan awam mempunyai pegawai dan kakitangan yang cekap, berkesan dan pertimbangan yang saksama.

Kaola merujuk *KPI* jabatan memperlihatkan jumlah sasaran lantikan seramai 1,000 orang pekerja setahun walhal kaola difahamkan ada dalam 4,000 kekosongan dan ada dalam 1,000 ke 2,000 pekerja bersara setiap tahun. Isu pertama ialah sasaran mengisi kekosongan yang rendah. Kalau setakat *target* mengisi 1,000 kekosongan setahun ini bermakna banyak

kekosongan dalam pekerjaan tidak akan dipenuhi dan akan meningkat tahun demi tahun.

Mohon pencerahan jika, apakah memang strategi sentiasa mempunyai kekosongan dalam pekerjaan dan kalau bukan strategi, apakah pelan untuk lebih agresif dalam mengisi kekosongan ini?

Berkaitan dengan ini, kaola juga mohon pencerahan berkaitan dengan pencapaian sebenar pada tahun 2022 - 2023 yang hanya mencapai sasaran 6% pada tahun itu. Mungkin sudah ada penilai yang diketahui sebab-musabab sasaran tidak tercapai dan apakah *improvement plans* yang telah diserapkan untuk lebih agresif mencapai *target* selanjutnya?

Isu-isu yang berkaitan mungkin telah dijawab tentang pekerjaan dalam agensi-agensi kerajaan yang dipegang atau diisikan berstatus memangku yang berpanjangan melebihi 6 bulan. Berapa banyakkah pekerjaan yang masih dipegang sebagai berstatus pemangku melebihi 6 bulan?

Cadangan kaola ialah agar SPA selain me*review* anggaran sasaran lantikan baharu dari 1,000 orang setahun ke satu angka yang lebih berpatutan, mengambil kira banyak graduan baharu yang berkelulusan tinggi yang masih menunggu peluang bekerja dengan agensi kerajaan. Juga, membuat penilaian untuk menambah *KPI* baharu, iaitu *percentage* kerja kosong dan jawatan kosong diisikan dalam tempoh 6 bulan.

Memandangkan SPA juga mempunyai data peribadi setiap penjawat awam dalam pekerjaan, pihak SPA boleh tahu mana-mana pegawai yang akan bersara dalam tempoh 5 tahun akan datang dan seharusnya sudah boleh membuat penilaian dan penelitian awal memaklumkan kementerian-kementerian untuk mengambil kira usaha untuk mengisi ke jawatan-jawatan tersebut dan men*trigger succession planning* dalam kementerian dan tidak menunggu *last minute* untuk mencari kekosongan.

Sebelum menutup, kaola suarakan keluhan sebahagian rakyat penjawat awam. Mohon Yang Berhormat Menteri dapat memberikan kata-kata nasihat atau motivasi atau keterangan kepada penjawat awam yang selalu membuat keluhan begini, "Anitah setakat yang dapat kami buat. Kan membuat lebih pun inda jua kana kanang. Orang lain jua yang naik pangkat. Kami tahan-tahan jua inda naik gaji." Mungkin sebahagian kecil yang bercakap demikian tetapi suara 'bisdiorang' amat lantang dan *popular*. Mohon Yang Berhormat Menteri yang bekenaan, apa mesej yang ingin kita sampaikan kepada warga-warga awam umumnya. Sekian, terima kasih.

والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه . Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola menyambut baik dan merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas mukadimah yang cukup baik dan padat dengan informasi serta hala tuju pihak kerajaan ke arah mengurus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola sukacita menyuarakan berkenaan penjawat awam. Pemberian Elaun Perjalanan yang sedia ada hanya diberikan mengikut jarak dari rumah ke tempat bertugas, iaitu perjalanan sehala dan bukannya perjalanan pergi dan balik. Kaola memohon agar perkara ini dapat diteliti dan dipertimbangkan dalam kadar elaun yang bersesuaian. Sementara itu, pemberian Elaun Perumahan bagi sesetengah penjawat awam dalam Bahagian V hanya memperolehi sebanyak $30 sebulan.

Kaola sukacita mencadangkan agar skim elaun rumah ini dapat dikaji semula dengan pemberian Elaun Perumahan jika tinggal di rumah sendiri sebagai inisiatif bagi menggalakkan penjawat awam atau kakitangan kerajaan untuk tinggal di rumah sendiri dan bukan di rumah atau berek yang disewa oleh pihak kerajaan sebagai usaha ke arah mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam pengurusan, pemeliharaan dan sebagainya. Dalam masa yang sama elaun berkenaan sedikit sebagai dapat menampung perbelanjaan kepada yang berpendapatan rendah.

Berkenaan dengan cuti menjelang persaraan dalam kalangan penjawat awam, baki Cuti Tahunan warga perkhidmatan awam termasuk badan berunifom sepanjang perkhidmatan. Seperti lazimnya baki hak Cuti Tahunan akan hangus atau luput walaupun ia atas sebab-sebab aturan tugasan sehingga tidak berpeluang mengambil cuti-cuti berkenaan.

Oleh yang demikian, kaola mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan dapat meneliti perkara ini dengan memberi pertimbangan untuk pemberian insentif yang bersesuaian bagi menggantikan cuti-cuti yang hangus sebagai motivasi kepada warga perkhidmatan awam semasa menjalankan tugas yang tidak berpeluang ataupun berkesempatan untuk menghabiskan Cuti Tahunan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang cukup jelas tentang tindakan, perancangan dan hala tuju Jabatan Perdana Menteri pada Khamis lepas.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei. Terdapat penyiar-penyiar radio dan televisyen yang sudah tidak berkhidmat dengan Radio Televisyen Brunei yang masih lagi berminat untuk menyumbangkan tenaga mereka seperti menerbitkan rancangan-rancangan TV, drama, dokumentari, "Rampai Pagi", ingin menjadi penyampai TV, pengulas acara kenegaraan, sukan dan banyak lagi.

Tidak ketinggalan juga, anak-anak muda sekarang ini mempunyai banyak idea yang mereka menerbitkannya di platform media sosial. Alangkah moleknya jika mereka ini berganding idea bersama orang lama yang mungkin dapat mewarnai pelbagai rancangan untuk RTB.

Di samping itu juga, mereka dapat mempelajari tentang tatasusila penyiaran, teknik penerbitan, penulisan skrip, pengarahan, teknik penggambaran, penyambungan audio dan banyak lagi dengan memberikan mereka peluang mengikuti kursus dan bengkel yang boleh dimanfaatkan di Pusat Perkembangan RTB.

Kaola ingin mencadangkan agar mereka ini diberi peluang oleh pihak RTB tanpa mengira umur untuk mereka dapat menyumbang bahan-bahan karya tempatan yang boleh diketengahkan demi mewarnai pelbagai rancangan untuk RTB. Dengan cara ini juga, ia memberikan peluang kepada para penggiat seni tanah air untuk berkarya dalam bidang lakonan, seni suara dan lain-lain.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai beberapa soalan yang telah diutarakan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat Pengerusi, kaola punya kefahaman soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir tidak perlu dijawab tadi dengan kenyataan Yang Berhormat Pengerusi.

Manakala soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin juga banyak isu perumahan dan juga kemudahan diberikan kepada penjawat dengan

perumahan ini. Barangkali isu ini rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberi responsnya.

Manakala bagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, kaola memohon menangguhkan dalam menjawab saolan pada masa ini bagi mendapatkan keterangan dan data yang lebih jelas.

Begitu juga soalan daripada Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, kaola akan menjawab nanti setelah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II merespons soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai begitu juga soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali mengenai rumah pangsa yang kosong ataupun belum disewa.

Pada masa ni, kaola belum dapat sebenarnya jumlah rumah pangsa atau flat-flat yang kosong pada masa ini. إِنْ شَاءَ اللهُ Perkara ini kalau sudah dapat jumlahnya, akan kaola menjawab secara "bertulis".

Seterusnya, kaola ambil kesempatan untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, terutama sekali mengenai soalan dari bajet gaji daripada Yang Berhormat.

'Kitani' menyediakan *emolument* pada tahun akan datang atau seperti juga tahun-tahun sebelum ini tidak sampai $4 bilion sepertimana yang dinyatakan tadi oleh Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Kalau 'kitani' lihat pada tahun 2024/2025 sepertimana yang dalam kertas pembentangan kaola beberapa hari yang lalu, *emolument* jumlahnya $2.29 bilion. Itu sahaja yang 'kan diluruskan'.

Satu mengenai pengambilan pekerja di sektor awam. Jadi, kalau 'kitani' lihat sejarah beberapa tahun kebelakangan ini, pengambilan setiap tahun lebih kurang seribu orang atau seribu orang lebih.

Jadi, mengambil kira kekosongan itu melebihi seribu orang, memang akan mengambil masa untuk mengisikan semua kekosongan. Pada masa ini, ada satu kaedah baharu, mulai 1 April, pegawai Bahagian II ke atas, pengambilan itu boleh ditadbirkan oleh setiap kementerian masing-masing, tidak perlu melalui proses SPA dan sebagainya.

Ini mungkin akan mencepatkan proses pengambilan pegawai Bahagian II ke atas. Jadi, bagi SPA bolehlah 'bisdiorang' memfokus kepada jawatan ke bawah yang rendah sepenuh masa. Jadi, mudah-mudahan dengan kaedah yang mulai 1 April ini akan

mempercepatkan lagi pengambilan pegawai ataupun kakitangan kerajaan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba merespons soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, iaitu pertama mengenai pemberian Elaun Perjalanan Rumah ke Pejabat dan Pemberian Elaun Perumahan dan juga keadaan cuti menjelang persaraan bagi penjawat awam.

Pertama-tama kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan. Menyentuh mengenai elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat yang dikawal oleh Surat Keliling JPM Bilangan 18/1998, Elaun Perjalanan dari Rumah ke Pejabat adalah dibayar mengikut kadar-kadar yang tertentu yang jarak rumah ke pejabat adalah dikira sebagai satu hala sahaja.

Jabatan Perdana Menteri menyambut baik cadangan Yang Berhormat bagi meneliti semula dari aspek jarak jauh dan juga kadar elaun yang berkenaan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan satu kumpulan petugas iaitu Kumpulan Petugas Meneliti Surat Keliling Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab dalam meneliti semua Surat-Surat Keliling yang berhubung dengan *service regulation* (*British Residence Office, BRO*), Setiausaha Kerajaan (SUK), Perjawatan dan Perbendaharaan yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 1984 dan menilai sama ada peraturan tersebut masih perlu diadakan atau sebaliknya. Jika perlu terus diadakan, untuk mencadangkan surat keliling baharu mengenainya.

Berkenaan isu perumahan yang ditimbulkan, peramba/kaola/saya berpendapat ia perlu ditangani secara *whole of nation* untuk memastikan keberkesanan yang berbentuk jangka panjang dan menyeluruh serta meliputi setiap individu dan bukannya dalam kalangan penjawat awam sahaja.

Mengenai pemberian Elaun Perumahan bagi sesetengah penjawat awam yang bergaji dalam Bahagian V, sukacita lebih dahulu diperjelaskan bahawa penjawat awam tidak diberikan sebarang Elaun Perumahan. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat berkemungkinan adalah kadar bayaran sewa rumah yang dipotong pada setiap bulan jika sekiranya memilih untuk tinggal di rumah sewa kerajaan atau flat milik kerajaan.

Pada masa ini, syarat kelayakan mendiami rumah sewa kerajaan adalah bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I hingga Bahagian IV sahaja. Walau bagaimanapun, sesetengah jabatan khususnya agensi-angesi penguatkuasaan ada juga memperuntukkan kemudahan perumahan berbentuk *institutional*

quarters kepada kakitangan masing-masing dalam Bahagian V.

Pada masa ini, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam perundingan dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholder*s) ke arah penyediaan kertas kerja yang komprehensif mengenai cadangan langkah ke hadapan bagi penelitian semula ke atas Dasar Perumahan Sewa Kerajaan, yang hasil-hasil penelitian mengenainya sudah setentunya akan dibincangkan lagi secara lebih mendalam di mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan nanti sebelum ia dikuatkuasakan.

Apa yang penting dan perlu dilihat adalah apa juga cadangan pengemaskinian dan penambahbaikan dasar kemudahan perumahan kerajaan itu, perlulah bersifat berdaya tahan (*sustainable)* serta dapat mencapai objektik sebenar khususnya dalam menggalakkan warga perkhidmatan awam untuk memiliki kemudahan rumah sendiri dari awal perkhidmatan sebagai langkah jangka masa panjang.

Dalam pada itu, mengambil kira bahawa isu perumahan ini adalah merupakan salah satu kepentingan utama setiap pihak di negara ini, peramba/kaola/saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini, memohon pandangan dan idea-idea bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang boleh dijadikan sandaran pihak agensi-agensi kerajaan untuk menggubal dasar yang ekfektif bagi menangani isu ini bersama.

Yang ketiga, mengenai baki hak Cuti Tahunan yang hangus atau luput. Sukacita merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 5/2010 mengenai Peraturan Cuti Tahunan (Pindaan), warga perkhidmatan awam adalah diberikan faedah-faedah perkhidmatan Cuti Tahunan bergaji penuh mengikut bahagian dan umur.

Dalam tempoh pengambilan kelayakan cuti tersebut, gaji pegawai dan kakitangan adalah dibayar penuh. Dalam surat keliling yang sama adalah juga digariskan kadar maksimum baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa bagi semua pegawai dalam Bahagian I hingga Bahagian V adalah sebanyak 108 hari.

Oleh itu, baki cuti melebihi 108 hari yang tidak diambil akan hilang atau luput. Selari dengan dasar baki cuti ini, pegawai dan kakitangan terutama sekali yang akan bersara adalah disarankan untuk membuat perancangan cuti terlebih awal untuk memastikan kesemua baki kelayakan cuti dapat diambil sebelum tarikh bersara.

Ketua-ketua jabatan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan warga perkhidmatan awam diberikan peluang untuk mengambil Cuti Tahunan. Ini adalah juga selari dengan Dasar Cuti Tahunan pada masa ini, bahawa pegawai-pegawai dalam Bahagian I, II dan III adalah dimestikan mengambil Cuti Mandatori selama 14 hari bagi setiap 12 bulan kalendar yang boleh diambil pada bila-bila masa

secara berterusan sepanjang tempoh 12 bulan kelayakan.

Dengan adanya kaedah pengambilan Cuti Mandatori tersebut dapat membantu perancangan dan penggunaan baki kelayakan cuti pegawai dan kakitangan dengan lebih teratur.

Pada masa yang sama terdapat juga kemudahan yang pegawai-pegawai kerajaan di Bahagian I yang belum sempat menghabiskan cuti sebelum bersara dan dikehendaki berkhidmat semula dengan kerajaan, baki cuti yang belum digunakan akan diganti dengan "bayaran wang".

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberikan insentif yang bersesuaian bagi menggantikan cuti-cuti yang hangus, perkara ini akan diteliti lagi kesesuaiannya memandangkan terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira seperti impaknya kepada peruntukan kerajaan dan juga kawalan penggantian yang mampan supaya nanti ia tidak akan mengakibatkan sebarang potensi ia disalahgunakan.

Sekian sahaja, penjelasan daripada soalan-soalan tersebut Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola baru dapat maklumat mengenai kekosongan rumah/flat kerajaan.

Pada masa ini ada 282 unit flat milik kerajaan, dari 282, 151 unit dalam be*repair* pada masa ini sedang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Seterusnya, mungkin tadi ada kaola salah sampaikan, mulai 1 April 2024 Bahagian II dan ke bawah boleh di*handle* oleh kementerian masing-masing. Jadi, yang di atas masih lagi melalui proses SPA. Jadi, mudah-mudahan dengan kaedah seperti yang kaola sampaikan tadi akan mencepatkan *recruitment* bagi jawatan-jawatan yang rendah juga. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas jawapan-jawapan yang diberikan berhubung dengan soalan-soalan yang telah pun dikemukakan dari Tajuk SA08A hingga Tajuk SA16A yang telah pun dijawab dengan panjang lebar.

Sekarang, kita akan beralih pula membincangkan tajuk-tajuk yang juga di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Tajuk SA18A hingga Tajuk SA27A yang sekarang akan saya buka untuk dibahaskan. Bersama saya di sini terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membincangkan

ataupun bertanya mengenai tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Saya mulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. dan salam sejahtera.

Kaola mengambil maklum mengenai perancangan dan pelaksanaan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II berkaitan rancangan kecemasan (*contingency plan)* yang disediakan bagi mengatasi gangguan bekalan tenaga elektrik dalam memastikan sumber tenaga ini sentiasa terjamin dan tidak terjejas dalam sebarang keadaan.

Kaola dengan ringkas cuma ingin menambah mengenai penyampaian maklumat kepada orang awam yang amatlah kritikal dalam situasi begini. Seperti banyak pihak kerajaan semasa situasi pandemik pada tahun-tahun yang lalu telah berjaya menyampaikan maklumat dengan jelas, berkesan dan *up-to-date* kepada masyarakat.

Ini adalah satu contoh yang baik terutamanya untuk negara kita yang kecil dan masyarakat yang cenderung untuk merasakan bimbang. Sekadar memberikan jangkaan masa tidaklah mencukupi untuk menenangkan rasa kebimbangan masyarakat.

Kita perlu memastikan bahawa maklumat disampaikan secara tepat, pada masa yang sesuai dan diterangkan dengan jelas kepada semua pihak. Sebagai contoh, memberikan status sama ada *percentage of accomplishment* pembaikan pada setiap masa, setiap jam sehingga pembaikpulihan selesai dibuat.

Ini sekali gus dapat mengelakkan daripada spekulasi orang awam mengenai apa yang terjadi dan 'meragapkan' lagi kepercayaan pihak awam bahawa kerajaan sedaya upayanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan pada masa tersebut. Sekian dan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya soalan kaola, kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan meter prabayar eletrik.

Sepertimana yang kita ketahui, meter prabayar eletrik telah mula dikuatkuasakan digunakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2001 yang dikenali sebagai sistem meter eletrik *prepayment*. Antara tujuan pembaharuan ini diperkenalkan adalah

untuk menetapkan pentadbiran kutipan hasil Jabatan Perkhidmatan Eletrik.

Memang tidak dapat dinafikan perubahan ini telah pun mendapat respons yang pelbagai dalam kalangan pengguna, namun pada itu sistem meter ini telah pun melalui proses pembaikan dan pertukaran set meter beberapa kali dan yang terkini *Unified Smart Metering System (USMS)* yang bermula pada bulan Mei 2023. Dalam pada itu, masih terdapat beberapa aduan dan keluhan orang ramai berkenaan dengan perbezaan ketara kenaikan perbelanjaan/kos berbanding dengan sistem bil yang digunakan terdahulu. Walaupun ia sudah lama berlalu tetapi masih menjadi perbualan sehingga kini. Ini terkait dengan kos perbelanjaan isi rumah yang meningkat dari masa ke masa.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan membuat kaji selidik berdasarkan rungutan dan aduan pengguna mengenainya dan hasil daripada kajian kaji selidik ini dapat diperincikan kepada pengguna bagi mengelakkan keraguan yang berterusan.

Sejujur kaola ingin tahu berapa buah syarikat yang dilantik untuk membekalkan dan memasang meter-meter berkenaan? Apakah ada usaha dan inisiatif pihak-pihak berkenaan untuk menyediakan meter-meter yang bersubsidi dari segi tarif, harga bacaan meter untuk golongan yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu diucapkan tahniah atas mukadimah yang disampikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II berkaitan segala perkembangan dan inisiatif Jabatan Perdana Menteri dalam sama-sama menjayakan pembangunan dan matlamat Negara Brunei Darussalam ke arah kecemerlangan serta menjaga keluhuran perlembagaan dan undang-undang negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin membangkitkan beberapa soalan mengenai keselamatan siber.

Kaola mengambil baik Pejabat Peguam Negara *(AGC),* Pihak Berkuasa Industri Teknologi InfoKomunikasi *(AiTi)* dan agensi lain berkaitan atas perangkaan draf Perintah Perlindungan Data Peribadi dan *timely enactment of* Perintah Keselamatan Siber dalam mengiktiraf kepentingan *privacy data* sebagai perlindungan ancaman dunia siber.

Memandangkan berlakunya peningkatan bagi isu penipuan (*scam global)* seperti yang telah dilaporkan oleh *Global Anti-Scam Alliance and Scam Adviser* iaitu

daripada USD55.3 bilion pada 2021 kepada anggaran USD1.02 trilion antara bulan Ogos 2022 dan Ogos 2023, keperluan dalam tindakan segera untuk meneliti dan mengusulkan strategi jenayah siber yang mantap adalah signifikan dan perlu diambil berat.

Ini diperkukuhkan lagi dengan Laporan *TFA Geeks* yang mendedahkan jumlah kerugian Asia Tenggara sebanyak USD260 juta akibat *digital fraud* pada tahun 2019 yang terdiri daripada kecurian identiti menyumbang kepada 71%, aktiviti *phcishing* sebanyak 66% dan penipuan akaun sebanyak 63%.

Di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2023 sahaja sebanyak 1,137 kes telah direkodkan dan 75% daripadanya adalah penipuan dalam talian dan jumlah ini mungkin sahaja lebih tinggi daripada angka yang ditunjukkan kerana 'pembarigaan' kes yang kurang dilaporkan.

Bagi menangani isu penipuan dalam talian yang semakin meningkat di Asia Tenggara, kaola mencadangkan supaya ditubuhkan *National Anti-Scam Center* dengan kerjasama *Scam Task Force* dan Keselamatan Siber Brunei untuk memperkemaskan dan menyelaras proses birokrasi dengan lebih cekap serta mengatasi rintangan undang-undang sekali gus meningkatkan koordinasi antara agensi. Pusat perhubungan yang diselaraskan akan dapat mengurangkan kekeliruan mangsa dan memusatkan kempen kesedaran serta meningkatkan keberkesanan dan pemantauan mereka.

Walau bagaimanapun, soalan kaola, memandangkan terdapat *stigma* yang menghalang mangsa penipuan dari membuat laporan sehingga terdapat individu yang menarik diri untuk tidak meneruskan kes dan laporan tersebut kerana mereka merasa kurang keyakinan terhadap pihak berkuasa, bagaimanakah pihak kementerian menggalakkan mereka untuk tampil membuat laporan serta memastikan pengumpulan bukti dan pemahaman yang cekap mengenai kes-kes kompleks ini?

Soalan terakhir, pada bulan lepas kaola sedia maklum bahawa media tempatan termasuk akhbar rasmi mingguan kerajaan telah mendedahkan butiran dan maklumat terhadap pengesanan orang hilang, termasuk nombor kad pengenalan dan hal ini amat berisiko terhadap identiti individu tersebut.

Persoalannya, bagaimanakah pihak kementerian mengimbangi aduan daripada orang ramai dan mencari orang hilang dengan mengawal keselamatan *privacy* dan identiti mereka? Di samping itu, apakah rancangan dan inisiatif untuk melindungi *privacy* individu yang sudah dikenal pasti dengan mengambil kira potensi jangka masa Panjang kesan maklumat peribadi yang dikongsikan secara meluas?

Menilai mengenai kelemahan yang ada dalam ekonomi digital, kaola ingin mengusulkan supaya pihak kementerian

mengeluarkan garis panduan laporan orang hilang dan *code ethics* untuk kegunaan media seperti pihak kewartawanan di Negara Brunei Darussalam dengan menekankan pengendalian maklumat sulit dan peribadi secara teliti kepada semua pihak berkaitan. Pengenalpastian seperti gambar, video, pakaian atau lokasi terakhir yang diketahui dan ciri-ciri fizikal seseorang adalah penting untuk mengesan individu yang hilang.

Walau bagaimanapun, sebarang maklumat peribadi yang tidak berkaitan untuk mengesannya tidak seharusnya didedahkan. Langkah ini amat penting untuk melindungi maklumat peribadi dan keselamatan individu serta mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan data mangsa terbabit.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya, kaola merujuk kepada perkhidmatan undang-undang di Pejabat Peguam Negara yang menetapkan beberapa objektif antaranya untuk memastikan penggubalan undang-undang dijalankan dengan berkualiti dan semakan undang-undang di Negara Brunei Darussalam sentiasa terkini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perkembangan teknologi yang semakin pesat telah mendedahkan kanak-kanak di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam kepada jenayah eksploitasi seksual secara dalam talian.

Antara aktiviti perlakuan jenayah ini termasuklah perbuatan-perbuatan peras ugut dan paksaan melalui dalam talian, melalui media sosial supaya kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti mengongsikan imej-imej yang tidak bermoral kepada pelaku jenayah ataupun sebaliknya.

Sepanjang 3 tahun kebelakangan, data menunjukkan sebanyak 60 kes eksploitasi seksual kanak-kanak melalui platform media sosial yang utama seperti *Instagram, WhatsApp, Tiktok* dan *Facebook* telah dilaporkan di negara ini.

Meskipun jumlah ini agak kecil pada pandangan 'kitani' iaitu cuma 0.07% dari jumlah keseluruhan lebih 90 ribu kanak-kanak yang berumur 14 tahun ke bawah mengikut statistik Jabatan Perancangan dan Ekonomi tahun 2021, namun bagi negara kecil yang aman makmur ini, jumlah ini seharusnya menjadi kebimbangan semua pihak kerana trend jenayah ini menunjukkan peningkatan yang pantas.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengambil iktibar usaha yang dilakukan di negara jiran untuk membanteras jenayah dalam talian yang melibatkan kanak-kanak ini, kaola mendapat maklum pada tahun 2023 sahaja beberapa pindaan Akta Perlindungan Kanak-Kanak yang sedia ada di negara berkenaan telah diluluskan.

Antaranya memperluaskan lagi takrifan dan interpretasi jenayah berkenaan mengambil kira trend jenayah yang semakin canggih, seiring dengan kemajuan teknologi yang semakin pesat serta memperuntukkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah jenayah ini.
Oleh itu, dalam usaha untuk memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada kanak-kanak seterusnya membanteras jenayah ini kepada golongan-golongan terbabit, kaola sukacita mencadangkan agar pihak Pejabat Peguam Negara bersama agensi-agensi yang berkepentingan untuk meneliti semula peruntukan undang-undang berkaitan jenayah seksual kanak-kanak yang sedia ada dan merangka pindaan-pindaan selaras dengan trend jenayah dalam talian ini.
Khususnya kes-kes yang berkaitan dengan *sextortion* kanak-kanak yang semakin berleluasa. Jenayah ini hendaklah dianggap sebagai satu jenayah yang tersendiri dan dengan peruntukan hukuman penalti yang setimpal. Pindaan akta-akta ini akan menjadi salah satu langkah kukuh pihak kerajaan dalam usaha membanteras apa jua bentuk jenayah yang melibatkan kanak-kanak di negara ini.

Cadangan kedua ialah untuk Program Pendidikan dan Pengetahuan Am melalui rancangan-rancangan televisyen dan radio serta media elektronik dan cetak dan media-media *social* juga perlu diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat termasuk kanak-kanak sendiri dan ibu bapa serta penjaga tentang definisi bahaya jenayah yang semakin berleluasa ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menghargai usaha pihak-pihak berwajib yang menangani jenayah ini. Oleh itu, kaola berharap supaya kapasiti sumber tenaga manusia termasuk kemahiran-kemahiran profesional dan pembekalan sistem dan aplikasii berteknologi tinggi dipertingkatkan mengikut keperluan dan trend semasa.

Akhir kalam, kaola mengambil kesempatan ini menyeru orang ramai terutamanya kanak-kanak dan ibu bapa serta penjaga untuk melaporkan sebarang kes berkaitan jenayah seksual ini. Bersama-sama kita melindungi kanak-kanak di negara ini dengan meningkatkan kesedaran awam dan membanteras jenayah yang membimbangkan ini.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

Kaola ingin menyentuh mengenai *CSPS - Centre for Strategic and Policy Studies*, iaitu Pusat Kajian Strategik dan Dasar Negara. Apa yang kaola faham terdahulu dan juga hingga sekarang, pusat ini ditubuhkan adalah sebagai *premier think tank* negara untuk membuat penyelidikan sosial dan memberi nasihat mengenai pembangunan nasional di negara ini.

Kaola tertarik dengan hasil penyelidikan yang telah dibuat mengenai ekonomi negara dan berbagai-bagai lagi mengikut keperluan kementerian atau organisasi yang memerlukan khidmat pakar pusat ini.

1. Soalan kaola, adakah dalam pemikiran pihak kerajaan untuk menyusun kembali dan memperkukuhkan lagi hala tuju dan fungsi pusat ini? Bolehkah ia difikirkan sebagai pusat yang sentiasa membimbing dan berganding rapat dengan kementerian atau jabatan kerajaan yang sedang dalam proses penggubalan dasar atau mana-mana perubahan terutama sekali bagi kementerian atau jabatan yang tidak mempunyai pakar dalam bidang penyelidikan pembuatan dasar?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bijaksana. Izinkan kaola menimbulkan beberapa isu undang-undang yang mempunyai kesan langsung kepada iklim perniagaan di negara 'kitani'. Adalah tidak dapat disangkal institusi kehakiman adalah satu-satunya institusi yang terpenting di negara ini.

Pihak-pihak termasuk orang awam berpaut kepada institusi ini sebagai tonggak dan puncak mendapatkan keadilan, kewibawaan, kesaksamaan dan kredibiliti institusi ini mestilah berada pada tahap tanpa cela dan tohmahan.

Beberapa tahun yang lalu, negara dikejutkan dengan kes penggelapan wang dalaman dalam Institusi Kehakiman Negara. Sebagai salah seorang yang pernah menggubal undang-undang, kaola berpendapat salah satu sebab "peristiwa gelap" atau kelemahan adalah tidak terdapat saluran untuk membuat teguran atau aduan terhadap hakim-hakim.

Saluran bagi mengetengahkan aduan kepada pegawai-pegawai kerajaan lain adalah kurang sesuai kerana ini seolah-olah memberi kuasa kepada cabang eksekutif untuk menyiasat cabang *judiciary*. Hakim-hakim tidak lari daripada membuat kesilapan sama ada sengaja atau tidak sengaja.

Dengan kelemahan yang sedia ada, kaola percaya masih ada isu-isu yang tidak diingini berlaku dalam sistem kehakiman bukan sahaja melibatkan individu tetapi berkemungkinan dalam kalangan syarikat swasta yang bukan syarikat guaman yang telah menjalankan amalan sebagai Peguam Syarii.

Cadangan kaola, untuk diperkenalkan satu sistem yang membolehkan aduan atau teguran dibuat di luar institusi kehakiman perlu diadakan. Aduan yang diterima perlu ditangani dengan cepat. Satu siasatan bebas perlu diadakan.;

2. Isu seterusnya ialah Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Dengan adanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, pilihan diberikan bahawa beberapa jenayah boleh didengar di Mahkamah Syariah di bawah kanun ini atau di Mahkamah Sivil di bawah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 *penal code*. Hukuman-hukuman di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil sangat berbeza.

   Misalannya bagi jenayah mencuri di bawah Bab 379 *penal code* adalah penjara maksimum 3 tahun dan denda. Manakala, jenayah mencuri yang sama, jika dituduh di bawah Bab 55 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, akan dihukum bagi kesalahan pertama dengan memotong sendi pergelangan tangan kanannya jika sabit syarat hudud atau 10 tahun dan denda $40 ribu jika dibuktikan dengan keterangan selain keterangan hudud.

   Kebanyakan jenayah di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 boleh dikenakan sama ada yang dituduh itu menganut agama Islam atau tidak, dan sama ada yang dituduh rakyat, penduduk tetap Negara Brunei Darussalam atau warga asing yang berada di Negara Brunei Darussalam.

   Kaola tidak mempertikaikan perbezaan hukuman-hukuman, apa yang kaola ingin mengetengahkan adalah terdapat sistem yang kurang atau tidak telus atau *transparent* yang menentukan di mahkamah yang seseorang itu akan dituduh, siapa dan kriteria apa yang diguna pakai bagi menentukan sama ada seseorang itu dihadapkan ke Mahkamah Sivil ataupun Syariah bagi perbuatan yang sama.

   Perkara dan prosedur penentuan tidak ditulis di mana-mana undang-undang mahupun peraturan yang dibuat di bawah undang-undang. Ini telah dan akan terus menimbulkan rasa tidak puas hati, kenapa seorang dihadapkan di mahkamah berlainan yang membawa hukuman yang berbeza dan yang dituduh yang lain sedangkan kedua yang dituduh melakukan jenayah yang serupa.

Maka dengan ini, kaola ingin penjelasan tentang sistem yang ada sekarang dan ingin mencadangkan supaya sistem ini diperhalusi dengan menjadi lebih telus *(transparent)* dan mempunyai kriteria-kriteria yang terang bagi penentuan mahkamah seseorang itu akan dituduh.;

3. Hakim Pelawat lantikan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah-Mahkamah Tinggi Sivil. Mahkamah Sivil pada masa ini menggunakan khidmat Hakim Pelawat *(visiting judge)* dari luar negara yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman, *(Judicial Commissioner)*. Buat masa ini, Mahkamah Sivil menggunakan tiga Hakim Pelawat setiap tahun. Setiap seorang akan menaburkan khidmat di negara ini untuk beberapa bulan setiap tahun.

   Hakim-Hakim Pelawat ini terdiri daripada hakim-hakim luar negara, sama ada yang telah bersara, mahupun yang masih berkhidmat di negara mereka. Hakim-hakim ini dibayar dengan gaji yang sangat lumayan, lebih daripada hakim-hakim tempatan.

   Kita sudah sekian lama melantik Hakim-Hakim Pelawat dalam kalangan hakim-hakim luar negara yang bersara sebagai Pesuruhjaya Undang-Undang Mahkamah Besar untuk menangani jumlah kes-kes yang tertunggak.

   Kaola sama sekali tidak menafikan kewibawaan Hakim-Hakim Pelawat ini. Apa yang ingin kaola ketengahkan adalah sama ada telah tiba masanya untuk mengurangkan pergantungan Mahkamah Sivil pada khidmat Hakim Pelawat.

   Negara Brunei Darussalam telah mencapai 40 tahun sejak perisytiharan kemerdekaan dan terdapat hakim-hakim tempatan yang telah bersara juga pengamal undang-undang tempatan di pihak kerajaan dan sektor swasta yang sangat berpengalaman.

   Ini akan meninggikan keupayaan negara dalam menangani kehakiman di negara 'kitani' dengan tidak perlu bergantung 100% pada khidmat hakim-hakim luar negara dan juga supaya hakim-hakim tempatan dapat menimba pengalaman yang lebih luas.;

4. Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Hakim Mahkamah Tinggi adalah isu yang seterusnya. Lantikan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Sivil dan Syahriah, dipohonkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk satu penjelasan mengenai proses pemilihan dan lantikan Hakim- Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam.

   Apakah ada rancangan atau ruang untuk pemilihan hakim-hakim di Mahkamah Tinggi akan diluaskan

yang merangkumi pengamal-pengamal undang-undang di sektor swasta dan akademi sepertimana yang dibuat oleh negara-negara serantau dan dunia?

Dengan luasnya ruang pemilihan ini akan dapat memperbaiki kualiti dan wibawa jemaah hakim di Negara Brunei Darussalam melebihi dari apa yang sedia ada.

'Bisai' jua diterangkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa kebanyakan pengamal undang-undang tempatan yang bekerja di pihak swasta mempunyai komplikasi sama ada sivil atau syariah. Mereka yang berkelulusan *Dual Practice* ini boleh sahaja dilantik sebagai hakim sama ada sivil atau syariah. Mereka ini sangat arif dengan prosedur dan tatacara pembicaraan dan sistem mahkamah.

Pelantikan hakim-hakim dari pihak swasta sepertimana yang dilakukan di negara-negara lain akan memberikan persepsi yang sihat kepada orang ramai yang "kehakiman negara" adalah satu institusi yang bebas dan bermartabat tinggi.

Ini akan sekali gus meninggikan kepercayaan sektor perniagaan dan pelabur-pelabur perihal institusi yang mustahak ini. Tidak salah 'mangkali' lantikan-lantikan dipilih daripada pengamal undang-undang dalam kalangan orang 'kitani' yang beramal di sektor swasta dan akademi yang berkelayakan sama ada masih beramal ataupun sudah bersara.

Mereka ini tentunya akan membawa satu dimensi baharu kepada Jemaah Hakim Sivil dan Syariah kita kerana pengalaman mereka beramal undang-undang sekian lama dan kewibawaan mereka sebagai orang Brunei yang telah rajin berusaha dalam bidang mereka di luar kerajaan dan' bercalak' orang Brunei.;

5. Yang Berhormat Pengerusi ialah "bantuan guaman". Pihak kerajaan memiliki Skim Bantuan Guaman bagi mereka yang dituduh dengan jenayah yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 membawa beberapa jenayah yang dihadapkan di Mahkamah Syariah yang juga boleh dihukum dengan hukuman mati.

   Negara Brunei Darussalam mempunyai 2 sistem penghakiman bagi mewujudkan keadilan yang saksama bagi kedua-dua sistem kehakiman. Kaola ingin mencadangkan supaya "bantuan guaman" juga diadakan bagi mereka yang dituduh di Mahkamah Syariah dengan tuduhan yang membawa hukuman mati.; dan

6. Yang terakhir, Yang Berhormat Pengerusi ialah peguam tempatan. Isu pengeluaran peguam-peguam tempatan Negara Brunei Darussalam dengan pertumbuhan dan kemajuan

negara dalam bidang akademik. Pengeluaran orang-orang 'kitani' yang berkelulusan undang-undang dari dalam dan luar negara juga kian bertambah. Kebanyakan mereka ini layak untuk menjadi pengamal undang-undang tetapi sayangnya pertumbuhan dalam segi peluang pekerjaan dalam bidang ini seperti juga bidang lain tidak selari dengan pertumbuhan peluang pekerjaan dalam bidang ini.

Adakah pihak Jabatan Perdana Menteri dapat memberikan penjelasan mengenai usaha-usaha yang telah dan akan dibuat untuk menangani perkara ini? Kaola difahamkan ada dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam, iaitu Akta Pengamal Undang-Undang dalam Bab 12 memperuntukkan bahawa jika ketua hakim berpendapat bahawa pengamal undang-undang di Negara Brunei Darussalam sudah mencukupi bagi komuniti, ketua hakim boleh membuat deklarasi sedemikian dan ini akan membuat satu ekosistem yang tidak ada orang selain daripada rakyat Negara Brunei Darussalam dibenarkan menjadi peguam di negara ini.

Bagi kaola, haul kecukupan orang Brunei ini sudah sekian lama tercapai dan peruntukan undang-undang perlu diperbolehkan bagi maslahat orang 'kitani'. Jika peruntukan undang-undang tidak dijalankan pada waktunya yang sesuai, bila lagi masanya? Kaola tidak menyentuh bagi peguam-peguam luar yang diberikan secara *ad hoc* mengikut keperluan, tambah lagi deklarasi ini boleh sahaja di*review* pada bila-bila masa yang tertentu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan meminta maaf kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana terlalu panjang dan lama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukan, saya kira kita telah mendengar beberapa soalan dan beberapa soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin telah juga menyebut beberapa perkara yang berhubung dengan pelantikan hakim-hakim dan seumpamanya.

Ada terdapat beberapa peruntukan dalam *Standing Order* kita mengenai perkara seperti ini. Jadi, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II nanti eloklah perkara itu dirujuk dulu kepada Yang Berhormat Peguam Negara sebelum membuat jawapan-jawapan yang sebenarnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil maklum saranan Yang Berhormat Pengerusi dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilaksanakan oleh jabatan dan untuk

menjawab soalan-soalan yang telah pun diajukan ini. Kaola akan cuba menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, iaitu berkaitan dengan bekalan tenaga elektrik.

Manakala soalan berikutnya yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai sistem meter elektrik *prepayment* إِنْ شَاءَ اللهُ akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Manakala soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai institusi berkaitan dengan *ICT* dan juga *scam and cybersecurity* إِنْ شَاءَ اللهُ soalan ini akan dijawab oleh rakan sejawatan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Seperti saranan Yang Berhormat Pengerusi, soalan yang panjang daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin إِنْ شَاءَ اللهُ akan dirujuk kepada *Attorney General's Chambers* dan akan dijawab secara "bertulis" إِنْ شَاءَ اللهُ itulah 'barangkali'.

Untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai isu gangguan bekalan tenaga elektrik yang mana banyak antaranya sudah terjawab melalui soalan sebelum ini dan juga dalam mukadimah namun demikian kaola akan menjawab bahagian kedua soalannya, iaitu mengenai penyampaian maklumat kepada orang awam semasa gangguan bekalan tenaga elektrik.

Penyampaian maklumat kepada orang awam setentunya adalah kritikal dalam situasi sebegitu. Oleh itu, semasa insiden berkenaan terjadi pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah pun menyampaikan maklumat rasmi yang terkini mengenai punca dan status semasa insiden-insiden gangguan bekalan tenaga elektrik kepada orang ramai secara berterusan melalui pelbagai kaedah termasuk media sosial serta melalui saluran aplikasi *WhatsApp* yang sedia ada antara pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik bersama kesemua penghulu dan ketua kampung di keempat-empat daerah.

Seperti itu juga respons kepada soalan-soalan yang telah diajukan kepada saya oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin sebelum ini. Seperti itu, orang ramai juga disarankan untuk menghubungi Talian Darussalam "123" sekiranya mengalami gangguan bekalan tenaga elektrik.

Sebagai langkah seterusnya berikutan insiden berkenaan salah satu aspek yang ditekankan untuk membentuk Pelan Kesinambungan Operasi atau *Business Continuity Plan* yang lebih bersepadu melibatkan bukan sahaja agensi-agensi kerajaan malahan juga pihak-pihak berkepentingan yang lainnya.

Ini termasuklah untuk mengukuhkan lagi Pelan Komunikasi bagi insiden-insiden

sedemikian. Matlamat usaha ini adalah untuk mewujudkan sebuah *Integrated Business Continuity Plan* yang boleh diaktifkan secara berkesan dengan mengambil kira pendekatan *Whole of Nation* bagi mengurangkan risiko penjejasan dan kesan gangguan bekalan tenaga elektrik kepada setiap perkhidmatan kritikal dan meningkatkan lagi kedayatahanan *(resilience)* daripada apa juga insiden yang bakal terjadi.

Apa pun peramba/kaola/saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk penyampaian yang lebih berkesan untuk menenangkan rasa kebimbangan masyarakat yang terjejas oleh gangguan bekalan tenaga elektrik. Dalam kesempatan ini juga, Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah sangat dialu-alukan untuk memastikan isu-isu sedemikian rupa dapat ditangani bersama secara bersepadu pada tahap akar umbi dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada tahun ini.

'Barangkali' kaola terpanggil juga untuk menjawab walaupun 'limpas' dari tajuknya mengenai apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai saranan dan mesej motivasi yang perlu kaola sampaikan untuk menenteramkan ataupun menenangkan keluhan penjawat awam.

Kaola berterima kasih atas cadangan dan peluang itu. Untuk menjawabnya kaola ingin menyatakan di sini kepada semua penjawat awam yang dihormati dan dikasihi sekalian bahawa dedikasi dan kerja keras seorang penjawat awam itu adalah tulang belakang kepada memelihara kesejahteraan masyarakat serta nadi penggerak memacu kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai bidang keutamaan di negara ini sungguhpun pengiktirafan adalah terhad.

Perlu diingat bersama bahawa impak usaha penjawat awam itu melangkaui aspek pengiktirafan semata-mata malah lebih dari itu ia menyumbang kepada usaha-usaha pembangunan masyarakat yang secara tidak langsung mempengaruhi kehidupan harian rakyat dan penduduk negara ini ke arah yang lebih baik.

Justeru, peramba/kaola/saya menyeru agar warga penjawat awam untuk terus kekal berusaha gigih dengan mengekalkan jati diri yang kental, bertawakal kerana dedikasi dan komitmen 'biskita' itu adalah sangat bermakna dan asas kepada memastikan keberkesanan dan kelangsungan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan bagi kepentingan agama, raja, bangsa dan negara. إِنْ شَاءَ اللهُ setiap usaha yang berbekalkan keikhlasan, penuh tawakal akan sentiasa membawa kepada keberkatan serta pengiktirafan dan ganjaran yang selayaknya.

Sekian itu sahaja, jawapan daripada kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab dua soalan daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Pertama sekali, mengenai aduan penggunaan *Unified Smart Metering System (USMS)*. Pada menjawab soalan, kaola ingin menerangkan bahawa pihak *DSTN* iaitu sebuah *GLC's* di bawah *Darussalam Assets* dan juga pihak kerajaan memang giat memberi perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan mengenai penggunaan sistem *USMS*. Berdasarkan penyelidikan yang telah dikendalikan, kebanyakan aduan berkaitan dengan peningkatan bil elektrik dan air boleh dijelaskan seperti berikut:

1. Aduan mengenai peningkatan bil elektrik telah dibangkitkan oleh pengguna yang didapati sebelum ini membuat pengubahsuaian meter secara haram ataupun kerosakan meter yang lama yang sebelum ini membolehkan pengguna untuk terus menggunakan elektrik tanpa pembayaran. Pemasangan *smart meter* memastikan pengguna tersebut membayar bil elektrik berdasarkan jumlah elektrik sebenar yang sedang digunakan.;

2. Terdapat juga beberapa kes peningkatan bil elektrik yang disebabkan kerana pengguna lupa untuk membeli kredit bagi *smart meter* air. Sekiranya kredit *smart meter* air habis dan tidak ditambah dalam tempoh 48 jam, pemindahan kredit daripada *smart meter electric* akan berlaku secara *automatic* tanpa gangguan kepada perkhidmtan bekalan air.; dan

3. Peningkatan pengunaan air juga boleh disebabkan oleh kebocoran air dari tangki air pengguna tersebut. *Smart meter* air yang telah dipasang mempunyai petunjuk kebocoran air. Selain itu, beberapa pengguna utiliti mempunyai tunggakan bil elektrik atau air yang dipotong secara *automatic* setiap bulan daripada pembelian kredit pada tahap yang telah ditetapkan setelah persetujuan dicapai antara pengguna dan pembekal utiliti.

Faktor-faktor yang telah disebut telah memberikan tanggapan yang salah kepada pengguna-pengguna berkenaan bahawa kredit mereka digunakan secara tidak wajar. Pihak *DSTN* dan juga pihak kerajaan sentiasa memberi bantuan dan penjelasan kepada aduan-aduan yang disampaikan melalui *DSTN Hotline* atau Talian Darussalam "123". Pihak kerajaan ingin menekankan sekali lagi bahawa tiada perubahan *tariff* elektrik dan air telah dikenalkan oleh *DES* ataupun *DWS*. Walau bagaimanapun, pada bulan Disember 2023 sistem *USMS* mengalami masalah teknikal yang

menyebabkan ketidakselesaan antara pengguna utiliti sebenar dan bacaan akaun meter pengguna.

Pihak yang berkenaan telah pun memeriksa secara teliti semua akaun semasa tempoh terjejas untuk memastikan ketetapan caj dan penggunaan. Hasil penelitian tersebut mengesahkan bahawa kebanyakan meter hanya mengalami *delay backdated charging* tetapi jumlah dicaj adalah masih selaras dengan penggunaan elektrik. Walau bagaimanapun, terdapat 16 unit meter yang telah dicaj secara berlebihan berjumlah $97.63 iaitu sebanyak $4.65 secara prorata bagi setiap akaun yang terjejas. Pihak *DSTN* telah pun membuat bayaran balik kepada kesemua akaun yang terjejas.

Seterusnya, soalan mengenai berapa syarikat yang telah dilantik untuk memasang meter-meter berkenaan. Untuk menjawabnya, ada lima buah syarikat yang telah dilantik.

Seterusnya, mengenai meter bersubsidi. Pada masa ini, bagi meter-meter untuk diganti memang pengguna tidak perlu membayar apa-apa pembayaran. Jadi untuk meter yang baharu sahaja seperti biasa akan dibayar.

Jadi, seterusnya mengenai soalan dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai *CSPS*. Memang, satu soalan yang bagus, memang *CSPS* pada masa ini di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi sejak dua tahun kebelakangan. Sejak dipindah ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi memang satu strategi *plan* sudah ditetapkan untuk memajukan lagi *CSPS* sebagai satu strategik *think tank*.

Pada masa ini, beberapa *research paper* telah dikeluarkan seperti *Women Development in Brunei Darussalam* yang telah dikongsikan dengan KKBS dan juga *Housing Policy* dikongsikan dengan Kementerian Pembangunan, yang lain *Brunei Economic Outlook*, *Brunei Barometer Survey* terlibat *Social Cultural Economy* dan *Institution*. Itulah contohnya memang dimajukan lagi supaya apa yang dihasilkan daripada *CSPS* ini akan dikongsikan untuk semua kementerian untuk sama-sama 'kitani' mencari jalan untuk *improve* dasar-dasar kerajaan.

Itu sahaja, yang dapat kaola menjawab soalan-soalan tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sukacita *intervention* dalam perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara ini akan kaola rujuk kepada Jabatan Perundangan Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk lebih menepati

dengan apa yang disebutkan atau dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, untuk di sini kaola sukacita *intervention* dalam perkara kedudukan undang-undang 'kitani' di Negara Brunei Darussalam memang dimaklumi bahawa kitani menjalankan dua sistem, sistem sivil dan sistem syariah.

Kalau dalam *civil* undang-undang syariahnya, kalau *civil* itu ialah *penal code*. Jadi, kedua-duanya ini berjalan seiring. Jelas melalui titah perkenan untuk menguatkuasakan undang-undang syariah di negara ini ialah dengan satu pernyataan titah bahawa undang-undang yang sedia ada yakni undang-undang sivil akan tetap berjalan sebagai "Takzir"(تعزير).

"Takzir" itu maknanya dalam istilah undang-undang yang dijalankan dalam syariah ialah undang-undang yang di luar daripada syariah. Ertinya yang boleh dibuat oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, tidak didasarkan kepada syariah tetapi hanya berdasarkan kepada polisi-polisi kepentingan dan masalah-masalah yang difikirkan oleh pihak yang berkenaan itu sahaja.

Jadi, syariah itu ialah undang-undang yang didasarkan kepada hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah dan ditentukan oleh ijtihad ulama-ulama, itulah menjadikannya. Jadi, dalam keadaan seperti ini, terjadilah yang dinamakan *overlapping cases*, kes-kes yang bertindih misalannya tentang kes kecurian, kes mencuri syariqah dengan syariahnya, kecurian dalam *penal code*nya. Hanya apabila terjadi kes-kes seperti ini memang sudah ada mekanisme antara Jabatan Peguam Syariah, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pendakwa Syarie.

Untuk melihat kes yang tersebut sejauh mana ia punya merit, meritnya ke mana. Kalau ia menepati syarat-syarat yang diperlukan oleh Syariah, yang dikehendaki oleh syariah untuk menjadi kes di penghakiman maka ia akan dihakimkan di Mahkamah Syariah, Didasarkan kepada Undang-Undang Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, tetapi kalau kes itu tidak mencukupi, maksudnya tidak mencukupi itu antaranya macam kes bunuh tidak ada pengakuan dan tidak ada bukti yang sangat ketat, maknanya tidak ada bukti yang menyakinkan kejadian tersebut maka dengan sendirinya berjalanlah hukuman *penal code* seperti biasa.

'Macamatu' jua kes curi ia ada had-had tertentu berapa jumlah yang di*query* dengan yang membolehkan sebagaimana kalau kesalahan pertama potongan sekian, kalau kesalahan kedua sehingga 'putut' tangan dan sebagainya. Jadi, semua ini menjadikan suatu sistem yang sebenarnya 'inda mengusutkan' kehakiman 'kitani'. Ia berjalan dengan baik, diaturkan secara yang baik dan sejauh ini apa yang berjalan itu misalannya ada kes mengenai pencederaan.

Kes pencederaan juga ada di *penal code* tapi kes pencederaan ini boleh

dibicarakan oleh Mahkamah Syariah dan sudah pun ada satu kes, dan sudah pun berjalan hukumannya beberapa yang tahun yang lalu, dan yang berkenaan masih dalam menjalani hukuman penjara sambil juga ia dikenakan hukuman ganti rugi "diah" namanya ganti rugi.

Selama mana ia tidak mengganti rugi, maka tidaklah ia dapat dibebaskan, itu sahaja. Ia nanti ganti rugi akan dirundinglah dengan pihak-pihak waris-warisnya kalau ada misalannya, tapi sekarang ini ialah kedua-dua yang perlu 'kitani' mesti yakini bahawa kedua-dua undang-undang 'kitani' berjalan dengan baik dan ia tidaklah menimbulkan satu kekusutan sebenarnya.

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan lebih ramai lagi anak-anak 'kitani' yang akan terlatih dalam mengamal undang-undang, Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah. إِنْ شَاءَ اللهُ perkembangan undang-undang 'kitani' dan kehakiman undang-undang Negara Brunei Darussalam ke hadapan akan اَلْحَمْدُ لِلهِ إِنْ شَاءَ اللهُ teratur 'indalah' kekhuatiran 'kitani' penyalahgunaan undang-undang dan sebagainya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi dan kaola akan merujuk ke hansard untuk mendapatkan soalan-soalannya itu dan apa jawapan-jawapan yang bersesuaian, bertepatan. kalau sempat di sini, kalau 'inda' sempat, akan "ditulis" seperti yang Yang Berhormat Pengerusi izinkan, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk membuat *intervention*nya.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai cadangan penubuhan Pusat *Anti-Scam* Kebangsaan dan juga untuk mengenai usaha menggalakkan mangsa untuk tampil membuat laporan.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin juga memaklumkan bahawa *Cyber Security Brunei* telah pun beroperasi sejak tahun 2020 dan ia mempunyai 3 peranan utama, melalui 3 cawangan iaitu:

i. Pemantauan melalui *Cyberwatch Centre*.;

ii. Tindak balas/respons melalui *BruCERT* dan.;

iii. National Digital Forensics Laboratory.

Sepertimana yang disampaikan pada 9 Mac 2024, memandangkan *online scammed* merupakan jenayah yang berbeza dan daripada *traditional crimes* dan memerlukan tindakan yang berbeza, dan yang penting menangani *scammed issue* (isu *scam*) ini adalah tindakan cepat, supaya membanterasnya daripada berlarutan juga tersebar. Dalam hubungan ini, mangsa-mangsa mestilah melaporkannya kepada sama ada *BruCERT* atau Pasukan Polis Diraja

Brunei dan antara 2 pihak ini, mereka akan berkongsi laporan.

Tetapi oleh sebab itu, untuk menyelaraskan lagi proses ini, *task force* bagi menangani jenayah tipu dan *scamming* ini telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-Undang di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin membetulkan sedikit mengenai keahliannya. Pengerusinya adalah Pengarah Siasatan Jenayah Pasukan Polis Diraja Brunei dan Timbalan Pengerusinya adalah terdiri daripada *Brunei Darussalam Central Bank*. Manakala, ahli-ahli yang lainnya adalah sepertimana yang kaola kongsikan pada hari tersebut.

Di samping itu, untuk 'membarigakan' mengenai isu *scammed* ini, beberapa kegiatan *awareness* dan juga *talks* telah diadakan oleh *CSB* sendiri, melalui kempen kesedaran mereka melalui webinar dan *Anti-Scammed Talks* juga telah diadakan yang juga melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pejabat Peguam Negara, *Brunei Darussalam Central Bank*, wakil-wakil bank dan juga pihak *ITPSS Sdn. Bhd. Information Technology Protective Security Services* dan juga *BruCERT iaitu Brunei Computer Emergency Response Team*. Agensi-agensi lain seperti *AITI* dan juga *Telsco* atau *Celco* juga mengendalikan *awareness* kempen mereka mengenai isu-isu scam, ini termasuk juga institusi perbankan di Negara Brunei Darussalam. Jadinya, melalui usaha-usaha ini إِنْ شَاءَ اللهُ orang ramai tidak akan kelirulah mengenai proses untuk melaporkan isu *scam* ini yang penting ia memerlukan laporan polis untuk tindakan secara *legal* diambil dengan mengendalikan *investigation* (penyiasatan). Dalam hal ini, *Digital National Forensics Laboratory* mengenai isu *scam* ini, meninggalkan *Digital Footprint.* Oleh yang demikian, jika alat-alat ini dapat diserahkan kepada *Digital National Forensics Laboratory* akan dapat diketahui mungkin kelemahan-kelemahan yang mengakibatkan *scam* tersebut terjadi. Sekian dahulu, yang dikongsikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi 'inda mau' meneruskan mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam?

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee sama juga membetulkan mengenai keahlian *task force*.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, mana-mana soalan barangkali tidak dapat atau belum dapat dijawab, إِنْ شَاءَ اللهُ Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II akan menjawab secara "bertulis" kemudian dan untuk meneruskan tajuk-tajuk ini, saya persilakan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan ini.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لِلهِ Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas perkongsian pembentangan anggaran Belanjawan, Tahun Kewangan 2024/2025 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kaola ingin menyentuh berhubung dengan Tajuk SA24A - Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Kaola ingin menyentuh mengenai lampu-lampu jalan raya. Lampu-lampu jalan raya ini boleh membantu menjaga, meningkatkan keselamatan di jalan raya khususnya pengguna jalan raya seperti pejalan kaki yang juga boleh mengurangkan aktiviti yang kurang sihat dan sebagainya.

Soalan kaola, kenapakah lampu-lampu jalan raya yang rosak disebabkan kemalangan jalan raya begitu lama diperbaiki hingga sampai bertahun-tahun lamanya baru diperbaiki dan ada yang sampai tidak diperbaiki?

Isu kedua, mengenai tiang-tiang elektrik di Kampung Air, ada sebahagiannya sudah rosak dan condong dan ia dikhuatiri membahayakan penduduk kampung. Kaola ingin pencerahan apakah pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik ada perancangan untuk membaiki tiang-tiang elektrik tersebut? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekali lagi kaola dengan hormatnya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kaola sekali lagi dalam membahaskan Peruntukan Jabatan Perdana Menteri sesi Tahun Kewangan 2024/2025.

Di sini, kaola ingin menimbulkan satu isu sahaja iaitu berhubung dengan kebankrapan. Pada lazimnya sekiranya penghutang tidak dapat membayar hutangnya pada waktu pendengaran (*petition*) pemiutang, pihak mahkamah akan mengeluarkan perintah penerimaan bahawa pegawai penerima dilantik untuk menentukan sama ada penghutang

mempunyai cadangan pembayaran yang boleh diterima oleh pemiutang-pemiutang.

Tempoh masa untuk pegawai penerima menganalisis kemampuan penghutang tersebut adalah agak lama. Kadang-kadang ia memakan masa sehingga 2 atau 3 tahun sebelum perintah penghukuman dijatuhkan bahawa penghutang tersebut adalah dianggap sebagai bankrup sepenuhnya. Sehingga perintah penghukuman tersebut dijatuhkan penghutang malangnya tidak dihalang daripada ke luar negeri.

Oleh yang demikian, penghutang merasa tidak serius dan penuh bertanggungjawab untuk membayar hutang mereka kerana masih tidak dihalang daripada ke luar negeri. Sebagai contohnya, pada peringkat sebelum perintah penghukuman dijatuhkan, penghutang telah mencadangkan membuat pembayaran bulanan sebanyak $50 kepada pegawai penerima tetapi malangnya penghutang ini mempunyai kemampuan untuk ke luar negeri bercuti.

Yang jelas lagi ia memerlukan perbelanjaan untuk membayar tiket, hotel, dan seumpamanya. Ini membuktikan pihak penghutang tidak serius langsung untuk membayar hutang kerana tidak ada sebarang sekatan menghalang mereka ke luar negeri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang difahamkan seperti negara-negara jiran, Malaysia atau Singapura tidak langsung membenarkan si penghutang ini ke luar negeri sama sekali di bawah undang-undang *bankruptcy*.

Di negara tersebut dengan adanya larangan ini ia telah menghasilkan impak yang signifikan terutama sekali si piutang lebih bertanggungjawab untuk melunaskan hutang mereka.

Kaola berpendapat prosedur yang diguna pakai tersebut mampu melindungi dan membantu peniaga-peniaga tempatan. Jika sekiranya peniaga tempatan ini berkongsi dengan peniaga-peniaga luar negeri, kalau sekiranya ada hutang, jika mereka ini dibenar ke luar negeri, maklumlah, peniaga-peniaga yang berkongsi dengan peniaga tempatan ini akan balik dan meninggalkan negara ini.

Malangnya, peniaga-peniaga tempatan akan mengalami risiko dan malangnya lagi menambah *liability* dan juga membebankan hutang tanggungan ini kepada peniaga-peniaga tempatan.

Dalam isu yang kaola timbulkan ini, di samping mengambil teladan dari luar negeri seperti Malaysia dan Singapura dan juga bagi memastikan para pemiutang lebih *accountable* dan bertanggungjawab. Kaola sendiri mencadangkan supaya undang-undang yang berkenaan akan direviu dan dikemas kini oleh pihak yang berkuasa dalam mengukuhkan lagi undang-undang kita di negara ini. Walau bagaimanapun, cadangan kaola ini adalah tertakluk kepada pihak

yang berkenaan untuk mempertimbangkannya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. Kaola mungkin sempat merespons soalan daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat mengenai tiang-tiang elektrik. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diutarakan.

Pertama, mengenai isu tiang-tiang lampu jalan raya yang rosak. Sebenarnya projek pemasangan lampu merupakan inisiatif penting bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam memastikan persekitaran yang selamat bagi penduduk-penduduk daerah dan mukim demi menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat kampung.

Tempoh penggantian tiang-tiang lampu yang rosak adalah tertakluk kepada proses peralihan yang mengambil masa. Sekiranya terdapat lampu yang belum diganti dan boleh menjejaskan keselamatan, peramba/kaola/saya menyarankan agar pihak berkenaan boleh terus membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan pembaikan ini akan diberikan keutamaan.

Peruntukan di bawah belanjawan tahunan adalah termasuk untuk program penyelenggaraan yang berterusan bagi memperbaiki lampu-lampu jalan raya yang tidak lagi berfungsi termasuk lampu jalan raya yang rosak akibat kemalangan jalan raya. Ini akan ditangani melalui kontrak pemeliharaan lampu awam bagi menangani aduan-aduan yang diterima dan dengan membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan syarikat yang dilantik melaksanakan kerja pembaikan dengan lengkap dan tepat pada masanya.

Di samping itu, dengan mendukung usaha kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan di sektor kerajaan dan menggalakkan penjimatan tenaga, pihak kerajaan telah mengambil langkah bagi pemasangan lampu jimat tenaga (*energy efficient*) dan juga menghidupkan lampu jalan secara berselang seli tanpa menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik memandang serius akan aspek keselamatan dalam memastikan kawasan-kawasan strategik tidaklah terjejas seperti simpang-simpang utama, selekoh tajam, simpang masjid, simpang sekolah, *flyover*, *roundabout* dan mana-mana yang boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya. Usaha ini telah melibatkan penutupan sebanyak 13,288 unit lampu di seluruh negara sejak tahun 2015 dan menjimatkan sebanyak purata $3.6 juta.

Yang kedua, berkenaan tiang-tiang lampu elektrik di Kampung Air yang rosak, Jabatan Perkhidmatan Elektrik turut memperuntukkan kerja-kerja penggantian tiang-tiang elektrik di Kampung Air di bawah Projek Pengukuhan Sistem Rangkaian Seluruh Kampung Air Secara Berfasa di bawah RKN-12.

Projek ini disasarkan siap dilaksanakan pada tahun 2027. Walau bagaimanapun, bagi mana-mana tiang yang tumbang atau rosak dan boleh mempengaruhi keselamatan sistem dan juga kepada orang ramai, Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan memberi keutamaan bagi tindakan pembaikan.

Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) akan ditingkatkan bagi mana-mana tiang lampu di kawasan Kampung Air yang boleh menjejaskan keselamatan إِنْ شَاءَ اللهُ

Pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik terus memantau kerja-kerja penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek berkenaan dengan kerjasama rapat pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi keselamatan dan keberkesanan bekalan sistem tenaga elektrik negara.

Dalam kesempatan ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga merakamkan ribuan terima kasih kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di keempat-empat daerah yang secara berterusan mengongsikan apa jua *feedback* melalui *WhatsApp group* bersama Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan memudahkan lagi pihak jabatan menangani masalah-masalah berkaitan dengan elektrik dan terus mengalu-alukan kerjasama untuk diteruskan pada tahap akar umbi bagi memaklumkan apa jua jurang dan penambahbaikan yang perlu dibuat.

Sekian, yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi, yang lain itu 'abiskaola' berjanji untuk menjawab secara "bertulis" dengan data-data dan jawapan yang lebih tepat, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup saja kita berbahas mengenai tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Maka saya berpendapat ada baiknya Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A diluluskan dan kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA27A Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A bagi Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Pembangunan. Sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan mukadimahnya, saya ingin meminta laluan bagi kita berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّٰه sebelum kita berhenti rehat sebentar tadi, Mesyuarat Jawatankuasa telah pun beralih kepada tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan.

Sebelum saya membukakan bagi tajuk di bawah kementerian ini untuk dibahaskan, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan kenyataan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya sekarang mempersilakan Yang Behormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 berjumlah $345,953,286 seperti berikut:

1. Sejumlah $119,666,190 untuk Gaji Kakitangan.;

2. Sebanyak $102,466,740 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan

3. Sejumlah $123,820,356 bagi projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Fokus Kementerian Pembangunan Tahun Kewangan 2024/2025, kaola semasa Majlis Mesyuarat pada tahun yang sudah mengongsikan mengenai keutamaan-keutamaan kementerian.

Samalah juga dengan keutamaan pada tahun ini dengan pendekatan baharu untuk menekankan kepada *good governance* iaitu tadbir urus yang baik dan *compliance* pematuhan dalam pengurusan aset dan projek serta dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai. Usaha-usaha ini akan terus diberikan keutamaan selaras dalam mendukung Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Secara ringkas, kaola ingin mengongsikan pencapaian Kementerian Pembangunan di bawah Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan pada Tahun Kewangan 2023/2024 sehingga bulan Disember 2023 seperti berikut:

1. Kementerian Pembangunan telah dapat meningkatkan kutipan hasil bagi suku tahun ketiga Tahun Kewangan 2023/2024 sebanyak $54,199,357.59. Ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan kutipan hasil pada suku tahun ketiga sebelumnya iaitu sebanyak $54,077,394.06 iaitu kenaikan sebanyak $121 ribu lebih.; dan

2. Melalui *Debt Recovery Unit* di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan yang ditubuhkan pada bulan Julai 2022 dan Jawatankuasa Khas bagi Menangani Masalah Tunggakan dan Kutipan Hasil di bawah Jabatan Tanah yang ditubuhkan pada bulan Oktober 2023. Antara tindakan yang dibuat adalah:

   i. Menyediakan pembayaran secara *online* melalui *One Common Billing System (OCBS)* bagi Jabatan Kemajuan Perumahan dan *e-Payment Gateway* bagi Jabatan Tanah. Kementerian Pembangunan dan Jabatan Tanah pada masa ini dalam proses melaksanakan Projek *1MOD-Integrated MOD Platform and Land System* bagi tujuan menyatukan semua perkhidmatan Kementerian Pembangunan di bawah satu sistem bagi memudahkan pengurusan dan pembayaran kutipan hasil.;

   ii. Membolehkan penerimaan bayaran melalui pengeluaran Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) dan juga bayaran melalui institusi perbankan melalui pinjaman peribadi.; dan

   iii. Membolehkan pembayaranan Cukai Tanah dan bayaran perumahan dapat diterima di setiap kaunter Jabatan Tanah dan Jabatan Kemajuan Perumahan di setiap daerah tanpa mengira lokasi ataupun

alamat rumah ataupun tanah pemilikan tersebut.

Di samping itu, satu jawatankuasa kerja telah dibentuk yang bertujuan untuk memantau dan mengurangkan tunggakan mengikut undang-undang. Antara pencapaian yang diperolehi dari Tahun Kewangan 2021/2022 sehingga suku pertama Tahun Kewangan 2023/2024 adalah penyelesaian tunggakan royalti berjumlah $53,877.97 di Jabatan Tanah daripada syarikat-syarikat perlombongan yang melombong pasir dan batu kelikir serta penyelesaian tunggakan air berjumlah $16,757,718.85 di Jabatan Perkhidmatan Air daripada jabatan kerajaan sehingga penghujung tahun 2023.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola untuk mengongsikan beberapa komitmen keutamaan Kementerian Pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan:

1. Perumahan Negara yang Mampan. Sehingga kini, perangkaan pemilikan rumah Negara Brunei Darussalam ialah sebanyak 67.1%. Dalam usaha untuk terus menyediakan rumah-rumah di dalam Skim Perumahan Negara di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan, projek-projek baharu bagi penyediaan prasarana terus diusahakan pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini. Di samping itu, usaha penyediaan perumahan sebanyak 2,674 penggeranan tanah *TOL* juga telah dianugerahkan kepada pemilik-pemilik tanah *TOL* yang memenuhi syarat-syarat kelayakan. Melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-11, 2 projek sedang dijalankan iaitu

   i. Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2, dengan pembinaan 1,000 unit rumah teres yang dijangka akan siap pada penghujung bulan Mac ini.; dan

   ii. Projek Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu Fasa 7, iaitu pembinaan sebanyak 950 unit rumah teres yang telah bermula pada bulan Januari 2023 dan dijangka siap pada bulan Januari 2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi perancangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, Jabatan Kemajuan Perumahan sedang membuat perancangan projek-projek kemajuan perumahan dengan peruntukan $41,555,200 bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Ini adalah dari Harga Rancangan RKN-12 berjumlah $276,950,443. Antara kerja permulaan yang akan dilaksanakan dengan peruntukan ini adalah:

1. Kerja-kerja *site investigation* di kawasan Kampung Salambigar, Kampung Tanah Jambu, Kampung Katok, Kampung Lumut dan Kampung Rataie.;

2. Kerja-kerja tanah (*earthworks*), iaitu di kawasan Kampung Katok dan Kampung Rataie.; dan

3. Pembinaan perumahan di kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Lugu (Fasa 2B), Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut (Fasa 7), Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba (Fasa 6) dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Salambigar. Projek-projek ini dijangka akan menyediakan lebih 1,600 buah rumah yang baharu, إِنْ شَاءَ اللهُ

Perkara kedua, mengenai perkhidmatan air dengan peruntukan Tahun Kewangan 2023/2024, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air telah melaksanakan beberapa projek penambahbaikan sistem bekalan air yang berterusan dalam kualiti air yang menepati piawaian. Antara kerja yang telah dilaksanakan termasuk pembaikan di loji-loji air di Bukit Barun, Layong dan Seria. Penggantian pam-pam air dan paip-paip lama yang bocor dan pembersihan lebih kurang 40 tangki air secara berkala. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kerja-kerja ini telah dapat mengurangkan kekerapan gangguan bekalan air. Kerja-kerja penambahbaikan ini akan terus diusahakan.

Dalam memberikan perkhidmatan kemudahan bekalan air, penduduk-penduduk di kawasan pedalaman juga diberikan keutamaan pada Tahun Kewangan 2023/2024 ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه Jabatan Kerja Raya telah dapat menyediakan sistem bekalan air melalui paip kepada kawasan pedalaman di Ulu Belait, iaitu Kampung Sukang dan Kampung Melilas. Dengan siapnya projek pemasangan paip air dari jalan Labi hingga ke Kampung Sukang.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum ini, penduduk kampung tersebut mendapatkan bekalan air bersih dari turunan hujan dan sungai yang dibersihkan mengunakan sistem *slow sand filtration*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada bulan Januari 2024 ini, rumah panjang Kampung Melilas telah mulai menerima air melalui saluran paip ke rumah panjang berkenaan.

Bagi meningkatkan kapasiti pengurusan penyediaan air dan objektif khusus untuk meningkatkan *water security,* sejumlah $43,133,263 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 yang merangkumi kerja-kerja penambahbaikan rancangan sistem saluran air, pemeliharaan tangki-tangki air dan menaik taraf loji-loji rawatan air di semua daerah. Antaranya ialah:

1. Meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih bagi Daerah Brunei dan Muara melalui Projek Pembinaan Loji Rawatan Peringkat 8 di Bukit Barun, Tutong yang pada masa ini dalam pembinaan. Loji ini direka bentuk untuk dapat mengeluarkan lebih kurang 120 juta liter air bersih sehari dan إِنْ شَاءَ اللهُ apabila projek ini siap nanti ia akan dapat memenuhi

keperluan bekalan air hingga ke tahun 2035.;

2. Manakala bagi Daerah Beliat, Projek Meningkatkan Kapasiti Pengeluaran Air dari Loji Rawatan Air Agis-Agis di Sungai Liang akan menambah kapasiti lebih kurang 36 juta liter air sehari apabila siap nanti pada tahun 2026.;

3. Bagi Daerah Temburong, Projek Pembesaran Loji Rawatan Air Batang Duri dirancang untuk menambah kapasiti 20 juta liter air bersih sehari, iaitu peningkatan 100% dari kapasiti yang ada pada masa ini.; dan

4. Pada masa ini di bawah RKN-11, terdapat 2 projek yang sedang dalam pelaksanaan, iaitu Pembinaan Tangki Lakiun dan Pembinaan Tangki Batang Duri. Kedua-dua projek ini dijangka akan siap pada hujung tahun ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ ini adalah antara perancangan dan usaha untuk mengurangkan isu kekurangan bekalan air yang dialami di Daerah Temburong pada masa ini.

Perkara ketiga, mengenai Mitigasi Masalah Banjir. Dalam usaha menangani masalah banjir beberapa projek saliran telah diusahakan dalam tempoh RKN-11. Natijahnya, saiz kawasan mudah banjir dapat dikurangkan dari 332 kilometer persegi kepada 288 kilometer persegi, iaitu pengurangan sebanyak 44 kilometer persegi. Sementara itu sepanjang 57 kilometer daripada 130 kilometer persisiran pantai telah dapat ditangani dari hakisan laut.

Antara projek pengawalan banjir yang telah siap dibuat pada Tahun Kewangan 2023/2024 ialah:

i. Pembinaan Kolam Penahan Banjir dan Takungan Air di Sungai Tutong.;

ii. Kerja-kerja mengorek Sungai Tutong dari Kampung Penapar.;

iii. Projek pencegahan banjir di Hulu dan Hilir Sungai Tutong.;

iv. Menaik taraf sistem saliran Kampung Sungai Akar.;

v. Kerja-kerja mengorek dan melebarkan Sungai Brunei, Sungai Kedayan dan Sungai Damuan.;

vi. Membina longkang baharu berukuran 3 meter lebar di Kampung Tanah Jambu.;

vii. Menaik taraf sistem saliran di Kampung Kiarong.; dan

viii. Menaik Taraf Kerja Servis Infrastruktur di Kawasan Bandaran Kuala Belait - Seria (*Upgrading of Integrated Services Infrastructure Works at Kuala Belait – Seria Municipal Area).*

Pada tahun lalu, beberapa kawasan di Daerah Belait termasuk di Pekan Kuala Belait telah beberapa kali mengalami

banjir. Jabatan Kerja Raya telah mengenal pasti punca kejadian banjir tersebut dan إِنْ شَاءَ اللهُ , akan melaksanakan beberapa projek untuk mengurangkan kekerapan kejadian banjir di bawah RKN Ke-12 nanti, antaranya:

1. Dengan membuat Penambahbaikan Saliran Belait Fasa 1 (*Drainage Improvement at Belait Phase 1)* yang bertujuan untuk menaik taraf sistem saliran, mengurangkan kejadian banjir dengan pembinaan longkang konkrit dan pembinaan stesen-stesen pam. Antaranya adalah di Pekan Kuala Belait, Kampung Pandan, Mukim Seria, Kampung Lumut Tersusun, Kampung Lalit dan Sungai Liang.;

2. Membina Stesen Pam di F-17 Seria bagi kawasan sering kebanjiran di kawasan Jalan Tengah, Pekan Seria dan kawasan perumahan Syarikat Minyak *Shell* terutama sekali kawasan termasuk di Lorong 7, Lorong 8 dan *Tuker Lines*.;

3. Membina Stesen Pam di saluran keluar *(outfalls)* di kawasan yang sering dilanda banjir di Jalan Maulana, Kuala Belait.; dan

4. Membina longkang utama menuju stesen saliran Kampung Sungai Bera untuk mengurangkan kejadian banjir di Pekan Seria.

Perkara keempat, mengenai Prasarana Jalan Raya pada Tahun Kewangan 2023/2024, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan beberapa projek penambahbaikan untuk meningkatkan lagi kualiti prasarana jalan raya dan lebuh raya di negara ini seperti berikut:

1. Melaksanakan pemeliharaan jalan raya secara berintegrasi (*integrated maintenance contract)* bagi lebuh raya seperti Lebuh Raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Lebuh Raya Muara-Belait, Lebuh Raya Tungku-Rimba dan Lebuh Raya Tungku-Jerudong.;

2. Kerja-kerja pemeliharaan jalan raya termasuk di kawasan jalan Kuala Balai, Mukim Liang, Mukim Bukit Sawat, Mukim Sukang, Jalan Rasau-Sungai Teraban, sepanjang jalan Kuala Tutong, Kampung Panchong dan Kuala Ungar.; dan

3. Projek pembaikan Jalan Tutong dari Jerudong ke Kampung Penanjong Fasa 2. إِنْ شَاءَ اللهُ penambahbaikan akan diteruskan lagi dalam RKN-12 untuk menaik taraf jalan-jalan yang masih belum dilaksanakan.

Beberapa projek lanjutan daripada RKN-11 seperti berikut untuk disasarkan pada tahun ini, iaitu Tahun Kewangan 2024/2025:

1. Penyediaan jejambat (*flyover)* di persimpangan utama di bawah Program Pembinaan Jalan Penghubung Tanah Jambu di persimpangan jalan utama Mentiri

Perumahan Negara Mengkubau dan di persimpangan Jalan Muara yang dijangka untuk siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2024 ini.;

2. Projek pembinaan jejambat di persimpangan Lebuh Raya Muara-Tutong, Tanjung Kajar dan Jalan Utama Tanah Jambu yang dijangka akan siap pada penghujung tahun 2024 ini juga.; dan

3. Kerja-kerja pemasangan sistem lampu isyarat di pusing keliling Sungai Akar yang sedang dilaksanakan pada masa ini yang dijangka akan mula beroperasi pada bulan April 2024.

Di samping itu, sepertimana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Kerja Raya bersama dengan Jabatan-Jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menguruskan projek bagi melaksanakan kerja-kerja menaik paras jalan raya di kawasan yang sering dilanda banjir di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong, yang telah selasai pelaksanaannya di Daerah Belait dan Daerah Temburong dan beberapa kerja yang perlu dibuat kerja-kerja susulan di Daerah Tutong.

Pada masa ini, sepanjang 12.4 kilometer daripada 22.3 kilometer dari keseluruhan jalan raya yang dirancang telah siap dilaksanakan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perkara kelima mengenai Alam Sekitar. Sisa buangan setiap hari di negara ini adalah antara 500 ke 600 tan metrik sehari dan data yang direkodkan menunjukkan sisa buangan bagi seorang ialah 1.21 kilogram sehari. Sejak berpuluhan tahun, sisa buangan ini dilupuskan di dalam tanah *(landfill)* iaitu yang pada masa ini terletak di Sungai Paku, Daerah Tutong.Tanah *landfill* ini berkeluasan 104 hektar dan disasarkan hanya dapat menanggung sisa buangan sehingga tahun 2030. Makanya, satu kawasan dengan keluasan lagi perlu disediakan bagi menyediakan prasarana *landfill* yang baharu.

Sebagai satu usaha alternatif, Kementerian Pembangunan mengambil tekad untuk menghentikan penggunaan *landfill* ini dan sedang mengikhtiarkan bagi pembinaan prasarana *incinerator system waste-to-energy* bagi pelupusan sisa buangan. Untuk tujuan ini, *expression of interest* telah dikeluarkan pada tahun 2021 bagi pembinaan loji *waste incinerator.* Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah melantik konsultan bagi menggubal dokumen *request for proposal* yang akan dikeluarkan bagi pelabur-pelabur yang berminat dan layak untuk ikut serta.

إِنْ شَاءَ اللهُ penyediaan dokumen *request for proposal* untuk mereka bentuk, membina, memiliki, mengendalikan dan memindahkan *(design, build, own, operate and transfer)* loji yang berkonsepkan teknologi *waste-to-energy* ini akan dijangka siap dan dibukakan pada suku akhir tahun ini.

Jika terdapat pelabur yang berjaya nanti, إِنْ شَاءَ اللهُ loji *waste-to-energy* ini nanti disasarkan untuk dapat memulakan operasi pada tahun 2029. Kos bagi pembangunan *waste-to-energy* setentunya dijangka dalam jumlah yang amat tinggi.

Oleh itu, Kementerian Pembangunan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain terutama sekali Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri untuk merangka kaedah model perniagaan yang sesuai dengan objektif kos efektif dan mampan sesuai dengan keperluan negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2023/2024, antara tindakan pengurusan alam sekitar, taman dan rekreasi adalah seperti Perlaksanaan Projek Pembersihan Sungai Brunei yang bermula sejak 16 April 2023 selama tiga tahun dengan penyediaan peralatan seperti *Workboat* sebanyak 4 buah, *Scavenger boat* sebanyak 4 buah, *Small Trash Skimmer* sebanyak 1 buah, *Large Trash Skimmer* sebanyak 2 buah dan *Waste Barge with Conveyer Belt* sebanyak 1 buah.

Sehingga bulan Disember 2023, jumlah sisa yang telah dikutip dari Sungai Brunei ialah sebanyak 22,849.45 tan metrik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini dan sebelum menutup mukadimah ini, kaola ingin merujuk kepada soalan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari Sabtu, 2 Mac 2024 mengenai kesiapan Pelan Induk Penggunaan Tanah Daerah Temburong.

Pada menjawab soalan ini, mengenai Perancangan Pembangunan Daerah Temburong 2005 – 2025, pelan ini telah siap disediakan sebagai persiapan untuk menggalakkan sebarang pembangunan dan menggalakkan aktiviti ekonomi selaras untuk mengiring kemajuan di Daerah Temburong dengan terbinanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien daripada Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong.

Pelan Pembangunan Daerah Temburong 2005 – 2025 seperti yang telah dibuat melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengandungi polisi perancangan guna tanah strategik serta strategi kemajuan dalam menghala tuju kemajuan di Daerah Temburong dalam tempoh yang disebutkan.

Visi utama adalah untuk menjadikan Daerah Temburong sebagai daerah yang dapat membukakan peluang kemajuan melalui khazanah Daerah Temburong itu sendiri dan khazanah semula jadi *(A district of Natural Opportunities)*. Dalam mendukung visi tersebut, strategi utama perancangan guna tanah adalah

untuk menjana pembangunan yang seimbang yang dapat membukakan peluang pekerjaan dan perkembangan ekonomi yang luas daripada ekonomi-ekonomi yang telah dikenal pasti.

Di samping itu, rancangan ini turut bertujuan untuk meningkatkan tahap integrasi fizikal dan ekonomi yang tinggi sama dengan daerah-daerah yang lain, serta dalam waktu yang sama mengekalkan nilai-nilai identiti daerah sebagai, '*The Green Jewel of Brunei'.*

Ke arah ini, sebanyak 33 projek utama telah dirancangkan bagi Daerah Temburong, yang merangkumi sektor perumahan, perusahaan, pertanian, perikanan, rekreasi, pelancongan, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti, kemudahan masyarakat dan sebagainya. Dari 33 projek tersebut, sebanyak 7 projek telah siap dilaksanakan antaranya ialah pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifudien, pembinaan Bangar *Waterfront*, Perumahan Negara Kampung Rataie, Kemudahan Rekreasi Air di Ulu Temburong, Tapak Perikanan di Kampung Rataie, membesarkan kawasan perlindungan hutan di bawah Jabatan Perhutanan seperti Bukit Patoi, dan pembinaan jambatan di Kawasan Kampung Ujong Jalan.

Sebanyak 7 projek sedang dalam pelaksanaan iaitu menaik taraf jalan raya ke Batang Duri, sumber tenaga boleh diperbaharui *(Renewable Energy Sources)*, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Pusat Aktiviti Keagamaan *(Religious Activities Centre)* di Kampung Senukoh, kemudahan tempat tinggal dan fasiliti di Batang Duri, pembinaan Jeti Batang Duri, dan Perancangan Kem bagi Kementerian Pertahanan.

Manakala, sebanyak 19 projek lain masih dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam pelbagai bidang yang menjurus kepada hasrat Pelan Pembangunan Daerah Temburong. Kementerian Pembangunan akan terus berkolaborasi dengan agensi-agensi yang lainnya serta penduduk-penduduk di Daerah Temburong secara amnya dalam sama-sama memastikan kemajuan di Daerah Temburong akan dapat diselaraskan dan dilaksanakan secara lebih strategik dan teratur dalam memenuhi hasrat perancangan negara untuk membangun Daerah Temburong selaras dengan daerah-daerah yang lain.

Sekian sahaja, dapat kaola kongsikan di Dewan yang mulia ini. Kementerian Pembangunan berharap sokongan padu daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat setentunya bukan sahaja dalam menyuarakan isu-isu yang dihadapi oleh orang ramai akan tetapi yang penting adalah untuk membawa bersama setiap lapisan masyarakat selaras dalam pemahaman dan aspirasi untuk menyelesaikan masalah-masalah terutama sekali melibatkan utiliti perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan dan khususnya juga dalam sama-sama mendukung dalam merealisasikan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Sebelum mengakhirinya, kaola ingin untuk bersama dengan Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar atas jasa dan khidmat beliau semasa memegang jawatan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara. Dalam masa yang sama kaola juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikannya sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, diucapkan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّه terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas penerangan yang cukup jelas berkenaan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya berpendapat sekarang cukuplah dulu kita berunding pada pagi ini dan saya mencadangkan supaya kita tangguhkan dulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada hari Isnin, 18 Mac 2024 bermula dari pukul 10.00 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 5 Ramadhan 1445 / 18 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA :

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. . **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B.,

Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keempat belas pada hari ini Isnin, 7 Ramadan 1445 bersamaan 18 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّٰه syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi bersidang pada hari yang keempat belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk menyambung penelitian ke atas Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada hari Sabtu yang lalu, telah pun beralih kepada tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan dan kita telah pun mendengar pembentangan mukadimah mengenai perancangan dan hala tuju Kementerian Pembangunan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sendiri.

Maka, sekarang saya bukakan Tajuk SK10A sehingga Tajuk SK08A untuk dibahaskan. Saya akan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan-soalan mereka dan seterusnya saya akan mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan jawapan ataupun responsnya sama ada untuk dijawabnya sekarang ataupun akan dijawabnya secara "bertulis" kemudian nanti.

Sekarang untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas usaha dan perancangan strategik ke arah tadbir urus Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Apa yang kaola harapkan agar ia dapat dilaksanakan sesuai dengan hasrat dan matlamat pihak kementerian.

Merujuk kepada mukadimah projek-projek di bawah RKN-12 yang memperuntukkan $261 juta disediakan bagi melaksanakan projek menaik taraf dan membaiki sistem loji dan kolam rawatan air bersih di semua daerah. Kaola sangat-sangat menyambut baik usaha ini memandangkan isu air sering dibangkitkan oleh orang ramai.

Ini termasuklah masalah tekanan air rendah, kualiti air yang tidak konsisten, kerap kali berlaku kerosakan dan kebocoran pada paip-paip utama yang memerlukan penukaran paip-paip air yang baharu.

Keadaan ini memaksa penduduk untuk menyediakan sistem rawatan dan pam air sendiri di rumah. Dari sudut lain, ia juga memberikan keuntungan kepada syarikat pengeluaran sistem rawatan air berkenaan disebabkan permintaan yang tinggi bagi mendapatkan air bersih.

Yang Berhormat Pengerusi. Ini bukanlah satu perkembangan yang tepat ke arah

meningkatkan kualiti hidup rakyat. Kaola sangat-sangat mengharapkan dengan sejumlah peruntukan yang disediakan ini ia sebagai sukat-sukat ke arah meningkatkan sistem air bersih di Negara Brunei Darussalam, sekurang-kurangnya setanding dengan negara-negara maju yang mempunyai air paip terbaik dan boleh terus diminum.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin pencerahan dari pihak Kementerian Pembangunan, apakah sasaran kualiti air bersih di Negara Brunei Darussalam menjelang tahun Wawasan Brunei 2035, iaitu keterjaminan air bersih kepada pengguna?

Selanjutnya kaola menyuarakan tentang kebimbangan orang ramai berkenaan dengan sistem pembetungan yang menggunakan tangki *septic* melalui *soak away system* atau sistem penyerapan di dalam tanah sepertimana yang kita sedia maklum. Sistem ini kerap digunakan di kawasan-kawasan yang tanahnya berpasir serta tidak mempunyai longkang-longkang utama.

Ini termasuklah kawasan-kawasan di Daerah Tutong seperti berlakunya di kawasan Kampung Danau dan Kampung Telisai. Sistem ini didapati tidak berkesan dan menyebabkan penduduk terpaksa mendapatkan perkhidmatan swasta untuk mengosongkan tangki *septic* masing-masing secara *regular* dan memakan kos yang terlalu tinggi.

Dalam hal ini, apakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menyediakan sistem pembetungan di kawasan-kawasan tertentu khususnya di kawasan kampung-kampung yang kaola nyatakan tadi.

Itu sahaja, yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya berhasrat untuk menarik diri daripada menyertai perbahasan kerana perkara yang sama telah pun dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul

Rashid, Menteri Pembangunan atas mukadimah, hala tuju dan perancangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dalam mengurus dan merancang Belanjawaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola menyentuh berkenaan kualiti standard bahan-bahan binaan di Negara Brunei Darussalam. Terdapat pelbagai jenis bahan binaan telah pun dijual di kedai-kedai *hardware* mahupun kedai-kedai runcit. Memang sukar untuk menilai kualiti barang-barang berkenaan tambahan lagi ia mempunyai tidak banyak berbeza antara satu jenama dengan yang lain dari segi spesifikasi, pembuatan dan kualiti. Selain itu, pengguna boleh saja tertipu dengan barang-barang binaan tiruan yang tidak kurang hebatnya. Namun pada itu, isu-isu ketahanan jangka hayat cepat rosak dan seumpamanya adalah terkait dengan keselamatan pengguna apabila barang yang tidak diketahui kualitinya digunakan dalam projek-projek pembinaan. Produk-produk yang mempunyai label atau cop keselamatan adalah merupakan pilihan terbaik pengguna. Sebagai contoh, label *SIRIM* bagi produk-produk keluaran Malaysia adalah dijamin dari segi kualiti dan keselamatan pengguna.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan satu organisasi yang diiktiraf perlu diwujudkan untuk menilai dan meneliti kualiti produk-produk keluaran tempatan mahupun yang diimport dari luar negara. Mana-mana produk yang mempunyai "label jenama keselamatan" adalah selamat serta memenuhi piawaian yang ditekankan oleh pihak-pihak kerajaan.

Apakah usaha-usaha dan kaedah yang diguna pakai oleh pihak Kementerian Pembangunan di dalam memastikan projek-pojek kerajaan menggunakan bahan-bahan yang bermutu tinggi?

Selanjutnya, kaola sukacita menyuarakan berkenaan dengan isu Rumah Panjang Kampung Teraja, Mukim Labi di Daerah Belait. Rumah Panjang Kampung Teraja sudah wujud sejak tahun 1950 dan kini masih dihuni serta menjadi destinasi pelancongan di Daerah Belait. Rumah Panjang ini dibina berdekatan dengan sungai. Keadaan tebing sungai yang mengalami hakisan, menimbulkan kebimbangan kepada penghuni-penghuni Rumah Panjang berkenaan. Tindakan segera sangat-sangat diperlukan terutama sekali kerja-kerja pembaikan tebing-tebing sungai bagi memastikan keselamatan penghuni Rumah Panjang terjamin.

Sehubungan dengan itu, kaola memohon agar pihak-pihak berkenaan dapat memberikan perhatian yang sewajarnya. Sekian, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰه, apabila mendengar mukadimah pada hari Sabtu yang lalu yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan, kaola optimis mengharapkan agar semua yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dalam masa yang sama, ia memberikan kesan yang positif ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita mengemukakan beberapa perkara iaitu:

1. Berkenaan dengan isu pencemaran alam sekitar yang disebabkan aktiviti mengambil pasir di kawasan Sungai Paku, Telisai, Daerah Tutong. Perkara ini bukanlah isu baharu malahan ia telah menjadi buah mulut penduduk tempatan di media sosial tentang kesannya terhadap muka bumi dan persekitaran penduduk setempat serta ekosistem alam semula jadi.

   Isu kejadian banjir kerap terjadi disebabkan keadaan sungai dan parit-parit utama yang cetek disebabkan kelodak pasir. Keadaan Sungai Pepakan dan Sungai Danau yang dulunya tempat penduduk menangkap ikan, kini menjadi saliran lumpur sehingga mewujudkan pulau pasir di Sungai Danau sekali gus merosakkan ekosistem sungai-sungai berkenaan.

   Kejadian ini tidak dapat 'ditapuk-tapuk' lagi, ia jelas di depan mata. Ini bukanlah masa untuk kita menuding jadi kepada pihak-pihak berkenaan, isu alam sekitar adalah isu bersama. Namun pada itu, jika tidak ditangani ia akan menimbulkan kesan buruk kepada muka bumi Negara Brunei Darussalam.

   Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam memastikan aktiviti-aktiviti mengambil pasir ini menepati syarat-syarat yang disediakan khususnya dalam menjaga ekologi persekitaran?;

2. Bercakap berkenaan dengan sistem-sistem pernomboran rumah-rumah kediaman. Ada beberapa rumah yang tidak mempunyai nombor dan perkara ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak-pihak berkenaan terutama sekali jika berlaku kecemasan seperti ambulans dan sebagainya.

   Perkara ini pernah berlaku di Kampung Penabai, Kuala Tutong apabila pihak paramedik terpaksa pergi ke rumah Ketua Kampung kerana gagal mencari rumah pesakit disebabkan rumah tidak bernombor. Dalam pada itu, kaola mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan dapat mengemaskinikan nombor-nombor rumah di Negara Brunei Darussalam.;

3. Berkenaan dengan kawasan Tatangan Persiaran Sungai Tutong, Pekan Tutong yang kawasan ini telah siap dan dirasmikan pada 22 April 2012. Dengan terbinanya kawasan *waterfront* ini, ia telah mengubah landskap tebing Sungai Tutong sebagai kawasan riadah yang menarik.

   Sudah 12 tahun berlalu, terdapat beberapa struktur tebing sungai sudah mulai rosak serta lampu-lampu yang tidak berfungsi sedikit sebanyak telah menjejaskan keindahan kawasan berkenaan dan memerlukan perhatian segera. Tatangan Persiaran Sungai Tutong sewajarnya memerlukan transformasi dari semua aspek, ini termasuklah sebagai ikonik mempunyai nilai kepada tarikan pelancong.

   Sehubungan dengan itu, kaola mengharapkan agar perkara ini dapat diberi perhatian, ini termasuklah menyediakan pelan-pelan transformasi kawasan mengikut tempoh beberapa tahun ke hadapan agar Pekan Tutong tidak terpinggir dari arus perubahan.; dan

4. Kaola sukacita menyuarakan keluhan orang ramai berkenaan dengan kesesakan lalu lintas di jalan lampu isyarat Lebuh raya Tutong Telisai pertemuan antara Jalan Enchi Awang dan Jalan Kuala Tutong iaitu di kawasan Kampung Sengkarai, Daerah Tutong. Keadaan kesesakan lalu lintas akhir-akhir ini dan semakin teruk lagi apabila pada waktu-waktu puncak disebabkan pertembungan pengguna-pengguna jalan raya di semua arah.

   Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu, apakah pihak kerajaan mengambil maklum tentang perkara ini dan apakah ada perancangan untuk menaik taraf jalan berkenaan dengan membangun *flyover* bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang dihadapi oleh pengguna jalan raya?.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Tetapi sebelum itu saya ingin memberi komen sedikit sebelum 'barangkali' nanti menpersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberi reaksinya ataupun responsnya.

Saya hairan ada perkara-perkara yang dibawa tadi, beberapa soalan yang dikemukakan nampaknya boleh diselesaikan oleh pegawai-pegawai daerah masing-masing.

Saya kira tidak payah perkara-perkara itu kita angkat sebagai perkara-perkara nasional. Perkara-perkara daerah biarlah ia ditinggalkan dalam daerah dan terpulang kepada pegawai-pegawai daerah untuk melaksanakan ataupun menuntut kepada pihak-pihak yang

berkenaan supaya ia dapat dilaksanakan dengan teratur.

Sekiranya tidak dapat dilaksanakan oleh mereka, maka saya kira perkara itu boleh dibawa 'barangkali' kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perundingan tahunan yang biasanya diadakannya.

Perkara itu saya kira dengan lebih mudah diselesaikan di sana oleh kitani sebab ditimbulkan di sini, 'kitani' pun selalu tertanya-tanya, "Di mana tempatnya ni?". Jadi *derail* perhatian 'kitani' yang sebenarnya, harus kita tumpukan kepada perkara-perkara yang kita rundingkan ketika ini.

Walau bagaimanapun, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

1. Kaola mengambil baik *ROC* Brunei kerana telah memperkemas pendaftaran syarikat dari bulan ke hari dan pertumbuhan serta perkembangan dalam sektor bukan minyak dan gas.

   Di sebalik kemajuan ini, beberapa pengusaha perniagaan telah menghadapi kelambatan dalam mendapatkan *Occupational Permits* untuk pengubahsuaian dan memulakan operasi sehingga menjejaskan *break-even time* mereka sekali gus memberi beban tambahan kepada pengusaha.

   Panduan rasmi di laman web *business.gov.bn* telah menggariskan 6 langkah dan selama 38 hari *timeline process* bagi permohonan *Construction Permit,* sedangkan *Occupational Permit* yang sepatutnya mengambil masa 7 hari sahaja. Namun, terdapat maklum balas yang didapati bahawa proses permohonan tersebut telah melebihi *timeline* yang dijangkakan.

   Soalan kaola, bolehkah pihak kementerian mengongsikan jumlah peratus permohonan yang memenuhi sasaran 38 hari ini. Dengan mengambil kira kelambatan ini, apakah terdapat rancangan untuk menambah baik jangka masa bagi proses *Occupational Permit* ini?;

2. Kemudian, kaola juga ingin mengambil perhatian tentang syarat khusus yang terikat berkaitan pemilik tanah yang mengehadkan aktiviti perniagaan sampingan atau *side business* di tingkat bawah sahaja.

   Memandangkan kesesuaian lokasi dan berdekatan dengan kedai-kedai kawasan komersial dan kediaman, kaola mencadangkan agar dipertimbangkan semula dasar ini

bertujuan bagi menyokong Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana untuk menggunakan tingkat atas yang selalunya mempunyai kadar sewa yang lebih kompetitif. Adalah signifikan untuk menekankan kepentingan penyelarasan yang berkesan antara Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi meningkatkan ekosistem perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola, bolehkah kementerian mengongsikan maklumat tentang langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik kerjasama antara kementerian ini? Hal ini akan memastikan bahawa dasar ini bukan sahaja sejajar dengan matlamat secara kolektif tetapi juga dapat mengelakkan daripada sebarang usaha yang tidak produktif dan kurang efisien.;

3. Seterusnya, perkara mengenai perancangan bandar. Perancangan bandar adalah sangat penting untuk memastikan pertumbuhan yang mampan, memperbaiki dan meningkatkan kehidupan dan pembangunan masa hadapan.

   Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian, telah didapati dan mendedahkan kekurangan infrastruktur untuk pejalan kaki, pertimbangan bagi *transit* pengangkutan awam seperti bas dan kemudahan untuk Orang Berkeperluan Khas dan OKU.

   Di kawasan-kawasan perumahan atau *residential.* Hal ini juga ada disebut dalam Bengkel *ASEAN Sustainable Urbanization Strategy* pada bulan Jun lalu iaitu lorong berbasikal dan laluan pejalan kaki di Negara brunei DDaruussalam dibangunkan secara *sporadic* dan tambah ada strategi yang *cohesive*.

   Ini menimbulkan persoalan tentang mengapa elemen kritikal ini diabaikan dalam perancangan awal bandar kita. Selain itu, apakah kemajuan yang telah dicapai sejak bengkel tersebut dijalankan?;

4. Seterusnya, melihat kepada sebahagian besar jumlah peruntukan untuk skim perumahan negara pada setiap tahun adalah sangat penting untuk menangani maklum balas penduduk mengenai *amenities* atau kemudahan bagi penduduk serta komuniti.

   Amenities merupakan *heartbeat* dalam hidup bermasyarakat bagi penduduk serta signifikan untuk mewujudkan suasana yang riang, bersatu dan *inclusive*.

   Mereka bukan sahaja dapat memantapkan kesejahteraan penduduk tetapi juga meningkatkan kesihatan fizikal dan ekonomi. Walau bagaimanapun, sangat jelas bahawa banyak kawasan rancangan

perumahan negara tidak dan kurang lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas dan *amenities* ini. Walaupun Kementerian Kesihatan memberi penekanan yang berterusan untuk sentiasa menjaga dan mengawal kesihatan dan didapati ramai penduduk telah mematuhinya iaitu dengan menjalani senaman fizikal seperti *jogging* serta kanak-kanak yang bermain di kawasan *motorist.*

Hal ini jelas memperlihatkan kurang selamat dan khas untuk aktiviti luar bagi para penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Kawasan ini telah menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan kanak-kanak di samping menggalakkan gaya hidup yang sihat; dan

5. Di samping itu, terdapat kekurangan infrastruktur yang sejajar untuk perkembangan sepenuhnya dalam mendorong keusahawanan seperti yang dinyatakan dalam inisiatif 1K1P.

   Kemunculan gerai di tepi-tepi jalan dan *homebase businesses* telah semakin meningkat dan ini memperlihatkan akan semangat keusahawanan dalam masyarakat dan penduduk kita.

   Walau bagaimanapun, dengan ketiadaan tapak strategik yang bersesuaian serta kawasan *high traffic,* bagaimanakah agensi-agensi lain di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi II berinisiatif untuk menyokong pertumbuhan dan perkembangan perniagaan-perniagaan tersebut secara berkesan?.

   Berdasarkan pemerhatian ini, seberapa kerapkah pihak keraajan menerima dan mengambil berat *input* orang awam ke dalam proses perancangan dan apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan skim perumahan negara dan perancangan komuniti yang bukan sahaja mencerminkan keperluan dan aspirasi rakyat kita tetapi juga menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong kehidupan masyarakat yang sihat, *entrepreneurial* dan sejahtera?

Sekian daripada kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّه kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat

Menteri Pembangunan berkenaan dengan perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 berkenaan dengan hala tuju dan perancangan Kementerian Pembangunan mengikut tempoh dan sasaran yang ditetapkan.

Penghijrahan warga kampung ke kawasan penempatan baharu seperti kawasan perpindahan perumahan negara ataupun rakyat jati adalah merupakan fenomena yang perlu kita terima dengan hati terbuka. Ini disebabkan kawasan penempatan baharu menjadikan prasarana yang serba lengkap dan lokasi yang strategik untuk semua kemudahan. Perkara ini lazim berlaku bukan hanya di negara kita mahupun negara-negara maju yang lain.

Sehubungan dengan itu, apakah pihak kementerian melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa mempunyai pelan-pelan strategik ke arah mempelbagaikan kawasan kampung termasuklah menggazet kawasan-kawasan tanah status komersial dan seumpamanya?

Dalam menangani isu Tempat Pembuangan Sampah yang tidak mencukupi serta berjauhan di kawasan-kawasan kampung, kaola ingin pencerahan mengenai penyediaan Tempat Pembuangan Sampah oleh pihak kerajaan.

Berapakah nisbah yang digunakan untuk satu Tempat Pembuangan Sampah bagi setiap kawasan pendapatan penduduk dan apakah perancangan masa hadapan ke arah meningkatkan kualiti tempat-tempat pembuangan sampah yang lebih sistematik?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan responsnya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan juga kaola dapat merujuk kepada soalan yang dibangkitkan tadi memandangakan ada 5 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan.:

1. Kaola merujuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub iaitu pertama merujuk kepada Projek RKN-12 dengan jumlah $261 juta dan persoalan yang dibangkitkan apakah sasaran kualiti sistem air di negara ini menjelang tahun Wawasan Brunei 2035 dalam keterjaminan air bersih kepada pengguna.

   Pada menjawabnya, perancangan jangka panjang projek-projek melalui peruntukan RKN yang dirujuk tadi seperti projek pembinaan menaik taraf infrastruktur yang sedia ada dan penggantian peralatan-peralatan di loji-loji rawatan di negara ini serta

usaha-usaha *review,* menilai semula reka bentuk dan proses rawatan air yang dipraktikkan selama ini.

Dalam memperbaiki proses rawatan air yang lebih berkesan dan lebih selamat, إِنْ شَاءَ اللهُ dengan siapnya projek-projek ini nanti akan dapat meningkatkan lagi sistem bekalan air yang lebih efektif dan lebih *reliable*.

Antara projek yang sedang berjalan dan akan dilaksanakan dalam RKN-12 nanti termasuk juga kerja-kerja yang telah dibuat dan sedang berjalan bagi RKN-11 iaitu pertama meningkatkan taraf loji-loji rawatan air yang sedia ada yang sudah beroperasi rata-rata kebanyakannya lebih 20 tahun seperti Loji Rawatan Air Layong, Bukit Barun, Loji Rawatan Air Badas di Seria dan Loji Rawatan Air Batang Duri, Temburong.;

2. Pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun peringkat 8 iaitu logi baharu yang pada masa ini masih lagi dalam pelaksanaan bagi menambah 120 juta liter bekalan air bersih kepada Daerah Brunei dan Muara dan Tutong bagi memenuhi permintaan yang meningkat menjelang tahun yang mendatang sehinggalah pada tahun Wawasan Brunei 2035.;

3. Menaik taraf Loji Rawatan Air Agis-Agis yang pada masa ini berkapasiti 36 milion *liters per day* untuk ditingkatkan penghasilan kepada kapasiti 72 milion *liters per day*, *double,* yang akan bermula pada bulan April 2024 dan dijangka siap pada bulan April 2026.;

4. Menaik taraf Loji Rawatan Air Batang Duri, Daerah Temburong yang akan memberi tambahan sebanyak 20 *million litres per day* dari 5 *million litres per day* yang ada pada masa ini, mengambil kira pertumbuhan di Daerah Temburong bekalan mencukupi jua bagi persediaan dengan siapnya beberapa infrastruktur baharu di Daerah Temburong nanti dengan tertubuhnya universiti tetap bagi UNISSA dan kemajuan yang lain yang dirancang di bawah Autoriti Kemajuan Daerah Temburong yang pada masa ini dikendalikan oleh Jabatan Daerah Temburong.;

5. Pengurusan *non-revenue water* bagi sistem bekalan air di Negara Brunei Darussalam Fasa 3. Inisiatif ini penting untuk mengurangkan pembaziran air dan mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh kerajaan akibat kebocoran paip-paip lama dan juga mengakibatkan pembaziran air.;

6. Kajian bekalan sumber air bagi Negara Brunei Darussalam sehingga tahun Wawasan Brunei 2035 dengan mereviu dan mengemaskinikan Pelan Perancangan Sistem Bekalan Air Negara dan memastikan kemajuan infrastruktur bekalan air selaras dengan kemajuan Brunei *Land Use Plan.;* dan

7. Satu lagi inisiatif yang sedang dirancang di jabatan ini ialah mendapatkan khidmat pihak ketiga yang boleh memeriksa dan menilai tahap kualiti air bersih yang dikeluarkan dari loji-loji air di negara ini selaras dengan *ISO standard* umpamanya *ISO 17025* bagi memperbaiki lagi keterjaminan kualiti air yang dihasilkan.

   Itulah jawapan mengenai persoalan keselamatan dan keterjaminan air. Merujuk kepada soalan kedua Yang Berhormat tadi iaitu perancangan untuk menyediakan sistem pembetungan di kawasan-kawasan tertentu khususnya di kampung-kampung yang disebutkan di Kampung Danau dan Kampung Telisai.

   Jabatan Kerja Raya mempunyai perancangan untuk melaratkan penyediaan sistem pembentungan berpusat ke kawasan yang pesat membangun atau *densely develop areas.* Penyediaan sistem pembentungan berpusat ini dilaksanakan secara berfasa mengikut kapasiti dan peruntukan yang ada memandangkan peruntukan bagi menyediakan sistem ini adalah peruntukan kewangan yang cukup besar.

   Bagi kawasan-kawasan yang pembangunannya belum padat seperti yang dibangkitkan tadi maka sistem tangki septik adalah sistem yang diiktiraf sesuai untuk digunakan seperti jua di negara-negara yang lain dengan kepadatan penduduk yang lebih kurang sama (*less dense areas).*

   Untuk makluman Yang Berhormat jua, sistem rawatan tangki septik dan sistem *software* ini, perlu diketahui jua, dibuat dengan keperluan pemeliharaan secara berkala. Ia bukanlah *maintenance free* bagi memastikan pengaliran air sentiasa berfungsi dan kualiti rawatan air najis tidak mencemarkan persekitaran dan adalah menjadi tanggungjawab tuan punya rumah untuk memastikan ia dibersihkan mengikut tempoh waktu yang bersesuian yang lazimnya ada ditetapkan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi izinkan kaola untuk merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Pertama kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas perkongsian pandangan dan cadangan dalam perkara yang dibangkitkan iaitu mengenai cadangan satu organisasi yang diiktiraf untuk meneliti kualiti produk-produk keluaran tempatan supaya dapat memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Ini adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, ia akan memerlukan pendekatan khusus dengan pusat *standard* kebangsaan dan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Pada masa ini terdapat barangan yang diuji dan diiktiraf oleh badan luar negeri seperti *SIRIM* yang disebutkan tadi dan adalah digalakkan orang ramai untuk memilih barang-barang yang telah disahkan kualitinya oleh badan-badan pengiktirafan seperti yang disebutkan tadi.

Selanjutnya kaola ingin menambah jua dalam persoalan yang dibangkitkan mengenai kualiti barang binaan bagi projek-projek kerajaan adalah menjadi satu kemestian untuk menggunakan produk-produk bahan asas binaan dan bahan binaan yang berdaftar dan diiktiraf di bawah Kementerian Pembangunan.

Produk-produk yang diiktiraf ini perlu Persijilan Pengiktirafan Kualiti seperti *ISO 9001* dan *ISO 14001* dan laporan ujian-ujian daripada makmal ujian yang diiktiraf.

Dalam pada itu jua, setiap jabatan pelaksana projek juga diperlukan untuk menyenaraikan keperluan spesifikasi seperti spesifikasi teknikal dan *standard* ke dalam dokumen-dokumen kontrak bagi bahan-bahan binaan yang akan digunakan mengikut skop keperluan projek yang juga termasuk keperluan bagi ujian-ujian ketahanan bahan yang diperlukan.

Setiap barangan yang dibekal dalam projek tersebut perlu membekalkan Sijil Ujian atau Sijil Pengiktirafan sebelum dapat diluluskan untuk digunakan.

Untuk makluman jua, Kementerian Pembangunan mempunyai inisiatif untuk menjadi ahli penuh dalam *Asia Pacific Accreditation Council (APAC)* dan dengan pengiktirafan ini nanti mana-mana makmal yang melaksanakan kerja-kerja ujian bahan asas binaan dapatlah diakreditasi dan didaftar untuk diiktiraf selaras dengan makmal-makmal yang diiktiraf secara antarabangsa.

Ini juga bertujuan untuk mengurangkan bebanan seperti *technical barrier* dalam aktiviti import dan eksport terutama sekali bagi bahan-bahan asas pembinaan dan akan dapat membantu dalam pengiktirafan barang-barang tempatan.

Mengenai persoalan terjadinya hakisan di sungai berdekatan dengan Rumah Panjang Kampung Teraja Mukim Labi, Daerah Belait. Terima kasih kepada Yang Berhormat tadi kerana mengongsikan aduan ini dan Kementerian Pembangunan akan mengarahkan Jabatan Saliran dan Pembetungan untuk membuat pemeriksaan ke sana nanti jika dapat memastikan terdapatnya risiko keselamatan ke atas Rumah Panjang tersebut daripada laporan aduan yang dibuat mengenai hakisan di sungai yang berdekatan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola kalau dapat mengongsikan jua sekiranya kalau ada perkara-perkara aduan ataupun kemaslahatan seperti ini supaya dapat diadukan terus kepada ketua-ketua jabatan di JKR, setelah beberapa siri

Permuzakarahan dan Silatur Rahim antara Kementerian Pembangunan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, 'kitani' telah mengongsikan nombor-nombor telefon *direct* kepada Pengarah Jabatan-Jabatan.

Jadi, supaya dapat platform ini dan *channel* ini digunakan sepenuhnya dengan melaporkan terus. Jadi, kalau ada sekiranya risiko-risiko keselamatan yang *urgent* dapat ditangani sebaiknya dan secepat mungkin.

Dalam perkara ini, selaras jua dengan saranan daripada Yang Berhormat Pengerusi tadi mana-mana perkara yang melibatkan perkara-perkara yang dapat diselesaikan di peringkat daerah, maka perkara ini dapat 'kitani' melalui *channels* perhubungan yang ada.

Selanjutnya, kaola mohon untuk merujuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Soalan pertama, daripada Yang Berhormat tadi ialah mengenai langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam memastikan aktiviti-aktiviti mengambil pasir menepati syarat-syarat yang disediakan dalam menjaga ekologi persekitaran.

Dalam perkara ini, seperti jua cadangan yang disampaikan dalam persoalan Yang Berhormat tadi, isu pencemaran alam sekitar ini adalah menjadi perkara yang diutamakan sebagai pemantauan dan tindakan kementerian.

Apalagi yang isu pencemaran yang melibatkan aktiviti-aktiviti pengambilan pasir di Sungai Paku, Telisai, Daerah Tutong ini.

Mengenai dengan *impact* yang terjadi daripada aktiviti pengambilan pasir ini, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRE) akan melaksanakan kerja-kerja pengorekan sungai khususnya di Sungai Telamba, Sungai Pepakan, Sungai Danau dan mulut Sungai Tutong yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini nanti.

Salah satu langkah yang dilaksanakan oleh kementerian ialah dengan menyediakan garis panduan penerokaan dan perlombongan kuari galian yang mengandungi syarat-syarat dan peraturan yang perlu diikuti oleh setiap pelombong pasir yang beroperasi.

Garis panduan ini akan menetapkan peraturan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti pengambilan pasir demi memelihara ekologi persekitaran. Setakat ini ada 7 buah syarikat yang membuat aktiviti pengambilan pasir tersebut dan sejauh ini, ketujuh-tujuh syarikat ini telah didapati melakukan kesalahan antaranya ialah kesalahan kerana tidak menyediakan *sediment control mechanism* yang menyebabkan banjir dan pencemaran air di sungai tersebut.

Kedua ialah pengambilan pasir yang tidak terkawal dan tidak berancang. Ketiga ialah aktiviti yang merosakkan infrastruktur kerajaan sekeliling

longkang, jalan raya dan *electrical pillar* yang terdapat di kawasan tersebut.

Ini adalah antara perkara yang telah dibuat amaran dan teguran kepada syarikat-syarikat berkenaan dalam memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan adalah teratur dan dapat memelihara dan perlindungan ke atas kawasan-kawasan dan habitat persekitaran tersebut serta harta benda awam yang terdapat di sana.

Buat masa ini, Kementerian Pembangunan sedang dalam usaha untuk merangka akta dan garis panduan yang lebih tepat dan fokus dalam membuat tindakan pemantauan dan penguatkuasaan serta pertimbangan denda yang dapat diambil kira bagi kesalahan-kesalahan dalam aktiviti *quarry* seperti ini, إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat diselesaikan pada penghujung tahun ini.

Soalan kedua yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat ialah mengenai cadangan pengemaskinian nombor rumah, penyediaan *flyover* disebabkan oleh keadaan *traffic* yang semakin padat dan membahayakan di kawasan berdekatan dengan Kampung Sengkarai. Pada ringkasnya jua, perancangan ini ada dibuat bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-13 nanti. Perkara ini ada sudah dibuat dalam susunan giliran bagi menangani kawasan tersebut.

Tetapi pada masa ini, jua Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, kaola akan mengaturkan supaya Jabatan Jalan Raya akan membuat pemantauan di jalan raya persimpangan tersebut bagi apa jua 'mangkali' kaedah-kaedah yang dapat memperbaiki keadaan sementara 'kitani' dapat merealisasikan perancangan bagi membuat *flyover* di jalan raya tersebut dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-13 nanti.

Seterusnya, kaola mohon Yang Berhormat Pengerusi untuk menjawab soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee iaitu soalan pertama mengenai kelambatan dalam mendapatkan *occupational permit* untuk pengubahsuaian dan memulakan operasi.

Dalam perkara ini, pertama, kaola ingin membuat pembetulan jua bahawa 38 hari yang disebut tadi adalah bagi 6 langkah atau peringkat dalam proses Permohonan Kemajuan iaitu 14 hari untuk proses Permohonan Kebenaran Perancangan, 14 hari lagi proses Permohonan Kebenaran *building approval*, 2 hari proses mendapatkan Kebenaran untuk Memulakan Kerja-Kerja Pembinaan, 1 hari untuk menguruskan Tarikh Pemeriksaan Bomba, 1 hari lagi bagi Pemeriksaan Bomba dan 7 hari bagi Permohonan *OP (occupational permit)*.

Jadi, semua ini merangkumi proses-proses 38 hari. Semua ini adalah proses dalam jabatan-jabatan kerajaan sahaja. Juga terdapat tindakan dari pemaju antara setiap langkah atau peringkat dan tempoh langkah-langkah ini tidak termasuk kerja-kerja pembinaan yang selalunya memakan masa yang lebih lama berbulan ataupun bertahun.

Mengikut pengalaman dan jua penelitian daripada *ABCi*, sebenarnya masalah ini bukanlah dalam permohonan mendapatkan *occupational permit*, yang selalu bermasalah yang melambatkan kemajuan ini ialah dalam proses-proses sebelum dapat menghadapkan permohonan *occupational permit ini*. Antara masalah yang sering dihadapi termasuk kerja-kerja pembinaan yang belum siap, pembinaan yang tidak mengikut pelan yang dibenarkan dan sebagainya.

Antaranya juga adalah setelah pembinaan-pembinaan yang dibuat dan siap tapi telah mengakibatkan kerosakan-kerosakan kepada infrastuktur awam. Terutamanya kerosakan terhadap jalan raya disebabkan semasa tempoh pembinaan tersebut dengan kereta dan jentera-jentera berat yang masuk, keluar masuk di kawasan berkenaan telah mengakibatkan jalan raya rosak antaranya ada yang rosak sangat teruk.

Di mana proses ini telah mengakibatkan aduan daripada jiran-jiran di kawasan tempat pembinaan ini dibuat dan juga menjadi syarat supaya jalan-jalan ini 'diusai' dahulu dan dibaiki semula sebelum *occupational permit* ini dikeluarkan.

Itulah juga kenapa perkara-perkara ini menjadi kelambatan untuk memastikan sama ada kontraktor dapat akur memenuhi peraturan-peraturan ini sebelum dikeluarkan sebagai syarat untuk mengeluarkan *occupational permit* tersebut.

Pada tahun 2023, *ABCi* menerima sebanyak 7,380 permohonan yang diproses mengikut giliran penerimaan permohonan. Bagi ketiga-tiga proses yang dilaksanakan di *ABCi* sahaja, jumlah peratus permohonan yang mencapai sasaran mengikuti TPOR hari bekerja mulai Julai 2023 adalah secara purata sebanyak 89%.

Dalam hal ini, sasaran kementerian adalah untuk mencapai 100% memenuhi sasaran, beberapa penambahbaikan sedang dibuat sejak tahun lalu termasuk juga menugaskan tambahan pegawai dan juga meningkatkan peringkat jawatan pegawai yang lebih sesuai untuk memproses permohonan-permohonan. Di samping itu juga, *ABCi* sedang dalam perancangan bersama agensi-agensi terlibat untuk meningkatkan lagi sistem permohonan melalui *One Biz.*

Antara aduan yang diterima mengenai sistem yang digunakan pada masa ini ialah ia memerlukan penambahbaikan supaya ia lebih *user friendly* dan permohonan secara *online* tidak dibuat 'berbalik-balik' atau berulang-ulang seperti yang kerap dibuat aduan. Jadi, إِنْ شَاءَ اللهُ sistem *upgrade* ini nanti akan dapat memperbaiki lagi keadaan ini untuk menjadi lebih baik.

Mengenai persoalan untuk meningkatkan penyelarasan yang berkesan antara Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri. Terima kasih atas cadangan ini dan juga perkara ini adalah perkara yang menjadi keutamaan yang penting dalam mendukung perkembangan sosio ekonomi negara.

Dari segi pembangunan infrastuktur dan guna tanah ini, kolaborasi menjadi asas kepentingan untuk membolehkan sesuatu rancangan itu berjalan dengan lancar dan sebenarnya kolaborasi ini memang wujud dengan baik sejauh ini.

Dengan kolaborasi yang ada melalui satu jawatankuasa yang telah diwujudkan umpamanya melalui Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan bersama dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjadi pengerusi bersama dengan kaola di Kementerian Pembangunan untuk merancang berapa perancangan yang melibatkan penggunaan tanah di negara ini.

Salah satu langkah yang telah dijalankan adalah seperti penyelarasan pelaksanaan kemajuan di Daerah Temburong, bagi membuka peluang pelaburan dan usahawan tempatan melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong, yang kini

telah diserahkan kepada agensi-agensi berkenaan bagi meneruskan perancangan dan pelaksanaan kemajuan di Daerah Temburong tetapi kolaborasi ini masih lagi relevan dan akan masih diteruskan antara Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan kementerian-kementerian yang lain.

Langkah-langkah kolaborasi ini adalah penting bagi penyejajaran dasar dan perancangan melalui platform Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan ini dalam merealisasikan potensi-potensi perniagaan dan perusahaan yang telah dikenal pasti di bawah Program *Government Land Lease* untuk dimajukan oleh pelabur tempatan dan juga pelaburan dari luar negara secara *joint venture.* Sebagai satu contoh yang dapat dikongsikan di sini misalannya ialah *Expression of Interest to Design, Build, Finance, Operate and Maintain Government Land at* Jalan Pemancha di Bandar Seri Begawan yang mana perkara ini telah dikeluarkan iklan.

Kementerian pembangunan telah menerima sambutan yang baik dari pemaju-pemaju untuk memajukan tapak-tapak di Jalan Pemancha berkenaan. Projek ini merupakan usaha kolaborasi bersama antara Kementerian Pembangunan bersama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Preview pelan-pelan perancangan guna tanah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 adalah antara langkah lain yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Antara objektif *preview* adalah untuk meneliti semula dasar dan strategi perancangan

guna tanah di peringkat kebangsaan, daerah mahupun setempat bagi mendukung usaha dalam meningkatkan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif. Ini termasuklah penelitian semula *Bandar Seri Begawan Masterplan* dengan kolaborasi bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Soalan ketiga daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ialah mengenai kekurangan infrastruktur kemudahan awam di kawasan-kawasan perumahan dan juga inisiatif perbandaran mampan melalui penggunaan *ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy.* Keperluan *infrastructure connectivity* juga turut ditekankan dalam garis panduan dan piawaian perancangan bagi kemajuan perumahan, perniagaan, industri dan lain-lain kemajuan lain yang ia adalah merupakan antara piawaian perancangan yang perlu dipatuhi dalam penyediaan.

Mana-mana Pelan Rancangan Kemajuan sesebuah bangunan atau projek sebelum ia diberikan kebenaran perancangan sebagai contoh keperluan untuk menyediakan ruang laluan "kaki lima" perlu mengikut saiz, kelebaran tertentu bagi memudahkan pergerakan orang ramai atau penggunaannya.

Selain itu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga berkolaborasi bersama Jabatan Jalan Raya untuk melaksanakan sebuah *pilot project* yang digelar sebagai *Pedestrian Masterplan* untuk menyediakan *connectivity network* atau rangkaian laluan bagi pejalan kaki di kawasan-kawasan komersial serta kawasan bangunan kerajaan yang terletak di Kompleks Airport Lama Berakas.

Mengenai bengkel *ASEAN Sustainable Urban Strategy* yang telah diadakan pada bulan Jun 2023, Jabatan Perancang Bandar dan Desa kini sedang menyediakan pelan tindakan sebagai persediaan bagi rancangan kolaborasi *sustainability project* bersama Universiti Brunei Darussalam untuk memperluaskan strategi *ASUS atau ASEAN Sustainable Urban Strategy* iaitu *localisation of strategy* melalui inisiatif perbandaran mampan.

Ini termasuk cadangan untuk bekerjasama dengan *UN Habitat* bagi mendapatkan bantuan kepakaran teknikal dalam tempoh pelaksanaan projek ini. *Sustainability* projek ini merupakan perkembangan dari projek *Pedestrian Masterplan* yang akan diperluaskan lagi untuk menghubungkan beberapa kawasan komersial menjadi sebuah *connectivity masterplan.*

Soalan yang ke-4 Yang Berhormat tadi iaitu mengenai kepentingan untuk menerima dan mengambil berat *input* orang awam dalam proses perancangan supaya perancangan yang dilaksanakan dapat mencerminkan keperluan aspirasi rakyat dan menyediakan infrastruktur yang diperlukan dalam menyokong kehidupan masyarakat yang sihat, *entrepreneurial* dan sejahtera. Terima kasih atas cadangan-cadangan ini, satu cadangan yang baik.

Dalam itu juga, sebagai *compliment to* cadangan ini, usaha-usaha yang dibuat Jabatan Kemajuan Perumahan dalam merancang kawasan perumahan lazimnya satu kajian dibuat lebih dahulu untuk menghasilkan *masterplan* atau pelan induk rancangan supaya prasarana dan keperluan sama ada dari segi keperluan kehidupan, ekonomi dan masyarakat diambil kira dan dirancang secara holistik mungkin, mengambil kira juga prasarana sedia ada di kawasan perumahan tersebut.

Jadi, dalam merancang pelan induk ini, perbincangan diadakan termasuk juga soal selidik dengan pihak-pihak yang relevan untuk memastikan sebanyak mungkin keperluan mereka diambil kira dan apabila pelan induk ini dibuat di peringkat akhir dan ia "kan dibarigakan" lagi, dibincangkan lagi untuk mendapatkan pandangan-pandangan mereka mengenainya.

Dan boleh dikatakan juga setelah proses ini dibuat, 'kitani' akan mendapat satu *masterplan* yang *ideal* tetapi disebabkan oleh beberapa perkara, pelaksanaan *masterplan* yang *ideal* ini perlu dibuat berfasa dengan peringkat-peringkat, mengikut adanya perkara-perkara yang *financial enablers* untuk 'kitani' membuat secara berfasa. Itulah antaranya, perkara-perkara ini ada yang sudah dibuat tetapi belum menampakkan juga infrastruktur-infrastruktur yang *ideal* yang telah diberi penekanan melalui proses-proses sosial *outreach* yang disampaikan tadi itu.

Mengenai kawasan *amenity* seperti kawasan riadah, Jabatan Kemajuan Perumahan ada yang telah menyediakan beberapa kawasan seperti di kawasan Perumahan Negara di Tanah Jambu, Rimba, Kampung Lugu dan Bukit Beruang dan perkara ini masih diambil kepentingan yang perlu untuk disediakan seterusnya.

Mengenai keusahawanan. Perusahaan ini mesti juga mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada supaya tidak menyebabkan masalah dan kesulitan kepada sesiapa lebih-lebih lagi jika melibatkan isu-isu keselamatan misalannya berjaja di tepi jalan tanpa mendapatkan kebenaran, adalah melanggar peraturan tanah dan membahayakan pengguna jalan raya. Dalam hal ini, kerajaan membantu dalam menyediakan tapak-tapak yang lebih sesuai kepada penjaja-penjaja secara kecil-kecilan ini.

Jadi Skim Peraturan Perumahan Negara tidak membenarkan perniagaan di kawasan perumahan kecuali di tempat yang telah disediakan. Ia bertujuan untuk menjaga keselamatan, ketenteraman awam dan kejiranan juga.

Sering mendapat aduan daripada orang ramai di mana ada kawasan perumahan yang menjalankan perniagaan sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas, banyak orang *parking* sehingga masuk menceroboh kawasan-kawasan perumahan jiran-jiran dan ada yang mengakibatkan kerosakan jalan raya dan

juga kawasan-kawasan taman jiran di sana.

Ini adalah antara perkara-perkara yang masih lagi ditangani, yang berlarutan disebabkan oleh tindakan-tindakan sebahagian daripada pemilik rumah yang menjalankan perniagaan di kawasan perumahan.

Dalam menangani masalah ini juga, Jabatan Kemajuan Perumahan pun *reach out* juga dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu di kawasan-kawasan perumahan tersebut, supaya dapat mengambil pertimbangan mengenai apakah tindakan yang lebih sesuai dalam menangani masalah ini dan juga memikirkan tempat-tempat yang lebih sesuai untuk dijadikan tapak yang boleh disediakan oleh kerajaan untuk menggalakkan mereka yang menjalankan usaha-usaha perniagaan di kawasan perumahan tersebut.

Kaola memohon maaf Yang Berhormat Pengerusi. Kalau dapat kaola meneruskan dengan jawapan seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Soalannya tadi, adalah mengenai tindakan kementerian untuk membandarkan kawasan kampung dan menggazetkan kawasan-kawasan tanah status komersial dan seumpamanya.

Melalui Pelan Pembangunan Daerah Tutong umpamanya, *Tutong District Plan 2005/2025*, Bandar Tutong dan Mukim Pekan Tutong untuk dikekalkan menjadi tumpuan utama pembangunan, keperluan untuk memperluaskan kawasan perbandaran sedia ada juga turut dikenal pasti.

Kedua, ialah bagi menjana kemajuan di kawasan kampung pula terutama sekali di kawasan luar bandar. Beberapa kawasan pusat pertumbuhan luar bandar telah dikenal pasti untuk dijadikan sebagai Pusat Pertumbuhan, umpamanya yang jelas ada usaha dibuat pada masa ini ialah bagi Pusat Pertumbuhan di Kampung Lamunin Menengah dengan keluasan 1,321 hektar, Pusat Pertumbuhan di Kampung Kebia 170 hektar dan Kampung Pak Bidang 207 hektar.

Strategi perancangan dan kemajuan guna tanah adalah untuk menyediakan kawasan-kawasan perumahan, perusahaan dan perniagaan bagi menarik kependudukan di kawasan-kawasan pertumbuhan tersebut.

Jadi, ini adalah contoh di Daerah Tutong. Jadi bagi Yang Berhormat tadi soalan itu mungkin juga hasrat pengkhususan ke Daerah Belait itu bolehlah juga 'kitani' berbincang nanti dalam kesempatan dengan perhubungan yang ada ini untuk apa perancangan-perancangan bagi kawasan-kawasan pedalaman di Daerah Belait nanti.

Mengenai persoalan yang kedua iaitu nisbah digunakan untuk satu tempat pembuangan sampah bagi setiap

kawasan penempatan penduduk dan perancangan masa hadapan ke arah meningkatkan kualiti tempat-tempat pembuangan sampah. Isu Tempat Pembuangan Sampah ini adalah sering dibangkitkan. Kerajaan dalam perkara ini telah membuat pelaburan dalam berjuta-juta *dollar* dalam memberikan perkhidmatan pengutipan sampah termasuk penyediaan Tapak-Tapak Pembuangan Sampah yang ada. Ini termasuklah juga kerja-kerja mengutip sampah dan membuang sampah-sampah ke Tapak Pelupusan Sampah di Sungai Paku.

Memang ada perkhidmatan-perkhidmatan pengambilan/mengutip sampah ini secara melalui sektor swasta yang pelanggan-pelanggannya membayar secara bulanan, di sebalik itu pihak kerajaan masih lagi menanggung perbelanjaan yang tinggi dalam usaha memastikan kebersihan melalui pungutan-pungutan dan pelupusan sampah ini.

Tempat-tempat pembuangan sampah dikendalikan oleh JASTRe yang dilihat di kampung-kampung seluruh negara berjumlah 44 tapak iaitu 12 buah tapak di Daerah Brunei dan Muara, 28 buah tapak di Daerah Tutong, 11 buah tapak di Daerah Belait dan 296 tong sampah di sepanjang jalan di Daerah Temburong.

Kerajaan juga menyediakan Perkhidmatan Kutipan Sampah rumah ke rumah secara percuma bagi penduduk Kampung Air, penduduk Kampung Batu Marang dan penduduk Kampung Sungai Bunga sebagai salah satu usaha dalam memastikan sampah tidak dibuang ke sungai dan memastikan kebersihan Sungai Brunei daripada pencemaran sampah.

Seperti yang telah dimaklumkan juga pada tahun yang sudah keadaan ini adalah tidak mampan dan kurang efektif kerana perbelanjaan kerajaan untuk pemeliharaan tapak dan prasarana dan kerja-kerja pengutipan sampah ini adalah kira-kira $1.3 juta setahun tidak termasuk belanja untuk mengutip sampah yang dibuang di merata tempat secara *illegal* oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Penempatan Tapak-Tapak Pembuangan Sampah yang disebutkan tadi adalah berdasarkan kepada keperluan dan penilaian yang dibuat bersama penduduk-penduduk kampung sendiri melalui perbincangan dengan ketua-ketua kampung dan penghulu-penghulu mukim dengan memilih tempat yang sesuai dan strategik bagi setiap keperluan bagi setiap kawasan penempatan.

Dalam usaha kerajaan untuk terus memberikan perkhidmatan yang baik, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) juga berusaha meningkatkan keupayaan antaranya ialah dengan menaik taraf beberapa Tapak-Tapak Pengumpulan Sampah di Daerah Brunei-Muara, Temburong, Tutong dan Belait seperti meluaskan kawasan, menambah *skip* sampah, manaik taraf keadaan struktur tapak bagi keselesaan dan keselamatan orang ramai

masuk dan keluar untuk membuang sampah, menambah kekerapan pengutipan sampah dan pembersihan kawasan tapak. Tapak-tapak di Daerah Brunei dan Muara juga menyediakan 13 buah mesin *Hydraulic Portable Electrical Waste Compacter* yang terkini dan canggih yang mampu menampung sampah sebanyak 15 *stamp* berbanding *skip* sampah biasa yang hanya muat bagi 5 muatan sampah sahaja.

Bagi menjawab apakah perancangan pihak kerajaan pada masa hadapan ke arah meningkatkan kualiti Tempat-Tempat Pembuangan Sampah yang lebih sistematik, perkara ini ada kaola menyebutkan dalam mukadimah iaitu 'kitani' ada perancangan untuk menubuhkan loji *incinerator waste to energy* sebagai langkah ke hadapan untuk menyelesaikan masalah perkara pelupusan sampah ini.

Di samping itu juga, usaha juga dibuat oleh Bahagian Undang-Undang untuk 'mengusai' dan mereviu peruntukan kuasa kepada JASTRe dan juga dalam mengawasi perkara-perkara yang melibatkan pembuangan sampah ini.
Mengenai projek jalan raya, kaola menyambut baik cadangan yang diberikan tadi mengenai usaha-usaha untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak dan perkara ini juga sebaiknya seperti yang disebutkan tadi supaya dapat terus dibuat aduan melalui *channels* 'kitani' yang sudah disediakan ini sama ada telefon terus menghantar mesej melalui *WhatsApp* jadi perkara ini dapat 'kitani' tangani dengan secepat yang mungkin tanpa perlu kita menantikan persidangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai kawasan-kawasan pedalaman di kawasan Merangking, Sukang dan Melilas Daerah Belait, kaola pada bulan Disember ada membuat lawatan ke kawasan ini dan sendiri melihat akan keadaan jalan raya di sana yang memerlukan pembaikan. Jadi, usaha sedang dibuat melalui satu *term contract* yang dibuat pada masa ini untuk memperbaiki jalan tersebut dengan mengambil beberapa *exception* yang terdapat susur tanah yang melibatkan jalan tersebut yang ada separuh daripadanya telah rosak dan tenggalam dan perkara ini akan memerlukan penelitian yang lanjut dalam mendapatkan *assessment* keperluan kerja-kerja yang perlu dibuat dan seterusnya juga akan menunjukkan beberapa peruntukan yang diperlukan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Mengenai jalan ini juga, pada tahun 2022 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan 2 projek pembaikan jalan secara *sectional* di kawasan Mukim Bukit Sawat dan Mukim Sukang sepanjang 1.04 kilometer Jalan telah dibaiki dengan *asphalt finish* manakala 1.6 kilometer jalan ditimbuk (ditimbus) dan diratakan menggunakan *crusher run* menggunakan batu-batu halus.

Pada masa ini, Jabatan Kerja Raya sudah memulakan kerja-kerja meratakan jalan di 3 mukim di Ulu Belait, kerja-kerja ini bertujuan sebagai kontrak penggal untuk

meratakan jalan-jalan yang rosak di sepanjang jalan pedalaman di Daerah Belait sebagai langkah ke hadapan untuk memastikan jalan raya dapat dilalui dengan lebih baik. إِنْ شَاءَ اللهُ Jabatan Kerja Raya akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan secara berterusan menggunakan Kontrak Penggal yang sedia ada ini.

Terdapat juga sebanyak 7 kawasan sepanjang jalan yang mengalami cerun-cerun yang runtuh yang peruntukannya dipohonkan bagi menangani di bawah Bajet Bencana Alam, 2 projek telah bermula pada bulan Februari manakala selebihnya masih lagi menunggu kebenaran.

Yang Berhormat Pengerusi, itulah jawapan atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi. Kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang suka membuat *intervention* berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee atas cadangan yang dikemukakan. Untuk menambah sahaja Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan dan Daerah-Daerah.

Sebagaimana juga yang pernah kaola sampaikan dalam mukadimah kaola tempoh hari, pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang mereviu Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan yang telah diluluskan pada tahun 2011, di samping menyemak Pelan-Pelan Daerah di daerah yang dikendalikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan yang bertujuan untuk menyejajarkan hala tuju Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan ini dan dengan mengambil w*hole of nation approach*, iaitu dengan menubuhkan jawatankuasa kerja di peringkat jabatan, buat pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi, yang melibatkan Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebagai *resource person*.

Sebagai tambahan juga Yang Berhormat Pengerusi, berkenaan dengan isu gerai di tepi-tepi jalan ini, sama juga pernah kaola sampaikan dalam mukadimah kaola yang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan dalam menangani isu gerai yang bertapak di tepi-tepi jalan ini. Sebagaimana yang pernah kaola kongsikan juga sebanyak 13 buah tapak tanah di seluruh negara telah pun disediakan melalui Majlis Perancangan Guna Tanah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, status terkini dua buah tapak tanah, satu di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong dan satu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri telah diwartakan di bawah Jabatan Daerah Brunei dan Muara. Pada 7 Mac 2024, gerai yang disediakan di Kampung Tagap telah mula digunakan dan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung dan Majlis Perundingan Mukim di Mukim Sengkurong.

Manakala 11 tapak lagi sedang dalam proses pewartaan dan tujuh tapak telah diberikan kebenaran *early development* oleh pihak Kementerian Pembangunan dan إِنْ شَاءَ اللهُ, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan di daerah akan mengusahakan tapak-tapak berkenaan bagi kegunaan orang-orang kampung berniaga. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana memberikan *input* tambahan kepada perkara-perkara yang dibincangkan. Kita sekarang meneruskan perbahasan dan saya mempersilakan pula Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kaola menyambut baik mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan berkenaan dengan perancangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Semoga ia dapat dilaksanakan dengan penuh berkesan dan efektif.

Kaola ingin menyentuh berkenaan Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Kaola menyuarakan berkenaan isu hak milik tanah jika ia dijual kepada pihak kedua melalui Perjanjian Bertulis dengan nilai mengikut persetujuan bersama. Penjualan ini dilakukan disebabkan tekanan hidup atau membayar hutang yang ditanggung. Pihak kedua telah tinggal di rumah berkenaan serta meneruskan pembayaran bulanan kepada pihak kerajaan mengikut jadual atas nama pemilik asal.

Berlaku situasi yang pemilik asal telah meninggal dunia dan mempunyai waris seorang anak lelaki yang sudah berkahwin dan memerlukan rumah untuk meneruskan kehidupan berumah tangga. Dalam pada itu, kaola ingin pencerahan mengenai isu ini:

1. Apakah pihak kedua mempunyai hak ke atas rumah berkenaan berdasarkan Perjanjian Bertulis yang telah dipersetujui?;

2. Jika pemilik tanah Skim Perumahan Negara atau Skim Tanah Kurnia

Rakyat Jati meninggal dunia, apakah waris pemilik berhak menuntut tanah dan rumah berkenaan sebagai pemilik yang sah?; dan

3. Apakah tindakan pihak kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Perumahan jika pemilik Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati menjual tanah berkenaan tanpa kebenaran ataupun pengetahuan pihak kerajaan?

Seterusnya, kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan Batu-Batu Penanda yang diletakkan di sepanjang jalan atau sempadan. Pada lazimnya, ia diletakkan pada setiap jarak satu kilometer atau 1.6 kilometer. Fungsi Batu Penanda adalah penting kepada para pengguna jalan raya sebagai rujukan dan petunjuk tentang kedudukan dan jarak perjalanan menuju destinasi yang dihajati. Memang diakui masa ini kewujudan batu-batu penanda ini sememangnya tidak diperlukan lagi disebabkan penggunaan aplikasi *map* atau perjalanan yang luas.

Walau bagaimanapun, ada sebahagian kawasan jalan-jalan yang ada terutama di kawasan di Daerah Temburong tidak mempunyai Batu-Batu Penanda dan ada kawasan-kawasan yang tidak menerima liputan *internet* dan *GPS*. Keberadaan Batu-Batu Penanda adalah penting jika berlaku sebarang kecemasan seperti kerosakan kenderaan, kemalangan jalan raya dan sebagainya. Dalam pada itu, kaola mencadangkan pemasangan Batu-Batu Penanda ini dapat diberikan perhatian tentang kepentingan dan fungsinya kepada orang ramai terutama di kawasan-kawasan jalan raya yang strategik.

Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan dan mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.
Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan untuk turut serta membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم.
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang cukup padat mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi mendukung perancangan dan pelaksanaan beberapa projek strategik kementerian dan juga pemeliharaan dan infrastruktur dan kemudahan yang sudah ada dan penjelasan yang begitu jelas atas soalan-soalan yang telah dikemukakan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Sebahagian besar peruntukan yang disokong ialah bagi Jabatan Kerja Raya di bawah Kod Akaun 1216 – Kemudahan Awam Untuk Urusan Melalui Jalan Darat Jalan Raya dan untuk projek-projek infrastruktur jalan raya iaitu sebanyak $144,830,758 yang telah diberikan. Seperti yang dinyatakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, terdapat *potholes* setiap kurang dari dua kilometer dan *pavement cracks* setiap kurang dari lima kilometer.

Pada masa ini, kerosakan hanya diperbaiki dengan menutup *potholes* dan *pavement cracks* tersebut yang akan rosak dengan lebih teruk dalam tempoh yang tidak lama. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dengan peruntukan ini dan dengan adanya kerja-kerja pemeliharaan secara *integrated* iaitu secara terancang dan berjadual, kerja-kerja pembaikan akan bertahan lama dan dalam jangka panjang menjimatkan kewangan.

Jabatan Kerja Raya mempunyai *Highway Maintenance Unit* yang mungkin fungsinya dapat diaktifkan semula sebab kalau dilihat dari luar, seolah-olah tidak ada aktiviti langsung kerana pejabatnya kelihatan sepi. Kaola mengambil maklum rancangan seperti dalam Kod Akaun 1216-008 - Menaik Taraf Jalan Daerah/Kampung (Batu Ke Aspal/Banjir) dan Kod Akaun 1216-010 - Membaiki Dan Menurap Semula Jalan-Jalan Aspal (Lebuh raya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) termasuk di sebahagian kawasan tidak pernah dinaik-taraf sejak ia dibina.

Diharap yang melaksanakan projek-projek ini, pertimbangan akan dibuat bagi kawasan-kawasan yang strategik dan kawasan-kawasan pedalaman yang bukan sahaja keselesaan penduduk setempat difikirkan tetapi kebergantungan mereka pada jalan raya yang ada yang selamat bagi menguruskan kehidupan seharian mereka.

Berkaitan dengan jalan raya ini, kaola ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan dan juga Autoriti Kemajuan Daerah Temburong sama ada mempunyai rancangan bagi rangkaian jalan raya Daerah Temburong ditambah memandangkan daerah ini akan menjadi pusat pertumbuhan (*growth centre*) pada masa yang terdekat. Hanya yang ada pada masa ini ialah rancangan menaik taraf jalan-jalan raya termasuklah jalan raya ke Batang Duri.

Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan penyediaan perumahan-perumahan negara kepada rakyat di negara ini. Beberapa projek perumahan sudah pun dirancang di bawah tajuk ini dan ini akan mengurangkan senarai yang ada sekarang.

Kaola ingin merujuk *indicator* Petunjuk Prestasi Utama tentang jumlah rumah

yang kosong yang belum diperuntukkan disebabkan mengalami kerosakan iaitu sebanyak 1,388 unit. Ini bukanlah angka yang kecil, أَلْحَمْدُ لِلّٰه sasaran pihak Jabatan Kemajuan Perumahan ialah untuk membaiki rumah-rumah ini supaya selamat didiami dan akan diagihkan.

Yang ingin kaola timbulkan di sini ialah bagi kementerian memastikan perkara ini tidak akan berulang dan bagi Jabatan Kemajuan Perumahan memastikan semua unit perumahan dalam kondisi yang boleh didiami apabila sudah diserahkan semasa penyerahan rumah itu.

Kita pada masa ini mempunyai satu projek yang sedang berjalan di Perumahan Negara Kampung Lugu yang pernah dilaporkan mempunyai masalah dengan pekerja-pekerjanya, diharap ini tidak akan menjejaskan tempoh siapnya dan juga kualiti kerja. Jabatan Kemajuan Perumahan mestilah bersikap tegas dengan kontraktor dan dipantau kerja mereka agar projek yang siap tidak *substandard*.

Ada beberapa persoalan mengenai perumahan ini yang ingin kaola sentuh di sini dengan izin Yang Berhormat Pengerusi.:

1. Berapa banyakkah tunggakan yang tidak berjaya dikutip? Ada sebahagian daripada penerima adalah dalam kategori golongan yang tidak mampu untuk membayar tunggakan. Bagaimanakah pihak kementerian akan menyelesaikan isu ini?;

2. Kementerian Pembangunan juga harus mengkaji kesesuaian, pengemaskinian polisi dan dasar dan syarat kelayakan mendapatkan rumah. Kaola berpendapat terdapat *loopholes* yang seseorang itu diberi perumahan tetapi nyata kemudiannya ia mampu memiliki tanah sendiri tanpa perlu memohon Skim Perumahan Negara ataupun Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Kadangkalanya rumah ini kosong tidak didiami oleh pemohon atau disewakan kepada atau dijual kepada orang lain.;

3. Kaola juga berpendapat kemudahan pembiayaan-pembiayaan rumah perumahan dari sesi kewangan dan kemudahan pinjaman kerajaan bagi kakitangan yang layak di dalam senarai pemohon yang telah dikenal pasti patut juga dipermudahkan untuk pemohon menggunakannya. Ini agar pemohon yang dikategorikan ini dapat membayar sendiri rumah yang mereka diami tidak perlu bergantung pada kerajaan.;

4. Seterusnya, kaola juga ingin supaya 'kitani' memikirkan bersama bagaimana pihak Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan khususnya mengurangkan kebergantungan pada kerajaan untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan STKRJ dengan penglibatan pihak

swasta dan melalui modal *Public Private Partnership (PPP).* Perkara ini sudah lama dalam pemikiran di Kementerian Pembangunan tetapi belum ada hasilnya.;

5. Seterusnya, kaola ingin pencerahan mengenai Skim Pengurniaan Tanah Rakyat Jati, adakah masih diteruskan? Kaola berpendapat dengan pengurniaan tanah ini mereka akan membangun rumah mereka tanpa membebankan kerajaan. Tanah-tanah di Daerah Temburong misalannya, kaola berpendapat adalah sesuai untuk diberikan dalam mempercepatkan kemajuan di daerah itu dan kawasan-kawasan ini akan dijadikan model untuk kawasan rumah yang akan datang. *We should be able to build housing model* di Daerah Temburong ini.; dan

6. Seterusnya, kaola ingin menimbulkan isu tanah yang dimiliki bersama oleh beberapa *owners* (tanah yang ada *multiple owners*). Tanah ini sukar untuk dimajukan jika salah seorang pemilik yang sama mempunyai kes undang-undang atau *legal issues* seperti *bankruptcy.* Setelah persetujuan kemajuan ditandatangani, apakah tidak ada sebarang solusi untuk pemilik-pemilik yang lain yang tidak ada masalah undang-undang untuk meneruskan kemajuan rumah tersebut daripada ia tergantung salah seorang daripada mereka mempunyai masalah undang-undang?;

7. Yang Berhormat Pengerusi, akhir sekali, kaola ingin meng*highlight the plight* ataupun permasalahan yang dihadapi oleh masa depan *professional consultant* tempatan dalam industri binaan. Pada masa ini *business environment* tidak *favourable* kepada mereka disebabkan pertama, kurangnya perbelanjaan kerajaan dalam *built-environment* dan kedua disebabkan *government procurement methods* dan juga peraturan dan prosedur kerajaan yang melambatkan pembayaran. Sebilangan daripada mereka masih menunggu bayaran atas kerja-kerja yang telah siap, setentunya ini akan menjejaskan projek-projek mereka seterusnya.

   Pada masa ini, bilangan mereka yang aktif semakin berkurangan dan mereka bimbang dengan kecenderungan pihak kerajaan yang menawarkan projek melalui *design and build* akan menyulitkan lagi keadaan mereka. Pada pandangan kaola dalam jangka panjang, ini akan merugikan negara. Sedangkan industri binaan telah dan masih dikenal pasti sebagai industri yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi, mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat melalui pembangunan prasarana dan kemudahan-kemudahan awam. Kaola ingin perkara ini dikaji oleh

Kementerian Pembangunan dan juga kementerian-kementerian yang berkenaan agar mereka ini yang berupa nadi kepada industri binaan di negara ini masih kekal memainkan peranan mereka dalam pembangunan fizikal negara dan pertumbuhan negara secara amnya.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hormatnya sukacita kaola lebih dahulu ingin merakamkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan kepada kaola untuk turut serta membahaskan Peruntukan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang menggariskan mukadimah mengenai peta jalan dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan 'diungkayahkan' mengikut strategik dan keutamaan yang dikenal pasti. Ini adalah juga bagi menjaga kesejahteraan, kebajikan dan kemakmuran rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh berhubung dengan isu perumahan. Berhubung dengan isu perumahan tidak dinafikan sesetengah keluarga dan individu khususnya yang sudah berumah tangga mempunyai pekerjaan sangat bergantung harap untuk mendiami rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui skim-skim perumahan apatah lagi yang sudah menunggu sekian lama sehingga berpuluh-puluh tahun dan senarai menunggu juga semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Kaola di sini juga, mengambil maklum sepertimana dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam pembentangan Tahun Kewangan 2024/2025 telah menjelaskan tentang projek-projek kemajuan perumahan yang ada pada masa ini sedang dalam proses dan juga inisiatif-inisiatif yang akan 'diungkayahkan' oleh Kementerian Pembangunan di beberapa kawasan perumahan yang telah pun dikenal pasti.

Berhubung dengan keperluan pembinaan perumahan seperti juga yang telah disentuh tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Kaola juga ingin menyentuh di sini, iaitu berhubung dengan keperluan perumahan yang sekian lama sekian meningkat dari semasa ke semasa, memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Adakah Kementerian Pembangunan telah mencapai sasaran 27% pemilikan rumah pada tahun 2023 seperti yang dinyatakan di Perancangan Strategik kementerian ini bagi tahun 2018 hingga tahun 2023?

Apakah strategi atau rancangan sama ada alternatif baharu bagi masa sederhana dan panjang selain skim-skim perumahan negara yang ada pada masa ini bagi menangani isu perumahan apatah lagi untuk mencapai Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan yang menyasarkan 85% pemilik rumah pada tahun Wawasan Brunei 2035.

Kaola berpendapat sepertimana juga diamalkan oleh negara-negara jiran di *ASEAN* sama ada di Singapura atau Malaysia yang sebahagian daripada projek-projek perumahan yang disediakan oleh kerajaan rata-ratanya telah pun diswastakan dengan tujuan mengurangkan bebanan kerajaan dalam menyediakan peruntukan dan membanyakkan lagi pembinaan perumahan yang *affordable* khususnya berpendapatan sederhana dan rendah. Misalannya sahaja, di Singapura, yang telah menubuhkan *Housing Development Board* sebagai Badan Berkanun *(Statutory Body)* tersebut yang berperanan menyediakan perumahan berkualiti dan *affordable,* iaitu mampu milik dalam persekitaran yang kondusif khususnya bagi masyarakat yang *vulnerable*.

Kaola berpendapat perkara ini haruslah diambil perhatian oleh Kementerian Pembangunan dalam sama-sama 'kitani' membanyakkan lagi perumahan-perumahan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam industri pembinaan, pembina atau *builder* dan kontraktor bertanggungjawab atas pengendalian dan pelaksanaan sesuatu projek sama ada projek kerajaan mahupun swasta. Memandangkan pembina dan kontraktor ini memainkan peranan, maka pemilihan pembina dan kontraktor yang pengalaman, berkualiti, berpengetahuan untuk mengendalikan suatu projek mesti diambil perhatian.

Kaola di sini ingin merujuk melalui laman sesawang *ABCi* seramai 1,745 pembina ataupun kontraktor yang berdaftar dengan *ABCi* sehingga tahun 2024. Di dalam buku Prosedur Pendaftaran Pembina dan Kontraktor Kementerian Pembangunan 2020 juga ada menggariskan syarat-syarat bagi

pendaftaran pembina yang antara lainnya menyentuh pemilik syarikat sekurang-kurangnya memiliki kelayakan kelulusan teknikal dalam bidang pembinaan atau sebanding dengan pengalaman berkaitan dalam bidang pembinaan.

Sehubungan dengan itu, memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, daripada jumlah tersebut 1,745 orang pembina yang berdaftar dalam *ABCi* berapa peratuskah atau berapa jumlahkah daripada jumlah keseluruhan pemilik kontraktor yang berdaftar mempunyai kelayakan dan kelulusan di bidang teknikal seperti yang dipersyaratkan dalam Buku Prosedur Pendaftaran Pembina dan Kontraktor Kementerian Pembangunan 2020?

Saya berpendapat kawalan pendaftaran bagi pembina dan kontraktor perlulah diperketatkan bagi kita bersama-sama menghindarkan disalah guna atau "dialibabakan" oleh mereka yang tidak berkemahiran dan berpengetahuan untuk menjadi pembina ataupun kontraktor di negara ini.

Di samping itu, dalam kita juga memastikan tahap kualiti pembinaan terjamin mengikut piawaian ataupun spesifikasi yang ditentukan dan juga bagi mengelakkan kerugian bukan sahaja di pihak kerajaan malahan juga orang ramai jika tidak mencapai tahap atau *standard* yang diperlukan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh di sini, iaitu arkitek jurutera profesional, jurutera kuantiti yang tidak berdaftar di negara ini. Dalam kita sama-sama memacu negara ke arah Wawasan Brunei 2035 yang menyasarkan Matlamat: Menjamin Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi; kita sentiasa peka dan bersedia untuk mempersiapsiagakan keperluan utiliti, kemudahan infrastruktur awam seperti Visi Kementerian Pembangunan: Penyediaan Persekitaran Terbina dan Berdaya Tahan yang Tersendiri bagi Meningkatkan Kualiti Kehidupan ke arah Pembangunan Negara yang Kondusif.

Profesion pembinaan seperti arkitek, jurutera dan juruukur bahan *(quantity surveyor)* adalah tulang belakang untuk merealisasikan visi ini kerana mereka kumpulan *professional* dilengkapi dengan pelbagai pendidikan, latihan, pengalaman untuk membimbing, memantau dan memastikan keseluruhan proses reka bentuk pembinaan sesuatu infrastruktur atau perumahan terjamin dalam keadaan yang memuaskan serta mengikut piawaian yang ditetapkan.

Sama seperti Lembaga Perubatan Brunei berperanan dalam mengawal selia doktor perubatan, doktor gigi yang menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam melalui pendaftaran mengikut Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi.

Profesion arkitek, jurutera *professional* dan juruukur bahan dikawal oleh sebuah badan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan *(BAPEQS Board)* yang perintahnya telah pun

dikuatkuasakan pada 2014. Dalam kata lain, kesemua profesion arkitek, jurutera dan juruukur bahan di negara ini dari sudut undang-undang mestilah berdaftar dengan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan. Dengan yang demikian *best practice* yang sudah ditetapkan standardnya oleh pihak lembaga sentiasa dipatuhi dan mudah untuk pihak lembaga mengawal yang tujuannya semata-mata memastikan tahap perkhidmatan dan kualiti terjamin.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat apakah soalannya?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Yang kaola ingin bangkitkan di sini Yang Berhormat Pengerusi ialah tentang pendaftaran ini. Koala membayangkan apa *scenario*nya Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Baiktah 'kitani' terus menyoal Yang Berhormat Menterinya, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Boleh saya teruskan Yang Berhormat Pengerusi? Apa yang ingin kaola ingin maksudkan di sini Yang Berhormat Pengerusi ialah tentang undang-undang *Section 14* ini menyatakan: Bahawa adalah dilarang untuk mengambil pekerja arkitek, jurutera atau juruukur bahan yang tidak berdaftar dengan lembaga ini dan mana-mana orang melanggar *Sub Section 1* adalah berkelakuan satu kesalahan dan boleh dikenakan sabit kesalahan denda yang tidak melebihi $2,000 bagi kesalahan pertama dan kedua $5,000.

Apa yang koala ingin merujuk di sini, kaola dapat maklumat dari perangkaan jumlah pekerja asing di bawah Lesen Pekerja Asing tahun 2022 dari Jabatan Buruh, iaitu seramai 490 orang yang berdaftar sebagai Jurutera dan 163 orang adalah berdaftar sebagai arkitek dan 131 orang terdiri daripada Juruukur Bahan jadinya maknanya di sini 497.

Secara tidak langsung mereka ini tidak berdaftar dengan lembaga tersebut. Ini adalah dikira melanggar etika pekerjaan seperti yang dikehendaki di bawah perintah tersebut. Kadang-kadang mereka ini bergegas sebagai *freelance.*

Sehubungan dengan itu, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhomat Menteri Pembangunan, berapakah jumlah sebenarnya mereka ini berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan? Adakah mereka yang tidak berdaftar ini dibolehkan memberikan perkhidmatan dan diiktiraf dalam profesion masing-masing di negara ini?

Dalam menjaga kredibiliti dan kualiti kerja segala projek pembinaan terpelihara dan terjamin, apakah langkah-langkah untuk memastikan

mengikut amalan terbaik mengikut profesion masing-masing seperti digariskan oleh Kementerian Pembangunan, apatah lagi untuk mematuhi peraturan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan yang telah dikuatkuasakan?

Yang Berhormat Pengerusi. Boleh kaola meneruskan? أَلْحَمْدُ لِلّٰه terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Apa yang difahami pada masa ini peraturan yang dikuatkuasakan oleh *ABCi* mensyaratkan mana-mana individu yang berhasrat untuk membangun rumah persendirian dikehendaki melantik beberapa orang *Qualified Persons*. Dari masa ke masa terdengar rintihan dan sungutan daripada orang ramai bahawa kos perkhidmatan *Qualified Person* tersebut adalah sangat tinggi sehingga mencecah sekitar $20,000. Ini adalah tambahan kepada kos pembinaan rumah.

Di samping itu, terdapat persoalan ditimbulkan mengenai peranan *ABCi* dalam pengawalan perkhidmatan yang disediakan oleh *QP* tersebut serta pemantauan ke atas kadar-kadar bayaran yang dikenakan oleh *QP*.

Ini sudah setentunya membebankan kos tambahan yang dirasai oleh orang ramai yang berkeinginan untuk membina rumah persendirian, khususnya golongan yang berpendapatan sederhana dan apatah lagi mereka berpendapatan rendah.

Kaola percaya dengan penuh keyakinan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lebih mirip untuk menggalakkan orang ramai membina rumah persendirian mengikut kemampuan tersendiri.

Ini adalah kerana kita juga dapat mengurangkan beban pihak kerajaan jika mereka ini memohon perumahan sama ada melalui Skim Perumahan Negara.

Kaola berpandangan adalah wajar jika pihak Kementerian Pembangunan, khususnya *ABCi,* mereviu atau mengenakan pengawalan bagi mengelakkan kadar-kadar yang dikenakan tidak terlampau tinggi yang boleh membebankan orang ramai dan seterusnya kemungkinan jika bersesuaian untuk diperkenalkan peraturan untuk mengawal kadar bayaran kepada *QP* ini.

Jika kita bandingkan dengan mereka yang mendapat skim perumahan, mereka ini adalah lebih istimewa dan tidak dibebani dengan pembayaran *QP* tadi untuk membina rumah dibandingkan dengan mereka yang membina rumah sendiri.

Setelah dalam hal ini, 'barangkali' pihak Kementerian Pembangunan dan seterusnya Yang Berhormat Menteri, adakah usaha pihak kementerian ini untuk memperkenalkan mekanisme kawalan harga yang kaola maksudkan ini?

Adalah sudah tibanya barangkali *ABCi* untuk berperanan secara lebih aktif untuk mempermudahkan dan mengurangkan bebanan bagi proses memiliki perumahan atas inisiatif mereka sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh di sini mengenai pemeliharaan, kebersihan dan kawalan di kawasan-kawasan komersial. Apa yang kaola ingin fokuskan di sini tentang jalan-jalan di berapa kawasan komersial seperti di kawasan Batu Bersurat, Menglait, Serusop dan Gadong, Daerah Brunei dan Muara yang sering mengalami kerosakan atau sudah rosak sejak sekian lama sehingga kerosakan tersebut menjadi kebiasaan bagi pemilik dan orang ramai yang mengunjungi tempat-tempat komersial tersebut.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه tidak dapat dinafikan ada beberapa kawasan komersial pokoknya persendirian mengambil inisiatif dan bertanggungjawab dalam memelihara dan membaiki jalan-jalan *access road* kawasan mereka dan juga menjaga kebersihan persekitarannya. Tanggungjawab tersebut dilaksanakan oleh pemilik-pemilik bangunan atau dikenakan bayaran kepada penyewa-penyewa oleh pengurusan bangunan tersebut. Di sini ada terdapat *grey area* atau tidak ketentuan tanggungjawab pada jalan-jalan rosak tersebut menyebabkan urusan kerja pembaikan jalan berkenaan mengambil tempoh yang terlalu lama ataupun lebih mendukacitakan, ia dibiarkan begitu saja seperti yang diperhatikan beberapa kawasan.

Kebersihan juga tidak memuaskan. Jika kita dibandingkan negara luar, amalan yang dipraktikkan kebiasaannya pemeliharaan jalan tapak persendirian di kawasan komersial dan kebersihannya adalah dipertanggungjawabkan bersama ke atas pemilik bangunan ataupun pemilik *strata title* di kawasan tempat secara *joint management body* atau *management cooperation*. Amalan seperti ini adalah sangat berkesan dalam mempertangunggjawabkan kepada pemilik-pemilik bangunan persendirian dalam bersama-sama menjaga pemeliharaan jalan dan pembersihan persekitaran yang berhubung kait dengan komersial masing-masing.

Sehubungan dengan itu, sukacita mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, adakah sebarang rancangan dalam senario ini dan sudah tiba masanya di negara ini jika sekiranya belum wujud undang-undang atau peraturan yang sama seperti diamalkan di luar negeri, untuk dipertanggungjawabkan memelihara, membaiki dan juga kebersihahan sekitar komersial yang berkenaan termasuk jalan raya sama ada menubuhkan *joint management* atau *joint cooperation*.

Kaola melihat ini amat penting bagi kita bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan kawasan di persekitaran berkenaan sentiasa berkeadaan baik dan

juga bersih dan bebas dari pencemaran alam sekitar di samping bagi keselesaan dan keselamatan orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola di sini ingin menyentuh berhubung dengan pelupusan sisa-sisa buang-buangan. Dalam memastikan kelangsungan hidup yang terjamin dengan mengekalkan kelestarian persekitaran yang berdaya tahan iaitu kehijauan, bersih, sihat dan selamat. Salah satu adalah kaedah pengurusan pembuangan seperti pepejal dan pelupusan sisa buangan termasuklah perindustrian *waste* dan juga penjagaan sisa *healthcare waste*.

Di negara ini, salah satu perkara yang menjadi kelaziman sejak sekian lama di negara ini adalah kaedah konvensional pelupusan sampah bangunan *landfill* sehingga ke hari ini. Di sini juga kaola mengambil maklum bahawa seperti yang telah pun disarankan semasa mukadimah, Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah pun juga memberikan penerangan bahawa ada dalam rancangan prasarana *incinerator system waste to energy* yang akan dijangkakan memulai operasinya pada tahun 2029.

Kaola ingin di sini mengambil perhatian iaitu memandangkan kepada risiko-risiko sisa penjagaan kesihatan *health waste* ataupun *medical waste* dan sisa perindustrian boleh membahayakan dan kesan risiko kepada manusia, haiwan, tanaman, makanan, sistem air atau unsur lain seperti pencemaran alam, maka dalam perkara ini sukacita mendapat pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan bagi aspek-aspek berikut:

1. Adakah rancangan prasarana *incinerator system waste to energy* yang dirancangkan ini termasuk sisa penjagaan kesihatan (*healthcare* ataupun *medical care)* dan sisa perindustrian iaitu *industrial waste*?;

2. Dalam *interim* pada masa ini, bagaimanakah tatacara pelupusan sisa penjagaan kesihatan *(health waste* atau *medical waste)* dan sisa perindustrian *(industrial waste)* dilaksanakan? Adakah ia dilaksanakan mengikut piawaian *standard* yang diiktiraf oleh *WHO* dan di manakah tempat pelupusan bagi kedua-dua sisa ini? Adakah ia dijamin dan disahkan oleh pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan tidak mendatangkan pencemaran, bahaya atau risiko-risiko?; dan

3. Sepertimana yang ditimbulkan di Dewan permesyuaratan yang lalu, kaola ingin penjelasan ataupun apakah perkembangannya setakat ini? Sudahkah diwujudkan peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi tatacara pengurusan dan pelupusan ketiga-tiga sisa berkenaan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola di sini juga ingin menyentuh mengenai *Government Assets in Infrastructure System*. Pelaksaan sistem pengurusan *(GAIS)* akan membolehkan kerajaan dapat melaksanakan sistem penyelenggaraan ke arah yang lebih mantap dan terancang untuk digunakan di peringkat kementerian-kementerian.

Ia dihasratkan untuk menyediakan satu sistem *integrated* yang bersepadu bagi pengurusan aset-aset kerajaan serta menyeluruh iaitu mengikut aset *life cycle* ataupun peralihan penggunaan, pemeliharan dan penghapusan untuk proses pemantauan dan pemeliharaan aset-aset kerajaan dengan lebih teratur.

Kaola difahamkan bahawa tahun 2017, projek-projek ini telah dibukakan tender dengan beberapa objektif utama. Dalam hal ini, kaola melihat skop adalah sangat dialukan dan baik. Walau bagaimanapun, kaola melihat ada memerlukan pakar-pakar bukan hanya dalam bidang *ICT* tetapi juga memerlukan penelitian dari segi undang-undang, *cost benefit analysis* dan sebagainya.

Dalam hal ini, kaola ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, apakah status perkembangan dan pelaksanaan projek ini? Adakah ia berjalan seperti yang dirancangkan atau adakah terdapat tekanan untuk melaksanakan projek ini? Bagaimana kementerian merancang dan memastikan bahawa projek ini dapat mendatang *impact* yang signifikan dalam mengukuhkan penjagaan aset dan infrastruktur yang lebih *cost effective.*

Kaola sekali mohon maaf, kalau sekiranya terlampau panjang, kaola menerangkan walau bagaimanpun, kaola akhiri dengan,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dengan mukadimah yang dibentangkan begitu jelas dalam menyediakan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 pada 5 Ramadan 1445 bersamaan 16 Mac 2024 yang lalu.

Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin membahas mengenai perkara-perkara dengan Jabatan Kementerian Pembangunan, Jabatan Kemajuan

Perumahan, Jabatan Tanah, Jabatan Perkhidmatan Air dan JASTRe iaitu:

1. Jabatan Kementerian Pembangunan. Pada sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2023, kaola pernah membangkitkan mengenai isu pelabur tempatan dan asing yang mengalami kesukaran untuk memajukan tanah kerajaan melalui *government land lease* disebabkan oleh dasar dan proses yang memakan masa yang lama, ini menjejaskan kecepatkan 'kitani' dalam perolehi hasil pendapatan negara dan pembangunan yang menjana kepada ekonomi negara.

   Kaola berterima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebelum ini, iaitu ada terdapat 26 tapak yang akan dikeluarkan *Expression of Interest* atau *Request for Proposal.* Setelah tempoh setahun, kaola ingin mengetahui apakah statusnya pada masa ini dan adakah prosesnya sudah dikemas kini supaya ia tidak memakan masa yang lama.

   Isu bagi Jabatan Kementerian Pembangunan ialah mengenai bangunan yang terbiar dalam erti kata yang lain yang sudah lama tidak digunakan disebabkan oleh sudah lama dan rosak teruk. Ada juga kaola mendengar yang bangunan-bangunan kosong ini didiami oleh orang-orang yang tidak berkenaan dan ini boleh jadi sarang kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

   Soalan kaola, adakah langkah-langkah atau perancangan Jabatan Kementerian Pembangunan untuk bangunan-bangunan ini dibukakan kepada pihak swasta untuk dimajukan seperti juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II melalui kaedah *PPP* atau adakah kawasan-kawasan bangunan itu dapat dibangunkan rumah untuk menampung jumlah perumahan negara yang pada masa ini diperlukan oleh rakyat di negara ini?;

2. Jabatan Kemajuan Perumahan. Pada sesi Majlis Mesyuarat Negara 2023, kaola telah mengemukakan mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan diubah entitinya kepada entiti korporat dengan hasrat peningkatan RPN yang ada pada masa ini untuk diteliti perubahannya kepada satu model yang lebih mampan dan boleh menjimatkan perbelanjaan negara.

   Walau bagaimanapun, nampaknya belum juga kaola mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai perkembangannya dan kaola percaya 'kitani' masih lagi dengan pendekatan yang sama yang ada pada masa ini memandangkan adanya peruntukan RKN-12 penyediaan perumahan-perumahan negara itu berjumlah $276 juta lebih.

   Jadi, kaola tidak akan membangkitkan lagi perkara

pengkorporatan ini sehingga ada perkembangannya nanti dan izinkan koala membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pendekatan RPN yang sedia ada. Walau bagaimanapun, isu Jabatan Kemajuan Perumahan yang kaola akan bangkitkan di Dewan mulia ini ialah:

i. Dengan Peruntukan RKN-12 berjumlah $276 juta lebih yang hanya dapat membangun rumah, rumah teres yang macam RPN Lugu sebanyak 1,600 buah seperti dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ini akan memakan masa selama 5 tahun walhal masih ramai senarai yang menunggu termasuk yang sudah menunggu berpuluh tahun.

   Soalan kaola, adakah langkah-langkah atau perancangan lain yang lebih kreatif dari Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memperkasa penglibatan syarikat swasta tempatan untuk melabur dan membantu kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan di samping mempercepatkan pembangunan rumah perumahan negara. Sebagai contoh, bolehkah dibangun rumah sebanyak 2,000 buah atau lebih daripada 1,600 ini dengan harga Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang diperuntukkan.;

ii. Perkara seterusnya yang ingin kaola bangkitkan di bawah jabatan ini adalah hasil dari perbincangan kaola dengan rakan-rakan 'seperumuran' beberapa bulan yang lalu. Mereka ini ada yang tinggal di rumah atas tanah sendiri dan ada yang tinggal di rumah Perumahan Negara STKRJ dan RPN yang disediakan oleh kerajaan.

   Dari kumpulan yang telah lama tinggal di kawasan Perumahan Negara STKRJ atau RPN, ada beberapa persoalan yang mereka bangkitkan dan cadangkan kepada koala antara lainnya ialah:

   a) Sudah lama mereka tinggal di RPN tapi belum pernah menerima surat dari Jabatan Tanah untuk membayar Cukai Tanah;

   b) Ada yang tidak menerima geran asal, hanya setakat salinan sahaja;

   c) Ada yang membangkitkan yang dulu rumah jenis banglo atas tanah dan mereka boleh tambah dengan bertambahnya ahli keluarga, tetapi sekarang hanya jenis rumah teres yang dibangun masa ini yang mungkin akan

sukar untuk menambah jika keluarga bertambah;

d) Ada yang menunggu berpuluh tahun, tidak dapat rumah, walaupun sudah menerima Surat Anugerah Rumah dan aduan ada yang didengar dan melalui *Facebook,* dulu yang memohon awal, tidak dapat tapi yang pohon lambat, dapat dulu sebab gaji mereka terlalu tinggi;

e) Ada yang menambah rumah 'seinggan-inggannya' dengan memakai kontraktor warga asing dan ada yang menambah itu sampai penuh kawasan tanah.; dan

f) Ada yang berminat untuk memajukan tanah-tanah kosong kawasan RPN yang sudah lama tidak dimajukan untuk dijadikan sebagai pusat komersial.

Jadi, dari 6 perkara ini, menimbulkan persoalan difikiran kaola dan setelah membuat penelitian, kaola teruskan dengan soalan atau cadangan kaola yang kedua dan seterusnya:

Mengenai mereka yang sudah lama tinggal di RPN dan belum bayar Cukai Tanah, kaola berpendapat ini mungkin isu proses dalaman antara Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Tanah. Secara logiknya, untuk mendapatkan Geran Tanah perlu maklumat lengkap datangnya dari Jabatan Kemajuan Perumahan ke Jabatan Tanah dengan penetapan tarikh-tarikh bilakah geran itu mula berkuat kuasa untuk memudahkan Jabatan Tanah mengira jumlah cukai yang perlu dikenakan. Kalaulah betul pendapat koala ini.

Soalan kaola:

i. Berapakah jumlah rumah yang belum berdaftar di Jabatan Tanah dari lebih 30,000 unit yang telah siap sejak dari dulu lagi.; dan

ii. Berapakah anggaran kutipan Cukai Tanah yang masih perlu dikutip dan apakah kutipan cukai itu bermula dari tarikh pendaftaran di Jabatan Tanah atau tarikh penerima itu menerima kunci? Jumlah ini adalah dikira hasil jabatan yang menyumbang kepada pendapatan fiskal negara.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola 'ani' ada juga 'menyacak-nyacak' kalkulator mengira jumlahnya kalau 'luruslah' anggaran kaola. Kalau sekiranya 10,000 rumah yang belum berdaftar

di Jabatan Tanah dan telah 20 tahun tinggal di rumah itu, hasil cukai yang sepatutnya dikutip sejak orang itu menerima kunci ialah sejumlah $2 juta bagi tanah yang cukainya $10 setiap suku ekar.

Ini kalau sekiranya semua 10,000 itu di luar kawasan bandaran. Kalau ada yang terletak dalam kawasan bandaran misalannya seperti Perpindahan Mata-Mata, ia boleh jadi lebih daripada $2 juta sebab cukai dalam kawasan bandaran ialah pada kadar $50.00 pada setiap suku ekar.;

iii. Mengenai menambah rumah yang 'seinggan-inggannya'. Usulan kaola, kalau dapat *design* rumah yang baharu itu nanti *design* yang *simple* dan mampu milik serta apabila hendak menambah pada masa akan datang *design*nya sudah disediakan *a pre-approved ABCi design.* 'Nda' lagi payah memohon ke *ABCi*.

Kaola percaya ini boleh mengelakkan tambahan yang keterlaluan di samping menjaga keselamatan penghuni dan kemaslahatan jiran 'subalah-menyubalah'. Kadang-kadang rumah di perpindahan itu bersayap 'bekiri bekanan' dan sebagainya.;

Mungkin juga kaola boleh buat usulan untuk isu rumah teres sahaja masa ini dan yang lama menunggu sebab gaji yang rendah. Cadangan kaola kalau dapat juga dipertimbangkan *design* rumah itu supaya ia mesra dengan bertambahnya ahli keluarga penerima itu.

Mungkin mula-mula *design* rumah yang *simple* dan murah tetapi apabila keluarga bertambah boleh ditambah mengikut cadangan yang kaola sebutkan di atas tadi. Mengapa kaola cadangkan yang *simple* dan murah itu ialah supaya ia jadi rumah mampu bayar bagi golongan yang rendah pendapatan dan kerajaan mungkin boleh membuat rumah lebih banyak dari sekarang ini.; dan

v. Mengenai tanah-tanah kosong dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) yang sudah bertahun-tahun tidak dimajukan oleh pihak kerajaan boleh ditawarkan kepada swasta untuk dimajukan dan hasil pendapatan dari pajak, sewa atau kongsi sama hasil itu boleh dikutip oleh kerajaan

melalui Jabatan kemajuan Perumahan dan ini akan barang setentunya menambah hasil kerajaan.

3. Jabatan yang seterusnya adalah Jabatan Tanah, sistem *online* tanah. Tidakkah ada pemikiran untuk memperbaiki sistem pangkalan data dan permohonan melalui *online* tanah bagi transaksi *online* Tukar Milik Pendaftaran Tanah dan sebagainya untuk diperkenalkan.
   Kaola percaya ini akan menambah keberkesanan dan mempercepatkan hasil kutipan dan boleh mengelakkan dari ketirisan kutipan hasil negara terutama kutipan hasil dari pajakan tanah kerajaan.

   Satu lagi cadangan Yang Berhormat Pengerusi, kalau sudah *online* 'bagus tah' di*push* 'tia' *SMS* macam Jabatan Pengangkutan Darat. *SMS* ini nanti tujuannya untuk mengingatkan pemilik tanah untuk membayar cukai setiap tahun sebab masa ini mengharapkan orang ingat sahaja agak sulit sedikit dan kadangkala ada yang membayar beberapa tahun terkumpul. Isu ini menjejaskan kutipan hasil kerajaan setiap tahun.

4. Jabatan Perkhidmatan Air. اَلْحَمْدُ لِلّٰه Syukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebanyak $226.6 juta telah diperuntukkan dalam RKN-12 bagi kerja-kerja penambahbaikan rangkaian sistem paip air utama dan tangki-tangki air serta penambahbaikan rangkaian sistem pembahagian bagi ke semua daerah dengan kawasan-kawasan yang terpilih termasuk Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

   Ini diharapkan akan dapat mengurangkan isu paip utama pecah atau bocor yang telah menjejaskan kesejahteraan rakyat sebelum ini. 'Kitani' juga bersyukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan adanya projek-projek termasuk kawasan tadahan dan sumber air yang akan dibangunkan yang boleh menghasilkan air untuk negara sehingga tahun Wawasan Brunei 2035 yang akan berjalan dengan lancar dan segala urusannya dipermudahkan oleh أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ . آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

   Kaola ucapkan syabas dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan warga-warganya serta agensi-agensi lain yang berusaha mengenainya.

   Kaola juga bersyukur adanya usaha-usaha menangani isu meter *(USMS) Smart Meter* yang telah menjadi persoalan kepada rakyat dalam beberapa bulan lalu iaitu mungkin disebabkan sistem dan alat itu sendiri yang telah dibaiki oleh syarikat yang bertanggungjawab atau ada kebocoran paip dalam kawasan rumah pemilik itu sendiri yang selama ini tidak disedari.

Kaola ada sedikit isu dari suara segelintir rakyat yang mengadu dengan terpasangnya *Smart Meter* di premis mereka ada juga isu dialami iaitu bil air dari Jabatan Perkhidmatan Air yang di*charge* beratus atau beribu ringgit walhal tidak ada kebocoran dengan paip dalam premis dan kemungkinan timbul dari masalah bil yang dikeluarkan dari sistem perkhidmatan air.

Kaola mohon pencerahan mengenai ini. Berkait dengan *Smart Meter* ini juga bilakah ia akan dipasang di bangunan jabatan-jabatan kerajaan? Pada tinjauan kaola apabila berkunjung ke pejabat-pejabat kerajaan yang tertentu termasuk apabila ke tandas semasa acara main bola. Maklum kaola 'gila bola'.

Kaola nampak terdapat kebocoran paip yang 'suak-suak' dan membazir air yang ada yang tidak dibaiki sekian hari dan sekian lama. Kaola percaya dengan dipasang *Smart Meter* ke pejabat kerajaan ini akan dapat lagi memastikan tidak ada pembaziran yang tidak terjaga.; dan

5. Yang terakhir ialah JASTRe. Yang Berhormat Pengerusi, perkara terakhir ini ialah mengenai JASTRe dalam soalan dan usulan kaola semasa sesi perbahasan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola ada menyentuh mengenai status pelancongan negara dan bagaimana tarikan-tarikan yang unik akan dapat menarik pelancong dalam dan luar negara yang melawat negara ini. Seperti yang kita maklum terdapat 10 atau mungkin lebih barangkali taman-taman dan pantai-pantai seluruh negara di bawah bidang kawalan JASTRe.

Usulan kaola supaya mana-mana taman dan pantai yang strategik lokasinya untuk digazetkan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membolehkan kementerian itu membukakan tawaran bagi kawasan-kawasan itu dan dimajukan oleh pelabur tempatan atau asing untuk dijadikan sebagai tarikan-tarikan unik yang kaola bahaskan sebelum ini.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola. Terima kasih juga diucapkan

kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang begitu komprehensif dan jelas mengandungi hala tuju, tumpuan pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan.

Kaola juga menghargai atas pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada hari Sabtu yang lepas terhadap soalan kaola kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai perancangan guna tanah di Daerah Temburong.

Oleh sebab ada beberapa isu yang telah pun dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini maka kaola hanya akan mengutarakan satu, dua persoalan sahaja dan mungkin satu saranan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.:

1. Lebih berupa saranan sahaja. Kaola perhatikan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah salah satu kementerian yang telah disediakan peruntukan yang dikira banyak juga dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Harga Rancangan yang diperuntukan adalah kira-kira $277 juta bagi Jabatan Kemajuan Perumahan dan kira-kira $457 juta bagi Jabatan Kerja Raya.

2. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola berharap projek-projek yang tersenarai dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 di bawah kawalan Kementerian Pembangunan ini akan menjadi pemangkin industri pembinaan bagi tempoh 5 tahun mendatang dan akan menyuntik semangat dan nafas baharu kepada pihak-pihak yang berkepentingan, terutamanya yang bergiat dalam sektor ini. Kaola berharap projek-projek ini akan dilaksanakan dan disiapkan menurut jangka waktu yang telah ditetapkan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

   Dalam pada itu, kaola ingin menyarankan supaya diperkukuhkan peraturan bagi meningkatkan lagi penglibatan *local business development* dalam industri pembinaan ini.

   Di samping itu, pemantauan yang telus dan kukuh perlu juga dilaksanakan bagi memantapkan *compliance* terhadap standard industri ini. Latihan-latihan kompetensi dan *skill enhancements* juga perlu diadakan bagi anak-anak tempatan yang terlibat dalam industri pembinaan dari semasa ke semasa.;

3. Perkara ini telah banyak dibangkitkan oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai perumahan negara. Tapi kaola akan menyentuh dari aspek ataupun perspektif yang mungkin berbeza sedikit tapi nampaknya *the aim* jua menjurus kepada perkara-perkara yang sama.

   Seperti yang dimaklumi, kewangan yang diperuntukkan untuk pembinaan perumahan ini nampaknya banyak $277 juta. Tapi

kalau dikira, pemohon-pemohon yang memohon bagi perumahan ini adalah begitu banyak juga yang senarai menunggu nampaknya adalah dalam 11,000 orang.

Jadi, kalau kita mengira dari segi peruntukan yang disediakan $277 juta ini hanyalah boleh menampung kira-kira 3,000 buah rumah dalam jangka waktu 5 tahun yang akan datang. Ini bermakna terdapat jurang yang begitu besar bagi memenuhi pembinaan perumahan dalam kategori harga yang *affordable* dan berpatutan.

Dalam pada itu, harga hartanah yang dibina oleh pihak swasta pada masa ini adalah masih tinggi. Di negara-negara lain, pasaran rumah adalah salah satu petunjuk pertumbuhan ekonomi. Ini kerana penyediaan perumahan ini sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pihak swasta dan dibantu oleh institusi kewangan bagi menyediakan pinjaman pembinaan mahupun *end financing*nya. Ia akan memberikan *spin-off* yang positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Berasaskan faktor-faktor ini dan perkara-perkara yang telah disentuh oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, kaola rasa isu-isu penyediaan perumahan ini akan memerlukan kaedah-kaedah yang baharu yang bukan sahaja perlu ditangani oleh Kementerian Pembangunan malahan kepada agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan institusi-institusi kewangan di negara ini untuk sama-sama bekerjasama menyediakan perumahan yang *affordable* kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Ke arah itu, kaola seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain juga memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai strategi ataupun *options* yang berpatutan dan *viable* yang telah dirancang oleh Kementerian Pembangunan khususnya dan agensi-agensi yang berkaitan secara amnya dalam menangani isu penyediaan perumahan secara holistik.; dan

4. Yang terakhir ialah mengenai pemeliharaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien. Sebagaimana yang kita sedia maklum, jambatan ini telah pun dibuka dan mula beroperasi kira-kira 3 tahun yang lalu. أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada awal pembukaannya, mungkin ia tidak memerlukan pemeliharaan begitu banyak.

   Namun, dalam jangka waktu sederhana dan jangka panjang, sudah setentunya perbelanjaan pemeliharaan ini akan meningkat dari setahun ke setahun. Kalau kaola tidak silap, menurut perkiraan pegawai-pegawai teknikal, jumlah yang diperlukan ialah kira-kira 1% daripada kos keseluruhan pembinaan jambatan, iaitu kira-kira $16 juta setahun.

Di samping itu, di bawah Kod Akaun 1216/014 - Jabatan Kerja Raya, terdapat juga projek pemasangan *Bridge Health Monitoring System (BHMS)* bagi jambatan ini yang kaola rasa perlu juga dipelihara secara berterusan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai langkah ke hadapan Kementerian Pembangunan, mungkin Kementerian Kewangan dan Ekonomi, untuk menjana hasil tambahan bagi menampung perbelanjaan pemeliharaan ini khususnya yang kaola percaya ia akan memerlukan penelitian yang mendalam sebelum ia diperkenalkan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sementara Yang Berhormat Menteri Pembangunan meneliti jawapan-jawapan yang akan mungkin dikemukakannya terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh 5 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan ataupun membuat pertanyaan-pertanyaan, saya ingin menangguhkan dulu mesyuarat kita ini selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sebelum kita berehat sebentar tadi, masih membahaskan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan.

Kita telah pun mendengar soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan respons dan seterusnya penjelasannya terhadap soalan-soalan yang dikemukakan.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Setelah mendengar beberapa soalan yang diutarakan tadi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang dibangkitkan adalah kebanyakannya perkara-perkara yang kaola ambil sebagai perkara-perkara yang besar, isu-isu perumahan, isu-isu yang melibatkan industri pembinaan, isu-isu yang melibatkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan dan jua yang banyak menghambat sentimen masyarakat kerana perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan keperluan dan kehidupan 'kitani' dalam masyarakat 'kitani', lebih-lebih lagi

perkara ini adalah perkara yang menjadi tanggungjawab dari segi perkhidmatan yang diberikan dalam jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Maka memandangkan persoalan-persoalan ini ada yang *cross cutting* dari segi isu-isu yang melibatkan pemeliharaan jalan raya, isu-isu perumahan, isu-isu pembinaan, isu yang melibatkan pelaburan dalam langkah ke hadapan untuk memperbaiki cara dan kaedah dalam 'kitani' membuat reformasi-reformasi seperti yang dicadangkan itu.

Jadi, kalau dapat kaola mencadangkan supaya perkara-perkara ini dapat diperhalusi untuk mempersiapkan jawapannya supaya ia lebih kepada memberikan ketepatan, jawapan-jawapan yang diperlukan daripada persoalan yang dibangkitkan itu dengan beberapa senario yang diutarakan itu. kalau dapat, kaola akan menyediakan ini *to be segmented based on the big subject* itu macam perumahan dan jua perkara-perkara pelaburan yang difikirkan dan usaha-usaha yang pernah dibuat dan jua perkara-perkara lain melibatkan jalan raya dan infrastruktur dan utiliti-utiliti yang lain, jadi, kalau dapat kaola memohon ruang untuk menyediakan jawapan itu secara 'bertulis' dan juga akan dihadapkan dan kalau boleh jua untuk dimasukkan dalam *hansard* nanti.

Itulah permohonan kaola Yang Berhormat Pengerusi, kecuali ada soalan yang lebih ringkas yang boleh dijawab tadi mengenai pemilikan tanah di bawah Skim Perumahan Negara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir tadi itu.

Antaranya ialah apakah kalau orang itu sudah meninggal dunia, jadi adakah warisnya mempunyai hak ke atas rumah berkenaan berdasarkan "perjanjian bertulis" yang telah dipersetujui dan jika pemilik rumah menjual rumah itu adakah penjualan rumah itu dapat diiktiraf?

Pada menjawabnya, perkara ini adalah penting dan perlu jua diperjelaskan secara ringkasnya. Inilah antara soalan yang dapat dijawab kalau dibandingkan dengan perkara-perkara yang *very generic* daripada soalan-soalan dibangkitkan tadi itu.

Sebenarnya dengan persoalan ini, pemilik-pemilik tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara yang didapati menjual tanah dan rumah adalah jelas telah melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Jika pemilik tanah dan rumah telah meninggal dunia, waris boleh menuntut tanah dan rumah berkenaan dengan menghadapkan permohonan Tukar Milik kepada Jabatan Kemajuan Perumahan mengikut syarat-syarat Tukar Milik yang telah ditetapkan oleh jabatan berkenaan.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengambil tindakan kepada pemilik-pemilik tanah dan rumah yang didapati menjual tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan

Negara seperti menarik balik tanah dan rumah berkenaan. Itulah secara ringkas yang dapat disampaikan mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan.

Jadi, seperti yang kaola sampaikan tadi, kalau dapattah dengan izin perkara ini akan dibuat lebih teratur dengan menyediakan jawapan "bertulis" yang akan dihadapkan kemudian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, saya tidak ada halangan mengenai cadangan Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan 'barangkali' ada baiknya kita teruskan, dalam senarai saya ada lima orang lagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyoal dan besar kemungkinannya ada juga soalan-soalan ini berkait dengan perkara-perkara yang sudah ditimbulkan yang disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebagai soal-soal besar yang dihadapinya.

Jadi, untuk tidak membuang masa lagi, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola tidak ada soalan yang besar yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kaola ada dua subjek sahaja Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai pengurusan sisa, iaitu *waste management*. Kaola ingin menekankan isu penting mengenai pengurusan sisa di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih kepada pihak kementerian atas usaha untuk menangani pengurusan sisa termasuk inisiatif seperti kempen setiap hari tanpa beg plastik dan projek loji *waste to energy incinerator* yang dirancang akan bermula beroperasi pada tahun 2029.

   Namun pada masa ini, Negara Brunei Darussalam masih menghadapi cabaran dalam pengurusan sisa. Menurut Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam mukadimahnya, data kadar penghasilan sisa negara yang terkini adalah 1.2 kg *per capita* sehari, iaitu kedua tertinggi selepas Singapura dalam kalangan negara *ASEAN.*

   Tapak Pelupusan Sampah Sungai Paku juga diramal bahawa kapasitinya penuh akan dicapai menjelang tahun 2030 dengan kira-kira 500 hingga 600 tan metrik sisa di*deposit*kan setiap hari. Pengurusan sisa yang tidak mencukupi

menimbulkan cabaran alam sekitar yang signifikan termasuk kes rumah "hijau" yang menyumbang kepada perubahan iklim masa depan dan risiko kesihatan.

Oleh itu, kaola menyarankan agar pihak kementerian meningkatkan infrastruktur dan memperkasa perkhidmatan kitar semula di Negara Brunei Darussalam untuk menangani cabaran pengurusan sisa dengan berkesan:

i. Apakah inisiatif-inisiatif khusus yang dijalankan oleh kementerian untuk menurunkan kadar penjanaan sisa sebenar di Negara Brunei Darussalam dengan mengambil kira sekadar semasa 1.2 kg per kapita sehari pada tahun 2023?

ii. Adakah terdapat program atau kempen yang disasarkan yang bertujuan untuk mengurangkan pengeluaran sisa seperti menggalakkan amalan penggunaan lestari *(sustainable consumption practices)* atau memberi insentif kepada usaha pengurangan sisa dalam kalangan industri dan isi rumah?

Adakah kementerian membuat penyelidikan dan pembangunan *(R&D)* ke atas Pelan Pengurusan Sisa Negara *(National Waste Management Plan)* yang komprehensif untuk Negara Brunei Darussalam?

Cadangan kaola, memandangkan projek loji *waste to energy incinerator* ini ada dua kelebihan, iaitu menangani isu pengurusan sisa yang semakin meningkat dan mengambil alih kebergantungan tenaga pada minyak dan gas sebanyak 8 megawatt. Kaola sarankan supaya projek ini dipercepatkan memandangkan Tapak Pelupusan Sampah Sungai Paku yang 'menampuh' 90% daripada sisa negara akan mencapai had kapasitinya lebih awal daripada yang dijangkakan pada tahun 2030.;

iii. Kementerian mempertimbangkan pembinaan loji kitar semula yang canggih dan menyeluruh. Dengan membangunkan kemudahan ini, Negara Brunei Darussalam tidak hanya dapat mengurangkan tekanan terhadap tapak pelupusan sisa yang semakin penuh tetapi juga mempunyai peluang untuk menghasilkan nilai tambah ekonomi melalui *export* bahan kitar semula. Menegakkan undang-undang yang lebih ketat dalam pengurusan sisa untuk mengalihkan bahan buangan yang tidak dapat dikitar semula dari tapak pembuangan sisa.;

iv. Meningkatkan kempen kesedaran awam di media sosial untuk mempromosikan amalan pembuangan sisa yang betul termasuk pengasingan sisa terutama di peringkat rumah tangga.

v. Memberi insentif kepada pihak perniagaan untuk mengamalkan amalan pengurusan sisa yang mampan dan orang-orang yang mengitar semula.; dan

vi. Yang terakhir, mewajibkan kitar semula *(recycling bin)* di tempat awam termasuk bangunan kerajaan dan swasta. إِنْ شَاءَ اللهُ kaola yakin Negara Brunei Darussalam dapat menjadi peneraju dalam pengurusan sisa di rantau ini, memperlihatkan komitmen terhadap kelestarian alam dan memberikan contoh bagi negara-negara lain dalam *ASEAN.*;

2. Yang kaola ingin bangkitkan Yang Berhormat Pengerusi, mengenai keterjaminan air *(water security).* Kaola juga ingin mengusulkan beberapa cadangan dan mengajukan beberapa soalan mengenai keterjaminan bekalan air Negara Brunei Darussalam.

   Mengenai keterjaminan bekalan air yang mencukupi di Negara Brunei Darussalam, kaola berpendapat ini juga adalah keutaman yang penting bagi negara. Usaha menyeluruh diperlukan untuk menangani cabaran dalam bekalan dan permintaan air.

   Negara Brunei Darussalam menghadapi pelbagai cabaran berkaitan dengan bekalan air temasuk kesan perubahan iklim seperti kemarau *extreme* atau hujan berterusan. Gangguan bekalan tenaga elektrik juga menjejaskan bekalan air negara. Walaupun usaha dilakukan untuk menyediakan akses kepada air bersih kepada semua, masih terdapat kebimbangan tentang penurunan kualiti air, baik disebabkan oleh perubahan dalam keadaan air mentah atau keadaan sistem pengedaran air yang uzur.

   Usaha kementerian dalam membersihkan bekalan air yang mencukupi telah diiktiraf secara global. Inisiatif seperti '*Brunei Darussalam Towards Water Security* 2021-2035' menunjukkan komitmen terhadap pengurusan air yang cekap dan mampan. Untuk menangani cabaran ini, perlu ada perancangan *hydrology* yang telus dan integrasi analisis kos dan pendapatan dalam perkhidmatan air.

   Ini akan memudahkan pembangunan metodologi tarif dan dasar yang berkesan yang dapat merangsang pengguna untuk menggunakan sumber secara cekap termasuk penggunaan komersial, sebagai contoh syarikat pengangkutan air yang kian meningkat perlu diadakan tarif penggunaan air dengan lebih strategik dan menyumbang secara adil kepada kos perkhidmatan air.

   Untuk memastikan kelestarian kewangan dalam rawatan air sisa, penting untuk menyelaraskan pendapatan perkhidmatan dengan kos operasi penyelengaraan dan modal. Dengan menggalakkan

penggunaan air dan strategi penggunaan semula melalui tarif, kita dapat mengimbangkan penurunan bekalan air bersih.

Dengan matlamat strategi ini, kita dapat menjaga bekalan air yang mencukupi di Brunei untuk generasi akan datang. Kerjasama antarabangsa dan usaha bersama adalah kunci untuk memastikan akses yang berterusan kepada air bersih untuk semua penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kaola ingin mengajukan beberapa soalan:

i. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyediakan peruntukan bagi mengendalikan proses rawatan air mentah secara efisien, menangani aduan ketiadaan air dan masalah air dari sumber lain termasuk merancang untuk melaksanakan proses desalinasi pada tahun Wawasan Brunei 2035 seperti yang digariskan oleh kementerian dalam '*Brunei Darussalam Towards Water Security* 2021-2035'?;

ii. Bagaimana Kerajaan Negara Brunei Darussalam mengendalikan isu *non-revenue water* terutama setelah laporan menunjukkan terdapat bahawa sebanyak 33% ke 45% air yang dirawat hilang dari saluran air negara pada tahun 2021. Adakah terdapat data terkini yang menunjukkan penurunan dalam jumlah kehilangan air ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan negara dari kerugian ini?

Mohon pencerahan juga mengenai Projek Perancangan dan Pengurusan *Non-Revenue Water* bagi sistem bekalan air di Negara Brunei Darussalam Fasa 3, di bawah Kod/Akaun - 1220/009. Apakah projek ini dianggap sebagai langkah yang efektif bagi menangani isu *operation loss* dalam sistem bekalan air kita. Adakah terdapat penurunan baki tunggakan air di negara ini selepas pelaksanaan *Unified Smart Metering System (USMS)* dan apakah kesannya terhadap pengurangan tuntutan tunggakan air yang masih banyak di negara ini? Adakah kerajaan merancang untuk mengkaji semula sistem penentuan harga air di negara ini khususnya untuk sektor pertanian dan industri dengan bertujuan merangsang inovasi dan penjimatan dalam penggunaan air negara ini?; dan

iii. Apakah pelajaran yang dipetik oleh kementerian daripada gangguan bekalan air akibat gangguan bekalan tenaga elektrik pada bulan Oktober 2023. Adakah terdapat proses penilaian semula bagi *business continuity*

plan bagi bekalan air bersih di negara ini untuk mengelakkan kejadian serupa daripada berulang dan bagaimana kesan terhadap langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kebolehpercayaan sistem bekalan air dalam jangka panjang?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ .
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Kaola mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pembentangan mengenai inisiatif kementerian pada hari Sabtu yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menurut statistik Banci Penduduk dan Perumahan dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik pada tahun 2021 terdapat seramai 44,711 orang Warga Emas iaitu yang berumur 60 tahun ke atas dan 7,024 orang yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 Kelainan Upaya di negara ini. Golongan ini adalah sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai hak dan peluang yang saksama untuk menjalani kehidupan yang kondusif dan bebas halangan *(barrier-free)* bagi pergerakan yang lebih mudah, menggalakkan integrasi sosial dan memberikan mereka peluang untuk lebih berdikari dalam komuniti sebagaimana anggota masyarakat yang lain, meskipun memiliki kelainan fizikal dan keupayaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Inisiatif menaik taraf kemudahan-kemudahan awam telah banyak dilaksanakan oleh pihak kementerian. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola bersyukur atas inisiatif-inisiatif ini.

Namun kemudahan-kemudahan yang tersedia bagi memudahkan akses-akses ataupun pergerakan golongan Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya di negara ini masih pada tahap yang rendah. Contohnya, seperti laluan-laluan atau laluan pejalan kaki yang luas untuk pengguna kerusi roda mengakses tempat-tempat seperti tempat tarikan awam, riadah dan pelancongan untuk mereka berurusan di bangunan-bangunan kerajaan, swasta dan komersial contohnya atau ke institusi-institusi pendidikan dan rumah-rumah ibadat (masjid). Ini termasuk juga kemudahan tandas-tandas awam dan kemudahan mengakses pengangkutan-

pengangkutan awam. Akibatnya, golongan ini menghadapi cabaran yang mengehadkan pergerakan mereka dalam masyarakat kerana prasarana yang sedia ada kurang menyokong keperluan fizikal dan keupayaan mereka.

Di negara-negara maju, kerajaan telah memberikan komitmen yang tinggi dan mengutamakan keterangkuman *(inclusivity)* dalam penyediaan infrastruktur yang memberikan hak dan peluang yang sama kepada semua golongan masyarakat untuk mewujudkan kestabilan sosial dan persekitaran kondusif yang boleh diakses sepenuhnya oleh semua pihak tanpa mengira keistimewaan ataupun keupayaan mereka. Ia juga sebagai tarikan kepada pelancong-pelancong yang memerlukan bantuan *accessibility* ini.

Berkaitan itu, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai kemudahan-kemudahan *accessibility* ini yang ada di negara ini dan perancangan kementerian mengenainya.

Sebagai langkah utama ke arah *inclusivity* dan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesaksamaan semua pihak, kaola juga sukacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan meneliti dasar-dasar yang sedia ada dan mempertimbangkan untuk menguatkkuasakan peraturan reka bentuk yang inklusif dengan penyediaan kemudahan - kemudahan yang menyokong *accessibility* bagi golongan seperti yang kaola nyatakan tadi yang istimewa itu sebagai salah satu syarat utama dalam pembinaan bangunan-bangunan dan tempat-tempat awam yang baharu di negara ini.

Untuk pihak Kementerian meneliti bangunan-bangunan yang sedia ada, sama ada bangunan kerajaan, swasta dan komersial serta tempat-tempat awam dan pengangkutan awam yang sedia ada di negara ini dan merancang penambahbaikan untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan ini yang bersesuaian mengikut reka bentuk yang sedia ada.

Penyediaannya bolehlah dibuat secara berfasa dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak kementerian berdasarkan penelitian berkenaan. Ketersediaan kemudahan *accessibility* ini mencerminkan pemerhatian pihak kerajaan terhadap kesejahteraan semua rakyat tanpa mengira peringkat umur dan status keupayaan mereka.

Di samping itu, ia juga akan mempromosikan negara sebagai salah satu destinasi pelancongan yang mesra bagi semua golongan termasuk Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola merujuk kepada Tajuk SK03A-Jabatan Kerja Raya dan menambah isu-isu yang dibangkitkan oleh beberapa

rakan Ahli Yang Berhormat tadi. Pertambahan jumlah penduduk dan kenderaan yang pesat di negara ini selaku pengguna jalan raya terutama di laluan-laluan utama telah mengakibatkan kesesakan pada setiap hari khususnya pada waktu-waktu puncak. Keadaan ini akan betambah berat ataupun teruk lagi apabila berlaku kemalangan dan ada kerja-kerja pembinaan dilaksanakan di laluan-laluan berkenaan.

Dalam hal ini, kaola sukacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan membuat kajian menyeluruh mengenai sistem dan infrastruktur jalan raya dan perancangan bandar di negara ini mengambil kira pertambahan jumlah pengguna dan kenderaan yang semakin tinggi serta sistem pengangkutan awam yang terhad di negara ini.

Hasil kajian hendaklah menetapkan dasar-dasar dan tindakan ke hadapan untuk menambaih baik keadaan semasa sistem dan infrastruktur jalan raya ini dengan memberikan penekanan terhadap keperluan untuk menyediakan laluan khas bagi kenderaan-kenderaan kecemasan seperti ambulans yang sering kali terjejas atau tersekat dalam kesesakan jalan raya dan mengakibat kelambatan dan dalam masa yang sama membahayakan juga pengguna-pengguna yang lain.

Kaola juga sukacita mencadangkan supaya kerja-kerja pembinaan atau penambah baikan yang tidak *urgent* untuk dilaksanakan pada waktu-waktu di luar waktu puncak atau contohnya pada waktu malam misalannya, tertakluk kepada tempoh masa kerja-kerja berkenaan dilaksanakan.

Begitu juga untuk memastikan bekas-bekas kerja pembinaan yang dibuat supaya tidak ditinggalkan begitu sahaja oleh kontraktor-kontraktor sehingga mengakibatkan kesesakan yang berganda daripada biasa dan menjejaskan banyak pihak seperti kenderaan kecemasan, penjawat-penjawat awam dan swasta serta pelajar-pelajar sekolah.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah dan tahniah atas usaha-

usaha yang dijalankan kementerian serta arah tuju Kementerian Pembangunan.

Kaola sebenarnya tidak akan berpanjang lebar kerana isu-isu yang akan kaola bangkitkan ini sudah disentuh dengan panjang lebar oleh teman-teman Yang Berhormat tadi seperti isu *ABCi* dan Jambatan Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien.

Walau bagaimanapun, kaola akan menyentuh sedikit mengenai Jambatan Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien ini kerana ia melibatkan pelaburan yang melebihi $1 bilion. Jumlah pelaburan ini adalah sangat besar. Jambatan ini juga sering digunakan oleh kenderaan asing kerana model yang disediakan oleh jambatan ini membuat jarak perjalanan lebih pendek dan dapat mengurangkan masa perjalanan ke destinasi yang berkenaan.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, adakah kerajaan akan mengenakan caj tol ke atas kenderaan asing seperti juga *ASEAN Friendship Bridge* di Sungai Baram, Miri, Sarawak, Malaysia?

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: أَلْحَمْدُ لِلّٰه, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
الحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى النَّبِيِّ ٱلْمُصْطَفَى
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَاقْتَفَى

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah diberikan pada hari Sabtu yang lalu mengenai hala tuju yang difokuskan Kementerian kepada Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola ingin menyuarakan keluhan-keluhan penduduk Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu khususnya yang tinggal di Jalan Binglu Barat dan Binglu Selatan. Mereka ini harus menempuh 12 kilometer untuk balik semula ke persimpangan RPN Tanah Jambu iaitu mengunakan *U-turn* berdekatan dengan Pusat Tingkatan Enam Meragang melalui *highway* Muara-Tutong iaitu hala tuju Tutong-Muara dan balik semula melalui hala tuju Muara-Tutong iaitu jalan alternatif ini mereka gunakan untuk mengelakkan kesesakan jalan.

Kalau mereka menggunakan Jalan Muara akan mengambil masa yang lama untuk sampai ke rumah masing-masing terutamanya semasa pulang kerja pada hari-hari bekerja. Perkara ini telah disuarakan melalui media massa iaitu *Borneo Bulletin* artikel yang dibuat pada 19 April 2023.

Kaola juga menyentuh keluhan pemandu kereta ambulans melalui *Whatsapp,* mereka menerangkan jalan yang mereka

tempuh terlalu jauh untuk sampai ke rumah yang tertentu di Jalan Binglu Barat atau Binglu Selatan untuk merespons panggilan kecemasan, sehingga ada pesakit yang tidak mendapat pertolongan. Kaola ingin pencerahan sahaja, jika ada perancangan-perancangan untuk mengatasi keluhan berbagai pihak ini. Itu sahaja, sekian semoga bermanfaat.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Salam sejahtera dan salam Ramadan Mubarak kepada semua.

Lebih dahulu terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kaola laluan untuk ikut memberi serta membincangkan Peruntukan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pencerahan dan penerangan berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju tumpuan dan keutamaan Kementerian Pembangunan.

Kaola maklum bahawa terlalu banyak soalan yang telah disoal dan mungkin soalan kaola akan menambah lagi soalan-soalan yang perlu dijawab.:

1. Di bawah Kod 003/000 - Pengurusan Industri Pembinaan yang berobjektif untuk memastikan keselamatan diutamakan dengan mematuhi peraturan dan piawaian. Isu yang ingin kaola bangkitkan ialah mengenai *technical whistleblowing* dan perlindungan mereka. Bayangkan bangunan flat mesti dirobohkan selepas 5 tahun sebab *struktur* besi dalam tiang berkarat. Bayangkan jalan raya berlubang besar disebabkan *foundation* yang tidak cukup padat. Bayangkan pencemaran dari sisa toksik yang dibuang di tempat awam yang tidak berpenghuni.

   Ini senario kerosakan teknikal yang bukan sahaja boleh mengakibatkan kerosakan harta benda dan mencemarkan alam sekitar tetapi juga boleh mengakibatkan kehilangan jiwa. Isu serupa ini dapat dielakkan jika orang yang mengetahuinya membuat intervensi awal dengan membuat laporan aktiviti-aktiviti dalam organisasinya yang mungkin menyalahi piawaian

dan tidak mengikuti standard atau *SOP* kepada agensi yang sepatutnya.

Ada orang dalam organisasi mengetahui akan aktiviti-aktiviti yang meragukan dalam organisasi mereka tetapi tidak tahu di mana atau tidak mahu menyuarakan atau takut dikatakan dalang dan diambil tindakan disiplin.

Sebagai susulan perbincangan tahun lalu, kaola berpendapat sudah masanya kementerian meninjau semula perkembangan berkaitan isu pengaduan dan perlindungan yang perlu diberi kepada yang melibatkan tingkah laku yang tidak beretika dalam organisasi.

Keperluan untuk mengamalkan etika profesional dalam setiap bidang pekerjaan bukanlah sesuatu yang baharu tapi dalam konteks kejadian-kejadian kemalangan industri dan isu-isu yang merugikan masyarakat, harta benda dan institusi adalah penting untuk menekankan pentingnya etika profesional dalam kerja.

Etika profesional menuntut individu-individu dalam profesi mereka untuk bertanggungjawab dalam setiap peringkat projek dari fasa reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan hingga penyelesaian projek demi memastikan keselamatan awam, alam sekitar dan harta benda.

Tambahan pula penting bagi individu profesional untuk melaporkan sebarang aktiviti dalam organisasi-organisasi mereka yang mereka anggap meragukan atau berpotensi membawa kesan negatif kepada manusia, alam sekitar dan harta awam. Bagi yang berani bersuara melaporkan organisasi yang melakukan aktiviti yang diragui *(whistleblower),* mesti diberi perlindungan.

Pertanyaannya, mohon 'dibarigakan' jika prinsip etika profesional dan garis panduan memberi perlindungan kepada *whistleblower* ini telah dijadikan sebagai etika kerja.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Saya kurang pasti apa yang dibincangkan sekarang?.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Kaola ingin bertanyakan jika ada undang-undang yang akan diperuntukkan dalam Kementerian Pembangunan untuk mem*protect*, melindungi *whistleblower*?

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi apa maksudnya *whistleblower* yang 'kitani' kan *protect*? *Whistleblower* 'macamana', adakah maksudnya orang itu akan mengeluarkan *divulge government secret* ataupun apa? Setiap pegawai diperlukan untuk menandatangani satu dokumen yang menyatakan bahawa ia sebagai seorang pegawai, ia tidak boleh mengeluarkan apa-apa juga yang didengarnya dan diketahuinya yang

bertentangan dengan peraturan kerajaan, yang bertentangan dengan rahsia yang harus dijaga. Jika sekiranya ia mengeluarkan sesuatu yang bertentangan dengan rahsia kerajaan, maka tidak ada *protection* yang boleh diberikan kepadanya.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Yang kaola maksudkan di sini Yang Berhormat Pengerusi ialah *technical whistleblower* yang mengetahui profesional dalam agensi-agensi…

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira perkara yang pernah terjadi di luar negeri yang tidak ada terjadi ataupun tidak mungkin terjadi di negara kita, tidaklah kita jadikan sebagai sesuatu drama di tempat kita. Saya tidak fikir perkara seperti ini boleh berlaku.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Yang Berhormat Pengerusi, kaola *have a different opinion* sebab….

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau tidak perlu, janganlah kita bawa ataupun 'kitani' bincangkan dalam Dewan ini. Melainkan kita mempunyai bukti yang nyata bahawa sesuatu perkara telah terjadi, sesuatu yang "meletup" yang mengakibatkan hilangnya nyawa ataupun hilangnya harta benda kerajaan. Itu yang harus di*protect.* Barangkali yang mengetahui soal itu yang dimaksudkan *whistleblower* ini tadi? Saya tidak tahu apa keadaan yang sebenarnya.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: *Whistleblower* yang kaola maksudkan di sini Yang Berhormat Pengerusi ialah orang yang mengetahui standard yang sepatutnya dibuat dalam membuat kerja tapi tidak diikuti dan tidak disuruh ikuti…

Yang Berhormat Pengerusi: *We are not living in a perfect world*, tidak ada satu *organisation* yang kakitangannya adalah orang yang *perfect,* melainkan 'kitani' mempunyai robot, *A.I* sekarang. Semuanya *perfect* berjalan. Jikalau manusia memang ada, memang 'kitani'… Dia tidak bersetuju dengan ketuanya 'macam-macam' timbul. Ia tidak bersetuju dengan *section head,* juga macam-macam timbul.

Jadi, apabila timbul sesuatu maka tuduh menuduh akan menular. Walau bagaimanapun, perkara seperti itu akan disiasat menurut peraturan-peraturan yang berjalan. Jadi, bagi 'kitani' memberitahu sekarang kepada khalayak ramai *we will protect whistleblower*. Ertinya 'kitani' mengakui terdapatnya perkara-perkara yang salah berlaku dalam kerajaan, yang orang akan mengeluarkan secara *secret* perkara-perkara yang tidak sepatutnya dikeluarkan kepada khalayak ramai. Apa yang terjadi di negara-negara barat itu terpulanglah kepada mereka. 'Inda payah kitani ikut-ikutan' dalam soal itu.
Saya kira apa yang terjadi kepada siapa namanya, Australian atau ujian yang sekarang ini sudah lingkup di London dan *whistleblower* yang dituntut oleh Amerika Syarikat ketika ini, itu tidak menjadi 'ikut-

ikutan' kepada 'kitani'. 'Inda payah kitani' soalkan perkara seperti itu.

Saya kira panjang lebar sahaja 'kitani' merundingkan 'kedia' yang mungkin tidak mendatangkan sesuatu kepada 'kitani' sendiri. Jadi, tumpukanlah *please* perhatian 'kitani' kepada apa yang harus 'kitani' lakukan, apa yang harus 'kitani' pertimbangkan yang di depan 'kitani'.

Saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat sebab mengganggu 'mangkali' *thoughts* ataupun pemikiran apabila membuat saranan-saranannya. Tetapi, saya kira sebagai orang yang lebih tua daripada yang lain-lain di dalam Dewan ini, saya kira saya mempunyai tugas untuk 'mengetuk' bahawa perkara yang tidak mungkin berlaku dan kita mempunyai undang-undang tertentu, maka harus kita jalankan.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas teguran. *Just to clarify* bukan kaola berhajat untuk memberi *protection* kepada orang-orang yang mengeluarkan *secret* kerajaan, tapi adalah etika profesional. Jadi, kaola tutup perbincangan atas nasihat Yang Berhormat Pengerusi.

1. Pengurusan projek pembangunan prasarana perumahan, skim perumahan. Banyak telah dikatakan tentang isu ini. Kaola maklum setakat ini, ada lebih 11 ribu permohonan dalam Skim Perumahan Negara yang telah pun disokong layak masih menunggu giliran dan ada lebih 60 ribu permohonan, betulkan kaola kalau silap, yang masih dalam proses penilaian dan setiap tahun beribu-ribu anak muda, keluarga baharu memohon perumahan.أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Sekitar 2,000 buah rumah siap diserahkan kepada rakyat yang bertuah memiliki rumah subsidi di bawah kerajaan. Isu yang sering dibangkitkan di dalam Dewan ini dan yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat rakan sejawatan, bagaimana untuk meningkatkan kuantiti, tingkatkan banyaknya rumah siap setiap tahun dan juga kualiti dari segi reka bentuk, keselesaan ruang yang mampu dibiayai dengan perbelanjaan tawaran kerajaan yang tersekat.

Cadangan kaola ialah untuk menilai beberapa *financing model* untuk menjana projek berterusan dan cara pembayaran bulanan perumahan bolehlah dibuat dan dikenalkan segera dan memastikan *affordability* (kemampuan) dan kelestarian *(sustainability)* dari pihak kerajaan untuk meningkatkan dan mempercepatkan lebih banyak lagi rumah dalam skim perumahan dan juga menjadikan pelbagai model pembayaran balik oleh penerima yang berbeza mengikut kemampuan dalam jangka waktu dan jumlah yang bersesuaian agar skim perumahan berjalan lancar.

Kaola juga difahamkan saiz rumah di bawah skim ini dalam 120-130 meter persegi dan tapak tersekat adalah sebab fakta kemampuan kerajaan menjadikan tapak dan rumah dalam bajet yang terhad. Adakah pelan untuk mereviu kesesuaian reka bentuk yang sedia ada dengan mengambil imbal balik dari orang-orang yang pernah tinggal di rumah teres, rumah kembar bertemu dan ada rumah bertemu dapur, akan kesesuaian reka bentuk rumah demikian dengan ciri 'calak' orang Brunei? Perihal *extension* bertambah yang tidak seimbang dan tambahan itu ada menyebabkan insurans rumah tidak dapat dibaharui.

Cadangan kaola, mungkin sudah masanya untuk menilai keperluan penubuhan badan induk seperti yang telah disarankan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di sini yang bebas, ala *housing development board* yang bertanggungjawab untuk merancang dan membina perumahan dalam Skim Perumahan Negara yang bertugas antara lain menyediakan perumahan yang selesa dan model reka bentuk yang bersesuaian mengikuti 'calak' orang Brunei termasuk mencari menjana dana dan juga membuat kutipan pembayaran.

Agensi ini juga bolehlah dipertanggungjawabkan untuk memberi khidmat ala *housing estate management* memastikan persekitaran skim perumahan sentiasa dikawal dan dipantau agar sentiasa selamat, segar, sesuai sebagai tempat perumahan dan tidak menjadi tempat terbiar. Ahli-ahli *housing development board* ini bolehlah dianggotai oleh ahli-ahli profesional yang telah bersara dari agensi-agensi kerajaan dan badan swasta yang tidak ada berkepentingan untuk mengelakkan timbulnya *conflict of interest.*

i. Mohon pencerahan jika ada pelan untuk 'membarigakan' model perkampungan baharu Skim Perumahan Negara dan pelan rancangan daerah untuk meminta imbal balas daripada orang awam, ahli swasta dan agensi kerajaan sebelum ia dibina.; dan

ii. Kebanyakan tanah di Daerah Belait adalah tanah kerajaan atau digazet di bawah kawalan untuk meneroka minyak atau hutan simpan. Tanah persendirian sangat terhad untuk pembinaan rumah *private* menyebabkan harga tanah tidak mampu dijangkau oleh *young professional* dan keluarga muda.

Adakah ura-ura untuk kerajaan membuka lebih banyak tapak tanah dibukakan untuk perumahan persendirian tetapi dibina di atas Skim Penganugerahan Tanah untuk membolehkan membina rumah persendirian dengan dana sendiri atau *loan* perumahan yang diambil sendirian?

Ini akan meringankan beban kerajaan untuk membuat perumahan untuk *young professional* yang mahu membina rumah dengan dana sendiri.;

2. Di bawah Kod/Program 003/000 - Pengurusan Pemeliharaan Estate dan Kemudahan.

   Bangunan Terbiar. Dalam *KPI* ada sasaran membaik pulih bangunan terbiar yang *baseline*nya seribu buah rumah, sasarannya ialah 50% bagi tahun 2024/2025 40% dan 3% selanjutnya.

   Merujuk kepada isu pemantauan aset kerajaan yang kosong dan tidak digunakan pada tahun yang lalu, apakah status tindakan yang diambil berkaitan penubuhan jawatankuasa lembaga untuk 'mengusai' hasil kerajaan dan berapakah peruntukan bajet yang bakal disediakan untuk tujuan ini dan *target timeline* bagi menyelesaikan masalah ini?;

3. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin sampaikan ialah mengenai *energy saving initiatives.* Mohon ceritakan langkah-langkah khusus yang telah diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi 'hijau' dalam pelbagai projek infrastruktur kerajaan. Daripada *statement* mengatakan bahawa projek ini menyerapkan keperluan *Green Mark Certification* tahap *gold rating* daripada *BCA Green Mark* Singapura.

   Dalam membuat *comparison* yang nyata, *kilowatt per hour* tenaga kurang sebab menggunakan bahan bangunan dan reka bentuk yang bersesuaian, peratus kurang menggunakan air hujan. Adakah faktor-faktor serupa diambil kira dalam penilaian dan penganugerahan kontrak bersandarkan projek *lifetime cost* bukan setakat kos pembinaan awal diambil kira dalam penganugerahan kontrak?. Adakah kementerian mengambil langkah untuk memasukkan sumber tenaga alternatif seperti tenaga 'solar' atau *energy saving initiatives* dalam projek-projek kerajaan?

   Selain itu, mohon 'barigakan' program latihan atau bantuan kewangan *tax incentives* yang mungkin ada untuk *technology implementation incentives funding* yang boleh dipohon oleh pihak swasta yang mahu menyerapkan inisiatif-inisiatif teknologi 'hijau' dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan kementerian dan bagaimanakah pelaksanaan bertindak bagi memastikan bahawa pelaksanaan teknologi 'hijau' ini berjalan lancar dan memberi manfaat kepada persekitaran dan masyarakat secara keseluruhannya? Dalam peningkatan teknologi 'solar', adakah pelan untuk memasang *street lights* solar di tempat-tempat jalan raya yang jauh daripada jalan raya yang besar yang tidak berdekatan dengan prasarana dan perumahan?;

4. Di bawah Kod/Akaun 003/000 - Pengurusan Industri Pembinaan. Adakah rancangan untuk memastikan *private housing (estate developer*) di*register* untuk memastikan mereka menyumbang kepada khazanah negara dengan dikutip cukai bila berbisnes di Negara Brunei Darussalam?.

   Kaola maksudkan ini bukanlah ejen-ejen yang berjual rumah dan kaola maklum sudah perlu di*register* sebagai *business entity,* bukan juga kontraktor yang membina *estate* tetapi yang kaola maksudkan ialah *developer individual* yang membuat perundingan *direct* dengan pemilik tanah, *developer* ini meraih keuntungan tanpa risiko dan tidak ada sumbangan langsung kepada negara.; dan

5. Projek Kereta Api Seborneo. Masa kini ada video *viral* yang menunjukkan inisiatif luar negara tentang projek *Interborneo Railway Network*. *Network* menunjukkan skop *network* kereta api termasuk Negara Brunei Darussalam. Rakyat ikut teruja dengan inisiatif ini kalau dilihat dari komen orang 'kitani' bukan sahaja memberikan *alternative form of transport* untuk *commuter,* juga akan mengurangkan keperluan memiliki kenderaan disebabkan oleh perjalanan harian yang jauh dari rumah.

   Mohon pencerahan Yang Berhormat jika kementerian ada pelan awal dan akan turut menilai kesesuaian untuk ikut serta dalam *network* ini dan memastikan keperluan negara diambil kira dalam memilih tempat-tempat perhentian dan *route* kereta api.

   Kaola berhentikan di sini saja, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola beri peluang Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan dan kaola berterima kasih atas diberi peluang untuk menaikkan isu-isu ini yang dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada 5 orang Ahli Yang Berhormat lagi yang telah menyuarakan soalan-soalan. Besar kemungkinannya Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu.

Walau bagaimanapun, saya kira waktunya sudah agak lewat bagi 'kitani'. Jadi, ada baiknya kita tangguhkan dahulu mesyuarat ini dan 'kitani' akan bersidang semula dalam peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan

Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dahulu kita bersidang pada hari ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari iaitu hari Selasa, 19 Mac 2024 bermula dari pukul 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 8 Ramadan 1445 / 19 Mac 2024

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji AwangBadaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd Yusuf, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kelima belas pada hari ini, Selasa 8 Ramadan 1445 bersamaan 19 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, syukur ke hadrat سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اللهَ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya juga kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bagi bersidang pada hari kelima belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita menyambung penelitian ke atas Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita mula bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada hari semalam, masih lagi membincangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan dan kita telah pun mendengar soalan-soalan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dan telah pun dijawab Yang Berhormat Menteri Pembangunan, maka saya sekarang ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneruskan respons dan seterusnya penjelasan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan, yang kita telah tangguhkan semalam. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi ruang kepada kaola untuk menyambung memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kelmarin.

Seperti yang telah dapat kita ikuti dalam perbahasan kelmarin, banyak persoalan yang besar dengan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang ideal dan hebat daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memperbaiki satu topik perbincangan iaitu mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan dalam penyediaan perumahan-perumahan di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Perumahan Rakyat Jati.

Jadi, izinkan kaola disebabkan oleh persoalan-persoalan ini membawa idea-idea yang besar dan hebat, kaola setelah mengamat-amati persoalan ini, izinkan untuk membuat rumusan dengan merangkumkan perkara-perkara dan idea-idea yang telah dibangkitkan dalam persoalan-persoalan Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut umpamanya persoalan mengenai pengkorporatan Jabatan Kemajuan Perumahan supaya menjadi satu badan berkanun bagi melaksanakan pembinaan perumahan negara ini supaya lebih efektif dan efisien dan *self-sustaining* dalam merangka langkah ke hadapan bagi penyediaan perumahan-perumahan di dalam negara.

Kedua, mengenai *alternative financing* dan *public and private partnership* dan isu-isu tunggakan pembayaran perumahan ini dan juga perancangan-perancangan berkaitan seperti yang telah dibangkitkan dalam persoalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Untuk rumusannya, perkara mengenai perumahan ini yang ditimbulkan persoalan mengenai reka bentuk perumahan. Secara amnya reka bentuk rumah bagi setiap projek skim perumahan adalah berlainan tetapi mengikut garis panduan asas seperti *total floor area* beberapa buah bilik dan sebagainya, setiap reka bentuk atau *design* ini mengikut keperluan harga kos binaan, reka bentuk yang praktikal untuk pemeliharaan dan juga untuk ditambah ataupun *extension* seperti lazim perkara ini dibuat. Ada ruang juga diberi pertimbangan.

Mengenai perkara yang melibatkan pengkorporatan dan *Public and Private Partnership (PPP)* ini, kaola mengambil baik cadangan ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ selepas ini kaola akan membawa melalui Jawatankuasa Perumahan di bawah kementerian untuk meneliti cadangan-cadangan mengenai pengkorporatan *alternative financing* dan *Public and Private Partnership*. Perkara ini antaranya telah ada usaha pernah dibuat pada tahun lepas dalam "kitani" mencari ikhtiar untuk mendapatkan terutama sekali *a more favorable financing* dan *PPP*.

Memang mengadakan perjumpaan, menerima tawaran daripada konsortium luar negara yang datang untuk membuat penyediaan rumah yang dikatakan lebih murah tetapi setelah mengadakan beberapa perbincangan didapati belum dapat menepati hasrat "kitani" untuk mendapatkan sokongan *PPP* dari segi untuk memastikan harga yang murah dan masih lagi memerlukan bebanan kewangan daripada kerajaan untuk membayar kos-kos pembinaan. Bukan seperti yang dijangkakan semasa menerima cadangan dan tawaran.

Itu satu pengalaman yang diperolehi daripada usaha yang dibuat pada tahun lepas dan إِنْ شَاءَ اللهُ dengan cadangan-cadangan yang dibuat akan memberikan kaola satu platform untuk mencari lagi ruang-ruang dan juga peluang-peluang *(opportunities)* untuk melihat perkara ini "kitani" mencari satu *formula* dan model yang memberikan keuntungan *win-win* kepada *public and private partnership (PPP).*

Satu perkara lagi mengenai *alternative financing* tetapi dalam membincangkan perkara ini Yang Berhormat Pengerusi, satu perkara yang kaola rasa kita perlu untuk mengamat-amati sejenak akan perkara yang realistik perlu difahami dan diketahui dan disyukuri akan realiti skim pengurniaan perumahan di bawah Skim Kurnia Perumahan Rakyat dan Rumah Rakyat Jati ini ialah:

1. Rumah-rumah ini dikurniakan dengan harga subsidi lebih 60% daripada harga sebenar kos bagi sesebuah rumah tersebut. Perlu juga kita mengetahui bahawa harga yang dibayar setelah menerima rumah-rumah kurnia tersebut adalah kurang dari separuh harga asal kos pembinaannya.; dan

2. Penerimaan anugerah rumah kurnia ini diberikan ruang masa sehingga 30

tahun untuk membayar balik harga yang kurang separuh tersebut.

Jadi, kaola ingin dan perlu rasanya untuk mengatakan ini semua adalah ihsan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang mencerminkan kasihnya baginda, keprihatinan baginda dalam memelihara kesejahteraan rakyat baginda dalam memenuhi hasrat supaya rakyat baginda yang tidak mampu memiliki rumah diberikan bantuan sebaiknya.

Dalam perkara ini jika dibuat perbandingan rasanya tidak ada contoh perbandingan di tempat lain, disediakan tanah, rumah bersubsidi, kurang daripada separuh harga kos dan pembayaran sehingga 30 tahun, pembayaran tidak ada *charges, interest* dan sebagainya.

Maka cabarannya, Yang Berhormat Pengerusi, bagi kaola dan juga Jabatan Kemajuan Perumahan dalam mempertimbangkan pengkorporatan ataupun kerjasama melalui *PPP* ini yang dapat mengekalkan sebahagian daripada keistimewaan yang dikurniakan ini adalah satu cabaran.

Perbelanjaan pelaburan kerajaan tahun demi tahun untuk menyediakan perumahan ini bukannya satu formula setelah dibuat pembayaran balik, jadi, perolehan modal daripada pembayaran balik itu dapat di*invest* lagi untuk membuat rumah yang selanjutnya. Tapi, dalam kita punya formula ini tidak semudah itu modal kita sebab ia 30 tahun, memikirkan juga salah satu syarat orang yang diberikan kelayakan dan keutamaan untuk mengikuti Skim Perumahan Negara ini satu ialah gajinya minimum $445 sebulan sehingga $3,000 sebulan.

Inilah orang yang turut diberi keutamaan sebagai yang berkelayakan untuk menerima dan dipertimbangkan menerima dalam skim ini. Bayangkan daripada gaji tersebut dengan pembayaran bulanan, ada pembayar bulanan daripada $90 sehingga lebih $200 sebulan dalam masa 30 tahun.

Ada yang memohon lagi supaya dikurangkan daripada harga minimum untuk membayar dan ada yang 'kelupaan' membayar berbulan-bulan, ada yang bertahun-tahun. Jadi, kita punya cabaran juga untuk menagih dan isu tunggakan seperti yang dibangkitkan dalam persoalan salah seorang Ahli Yang Berhormat.

Itulah antara cabaran yang kita perlu untuk mengatasinya. Walaupun sekiranya orang itu tidak dapat membayar sepenuhnya, 'iatah' kalau dapat membayar separuh itulah yang akan dikutip tapi sentiasa ditagih untuk kita mendapatkan supaya bayaran itu konsisten dan memenuhi syarat bagi perumahan itu untuk dibenarkan tanpa apa-apa tindakan.

Selain itu, juga dalam isu perumahan ini, Jabatan Kemajuan Perumahan juga *grappling with* isu-isu seperti ada yang membuat tambahan rumah tanpa kebenaran. Itu satu perkara membuat tambahan tanpa kebenaran. Kedua, ada yang membuat perniagaan dan menjadi aduan jiran-jiran sebelah yang mengatakan *traffic jam* ke arah kawasan rumahnya sebab orang-orang ke sebelahnya ada perniagaan sehingga mereka payah keluar masuk dari kawasan rumahnya. Ada juga keadaan bising, ada yang membuat tambahan-tambahan ini bukan sahaja di dalam kawasan tanahnya yang telah ditetapkan tetapi ke luar kawasan tanah kerajaan.

Jadi, untuk mengambil tindakan-tindakan ini, *it's like we are haggling with them consistently, we have to debate with them* dalam perkara-perkara ini. Inilah antara isu selain idea-idea besar yang hebat itu yang kita lalui. Kita juga mengetahui sebelum ini, baru-baru ini, ada kejadian perumahan yang terbakar dan didapati rumah terbakar itu menjalankan perusahaan bengkel kereta di rumah tersebut yang menjadi punca terjadinya kebakaran itu.

Berbalik kepada cabaran-cabaran pengkorporatan, *alternative financing.* Kalau kita ke *alternative financing* ini yang disasarkan pada masa ini ialah institusi-institusi kewangan seperti bank. Tapi, *now* kita ada satu sistem pembayaran selama 30 tahun.

Kalau dikurangi mengikut sistem bank ia tidak akan jadi 30 tahun, jadi pembayaran bulanan akan lebih tinggi. Kemampuan itu yang kita fikiran. *Unless* ada kemampuan pertukaran dasar bank yang boleh membenarkan pembayaran di*extend* sehingga 30 tahun. Itulah antara cabarannya untuk difikirkan.

Selain itu, antara perkara yang dibangkitkan juga semalam ialah mengenai persoalan rumah-rumah yang tidak dibayar dengan tunggakan yang tinggi. Isu mengenai pembayaran tidak lancar ini memang menjadi satu usaha di Jabatan Kemajuan Perumahan untuk 'membubut' mereka, menghantar peringatan dan menagih bayaran-bayaran. Perkara ini dibuat walaupun pada tahap minimum, perkara ini dibuat tanpa apa-apa tindakan dari segi kepunyaan ataupun pendudukan di rumah tersebut.

Perkara mengenai rumah-rumah kosong yang belum diisikan. Daripada data yang terkini mengenai rumah-rumah yang di bawah perumahan yang belum diisikan, pada masa ini terdapat sejumlah 600 buah rumah yang belum diperuntukkan. Dari 600 buah rumah ini sejumlah 591 buah rumah di Rancangan Perumahan Negara Panchor yang belum dapat

diperuntukkan disebabkan oleh rumah tersebut mengalami kerosakan yang perlu diperbaiki.

Jadi, proses memperbaiki ini yang sedang diusahakan dan proses-prosesnya untuk memperbaiki akan perlu giliran dan juga perlu *engagement* dengan beberapa agensi termasuk *Brunei Economic Development Board* bagi mengetahui peruntukan dan juga asas-asas selanjutnya untuk meneruskan pembaikan.;

3. Selain itu, mengenai perkara yang dibangkitkan juga iaitu jurang yang amat besar daripada *supply and demand matrix* ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim kelmarin. Seperti yang dimasukkan dalam jawapan tadi, itulah yang juga diusahakan seperti pengkorporatan dan juga *PPP* ini, yang diberikan contoh tadi dengan usaha yang telah dibuat dengan perundingan yang pernah dibuat dengan satu *consultant* yang telah membuat tawaran untuk membuat perkara ini.;

4. Mengenai Skim Pengurniaan Tanah-Tanah Rakyat Jati, sama ada skim ini masih lagi berjalan ataupun sebaliknya? Sebenarnya, skim pengurniaan tanah ini telah pun dibekukan pada tahun 2009.

   Antara sebabnya dibekukan, dari segi menyasarkan yang skim ini setelah satu pendekatan dibuat, adalah mereka yang difikirkan yang diberi keutamaan gaji antara $445 sehingga $3,000 sebulan. Inilah yang disasarkan.

   Jadi, sebelum ini mereka yang diberikan satu keistimewaan untuk mendapatkan Geran Tanah Kurnia ini ialah mereka yang gajinya $3,000 ke atas untuk membuat rumah sendiri.

   Daripada sejumlah 1,977 lot tanah yang telah diperuntukkan sejauh ini didapati sejumlah 1,819 penerima telah mendirikan dan memajukan tanah tersebut dengan membina rumah. Selebihnya 158 penerima belum lagi memajukan tanah-tanah tersebut. Ini adalah didapati tidak mematuhi peraturan pengurniaan tanah tersebut.

   Ada yang sudah diberikan tanah itu tempoh ada yang 30 tahun belum membuat rumah. Ada yang 20 tahun, ada yang sudah 15 tahun dan ada yang 6 tahun yang belum lagi mendirikan rumah dan ada segelintir daripadanya didapati telah memilki rumah di tempat lain.

   Jadi abiskaola masih lagi dalam perundingan dengan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memikirkan apa tindakan yang akan dibuat dalam kes-kes seumpama ini. Jadi, rumusan yang dapat dibuat mengenai dengan perumahan ini.

Itu sahaja, yang dapat kaola dapat sampaikan. إِنْ شَاءَ اللهُ jawapan "bertulis", dalam jawapan "bertulis" untuk merangkumi setiap soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat secara individual akan dibuat jawapan "bertulis" yang akan dimasukkan ke dalam *hansard* nanti إِنْ شَاءَ اللهُ.;

5. Satu persoalan lagi yang berasingan yang kaola rasa perlu untuk menjawab ialah sebanyak 20 soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semalam mengenai Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien:

   i. Mengenai bagaimana untuk mendapatkan sumber-sumber bagi penyelenggaraan pemeliharaan pengurusan operasi jambatan ini dan jua soalan untuk memperkenalkan sistem bayaran "caj tol" ke atas kenderaan asing yang melalui jambatan ini seperti yang dibuat ke atas *ASEAN Friendship Bridge* di Sungai Baram, Sarawak.

   Kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan ini dan kaola akan mengambil baik dan akan membawa perkara ini untuk berbincang dengan beberapa kementerian yang berkaitan terutama sekali Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi macam mana 'kitani' dapat melangkah ke hadapan dengan cadangan ini.;

   ii. Selain daripada itu, mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan, keluhan penduduk Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu di kawasan Jalan Binglu, khususnya mengenai tempoh lama untuk masuk kawasan berkenaan.

   إِنْ شَاءَ اللهُ Jabatan Jalan Raya akan membuat pemeriksaan meninjau di kawasan tersebut dan setelah apa perolehan daripada siasatan itu nanti dan akan memikirkan apa langkah-langkah ke hadapan yang terbaik bagi menangani isu-isu keselamatan dan jua ketidakselesaan seperti yang dibangkitkan.; dan

   iii. Seterusnya mengenai beberapa soalan industri pembinaan dan *ABCi*. Mengenai harga-harga profesional yang tinggi bagi melantik *qualified person,* memerlukan jawapan yang panjang dan untuk itu kaola berpendapat dengan izin agar kaola menyediakan jawapannya secara "bertulis" untuk dikongsikan nanti dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang didaftarkan dalam *hansard.* Terima kasih, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan pada menjawab rumusan-rumusan tersebut.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat اَلْحَمْدُ لِلهِ kita telah pun mendengar perbahasan yang cukup panjang di bawah Tajuk Kementerian Pembangunan dan sekarang kira-kira cukuplah dahulu kita membahaskan mengenai tajuk-tajuk di bawah kementerian ini.

Maka, saya berpendapat ada baiknya Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih nampaknya semua bersetuju, maka Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A diluluskan dan kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A bagi Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahlli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seperti lazimnya, saya ingin memberikan peluang di bawah kementerian ini, sebelum ia dibahaskan dan saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementerian serta penjelasan dan keterangan mengenai penyediaan Belanjawan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

'Abiskaola' amat bersyukur tema Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu: Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur, adalah amat bertepatan dengan usaha berterusan kementerian 'abiskaola' dengan kerjasama senegara dalam mencapai Matlamat: Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035.

Kaola mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan yang setinggi-tingginya menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi

penyediaan anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu berjumlah $85,276,630.

Pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Ke-19, kementerian ini telah menggariskan beberapa strategi dan tindakan seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020/2024. Secara keseluruhannya sejak tahun 2020 sehingga 2023, 41% iaitu 34 daripada 83 inisiatif telah selesai dilaksanakan. Manakala, selebihnya sedang dalam pelaksanaan untuk diselesaikan pada Tahun Kewangan 2024/2025. Sungguhpun demikian, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kajian semula separuh penggal atau apa yang kita kenali sebagai *mid-term review*, pelaksanaan Pelan Strategik 2020-2024 ini, telah membantu pihak pengurusan untuk mengemas kini perancangan, pelaksanaan dan pengurusan dengan segera supaya dapat menghasilkan impak yang dijangkakan serta mengambil kira perubahan semasa dan cabaran yang mendatang di samping ketersediaan sumber yang sedia ada.

Antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak 4 tahun kebelakangan dan yang akan terus dicapai adalah:

1. Di bawah bidang Kemasyarakatan:

    i. Lebih 40% golongan sasaran iaitu 862 orang daripada sejumlah 1,965 orang yang berdaftar di bawah *JobCentre Brunei* telah mendapat pekerjaan iaitu 39% daripadanya iaitu 337 orang daripada 862 orang adalah merupakan penerima bantuan kewangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.;

    ii. Selain itu, lebih 160 golongan sasaran di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti keusahawanan.

    iii. Dalam meningkatkan kemahiran, lebih 209 penerima bantuan juga telah mengikuti pelbagai program latihan dan pembangunan kapasiti yang dijalankan bersama rakan strategik seperti *DARe* dan Pusat Pembangunan Belia.;

    iv. Dari segi bantuan penempatan rumah sementara, 77 buah keluarga yang telah dilanda kesusahan atau musibah bencana juga telah diberikan penempatan sementara.

    v. Di samping itu, dengan pendekatan senegara, kementerian ini juga telah bekerjasama dengan rakan strategik seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam membina dan membaik pulih

sejumlah 68 buah rumah sejak dari tahun 2020.;

vi. Dari segi meningkatkan lagi pemedulian kepada Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), semenjak penguatkuasaan Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya yang baharu pada tahun 2021, jumlah penerima *double benefit* iaitu penerima Pencen Umur Tua dan Penerima Elaun Kurang Upaya adalah keseluruhannya bejumlah $500 setiap bulan, meningkat daripada 152 penerima kepada 728 penerima.; dan

vii. Manakala sokongan untuk Orang Kelainan Upaya juga telah meningkat daripada 5,900 orang penerima Elaun Kurang Upaya, seramai lebih 1,200 Orang Kelainan Upaya juga ada menerima Elaun Penyedia Penjagaan *(Care Provider Allowance)* yang setentunya dapat meningkatkan kualiti penjagaan.

Kesemua strategi dan program yang dilaksanakan adalah di bawah mandat Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), iaitu ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan golongan yang memerlukan dan setentunya akan mendukung ke arah pencapaian visi masyarakat progresif.;

2. Di bawah bidang Kebeliaan:

i. Purata 13% peningkatan dapat dilihat berkaitan dengan penglibatan belia setiap tahun dengan purata lebih 50 ribu orang belia telah terlibat dalam pelbagai program pembangunan kapasiti.;

ii. Purata 4% peningkatan inisiatif atau aktiviti yang diterajui oleh belia pada setiap tahun.;

iii. Purata 30% peningkatan usahawan belia dengan bisnes permulaan *(business startups)* yang menjana hasil pendapatan melebihi $930 ribu secara menyeluruh.;

iv. Seramai 13 orang petani dan peladang daripada kalangan belia di bawah Program Pertanian dan Perladangan telah mengusahakan 55 hektar tanah dan menjana sejumlah 208.28 tan metrik, pengeluaran padi bernilai lebih $550 ribu.;

v. Kementerian ini juga menyediakan lebih banyak platform bagi melibatkan belia dalam merangka dasar dan membuat keputusan bagi isu-isu yang merangkumi alam sekitar, kesejahteraan mental, pekerjaan, keusahawanan,latihan kemahiran dan kebolehlihatan imej belia di peringkat serantau dan antarabangsa.; dan

vi. Kesemua strategi dan program yang dilaksanakan ini adalah

sejajar dengan Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024 dan ia adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada mencapai sasaran mata purata 75% Indeks Pembangunan Belia pada tahun 2025 dan pencapaian Visi: Belia Siaga Masa Depan.

3. Seterusnya di bawah bidang Kesukanan:

   i. Dilihat terdapat 22% peningkatan pengupayaan atlet kebangsaan dengan purata lebih 800 orang, iaitu jumlah sebenar 884 orang altet dalam pelbagai Program Pembangunan Kapasiti termasuk penyertaan dalam pertandingan atau kejohanan sukan berprestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa pada setiap tahun.;

   ii. Seramai 13 orang atlet elit telah meraih 18 pingat secara keseluruhan iaitu 5 pingat Emas, 5 pingat Perak dan 8 Gangsa.;

   iii. Bertanding dalam 3 acara kejohanan berkontingen yang berprestij.;

   iv. Direkodkan juga purata melebihi 52 ribu orang iaitu jumlah sebenar 52,817 peserta yang telah mengikuti acara-acara sukan untuk masyarakat iaitu merangkumi 232 program dengan 69% peningkatan inisiatif kesukanan yang diterajui oleh masyarakat termasuk dari agensi swasta seperti *Sports Event Management* dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Ini mencerminkan usaha senegara ke arah meningkatkan dan mendukung status kesejahteraan dan kesihatan masyarakat melalui sukan.; dan

   v. Kesememua strategi dan program yang dilaksanakan di bawah Perancangan Pembangunan Kapasiti bagi Atlet, Jurulatih dan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan, adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian Visi: "Negara Sukan Yang Gemilang".

4. Manakala di bawah bidang Kebudayaan:

   i. Dilihat secara kumulatif, adanya peningkatan kegiatan pembangunan keupayaan sebanyak 6 kali ganda yang melibatkan lebih 156 ribu orang iaitu jumlah sebenar 156,505 orang peserta dalam pelbagai Program Pembangunan Keupayaan Masyarakat sejak tahun 2020.;

   ii. Ke arah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan masyarakat dan ilmiah di bawah Program Perkembangan Penyelidikan, terdapat peningkat-

an dalam penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasi-an iaitu sebanyak 63% dari Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu jumlah sebenar 5,656, sebanyak 23% dalam daripada Pusat Sejarah Brunei iaitu jumlah sebenar 2,055, dan 14% daripada Jabatan Muzium-Muzium iaitu jumlah sebenar 1,214 dengan 8,925 bahan dan rujukan sumber bahasa, sastera, tulisan Jawi, warisan budaya dan sejarah secara keseluruhan.;

iii. Fasiliti dan kemudahan seperti muzium, galeri dan perpustakaan juga kekal relevan dan menjadi asas utama dalam ketamadunan dan pembangunan masyarakat:

a. Ini jelas dilihat dengan purata 14% peningkatan pelawat dalam dan luar negara, dengan purata hampir 160 ribu pelawat setiap tahun.

b. Setelah pasca *COVID-19*, lebih 290 ribu pengunjung ke muzium-muzium dan galeri yang menunjukkan ia bukan sahaja sebagai tempat tarikan pelancong malah peningkatan berkaitan dengan kesedaran dan minat terhadap warisan budaya Brunei dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk dalam kalangan generasi muda.;

c. Manakala, lebih 400 ribu pengunjung ke Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka jelas membuktikan strategi penjenamaan semula perpustakaan telah mencapai objektif dalam menjadikan perpustakaan sebagai pusat komuniti dan ini bermakna kewujudan perpustakaan masih kekal relevan pada era infokomunikasi ini, di samping memupuk budaya membaca dalam masyarakat Negara Brunei Darussalam.; dan

iv. Dari aspek meningkatkan imej dan perkembangan warisan budaya dan sejarah, keberhasilan usaha dari aspek ini dapat dilihat melalui:

a. Pencapaian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei.;

b. Pencalonan Pakaian Kebaya sebagai Warisan Budaya Tak Ketara *UNESCO* secara bersama dengan negara-negara lain iaitu Negara Brunei Darussalam bersama Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia dan Thailand.; dan

c. Negara Brunei Darussalam adalah negara anggota *ASEAN* pertama yang mempunyai arca *ASEAN* yang lengkap mempamerkan arca daripada

kesemua 10 anggota *ASEAN* dengan taman arca yang dinamakan semula sebagai Laluan *ASEAN* ataupun *ASEAN Walk* yang terletak di Taman Rekreasi Sungai Damuan.;

v. Dalam memupuk semangat budaya perpaduan, patriotisme, jati diri dan Melayu Islam Beraja (M.I.B), kita melihat impak dari penyertaan acara kemuncak Hari Kebangsaan dengan jumlah akumulatif dengan lebih 41 ribu penyertaan. Kesemua strategi dan program yang dilaksanakan di bawah perancangan meningkatkan pelestarian warisan budaya dan sejarah adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian Visi: Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara.

Dalam kesempatan ini, izinkan kaola merakamkan ucapan yang setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang terlibat dalam menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 baru-baru ini termasuk para tetamu, para peserta Hari Kebangsaan, ahli-ahli jawatankuasa dan rakan-rakan strategik.

Penghargaan khusus juga kaola rakamkan kepada semua kerana telah meninggalkan tempat sambutan dalam keadaan yang bersih, kemas dan teratur. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, semoga pendekatan senegara ini akan menjadi budaya 'kitani' orang Brunei yang akan diwarisi oleh generasi muda, generasi penerus dan generasi akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, 2024 iaitu:

1. Usaha mempelbagaikan ekonomi dengan memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik perlu diteruskan dan dipertingkatkan.; dan

2. Menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk.

Maka berlandaskan kepada hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan 5 fokus strategi sebagai pelengkap kepada usaha-usaha kementerian ini dalam meneruskan Pelan Strategik Kementerian bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang berteraskan kepada Usaha Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan melalui:

1. Strategi Pertama: Dalam bidang Kemasyarakatan, abiskaola terus mengembang maju masyarakat cemerlang, bersatu padu, *resilience*

dan pemedulian yang memberi fokus kepada membasmi kemiskinan dan meningkatkan mandiri serta sosioekonomi golongan sasaran.

Sejumlah $23.6 juta telah diperuntukkan bagi Program Mengembangmajukan Masyarakat Progresif termasuk penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan yang merangkumi $12.9 juta bagi bantuan, geran, pemindahan dan subsidi.

Di samping mempertingkatkan penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain, kementerian ini akan terus memberikan penekanan kepada meningkatkan lagi penyelarasan program-program intervensi yang disasarkan merentas sektor seperti:

i. Program Inovasi Belia Berwawasan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang dikhususkan kepada anak-anak penerima bantuan dan mengandungi modul kemasukan sebagai pelatih PKBN dalam usaha untuk meningkatkan ciri-ciri kepimpinan, jati diri dan semangat resilien.;

ii. Meningkatkan lagi penglibatan Sukarelawan Belia dalam program-program kemasyarakatan.; dan

iii. Mengembangluaskan Program Pembangunan Kapasiti dan Kemahiran bagi golongan Orang Kelainan Upaya melalui pelbagi kaedah seperti *sheltered workshop* dan penempatan kerja.

Khusus bagi sektor kemasyarakatan, إِنْ شَاءَ اللهُ tahun ini kementerian ini akan melaksanakan beberapa inisiatif yang signifikan seperti:

i. Pelan Tindakan Wanita hasil daripada penyelidikan mengenai pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam. Pelan Tindakan ini akan disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak dan seterusnya dihadapkan kepada Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk diluluskan.;

ii. Kajian semula Garis Panduan Bantuan Kebajikan Bulanan bagi memastikan tiada ketirisan kepada penerima bantuan.;

iii. Pelan Tindakan Keluarga yang baharu ke arah memperkukuhkan institusi keluarga.;

iv. Pelan Tindakan Warga Emas ke arah penuaan berjaya ataupun *successful ageing.;* dan

v. Pelancaran *Social Blueprint* hasil usaha sama Jabatan Perdana Menteri dan kementerian ini.

2. Strategi Kedua: Dalam bidang Kebeliaan, abiskaola terus menjana

belia harapan yang berwawasan sebagai peneraju pembangunan negara yang memfokus kepada mempertingkatkan kepada 2 bidang iaitu Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan Dalam Kalangan Belia.

Untuk itu, sejumlah $11.2 juta telah diperuntukkan bagi Program Melahirkan Belia Harapan Yang Berwawasan termasuk penambah-baikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi $3 juta bagi Program Pembangunan dan Keusahawanan Belia, $2.1 juta bagi Program Pengukuhan Jati Diri dan Menjana Modal Insan dan $5 juta bagi Program Pengupayaan Belia.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini, kementerian ini akan memberikan penekanan kepada menangani impak segera dan pemacu jati diri serta modal insan dalam kalangan belia yang akan meneliti 3 objektif utama iaitu:

i. Kajian semula metodologi dan pendekatan program-program intervensi yang lebih berinovasi dan jangka panjang seperti Program Pembangunan Belia, Program Khidmat Bakti Negara dan Program *OBBD*.;
ii. Kajian semula metodologi dan pendekatan usaha meningkatkan produktiviti dan ekonomi belia yang diperkasakan, inisiatif yang akan diterajui oleh *Youth Entrepreneurship Steering Committee* adalah menerokai pasaran luaran melalui hubungan kerjasama, mengembang maju produk atau perkhidmatan perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa dan meneliti dan mewujudkan dasar yang mendukung pembangunan perusahaan sosial menggunakan pendekatan senegara termasuk mewujudkan ekosistem perusahaan sosial yang efektif dan kondusif.; dan
iii. Kajian semula program-program intervensi yang disasarkan dapat memacu pembentukan jati diri lebih terarah, selaras dan sejajar. Program-program ini akan berasaskan aspek perpaduan M.I.B dan pemartabatan budaya, warisan dan sejarah.

3. Strategi Ketiga: Dalam bidang kesukanan, abiskaola terus memantapkan pengukuhan ekosistem sukan supaya lebih inklusif dan cemerlang, yang memberi fokus kepada sukan berprestasi tinggi dan sukan untuk masyarakat.

   Sejumlah $16.7 juta telah diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan Ekosistem Sukan yang merangkumi $7.8 juta bagi Pemeliharaan Prasarana dan Aset, $2.1 juta bagi memantapkan Sukan Prestasi Tinggi iaitu $700 ribu bagi pembangunan Persatuan-Persatuan Sukan dan $1.8 juta bagi Pembangunan Keupayaan Atlet dan Jurulatih secara keseluruhan.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini, kementerian ini akan memberikan penekanan kepada mengkaji semula peranan sukan dalam pembangunan masyarakat yang akan meneliti 6 objektif utama:

i. Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pengamalan gaya hidup sihat, aktif dan cergas sepanjang hayat secara inklusif.;

ii. Memperluas perkongsian dan pelaburan swasta atau pertubuhan bukan kerajaan untuk membantu dalam pertumbuhan modal, pembiayaan dan meningkatkan pendapatan sektor kesukanan.; dan

iii. Memanfaatkan media sosial, mempromosikan peranan sukan dalam gaya hidup sihat, kesihatan mental dan fizikal termasuk aspek kepimpinan, merentas generasi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang efektif. Objektif ini boleh menjurus kepada:

a. Meningkatkan peranan atlet sebagai *sports influencers* bahawa organisasi sukan boleh memanfaatkan atau meneroka jenama atau menjadi *role model* dalam pembangunan sukan.; dan

b. Menggalakkan penglibatan peminat sukan untuk memberikan pandangan konstruktif bagi mengembang maju dan meningkatkan prestasi sukan negara.;

iv. Meningkatkan pemerkasaan penglibatan golongan OKU dengan meningkatkan bantuan prasarana dan akses kemudahan sukan.;

v. Mendukung Pelancongan Sukan dengan menggalakkan penganjuran kejohanan dan festival sukan serantau dan antarabangsa seperti *2nd SEA Age Group Swimming Championship* pada bulan April 2024, *the 1st International Wushu Championship* pada bulan Mei 2024 dan Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 pada bulan September 2024.; dan

vi. Mengkaji kesesuaian indeks pembangunan sukan bagi mengukur kemajuan dan impak sukan kepada sosioekonomi negara yang antara lain memfokuskan kepada literasi fizikal, penglibatan, kesihatan, kecergasan, ruang kemudahan bagi sukan dan ekonomi.

4. Strategi Keempat: Dalam bidang Kebudayaan, abiskaola terus meningkatkan pelestarian budaya, warisan dan sejarah yang memberi fokus kepada mendaulatkan bahasa Melayu, tulisan Jawi dan penerapan budaya, warisan serta sejarah.

Sejumlah $26.5 juta telah diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk Program Pembinaan, Penerapan dan Penghayatan Warisan, Budaya dan Sejarah serta Penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan yang merangkumi $2.2 juta bagi Mengukuhkan Kegiatan Bahasa, Sejarah dan Seni Budaya, $7.7 juta bagi Bahasa, Sastera dan Perpustakaan dan $3.4 juta bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahasa, Sejarah dan Budaya.

Bagi meningkatkan lagi usaha ini, kementerian akan memberikan penekanan kepada menerokai lagi peranan mendaulatkan, memajukan dan memelihara warisan budaya. Ke arah ini kementerian akan meneliti 3 objektif utama:

i. Meningkatkan lagi imej Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa. Dikongsikan salah satu lagi warisan budaya tidak ketara yang akan dicalonkan ke *UNESCO* ialah pantun melayu.;
ii. Menerokai lagi pemberdayaan warisan budaya tak ketara dalam kalangan masyarakat seperti memperkasa ekspresi budaya, memanfaatkan media kreatif dan platform digital yang berasaskan budaya.; dan
iii. Melaksanakan kaji selidik peningkatan kefahaman dan penghayatan budaya, warisan dan sejarah yang akan memberikan gambaran tahap kefahaman, pengetahuan dan penerapan terhadap budaya, warisan dan sejarah dalam kalangan generasi muda dan masyarakat secara amnya.; dan

5. Strategi Kelima: Abiskaola terus memastikan perkembangan sistem dan proses yang efisien, efektif dan tepat pada masa yang memberi fokus kepada meningkatkan pengoptimuman sumber dan pembangunan sektor-sektor di bawah kementerian ini termasuk pengurusan aset bagi menambah baik kecekapan operasi, produktiviti dan pulangan pelaburan.

   Untuk itu sejumlah $7.2 juta telah diperuntukkan bagi Program Peningkatan Kemahiran, Pengoptimaan Penggunaan *Digital Teknologi* dan Penambahbaikan Prasarana serta Kemudahan yang merangkumi $504 ribu bagi Program Pembangunan Sumber Manusia dan $1.8 juta bagi Program Pengurusan Aset.

   Bagi meningkatkan lagi usaha ini, kementerian ini akan memberikan penekanan kepada membentuk semula dan menggembangkan model penjanaan pendapatan dengan menarik lebih banyak penglibatan agensi swasta dan pertubuhan bukan

kerajaan. Kita akan meneliti 6 objektif utama:

i. Kajian semula pengurusan aset melalui program konsolidasi fiskal yang berimpak dengan nilai tambah.;

ii. Kajian semula pendekatan pengemaskinian dan penstrukturan semula fungsi perkhidmatan yang disasarkan menjurus kepada penswastaan dan pembangunan korporat.;

iii. Memantapkan tadbir urus sistem dan proses dengan memanfaatkan *digital* dan teknologi supaya perkhidmatan kepada pelanggan akan menjadi lebih efisien dan berkesan.;

iv. Meneroka dan meneliti semula perkhidmatan menjana pendapatan seperti memanfaat-kan penyelidikan dan *data monetization* serta penggunaan kemudahan.;

v. Menerokai lagi kerjasama melalui tanggungjawab korporat sosial *(CSR)* bagi membiayai program-program pembangunan kapasiti.; dan

vi. Melaksanakan penambahbaikan hasil dapatan dari Hari Mesra Pelanggan kementerian ini pada tahun 2023.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Demikianlah, yang peramba/kaola/saya dapat bentangkan. إِنْ شَاءَ اللهُ, dengan kerjasama rakan-rakan strategik secara senegara atau *whole of nation* dan juga kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat kita akan dapat memperkukuhkan lagi usaha mencapai matlamat bersama iaitu: Bangsa Brunei Cemerlang.

Jadi, sekian saja mukadimah kaola. Dengan itu, kaola ucapkan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas penerangan yang jelas dan komprehensif berkenaan dengan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Maka sekarang saya bukakan Tajuk SL01A sehingga Tajuk SL06A untuk dibahaskan. Seperti yang sudah-sudah, saya akan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan-soalan mereka dan seterusnya saya akan mempersilakan pula Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan jawapan ataupun responsnya sama ada untuk dijawab sekarang ataupun dijawab secara "bertulis" kemudiannya nanti.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang bagi tajuk ini. Saya mulakan

dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Silakan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, khususnya memberi tumpuan kepada perancangan-perancangan strategik bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang cukup berinformasi dan komprehensif.

Kaola juga menyambut baik usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh KKBS khususnya dalam meningkatkan kapasiti golongan belia tempatan agar terus bergiat aktif dalam semua bidang ke arah melahirkan belia yang cemerlang dan berwawasan. Seperti kata pepatah "Melentur buluh biarlah dari rebungnya".

Namun, kaola cukup yakin dengan kemahiran dan ilmu yang ada golongan profesional dalam kalangan belia boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan negara.

Ini termasuklah membantu pihak kerajaan dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat yang memerlukan dengan mewujudkan projek-projek belia yang dapat mencipta impak sosial seperti menerusi projek yang konsisten dan berinfak tinggi.

Projek sosial yang kaola maksudkan adalah seperti projek pemasangan sistem *solar* ke rumah-rumah terpencil, projek promosi Perniagaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) bagi menyediakan video-video promosi perniagaan dalam kalangan ibu tunggal, projek bekalan air dengan menggunakan tenaga "hijau" untuk tujuan pertanian luar bandar, projek membasmi kemiskinan melalui inisiatif dengan mencipta teknologi-teknologi yang mudah dalam industri *cottage* dan sebagainya.

Sehubungan itu, kaola ingin mencadangkan agar projek-projek berinfak tinggi untuk belia diwujudkan dengan menerapkan kreativiti, inovasi dan teknologi bagi mencipta projek sosial yang memberi pulangan dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.
Seterusnya, berkenaan dengan belia menganggur, kaola ingin tahu apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam menangani isu belia menganggur dan apakah usaha-usaha ini berjaya dilaksanakan? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya percaya Ahli Yang Berhormat mengenai perkara pengganguran ini sudah pun kita bincangkan dan sudah pun diterangkan

beberapa kali oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Jadi, saya kira tidaklah perlu perkara ini kita timbulkan lagi dan kita panjangkan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّه kaola menyambut baik mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan hala tuju belanjawan kementerian terutama sekali langkah strategik ke arah pelaksanaan yang baik dan bersistematik.

Semoga ia dapat 'diungkayahkan' dengan penuh berkesan dan efektif. Kaola sukacita menyentuh berkenaan puak-puak jati Brunei yang mengikut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, mengandungi 7 puak jati iaitu puak jati Melayu Brunei, puak jati Dusun, puak jati Belait, puak jati Murut, puak jati Bisaya, puak jati Tutong dan puak jati Kedayan.

Salah satu inisiatif untuk mengetengahkan atau menghidupkan seni warisan dan kebudayaan puak-puak Brunei ini adalah dengan mengadakan pertandingan tarian mengikut tarian khusus puak-puak jati berkenaan.

Objektif dan tujuannya adalah bagi menggalakkan tarian tradisi puak-puak ini agar tidak tenggelami badai zaman dan sewajarnya perlu diwarisi oleh generasi baharu. Ia juga mencerminkan cara kehidupan rakyat Negara Brunei Darussalam yang penuh dengan keunikan budaya, bersatu padu serta hormat-menghormati merupakan budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman. Dengan adanya pertandingan ini, ia mampu menggalakkan penggiat-penggiat seni tempatan untuk meneroka lebih dalam tentang nilai dan keunikan budaya melalui tarian seni, permainan muzik tradisional dan sebagainya.

Usaha dan inisiatif ini mampu merangsang industri kreatif tempatan sekali gus sebagai *pulling factors* kepada pelawat dan pelancong untuk datang ke negara 'kitani'. Format pertandingan hendaklah memenuhi sasaran serta objektif dan yang paling penting ia menyumbang kepada kemajuan pada ekonomi negara.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pendekatan *whole of nation* dapat 'mengungkayahkan' inisiatif ini dan dijadikan sebagai acara tahunan dianjurkan mengikut kategori umur dan gaya persembahan berdasarkan kreativiti puak-puak berkenaan.

Seterusnya, kaola sukacita mencadangkan untuk pembinaan sebuah Dewan Serba Guna *(multipurpose hall)* dapat dibina di kawasan Pekan Bangar yang bertujuan bagi kegunaan penduduk

tempatan menjalankan aktiviti sukan seperti bola jaring, futsal, sepak takraw, bola tampar, badminton, skuasy dan sebagainya. Selain itu, dewan ini juga penting berfungsi sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan dan perekonomian yang mampu menjadikan Pekan Bangar sebagai pilihan untuk sebarang acara.

Justeru, kaola memohon pihak-pihak berkenaan dapat meneliti perkara ini dengan sewajarnya. Ini bertujuan sebagai salah satu untuk kemajuan sukan di Daerah Temburong. Kaola memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk turut serta membincangkan Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang disampaikan yang begitu komprehensif, padat dan jelas, yang memuatkan hala tuju, tumpuan, pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh KKBS.

Kaola mengucapkan tahniah atas pencapaian Pelan Strategik kementerian setakat ini, terutamanya dalam mengeluarkan orang-orang yang menerima bantuan yang telah terkeluar daripada skim.

Seperti Yang Berhormat Pengerusi nasihatkan, kaola tidak akan menyentuh secara spesifik mengenai isu 3P iaitu pekerjaan, pengangguran dan pembasmian kemiskinan, kecuali ada kaedah-kaedah tambahan Yang Berhormat Menteri ingin kongsikan mengenai cara-cara yang lebih efektif untuk mengurangkan penerima-penerima bantuan ini yang kaola mengalu-alukan maklumat-maklumat tambahan tersebut.

Bagi kaola apa yang penting dalam membasmi kemiskinan ialah dengan membanyakkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang akan meningkatkan peluang-peluang pekerjaan baharu di negara ini dan dalam waktu yang sama *able bodies* yang terlibat berusaha sendiri untuk mengeluarkan diri mereka dari kepompong kemiskinan ini.

Yang Berhormat Pengerusi, sebelum kaola meneruskan membawa pertanyaan berkaitan KKBS ini, barangkali izinkanlah

jua kaola mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jawatankuasa Tertinggi dan semua yang terlibat atas kejayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 tahun.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه semua ini kaola rasa dapat kita 'ungkayahkan' atas rahim ihsan ٱللَّهَ di samping kerja keras, sokongan padu, dan penglibatan ikhlas seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dalam menyemarakkan sambutan yang bersejarah tersebut yang berpaksikan amalan negara Melayu Islam Beraja.

Kita berharap semangat ini akan dapat terus dipraktikkan terutama dalam usaha negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil maklum mukadimah Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai pencapaian pelatih Pusat Pembangunan Belia dalam Perniagaan Mikrokecil dan Sederhana dan yang mendapat pekerjaan yang kaola takrifkan sebagai masih di peringkat sederhana.

Kaola memahami untuk meningkatkan peratus ini adalah satu tugas yang paling mencabar dan akan memerlukan usaha gigih, *resource* dan kaedah pembelajaran yang berlainan berlandaskan *market driven*.

Ini termasuklah juga dengan memberikan latihan-latihan tambahan untuk meningkatkan kemahiran *(upskilling)* mereka dalam bidang teknologi, kewangan, pengurusan dan pemasaran di samping menanam sikap jati diri sebagai satu kelebihan mereka untuk bersaing dengan pencari pekerjaan atau peniaga-peniaga yang lain.

Kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Apakah langkah-langkah strategik kementerian untuk meningkatkan lagi pencapaian ini supaya iaakan menjadi platform untuk mengenal pasti, memupuk dan mengetengahkan belia yang berbakat dan berpotensi untuk berjaya dalam bidang masing-masing terutamanya dalam perniagaan yang diceburi?

Kedua, kaola perhatikan di bawah Kod Akaun 1214 - Pembangunan Industri. Terdapat 1 Program 1214/005 - *Creative, Cultural Industries Hub (CCI Hub)* dan *Community Library* yang diperuntukkan dengan Harga Rancangan sebanyak $31.75 juta. Kaola hanya ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Apakah sebenar fungsi *CCI Hub* ini? Apakah sasaran yang telah ditetapkan dan akan dicapai oleh Program *CCI* ini dari segi meningkatkan pihak terlibat yang berkepentingan dalam pembangunan industri yang dimaksudkan?

Sebagaimana kita maklumi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang dikelolakan oleh Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan telah terbukti dan teruji dalam meningkatkan jati diri, keyakinan dan sikap positif peserta-pesertanya. Syabas dan tahniah. Memandangkan impak yang begitu berkesan, pada tahun lepas semasa membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri, kaola sendiri telah mencadangkan supaya diteliti kemungkinan untuk melaratkan program ini kepada graduan-graduan yang baru dilantik ataupun *new recruit* dalam perkhidmatan awam.

Program ini tidak semestinya dalam tempoh yang begitu lama atau kurikulum yang 100% sama seperti Program PKBN, akan tetapi bersesuaian untuk menanam sikap positif, *teamwork,* jati diri, kerjasama dan jalinan *network* kepada peserta-peserta. Mungkin *possibility* cadangan ini boleh diteliti bersama JPM, JPA dan mana-mana agensi yang berkepentingan.

Ke arah itu kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga agensi-agensi yang berkepentingan. Apakah sudah ada penelitian yang telah dilakukan untuk menilai *viability* program yang dicadangkan dan apakah statusnya pada masa ini?

Yang terakhir, setiap tahun semasa Hari Belia Kebangsaan, negara akan mengenal pasti dan memberikan pengiktirafan serta penghormatan kepada belia cemerlang yang menyumbangkan khidmat dalam bidang masing-masing. Setakat ini, mungkin sudah terdapat puluhan belia yang telah menerima penghormatan ini.

Oleh itu, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Adakah *progression* atau perkembangan belia cemerlang ini masih dipantau oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan?

Apakah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada belia ini supaya sumbangan mereka kepada masyarakat akan dapat dipertingkatkan dan masih ampuh, memandangkan mereka ini masih boleh disifatkan sebagai *agents of change* dalam bidang masing-masing yang boleh memberi impak yang positif kepada belia yang lain?

Maksud kaola potensi mereka ini sepatutnya berterusan diasuh dan pengalaman mereka diguna pakai dalam program-program pemerkasaan dan motivasi belia. Misalannya, yang berkaitan dengan kesukarelawanan *(volunteerism)* dan keterlibatan mereka perlu ditingkatkan dalam apa jua dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkait langsung dalam penggubalan dasar mahupun aktiviti-aktiviti belia secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang berhomat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحْيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah, rancangan dan perancangan serta hala tuju kementerian dalam mengurus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kaola ingin menyentuh perkara berkenaan dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), iaitu berkenaan sistem pemberian atau penyerahan wang Pencen Tua dan Wang Bantuan-Bantuan Kebajikan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pemberian dan penyerahan wang-wang Pencen dan Bantuan Kebajikan ini dilakukan oleh ketua-ketua kampung yang proses penyerahannya dilakukan melalui kaedah yang sama dan masih belum ada mempunyai perubahan.

Penerima dikehendaki hadir dan ketua kampung perlu meneliti senarai penerima di dalam dokumen yang disediakan oleh JAPEM. Proses penyerahan ini kadangkala memakan masa yang terlalu panjang untuk melancarkan proses penyerahan ini.

Kaedah ini sudah terbiasa digunakan sejak dari dahulu lagi. Kaola menyarankan, melihat dari perspektif yang berlainan agar ada pembaharuan dan kemajuan yang dinikmati. Mencari kaedah-kaedah baharu yang lebih mudah dan pantas tanpa mengetepikan ciri-ciri keselamatan dan mesra pengguna.

Bagi mengganti cara lama, pengunaan *smart card* melalui sistem pengimbas dapat mepercepatkan proses penyerahan dengan lebih sistematik. Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan dan memberikan perhatian yang sewajarnya perubahan-perubahan sistem yang dirancang sebagai penambahbaikan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai.

Seterusnya, kaola menyentuh mengenai Bantuan Makanan Asasi kepada yang memerlukan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kerajaan dan pihak-pihak lain yang sentiasa menghulurkan bantuan dalam bentuk makanan dan keperluan dapur kepada yang memerlukan aktiviti-aktiviti yang berkebajikan ini akan terus meningkat apabila menjelangnya bulan Ramadan.

Namun pada itu, kaola cukup bimbang apabila barang-barang yang disumbangkan ini benar-benar diperlukan oleh si penerima, dikhuatirkan ia menjadi beban dan mengundang pembaziran. Ada sesetengah barangan dapur ini tidak sesuai terutama sekali dari segi kesihatan dan seumpamanya.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar pemberian Bantuan Makanan Asasi ini perlu diteliti dan dikaji keperluannya. Apakah ia benar-benar memberikan manfaat kepada penerima? Ini

termasuklah menubuhkan Jawatankuasa Khas atau Kumpulan Kerja Khas di bawah pihak-pihak yang berkepentingan untuk menilai secara turun padang tentang keperluan bantuan kepada yang memerlukan.

Sekian saja, yang dapat disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhomat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkenaan dengan perbelanjaan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025. Semoga maju jaya hendaknya dan diharapkan semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar. إِنْ شَاءَ اللهُ

Pertama, kaola menyentuh berkenaan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) iaitu mengenai Sistem Kebajikan Negara (SKN). Sepertimana yang kita sedia maklum, SKN mula beroperasi pada 15 Julai 2020, merupakan sistem permohonan atas talian bagi orang awam memohon Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi Asnaf Fakir dan Miskin. Namun pada itu, terdapat beberapa keluhan daripada orang ramai mengenai pengendalian sistem SKN ini.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah pihak kerajaan mengambil maklum dengan perkara ini dan apakah perancangan pihak kementerian dalam memastikan SKN ini mesra pengguna terutama sekali kepada mana-mana pemohon yang kurang mahir dalam *IT* termasuklah golongan Warga Emas?.

Seterusnya, kaola menyuarakan berkenaan dengan isu kelambatan dalam permohonan Pencen Umur Tua yang baru mencapai umur 60 tahun bagi rakyat Negara Brunei Darussalam yang memiliki kad pintar berwarna Kuning yang ia mengambil masa 5 ke 6 bulan lamanya. Kaola ingin tahu mengapakah proses permohonan ini mengambil masa yang lama?. Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih, yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Kaola menyambut baik dan berterima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam melaksanakan misi dan visi kementerian

ke arah kemajuan dan pembangunan negara.

Semoga dapat direalisasikan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ Sukan Asia Tenggara iaitu lebih dikenali sebagai dengan nama *SEA Games* telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999. Ia merupakan *SEA Games* yang ke-20 dan negara kita menjadi Tuan Rumah kepada sukan besar berkenaan buat pertama kali. Kaola melihat dari sudut kemampuan negara dalam mengendalikan dan menjadi tuan rumah bagi sukan-sukan besar serantau mahu pun antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah perancangan pihak kerajaan dalam kesediaan Negara Brunei Darussalam menganjur dan menjadi Tuan Rumah kepada sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa?

Berkenaan dengan membudayakan penggunaan tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam, kaola menyambut baik usaha-usaha pihak kementerian, khususnya kepada pihak-pihak yang berkepentingan, sentiasa menyatakan pameran-pameran dan *roadshow* ke arah memartabatkan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat 'kitani'. Ini termasuklah meletakkan tulisan Jawi berkedudukan teratas pada papan-papan tanda, nama jalan, bangunan dan premis perniagaan.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan peraturan dan syarat-syarat yang disediakan bagi penyediaan papan-papan tanda. Adakah ada ditubuhkan *taskforce* bagi memastikan peraturan syarat dan apakah tindakan yang diambil jika berlaku sebarang pelanggaran?

Terdapat juga beberapa papan tanda penglihatan yang menjawikan jenama-jenama perniagaan kepada bahasa Melayu. Namun pada itu, ada juga terdapat jenama yang tidak dibahasakan Melayu. Maksudnya ada juga terdapat jenama-jenama yang tidak dibahasamelayukan. Seperti *JobCentre Brunei* yang dijawikan. Kaola mohon penjelasan mengenai perkara ini. Sekian, itu saja yang dapat kaola sampaikan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya terhadap soalan-soalan daripada 6 orang Ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola cuba untuk menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi.

Pertama, soalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhomat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan kaola sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan dan juga soalan yang

beliau timbulkan mengenai isu pengangguran.

Berhubung dengan saranan-saranan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai projek-projek yang berimpak tinggi seperti kreativiti, inovasi dan teknologi, kaola menyambut baik saranan-saranan ini, setentunya saranan seperti ini adalah suatu perkara yang boleh dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. Perkara-perkara yang diutarakan ada digariskan dalam Pelan Strategik kementerian ini 2020-2024.

Bagi mencapai Belia Siaga Masa Depan yang disejajarkan dan dilengkapkan dengan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 yang memberi fokus kepada memantapkan ekosistem pembangunan belia. Kesemua usaha pembangunan belia adalah berteraskan kepada pengupayaan, pemerkasaan dan penglibatan belia.

Di bawah usaha pemerkasaan belia, bagi meningkatkan penglibatan mereka menerajui projek-projek berimpak tinggi seperti ini memang sudah ada beberapa platform yang telah diadakan contoh-contohnya adalah anugerah CIPTA, anugerah BICTA, Anugerah Hari Belia Kebangsaan, Projek Cemerlang untuk Belia, Anugerah Inovasi Perdana, *Brunei Business Award, DST Innovation Award* dan berbagai-bagai lagi platform.

Abiskaola memperakui bahawa masih lagi banyak ruang yang perlu dipertingkatkan dan dipelopori seperti *Brunei Innovation Lab* di bawah Kementerian Pengangkutan dan Informunikasi termasuk juga peluang-peluang projek dan kajian di bawah institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini. Jadi dalam program-program pemerkasaan dan pengupayaan belia bagi meningkatkan *marketability* belia yang dilengkapi dengan latihan-latihan kemahiran industri yang relevan supaya mereka akan dapat mendapat pekerjaan yang bermakna, bekecimpung dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan dan melanjutkan pembelajaran.

Dikongsikan juga status kebolehpasaran lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia, sebanyak 77% bagi Tahun Kewangan 2022/2023 yang 60% lepasan pelatih telah bekerja, 12% telah melanjutkan pelajaran, 5% berniaga dan 23% masih lagi aktif mencari pekerjaan.

Jadi, program-program latihan keusahawaan seperti *incubator*, keusahawanan belia, pertanian dan perladangan, bantuan geran keusahawanan, *business startup* dan *platform Youth Development Central Carnival,* Santai di *Indoor* dan Gerai Ramadan Belia juga dapat melahirkan pengusaha-pengusaha belia dan menjana pendapatan hasil.

Usaha yang dilaksanakan pada masa ini masih lagi pada tahap minimum yang memberikan impak kepada segolongan belia sasaran.

Isu pengganguran dalam kalangan belia ialah faktor yang memerlukan penelitian yang meluas dan ditangani melalui pendekatan senegara dan seluruh kerajaan dan perkara ini seperti Yang

Berhormat Pengerusi nyatakan tadi telah pun disentuh dan dibincangkan, jadi perkara ini kaola tidaklah berhasrat untuk menyentuh dengan terperinci.

Kedua, kaola ingin menyentuh mengenai soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai strategi-strategi kementerian ini untuk meningkatkan platform bagi belia yang berbakat yang telah kaola huraikan dalam maklum balas kepada usulan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan sebentar tadi.

Mengenai soalan *CCI,* secara ringkasnya Projek RKN-12 ini iaitu *Creative Cultural Industries (CCI)* dan *Community Libraries*. Projek ini adalah bagi membaik pulih dan menaik taraf 2 bangunan iaitu bangunan bekas Ibu Pejabat Radio Televisyen Brunei dan bangunan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan yang dicadangkan untuk dijadikan sebagai hub Industri Kebudayan dan Kreatif *(CCI)* dan Perpustakaan Komuniti *(Community Library).* Projek ini disatukan adalah bagi keperluan mewujudkan Akademi Seni Budaya Brunei.

Kedua, bangunan berkenaan dihasratkan mengukuhkan infrastruktur kebudayaan dan kesenian di negara ini yang penuh dengan dinamik lagi kreatif terutama kepada belia negara.

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian ini yang mengandungi aspirasi budaya dinamik dan pemeliharan warisan dalam mencapai Visi: Bangsa Brunei Cemerlang, maka tiba masanya juga bahawa kedua-dua bangunan berkenaan melaksanakan penjenamaan baharu yang mengambil kira mengikut keperluan semasa serta kedudukan bangunan-bangunan yang strategik di Pusat Bandar.

Dengan terbinanya hasrat dan tujuan projek berkenaan projek sedemikian akan menjadi mercu tanda ilmu, gedung ilmu serta pusat komuniti yang menjurus ke arah perkembangan dan kemajuan sektor kebudayaan dan kesenian di negera ini. Manakala, jika diberikan keizinan, kaola ingin memberikan maklumat lebih lanjut nanti secara "bertulis" mengenai perkara ini.

Kaola ada terlepas tadi mengenai soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai cadangan 'mengungkayahkan' pertandingan tarian asli 7 puak. 7 puak etnik setentunya mempunyai nilai dan ekspresi budaya yang tinggi sama ada dari warisan budaya tak ketara malahan dari aspek seni dan ekspresi.

Kementerian ini melalui Bahagian Kesenian dan Kebudayaan juga telah mengadakan sebanyak 6 kali festival budaya 7 puak yang merangkumi pelbagai aspek seni budaya. Festival ini adalah dalam bentuk seni persembahan, bicara budaya, pameran dan akhirnya hasil dari festival ini akan dapat dijadikan buku sebagai bahan rujukan.

Pertandingan tarian 7 puak telah pernah diadakan oleh Kementerian Pendidikan

dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mengenai cadangan mengadakan pertandingan tarian tahunan, ini adalah satu cadangan yang baik dan kaola akan bersama pegawai-pegawai abiskaola akan meneliti perkara ini di peringkat operasi di kementerian kaola bagi menilai kesesuaian berdasarkan juga kepada pertandingan-pertandingan yang sedia ada supaya perancangan akan dapat disusun dengan cara lebih teratur dan berkesan.

Berkenaan cadangan untuk membina sebuah Dewan Serba Guna *(multipurpose hall)* di kawasan Pekan Bangar. Kementerian ini menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat, jadi sudah setentunya perkara ini memerlukan penelitian yang terperinci dari aspek kesesuaian pembinaan, logistik terutama sekali kos perbelanjaan dan perancangan serta keperluan untuk membina bangunan atau kemudahan yang juga setentunya akan melibatkan beberapa agensi yang berkepentingan.

Seterusnya, kaola merujuk kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Kementerian ini menyambut baik penggunaan *smart card* bagi mempercepatkan proses penyerahan pencen dengan lebih sistematik.

Kementerian ini akan meneliti perkara ini dari aspek kesesuaian, pengurusan dan kebolehlaksanaan perkara ini. Antara inisiatif yang diguna pakai adalah seperti berikut:

1. Pandemik *COVID-19* dan pascapandemik mencetus perubahan pada proses pembahagian dan Penerimaan Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya. Makluman melalui aplikasi *WhatsApp* daripada ketua-ketua kampung kepada penerima mengenai penjadualan Pembayaran Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya.

   Kaedah penggunaan teknologi digital juga digunakan termasuk pengurusan secara dalam talian. Memang sudah lama terbukti sebagai amalan yang paling baik, lebih-lebih lagi bagi meningkatkan kecepatan proses efisien dan pemberian perkhidmatan tepat pada masanya.

   Sebagai contoh, semenjak tahun 2018, JAPEM telah memperkenalkan sistem pembayaran Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya melalui bank masing-masing.

   Untuk makluman semua, kadar penerima Pencen Umur Tua dan Elaun setakat Mac 2024, maksudnya jumlah penerima, adalah sebanyak 49,391 orang dan sehingga Februari 2024 seramai 18 ribu lebih orang telah menerima Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya mereka melalui bank masing-masing iaitu sebanyak 37% dari jumlah keseluruhan.

Merujuk rekod persediaan bagi pembayaran Mac 2024 jumlah penerima akan meningkat ke 18,433 iaitu 181 orang penerima baharu yang akan menerima melalui bank.

Semasa pandemik *COVID-19* gelombang kedua pada tahun 2021, penerima-penerima Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya melalui bank sahaja adalah seramai 3 ribu lebih orang.

Kaedah ini ternyata memberi kemudahan dan kemanfaatan seperti yang dijangkakan. Walau bagaimanapun, kaedah pembayaran dan penerimaan melalui bank ini adalah berupa *option* sahaja bagi penerima-penerima kerana masih saja ada yang berkeinginan untuk menerima secara tunai.

Seterusnya, berhubung dengan cadangan untuk meneliti dan mengkaji keperluan pemberian Bantuan Makanan Asasi kepada penerima dan cadangan bagi menubuhkan Jawatankuasa Khas atau Kumpulan Kerja Khas di bawah pihak-pihak yang berkepentingan, kementerian ini menyambut baik cadangan tersebut.

Pemberian barangan asasi ini adalah di bawah kawalan Bahagian Bantuan Kebajikan Am (JAPEM) semasa atau apabila berlaku kejadian bencana pihak JAPEM akan turun padang untuk melihat keadaan mangsa dan seterusnya memberikan catuan makanan pada hari tersebut atau keesokan harinya kepada mangsa-mangsa bencana.

Seperti lazimnya catuan makanan akan diberikan jika ia melibatkan kerosakan rumah terutama sekali dapur dan terputus jalan perhubungan. Penyiasatan yang terperinci akan dilakukan bagi memastikan bantuan yang diberikan itu adalah menepati keperluan sebenar seperti bantuan perumahan sementara dan bantuan kewangan iaitu tertakhluk kepada jenis apa isu-isu permasalahan penerima termasuklah bantuan catuan makanan atau Bantuan Makanan Asasi. Dalam hubungan ini, kita sudah setentunya akan cuba sedaya upaya untuk mengelakkan *wastages* atau makanan-makanan yang tidak diperlukan dan sebagainya.

Setakat bulan Februari 2024, sejumlah 558 bantuan catuan telah diberikan kepada mangsa bencana, $29,500 jumlah bantuan kewangan. Adapun kuantiti bilangan barangan asasi berkenaan adalah mencukupi untuk keperluan dalam tempoh 1 minggu.

Walau bagaimanapun, kementerian ini menyambut baik cadangan Yang Berhormat tadi bagi meneliti semula kesesuaian barang asasi ini dari aspek kesihatan. Seterusnya kaola menyentuh soalan dari isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat

Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Selaku pengendali kepada sistem SKN, kementerian ini sentiasa memastikan sistem ini dalam keadaan yang berkualiti, mempunyai kebolehpercayaan yang optimum dan juga mesra pengguna terutama bagi para pemohon yang kurang celik *IT*.

Inisiatif yang kerap dilaksanakan dalam menambah baik kecekapan sistem ini temasuklah meneliti penaiktarafan yang bersesuaian mengikut keperluan sistem dan juga orang ramai.

Oleh yang demikian, kementerian ini dalam perancangan bagi menjalankan kajian maklum balas atau *survey* orang ramai terhadap permohonan dalam talian SKN secara keseluruhan dengan maklum balas yang dikaji kemudian nanti ان شاء الله akan dapat membantu kementerian ini untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam sistem SKN ini.

Kementerian ini juga mengambil maklum dan prihatin terhadap para pemohon yang kurang mahir dalam *IT* temasuklah golongan Warga Emas dalam membuat permohonan bantuan kepada Sistem Kebajikan Negara.

Dalam hal ini, perkhidmatan kaunter juga disediakan di agensi-agensi pemberian bantuan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWB).

Pada awal tahun ini hingga 29 Februari 2024, jumlah kehadiran orang ramai yang berkunjung ke kaunter secara keseluruhan adalah 2272 orang. Seramai 994 orang hadir ke kaunter JAPEM dan seramai 1,278 orang hadir ke kaunter JUZWB.

Seterusnya menjelaskan bahawa bagi permohonan Pencen Umur Tua belum diterapkan dalam sistem ini. Namun demikian إِنْ شَاءَ اللهُ dalam Fasa 4 pengiktirafan SKN, pihak kementerian akan cuba mengintegrasikan bukan sahaja permohonan Pencen Umur Tua malah juga Elaun Kurang Upaya. Mungkin setakat itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan cuba menjawab mana-mana yang terlepas itu, akan kaola cuba untuk menjawab secara "bertulis".

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan responsnya terhadap soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Kaola ingin menjawab soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai papan tanda *JobCentre Brunei*

(JCB) yang jawinya tidak dibahasa melayukan.

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan soalan berkenaan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Jabatan Perdana Menteri telah mengambil tindakan bagi menggunakan nama-nama dalam bahasa Melayu ke arah memartabat dan mengutamakan penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara.

Perubahan-perubahan yang telah diambil adalah penggunaan nama Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) sebagai nama rasmi bagi *JobCentr*e *Brunei* dan penggunaan nama Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) sebagai nama rasmi bagi *Manpower Planning and Employment Council (MPEC),* tulisan Jawi bagi Pusat Pekerjaan Brunei dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) telah diselaraskan dan diperolehi dari pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Dengan perubahan ini, papan tanda yang sedia ada akan dikemaskinikan, pada masa ini dalam proses membuka tawaran bagi kerja-kerja berkenaan.

Sekian sahaja, yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Kaola mohon maaf Yang Berhormat Pengerusi. Ada tertinggal lagi satu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai apa perancangan pihak kerajaan dalam persediaan Negara Brunei Darussalam menganjur dan menjadi Tuan Rumah kepada sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa.

Contoh yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi adalah *SEA GAMES,* sukan Asia Tenggara, yang kali terakhir 'kitani' menjadi Tuan Rumah adalah pada 1999. Sukan-sukan yang berskala besar sebegini sebenarnya adalah merupakan satu cabaran untuk kita menjadi Tuan Rumah.

Ini kerana apabila menjadi Tuan Rumah kepada sukan-sukan yang besar seperti ini, ia banyak melibatkan tenaga kerja dari segi jawatankuasa-jawatankuasa dan juga paling utama sekali dari segi infrastruktur yang sedia ada.

Masa beredar sejak beberapa tahun dahulu semasa 'kitani' menjadi Tuan Rumah, kriteria dan kualiti ataupun kriteria minimum dari segi keselamatan dan sebagainya, bagi 'kitani' menggunakan infrastruktur 'kitani' adalah berubah mengikut keadaan semasa.

Sebagai contoh, stadium 'kitani'. *National* Stadium 'kitani' telah pun didirikan dan dibangunkan lebih tempoh yang agak panjang iaitu sebelum 1984 dan dari segi reka bentuk dan

sebagainya, memanglah pada waktu itu ia memenuhi kehendak pada waktu itu.

Apabila setelah beberapa tahun, ia pun berubah dari segi kehendak dan piawaian antarabangsa. Maka, reka bentuk yang 'kitani' ada itu sukar untuk 'kitani' cuba memenuhi kehendak-kehendak piawaian itu. Walaupun dengan 'kitani' sudah menaik taraf keadaan stadium itu.

Kesimpulannya, untuk 'kitani' bersedia menganjurkan sukan-sukan yang berskala besar seperti ini, memerlukan infrastruktur yang baharu untuk 'kitani' boleh menganjurkan dan menjadi Tuan Rumah kepada sukan-sukan bertaraf antarabangsa seperti ini.

Jadi, apa perancangan kementerian ini? Kaola ingin mengongsikan bahawa langkah-langkah yang dibuat pada masa ini adalah meneliti keseluruhan infrastruktur sukan yang sedia ada dan mula merancang secara berperingkat-peringkat bagaimana 'kitani' akan cuba membangunkan prasarana infrastruktur yang boleh menepati piawaian di peringkat antarabangsa.

Ini setentunya bukan merupakan langkah yang mudah kerana 'kitani' juga mengambil kira sumber-sumber kewangan 'kitani' yang sedia ada dan juga mengambil kira tempoh persiapan yang sedia ada dan juga mengambil kira pada suatu masa nanti 'kitani' mungkin tidak akan terlepas daripada menjadi Tuan Rumah dan mungkin 'kitani' tidak ada pilihan lain tetapi terpaksa menjadi Tuan Rumah.

Jadi, dalam mengambil kira perkara-perkara ini, pendekatan yang diambil adalah untuk meneliti dan mencuba untuk memperbaiki atau menaik taraf atau membangun prasarana baharu secara berperingkat dengan mengambil pendekatan *PPP* dan juga opsyen-opsyen lain yang boleh digunakan untuk membolehkan 'kitani' membangunkan prasarana seperti ini.

Selagi prasarana seperti ini belum dapat 'kitani' adakan, maka agak sukar untuk 'kitani' "mengangkat tangan" untuk menjadi Tuan Rumah kepada sukan-sukan bertaraf antarabangsa seperti ini. Namun demikian, tidak semua sukan itu 'kitani' tidak boleh mengendalikan.

Ada sukan-sukan di peringkat antarabangsa yang boleh 'kitani' kendalikan dengan mengambil kira infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada pada masa ini. Apa yang kaola yakin dengan pendekatan senegara, dengan pendekatan pihak kerajaan dan bukan kerajaan, dengan pendekatan dan penglibatan semua pihak, tiada apa pun yang mustahil bagi kita untuk sama-sama berganding bahu untuk menjayakannya.

Sekian, jawapan kaola mengenai perkara itu. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan, membuat *intervention*nya terutama mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia

Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mencelah sedikit mengenai saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, berkenaan program PKBN untuk dilaratkan ke graduan. إِنْ شَاءَ اللهُ, perkara ini akan diambil perhatian.

Kaola ingin mengongsikan sahaja. Bermula pada bulan Januari 2021 dan sehingga sekarang, sudah terdapat 5 kemasukan *(intake)* ke PKBN bagi pelajar-pelajar *IBTE* yang ingin menamatkan program-program yang mereka ambil terutama daripada program *iSkill ISQ*.

Mereka mengikuti program jati diri ini selama 3 bulan dan mereka ini adalah dari program-program yang mengambil *scaffolding, marker fitter, rigger, welding* dan juga *plaster painter.* Sehingga ke hari ini, terdapat 865 pelajar yang telah menamatkan program jati diri di PKBN. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dengan jawapan-jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Yang Berhormat Menteri-Menteri yang lain berhubung dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh 6 orang Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup dahulu dan kita akan beralih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Tetapi sebelum itu, saya ingin mencadangkan supaya kita berhenti berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung perbahasan kita ini kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankusa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita akan menyambung perbahasan di bawah tajuk-tajuk bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum kita memulakan, memandangkan kesuntukan masa dan keperluan untuk meluluskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, saya membuat keputusan untuk mengehadkan satu soalan sahaja bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat. Soalan tersebut perlulah strategik yang menyentuh isu kebangsaan dan keutamaan tinggi.

Mana-mana soalan yang tidak sempat dikemukakan, saya nasihatkan bolehlah dihadapkan kepada Yang Mulia Jurutulis untuk dijawab secara "bertulis" oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Saya mengakui bahawa perkara ini *a bit drastic*, tetapi kita telah pun mengadakan mesyuarat ini selama 15 hari sekarang. Sebagaimana yang kita ketahui, mesyuarat-mesyuarat kita tidak dapat kita langsungkan sekiranya Yang Berhormat Menteri-Menteri tidak dapat hadir.

Yang Berhormat Menteri-Menteri kita adalah orang-orang yang sibuk dengan urusan-urusan pentadbiran seharian dan juga urusan-urusan atau komitmen yang dibuat oleh negara di luar negeri. Jadi, mereka terpaksa kadang-kadang ke luar negeri dan terpaksa menghabiskan masa untuk menjalankan tugas-tugas rasmi masing-masing.

Disebabkan oleh keadaan yang sedemikian, maka kita tidak mempunyai jalan lain melainkan untuk membuat *restriction* ini pada kali ini bagi membolehkan kita meluluskan Rang Undang-Undang yang kita hadapi ini dalam sehari dua ini juga.

Walau bagaimanapun, Ahli-Ahli Yang Berhormat bolehlah memberikan soalan mereka masing-masing yang belum sempat disuarakan kepada Yang Mulia Jurutulis dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan untuk dijawab secara "bertulis".

Sesi-sesi perjumpaan akan terus diadakan antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian lain. Kementerian-kementerian akan diaturkan dalam sepanjang tahun ini. إِنْ شَاءَ اللهُ

Jadi, untuk memulakan sekarang perbincangan kita ini dan untuk mengehadkan saya masih lagi meminta kalau dapat dihadkan satu soalan sahaja daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi, terpulanglah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memilih mana, salah satu soalan yang Ahli-Ahli Yang Berhormat memikirkan strategi untuk dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dihadapkan kita pada hari ini.

Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Silakan.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana telah berjaya menganjurkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 pada bulan lepas.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menghargai usaha Jabatan Belia dan Sukan serta *Young Professional Network Brunei,* iaitu *YPN* kerana telah berjaya menganjurkan secara bersama tujuh *Youth Town Hall* sejak tahun 2020.

Inisiatif ini dengan ketara telah menyumbang dalam merapatkan jurang generasi membolehkan belia memberikan pandangan tentang pembangunan negara dan memahami bagaimana dasar dan belanjawan negara dalam bentuk memajukan masa depan mereka.

Kaola juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Majlis Belia Brunei dan *You Can Lead* atas dedikasi dalam menerbitkan Program Pembangunan Jati Diri dan *professional* di platform mereka.

Kaola mengambil baik usaha gigih 3 pihak organisasi yang secara sukarela menganjurkan acara dan bengkel di dalam negara.

Inisiatif ini telah menunjukkan kepentingan nilai mereka melengkapkan generasi muda mereka.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat. Dapat saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada perkara yang kita bincangkan sekarang, sila menyoal ataupun menyuarakan apakah harapan Ahli Yang Berhormat terhadap perkara yang kita hadapi ketika ini. Silakan.

Yang Berhormat Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Seiring dengan pengiktirafan *UN Youth Strategy 2018* dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 terhadap warga muda sebagai golongan yang akan membuat perubahan, kaola ingin mencadangkan inisiatif bagi memanfaatkan lagi potensi demografi ini, iaitu menubuhkan platform untuk perwakilan belia dan integrasi pembimbing belia ke dalam *Steering Committee* atau *National Council* bagi setiap kementerian.

Dengan melibatkan bakal belia yang bersemangat tentang kemajuan negara dan menunjukkan kepimpinan, kita boleh menyuntik perspektif inovatif dan mengekalkan ketangkasan dalam segi pembangunan negara kita.

Integrasi ini juga akan dapat menjadikan untuk meningkatkan penglibatan sivik dalam kalangan belia, melahirkan pemimpin masa depan dan mempromosikan penyelesaian inovatif untuk kemajuan negara.

Oleh yang demikian, soalan kaola bagaimanakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merangka dan melaksanakan strategi ini untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi belia kita dalam pembangunan dan kemajuan negara? Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola cuma ingin membawakan satu perkara, iaitu mengenai Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035.

Salah satu daripada Matlamat Utama dalam dasar ini adalah: Pemerkasaan Belia, namun begitu sejauh mana belia sudah terlibat dalam memahami dan mengetahui peranan mereka dalam pelaksanaan dasar ini?

Adakah laporan-laporan disediakan untuk memastikan isu-isu yang mereka hadapi dirujuk dan diambil kira?

Di sini, kaola ingin mencadangkan bagi pemerhatian semula oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui kerjasama dengan persatuan-persatuan belia serta pergerakan belia di negara kita sebagai asas kukuh untuk memastikan suara belia dapat didengar melalui platform yang sedia ada serta merangka pelan tindakan serta melaksanakannya melalui sokongan daripada persatuan-persatuan belia.

Selain itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga perlu mengintegrasikan program-program dalam Dasar Belia Negara dan Strategi ke dalam kokurikulum pendidikan untuk melahirkan pemimpin masa hadapan yang bersedia menghadapi cabaran globalisasi.

Itu saja, yang kaola ingin suarakan dan memohon pencerahan mengenainya. Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang disampaikan sebentar tadi.

Kaola merujuk kepada badan sukarelawan di negara ini. Ada terdapat banyak badan sukarelawan yang aktif di bawah persatuan-persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dengan aktiviti yang dikendalikan.

Perkara yang paling ketara adalah semasa pandemik *COVID-19* melanda di negara ini. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha untuk mendapatkan khidmat sukarelawan dari berbagai-bagai pihak bagi sama-sama memberikan khidmat dalam menangani pandemik tersebut. Badan Sukarelawan Belia telah pun ditubuhkan.

Walau bagaimanapun, setelah berakhirnya pandemik tersebut apakah keberadaan sukarelawan ini? Adakah ia tidak lagi relevan untuk diteruskan?

Dari sini kaola ingin mencadangkan supaya Badan Sukarelawan Belia ini dikekalkan dan diteruskan serta dinaikkan tarafnya kepada taraf kebangsaan sebagai Badan Sukarelawan Kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ia bukan sahaja memfokuskan kepada kemasyarakatan bahkan menyeluruh mengikut keperluan kebangsaan.

Dengan tertubuhnya badan ini, kaola rasa ia memudahkan pengurusan jika diperlukan pada bila-bila masa. Itu sahaja, yang kaola persoalkan Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيْ

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Kaola mengucapkan penghargaan dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pembentangan yang begitu komprehensif pada awal pagi tadi.

Kaola tertarik dengan kandungan pembentangan tadi berkaitan dengan penggubalan Pelan Tindakan Wanita yang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada jawatankuasa yang berkenaan untuk ia dikuatkuasakan.

Kaola mengambil maklum Pelan Tindakan ini akan memfokuskan pemerkasaan dan perlindungan hak wanita, penjagaan kesihatan, pemerkasaan ekonomi, pekerjaan dan keseimbangan hidup kerja iaitu antara pekerjaan dan kehidupan bekeluarga kaum wanita di negara ini. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan potensi maksimum wanita di negara ini dan pembangunan yang saksama untuk kaum wanita terlibat aktif ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pelan Tindakan ini akan menggariskan dasar-dasar kerajaan dan inisiatif di peringkat kebangsaan yang perlu dibangunkan dan diperkukuhkan untuk pembangunan dan pemerkasaan wanita di Negara Brunei Darussalam. إِنْ شَاءَ اللهُ

Oleh itu, kaola mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, apakah mekanisme pihak kementerian untuk menilai sejauh mana keberkesanan dasar dan inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Tindakan itu nanti dan fokus daripada penggubalan tersebut sama ada pihak kementerian akan mencadangkan sebarang perubahan dasar dalam perkhidmatan awam dan swasta di negara ini, bagi memperkenalkan persekitaran kerja yang lebih fleksibel dan lebih menyokong kepada keseimbangan kedua-dua kerja dan kehidupan bekeluarga bagi kaum wanita yang bekerja di negara ini? Ini akan meningkatkan prestasi dan pencapaian potensi penuh mereka.

Oleh itu, adalah penting supaya Pelan Tindakan ini dapat diakses dengan mudah oleh semua pihak dan orang

ramai melalui portal rasmi kementerian dan untuk pihak kementerian mengadakan 'pemberigaan' meluas mengenainya bagi memberikan penjelasan dan kefahaman kepada masyarakat, khususnya pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهdan salam sejahtera.

Soalan kaola mengenai *Youth Town Hall*. Pada tahun 2022 terdapat kira-kira 151,200 orang belia berumur 15 hingga ke 34 tahun di Negara Brunei Darussalam. Ini menunjukkan satu per tiga dari *population* Negara Brunei Darussalam adalah dalam kalangan belia.

Golongan belia perlu dilihat sebagai enjin yang mampu membawa perubahan baharu. *Town Halls* memainkan peranan penting dalam memupuk penglibatan sivik dengan menyediakan ruang untuk penduduk terutama sekali belia bergiat secara aktif mengambil bahagian dalam pentadbiran tempatan, menyuarakan pendapat mereka dan menyumbang kepada pembangunan komuniti dan negara selaras dengan gagasan kerajaan iaitu *whole of nation approach*.

Mereka membantu mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan rakyat dengan memudahkan komunikasi dan kerjasama.

Kaola menyambut baik *Youth Town Hall* yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama dengan *Young Professional Network (YPN)* yang ditubuhkan pada tahun 2020 dengan objektif untuk memupuk minda yang dipacu penyelesaian, berfikir ke hadapan dan komuniti belia kolaboratif yang bersemangat untuk menyumbang kepada pembangunan negara kita dengan memberi peluang kepada belia untuk berinterikasi dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.

Kaola dimaklumkan bahawa tujuh sesi *Youth Town Hall* telah diadakan sejak tahun 2020. Soalan kaola:

1. Sejauh manakah keberkesanan *Youth Town Hall* dalam mencapai objektifnya?;

2. Apakah fokus utama dari sesi-sesi *Youth Town Hall* yang telah diadakan? Cadangan kaola,

kaola berpendapat impak dan keberkesanan inisiatif *Youth Town Hall* untuk memastikan suara dan sumbangan belia dihargai dengan beberapa cara iaitu meningkatkan jumlah sesi *Youth Town Hall* bersama Yang Berhormat Menteri-Menteri.

Ini boleh dicapai dengan menyusun kalendar tahunan dan merancang jadual Yang Berhormat Menteri dengan lebih awal. Mengadakan Sesi *Youth Town Hall* di keempat-empat daerah, Daerah Temburong boleh digabungkan dengan Daerah Brunei dan Muara. Hal ini akan memastikan bahawa peluang untuk penglibatan belia lebih luas dan merata di seluruh negara.

Ini juga akan dapat menjadi model turun padang bagi Yang Berhormat Menteri-Menteri untuk mengurangkan jurang pembangunan dan aspirasi terutama bagi perspektif golongan belia;

3. Sorotan daripada perbincangan *Youth Town Hall* dikongsi kepada masyarakat awam dan juga membangunkan laman *website* khusus. Kaola juga tertarik kepada inisiatif *youth conversations* yang dilakukan oleh negara jiran kita yang memberi ruang selamat kepada belia mereka untuk berdialog dan berkongsi pelbagai pandangan dan mereka juga mengeluarkan laporan penuh untuk dikongsi dengan masyarakat. Kaola berharap agar *hopes and fears* belia 'kitani' dapat menjadi isi kandungan *conversations* di *Youth Town Hall* dan idea-idea mereka diambil serius dan dapat dilaksanakan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Dalam perbincangan ini, kaola akan menyentuh mengenai persatuan belia dan mereka yang berpendidikan tinggi.

Pada tahun-tahun 60-an dan 70-an, banyak persatuan belia yang tumbuh seperti cendawan dan persatuan belia ini kebanyakannya dipimpin oleh kalangan belia yang mempunyai kelulusan seperti *'O' Level*, SPM dan sebahagiannya hanya setakat darjah 6 dari kalangan kerani, guru-guru, tetapi mereka ini mempunyai komitmen dan dedikasi yang tinggi menggerakkan persatuan mereka.

Ini dapat dilihat dari segi penglibatan mereka dalam bidang ekonomi, budaya, agama, sukan, kemasyarakatan. Mereka berjaya menubuhkan syarikat-syarikat

kerjasama, syarikat pengangkutan seperti bas-bas sekolah. Pada masa ini, banyak belia yang berkelayakan dan berpendidikan tinggi sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri.

Belia yang berpendidikan tinggi sepatutnya dapat membawa semangat baharu, *idea* inovatif, komitmen yang mendalam untuk membuat perubahan positif dalam masyarakat kita dan menciptakan impak yang berlipat ganda dalam masyarakat.

Mereka berdarah muda *(young blood)* dapat membawa pandangan segar dan penyelesaian yang penuh inovatif untuk menangani masalah yang kompleks. Dengan menyokong dan memberikan peluang untuk memimpin persatuan belia, kita dapat mendorong pertumbuhan dan transformasi masyarakat yang berkesan. Persatuan-persatuan belia yang dipimpin oleh belia berpendidikan tinggi juga lebih berpotensi untuk kelangsungan jangka panjang.

Mereka membawa kepakaran dalam pengurusan organisasi, perancangan strategik dan pengumpulan dana. Dengan mempromosikan profesionalisme dan akauntabiliti, kita dapat menarik lebih banyak dana dan mendapat kepercayaan dari pihak yang berkepentingan.

Untuk mencapai matlamat ini, kita perlu menggalakkan lebih banyak belia berpendidikan tinggi untuk terlibat dalam pengurusan dan pengendalian pasukan persatuan belia. Mereka adalah generasi bahru yang penuh semangat dan inovatif, dengan memberi mereka sokongan yang mencukupi kita dapat memastikan bahawa kepimpinan persatuan belia terus dinamik dan berkesan.

Soalannya, Yang Berhormat Pengerusi, berapa ramaikah persatuan belia yang terdapat pada masa ini yang dipimpin oleh belia yang berkelayakan tinggi untuk memperkasa dan membina persatuan-persatuan ini ke arah yang lebih cemerlang, gemilang mahupun di peringkat negara dan luar negara.

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan soalan-soalan mereka.

Sekarang, saya akan memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya.

Saya ingin menasihatkan Yang Berhomat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu dengan *brief,* tidak 'payah' diberikan jawapan yang panjang-panjang 'melarat-larat'. Jadi 'kitani' pun akan menjimatkan masa untuk membagi 'kitani' untuk meneruskan pekerjaan 'kitani' pagi ini إِنْ شَاءَ اللهُ.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akur dengan nasihat Yang Berhormat Pengerusi dan cuba menjawab dengan sependek-pendeknya dan yang mungkin tidak dapat kaola jawab panjang lebar, kaola akan cuba menjawab secara "bertulis".

Kaola ingin menyentuh merangkum mungkin satu isu yang ditimbulkan. Isu yang ditimbulkan adalah penglibatan belia dalam memberi *inputs* mahupun menyumbang kepada penggubalan dasar dalam *nation building* atau pembangunan negara.

Kaola ingin lari daripada konteks golongan belia *versus* golongan warga yang sudah "emas". Sebenarnya, dalam 'kitani' sama-sama membangun negara bukan bermakna satu golongan saja yang diberikan laluan.

Apa pun cadangan, idea dan sumbangan, ia perlulah diteliti berdasarkan *merit of* sumbangan, idea dan cadangan tersebut. Tanpa mengira sama ada cadangan itu datangnya daripada golongan belia ataupun daripada golongan yang bukan golongan belia lagi.

Jadi, pada kesimpulannya, apa yang penting di sini adalah kerjasama antara kedua-dua golongan ini. Golongan yang muda belia bersama dengan golongan yang bukan lagi belia dan sikap hormat-menghormati terhadap pandangan masing-masing.

Jadi, apa yang kaola ingin tonjolkan di sini pendekatan yang selama ini telah 'kitani' ambil adalah membuka ruang kepada interaksi antara dua golongan yang berbeza ini dan peluang ini menghampirkan 'kitani"mengurangkan jurang perbezaan pendapat ataupun pendirian dalam sama-sama menyumbang kepada *nation building*.

Bukan bermaknanya untuk memperlagakan kedua-dua golongan ini dengan dua pendapat yang berbeza dengan dua pendirian yang berbeza yang sudah setentunya tidak akan menguntungkan 'kitani' dalam sama-sama memajukan negara 'kitani'.

Jadi, apa yang terjadi dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kaola sangat menyambut baik apa yang telah 'diungkayahkan' antara *youth town hall* dari sisi *youth town hall* dan penglibatan Young *Professional Network* kerana ia membuka ruang percambahan fikiran antara dua golongan ini.

Kaola berharap perkara ini akan dapat lagi dipertingkatkan baik bukan saja mendengar daripada kedua-dua pihak tetapi juga untuk membuka ruang macam mana golongan belia akan dapat lebih memahami apa yang pandangan dan *opinion* daripada golongan yang bukan belia dan *vice versa,* sama-sama menilai pandangan masing-masing dan mencapai kesimpulan yang paling berkesan untuk menggerakkan negara ini maju ke hadapan.

Mungkin itu saja yang kaola sentuh mengenai perkara itu. Kaola ada terlepas lagi beberapa perkara. Perkara yang ditimbulkan mengenai dengan pembangunan wanita.

Seperti yang ditimbulkan penyelidikan mengenai pembangunan wanita ini telah selesai dilaksanakan dan pada masa ini masih lagi diteliti dan إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan menjawab secara bertulis pertanyaan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam mengenai perkara ini.

Itu saja dulu sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang kita akan beralih kepada 6 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta dalam perbahasan ini.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Dalam kesempatan ini juga, kaola merakamkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pembentangan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang pembentangan tersebut adalah sangat komprehensif bagi menuju hasrat Kementerian berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam Dewan yang mulia ini, marilah kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merafakkan kesyukuran ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ serta dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan menjunjung kasih dan penghargaan yang tidak terhingga atas keprihatinan, pemedulian, kebijaksanaan serta tindakan segera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengurniakan titah perkenan bagi dana daripada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza berjumlah USD1,050,000. Juga dianggarkan $1,399,544 telah digunakan untuk menghantar bantuan kemanusiaan dalam bantuan barangan ke Palestin secara *air drop* berupa paket makanan yang siap sedia untuk dimakan dan tahan

lama dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 5920 paket.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Negara Brunei Darussalam juga selamat membuat penghantaran pertama pada 13 Mac 2024 yang merangkumi 2 kali *air drop* dan ia dilaksanakan dengan kerjasama menggunakan pesawat tentera udara Jordan. Sementara itu, pelaksanaan 2 *air drop* selanjutnya telah dijadualkan pada 14 dan 15 Mac.

Seperti yang kita sedia maklum, bantuan kemanusiaan rakyat Palestin ini adalah hasil daripada penubuhan Tabung Bantuan Kemanusiaan Rakyat Palestin di negara ini melalui Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin yang bertujuan membantu mengumpulkan dana berbentuk kewangan daripada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi membantu meringankan kesengsaraan dan bebanan penderitaan penduduk saudara Islam kita yang terjejas di Gaza, Palestin.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه ini membuktikan keprihatinan, pemedulian, kemurahan hati dan ringan tangan orang-orang Brunei 'kitani' yang menjadi budaya. Semogalah usaha dan bantuan amal yang berkebajikan sedemikian ini akan dapat diteruskan dan

إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan mendapat rahmat, keberkatan, magfirah dan pahala yang berlipat ganda daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن.

Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk meneruskan, ada yang kaola ingin persoalkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Semasa Musim Permesyuaratan Ke-19 pada tahun lepas di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada mengongsikan mengenai peranan Majlis Kebangsaan Isu Sosial sebagai Jawatankuasa Induk bagi Menangani Isu-Isu Kemiskinan di samping isu-isu sosial yang lain yang dihadapi di negara ini.

Adalah juga difahamkan bahawa Majlis ini telah merangka satu Pelan Tindakan untuk Membasmi Kemiskinan sebagai mekanisme utama bagi melaksanakan tindakan strategik secara *whole of nation approach* demi mengeluarkan lebih ramai lagi golongan tertentu daripada kitaran kemiskinan dengan memastikan golongan ini mampu untuk berdikari sendiri tanpa bergantung pada bantuan kerajaan.

Melalui kaedah dan Pelan Tindakan yang telah diusahakan setakat ini, membantu dalam usaha-usaha yang lain, kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, setakat manakah inisiatif-inisiatif yang 'diungkayahkan' itu melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial mendatangkan keberkesanan lagi efektif, berjaya mengeluarkan daripada kitaran kemiskinan tanpa mengharapkan lagi sebarang bantuan daripada pihak kerajaan. Apakah statistik terkini warga

miskin yang telah berjaya dikeluarkan dari kitaran kemiskinan?.

Yang berhubung dengan keperluan asas, minimum asas, adalah 'kitani' fahami kadar-kadar pemberian bantuan melalui Skim Kebajikan Negara dikira daripada anggaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi berasaskan kepada Kajian Perbelanjaan 2015/2016. Seperti kita maklumi bersama, keadaannya semakin berubah sekarang. Apatah lagi harga barang makanan termasuk keperluan asas telah meningkat dari semasa ke semasa. Ini juga bermakna *cost of living* atau kos sara hidup juga telah meningkat.

Bersabit dengan perkara ini, kaola memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adakah kos minimum keperluan asas telah direviu atau dikemas kini, sedangkan kadar kos minimum keperluan asas yang digunakan sebelum ini diperkenalkan hampir 9 tahun yang lalu bagi Garis Panduan Kadar Jumlah Bantuan yang akan dikeluarkan kepada mereka yang berkelayakan di bawah skim-skim kebajikan.

Ini adalah dalam kita bersama-sama memastikan golongan yang berkelayakan di bawah SKN atau Sistem Kebajikan Negara ini sekurang-kurangnya dapat menyara kehidupan dan keluarga seharian disebabkan kenaikan kos harga, kos sara hidup yang telah dialami.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekali lagi, kaola mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana telah memberi kaola laluan untuk berbahas Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera, lebih dahulu kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas pembentangan Belanjawan Kementerian Tahun Kewangan 2024/2025 yang merangkumi jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mempunyai perancangan untuk menaik taraf sukan di negara ini dengan menubuhkan ekosistem sukan. Koala hanya mempunyai satu soalan daripada banyak soalan dalam hubungan ini.

Kaola juga cuma ingin bertanya tentang Sekolah Sukan yang pada masa ini memanglah di bawah Kementerian Pendidikan. Adakah kerjasama wujud antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk memajukan Sekolah Sukan ini, yang pada masa ini seolah-olah kalau mengikut orang putih *neither here nor there* keadaannya.

Kaola berpendapat Sekolah Sukan jika dikendalikan dengan betul sebagaimana Sekolah Sukan di negara-negara lain dan disokong sepenuhnya oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai potensi untuk melahirkan olahragawan dan ahli-ahli sukan yang boleh meraih kejayaan di peringkat antarabangsa selain daripada Wushu dan Silat.

Sekolah Sukan yang ditubuhkan pada tahun 2003mula beroperasi di bangunan sendiri pada tahun 2009, mempunyai prasarana yang *propose build* untuk mengasuh bakat sukan di peringkat sekolah lagi. Bagi kaola adalah satu pembaziran jika Sekolah Sukan ini tidak diusahakan sepenuhnya untuk melahirkan belia-belia yang boleh bertanding di peringkat antarabangsa.

Sekianlah saja, soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akur saranan Yang Berhormat Pengerusi untuk me*limit*kan satu soalan dan memendekkan soalan.

Jadi, kaola tidak akan membuat mukadimah dalam konteks soalan kaola dan berharap soalan-soalan yang akan ditanyakan tadi tapi tidak sempat direkod dalam soalan akan dihadapkan sebagai rekod dalam Dewan dan mencari mekanisme yang layak untuk 'membarigakan' isu-isu ini kepada rakyat supaya kehadiran kami dalam Dewan yang mulia ini masih relevan.

Kaola pendekkan soalan, mohon 'barigakan' kalau sudah ada strategi kementerian untuk menjadikan penglibatan dalam sukan dan kebudayaan berbaloi dapat menjana pekerjaan dan *viable alternative form of employment*. والسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan mukadimah Belanjawan serta hala tuju bagi Tahun Kewangan 2024/2025 sebentar tadi.

Soalan kaola ialah mengenai dengan peruntukan RKN-12 berjumlah sebesar $11 juta iaitu untuk Bangunan Baharu Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Soalannya, tidakkah ada peruntukan tambahan bagi Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan yang hanya diperuntukkan sebanyak $631 ribu sahaja.

Tambahan yang kaola maksudkan ialah supaya Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan itu akan dapat ditambah atau lebih baik dinaik taraf dengan kemudahannya mengandungi ruang-ruang untuk berniaga bagi penerima JAPEM dan warga kurang pendapatan atau susah untuk membantu mereka mencari rezeki ke arah warga mandiri.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: أَلْحَمْدُ لِلّٰه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
الحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى النَّبِيِّ ٱلمُصْطَفَى
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَاقْتَفَى،
أَمَّا بَعْد

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Tahniah dan terima kasih terhadap penjelasan yang telah diberikan, dikongsikan dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap hala tuju bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, semoga ia terlaksana dengan keredaan آمِيْنُ الله.

Muzium negara di Kota Batu adalah salah satu destinasi pelancongan yang ada di Daerah Brunei dan Muara dan ia adalah gudang ilmu bagi penuntut-penuntut dan para pencari ilmu. Muzium ini telah ditutup buat sementara bagi kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian pada tahun 2014. Projek ini adalah dalam RKN-11.

Kaola sering ditanya dalam majlis-majlis rakyat dan juga sering mendengar mengenainya dibincangkan oleh rakyat yang prihatin, apa kedudukan muzium negara 'kitani' yang masih lagi belum dibuka sehingga ke hari ini.

Perkara ini telah pun dibangkitkan mungkin pada Majlis Mesyuarat Negara yang lepas tetapi masih lagi kedengaran bisikan mahupun suara secara lantang dari rakyat yang prihatin.

Oleh yang demikian, kaola suka mengetahui dan mendengar pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai apakah kedudukannya sehingga sekarang? Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Semoga bermanfaat.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk turut serta dalam perbincangan ini.

Sehubungan itu, kaola ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah dan pembentangan yang dikongsikan secara padat, komprehensif dan terperinci.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin mengetengahkan satu cadangan yang berkaitan dengan partisipasi dan penglibatan belia.

Kaola mencadangkan agar kerjasama perlu dilakukan bukan saja dari pihak kerajaan, namun juga penglibatan dari sektor-sektor swasta supaya berganding bahu, menyusun strategi untuk merealisasikan *the whole of nation approach* terutama untuk pembangunan belia.

Sebagai contoh, menyokong *venture agriculture* para belia agar syarikat-syarikat di sektor swasta dapat memberi dan menyediakan sedikit sebanyak insentif dari segi modal *(capital)* ataupun *support* dan *mentorship.*

Kaola faham perkara ini sudah pernah dilakukan oleh salah sebuah syarikat yang menolong membersihkan dan meratakan tapak serta membuat longkang yang pernah dijalankan di Kampung Selangan, Mukim Amo, Temburong beberapa tahun yang lalu melalui kerjasama Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam program Skim Belia Tani. Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan soalan-soalan mereka walaupun satu setiap orang Ahli Yang Berhormat *which I really appreciate it.*

Sekarang, saya menyerahkan perkara ini kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan responsnya.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. 'Barangkali' kaola ingin cuba mengambil pendekatan *selective* dahulu kerana soalan-soalan ini banyak dan kaola tidak juga mahu 'mangkali' cuba menjawab *off the cuff* kerana 'takut' 'melarat-larat' jua.

Jadi, kaola cuba menyentuh mengenai muzium yang telah ditimbulkan. Sehingga kini, status penyiapan projek membaik pulih dan menaik taraf

bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran secara menyeluruh setakat 31 Disember 2023 adalah pada tahap 84%.

Projek ini telah menghadapi isu pertikaian kontrak dan skop kerja yang memerlukan tindakan pembaikan segera Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan tidak lagi memberi kebenaran permohonan tambahan lanjutan masa perkhidmatan kontraktor *GR Technic Sdn. Bhd.* dan konsultan *Peridot Architects.* Maka, semua kerja telah berakhir setelah kebenaran *EoT* ketiga *(Extension of Time)* tamat pada 24 Januari 2024.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan telah menetapkan untuk menamatkan kontrak perkhidmatan kontraktor dan konsultan. Pihak Kementerian Pembangunan telah mengeluarkan Sijil Siap Kerja Praktikal kepada kontraktor pada 24 Januari 2024. Maka, perkhidmatan konsultan tersebut rasminya berakhir.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa ini sedang menerokai dan seterusnya akan memohon khidmat nasihat daripada Pejabat Peguam Negara mengenai tindakan undang-undang yang dapat diambil dalam memastikan tindakan tersebut adalah teratur.

Projek Fasa 2 ini telah dilaksanakan melalui proses tawaran secara terbuka dan iklan tawaran telah dibukakan pada 2 Mac 2024 dan akan ditutup pada 2 April 2024. Fasa 2 ini sebenarnya melibatkan pembuatan *gallery content*.

Dari segi fizikal bangunan, ia telah pun mencapai 84% dan yang selebihnya ini adalah melibatkan pembuatan dan penyelesaian *gallery content*. Jadi, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan mengenai perkembangan status *upgrading* Muzium Negara.

Kedua, kaola mohon 'kali' daripada Yang Berhormat Pengerusi supaya kaola menjawab secara "bertulis" soalan-soalan yang selebihnya bagi memastikan ia tepat dan kaola tidak terlalu 'berlarat-laratanlah' dalam menjawab. Mohon nasihat Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya tidak ada halangan atas permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai soalan-soalan lain yang akan dikemukakan yang tadi, perlu rasanya dikemukakan tetapi terhad disebabkan oleh kesuntukan masa, maka bolehlah membuat soalan-soalan yang sedemikian dan menghantarnya kepada Yang Berhormat Menteri melalui Yang Mulia Jurutulis dan jawapannya akan diberikan kemudian. إِنْ شَاءَ اللهُ

Nampaknya, kita sudah merundingkan Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang saya kira cukuplah dulu kita membahaskannya dan saya kira adalah sesuai sekarang bagi Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua ahli bersetuju.

Maka Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A diluluskan dan kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Kesihatan.

Seperti lazimnya sebelum saya membukakan bagi tajuk di bawah kementerian ini untuk dibahaskan, saya ingin mempersilakan dulu Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan keterangan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰه bersyukur kita ke hadrat آللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmat, izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini di Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara tahun 2024 Masihi bersamaan dengan 1415 Hijrah.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum membincangkan Kementerian Kesihatan ini di peringkat Jawatankuasa, kaola lebih dahulu merakamkan penghargaan dan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda sempena Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini.

Ke arah sama-sama menjunjung, mendukung dan merealisasikan aspirasi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pendekatan senegara adalah paling mustahak terutamanya dalam mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara demi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara sehingga generasi-generasi yang akan datang.

Dalam perkara ini, tidak dapat dinafikan peranan penting yang dimainkan oleh kesihatan dan hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi bahawa kajian antarabangsa telah berkali-kali menunjukkan status kesihatan yang baik secara langsung memberikan kesan dan impak positif dari pelbagai aspek seperti produktiviti pekerjaan, pengurangan beban belanjawan rawatan, pendapatan perniagaan, pencapaian tahap pendidikan, peningkatan jangka hayat dan kualiti kehidupan secara amnya.

Menyentuh mengenai penggunaan peruntukan dengan berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat, Kementerian Kesihatan sentiasa komited kepada pendekatan-pendekatan yang kos efektif dengan berpandukan konsep *value-based healthcare* dalam menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang. Hala tuju strategik Kementerian Kesihatan adalah untuk membangunkan sistem penjagaan kesihatan negara yang *resilient* lagi berdaya tahan dengan memanfaatkan teknologi kesihatan dan inovasi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, izinkan kaola mengongsikan dahulu beberapa pencapaian yang telah dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan seterusnya menerangkan secara am tumpuan, keutamaan dan perancangan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Kementerian Kesihatan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan bagi membolehkan Kementerian Kesihatan menunaikan tanggungjawabnya dalam memastikan keberkesanan dan kualti pencapaian penjagaan kesihatan kepada setiap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan peruntukan Tahun Kewangan 2023/2024 yang lalu, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sebahagian inisiatif yang dilaksanakan nampak dilihat termasuklah infrastruktur atau pembaikan kepada bangunan, sementara sebahagiannya walau tidak

dapat dilihat dengan mata malahan adalah paling signifikan berbanding apa yang jelas nampak dan lebih penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

Misalannya, inisiatif dalam menangani isu kesihatan mental, Program Saringan Penyakit Tidak Berjangkit, Pengawalan Penyakit yang Berjangkit dan juga usaha mempromosikan kesihatan. Hasilnya mungkin tidak dapat dilihat dalam setahun dua tapi seharusnya dibuat secara berterusan sehinggakan menjadi budaya setiap orang yang inginkan kehidupan yang berkualiti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaras dengan Perancangan Strategik Kementerian Kesihatan untuk sentiasa berusaha mengukuhkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang awam demi peningkatan kualiti hidup rakyat sepertimana Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Beberapa insiatif telah berjaya dilaksanakan yang menjurus kepada penambahbaikan dan penaikatarafan dalam perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Ini termasuk pengubahsuaian dan penaiktarafan infrastruktur seperti penaiktarafan 2 bilik bedah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha khusus bagi pembedahan mata, ortopedik *dan neurosurgery.* Tambahan blok baharu di Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong yang akan mula digunakan dalam masa sedikit lagi.

Blok baharu ini menempatkan kemudahan-kemudahan Perkhidmatan Kesihatan Asasi dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak dan pengubahsuaian kemudahan *phlebotomy* atau Perkhidmatan Pengambilan Darah di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait khusus bagi memperbaiki *accessibility* dan memenuhi keperluan golongan-golongan tertentu seperti Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya.

Dari segi perkembangan dan pembaikan perkhidmatan pula, Perkhidmatan Kecemasan Perubatan diperkukuhkan dengan tambahan sebanyak 30 buah ambulans pada bulan Disember 2023. Untuk menampung keperluan kecemasan dan penghantaran pesakit dan di samping itu sebanyak 5 buah jenis pacuan 4 roda adalah dalam proses pendaftaran dan 2 buah lagi jenis *ICU ambulance* masih dalam peringkat tawaran.

Perkhidmatan Klinik Program Saringan Pendengaran 'Anak Damit' *(Newborn Hearing Screening Clinic)* telah dilaratkan ke Daerah Belait pada bulan Ogos 2023 sebagai langkah menjadikan liputan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan *accessible* yang membolehkan sebarang masalah pendengaran kalangan 'anak-anak damit' dikesan awal dan berikan rawatan.

Pelaratan perkhidmatan saringan ini diperlukan adalah disebabkan

terdapatnya peningkatan tahunan kepada jumlah anak damit yang didapati mempunyai masalah pendengaran. Pada tahun 2023 sahaja seramai 50 orang 'anak damit' dikesan mempunyai masalah pendengaran berbanding dengan 18 orang pada tahun 2015.

Program Saringan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit terus dijalankan secara *adhoc* di kementerian-kementerian, sektor swasta dan semasa acara-acara tertentu seperti Program Bandarku Ceria. Bagi menjadikan Program Saringan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit lebih sistematik dan bukan semata-mata dilakukan secara *opportunistic* sahaja serta dapat menjangkau kumpulan-kumpulan sasaran yang dihasratkan.

Program tersebut sedang diperkukuhkan dengan menggunakan aplikasi *BruHealth* sebagai kaedah saringan utama. Melalui aplikasi tersebut, empat (4) jenis saringan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat iaitu sesiapa yang memenuhi kriteria saringan berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam sistem *Bruhims* akan diundang untuk menjalani ujian saringan.

Pada masa ini, saringan penyakit kardiovaskular dan kanser kolorektal telah dimulakan melalui aplikasi tersebut.

Pada tahun 2023, dari sejumlah 2,861 orang yang telah menjalani saringan penyakit kardiovaskular, 29% didapati mempunyai *index* jisim badan *(BMI)* dalam kategori *obese*, 54% dikesan menghidapi kadar kolestrol yang tinggi, 17% menghidap tekanan darah tinggi dan 7% dikesan menghidap darah gula tinggi. Pengesanan ini membolehkan mereka yang terlibat diberikan rawatan dan dimasukkan ke dalam pemantauan klinikal bagi pencegahan penyakit kardiovaskular dan diabetes.

Saringan seterusnya yang akan diperkenalkan aplikasi *BruHealth* ialah saringan kanser serviks dan kanser payudara. Pada tahun 2023, seramai 9,144 wanita telah menjalani saringan kanser payudara yang mana 1% daripada mereka didapati mempunyai keputusan ujian *mammogram* yang tidak *normal*.

Adalah diharapkan dengan penggunaan aplikasi *BruHealth,* lebih ramai lagi wanita yang memenuhi kriteria saringan akan menjalani ujian berkenaan.

Sementara itu, ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti sebuah *suite mammogram* yang baharu khusus bagi saringan kanser payudara sedang dalam pembinaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha iaitu sebagai tambahan kepada kemudahan yang ada pada masa sekarang.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan menyeru kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk menjalani ujian saringan terutama sekali bagi yang berisiko tinggi atau menerima notifikasi undangan untuk menghadirkan diri semasa ujian-ujian tersebut diaturkan. Ini adalah semata-mata untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati tahap kesihatan yang baik di samping

memelihara kualiti kehidupan masing-masing. Pengukuhan Program Saringan Penyakit kurang bermakna jika keupayaan *diagnostic* juga tidak dimantapkan.

Ke arah ini, beberapa ujian makmal yang baharu telah diperkenalkan di samping penaiktarafan beberapa jenis mesin radiologi dan makmal yang lebih canggih dan terkini, termasuk mesin *Magnetic Resonance Imaging (MRI)* dan *Computed Tomography (CT Scan)* di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan mesin-mesin di makmal-makmal hematologi, biokimia, imunologi, Pusat Pendermaan Darah dan sebagainya.

Kedua-dua mesin *MRI* dan *CT Scan* yang baharu ini menggunakan teknologi kecerdasan buatan ataupun *artificial intelligence* bahawa proses kerja dilakukan secara automatik dan menjadikan imbasan ataupun *scanning* lebih konsisten, lebih mudah dihasilkan semula ataupun *reproduceable* dan lebih cepat.

Kesihatan mental turut menjadi salah satu keutamaan yang ditangani melalui pendekatan yang holistik iaitu mengimbangi antara ikhtiar keagamaan dan rawatan konvensional dalam menangani masalah kesihatan mental, sepertimana yang juga dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1443 bersamaan 2022.

Dalam memperkukuhkan perkhidmatan rawatan kesihatan mental serta meningkatkan pengetahuan dan kefahaman orang ramai mengenainya, beberapa inisiatif telah dan giat diusahakan seperti jerayawara-jerayawara kesihatan mental atau *psychoeducation* (proses mengajar pesakit dan ahli keluarga mereka tentang sifat penyakit termasuk etiologi, perkembangan, akibat, *prognosis,* rawatan dan alternatif) bagi orang ramai dilaksanakan bekerjasama dengan agensi yang berkepentingan bagi kumpulan sasaran tertentu dan untuk menggurangkan mahupun menghapuskan stigma terhadap kesihatan mental yang boleh menjadi penyebab seseorang tidak mendapatkan bantuan.

Penerbitan buku panduan seperti *e-book Student Wellness: A Mental Health Guideline for Students* dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan, JIWA dan Buku Panduan Doa dan Zikir untuk Kesihatan Mental dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kolej Universiti Pergurusan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Salinan risalah dan rujukan *e-book* berkenaan ada nanti kaola bekalkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Penambahan waktu peroperasian Talian Harapan '145' menjadi 24 jam / 7 hari 1 minggu sejak bulan Mac 2023. Penamaan semula Klinik Pesakit Luar, Jabatan Psikiatri, Kampung Kiarong kepada Klinik As-Syafii pada bulan Disember 2023, sesuai dengan usulan

salah seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu sebagai salah satu kaedah untuk mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental. Perancangan bagi pengendalian Latihan Asas Kesihatan Mental dan Kaunseling kepada imam-iman dan da'i-da'i dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Bagi sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerbitkan sebuah buku panduan Buku Kod Etika Kaunseling dengan usahasama Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menyelaraskan etika bagi kaunselor di setiap kementerian.

Ke arah memantapkan perkhidmatan Klinikal Kesihatan Mental, kapasiti tenaga profesional telah juga dipertingkatkan. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan mempunyai empat (4) orang Pakar Psikiatri tempatan berbanding dengan hanya seorang pada tahun 2014 dan tujuh (7) orang Pegawai Perubatan Psikiatri tempatan berbanding dengan dua (2) orang pada tahun 2014.

Jumlah Psikologis juga meningkat daripada empat (4) orang Psikologis Klinikal dan empat belas (14) orang Psikologis pada tahun 2014 kepada enam (6) orang Psikologis Klinikal dan lapan belas (18) orang Psikologis pada tahun ini. Pada masa ini, enam (6) orang Psikologis sedang menjalani latihan di luar negara untuk menjadi Psikologis Klinikal.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah mendapatkan tambahan empat belas (14) orang Psikologis melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* dari *Jerudong Park Medical Centre* untuk mengendalikan Talian Harapan '145'.

Peningkatan kualiti-kualiti perkhidmatan dengan berpandukan piawaian antarabangsa seperti pengakreditasian makmal bertaraf antarabangsa iaitu *ISO/IEC 17025:2017* dalam bidang ujian forensik daripada *American National Standards Institute National Accreditation Board* pada bulan Mei 2023.

Pelancaran Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada awal Februari yang lalu melalui usaha sama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mengukuhkan sistem makmal di seluruh negara mengikut panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia *(WHO),* Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia *(WOAH)* dan piawaian-piawaian yang diiktiraf antarabangsa bagi menyokong diagnosis, rawatan, pengawasan, pencegahan dan kawalan penyakit.

Dari segi keperluan kapasiti tenaga manusia profesional, أَلْحَمْدُ لِلّٰه bilangan doktor tempatan yang berjaya mencapai kelulusan pakar meningkat dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2023, seramai dua puluh (20) orang doktor tempatan dalam 15 bidang kepakaran yang berlainan telah ditetapkan dalam jawatan konsultan atau pakar setelah tamat latihan kepakaran, yang membawa kepada jumlah keseluruhan pakar dan

konsultan tempatan kepada 120 orang, iaitu merupakan 70% dari jumlah keseluruhan pakar dan konsultan di Kementerian Kesihatan.

Dalam usaha untuk mengukuhkan pemberian rawatan, maka sebahagian perkhidmatan perlu juga dikembangkan dan diperkukuhkan untuk meningkatkan *standard* pembiayaan rawatan.

Oleh itu, ia memerlukan penambahan tenaga kerja profesional kesihatan untuk memastikan jumlah tenaga kerja adalah pada tahap selamat untuk memberikan rawatan kepada pesakit. Kementerian Kesihatan menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas tambahan sebanyak 996 jawatan yang telah dipertimbangkan untuk diwujudkan secara berperingkat-peringkat dari tahun 2023 hingga 2027.

Daripada jumlah tersebut, 507 jawatan diwujudkan pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan 2024/2025, ini termasuk 84 jawatan doktor iaitu menjadikan peningkatan sebanyak 8% dari jumlah jawatan doktor pada Tahun Kewangan 2022/2023.

Seterusnya 323 jawatan kejururawatan iaitu 11% peningkatan dari jumlah jawatan kejururawatan dan 100 jawatan *Allied Health Professional (AHP)* iaitu 21% peningkatan bagi jawatan *AHP*.

Jawatan-jawatan tambahan ini adalah dirancang dan komited untuk diisikan oleh graduan profesional kesihatan lepasan dari institusi pengajian tempatan dan luar negara.

Selain itu, dalam usaha mendukung pengisian pekerjaan dan memastikan graduan dilengkapkan dengan kelulusan selaras dengan keperluan pasaran kerja, Kementerian Kesihatan mengambil maklum bahawa *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* telah mengenalkan *Structure Apprenticeship Programme (SAP)* yang program yang pertama ialah *Clinical Supervisory Programme (CSP)* yang akan dikendalikan dengan Kementerian Kesihatan.

Program ini akan membolehkan graduan dari bidang profesional kesihatan yang tertentu untuk menjalankan latihan sambil bekerja iaitu latihan *pre-registration* yang diperlukan untuk mereka mendapatkan Lesen dan Pendaftaran dengan badan profesional yang berkenaan seperti *Allied Health Professionals Council of Brunei Darussalam* dan *Brunei Darussalam Pharmacy Board*.

Meningkatkan kualiti perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan tidak setakat pembaikan di Kementerian Kesihatan. Menjalin usaha sama dengan sektor swasta dan sama-sama mengembangkan sektor kesihatan di negara adalah penting untuk memberikan pilihan kepada orang ramai mendapatkan rawatan.

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 49 buah klinik kesihatan swasta dan sebanyak 8 buah klinik pergigian swasta

beroperasi iaitu peningkatan berbanding sebanyak 28 buah klinik kesihatan swasta dan 6 buah klinik kesihatan pergigian memberikan perkhidmatan bagi mendukung perkhidmatan kesihatan dan perubatan di negara ini dalam 10 tahun kebelakangan.

Manakala bagi tahun 2023 sahaja, tambahan 3 buah klinik perubatan baharu, 2 buah klinik pergigian dan 2 buah pusat perkhidmatan *Allied Health Professional*. Sumbangan yang diberikan oleh klinik-klinik berkenaan adalah penting dalam memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini dapat diakses dengan mudah.

Dalam masa yang sama, kehadiran klinik-klinik berkenaan dapat mengurangkan sebahagian beban di klinik-klinik kesihatan kerajaan yang dibanjiri pengunjung setiap hari.

Kementerian Kesihatan juga dalam usaha untuk menjalin kerjasama dengan klinik-klinik swasta bagi membolehkan penyumberluaran sebahagian perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan kepada klinik-klinik swasta.

Antara usaha yang telah dilaksanakan dengan pihak swasta termasuklah penyaringan *swab test* semasa pandemik *COVID-19* yang dikendalikan dengan efisien dan berkesan oleh klinik swasta.

Usaha sama dengan *Jerudong Park Medical Center* dalam pengendalian pusat dialisis serta usaha sama dengan *Pantai Jerudong Specialist Center (PJSC)* bagi pengendalian perkhidmatan prostetik dan ortotik bagi pembuatan kaki atau tangan palsu yang sebelum ini perlu dirujuk dan dibuat di luar negara.

Dalam memastikan pengendalian pesakit-pesakit dan pengunjung-pengunjung ke hospital dibantu untuk mendapat rawatan masing-masing, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan kontrak bagi perkhidmatan Pembantu Penjaga Pesakit *(patient care assistant)* yang ditempatkan di Hospital RIPAS, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Dengan adanya perkhidmatan ini bukan saja dapat membantu pesakit-pesakit, malahan memberikan sekurang-kurangnya 200 peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

"Memperkukuhkan Sistem Pencegahan Kesihatan" adalah merupakan Tema Belanjawan Kementerian Kesihatan pada Tahun Kewangan 2024/2025. Ia sejajar dengan Tema Belanjawan Negara iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur". Tema Kementerian Kesihatan adalah lebih merujuk kepada salah satu fokus utama belanjawan iaitu Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam.

Bagi mendukung tema ini, Kementerian Kesihatan akan memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk memenuhi

keperluan pelanggan melalui pendekatan yang lebih berkesan lagi kos efektif bagi jangka masa panjang dan secara langsung peningkatan status kesihatan rakyat dan penduduk negara ini khususnya ke arah mencapai Matlamat Wawasan Brunei 2035.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه jumlah Belanjawan yang disokong bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ialah sebanyak $573,640,540. Jumlah ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 37% dari jumlah belanjawan yang diluluskan pada Tahun Kewangan sebelumnya.

Peningkatan ini adalah disebabkan antara lainnya tambahan bilangan doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu, penyelenggaraan dan pembaikan aset, bekalan bahan perubatan dan guna habis, sewa dan pajakan dan pembangunan sumber tenaga manusia.

Namun, peningkatan yang paling signifikan ialah pemindahan peruntukan bagi rawatan pesakit di *Gleneagles JPMC* dan *Pantai Jerudong Specialist Center* sejumlah $157 juta dari peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Kementerian Kesihatan iaitu 35.9% berbanding peruntukan Tahun Kewangan 2023/2024.

Dalam melaksanakan Matlamat Kementerian Kesihatan, pelaksanaan Belanjawan Kementerian Kesihatan memfokuskan kepada 5 bidang keutamaan.

1. Menaik taraf fasiliti termasuk pemeliharaan bangunan, peralatan perubatan di hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik kerajaan.

   Projek-projek penaiktarafan Kementerian Kesihatan yang dirancang adalah dikendalikan dengan mempertimbangkan kaedah yang kos efektif dan inovatif terutamanya dalam memperbaiki proses pemeliharaan dan pembekalan peralatan-peralatan perubatan.

   Antara perkara yang diberikan keutamaan adalah menaik taraf infastruktur kritikal di hospital dan pusat-pusat kesihatan yang sudah usang dan yang memerlukan peningkatan atau pembaikan.

   Ini termasuk projek-projek penaiktarafan dan penambahbaikan bangunan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang akan mencecah 40 tahun pada Ogos 2024 ini dan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait yang telah melewati 50 tahun sejak ia dibina.

   Dengan usia bangunan yang semakin lanjut, maka wajarlah dilaksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan penaiktarafan bangunan dengan dipertingkatkan demi menjamin keselamatan dan kesejahteraan pesakit serta pengunjung.

   Projek-projek infrastruktur tersebut termasuk Hospital Raja Isteri

Pengiran Anak Saleha, usaha berterusan penaiktarafan wad-wad, Unit Rawatan Rapi *(ICU),* membaik pulih bangunan, kelengkapan dan pemasangan alat-alat menjimatkan tenaga dan usaha berterusan penambahbaikan bilik-bilik bedah iaitu: 3 buah lagi bilik bedah akan dipertingkatkan keupayaannya dengan dilengkapi peralatan yang canggih dengan terkini.

Manakala di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, projek infastruktur yang dirancang termasuk usaha berterusan pembaikan dan penaiktarafan bangunan, penghawa dingin, pemasangan alat-alat menjimatkan tenaga dan penaiktarafan bekalan *liquid oxygen tank* kepada kapasiti yang lebih tinggi bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.

Usaha penambahbaikan dan penaiktarafan juga giat dilaksanakan di hospital-hospital daerah yang lain dan pusat-pusat kesihatan di negara ini serta fasaliti kesihatan yang lain termasuk pelaksanaan secara berperingkat-peringkat.

Pemuliharaan bangunan pusat-pusat kesihatan di seluruh negara termasuk membaik pulih *waterproofing*, penggantian pendawaian elektrik pusat kesihatan yang telah melebihi 20 tahun serta mengecat semula bangunan dan penaiktarafan tandas-tandas awam di kesemua fasiliti kesihatan secara berperingkat-peringkat .

إِنْ شَاءَ اللهُ usaha ini akan diteruskan di tahun-tahun yang mendatang bagi menjaga keselamatan serta kesejahteraan pesakit khususnya dan pengunjung amnya.

Penggantian peralatan perubatan di hospital, pusat kesihatan dan klinik yang telah luput usia atau teknologi, penambahan bilangan peralatan pemeriksaan diagnostik, rawatan dan saringan awal penyakit-penyakit kronik.

Antaranya termasuk tambahan sebuah mesin *MRI*, 3 unit mesin *Mammography*, 1 unit *Extracorporeal Shock Wave Lithotripsy* dan tambahan 1 unit *CT scan* dengan keupayaan yang lebih tinggi iaitu 128 *slice dual energy*. Peningkatan bilangan peralatan makmal yang bukan sahaja diperlukan di hospital bagi mengesan penyakit-penyakit, malahan yang digunakan bagi makmal saintifik yang bersangkut rapat dengan kes-kes jenayah yang bernilai hampir $1.5 juta.;

2. Mempertingkatkan aktiviti saringan bagi Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit *(NCD)* serta aktiviti mempromosi kesihatan yang berkaitan melalui kerjasama dengan pihak swasta atau pihak yang berminat untuk menyebarluaskan serta menjalankan aktiviti saringan tersebut. Antara perkhimatan baharu yang akan diperkenalkan

ialah ujian saringan bagi wanita untuk mengesan *Human Papillomavirus (HPV)* iaitu penyebab kanser serviks menggunakan metodologi terkini iaitu ujian molekular.

Ujian saringan baru ini merupakan ujian berpotensi tinggi kerana boleh mengesan komponen *genetic virus* tersebut pada peringkat terawal iaitu sebelum sel-sel kanser mula terjadi dan terutama sekali sebelum menunjukkan sebarang simptom.

Ujian ini menggunakan kaedah *self-sampling* iaitu wanita boleh mengambil sampel di kediaman sendiri untuk dihantar ke klinik berdekatan tanpa perlu menunggu giliran perjumpaan. إِنْ شَاءَ اللهُ kaedah ini akan lebih memudahkan penjagaan kesihatan wanita dan bukan sahaja membolehkan rawatan diberikan pada peringkat awal tetapi juga akan dapat mengurangkan kadar penyakit kanser serviks di negara ini.

Seterusnya, juga akan diperkenalkan Program Saringan *Diabetic Retinopathy* Kebangsaan dengan menggunakan sistem *artificial intelligence* khususnya bagi pesakit-pesakit *diabetic*. Masalah *diabetic retinopathy* merupakan kerosakan kepada retina mata iaitu salah satu komplikasi penyakit kencing manis.

Data menunjukkan peningkatan jumlah pesakit yang menghidap komplikasi ini ialah seramai 283 orang pesakit pada tahun 2023 berbanding dengan 251 orang pada tahun 2022. Iaitu peningkatan sebanyak 13%. Teknologi *AI* yang akan diperkenalkan ini akan memperkesankan lagi usaha-usaha saringan bagi mengesan perubahan ciri retina mata dengan lebih terperinci iaitu lebih awal berbanding kaedah sekarang.

Selain membolehkan pengesanan dan rawatan awal, kaedah berinovasi ini juga dapat meningkatkan kapasiti saringan yang setiap ujian hanya memakan masa perjumpaan yang pendek kira-kira 10 - 15 minit setiap ujian, berbanding 2 - 3 jam setiap ujian pada masa ini.

Saringan menggunakan *AI* ini juga tidak memerlukan ubat titis mata sebelum menjalani prosedur ujian, oleh itu pesakit tidak lagi akan memerlukan Cuti Sakit disebabkan menjalani ujian mata.

Di samping itu, *Artificial Intelligence Diabetic Retinopathy Screening* juga boleh dikendalikan secara *mobile,* khusus untuk di bawa ke klinik-klinik kawasan pedalaman seperti Sukang dan Melilas, Daerah Belait.

Kos setiap saringan yang hanya beberapa ringgit sahaja ini إِنْ شَاءَ اللهُ boleh mengelakkan kerosakan mata yang memerlukan pembedahan dan perubatan intensif yang boleh mencecah puluhan ribu ringgit malah boleh mengurangkan masalah buta.

Kementerian Kesihatan juga menggalakkan penglibatan pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan swasta untuk mendapatkan sistem *AI* ini dan membuat saringan ke atas pesakit-pesakit mereka bagi meningkatkan *accessibility* dan liputan saringan yang sistem *AI* juga berpotensi untuk mengesan kondisi mata yang lain seperti *Glaucoma*, *Age-Related Macular Degeneration*, *Cataract* dan penyakit sistemik seperti *Alzheimer*.

Bagi memperkukuhkan lagi langkah-langkah pencegahan penyakit di negara ini, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan akan terus 'mengungkayahkan' beberapa program Kesihatan untuk mempromosikan Gaya Hidup Sihat *(healthy life style*) kalangan masyarakat dan program-program tersebut sedang aktif dijalankan serta secara berterusan:

i. Antara program promosi yang dimaksudkan ialah Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, ia bertujuan untuk memastikan penjagaan kesihatan yang optimum kepada penuntut sekolah di samping mempromosi Gaya Hidup Sihat dan mengurangkan masalah kesihatan dalam kalangan penuntut sekolah.;

ii. Sekolah mempromosi kesihatan. Salah satu inisiatif mengawal *obesity* di sekolah yang merupakan pendekatan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) dalam sentiasa meningkatkan kapasiti sekolah demi mewujudkan persekitaran yang kondusif (*healthy setting*) bagi mengamalkan cara hidup sihat untuk kehidupan, pembelajaran dan pekerjaan warga sekolah berkenaan.; dan

iii. Program *Fit and Active Lifestyle*. Program rintis pengurangan berat badan yang dikenali dengan *Fit and Active Lifestyle Club (FALC)* telah dimulakan pada Jun 2022 dengan melibatkan 6 buah kementerian. Pusat Promosi Kesihatan juga ada menerima sumbangan dana dari Gleneagles JPMC yang disalurkan untuk pelaksanaan program kesihatan tambahan seperti Program Tempat Kerja dan Kesihatan *(WAH),* Program Persekitaran dan Gaya Hidup Bahagia *(HEAL)* dan *Program Growing, Learning, Optimizing Towards Better Well-being in Schools (GLOW)* untuk pelajar-pelajar sekolah.

3. Memperkesankan Perancangan Sumber Tenaga Manusia bagi menghasilkan kakitangan yang berkemahiran dan kompeten. Pengambilan kakitangan yang berkelayakan dan bersesuaian serta latihan profesional secara berterusan adalah penting bagi memastikan perkembangan kapasiti yang selaras dengan keperluan negara.

Nisbah profesional kesihatan seperti doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu yang lain pada jumlah penduduk juga terus dipantau.

Mengikut piawaian antarabangsa sejumlah $1,216,000 diperuntukkan bagi Pembangunan Sumber Manusia yang meningkat sejumlah $226,000 berbanding tahun sebelumnya. Ini belum termasuk kos penghantaran kakitangan dalam menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang peruntukannya disediakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Peningkatan ini menunjukkan betapa pentingnya meningkatkan kemahiran kakitangan di semua peringkat dan bidang. Meskipun peruntukan ini nampak lebih tinggi berbanding beberapa agensi kerajaan yang lain, ianya masih dianggap kecil berbanding kos latihan dalam meningkatkan tahap profesionalisme dalam bidang perubatan.

Sepanjang Tahun Kewangan 2023/2024, beberapa Latihan Dalam Negeri telah dikendalikan oleh pakar luar negeri yang pada keseluruhannya melibatkan perbelanjaan berjumlah sebanyak $178 ribu.

Latihan-latihan memfokuskan kepada pembangunan kapasiti profesional dalam pelbagai bidang dan aspek kesihatan dan perubatan seperti *Biosafety*, Piawaian *ISO 151189*, Sistem Pengurusan Kualiti Makmal, *Health Technology Assessment*, *Ethical Practices*, *Cognitive Behavioural Therapy*, *Paediatric Child Development* dan latihan bagi *Child Development Centre*.

Bagi tahun kewangan akan datang beberapa latihan bertaraf antarabangsa telah dirancang dan dikendalikan oleh pakar-pakar luar negeri yang pada keseluruhannya dianggarkan akan melibatkan kos sebanyak $309 ribu. Salah satu daripadanya ialah *Healthcare Leadership Executive Programme* yang merupakan inisiatif strategik Kementerian Kesihatan dalam memantapkan kualiti kepimpinan dalam kalangan pegawai-pegawai yang telah dikenal pasti sebagai bakal pemimpin di kementerian ini.

Program ini dirangka khusus bagi para pengurus perkhidmatan dan profesional kesihatan melalui pelaksanaan komponen-komponen latihan yang menjurus kepada pengurusan pentadbiran organisasi kesihatan.

Usaha sama dengan *Singhealth Singapore* ini akan bermula bulan Mei pada tahun ini. Di samping itu, kursus-kursus latihan dalam pembangunan kemahiran profesional juga dalam perancangan iaitu di antaranya mengenai pencegahan dan kawalan jangkitan *Frontline Field Epidemiology* dan kualiti penjagaan kesihatan. Kementerian Kesihatan

berpegang kepada prinsip *'our workforce is our most valuable asset'*.

Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk memberikan latihan kemahiran kepada profesional-profesional kesihatan, terutamanya anak-anak tempatan.

Justeru, Pengurusan dan Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Kesihatan adalah merupakan satu keutamaan yang mesti diperkukuhkan dengan perancangan penggantian. Pengambilan dan latihan yang dinamik dan progresif dalam memastikan jumlah pakar dan profesional kesihatan di setiap peringkat adalah tahap yang optimum untuk menampung keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah memulakan satu inisiatif bagi membangun kapasiti dan kemahiran pegawai-pegawai *i-Ready* melalui program i-Usahawan.

Program ini dihasratkan dapat merangsang inovasi serta mencetus kreativiti dalam kalangan pegawai-pegawai *i-Ready* melalui kemahiran keusahawanan *or entrepreneurship* yang dapat diguna pakai atau diceburi khususnya setelah menamatkan Program *i-Ready* di kementerian ini. Sekali gus, mendukung hasrat negara bagi mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui bidang keusahawanan.;

4. Meningkatkan penggunaan digital *or digitalisation* dalam proses kerja terutamanya bagi sistem pembayaran kerajaan seperti pembayaran digital melalui *BruHealth, OCBS* dan platform pembayaran secara atas talian yang lain.

   Ia bukan sahaja memberikan kemudahan kepada pelanggan melalui penyediaan kaedah alternatif dalam urusan pembayaran tetapi juga bermanfaat mengurangkan risiko penyelewengan hasil kerajaan di samping menambah baik pengurusan hasil kewangan yang lebih cekap dan teratur.; dan

5. Menyokong pelaksanaan Protokol "Hijau" dengan memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dalam proses kerja harian. Keutamaan ini khusus bagi mendukung hasrat negara mewujudkan persekitaran yang bersih dan "hijau" selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu: Memastikan Rakyat Mempunyai Kualiti Kehidupan yang Tinggi.

   Inisiatif yang dilakukan secara komprehensif dan konsisten walaupun berskala kecil akan menyumbangkan kepada perlindungan alam sekitar dan kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan akan melaksanakan 3 Projek RKN-11 yang dibawa ke hadapan dengan Harga Rancangan berjumlah $185,688 juta dan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 sebanyak 4 projek infastruktur baharu, dirancang dengan Harga Rancangan berjumlah $130,340 juta. Dengan Harga Rancangan sejumlah $319,330 juta ini, sejumlah $48,171 juta diperuntukkan dalam Tahun Kewangan 2024/2025.

Projek-projek berkenaan dirancang untuk meningkatkan kedayatahanan sistem kesihatan di negara ini, iaitu persiapan awal bagi kerja-kerja pembinaan blok baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sedang giat dilaksanakan. Projek ini telah diluluskan dalam RKN-11. *Extension* blok baharu ini akan memberikan tambahan sebanyak 500 buah katil dan lebih banyak ruang rawatan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran.

Projek pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait akan dilaksanakan tidak lama lagi. Projek ini asalnya diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dengan penambahan Harga Rancangan daripada $2.2 juta kepada $3.18 juta

Projek bagi pengendalian Sistem *Bru-HIMS* yang ada sekarang kepada sistem yang terkini *Bru-HIMS 2.0* yang mampu menyediakan analitik bagi tujuan rawatan yang komprehensif, lengkap dan dapat mendukung *System Artificial Intelligence*.

Sistem ini merupakan penaiktarafan dari pelbagai aspek dengan mempunyai ciri-ciri baharu seperti pengintegrasian dengan sistem-sistem bukan kesihatan di seluruh negara, *Intelligent Electric Medical Record, Intelligent Care Plan and Clinical Pathway* yang memudahkan penilaian risiko kesihatan, meramalkan diagnosis dan pembentukan pelan penjagaan peribadi, di samping pengumpulan data yang lebih berstruktur dan berkualiti.

Modul *Care Information System (CCIS)* khusus bagi perkhidmatan Unit Rawatan Rapi dalam pengurusan dan pemantauan pesakit kritikal dengan tepat dan berkesan.

Pengintegrasian dengan aplikasi mudah alih *BruHealth* supaya aplikasi tersebut akan dapat dimanfaatkan dengan lebih baik oleh pengguna dan mampu untuk dilaratkan ke hospital dan klinik swasta bagi memastikan arah tuju *One Patient One Record* dapat dicapai.

Manakala, bagi Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, projek utama ialah pembinaan sebuah blok baharu bagi pembedahan dan sebuah Pusat Rehabilitasi bagi Dewasa dan Kanak-Kanak di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Blok baharu tersebut akan menjadikan pengendalian kes-kes kecemasan yang memerlukan pembedahan segera lebih efisien dan teratur, pemberian penjagaan kesihatan

yang lebih efektif dan berkualiti dan menjamin keselamatan pesakit.

Manakala, Pusat Rehabilitasi bagi Dewasa dan Kanak-Kanak pula akan dapat membolehkan pemberian perkhidmatan pemulihan yang komprehensif dan holistik melalui pengumpulan kepakaran dalam pelbagai bidang disiplin ke arah meningkatkan tahap kualiti kehidupan pesakit-pesakit dewasa dan kanak-kanak berkenaan.

Manakala 2 projek berikutnya bertujuan memastikan liputan penjagaan asasi di negara ini kekal diberikan melalui Liputan Kesihatan Sejagat ataupun *Universal Health Coverage*.

Projek-projek tersebut ialah pembinaan sebuah Pusat Kesihatan di RPN Mengkubau yang akan menampung keperluan penjagaan kesihatan asasi bagi penduduk-penduduk di Mukim Mentiri dan sebahagian dari Mukim Kota Batu dan pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan yang akan menampung keperluan penduduk-penduduk di Mukim Gadong 'A', Gadong 'B', Kianggeh dan Sungai Kedayan. Pusat Kesihatan ini juga dirancang untuk menempatkan Pusat Saringan Kebangsaan dan Pusat Darah Kebangsaan.

Projek terakhir ialah pembinaan Kompleks Makmal Rujukan Kebangsaan yang bukan sahaja dapat meningkatkan dan memantapkan keupayaan penganalisian makmal-makmal untuk kegunaan domestik termasuk kesiapsiagaan negara dalam menghadapi situasi-situasi kecemasan seperti pandemik dan *major medical emergencies*. Ia juga akan meningkatkan keupayaan mendukung perkembangan industri-industri seperti industri makanan dan penjaminan keselamatan makanan ataupun *food security.*

Dalam pada masa yang sama, pembinaan prasarana ini akan mengurangkan kebergantungan negara terhadap perkhidmatan penganalisisan di luar negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Kesihatan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada negara dan kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dengan baik dan sempurna melalui perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program yang sedang berjalan pada masa ini.

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan peka dan mengambil berat akan kekurangan-kekurangan dan cabaran-cabaran yang dihadapi dan akan terus berusaha untuk menanganinya dengan baik demi kemakmuran negara dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam pada itu, orang ramai juga berperanan dan berkewajiban untuk menjaga kesihatan sendiri seperti mengamalkan cara hidup yang sihat, berusaha melindungi kesihatan sendiri mengelakkan daripada melakukan perkara-perkara yang memudaratkan

tubuh badan dan segera berjumpa doktor apabila merasa kurang sihat.

Hasil dapatan *Health Literary Survey* yang dijalankan baru-baru ini di Negara Brunei Darussalam menunjukkan tahap literasi kesihatan dalam kalangan mereka yang berpendidikan tinggi adalah rendah.

Ini bermakna walaupun orang-orang yang berpendidikan tinggi mengetahui dan memahami akibat-akibat penyakit atau risiko kesihatan, namun mereka kurang mengamalkan nasihat-nasihat kesihatan dan kurang bijak dalam membuat pilihan kesihatan.

Justeru, saya menyeru kepada semua peringkat masyarakat untuk mengambil berat akan kesihatan diri, buat senaman semampunya dan jaga kesihatan mental dan buatlah saringan kesihatan, elak sebelum parah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru untuk mengelakkan bahan yang memudaratkan diri seperti dadah, rokok dan *vape* kerana ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berfirman: "Dan janganlah kamu senghaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan", surah Al- Baqarah ayat 195.

Sekian sahaja, yang ingin kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi Perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 serta pencapaian bagi Tahun Kewangan 2023/2024 sebagai mukadimah dan kaola sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan ini.

Sebelum mengundur diri, izinkan kaola menutup mukadimah ini dengan sedikit "mutiara kata": Asas bagi semua kebahagiaan ialah kesihatan yang baik dan Rakyat yang sihat adalah kekayaan terhebat yang boleh dimiliki oleh sesebuah negara.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangan mukadimahnya yang begitu jelas dan terperinci dan setentunya menarik minat semua Ahli Yang Berhormat mengenai hala tuju pembentangan penyediaan Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Perkara ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan kita teliti pada esok hari. Pada hari ini cukuplah dulu kita 'berunding' dan saya kira ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini. Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari, iaitu hari Rabu, 20 Mac 2024 mulai pada pukul 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 9 Ramadan 1445 / 20 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi).**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keenam belas, pada hari ini Rabu, 9 Ramadan 1445 bersamaan 20 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keenam belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk menyambung penelitian ke atas Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan lancar dan teratur saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada hari semalam kita telah pun beralih kepada Tajuk di bawah Kementerian Kesihatan dan kita telah pun mendengar pembentangan mukadimah yang telah dibuat dan dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai strategi dan hala tuju serta penjelasan mengenai dengan penyediaan Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang telah dibuat dengan penuh teliti dan secara komprehensif.

Maka saya sekarang bercadang untuk membuka Tajuk SM01A ini untuk dibincangkan dan dibahaskan.

Seperti yang telah kita buat semasa membincangkan tajuk yang lepas, saya akan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk mengemukakan satu soalan dan seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan jawapan ataupun responsnya, sama ada untuk dijawab sekarang atau dijawab secara bertulis kemudian nanti.

Dan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mempunyai soalan-soalan lain sebagaimana juga yang telah saya nyatakan semalam, bolehlah menujukan soalan-soalan yang berkenaan itu kepada Yang Mulia Jurutulis dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk dijawab dan disampaikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kemudian nanti إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan untuk membahaskan tajuk Belanjawan Kementerian Kesihatan.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang panjang lebar dan komprehensif mengenai rancangan, tindakan strategik, hala tuju kementerian untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan

kesihatan dan rawatan kepada orang ramai dan pencapaian Kementerian Kesihatan sejauh ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه tidak dapat dinafikan status penjagaan dan perkhidmatan di negara ini adalah pada tahap yang sangat baik. Kaola menyambut baik usaha-usaha baharu untuk menambah fasiliti-fasiliti sekarang termasuk menggunakan *cutting edge technology* dan *artificial intelligence* untuk mengesan dan merawat pelbagai penyakit termasuk kanser dan *Diabetic Retinopathy Screening*.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian Kesihatan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, didoakan agar semua warga Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan prestasi perkhidmatan pada tahap yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi. Ada beberapa perkara yang ingin kaola sentuh dalam membahaskan Bajet Kementerian Kesihatan yang mendapat peruntukan $573,064,540 pertambahan sebanyak 37% termasuk pemindahan peruntukan untuk *Gleneagles JPMC* dan *Pantai Jerudong Specialist Centre* iaitu sebanyak $150 juta yang kedua-duanya ini pada hemat kaola adalah *private entity* iaitu entiti swasta.

Isu yang ingin kaola timbulkan di sini:

1. Mengenai *accessibility* kepada penjagaan kesihatan iaitu kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan sama ada di peringkat *primary, secondary dan tertiary.*

   Ini adalah penting yang kekurangan doktor pakar adalah antara penyebab masalah *accessibility* ini. Kita nampaknya masih belum dapat merapatkan jurang antara permintaan ke atas perkhidmatan doktor dan pakar dengan jumlah doktor dan pakar yang ada.

   Mudah-mudahan dengan belanjawan yang diluluskan pada tahun ini akan menambah bilangan doktor dan pakar di negara 'kitani' untuk mengurangkan jurang yang ada pada masa ini.

2. Mengenai masa menunggu *(waiting time)* adalah juga isu yang besar bukan sahaja di Bahagian Perkhidmatan Kecemasan *(Emergency Services)* dan di pusat-pusat kesihatan tetapi juga untuk perjanjian perjumpaan pakar-pakar bagi tujuan pembedahan, rawatan, penyiasatan dan lain-lain, yang memakan masa sampai 3-6 bulan baru 'kitani' boleh berjumpa pakar. Di beberapa bahagian ada lebih dari 6 bulan. Ini tidak memberi satu gambaran yang baik tentang penjagaan kesihatan di negara ini.

   Bagi kaola, kepantasan sesebuah hospital merawat penyakitnya menunjukkan *Operational Efficiency* dan pengagihan sumber tenaga manusia yang cekap. *Work flow management* yang licin memerlukan perancangan fizikal dan logistik yang

lebih baik. Ini masih merupakan cabaran kepada perkhidmatan 'kitani'.

Mengenai kelambatan mendapatkan perkhidmatan di hospital dan klinik kerajaan, kaola berpendapat sebahagian dari perkhidmatan itu dapat di*outsource* kepada klinik-klinik swasta yang boleh memberi perkhidmatan yang cepat dan efisien dan *cost effective* dalam jangka masa panjang.

Samalah juga bagaimana kita telah *outsource drug procurement* kepada *RBTS*. Trend masa ini ialah banyak pesakit kita ke luar negeri ke negara jiran seperti Malaysia, ke Miri, Sarawak, ke Kota Kinabalu, Sabah dan sebagainya kerana di sana mereka mendapat rawatan yang cepat dan jauh lebih murah.

Disebalik kita mempunyai hospital seperti *Jerudong Park Medical Center (JPMC), Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)*, *Gleneagles JPMC* yang memiliki pakar, kelengkapan perubatan dan makmal yang canggih dan berteknologi tinggi tetapi belum berhasil menarik pesakit dari luar dalam bilangan yang banyak.

Kita khuatir bukan saja kita kurang menarik pesakit dari luar tetapi juga menyebabkan orang Brunei akan ke luar mencari rawatan di luar negeri. Pusat perubatan di sana secara agresif mengiklankan perkhidmatan mereka kepada *general practitioners* di negara ini untuk merujuk pesakit-pesakit dari Brunei ke sana. Kaola khuatir jika kita masih mempunyai isu dalam memberi perkhidmatan rawatan, pembedahan yang cepat, pesakit-pesakit kita akan memilih untuk menerima rawatan di luar, sebagai contoh ke Miri, Sarawak.

3. Mengenai keadaan hospital terutama RIPAS dan hospital di daerah-daerah yang memerlukan banyak kerja pembaikan seperti *aircond*, bilik air dan tandas-tandas dalam wad yang keadaannya kurang menyenangkan atau tidak memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna atau pengunjung-pengunjung hospital.

   Adakah isunya kurang peruntukan atau kurang pemantauan dari pihak-pihak berkenaan. Di persekitaran RIPAS misalannya keadaan yang tidak terurus masih dapat 'kitani' lihat, seperti rumput yang panjang di kawasan *parking* tidak berpotong.

   Ini berlainan dengan apa yang kita lihat di *JPMC* dan *PJSC* di Jerudong. Kalaulah dapat diberi lebih perhatian kepada hospital-hospital yang dikunjungi orang ramai.

4. Seterusnya, kaola ingin menyentuh mengenai keberkesanan menangani penyakit yang tidak berjangkit *(non-communicable diseases),* banyak sudah pelaburan kita di peringkat *tertiary* tetapi status dan impak kepada kesihatan awam perlu juga diketahui. Mungkin hasil usaha yang dibuat tidak dapat dilihat cepat seperti yang dinyatakan oleh Yang

Berhormat Menteri Kesihatan tapi perlu juga diketahui sebagai petunjuk dan pemakluman kita agar impak dan hasilnya sama ada kita *on the right track* atau tidak.

Statistic Life Expectancy in South East Asia 2022 menunjukkan bagi penduduk Singapura ialah 84.39 tahun, Thailand 80.13 tahun, Malaysia 76.58 tahun, bagi Negara Brunei Darussalam pula ialah 74.61 tahun. Nampak penurunan di sini.

Pada tahun 2017, *life expectancy* di Brunei ialah bagi lelaki 76.3% dan bagi perempuan ialah 78.3%. Tidak tahu bagaimana kita hendak menerangkan fenomena ini tapi itulah kenyataannya pada masa ini, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi, sepertimana yang pernah dikongsikan sebelum ini, negara kita adalah sebuah negara *ASEAN* yang mempunyai kadar penuaan *(aging)* yang cepat.

Pada masa ini, lebih daripada 10% penduduk kita adalah berumur 60 tahun ke atas dan akan mencapai hampir 30% pada tahun 2050. Bayangkan saja dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2050, setiap 1 daripada 4 orang yang duduk di sini akan berumur 60 tahun ke atas.

Setentunya dengan peningkatan penuaan tersebut juga akan diiringi dengan cabaran-cabaran kesihatan dan masalah sosial yang ada hubungan dengan penuaan, ini termasuklah cabaran penyakit tidak berjangkit dan juga *dementia* serta cabaran penjagaan dan pemedulian warga emas.

Kaola mengucapkan tahniah serta mengambil maklum usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Kesihatan merangka langkah-langkah khusus bagi menangani isu-isu kesihatan dan sosial warga emas seperti dalam Pelan Tindakan Warga Emas termasuk beberapa tindakan mengenai *dementia*.

Kaola mohon pencerahan status pelaksanaan langkah-langkah yang dinyatakan dalam pelan tindakan terutamanya yang berkaitan dengan *Dementia*.

Soalan kaola, apakah perkhidmatan yang ada pada masa ini bagi menangani penyakit *dementia* dari segi pencegahan, pengesanan, rawatan dan penjagaan mereka yang menghidapi *dementia* cukup untuk jangka masa sederhana dan panjang?

Berkaitan dengan ini, disarankan agar Kementerian Kesihatan memastikan sumber yang cukup untuk pelaksanaan setiap tindakan dalam pelan tersebut, termasuklah sumber manusia yang berkelayakan dan mempertimbangkan sumber-sumber dan pembiayaan alternatif di luar dari sektor kerajaan.

Di samping itu, 'pembarigaan' mengenai *Dementia* mestilah diteruskan agar masyarakat umum mengenalnya dan meningkatkan *awareness* dalam kalangan kita dan untuk itu, kita akan sama-sama dapat mencegahnya. Jadi, perkara ini kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sejauh mana perkara ini ditangani? Bukan pada masa kini tapi untuk masa akan datang juga.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin dengan secara ringkas terus kepada cadangan yang ingin dikemukakan iaitu mengenai jawatan Jururawat ditempatkan di sekolah-sekolah secara sepenuh masa.

Dalam usaha memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan penyakit di kalangan pelajar, kaola mencadangkan jika sekiranya jururawat boleh ditempatkan di setiap sekolah sepenuh masa. Kaola mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri ada melaksanakan beberapa program kesihatan di sekolah seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri petang kelmarin.

Walau bagaimanapun, kelebihan jururawat sepenuh masa dapat memastikan penjagaan kesihatan yang optima kepada pelajar secara berterusan, mengurangkan kesenjangan atau *gap* dalam infrastruktur kesihatan dan menyokong pendidikan serta kesejahteraan pelajar-pelajar secara menyeluruh. Selain itu, dengan adanya jururawat sepenuh masa di sekolah juga boleh memastikan tindakan kecemasan dapat dilakukan dengan segera tanpa perlu menunggu ambulans atau paramedik datang memberikan rawatan yang diperlukan dengan cepat dalam situasi kecemasan.

Sekian saja cadangan daripada kaola dan mohon perkara ini dapat dipertimbangkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas mukadimah yang cukup jelas dan terperinci mengenai perbelanjaan bajet 2024/2025. Dunia dikejutkan dengan wabak *COVID-19* pada tahun 2019.

Namun pada itu, kita juga turut diuji dari semua aspek kemampuan dalam

menangani situasi ini termasuklah kesediaan Pusat Pengasingan Kebangsaan yang terdahulu dan *National Isolation Centre (NIC)* yang dibina pada bulan April 2020, jika berlaku situasi yang sama pada bila-bila masa yang akan datang.

Sehubungan itu, kaola mohon pencerahan berkenaan persediaan Kementerian Kesihatan berkenaan kemampuan Pusat Pengasingan Kebangsaan *(NIC)* yang sedia ada dan berapakah kos pemeliharaan bangunan *NIC* yang ditanggung oleh kerajaan pada setiap tahun? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan laluan kepada kaola untuk turut serta membincangkan peruntukan Kementerian Kesihatan.

Terima kasih dan tahniah juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri atas mukadimah yang disampaikan yang begitu panjang lebar, padat dan terperinci, memuatkan hala tuju, tumpuan dan projek-projek serta program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan pada masa terdekat dan akan datang.

Pada hemat kaola, jika inisiatif-inisiatif yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri semalam dapat direalisasikan dan dilaksanakan sepenuhnya, kaola yakin ia akan mampu meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan dan mengangkat sistem penjagaan kesihatan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Kaola bersetuju dengan mutiara kata yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri semalam iaitu 'Rakyat yang sihat adalah kekayaan terhebat yang boleh dimiliki oleh sesebuah negara'. Namun begitu, dalam konteks negara kita yang menyediakan perkhidmatan kesihatan secara percuma kepada rakyatnya, kaola berpendapat kita perlu juga mengambil kira dari sudut *sustainability and value for money* dalam kita memberikan yang terbaik untuk kesihatan negara.

Oleh itu, *option* yang praktikal perlulah juga diteliti dari sekarang untuk menyeimbangkan di antara komitmen ini dengan *sustainability* dalam memelihara kesihatan rakyat negara ini secara berterusan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه seperti yang dikongsikan dalam mukadimah semalam oleh Yang

Berhormat Menteri dalam belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini, Kementerian Kesihatan telah mendapatkan kenaikan peruntukan yang agak lumayan.

Anggaran pembelanjaan biasa misalnya, meningkat peruntukannya sebanyak kira-kira $157 juta bagi rawatan pesakit di *Gleneagles JPMC* dan *Pantai Jerudong Specialist Centre* yang mana tajuk perbelanjaan ini telah dipindah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan akauntabiliti.

Setentunya pemindahan tanggungjawab kewangan ini akan memerlukan Kementerian Kesihatan untuk mengukuhkan *governance* yakni tadbir urusnya supaya ia lebih *accountable,* telus dan mempunyai *check and balance* yang mantap. *Effectiveness* dan *value for money* perlu juga ditekankan dalam perbelanjaan komersial entiti ini.

Di samping itu, kita juga berharap tambahan jawatan tenaga kerja profesional kesihatan yang diluluskan ini akan diisikan sebilangan besarnya oleh anak-anak tempatan, إِنْ شَاءَ اللهُ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola memahami mengenai keperluan untuk menghulurkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan bertaraf dunia *(world-class)* untuk menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini yang meliputi semua aspek.

Namun apa yang penting ialah dari segi *accessibility* dan ketersediaan perkhidmatan ini kepada semua peringkat rakyat secara keseluruhannya dengan selamat, mudah, cepat dan berkualiti.

Kaola menaruh harapan dengan *digitalization programme,* penyediaan *cutting-edge medical equipment* serba canggih dan *state of art* yang menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan *(Artificial Intelligence)* yang akan diiringi oleh tenaga kerja *professional* kesihatan yang pakar, berpengalaman dan terlatih, ia akan meningkatkan lagi kualiti kecekapan dan kecepatan pemberian perkhidmatan ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ mudah-mudahan ini akan dapat menangani kelambatan yang dialami oleh orang ramai pada ketika ini sepertimana juga yang telah diterangkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, terutamanya tempoh menunggu *(waiting time)* dalam mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan dan ubat di *hospital-hospital* dan pusat-pusat kesihatan.

Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai apakah strategi *output* ataupun sasaran-sasaran yang akan dihasilkan dari peningkatan peruntukan ini, khususnya dari segi memperkesankan, meningkatkan pemberian perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada orang ramai terutama dari aspek memendekkan masa menunggu, kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati pelanggan?

Adakah nanti terdapat mekanisme untuk menyukat pencapaian bidang ini secara berterusan?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama membahaskan tentang peruntukan Kementerian Kesihatan.

Dalam pada itu, kaola juga ingin merakamkan terima kasih dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah membentangkan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang begitu komprehensif terhadap peta jalan dan pelan strateginya.

Ini termasuk juga langkah-langkah mempromosi, pencegahan dalam usaha meningkatkan sistem dan tahap kesihatan dan seterusnya menuju kepada kesejahteraan dan kualiti kehidupan yang lebih baik dan terjamin kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola berpendapat segala rancangan-rancangan dan inisiatif-inisiatif yang telah pun dirancangkan adalah sangat dialu-alukan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang cemerlang dan terbaik. Mudah-mudahan cabaran-cabaran dapat diatasi dalam memastikan semua perancangan dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang dihasratkan dengan penuh kesempurnaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola tidak akan 'menjangkau' apa yang rakan Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi. Kaola lebih fokus dalam beberapa isu yang kaola anggap adalah sangat penting. Adalah tidak dapat dinafikan keperluan dan mustahaknya kita untuk mengikuti trend transformasi *ICT* dan digital pada masa kini dan akan datang.

Teknologi juga boleh memudahcarakan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penduduk negara ini. Walau bagaimanapun, apakah ia menjadi keutamaan yang sangat diperlukan berbanding dengan keperluan-keperluan asasi yang perlu disediakan bagi rawatan dan penjagaan kesihatan serta

keselesaan pesakit-pesakit yang sangat memerlukan yang dapat dirasai dan dinikmati secara langsung oleh pesakit-pesakit?

Persoalannya, kaola berpandangan jika masih terdapat keperluan yang lebih mendesak seperti *equipment,* mesin-mesin perubatan di *hospital*, pusat-pusat kesihatan, keperluan infrastruktur misalannya Pusat Pergigian Negara yang telah berusia 23 tahun pada masa ini, mengalami berbagai-bagai masalah yang perlu ditangani:

i. Semakin banyak doktor-doktor pergigian *(dentist)* termasuk *specialist* tetapi tidak mencukupi *dental chair* untuk memberikan perkhidmatan.;

ii. Tidak mencukupi untuk menampung mereka yang telah menamatkan kelulusan pergigian misalannya bagi *Dental Foundation Training*, *Basic Speciality Training,* begitu juga kepada kursus-kursus *Dental Hygienists & Therapists* kerana tidak terdapat kerusi-kerusi pergigian yang perlu mereka ini mendapatkan latihan. Jadi, ini terhad.;

iii. Pesakit-pesakit terpaksa menunggu lama seperti rakan Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan ada yang pergi ke Miri. Sebabnya telah lama sedangkan mereka ini memerlukan perkhidmatan pergigian.;

iv. Mengakibatkan produktiviti menurun dan *dentist* terpaksa bekerja dengan mengongsikan *dental chair* yang melibatkan tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit. Tapak untuk digazetkan telah pun sedia 10 tahun yang lalu yang letaknya di Kampung Katok tapi dahulunya hendak dimasukkan *Dental Centre* ini oleh sebab diutamakan *Children & Women Centre* didahulukan maka ianya diketepikan dan dirancangkan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Negara tetapi kaola tidak melihat Pusat Pergigian ini dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Berkebetulan juga Hari Oral Sedunia pada 20 Mac yang lalu, iaitu bertemakan *'A Happy Mouth Is a Happy Body'.* Ia menekankan betapa mustahaknya *oral health* (kesihatan mulut) setiap individu boleh mengakibatkan kesihatan pada keseluruhan badan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengatakan sempena Hari *World Health* ini marilah kita sama-sama melakukan kesihatan termasuk kesihatan mulut sebagai tanggungjawab kita bagi memastikan semua dekat dalam merealisasikan visi Wawasan Brunei 2035, iaitu Mencapai Kualiti Kehidupan Yang Tinggi.

Antara masalah-masalah yang kaola sebutkan tadi, kaola berpendapat adalah betapa mustahaknya untuk diambil perhatian keperluan-keperluan dan masalah yang dihadapi itu dan betapa

mustahaknya untuk dipertimbangkan bangunan Pusat Pergigian Negara ini untuk didirikan.

Kita bayangkan 10 tahun akan datang apa akan terjadi. Mampukah Kementerian Kesihatan memberikan perkhidmatan yang terbaik seperti yang disarankan khususnya dalam Kesihatan Mulut dan Pergigian? Inilah satu masalah.

Seterusnya kalau dapat kaola meneruskan sedikit lagi Yang Berhormat Pengerusi? Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mengambil contoh aplikasi *BruHealth* yang dibangunkan secara *extensive* dan menggunakan kebolehan *Artificial Intelligence* yang canggih telah pun diperuntukkan berjumlah $62.5 juta termasuk projek sistem *BruHims 2.0,* Sistem *Intelligence Electronic Record* dan seumpamanya.

Manakala peruntukan di bawah perbelanjaan Kod 005/007 di bawah peruntukan Kementerian Kesihatan juga diperuntukkan $26,748,151 setahun untuk Pengurusan Sistem Maklumat dan Data Kesihatan.

Kaola bandingkan di sini satu saja perbandingan, iaitu anggaran perbelanjaan untuk mengurus peralatan-peralatan perubatan dan makmal di bawah Kod 005/006 - Kementerian Kesihatan adalah sebanyak $7,388,655 yang mana kaola berpendapat lebih memerlukan dengan keadaan peralatan-peralatan perubatan yang pada masa ini semakin usang atau tidak berfungsi dengan baik atau tidak diganti mengikut jangka hayat yang telah ditetapkan.

Setentunya peralatan perubatan lebih penting dan ianya melibatkan rawatan pesakit secara langsung dan membantu mengenal pasti masalah-masalah pesakit atau rawatan yang lebih tepat serta juga menjaga keselamatan pesakit yang dirawat.

Sehubungan dengan isu-isu dan senario yang kaola nyatakan di atas, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

i. Adakah terdapat mekanisme yang diperkenalkan bagi memastikan mana-mana projek *e*-Kerajaan atau *ICT* yang memerlukan perbelanjaan besar perlu melalui proses penilaian dari segi impak kepada masyarakat terlebih dahulu atau memberikan keutamaan kepada keperluan asas kementerian ini? Jika ianya lebih mendatangkan faedah yang lebih signifikan kepada masyarakat.;

ii. Adakah diadakan penganalisisan dari aspek *cost benefit analysis* terhadap projek *e*-Kerajaan atau *ICT* yang memerlukan perbelanjaan yang besar dibandingkan dengan keperluan asasi penjagaan kesihatan?;

iii. Adakah kalibrasi peralatan perubatan dilaksanakan dengan mengikut *standard procedure* yang

dijadualkan bagi mengelakkan kurang ketepatan dalam rawatan pesakit yang boleh sahaja menjejaskan prosedur-prosedur rawatan dan perubatan?;

iv. Apakah pemeriksaan secara berjadual dan berterusan *regular checking* dilaksanakan bagi peralatan-peralatan perubatan secara keseluruhannya mengikut piawaian yang *standard* ?;

v. Adakah penggantian telah dilaksanakan bagi peralatan perubatan yang telah luput jangka hayatnya?;

vi. Kaola juga ingin pencerahan tentang kedudukan pusat pergigian yang baharu.

Kaola mengakhiri dengan,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم.السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

Secara ringkas kaola lebih cenderung menyentuh berkenaan dengan kedudukan hospital-hospital kerajaan.

Dalam menawarkan perkhidmatan perubatan yang terbaik kepada pesakit, merujuk kepada laman sesawang *Health Key Digital Com*, *Tan Tock Seng Hospital Singapore* berkedudukan ke-10 hospital Asia yang menawarkan perkhidmatan perubatan dan doktor pakar terbesar termasuklah menyediakan 1,700 katil untuk pesakit.

Sementara itu, *Chang Gung Memorial Hospital Taiwan* pula disenaraikan tangga pertama *Asia Top Hospital* yang mendapat pengiktirafan perkhidmatan terbaik dalam semua aspek, termasuklah memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada pesakit-pesakit serta mempunyai doktor-doktor yang berkemahiran tinggi dan komited dalam melaksanakan tugas mereka.

Selain itu, hospital ini mempunyai perkhidmatan pakar-pakar yang komprehensif serta menyumbangkan kepada kemajuan dari segi perubatan pendidikan dan penyelidikan.

Sehubungan dengan itu, apakah perancangan ke hadapan Kementerian Kesihatan, khsususnya ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan hospital-hospital, sekurang-kurangnya setanding dengan *standard* hospital-hospital di peringkat serantau.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun mendengar soalan dan juga saranan-

saranan yang telah dikemukakan oleh 6 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan sekarang saya akan meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan reaksinya ataupun responsnya terhadap perkara-perkara yang telah ditimbulkan itu.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pertama sekali, kaola ingin mengucapkan terima kasih terhadap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mendoakan kesejahteraan warga-warga Kementerian Kesihatan.

Menjawab soalan pertama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman mengenai isu *accessibility* dan kekurangan doktor dan seperti yang dibacakan dalam mukadimah kaola, di sanalah 'kitani' menambah jumlah doktor, *allied health professional and nurses as well to improve the care and accessibility of patient care,* secara ringkasnya.

Masa menunggu di AE ini, اَلْحَمْدُ لِلهِ dalam 2 tahun kebelakangan ini, *the average waiting time for category three is about 4 hours, which is not bad, considering it's a government, a free hospital.* Dibandingkan dengan negara jiran yang berbayar jua, *P3 can go for up 24 hours.*

That's no excuse but still we try our best to improve the care, so kalau *P1* yang perlu kecemasan ia akan ditangani *immediately*. Itu tidak menunggu tu, *chest pain* dan sebagainya. *P2*, sakit perut misalannya dipastikan apa, *the waiting time is 20 minutes*. *So, this, we can challenge any developed countries for the statistics.*

Mengenai menunggu rawatan atau perjumpaan, ia dibahagikan kepada 3 kategori. *Emergency will be seen immediately on that day. Urgent will be seen within 24 to 48 hours and routine will be seen about* antara 2 minggu ke 4 minggu, tetapi kadang-kadang ada sampai 6 minggu.

Walau bagaimanapun, disampaikan di sini, *certain surgery* itu menunggu lama. Seperti *I think I mentioned this last year*, *for example* cataract*. Cataract* dulu menunggu tidak lama sebelum *COVID-19.* Sebab *COVID-19,* tiga tahun lebih 'kitani' tidak *operation*. *Now let's just go into simple statistics.* Setahun 'kitani' *operate* 400. Kalau 3 tahun setengah 'kitani' tidak *operate, will be about 16 hundred or there about. So* Kementerian Kesihatan faham orang menunggu *cataract* lama.

Jadi apa yang dijalankan untuk mempercepatkan ialah membuka semua hospital kecuali Daerah Temburong, *for cataract operation*, *so increase the capacity* di Kuala Belait, di Daerah Tutong. *We also outsource cataract*

operation di *JPMC to reduce the waiting time.*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , *we may be able to catch up to the normal 400 recently but unfortunately* ada masalah lagi *early this year*, *so it goes back up.* إِنْ شَاءَ اللّٰهُ perkara ini akan ditangani.

Jadi, mengenai orang 'kan' ke luar negeri, 'kitani' tidak dapat melarang, *it's up to them, so* yang banyak ke luar negeri ini, yang ke Miri, mungkin jua Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman pun menerangkan pasal gigi, orang ber*braces. So, braces are not a priority* dalam Kementerian Kesihatan.

Ia tidak akan menyebabkan seorang akan kehilangan nyawa atau kemudaratan yang berat. Tidak lawa sahaja kali. *So, we still provide for free but of course, the cost of braces is quite expensive.* 'Diorang' membayar berapa ratus sahaja, *so the rest is subsidised* oleh kerajaan. Kalau di luar *the cost of braces ranges from $2000 to $4000 depending* apa ia punya masalah.

So, we have to prioritise what's important dan pada masa ini pun penghantaran pesakit ke luar negara sudah berkurangan daripada kerajaan kecuali ada beberapa sektor sahaja lagi. *For example, complex congenital heart, bone marrow transplant, complex renal transplant.* Yang *renal transplant* biasa yang *straight forward is done* di Brunei sudah *and liver transplant* masih di luar negara dan *certain eye conditions,* itu sahaja. *So, we are working how to make sure our current young consultants able to take over some of this in the future.*

Mengenai dengan RIPAS, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, seperti yang abiskita lihat juga dalam beberapa tahun RIPAS telah membuat pembaikan dari segi pengubahsuaian, banyak sudah wad yang dinaik taraf tetapi ia secara berperingkat.

Jadi ada yang wad lama itu masih nampak macam tidak 'bisailah' tapi إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, dalam tahun ini ia akan dipeduli lagi seperti yang kaola nyatakan di dalam mukadimah. Ini termasuk tandas-tandas, tandas akan diutamakan dalam peruntukan yang kaola sebutkan dalam mukadimah kaola itu.

Mengenai dengan penjagaan *or* pengurusan hospital ini, *mostly are outsource,* saya terima baik saranan Yang Berhormat itu, *we need to be more efficient in managing the contractors,* macam rumput pun tahu sudah bila masanya memotong dan sebagainya. Ini pun sudah ditekankan kepada pengurusan RIPAS, *so* إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, akan bertambah baik.

Seterusnya soalan tadi mengenai *Dementia*. Jadi Demensia ini, Kementerian Kesihatan akan sentiasa menyediakan sistem kesihatan dan prasarana yang mudah diakses dan saksama serta berkualiti tinggi kepada seluruh penduduk di negara ini dalam memastikan semua individu akan memanfaatkan kemudahan yang diberikan.

Jadi untuk makluman kepada semua yang ada di sini, Demensia mempunyai bermacam jenis. Ia akan dikenal pasti terlebih dahulu oleh *general practitioner* atau *primary medicine doctor* untuk dirujuk pesakit demensia tersebut ke klinik *neurology, geriatric,* ataupun *psychiatric*.

Mengenai ubat Demensia, ubat yang ada pada ketika ini adalah khas untuk penyakit *Alzheimer* dan penyakit Demensia selayaknya belum ada rawatan ataupun ubatnya yang khusus. Akan tetapi, untuk merawat penyakit *Dementia* ini, bukan sahaja memulihkan semula penyakit tersebut akan tetapi ia hanya untuk memperlahankan dan menstabilkan kemerosotan penyakit *Dementia* seseorang itu.

Perkara yang paling penting adalah untuk mengurangkan gejala Demensia seperti Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman tadi tanyakan macam mana *prevent these?* Perkara yang paling penting ialah mengurangkan gejala yang teruk ini adalah dengan melakukan aktiviti yang sihat seperti kegiatan fizikal aktiviti dan *brain exercise*. *That means doing some* seperti bermain *chess*, membaca buku, membaca Al-Quran dan sebagainya.

Apa yang paling penting adalah pencegahan dari awal, *because some of these dementia* ini *is related to NCD* seperti *multi-infarct or* bekas *stroke* dan sebagainya. Jadi ini ialah berkaitan dengan pengawalan *NCD* macam kencing manis, darah tinggi dan sebagainya.

Kementerian Kesihatan juga akan memastikan para penjagaan kesihatan dan sukarelawaan yang dilatih dengan secukupnya sehingga mereka dapat memberikan nasihat dan perkhidmatan kesihatan yang relevan bagi semua individu yang menghidap penyakit Demensia dan ahli keluarga serta penjaga mereka. Walau bagaimanapun, diakui ini mungkin masih belum mencukupi, إِنْ شَاءَ اللهُ akan ditambah lagi keterlibatan orang kementerian dan orang sukarelawaan untuk sama-sama menangani masalah ini.

Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAKWE) di seluruh negara. Pertubuhan Warga Emas dan Pertubuhan Bukan Kerajaan *Dementia* Brunei adalah sebagai *NGO* untuk meningkatkan kesedaran tentang Demensia dan melaksanakan intervensi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Demensia.

Pelbagai aktiviti dan jerayawara telah diadakan dalam bersama Persatuan *Dementia* Brunei, di antaranya, seperti berikut:

i. Sesi pemeriksaan Demensia dalam kalangan komuniti.;

ii. Sesi ceramah kesihatan bagi Warga Emas di semua cawangan PKWE.; dan

iii. Pertubuhan Warga Emas secara berjadual.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Program Kesihatan tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Warga Emas di seluruh negara. Selain itu, kempen media massa melalui radio dan media sosial berkaitan demensia dan pada tahun 2023 yang lalu, satu Persidangan Antarabangsa *Dementia* dengan kerjasama *Alzheimer Disease International* telah diadakan di negara ini dan peserta-peserta daripada dalam dan luar negeri telah berkongsi ilmu mengenai isu tersebut.

Di samping itu ,sesi taklimat media dan pengagihan poster dan *banners* sempena Sambutan Hari Demensia 2023 di jabatan-jabatan kerajaan, pasar raya, syarikat swasta dan tempat awam yang lain.

إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, pihak Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan kerjasama dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan Demensia Brunei dalam memastikan isu Demensia ini akan dapat ditangani dengan segera.

MOH mempunyai perancangan dalam masa sederhana dan panjang dalam menangani isu penjagaan Warga Emas, tidak terhad kepada penyakit Demensia sahaja. Iaitu meningkatkan kakitangan yang berkemahiran dalam penjagaan Warga Emas dan Demensia, menyediakan fasiliti atau *stepdown hospital* dan *day care* yang mesra warga emas *(old age friendly).* Perancangan blok baharu hospital yang menyediakan wad-wad yang *age friendly*, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ,bagi Hospital RIPAS nanti.

Mengenai dengan *outsourcing* ke swasta ini, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman ada bertanyakan seperti *RBTS* yang di *outsource*.

Apa yang Kementerian Kesihatan buat dalam beberapa tahun ini ialah menggalakkan pertubuhan klinik-klinik swasta. Seperti dalam mukadimah yang kaola nyatakan, dalam beberapa tahun ini banyak sudah, أَلْحَمْدُ لِلّٰه klinik-klinik swasta, *even allied health professional* ada 2 ditubuhkan dalam tahun lepas. Ini akan serba sedikit menolong untuk orang ramai mengakses *the specialist's care. So*, siapa yang berkemampuan itu, boleh pergi ke klinik swasta. Adalah satu di Kementerian Kesihatan untuk menggalakkan supaya *more private clinic especially specialists health* macam *allied health, speech language* dari *physio therapy* dan sebagainya.

Mengenai *our life expectancy, these is not 2 to 3 years* punya isu tapi beberapa tahun punya isu. Dalam Dewan yang mulia ini, pernah kaola nyatakan juga*, unfortunately NCD* kita ini meningkat, ini menyebabkan kematian pramatang meningkat. Seperti saya kongsikan juga sebelum ini, *the average* orang yang *stroke* atau *heart attack* di negara ini 10 tahun lebih muda dibandingkan dengan negara-negara barat.

So, baru-baru ini dalam mukadimah, kaola ada menyatkan *we did Health Literacy*. *Health Literacy* ini maksudnya penyelidikan di buat setakat mana orang ramai faham mengenai masalah kesihatan ini. *And interestingly although the sample* tidak berapa banyak, kalau tidak silap *a few 4 to 5 hundred* sahaja. Yang berpendidikan tinggi, yang *Health Literacy poor* pulang *which is a bit shocking because we thought* macam bukan orang sekolah tinggi, ia tidak faham atau apa, tetapi ini yang berpendidikan tinggi yang *Health Literacy very poor*.

So, we need to melalui *Health Promotion Center*, Kementerian Kesihatan juga dalam beberapa tahun ini sudah 'kitani' mengadakan satu aktiviti di kementerian-kementerian untuk memberi penerangan mengenai hal kesihatan*, the whole ministry* sudah.

Then, *even exercises for the last 2 years, all the ministries have engaged with Ministry of Health* punya *HPC* projek *WAH Programme*. Seterusnya, baru-baru ini ada jua 6 kementerian sahaja, mengenai dengan projek pengawalan berat berbadan di 6 kementerian dan itu masih dijalankan.

Mengenai *health literacy* ini *is a bit alarming because it's* 'nya orang' *we hope* yang berpendidikan ini dapat memahami lebih mendalam tapi ia sebaliknya. Jadi, kerjasama dengan *Health Promotion Centre* nanti akan membuat *research on how to improve on this*.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi mengenai soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf.

Mengenai hospital dengan alat-alatnya itu, *is* 'andang' menunggu giliran untuk diganti dan dari segi, seperti saya katakan tadi, tandas dan kebersihan ini *is outsource so we need to manage the contractor a bit more* bukannya 'inda' ada bajet dan sebagainya.

Mengenai *air-cond AHU*, diketahui sudah umurnya, memang diganti secara berperingkat. Cabarannya ialah mengganti, terpaksa ditutup wad-wad ini, itu yang masalahnya juga. Kalau 1 wad, 'nda apa'. *Usually* ada 2-3 wad atau 4 wad sekali gus sebab *AHU* itu *is linked to all these ward*, *so that's the* cabaran.

Menambah lagi mengenai warga emas ini, seperti yang ditanyakan tadi pelan tindakan warga emas telah dikemaskini bersama pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan mengambil kira konsep masa ini bukan lagi *healthy ageing*, *its successful ageing*.

Pada ketika ini, pihak jawatankuasa kerja telah bersidang untuk meneliti dengan lebih terperinci mengenai tindakan-tindakan, KPI dan sasaran yang berkaitan agar ia sesuai dengan situasi penuaan sihat di negara ini. Tindakan-tindakan di dalam pelan tindakan tersebut juga diharap agar lebih holistik

dengan mengambil kira *Whole of Nation Approach* dan lebih mampan.

Seterusnya kaola menjawab soalan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai *full-time nurses*, ini memang satu cadangan yang baik kalau 'kitani' ada *nurse* dan peruntukannya ada. Di mana kalau kita lihat bahagian sekolah-sekolah antarabangsa *(International School)* di Brunei ini semua ada *nurse*nya. *It helps the students and the parents* juga kalau ia 'macam' jatuh sakit.

Ia satu yang baik tapi buat masa ini dengan *human resource we have*, hospital-hospital dan klinik yang ada itu yang diutamakan dulu.

Seterusnya mengenai *NIC*. *NIC* ini, *the original NIC is* 27 *beds*, keupayaannya setaraf dengan *ICU* ataupun *HDU* dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه, semasa pandemik walaupun 'kitani', rasanya 'kepumpungan' tapi *we manage to build an extension of NIC then we build 166 beds with all ICU and HDU capabilities as well* and even *hemodialysis and if need be, we can also use the main building,* itu akan menambah dalam 60 katil lagi.

Jadi, kesediaan 'kitani' dalam mengharungi segala pandemik, ان شاء الله *is still* mampan *and* 'kitani' pun mengikut piawaian *WHO* di mana *we will be assessed every 3 years also*. Sebelum pandemik itu, 'kelurusan' 'kitani' *was assessed by WHO* terhadap ketersediaan 'kitani', *just in November before pandemic happen, it's called under IHR (International Health Regulation)*.

Walau bagaimanapun, *IHR* ini sudah dikenal pasti semasa pandemik banyak *shortcomings*, terutama *the rest of the world*. *Although* 'kitani' telah mengikut piawaian tetapi ada *certain countries* tidak berkemampuan, jadi masa ini sedang digubal, *IHR* ini, untuk memastikan semua negara *have access to care* seperti perumpamaan *no one is save until everyone is save. So*, ini masih dibentuk oleh *WHO,* yang mana Negara Brunei Darussalam bekerja rapat dengan *WHO* mengikuti permesyuaratan untuk memastikan negara kecil seperti 'kitani' ini tidak ketinggalan ataupun tersisih.

Untuk makluman juga, *NIC* ini ada *operating theatre* untuk *Special Care Baby Unit and they all have negative pressure capabilities* dan ada biliknya yang boleh bertukar kepada *dual positive and negative pressure capabilities*. *All the machines* masa ini, *we rotate it to other hospitals* supaya masih berfungsi. Semasa pandemik 'kitani' banyak *machines, so some of the machines are rotated to other hospital to make sure it is used and the maintainance is still there* seperti *ventilator*, *monitoring system* dan sebagainya.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim ada menyatakan *about accessibility* juga.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Adalah satu kepentingan bagi kementerian yang mana rawatan atau penjagaan kesihatan ini is *accessible to*

all dan seperti yang 'biskita' semua maklum, terdapat 14 buah pusat kesihatan dan 6 buah klinik kesihatan yang terletak di lokasi-lokasi strategik.

Waktu beroperasinya *most of them are office hours*, walau bagaimanapun turut disediakan perkhidmatan waktu lanjutan di beberapa lokasi iaitu Pusat Kesihatan Berakas dan Pusat Kesihatan Sungai Liang.

Orang ramai dapat mengakses semua perkhidmatan ini tanpa mengira kawasan tadahan mereka sejak bulan Ogos 2023.

Selain itu, pihak jabatan juga menyediakan perkhidmatan melalui jalan darat ke Mukim Labi, Sukang dan Melilas secara berjadual, ini termasuk *dental care* di sana.

Pihak jabatan juga menyediakan perkhidmatan lawatan ke rumah bagi ibu-ibu yang baru bersalin dan *home-based nursing* iaitu bagi pesakit-pesakit kronik yang memenuhi beberapa kriteria tertentu seperti *NG Feeding, Stoma* dan sebagainya.

2 buah pusat kesihatan akan dibina dalam RKN 'kitani' إِنْ شَاءَ اللهُ iaitu Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Pusat Kesihatan Mengkubau. Inilah yang diharap ia akan memberi *access* dan mengurangkan juga *ratio of people to doctor in that community* yang pernah kaola nyatakan sebelum ini.

Bagi menunggu di pusat-pusat kesihatan, pihak Jabatan Kesihatan sentiasa berusaha untuk memastikan waktu menunggu, berjumpa doktor sentiasa dapat diperbaiki. Perjumpaan doktor ini dibahagikan kepada 2 kategori di pusat kesihatan iaitu *walk-in* atau secara perjanjian dan jumlah doktor yang bertugas merupakan limitasi utama kepada berapa ramai pesakit yang dapat dijumpai pada satu waktu.

You just calculate simple maths, 1 orang *minimum* 10 minit sejam 6 orang, kalau waktu bekerja 8 jam *so we know it's less than* 50. Kalau 70 orang, ia akan menunggu, akan dijumpai juga 'ganya lambat tah tu' dan *especially* yang *walk-in,* kecuali yang *emergency*, kalau *emergency* seperti yang dinyatakan tadi, *they will be attended to immediately.*

Bagi mereka yang mempunyai perjanjian di pusat-pusat kesihatan, mereka akan dinasihatkan untuk hadir 30 minit lebih awal bagi memastikan proses pendaftaran dan penyaringan yang dijalankan sebelum berjumpa doktor. Jangka waktu perjanjian ini tertakluk kepada beberapa faktor misalannya jika pesakit *diabetes* jika paras gulanya itu tidak terkawal lama 'tah' lagi dari 10 minit kadang-kadang.

Walaupun perkara utama yang diambil kira ialah dapatan dari proses ragam pesakit jika pesakit didapati tidak stabil, mereka akan didahulukan terlebih dahulu seperti saya nyatakan tadi.

Di sini saya mengambil kesempatan jua mengenai perjanjian berjadual ini. Kalau kita membuat perjanjian pukul 9, jangan pukul 9 baru 'tolak' dari rumah, *because of* bertindas-bertindas ini

yang menyebabkan kelambatan atau *it disrupt**s** the clinic*. Kalau biskita datang setengah jam lebih awal adalah sangat-sangat digalakkan.

Mengenai pemindahan peruntukan**,** أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pemindahan peruntukan sebanyak $150 juta dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Kementerian Kesihatan bagi *Pantai Jerudong Specialist Centre* dan *Gleneagles JPMC*.

Jadi, *Pantai Jerudong Specialist Centre* ini**,** ingin jua kaola memaklumkan ia terbahagi kepada beberapa pakar, pertama sekali *BNSRC Brunei Neuroscience Stroke & Rehab Centre* iaitu orang stroke semua di sana dan orang *neurosurgery* pun di sana, *spine surgery* pun semua di sana *and rehab* pun di sana.

So, that is one department. Then we got the Brunei Cancer Centre. *So,* ini *the medical oncology* yang berkimo semua di sana dan Jabatan Radioterapi di sana, Jabatan *Nuclear Medicine* pun di sana *and Early Detection & Cancer Prevention Services* pun di sana. *PJSC* juga merangkumi *Maxillofacial, Facial Plastic and Reconstructive Surgery* yang bangunannya ada di RIPAS. *So*, itu di bawah *Pantai Jerudong Specialist Centre*.

Walaupun ia macam besar $150 juta, kalau dibahagi-bahagi tidak juga berapa banyaklah. Sekarang أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dengan peruntukan itu di bawah Kementerian Kesihatan *will make sure the accountability is there for each department especially cancer treatment* di mana tidak semestinya kita membeli ubat kanser kemoterapi terbaru yang mana kalau dalam *study*nya menambah hayat 2 minggu saja, belanja sejuta untuk seorang dalam 2 bulan, *so there is no point.* Di sanalah, *we want to do some governance* dari segi pembelian ubat-ubatan dan sebagainya.

Jadi, mengenai ubat-ubat menunggu ini pun, *if you go to* negeri jiran jua, pernah saya di sana ia punya menunggu ubat rutin *is 12 hours* baginya 'tampal-tampal'. Kita menunggu ada juga 1 ke 2 jam di RIPAS terutama sekalinya.

Walau bagaimanapun, warga emas selalunya ada diberikan *priority* lain. Bagi orang ramai 'iatah' disediakan perkhidmatan penghantaran ubat seperti *Go Rush* dan ada *post office* dan ada lagi satu *company* ini*.* Jadi, pembayaran $3 ke $5 *depends* berapa lama*,* kalau $3 rutin, kadang-kadang *up to 2 days,* kalau ia mahu awal itu juga, hari itu, $5.

Jadi, kalau kita bandingkan lama kita menunggu 1 ke 2 jam**,** kalau membayar 2 jam menunggu sudah $2 *parking***,** lain lagi menahan marah kali, *so better* **'**tah**'** ambil khidmat penghantaran ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikanlah *where ever the waiting* ini**,** *we always monitor***.**

Di sini kaola mengambil kesempatan jua untuk mengingatkan orang ramai, *we have this app called MOHcares,* kalau ada kelambatan, ada kerungutan *please use*

it. Di sanalah kita dapat menilai ke mana keberkesanannya, *any* intervensi yang kita buat.

If you don't have any feedback, we don't know. So, dialu-alukan orang ramai untuk menggunakan *MOHcares* sama ada untuk kebaikan atau untuk *commendation* pun boleh jua kalau ia menghargai seseorang jururawat atau ahli-ahli kesihatan boleh jua di sana, tidak semestinya untuk men*complaint* juga.

So, if there is any shortcomings, please it is there available and we always monitor this. 'Ganya' sebulan tidak ramai menggunakan, dalam bepuluh orang saja, *so it is there and you know, it's there for everyone. So,* dari sanalah kita nanti dapat menyukat jua keberkesanan apa yang kita buat.

Ada ketinggalan tadi pasal kekurangan pakar. Jadi, Kementerian Kesihatan secara berterusan menggalakkan doktor-doktor tempatan untuk meneruskan latihan ke peringkat kepakaran dan pengkhususan selaras dengan perancangan dan keperluan perkhidmatan dan juga dalam bidang-bidang yang dikenal pasti yang belum dapat pakar tempatan yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, harus difahami juga bahawa bidang kepakaran yang diperlukan bukan sedikit. Malahan setakat ini, di negeri yang kecil ini dengan 400 ribu ini, *we have* 50 bidang kepakaran perubatan disediakan di hospital-hospital kesihatan.

Latihan mencapai kelulusan pakar ini mengambil masa sekurang-kurangnya 6 ke 10 tahun masa ini. Jadi, *it's a long process and* أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dalam kesempatan ini juga, kaola berterima kasih kepada *all the previous leaders* dalam kerajaan yang mana hasil kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan para ahli *government* yang dulu yang mana sekarang kita telah mencapai dalam 120 orang pakar perubatan tempatan yang telah ditetapkan jawatan. *This takes a long process and now it's quicker*. Bagi kaola dulu Yang Berhormat Pengerusi, *its* 18 tahun, so *now its a bit shorten.* Kepakaran ini termasuk juga meningkatkan jumlah pakar dalam *any* bidang termasuk pergigian, kesihatan awam dan *primary health care.* Ia menjadi pelaburan untuk *investment* kementerian bukan tertumpu untuk pakar di hospital sahaja.

Seterusnya, kaola menambah sedikit lagi Yang Berhormat Pengerusi mengenai jururawat yang di sekolah. Masa ini terdapat 22 orang jururawat seluruh Negara Brunei Darussalam yang terlibat dengan sekolah-sekolah, *what we call them school help nurses.*

Di Tutong 3 orang, Brunei-Muara 13 orang, Kuala Belait 3 orang dan Temburong 3 orang. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memastikan tahap kesihatan yang terbaik dicapai untuk penduduk yang bersekolah dan membolehkan mereka mencapai potensi pendidikan maksimum. Perkhidmatan ini

disediakan kepada semua sekolah kerajaan dan swasta di negara ini. *Medical examination* di sekolah ini ialah mereka men*check* imunisasi, rawatan perubatan minimum untuk pelajar, pendidikan kesihatan juga mereka beri dan mengadakan lawatan rumah dan susulan pada yang tertentu. Oleh kerana jumlah jururawat yang terhad, seperti saya nyatakan tadi jumlah sekolah yang meningkat, maka perkhidmatan sekolah dijalankan secara berjadual. إِنْ شَاءَ اللهُ *maybe in the future, when we have enough nurses* dan *enough* peruntukan *it will be a good idea to have.*

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai *digitalization.*

Digitalization ini apa yang penting *is we need to get informaton. Information in other words is also wealth*. Tanpa informasi yang tepat 'kitani' tidak dapat membuat perancangan yang tertentu ataupun penyediaan dari segi kesihatan awam yang 'kitani' perlu sediakan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. *It seems too expensive but we want as accurate as possible, there is an artifical intelligence behind it,* jadi macam aplikasi *BruHealth* itu ia bukan sekaligus $60 juta lebih ia berperingkat-peringkat dan apa yang penting di sini ialah ia dapat meramalkan *(predict)* atau menunjukkan apa masalah Kementerian Kesihatan akan hadapi dalam masa 15 ke 20 tahun. 'Kitani' sudah ada 10 tahun data, *so the more data they have they can* mengikut *algorithm* yang disediakan 'diaorang' akan dapat mem*predict* berapa orang.

Apa masalah yang dihadapi yang paling banyak 15 hingga 20 tahun dan dari sana 'kitani' dapat merancang apa jenis perubatan yang perlu 'kitani' sediakan. Misalannya, kencing manis semakin meningkat di mana dialisis akan bertambah*, then we need to prepare more renal doctors as I mentioned renal doctors takes 6 to 10 years to produce and then* dari sini 'kitani' dapat membuat persiapan yang secukupnya dan harga yang lain 'atu' *Bru-HIMS 2.0* ialah untuk menggantikan *Bru-HIMS 1.0* masa ini.

We have appointed a new system, yang mana ia akan lebih canggih dan lebih interaktif *in the way that* ia ada *artifical intelligence*nya juga di mana kalau 'kitani' membuat kan simptom-simptom 'atu' ia boleh menolong juga *give a differential diagnosis* dan sebagainya dan sebab sistem sekarang ini sudah semakin tidak stabil *we have to change the Bru-HIMS 1.0.*

Kalau boleh tidak 'pulang' ditukar *but the system is no longer stable and no longer supported,* so ini pun memakai *few life lines by the company so that in 1 or 2 years it will no longer be a resistance.*

Dari segi peruntukan macam *equipment* dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja

Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof tidak banyak hanya $7 juta saja.

Masa ini apa yang Kementerian Kesihatan buat ialah *rather than* membeli *we are leasing now*, peruntukan itu tidak termasuk di sana, ia di dalam peruntukan yang lain. Jadi *most of the equipment,* makmal-makmal *even CT & MRI* itu *all leased.* Dengan *leasing* ini *they have proper maintenance* juga, diharap dengan perjanjian baru ini *equipment* akan lebih di*maintain* dengan baik.

Dari segi piawaian memang 'kitani' mahu membuat piawaian antarabangsa, di sini 'kitani' dapati orang 'kitani' or jabatan di bawahnya ini 'inda' mampu membuat, *they try their best but* berapa orang saja 'diaorang ani'*, we have how many thousands equipment so they know the standards but it is just* ada *certain challenges,* sebab itu *maintenance* '*macam ani'* seperti tahun lepas ada kaola nyatakan *we plan to outsource this actually* 'ganya' ada masa-masa tertentu tidak dapat diteruskan.

Kalau transformasi digital ani *we say it will give more access to care* seperti dalam mukadimah kaola nyatakan *now* kan membuat *screening* pun dulu payah kan bejumpa doktor di klinik kadang-kadang 'kana marahi lagi bahapa' *screening, now it is access able through your phone, you answer all the questions.* Kalau ada bertepatan*, you are invited for screening.*

We believe untuk memastikan *the healthcare is sustainable* untuk anak dan cucu 'kitani' dan seterusnya *is to contain the cost of healthcare*. Masa ini $500 juta *so it is predicted in 2035 it will go on more than a billion.*

So, in order to prevent the acute rise in healthcare, we believe doing screening and increasing health literacy is very important. Screening is free untuk orang 'kitani' tetapi 'inda' tahu kenapa orang 'inda berapa', takut ada 'jua' *especially the educated one*.

Once they know they have a problem 'takut tah pulang kan' berjumpa *they go until too late so* persepsi ani mesti 'kitani' tukar di mana *if we detect early by screening, we can detect diseases especially cancer early and it is secure* إِنْ شَاءَ الله kalau *stage 1, stage 2 nowadays most cancer is curable by stage 1 stage 2. That is why in PJSC we also have early detection in cancer prevention.*

Di sana khusus bagi pesakit kanser terutama sekali yang umurnya muda 30 lebih, 40 lebih dan *a strong family history where we also do genetic screening and* kalau *genetic screening* ini positif *we have to screen the rest of the family* juga *or invite the family. Still* sukarela *for the family to be invited* because di Negara Brunei Darussalam ini *we have certain families who* banyak kanser *so if we know they are part of this then we can screen them early* so 'diaorang' tidak termasuk dalam *national screening so their screening is specific, so more frequent and more targeted than the normal population.*

Ini adalah antara kaedah-kaedah ataupun jalan yang diutamakan oleh

Kementerian Kesihatan untuk mengawal *especially cancer death,* pramatang dalam kanser. 'Cematu' juga *Cardiovascular,* dalam *BruHealth* ada sudah *Cardiovascular Screening so we are quite active in screening this kind of population as well.* Di bawah Kod 005/007 itu adalah *Maintenance Under Bru-HIMs* dan *BruHealth*.

Mengenai dengan *National Dental Centre* ini lama sudah difikirkan, *there are other methods being suggested as well* macam *PPP* dan sebagainya.

A few places have been suggested as well not just yang dinyatakan tadi tapi *according to the priortity, we believe Dental Centre* ini boleh dijadikan sebagai *PPP, we look into that again.* Kalau berhasil *then we look for PPP.*

Ini bukan Kementerian Kesihatan men*discriminate dental, we know that especially* Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof nyatakan tadi *a good oral health is a happy body. We believe at the moment we try to improve chairs in certain health centres and we also* menggalakkan pertubuhan klinik-klinik swasta.

Menunggu gigi lama 'ani' setahu kaola pasal *braces* 'pulang ganya' selalunya *and then may be* gigi palsu. Di sini saya ingin menerangkan gigi palsu ini banyak 'inda diambil' beratus gigi palsu *is not collected*. Kalau benar-benar inda berguna jangantah ke sana dulu, orang lain tertunda. Beratus di *dental lab*. Gigi palsu ini *is not cheap, it costs a few hundred dollars*. Kalau 500 sudah berapa ratus ribu kerajaan belanja. Lain lagi harga doktor dan *lab technician*, ini baru harga gigi palsu. *Braces* seperti yang saya katakan tadi walaupun *is not critical to the life*, Kementerian Kesihatan masih menyediakan, hanya *we limit* pemberiannya *because we prioritise other healthcare matters which is more important*.

Mengenai *post-analysis, benefits and things like that*, di dalam negara ini tidak ada yang *experts on health economics*, *that is for sure, even we've asked for the last few years even on regional meeting,* tetapi baru-baru ini, *we have engaged with the help of WHO, a body from the United Nations to analyze our use of BruHealth*.

So, that is in the process. We also want to know whether what we are doing is worth the money, worth every cent, which we believe it is. Even WHO believes in this, but we want the proof on the effort.

Sometime this year, there is a body from the United Nations will come and assess us and help us also how to do the health economics of BruHealth. It's not something simples, that is something we need to learn and we need third body to do that.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, kepakaran. *So, at the end of the day it goes to the few things*. 1. Berapakah keramaian penduduk?

Kalau 'kitani' hanya 400 ribu, *we cannot have 100 specialties*. *That is why we still send some patients abroad where the specialty is, especially* kalau ia dua kali *or* satu dua saja yang ada di Brunei, *it's not worth paying the salary for that doctor* untuk buat kerja satu ke dua *patients* setahun.

So, it's better to send them abroad and not only that, because we need to send that patient to a doctor or practice where they do a lot, where there is volume. So, volume speaks excellence.

So, selalunya kalau banyak ia membuat yang dibedah yang jarang-jarang itu, *the better they are*. *And just* bandingkan, ini sebagai perbandingan. *I went to a hospital, one of the so-called hospital public* di negara jiran.

This is about 8 years ago kali. Kaola bertanya, Yang Berhormat Pengerusi, di hospital ini berapa 'diorang' punya *budget for* katil untuk 2000*, 2 billion and this doesn't include research. Research 400, 600 million, separate. This particular hospital, the budget is 2 billion and* berapa bajet ''kitani' seluruh negeri.

But yet, we shouldn't be ashamed, we should be proud because the end products, the end results we produce are comparable to what they have. We match 'Apple to Apple' lah, *other specialty* 'kitani' tidak ada itu, tidak adalah.

So, أَلْحَمْدُ لِلّٰه Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memastikan *access to care is equal to everyone, irrespective of their race, religion*, pangkat dan sebagainya.

So *that's a main factor,* Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. *So, if we have 2 billion budgets for* kementerian, *then we can do a lot as well*. *So, there is a lot of wishes list* dalam Kementerian, *not that we never thought of that. So* 'kitani' pun *aware of our fiscal and our consolidation process and spending* secara berhemah jua. *And we just priorities things so that whatever we do is justifiable.*

So, itu saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas jawapan yang telah diberikan terhadap soalan-soalan yang telah dikemukan oleh 6 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Sekarang saya akan memberikan laluan kepada 6 orang lagi Ahli Yang Berhormat untuk menyuarakan soalan-soalan mereka dan selepas itu kita akan mendengar pula jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

'Kitani' tidak akan menghargai nikmat sihat sehingga 'kitani' ditimpa sakit. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dengan Mukadimah Belanjawan serta hala tuju bagi Kementerian Kesihatan Tahun Kewangan 2024/2025 kelmarin.

Dikagumi sangat Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana mukadimah yang jelas dan terperinci. Di Dewan yang mulia ini, kaola ingin membangkitkan mengenai perkhidmatan perubatan untuk warga Kampung Air dan persekitarannya termasuk mana-mana kecemasan yang berlaku di sungai-sungai dan perairan negara ini.

Seperti yang kaola difahamkan, 'kitani' mempunyai beberapa buah bot ambulans yang dilengkapi dengan alat-alat paramedik yang sama dengan apa yang ada dalam kereta ambulans darat.

Dengan penduduk Kampung Air dan yang lebih 20 ribu orang dan bot-bot tambang serta kapal-kapal kecil yang masih beroperasi di Sungai Brunei dan perairan negara, adakah jumlah bot ambulans negara mencukupi untuk menangani sebarang permintaan perubatan kecemasan dan jika terjadinya kecemasan di sungai dan perairan negara?

Adakah perancangan Kementerian Kesihatan untuk menambah jumlah boat yang sedia ada memandangkan kes-kes kecemasan di Kampung Air dan yang koala difahamkan adalah meningkat?.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan dalam sejahtera. Koala ingin membangkitkan isu kesihatan mental dan *stigma,* Yang Berhormat Pengerusi. Di dalam Negara Brunei Darussalam kesedaran terhadap isu kesihatan mental semakin meningkat.

Difahamkan bahawa jumlah individu yang mengalami masalah kesihatan mental mungkin lebih tinggi disebabkan

oleh stigma terutama dalam golongan muda, wanita, individu, bujang dan mereka yang mempunyai sejarah masalah kesihatan mental.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk menangani isu kesihatan mental dengan menyediakan Talian Harapan '145' dan Jerayawara Kesihatan dan Mental di seluruh kementerian. Kaola difahamkan talian ini menerima purata panggilan sekitar 2000 panggilan setiap tahun dan para penasihat kesihatan mental berkhidmat sepanjang masa 24/7. Penamaan klinik As-Syafi juga adalah suatu usaha untuk mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental.

Satu isu yang ingin kaola tekankan adalah kerahsiaan rekod lawatan pesakit ke klinik psikiatrik. Walaupun rawatan isu kesihatan mental adalah penting, stigma masih juga menjadi halangan utama kepada individu untuk mencari bantuan tanpa rasa bimbang. Ini disebabkan rekod rawatan yang dimuat naik di dalam aplikasi *BruHealth* akan menjadi sumber informasi sebagai tapisan untuk permohonan pekerjaan dan biasiswa, contoh yang boleh diakses oleh pihak Kementerian Kesihatan.

Soalan kaola, bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan kerahsiaan rekod kesihatan mental individu supaya tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk meneruskan kehidupan secara normal? Cadangan kaola:-

1. Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan agensi-agensi lain bagi memastikan individu yang mendapat rawatan psikiatri diterima dengan keadaan mereka dan tidak menjadi halangan bagi mereka mendapatkan bantuan dan menjalani kehidupan yang normal.;

2. Meningkatkan jumlah sumber tenaga yang mengendalikan Talian Harapan 145 untuk memastikan kecekapan perkhidmatan dengan kenaikan jumlah panggilan yang diterima.;

3. Meningkatkan program kesedaran jerayawara kesihatan mental bersama agensi-agensi kementerian, swasta dan institusi Pendidikan.; dan
4. Usaha perlu diteruskan untuk menjadikan klinik psikiatrik dengan suasana yang mesra untuk pesakit dan pengunjung.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Lebih dahulu, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah yang panjang lebar dan tahniah atas usaha-usaha yang telah dijalankan dan semua rancangan yang

dibuat berjalan dengan lancar bagi mencapai arah tuju Kementerian Kesihatan.

Kaola ingin menyentuh mengenai *JPMC College of Health Sciences* yang mungkin tidak memerlukan huraian panjang daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Soalan kaola ialah Yang Berhormat Pengerusi. Apakah pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus di kolej ini diiktiraf antarabangsa yang menjadikan mereka *marketable* dalam dan luar negara.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Terlebih dahulu, kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan di atas mukadimahnya yang cukup berinformasi tentang rancangan dan usaha-usaha kementerian bagi mewujudkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menuju ke arah warga sihat.

Dalam kita memperkatakan tentang kualiti hidup rakyat, ia terkait dengan isu kesihatan setiap warga. Ini termasuklah juga kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan setiap rakyat mendapat kualiti perkhidmatan kesihatan yang baik dan sempurna.

Kaola sangat berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memberikan perkhidmatan kesihatan secara percuma.

Namun pada itu, kaola juga ingin menyuarakan tentang masalah sebilangan rakyat di kawasan pedalaman yang tinggal jauh dari hospital dan pusat kesihatan. Seringkali terjadi kesukaran apabila berlaku kecemasan dan memerlukan bantuan kesihatan atau perubatan secara segera.

Sehubungan dengan itu, kaola sukcita mencadangkan agar Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang berkepentingan dapat meneliti dan mempertimbangkan untuk mewujudkan perkhidmatan ambulans pedalaman dan ambulans udara yang beroperasi 24 jam bagi memberi bantuan kecemasan di kawasan-kawasan pedalaman, mohon pencerahan mengenainya.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan pula Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Pertama kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangan Belanjawan (2024) Perbekalan, 2024/2025 bagi Kementerian Kesihatan. Semoga ia dilaksanakan dengan sebaik mungkin, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jika dahulunya pihak kerajaan menghantar pesakit-pesakit ke luar negara bagi mendapatkan rawatan seterusnya secara komprehensif. Selain itu, pihak kerajaan juga memerlukan perkhidmatan makmal luar negara bagi mendapatkan ujian yang lebih mendalam sampel darah pesakit, tisu dan sebagainya.

Kaola difahamkan amalan ini telah pun berkurangan kerana sudah ada kemudahan dan kelengkapan perubatan yang membolehkan ia dilakukan di Negara Brunei Darussalam. Kaola sangat menyambut baik perkembangan ini dan sekali gus ia dapat menjimatkan kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan bagi membiayai pesakit-pesakit yang berkenaan.

Jesteru itu, kaola ingin tahu apakah masih ada pesakit-pesakit yang dihantar ke luar negara bagi mendapatkan rawatan dan berapa peratuskah penjimatan kos setiap pesakit yang boleh dijimatkan apabila mendapat rawatan berkenaan dalam negara.

Dan apakah perancangan pihak kerajaan ke arah mempertingkatkan keupayaan atau kapasiti makmal hospital tempatan.

Kaola mohon pencerahan Yang berhormat Menteri Kesihatan mengenainya.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas mukadimah hala tuju dan perancangan Kementerian Kesihatan dalam mengurus dan merancang Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, semoga dapat divariasikan hendaknya.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182, Bahagian Kesihatan alat dapur dan tempat makanan, kawalan vektor iaitu pengawalan terhadap lalat, lipas, tikus dan lain-lain binatang hendaklah sentiasa dilakukan.

Selain itu, alat perangkap lalat jenis elektrik hendaklah dipasang di kawasan dapur dengan selamat dan di tempat yang bersesuaian seperti dewan makan.

Di negara-negara maju, pengawalan lalat merupakan mandatori kepada pemilik-pemilik restoran dan kafe bagi menjaga keselamatan makanan daripada tercemar.

Di Australia dan New Zealand sebagai contoh, pemilik-pemilik restoran berdepan dengan tindakan denda atau tutup premis apabila didapati gagal dalam pengawalan terhadap lalat dan perkara ini menjadi keutamaan kepada pemilik restoran untuk memastikan premis mereka bebas lalat.

Kaola terpanggil untuk menyuarakan isu ini kerana terdapat beberapa premis makanan mengambil mudah dengan isu lalat di tempat mereka sehingga kadangkala mengganggu ketenteraman pelanggan ketika makan. Kaedah pengawalan lalat juga tidak dilakukan secara serius, dalam kata lainnya ala kadar sahaja.

Sehubungan dengan itu, kaola menyarankan agar pihak-pihak berkenaan dapat menguatkuasakan akta ini agar isu lalat dan serangga-serangga lain dapat ditangani dengan sewajarnya dan dalam masa yang sama memberi bimbingan kepada peniaga makanan tentang kaedah-kaedah pengawalan yang sesuai seperti amalan yang diguna pakai oleh negara-negara maju.

Sekian. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Begitulah 6 soalan yang telah pun dikemukakan oleh 6 orang Ahli Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sebelum saya meminta Yang Berhomat Menteri Kesihatan untuk menjawab ataupun memberikan reaksinya atau respon terhadap soalan-soalan yang dikemukakan itu dan bagi membolehkan ia mengamat-mengamati, barangkali soalan-soalan yang dikemukakan.

Saya ingin menangguhkan mesyuarat ini selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa masih lagi membahaskan Tajuk di bawah Kementerian Kesihatan.

Sebelum kita berhenti untuk berehat sebentar tadi, kita telah mendengar soalan-soalan daripada 6 orang Ahli Yang Berhormat dan sekarang tiba masanya untuk saya mempersilakan pula Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan penjelasan ataupun respons terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan tadi.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Izinkan kaola menjawab soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai ambulans di Kampung Air. Tahun lepas panggilan di Kampung Air mencatatkan 154 panggilan dan pada tahun ini 40 panggilan. Masa ini 'kitani' ada 2 buah bot ambulans dan 2 buah temuai.

So dari statistik ini 'usulnya' masih mencukupi, walau bagaimanapun cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan mengenai bot ambulans ini terutama sekali di bandar ialah mencari *boat driver* dan pencaruk. *We need driver* dan pencaruk *yang familiar* with Kampung Air kerana *address is not visibly clear* macam di darat and *there's no proper demarcation of one* kampung *to the other so* 'kitani' perlu juga mengambil orang Kampung Air untuk menjadi *driver.*

Kepayahannya ialah mencari pengganti nanti, setakat ini kalau 'diaorang' pencen payah 'kitani' *so* dialu-alukan penduduk Kampung Air kalau ada *advertisement* untuk ambulans *driver* dan pencaruk untuk tampil ke hadapan. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan dipantau jika ada keperluannya. إِنْ شَاءَ اللهُ bot ambulans ini akan ditambah.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai isu mental. Kementerian Kesihatan amat menitikberatkan isu kerahsiaan dan *confidentiality of patient* hanya, 'berlalih tia'.

Minta maaf, jadi Kementerian Kesihatan menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk meningkatkan kesedaran mental di tempat kerja sektor swasta dan dalam usaha menggalakkan seluruh masyarakat memainkan peranan dalam memastikan hak untuk kesihatan mental yang baik dan dicapai oleh semua. Sekali gus memperkasa masyarakat dalam pengetahuan dan tindakan mengenai kesihatan mental di negara ini.

Pusat Promosi Kesihatan telah pun melaksanakan beberapa program bersama badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pihak sukarelawan, agensi swasta dan melalui kerjasama antarabangsa. Antara inisiatif dan program-program yang dimaksudkan ialah Jerayawara Kesihatan Mental di tempat kerja sebagai satu hak asasi yang telah dilancarkan pada 10 Oktober 2023 bersempena dengan sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Jerayawara yang dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan kesihatan mental khususnya dalam kalangan para penjawat awam.

Ini adalah kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal

Ugama khususnya Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Kaunseling Jabatan Perkhidmatan Awam dan disokong juga oleh Unit-Unit Kaunseling daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain itu Jerayawara Kesihatan Mental bersama pihak KUPU SB di institusi pendidikan tinggi telah dilaksanakan pada bulan Oktober tahun lepas di Daerah Brunei Muara dan akan disambung pada suku tahun ini ke daerah-daerah lain.

Ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan penuntut pengajian tinggi tentang kepentingan penjagaan kesihatan mental dalam menjadikan mereka lebih cakna akan kepentingan kesihatan mental dan seterusnya memperkasa kedaya tahanan diri *or resilience* pada masa mendatang.

إِنْ شَاءَ الله, Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kesedaran penduduk-penduduk khususnya di sektor swasta dan pihak berkepentingan dalam penjagaan kesihatan mental tersebut.

Berkenaan dengan penambahan jumlah *manpower* untuk perkhidmatan talian harapan '145', pihak Kementerian Kesihatan mengambil baik cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat dan akan meneliti keperluan ini dari semasa ke semasa. Pada masa ini, kita ada seramai 29 orang Penasihat Kesihatan Mental yang mengendalikan perkhidmatan talian '145'.

Seterusnya, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai *JPMC College of Health Sciences.* أَلْحَمْدُ لِلّٰه *college* ini memang diiktiraf. Ia diiktiraf oleh MKPK ataupun *Brunei Darussalam National Accreditation Council* dan dengan sendirinya ia diiktiraf antarabangsa.

Walau bagaimanapun, *JPMC College* masa ini sedang membuat *arrangement* dengan *American Nursing Board* untuk diiktiraf *as a nursing degree* di Amerika. Jadi, orang di sini boleh keluar negara kalau ia tidak mahu kerja di Brunei khususnya untuk pelajar-pelajar asing.

Jadi masa ini, sejak tahun 2022, jumlah penuntut di sana 63 orang dan pada tahun 2023, jumlah penuntut yang mendaftar semuanya ialah 208 penuntut dan seramai 137 orang penuntut mengikuti *Foundation in Science Certification* dan 71 orang penuntut mengikuti *Bachelor of Science in Nursing.* إِنْ شَاءَ اللهُ setakat ini, memang diiktiraf dan kita mahu lagi *further* pengiktirafan dari *American Board of Nursing.*

Seterusnya, soalan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, di pedalaman terutama sekali di Labi, Daerah Belait ambulans adalah di bawah kawalan Klinik Labi dan jika ada kecemasan pada waktu pejabat sahaja adanya petugas dari klinik yang respons ke tadahan berkenaan.

Ambulans pacuan 4x4 berkenaan sudah terlalu usang dan kementerian sudahpun mendapatkan penggantiannya, 'ganya' menunggu *delivery* إِنْ شَاءَ اللهُ dalam masa terdekat ini.

Untuk menempatkan paramedik memang dalam perancangan *EMAS.* Pada masa ini, menunggu peruntukan jawatan-jawatan untuk graduan-graduan paramedik yang masih menunggu jawatan Paramedik. Mengenai ambulans bagi kes kecemasan yang hanya boleh diakses menggunakan helikopter, kerjasama masa ini ialah di antara *EMAS* dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei masih berjalan.

Jika ada keperluan memang paramedik *EMAS* ataupun paramedik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sendiri akan merespons ke lokasi-lokasi berkenaan. Statistik penggunaan helikopter memang sangat rendah kebelakangan ini disebabkan أَلْحَمْدُ لِلّٰه adanya jambatan Temburong. Walau bagaimanapun, lokasi yang sangat *remote* memang masih diaktivasikan secara operasi *medivac* berkenaan.

Seterusnya, soalan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai makmal, mengekalkan ke Jejabat Perkhidmatan Makmal melaksanakan program peningkatan kualiti yang berterusan melalui akreditasi piawaian iaitu *ISO-15189* juga piawaian-piawaian antarabangsa yang lain.

Jabatan Perkhidmatan Makmal ini pun melaksanakan latihan dan kompetensi makmal secara berterusan bagi memastikan pegawai dan kakitangan makmal berupaya untuk melaksanakan proses-proses makmal yang betul dan dapat dipercayai dan juga melaksanakan pemeriksaan kawalan kualiti secara dalaman dan antarabangsa untuk mengesahkan keberkesanan *method-method* peralatan atau ujian secara berterusan dan memperkukuhkan proses pengambilan dan memperkukuhkan spesimen untuk memastikan integriti dan kualiti spesimen tidak terjejas dan seterusnya menjamin kualiti dan ketepatan keputusan ujian makmal.

Jabatan Perkhidmatan Makmal juga melaksanakan pemantauan dan pengurusan yang efektif ke atas peralatan dan reagen-reagen makmal untuk memastikan keputusan ujian terjamin.

Dalam pada masa yang sama, mengelakkan pembaziran disebabkan oleh kerosakan dari reagen-reagen yang mansuh. Jabatan tersebut juga melibatkan kakitangan dan rangkaian makmal-makmal global dan serantau bagi memudahkan pembinaan kapasiti makmal terutama semasa pandemik.

Soalan mengenai penghantaran pesakit ke luar negara, sejak 10 tahun ini, ia sudah berkurangan kerana pesakit mengalami masalah jantung ataupun strok dan kanser, banyak sudah dirawat di negara ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Ini mengurangkan perbelanjaan yang berpuluh juta ringgit bagi kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke luar negara ini masih juga bagi kaola/saya tinggi dalam $7 juta setahun. Ini termasuk bayaran perkhidmatan kenderaan, tempat tinggal dan peneman semasa menjalani rawatan di luar negara. Ini termasuk pada masa ini di Singapura, Malaysia dan Thailand yang banyak di sana. Bayaran elaun sara hidup kepada pesakit dan peneman semasa berada di luar negeri masih dijalankan.

Jadi, angka ini akan ditunduki lagi dan 'kitani' pun masa ini *in the process of* menilai keperluan menghantar sebahagian masalah ini ke luar negeri untuk rawatan kerana 'kitani' *have a few young local consultant*. *So,* إِنْ شَاءَ اللهُ dalam masa akan datang, ia akan berkurangan.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai *vector.* Dalam akta yang disebutkan tadi, memang ada disebutkan mengenai *pest control.*

Jadi, ia memang berkewajiban untuk mengawal segala *pest* termasuklah lalat-lalat ini. Disebabkan rampaian tidak lagi ada, jadi pengawalan macam *pest* ini memerlukan penambahbaikan akta pemakanan yang ada.

Ini sudah pun digubal, menunggu *the final approval. So,* kalau ada *approval* nanti pihak pengawal makanan yang pada masa ini bukan lagi di bawah Kementerian Kesihatan tetapi di bawah Pusat Berkanun, *Brunei Darussalam Food Authority* dan 'diorang' boleh mengambil tindakan yang tertentu.

Buat masa ini, dinasihatkan orang berkedai untuk mengikuti piawaian apa yang terdapat dalam akta yang dinyatakan tadi dalam *food pack.* Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah pun mendengar perbahasan di bawah Tajuk Kementerian Kesihatan dan kita juga telah pun mendengar jawapan-jawapan yang telah diberikan oleh Menteri Kesihatan terhadap soalan-soalan yang telah pun ditimbulkan. Maka, saya berpendapat bahawa cukuplah kita membahaskan mengenai tajuk-tajuk di bawah Kementerian Kesihatan ini.

Saya bercadang sesuailah bagi Tajuk SM01A ini sekarang kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua bersetuju. Maka, Tajuk SM01A diluluskan dan kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN01A hingga SN09A bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih Tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Seperti lazimnya, sebelum saya membukakan bagi tajuk di bawah kementerian ini untuk dibahaskan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju dalam penyediaan Belanjawan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم.
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin lebih dahulu mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa kepada Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kepada semua yang berada dalam Dewan Persidangan yang mulia ini.

Semoga kita sama-sama mendapat keberkatan dan ganjaran pahala bagi ibadah dan amalan yang kita kerjakan sepanjang bulan penuh berkah ini.

Seterusnya, kaola ingin merakamkan penghargaan atas kesempatan dan laluan Yang Berhormat Pengerusi berikan untuk kaola menyampaikan mukadimah mengenai peruntukan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II dan seterusnya untuk mengongsikan perkembangan perkara-perkara yang dalam bidang fokus serta hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (*MTIC*).

Ia juga dihasratkan akan dapat memberi pencerahan lanjut kepada perkara-perkara yang pernah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dan juga semasa sesi-sesi muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Untuk memulakan, bagi mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi berserta jabatan-jabatan dan pihak-pihak berkuasa di bawahnya dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas limpah kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Antara lain titah baginda telah menyentuh mengenai mempertingkatkan kepelbagaian sektor perekonomian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini serta pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia dalam menjana peluang-peluang pekerjaan. Titah saranan baginda tersebut adalah disanjung dan akan dijadikan sandaran selaras dengan strategi-strategi yang dirangka serta dasar-dasar yang disediakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dalam mendukung Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' serta mengambil kira peranan asas dan tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Pelan Strategik *MTIC 2025 Refresh*, إِنْ شَاءَ اللهُ, dengan peruntukan yang disediakan ini, perancangan dan peluang-peluang penambahbaikan yang dikenal pasti akan dapat meningkatkan dan memantapkan lagi sumbangan sektor pengangkutan dan infokomunikasi dalam pembangunan negara, khususnya yang meliputi tiga perkara yang kekal menjadi pemacu nilai atau *value driver* Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi iaitu:-

1. Menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber.;

2. Meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi.; dan

3. Pemudah cara bagi mendukung kemajuan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut lagi keutamaan serta tumpuan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, kaola dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas peruntukan sejumlah $138,394,150 seperti berikut:

1. Sejumlah $113,584,280, iaitu 80% terdiri daripada Perbelanjaan Biasa termasuk Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang.; dan

2. Selebihnya sebanyak $24,809,870, iaitu 18% adalah terdiri daripada perbelanjaan untuk membiayai Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Ini merupakan 14% daripada Harga Rancangan RKN-12 yang diperuntukkan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada masa yang sama, sukacita juga turut dikongsikan dalam kesempatan ini, bahawa bagi Tahun Kewangan

2023/2024. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga telah dapat menyumbang kepada pendapatan kerajaan sebanyak lebih daripada $33 juta.

Selain itu, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam *(AITI*) telah menyumbangkan hasil mereka sebanyak $20.9 juta.

Manakala, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam *(MPABD*) akan menyumbangkan sebanyak $50 juta kepada kerajaan daripada pendapatan terkumpul mereka di beberapa tahun kebelakangan ini. Ini jelas menunjukkan bahawa sektor pengangkutan dan infokomunikasi berperanan penting dalam menjana hasil pendapatan untuk kerajaan.

Juga diakui, berikutan dengan penubuhan badan-badan berkanun (*AITI* dan *MPABD)*, sebagai pengawal selia, ia dilihat berkemampuan untuk menambah nilai dari segi mempertingkatkan kualiti dan efisiensi perkhidmatan dan juga meningkatkan hasil pendapatan kerajaan, selain mengembangkan sektor masing-masing dengan lebih teratur dan berkesan untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, sungguhpun juga terdapat cabaran-cabarannya tersendiri, namun begitu, sepertimana yang pernah disuarakan di Majlis yang mulia ini pada tahun lepas mengenai usaha menubuhkan badan kawal selia untuk Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Penerbangan Awam ditubuhkan.

Sukacita dikongsikan bahawa pihak di jabatan-jabatan tersebut masing-masing akan mula mengambil langkah-langkah asas, khususnya dalam mengemas kini struktur dan aliran kerja di organisasi berkenaan supaya mereka akan lebih bersedia bila tiba masanya untuk melalui *organisational transformation*. Dalam pada itu, tumpuan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah juga ke arah melaksanakan pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos. Ini berikutan dengan pewartaan *Postal Services Order, 2023* selaku pemboleh bagi mewujudkan operasi dan penyediaan sistem dan perkhidmatan pos secara korporat.

Seterusnya ia juga pemangkin ke arah mempromosikan industri pos yang efisien dan berdaya saing.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola seterusnya, ingin mengongsikan dengan lebih lanjut lagi keutamaan serta tumpuan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, dan perkembangan berikutan dengan Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas bagi sektor-sektor pengangkutan, infokomunikasi serta sains dan teknologi.

Bermula dengan pengangkutan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, sektor pengangkutan yang meliputi pengangkutan darat, maritim dan udara telah terus menyaksikan *trend*

peningkatan dari segi jumlah trafik, walaupun masih di bawah tahap prapandemik *COVID-19*.

Jika kita lihat kepada sektor penerbangan awam, tahap pemulihan dari segi jumlah pergerakan penumpang, iaitu masuk, keluar dan persinggahan yang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 2023 adalah sebanyak 1,213,462 orang penumpang. Ini hanyalah pada tahap 55% dari jumlah tertinggi pergerakan penumpang yang pernah dicapai pada tahun 2019. Namun begitu, jika dibandingkan dengan tahap di tahun 2022, ini merupakan peningkatan sebanyak 119% pada tahun 2023.

Berhubung dengan pergerakan kargo pula, tahun 2023 telah menyaksikan peningkatan dalam pergerakan kargo sebanyak 52% dibandingkan dengan tahun 2022. Akan tetapi seperti pergerakan penumpang, peningkatan ini juga masih di bawah tahap yang pernah dicapai pada tahun 2019 iaitu hanya pada tahap 47% daripada apa yang telah dicapai pada tahun tersebut.

Ini jelas menunjukkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masih beroperasi di bawah kapasiti dan masih terdapat peluang untuk memanfaatkan sepenuhnya lagi kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menyumbang dan mendukung usaha-usaha mempelbagaikan dan menumbuhkan ekonomi kita.

Sepertimana yang juga telah dikongsikan usaha-usaha tersebut adalah seperti mengembangkan kapasiti mengendalikan kargo, *transhipment, cold chain logistics, sorting hub* dan perkhidmatan *aviation maintenance repair and overhaul*.

Antara kaedah yang diambil untuk memajukan peluang-peluang ini adalah dengan cara menarik pelaburan dari syarikat-syarikat *GLC's* seperti *Brunei International Air Cargo Centre (BIACC)* dan syarikat lain yang telah menunjukkan minat mereka.

Jabatan Penerbangan Awam pada masa yang sama akan menumpukan belanjawannya ke arah memastikan operasi harian lapangan terbang tidak terjejas, mengendalikan penyelenggaraan peralatan kritikal, terutamanya bagi keselamatan, navigasi, pergerakan pesawat dan pembangunan sumber tenaga manusia. Jumlah sebanyak $26,333,330.00 (Dua Puluh Enam Juta, Tiga Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu, Tiga Ratus Tiga Puluh Ringgit) telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Biasa bagi Tahun Kewangan 2024/2025 bagi tujuan ini.

Manakala sebanyak $14,625,230.00 telah disediakan untuk Perbelanjaan Kemajuan dalam Tahun Kewangan yang sama. Jumlah ini adalah 17% daripada Harga Rancangan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) yang berjumlah $83,867,690.00 bagi membiayai tujuh (7) Projek RKN yang menjurus kepada menaik taraf

infrastruktur dan peralatan untuk memastikan operasi lapangan terbang kekal mematuhi keperluan keselamatan dan piawaian-piawaian antarabangsa seperti *ICAO Standard and Recommended Practices (SARPs*) Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa. Projek-projek tersebut adalah:

i. Penggantian *Instrument Landing System (ILS)* dan *Distance Measuring System.*;

ii. Membaiki pulih landasan lapangan terbang, fasa 2.;

iii. Pemasangan pagar keselamatan dan sistem pengesan pencerobohan.;

iv. Menaiktaraf peralatan pemeriksaan dan sistem pengawasan keselamatan.;

v. Menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur *aerodrome.*;

vi. Sistem-sistem radar *Primary Surveillance, Secondary Surveillance.*; dan

vii. Surface Movement Radar.

Seterusnya, sebagai usaha memastikan operasi harian lapangan terbang tidak terjejas, meningkatkan keselamatan dan kesiapsiagaan kecemasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) serta pembelajaran dari insiden dan kemalangan udara yang lalu akan sentiasa diberi perhatian. Dalam hubungan ini, Pelan Kecemasan Lapangan Terbang atau '*Airport Emergency Plan'* yang diterajui oleh Jabatan Penerbangan Awam telah dikemaskini dan latihan kecemasan juga telah diadakan, iaitu - *Table Top Exercise* dan *Field Training Exercise* pada Oktober 2023. Berikutan dengannya, beberapa penambahbaikan telah dikenal pasti untuk ditangani selanjutnya.

Perkara ini akan terus ditunduki oleh Jabatan Penerbangan Awam dalam meningkatkan kesiapsagaan kecemasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei termasuk ketentuan bagi landasan alternatif kecemasan, sama ada di luar negeri mahupun di dalam negeri yang sudah dirancang.

Apabila membincangkan mengenai hal ehwal penerbangan awam, kita tidak akan dapat lari daripada membincangkan mengenai perancangan penubuhan syarikat penerbangan tempatan alternatif atau syarikat industri penerbangan yang berpangkalan di negara ini, seperti cadangan-cadangan yang diterima daripada *Gallop Air Sendirian Berhad dan juga AeroAsia Holdings Corporation* yang mendapat liputan media.

Dalam hubungan ini, sebagai tambahan kepada apa yang sudah dikongsikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Jabatan Penerbangan Awam memang akan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang berhasrat untuk mengembangkan jumlah penerbangan, pergerakan

penumpang dan kargo yang menjurus kepada mengoptimakan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masa kini mahupun mengembangkannya dengan lebih lanjut lagi, jika perlu.

Dalam hubungan ini, turut dikongsikan, bahawa dalam proses mempertimbangkan permohonan untuk menubuhkan syarikat penerbangan tempatan, pencadang perlu mendapatkan *Air Operator's Certificate (AOC*) atau Sijil Pengendali Penerbangan Udara dan juga untuk mendapatkan kelulusan Kelayakan Pengurusan Penerbangan Udara Beterusan atau *Continuing Airworthiness Management Organization (CAMO).*

Dalam hubungan ini, untuk memperolehi *Air Operator's Certificate (AOC),* pencadang perlu menjalani lima (5) fasa proses penilaian dari sudut keselamatan, modaliti perniagaan, kecekapan, kesediaan operasi dan jenis pesawat (*aircraft type approval*) yang menepati piawaian Peraturan Penerbangan Awam dan Keperluan Penerbangan Brunei yang bersandarkan piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

Buat masa ini, bagi *aircraft type approval*, piawaian rujukan yang diguna pakai adalah bagi pesawat yang memiliki sijil yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang diiktiraf seperti Agensi Keselamatan Penerbangan Eropah (*EASA*), Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (*FAA*) atau Kanada.

Untuk makluman, status pada masa ini adalah masih dalam Fasa 1 iaitu prapermohonan atau *pre-application.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba/kaola/saya seterusnya ingin beralih kepada sektor pengangkutan darat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه sukacita dikongsikan lebih dahulu bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pindaan kepada Jadual Perintah Trafik Jalan Raya untuk memperkenalkan kategori Lesen Memandu 3A diwartakan, iaitu bagi kenderaan bermotor tanpa *clutch* (automatik) bagi kenderaan di bawah berat 3,000 kg, iaitu kereta biasa. Ini adalah contoh usaha berterusan Jabatan Pengangkutan Darat dalam mengemaskinikan dan memodenkan peraturan-peraturan yang sedia ada secara berperingkat-peringkat.

Antara hasrat memperkenalkan lesen ini, yang pernah juga dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat yang mulia ini, adalah bagi memberi pilihan dan kemudahan kepada orang ramai untuk belajar dan memandu kenderaan dengan transmisi automatik. Pemandu yang memilih Lesen Memandu Kelas 3A adalah tidak dibenarkan untuk memandu kenderaan transmisi manual.

Dengan terdapatnya pilihan ini, diharapkan ia juga dapat meningkatkan fokus dan menumpukan masa belajar lebih kepada latihan dan etika pemanduan selamat. 'Pembarigaan'

kepada sekolah-sekolah memandu, orang ramai dan pihak-pihak berkenaan akan disusuli kemudian selepas ini.

Selain perkara lesen memandu, perkara yang menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah mengenai pengangkutan awam. Dalam hubungan ini, sukacita dikongsikan bahawa pihak kementerian ini bersama Jabatan Pengangkutan Darat telah menunduki semula perancangan dan pelan-pelan strategi terdahulu kepada yang إِنْ شَاءَ اللهُ lebih berdaya maju dan mampan dengan mengambil kira keadaan semasa dan menjurus kepada:

1. Meningkatkan *connectivity dan reliability* perkhidmatan bas awam bagi laluan rangkaian teras atau *core network route.*;

2. Memperluaskan ketersediaan dan kebolehcapaian perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan atas permintaan (*on demand)* secara berkongsi tumpangan atau *individual rides* dengan kos perkhidmatan yang lebih menarik.; dan

3. Mewujudkan kontrak operasi yang mengandungi piawaian prestasi serta memperkenalkan sistem pengurusan pengangkutan yang memanfaatkan teknologi bagi pemantauan kenderaan dan bagi kemudahan penumpang.

Untuk makluman, sesi muzakarah dan perbincangan peringkat awal bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pengusaha-pengusaha perkhidmatan bas, wakil perkhidmatan teksi, *Dart*, pengusaha-pengusaha perkhidmatan logistik, Federasi Perkhidmatan Pengangkutan, Forum Setiausaha-Setiausaha Tetap dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat telah diadakan sekitar bulan Oktober and November tahun lepas dengan tujuan untuk mendapatkan apa juga *input* dan pandangan mengenainya.

Ini juga disusuli dengan mengeluarkan dua *RFI* atau *Request for Information* mengenai Perkhidmatan Pengangkutan Awam dan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Pengangkutan yang berjalan dari bulan Disember tahun lepas sehingga bulan Februari tahun ini, termasuk juga mengeluarkan Kaji selidik Perkhidmatan Bas Awam dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada masa yang sama.

Semua ini telah dilancarkan sewaktu Brunei *Smart Mobility Expo* pada bulan Disember 2023 tahun lepas. Berikutan dengan semua ini, إِنْ شَاءَ اللهُ *Request for Proposal* bagi penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam bagi laluan-laluan teras disasarkan untuk dapat dikeluarkan pada pertengahan tahun ini.

Bagi mendukung usaha-usaha ini juga, Peruntukan RKN-12 dengan Harga Rancangan berjumlah $11.7 juta seperti berikut telah disediakan sebagai langkah awal bagi Projek Menyediakan dan Menaik Taraf Infrastruktur Pengangkutan Awam di Negara Brunei Darussalam dengan anggaran kos sebanyak $4.7 juta dengan objektif

untuk membangun dan membaik pulih kemudahan infrastruktur perhentian-perhentian bas bagi rangkaian laluan teras mengikut garis panduan piawaian reka bentuk perhentian bas termasuk untuk meningkatkan aspek keselamatan.

Projek *Smart Transport System* dengan anggaran kos $7 juta dihasratkan untuk mewujudkan sistem pengurusan dan operasi rangkaian pengangkutan yang berasaskan teknologi bagi tujuan memantau, menilai dan membantu pihak berkuasa mengawal selia operasi perkhidmatan pengangkutan ke arah meningkatkan kecekapan dan keselamatan.

Selain meningkatkan kebolehpercayaan khidmat pengangkutan awam, melalui penyediaan maklumat secara *real time*, pilihan pembayaran secara *cashless* dan perkhidmatan *on demand transport (e-hailing)* ini adalah bertujuan bagi melengkapkan perkhidmatan pengangkutan awam juga dirancangkan. Projek ini juga akan dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan komersial, pengangkutan awam dan kenderaan berat ke arah membantu meningkatkan lagi tahap keselamatan lalu lintas.

Seterusnya, transformasi pengurusan organisasi dan urus tadbir Jabatan Pengangkutan Darat termasuk Projek-Projek Pendigitalan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengangkutan Darat merupakan satu inisiatif ke arah menambahbaikkan lagi perkhidmatan kepada orang ramai dan pengukuhan budaya kerja telus dalam kalangan pegawai dan kakitangannya. Sebagai contoh, platform "NomborKu" yang telah diperkenalkan pada tahun 2021 merupakan satu platform dalam talian yang membolehkan orang ramai menyertai tawaran tanda pengenalan kenderaan yang sedia ada.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه setakat ini terdapat beberapa ciri yang telah ditambah dan dimasukkan seperti *click and buy, click and bid, click and search* yang menghasilkan peningkatan ketelusan dan integriti dalam urus tadbir tanda pengenalan kenderaan. Dengan adanya "NomborKu", tempoh proses penilaian telah pun dikemas kini dan dipendekkan dari 130 hari ke 6 hari sahaja.

Berikutnya, di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12) peruntukan sebanyak $8,749,000.00 telah disediakan bagi Projek Pendigitalan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengangkutan Darat atau dikenali sebagai projek *DriveBN*. Ia bertujuan untuk mengganti dan menaik taraf sistem yang diguna pakai pada masa ini.

Ia juga akan dijadikan pemangkin atau *catalyst* bagi memantapkan lagi sistem pengurusan, pentadbiran, efisiensi Jabatan Pengangkutan Darat secara menyeluruh atau *end to-end*. Untuk makluman, melalui projek *DriveBN*, dijangka juga bahawa proses-proses dalaman Jabatan Pengangkutan Darat boleh dikurangkan daripada 104 proses kepada 33 proses dan meningkatkan lagi

dalam pilihan perkhidmatan *online* daripada 4% kepada 100%.

Melalui projek ini, إِنْ شَاءَ اللهُ ia akan dapat mencapai sasaran *KPI* di bawah Pelan Strategik *MTIC* 2025 *Refresh* iaitu 100% pendigitalan proses perkhidmatan dan pada yang sama, dapat mengurangkan risiko serta impak negatif yang telah dikenal pasti dari carta risiko iaitu 'keusangan sistem *IT* yang lama' serta dapat meningkatkan lagi pencapaian jabatan dalam mencapai sekurang-kurangnya '3' bintang dalam Program Penggredan Prestasi Sektor Awam yang 'diungkayahkan' oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Adalah dihasratkan inisiatif-inisiatif ini akan dapat mempertingkatkan ketelusan dan integriti perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beralih kepada keselamantan jalan raya, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) akan terus melaksanakan usaha bersepadu dengan agensi-agensi berkepentingan bagi menjadikan jalan raya lebih selamat untuk semua pengguna. Beberapa inisiatif telah pun diungkayahkan bagi terus mendukung pelaksanaan pelan-pelan strategik yang sedia ada seperti:

1. Melaksanakan aktiviti kokurikulum keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah dan juga bagi memupuk budaya keselamatan jalan raya bagi semua pengguna.;

2. Membuat rangka kerja dan kerjasama dengan pihak badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam mengendalikan program / aktiviti / kempen ke arah meningkatkan lagi keselamatan jalan raya.;

3. Menjalankan Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa iaitu *International Road Assessment Program* bagi lebuh raya dan jalan utama di Negara Brunei Darussalam.;

4. 'Membarigakan' *Highway Code* edisi 2023 yang telah dikemaskini dan telah dilancarkan. Edisi tersebut juga menekankan perihal tingkah laku semasa memandu.; dan

5. Menjalankan kegiatan penguatkuasaan. Dikongsikan pada tahun 2023, sebanyak 235 kegiatan penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya dan 14 Operasi Sepadu telah dijalankan bersama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei. Untuk makluman, terdapat penurunan jumlah kes fatal akibat kemalangan jalan raya iaitu daripada 20 kes bagi tahun 2022 kepada 14 kes bagi tahun 2023. Manakala bagi kes mengakibatkan kecederaan disebabkan kemalangan jalan raya telah meningkat kepada 364 kes bagi tahun 2023. Dalam hubungan ini, kita berpendapat *"every accident is one too many"*. Oleh itu, adalah disarankan kepada semua pihak terutama pengguna jalan raya untuk

bekerjasama dalam memastikan keselamatan semua.

Seterusnya, bagi sektor pengangkutan laut, walaupun Belanjawan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam tidak termasuk dalam belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi namun begitu Kementerian ini masih bertanggungjawab bagi menduduki sektor ini. Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam memainkan peranan utama dalam memastikan keselamatan kapal-kapal dagang yang masuk dan keluar di pelabuhan-pelabuhan di negara dan juga perlindungan terhadap alam sekitar marin dengan melaksanakan kerja-kerja selaras dengan piawaian Pertubuhan Maritim Antarabangsa.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Pada awal tahun 2023, pihak *MPABD* telah mula menguatkuasakan pelesenan ke atas dua puluh lima jeti yang digunakan oleh kapal-kapal dagang dalam usaha untuk memastikan jeti-jeti berkenaan memenuhi syarat-syarat keselamatan dan prosedur pengendalian yang telah ditetapkan. Pada tahun 2023, jumlah trafik kapal masuk dan keluar juga telah menunjukkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 12,801 buah kapal berbanding kepada lima tahun kebelakangan ini.

Ini juga menunjukkan bahawa sektor industri pengangkutan, dan khususnya perkapalan adalah salah satu benefisiari perkembangan industri-industri hiliran dan pengeluaran yang berorientasikan eksport.

Sehubungan dengan ini juga, sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, *Muara Port Company Sendirian Berhad* ataupun *MPC* telah memulakan beberapa inisiatif untuk meneroka peluang untuk meningkatkan lagi jumlah perdagangan dan untuk menampung keperluan kapasiti yang semakin meningkat. *MPC* juga akan melaksanakan projek Pengembangan dan Pengubahsuaian Pelabuhan Muara (*Muara Port Expansion and Renovation Project).*

إِنْ شَاءَ اللّٰهُ kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan siap pada tahun 2027. Melalui projek ini, pihak *MPC* menjangka peningkatan *volume throughput* melalui Pelabuhan Muara daripada sebanyak 220 ribu *TEU* pada masa ini kepada 500 ribu *TEU* setelah pembinaan selesai.

Dalam hubungan ini, selaras dengan perancangan pihak *MPABD,* selain usaha berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan tumpuan juga akan diberikan dalam usaha meningkatkan industri maritim di negara ini, khususnya dalam meningkatkan lagi *local content* yang masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini kaola/ peramba/saya ingin juga menyumbang respons pada soalan yang telah ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai video bahan berita 'Awani', Malaysia mengenai cadangan kereta api rentas Borneo.

Untuk makluman, siaran berita yang dirujuk tersebut bertarikh 30 Oktober 2023 dan juga telah mendapat perhatian pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi apabila mengetahuinya. Sepertimana yang terkandung dalam siaran berita tersebut kajian kereta api rentas sempadan tersebut akan bermula pada tahun ini. Maaf, kajian kereta api rentas sempadan tersebut akan bermula pada tahun ini.

Untuk makluman, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi setakat ini mengetahui akan terdapat dua buah syarikat yang memaparkan cadangan projek membina dan mengadakan perkhidmatan kereta api yang menghubungkan negara-negara di Kepulauan Borneo iaitu Negara Brunei Darussalam, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, Malaysia serta Kalimantan, Indonesia.

Walau bagaimanapun, setakat kini belum ada perbincangan rasmi pada peringkat kerajaan mengenainya. Akan tetapi pada peringkat *ASEAN* ada terdapat satu *sub-working group* iaitu *ASEAN Railway Sub-Working Group* yang membincangkan hal-hal berkaitan mengenai *railway connectivity* dalam *ASEAN*. Mungkin perkara ini akan ditimbulkan pada masa akan datang.

Pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengambil maklum tentang aspirasi syarikat-syarikat berkenaan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api di Kepulauan Borneo dengan tujuan untuk meneruskan ketersambungan iaitu *connectivity* dan mobiliti di Pulau Borneo dan pada masa yang sama difahami bahawa ia masih memerlukan kajian lanjut dan dari syarikat-syarikat berkenaan terutama dari segi kebolehlaksanaan, pelaburan, liabiliti dan komitmen daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuk mengambil kira sebarang komitmen di peringkat kerajaan.

Selanjutnya, apabila berbicara mengenai sektor pengangkutan ini, ia juga sering dikaitkan dengan isu perubahan iklim oleh kerana sektor pengangkutan adalah salah satu sektor penyumbang kepada "gas rumah hijau". Contohnya Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa *(ICAO)* telah memperkenalkan resolusi matlamat aspirasi jangka panjang pelepasan karbon dioksida sifar bersih menjelang tahun 2050.

Komitmen ini adalah serupa dalam struktur dengan strategi gas rumah hijau pertubuhan maritim antarabangsa yang juga mempunyai matlamat agar pelepasan "gas rumah hijau" daripada

perkapalan antarabangsa mencapai sifar bersih pada atau sekitar tahun 2050.

Oleh yang demikian, selaras dengan komitmen negara ke arah pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050 dan strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, kementerian ini juga tidak ketinggalan untuk mendukung hasrat negara dalam menangani perubahan iklim.

Jabatan Penerbangan Awam telah menghasilkan pelan tindakan bagi pengurangan pelepasan penerbangan atau *action plan on reduction of aviation emissions* kepada *International Civil Aviation Organization*. Dokumen ini akan digunakan sebagai panduan bagi Negara Brunei Darussalam melaporkan sebarang inisiatif dan usaha yang berkaitan dengan pengurangan emisi karbon dioksida.

Perkara ini juga telah dihasilkan dengan kerjasama rapat dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei yang mana pelan-pelan tindakan ini turut mengongsikan sukat-sukat bagi cara mengurangkan impak terhadap alam sekitar bagi sektor penerbangan awam.

Manakala bagi sektor pengangkutan darat strategi 3 dasar perubahan iklim Negara Brunei Darusaalam telah menyatakan bahawa kenderaan elektrik atau *EV* sebagai strategi utamanya. Walau bagaimanapun, inisiatif lain juga diusahakan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada pengangkutan darat termasuk memperluaskan kenderaan cekap atau lebih efisien, rendah karbon yang termasuk *hybrid*, kenderaan tenaga baharu yang lain dan mewujudkan infrastruktur untuk menggalakkan perjalanan cekap dan lancar.

Berikutan tamatnya projek perintis *EV* pada bulan Mac 2023, Skim Lesen Kenderaan *EV* sementara telah pun diperkenalkan serta penggunaan *standard* rujukan keselamatan kenderaan *EV* yang telah memudahkan peningkatan bilangan *EV* dan kepelbagaian model yang dibawa masuk ke dalam pasaran Negara Brunei Darussalam. Sehingga akhir Disember 2023, sejumlah 64 buah *EV* telah didaftarkan yang terdiri daripada 12 jenis model *EV* dan 17 Stesen Pengecas *EV* telah dipasang dengan pelbagai tahap kebolehcapaian awam. Ini adalah di samping pengecas *EV* yang dipasang di rumah pemilik-pemilik itu sendiri.

Seterusnya, dalam hal pemantauan cuaca dan iklim. Jabatan Kaji Cuaca Brunei Darussalam berperanan untuk memastikan dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kaji cuaca dan iklim menepati kehendak pengguna dan boleh membantu dalam membuat keputusan oleh sektor-sektor masyarakat yang berkaitan dan untuk mengurangkan risiko dan kesan potensi bahaya yang disebabkan oleh cuaca, iklim, air dan elemen persekitaran yang berkaitan.

Untuk makluman, Sistem Radar Cuaca terbaharu yang beroperasi 24 jam

sepenuhnya setiap hari telah beroperasi sejak 21 Januari 2023. Sistem radar tersebut dapat memantau lokasi, pergerakan, intensiti, dan evolusi cuaca yang berbahaya secara *realtime* dan secara berterusan dan dapat membantu peramal dalam mengeluarkan ramalan, nasihat dan amaran cuaca kepada pihak penerbangan, pelaut dan orang ramai dengan tepat dan cepat. Setakat bulan November 2023, peratus ketepatan amaran cuaca penerbangan telah mencapai 93% ketepatan.

Jabatan Kaji Cuaca juga berjaya menghasilkan *Numerical Weather Prediction* dan *World Research Forecast Model* dengan resolusi 10 kilometer dan 5 kilometer untuk diguna pakai bagi penyediaan ramalan, nasihat dan amaran cuaca kepada orang ramai. Bagi tahun 2023, sebanyak 307 amaran cuaca telah dikeluarkan dan 29 nasihat cuaca telah dikongsikan kepada orang ramai.

Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah $4,670,595.00 yang terdiri daripada Perbelanjaan Biasa dan juga sebanyak $3,324,100.00 dan $1,353,495.00 yang merupakan Perbelanjaan Kemajuan, iaitu sebahagian daripada Rancangan Kemajuan Negara Ke- 12 berjumlah $6,758,895.00 bagi projek-projek Penggantian *Airport Automation Weather System* dan *Next Generation Integrated Weather Analysis, Forecast and Warning*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beralih kepada ekonomi digital. Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 berhasrat supaya Negara Brunei Darussalam memanfaatkan teknologi ke arah meningkatkan cara hidup, bekerja dan perniagaan yang muncul daripada menghubungkan individu, perniagaan, peranti, data dan operasi melalui teknologi digital.

Ia merangkumi kesalinghubungan dan transaksi dalam talian yang merentasi pelbagai sektor dan teknologi seperti *Internet*, teknologi mudah alih, data besar dan teknologi maklumat dan infokomunikasi.

Menurut statisik terkini yang diperolehi dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, sektor *ICT* telah menunjukkan perkembangan yang berterusan dan telah menyumbang sebanyak $484.8 juta pada tahun 2023 kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar iaitu peningkatan sebanyak 3.96% daripada tahun sebelumnya.

Bagi meningkatkan lagi sumbangan sektor *ICT* kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar, beberapa inisiatif sedang giat dijalankan untuk meningkatkan pembangunan sektor *ICT* di negara ini, termasuk meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia dalam menjana peluang pekerjaan di sektor tersebut dan juga penggunaan teknologi di sektor swasta untuk meningkatkan produktiviti dan efisiensi.

Pada masa yang sama, 3 projek utama atau *flagship* bagi pembangunan ekosistem digital di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital juga sedang giat

dijalankan, iaitu Projek *Information Hub*, Projek *Digital Identity* dan Projek *Digital Payment Hub*. Status pelaksanaan ketiga-tiga projek ini adalah seperti berikut.

Diperkenalkan pada tahun 2021, Projek *National Information Hub* bertujuan untuk menyediakan platform infrastruktur *database as a service* sebagai pemudah cara dan menyediakan *database* secara pusat, penyediaan perkhidmatan *database* yang lebih cepat, kos rendah dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan negara dalam memelihara pangkalan data melalui kos pemeliharaan secara pusat.

Setakat bulan Januari 2024, sebanyak 10 buah agensi kerajaan mengongsikan data melalui perkhidmatan ini. Sementara 15 buah agensi kerajaan sedang menggunakan data yang dikongsikan dan sebanyak 13 agensi kerajaan telah menggunakan sebagai pangkalan data *(storage)* bagi pelaksanaan projek-projek digital masing-masing. Perkara ini juga didorong *(enabled)* oleh penyediaan garis panduan *Data Sharing Guidelines* dan *Data Sharing Agreements* yang telah diguna pakai sejak bulan Mei 2023.

Sementara itu, projek *Digital Identity dan Projek Digital Payment Hub*, إِنْ شَاءَ اللهُ dijangka siap dilaksanakan pada penghujung tahun ini. Semua ini berhasrat untuk memantapkan lagi landskap ekonomi digital tempatan dan membolehkan kita meraih peluang-peluang yang terdapat di rantau ini.

Untuk makluman, *ASEAN* pada masa ini giat memajukan *The ASEAN Digital Economy Framework Agreement* (*DEFA*). *DEFA* ini menyediakan pelan hala tuju komprehensif untuk memperkasakan perniagaan secara digital dan mempertingkatkan daya saing dan keselamatan siber bagi menggalakkan perdagangan dan penyertaan terutamanya bagi Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS).

Bagi Negara Brunei Darussalam, perjanjian *DEFA* ini akan membuka peluang kepada pertumbuhan produktiviti, daya saing perniagaan, mendukung persekitaran dan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif. Di samping itu, ia juga boleh meningkatkan lagi produk-produk tempatan untuk dipasarkan di peringkat serantau dan antarabangsa. Pada masa ini, ia masih dalam perundingan di peringkat *ASEAN* yang mana pihak *MTIC* dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi terlibat di dalamnya. إِنْ شَاءَ اللهُ, ia akan dimuktamadkan pada tahun 2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sektor *ICT* berfungsi sebagai *enabler* asas kepada ekonomi digital secara menyediakan kesalinghubungan, alat dan platform yang diperlukan untuk perniagaan dan individu mendigitalkan operasi dan proses mereka. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi *(AITi)* akan terus bekerjasama dengan penyedia-penyedia perkhidmatan

telekomunikasi, memberi tumpuan dalam menaik taraf infrastruktur telekomunikasi di negara ini. Dari segi peningkatan liputan rangkaian mudah alih *3G*, *4G* dan *5G* dalam kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, rangkaian *5G* telah diperkenalkan secara komersial pada bulan Jun 2023.

Sukacita dikongsikan juga pada masa ini, 92% kawasan berpenduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan mudah alih. Manakala kawasan yang sama, 94% telah menerima liputan *fiber optic (Fibre To The Home).* Penukaran bagi penggunaan *copper* ke *fiber optic* masih lagi dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap pada bulan Ogos tahun ini. Pada masa yang sama, dikongsikan bahawa liputan talian tetap *(fixed line)* di Daerah Temburong telah mencapai 100% dengan penggunaan *fiber optic*.

Pada masa yang sama, pihak *AITi* sedang bekerjasama dengan pihak Syarikat *Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN)* bagi mengatasi jurang digital di kawasan-kawasan pedalaman atau di kawasan luar bandar dengan menjalankan pemodenan dan mengoptimumkan infrastruktur telekomunikasi. Pada masa ini, ada 6 lokasi baharu telah dikenal pasti yang akan menerima liputan mudah alih dan ini termasuk Kampung Melilas, Kampung Sukang, Kampung Biadong Ulu, Kampung Buau, Kampung Kukub dan Kampung Bang Taong.

Setakat ini, pemasangan *fiber optic* telah selesai dilaksanakan antara kawasan Kampung Merangking dan Kampung Sukang. Seterusnya, 2 stesen pangkalan di Kampung Bang Taong dan Kampung Kukub sudah mula beroperasi. Pemasangan di kawasan luar bandar yang lain akan dijangka siap pada penghujung bulan ini.

Selain itu, antara inisiatif yang akan dilaksanakan oleh *AITi* juga termasuk meluaskan usaha penyaringan prestasi perkhidmatan rangkaian atau *network performance audit* untuk merangkumi rangkaian mudah alih *(mobile network)* di samping rangkaian jalur lebar (*broadband network*) dan untuk menjalankan kajian untuk memastikan perkhidmatan *5G* adalah stabil dan terjamin.

Beberapa inisiatif sedang juga dilaksanakan untuk memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran digital yang diperlukan supaya akan dapat menyesuaikan diri *(adapt)* kepada landskap teknologi yang sentiasa berubah dan berkembang. Ini termasuk program-program pendidikan melalui pihak *AITi* yang secara tidak langsung membantu dalam pembangunan kemahiran di peringkat sekolah-sekolah yang antaranya adalah seperti Program *Digital for All, Coding with Smart Devices, Code for Run* dan *Coding.BN* Kohort Ke-2 dan juga Program *Digital Upskilling.*

Pihak *AITi* juga turut menggalakkan penerapan teknologi digital dalam kalangan Perusahaan Mikrokecil dan

Sederhana (PKMS) dengan mengadakan *Tech Clinic* dan Skim PENJANA untuk mengguna pakai teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Dalam hal ini juga, selaras dengan objektif *Manpower Industry Steering Committee (MISC),* beberapa program telah diadakan untuk meningkatkan kemahiran dalam kalangan graduan dan anak-anak tempatan melalui Program *Overseas Digital Apperenticeship* dan *TechInspire*.

Bagi Program *TechInspire Apperenticeship*, ia akan bermula pada bulan April tahun ini dan 50 orang peserta belia tempatan disasarkan, yang mana akan dilatih sebagai *IT/Network Technician*. Dengan inisitiatif-inisiatif seperti ini, ia akan meningkatkan lagi kemahiran dan kebolehpasaran dalam membangunkan keupayaan tenaga manusia tempatan.

Dalam era digital pada masa ini, tidak dapat dinafikan bahawa orang ramai kini banyak bergantung dengan teknologi maklumat dan komunikasi serta akses *Internet* dalam menjalani pelbagai aspek rutin harian. Dengan ini, orang ramai sebagai pengguna boleh terdedah dengan ancaman jenayah siber seperti penipuan dalam talian, berita palsu, maklumat berunsur fitnah, kebocoran data peribadi dan juga melalui pelbagai platform dan juga berunsur rentas sempadan.

Dalam hubungan ini, perkara ini diambil perhatian serius dan dengan memanfaatkan pendekatan bersepadu, Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber akan meneruskan usaha ke arah memastikan ruang siber yang lebih selamat dan menangani aspek yang berkait rapat dengan keselamatan siber iaitu manusia, proses dan teknologi. Ia juga dihasratkan untuk memantau dan mengemas kini *National Cyber Security Strategy* dalam memastikan pelaksanaannya berjalan dengan teratur.

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah juga disediakan dalam hal ini sebanyak $8.75 juta telah diperuntukkan bagi Pengurusan Keselamatan Siber bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Antara usaha *Cyber Security Brunei* dalam mewujudkan ekosistem digital yang *resilient* adalah pelaksanaan Perintah Keselamatan Siber, 2023 ataupun *Cyber Security Order, 2023*. Ini akan menjadi salah satu fokus utama *CSB* bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, manakala bagi *AITi*, mereka juga menumpukan perhatian dan usaha ke arah penyediaan rangka kerja perundangan bagi perlindungan data peribadi.

Pada masa yang sama, kempen-kempen kesedaran awam yang giat diusahakan melalui *BruCERT* dengan menggunakan pelbagai *delivery channels* sama ada melalui media tradisional seperti TV dan radio dan juga seperti melalui media sosial akan diteruskan agar tidak ada kelompok masyarakat yang tercicir dalam mengetahui risiko keselamatan dalam penggunaan pelbagai platform yang tersedia dalam talian.

Selain itu, *Content Advisory Council*, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi *(AITi)* dan pihak Jabatan Perdana Menteri selaku urus setia bersama bertanggungjawab dalam memantau kandungan yang diedarkan melalui *Internet* atau media sosial dan akan mengambil tindakan pengawalan termasuk tindakan undang-undang, jika perlu.

Di samping itu, pihak *AITi* juga sentiasa bekerjasama dengan syarikat penyedia telekomunikasi Brunei *(telcos)* dan agensi-agensi berkenaan dalam meningkatkan usaha menghindari perkhidmatan pesanan ringkas dan *websites*, sebagai contohnya, digunakan sebagai kegiatan *scam online*.

Adalah disarankan orang ramai untuk melaporkan *alleged scams* ini kepada *BruCERT* melalui talian 245 8001 dan aplikasi *WhatsApp* 717 0766 atau melalui e-mel di alamat *reporting@brucert.org.bn*.

Seterusnya, tidak dapat dinafikan juga bahawa perbincangan mengenai penggunaan *Artificial Intelligence (AI)* menjadi perhatian ramai, khususnya apabila kemajuan pesat teknologi *AI* mengatasi penyediaan rangka kerja kawal selia untuk mengawal penggunaannya.

Melihat akan kepentingan teknologi *AI* tersebut, pihak kementerian merancang untuk bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam meneliti ekosistem tersebut. Ini adalah termasuk penyediaan garis panduan etika terhadap penggunaan *AI* yang sejajar dengan perkembangan inisiatif di serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN Guide on AI Governance and Ethics.* Dengan adanya garis panduan ini, ia akan dapat membantu untuk mengawal selia dan mengatasi masalah etika penggunaan berkaitan teknologi berkenaan.

Pada masa yang sama, pihak kementerian ini berhasrat untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain untuk berbincang mengenai inisiatif lain berkaitan dengan *AI* yang diperlukan seperti *use cases*, kesan terhadap sektor pekerjaan dan juga pembangunan kemahiran, iaitu bagi memastikan tenaga kerja akan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan.

Peramba/kaola/saya juga ingin sekarang mengongsikan terhadap usaha dalam penyediaan perkhidmatan digital *e*-Kerajaan pengurusan dalam kerajaan, Pusat Kebangsaan e-Kerajaan telah diperuntukkan sebanyak $54,242,143 bagi Perbelanjaan Biasa dan Perbelanjaan Kemajuan, iaitu sebahagian daripada Harga Rancangan RKN-12 bagi projek-projek Pusat Kebangsaan *e*-Kerajaan *(EGNC)* yang berjumlah $25,642,103 bagi menampung projek-projek:

1. Pusat Data Kerajaan dan *Infrastructure Cloud* .;

2. *Software Defined Network (SDN) Infrastructure.;*

3. *Data Analytics as-a-Service (DAaaS).;*

4. Sistem Pengurusan Rekod *(SPeRe).;* dan

5. *GOV.BN 2.0.*

Seterusnya dikongsikan penerangan lebih lanjut mengenai dua (2) projek tersebut di atas yang lebih berunsur kepada penambahbaikan perkhidmatan kepada orang ramai, iaitu Projek *GOV.BN 2.0* dan Sistem Pengurusan Rekod.

Projek *GOV.BN 2.0* adalah bagi menyediakan satu *single service portal* untuk orang ramai mendapatkan perkhidmatan kerajaan secara dalam talian dengan cepat dan mudah. Pusat Kebangsaan *e*-Kerajaan diperuntukkan $6 juta bagi melaksanakan projek tersebut. Pembinaan *platform* ini adalah bagi mengganti dan menaik taraf *platform* yang sedia ada, iaitu *GOV.BN.*

Dengan menggunakan *low-code platform* untuk mendigitalisasikan perkhidmatan kerajaan (satu teknologi terkini) akan memudahkan lagi pembangunan perkhidmatan dalam talian. Dengan menggunakan sistem *low-code* tersebut, adalah dititikberatkan agar aplikasi-aplikasi kerajaan akan sentiasa dikemas kini bagi tujuan seperti *security patches* dan seumpamanya.

Selain menjadi satu portal untuk perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian, ia juga akan:

i. Menyediakan aplikasi mudah alih *(mobile app)* untuk perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian.;

ii. Menyediakan *form builder* untuk memudahkan digitalisasi perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara dalam talian.; dan

iii. Memudahkan lagi *digitalisation* perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan.

Dengan tempoh pelaksanaan selama 24 bulan ini, إِنْ شَاءَ اللهُ ia akan dapat meningkatkan lagi jumlah perkhidmatan kerajaan dalam talian berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan melalui *traditional counter services.*

Seterusnya bagi pengurusan rekod dan dokumen secara digital, adalah penting dalam meningkatkan mutu pencapaian perkhidmatan sektor awam melalui transformasi pendigitalan secara komprehensif. Ini juga mengambil kira kelebihannya dari segi memudahkan pengguna untuk mengakses fail, mengurangkan penggunaan kertas, mudah diakses tanpa sempadan dan mengoptimumkan penggunaan teknologi secara amnya.

Sebagai langkah permulaan, satu projek telah pun dicadangkan untuk pelaksanaan di bawah RKN-12, iaitu Sistem Pengunaan Rekod *(SpeRe)* yang bernilai $5 juta. Ia bertujuan untuk menyediakan *standard platform* bagi pengurusan rekod dan dokumen untuk digunakan oleh semua agensi kerajaan dan penyediaan *platform e-office* dan juga *platform* bagi *document digitalisation.*

Selain kegiatan Pusat Kebangsaan *e*-Kerajaan *(EGNC),* usaha kementerian ini juga ditumpukan ke arah penyejajaran dan penyelarasan serta penambahbaikan agenda transformasi digital sektor kerajaan. Melalui *Chief Information Officer Forum* yang diberi peranan dalam meneliti, memantau dan meneraju pelaksanaan Pelan Transformasi Digital kementerian, termasuk semua projek di bawah pelan-pelan tersebut serta transformasi digital sektor swasta di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing. Ia juga memastikan projek-projek dilaksanakan sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan dan ekspektasi semua pihak yang berkepentingan dan ini termasuklah:

i. Melaksanakan *consolidation* keperluan sistem-sistem yang lain kepada infrastruktur bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran sumber tenaga.;

ii. Memastikan projek-projek digitalisasi ini bersifat *user-driven* dan *user-friendly.*; dan

iii. Dalam penelitian ke atas projek-projek transformasi digital di bawah RKN-12, ia dibincangkan sebelum ini di Mesyuarat *CIO Forum* bagi mengambil kira terdapatnya peluang penyelarasan dan pengintegrasian *(consolidation)* ke atas projek-projek berkenaan bagi mengelakkan duplikasi dan pembaziran, sepertimana yang disebutkan awal.

Pada masa yang sama, Pusat Kebangsaan *e*-Kerajaan juga telah mengeluarkan *Project Management Framework,* satu rangka kerja dan alat rujukan dalam memastikan pengurusan dan perancangan projek-projek *IT* dibina mengikut spesifikasi yang tepat dan berjalan dengan teratur mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Penggunaan *Project Management Framework* ini juga telah dimandatkan bagi pelaksanaan semua projek *IT* melalui *CIO Forum*.

Beberapa Program Pembinaan Kapasiti Sumber Manusia dalam mereka bentuk, pembangunan dan pengurusan projek *IT* termasuk *change management* juga telah dirancang. Ini termasuk di peringkat pengurusan kanan kementerian-kementerian kerana pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan bukan hanya melibatkan warga *IT* atau sekadar mengemukakan akses kepada perkhidmatan dalam talian.

Akan tetapi, ia melibatkan peralihan pemikiran, proses kerja dan cara bekerja sepanjang aliran proses kerja setiap kementerian atau jabatan tersebut. Jika tidak, hasrat sepenuhnya untuk mencapai keberkesanan dan kecekapan dari pendigitalan tersebut tidak akan tercapai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian ini juga ingin mengongsikan beberapa usaha signifikan berkaitan dengan Inovasi, Penyelidikan dan Perkembangan. Kedudukan Negara Brunei Darussalam bagi Indeks Inovasi Global atau *Global Innovation Index* bagi tahun 2023 telah meningkat 5 anak tangga daripada tempat ke-92 ke tangga 87 dalam kalangan 132 negara.

Dalam pada itu, bagi mendukung dan memacu pembangunan negara berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Inovasi, sebanyak 12 projek telah dibiayai melalui Dana Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains *(CREATES),* yang telah diperuntukkan di bawah RKN-12 dengan Harga Rancangan sebanyak BND$30 Juta.

Mengikut pecahan kluster, 2 projek di bawah *ICT*, 4 projek di bawah Kesihatan, 2 projek bagi Sains dan Teknologi Makanan, 2 projek berkaitan dengan Tenaga dan 2 lagi projek di bawah sektor Alam Sekitar Dan Pembangunan Mampan.

Setakat ini, kesemua projek tersebut telah mula dilaksanakan sejak suku ke-2 tahun lepas dan masih dalam status pelaksanaan. Keberhasilan projek penyelidikan ini di bawah *CREATES* berkenaan diharap akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, terutama dari segi peningkatan pakar dalam pelbagai disiplin di Negara Brunei Darussalam.

Untuk menekankan kepentingan inovasi dan mendukung usaha ke arah transformasi digital, dengan bertemakan *'Smart Nation through Digital Transformation'*, Anugerah *ICT* Brunei *(Brunei ICT Awards - BICTA)* bagi tahun ini akan diadakan pada bulan Jun 2024 anjuran bersama dengan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi *(AITi)* dan juga *Infocomms Federation Brunei (IFB).*

Objektif acara tahunan ini adalah untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti teknologi infokomunikasi dalam kalangan individu, pelajar, syarikat-syarikat mikrokecil dan sederhana, dan organisasi-organisasi yang berminat. Penyertaan telah dibukakan sejak Januari yang lalu dan akan berakhir pada Mei nanti. Turut diserapkan dalam aktiviti *BICTA* 2024 adalah *BICTA Plus Bootcamp* iaitu Program Bimbingan dan Latihan khusus bagi peserta-peserta untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka sebagai persiapan diri sebelum pertandingan.

BICTA ini juga merupakan satu komponen di bawah Anugerah *Asia Pacific ICT Alliance (APICTA),* yang pemenang dan peserta *BICTA* yang terpilih seperti lazimnya berpeluang mewakili Negara Brunei Darussalam ke pertandingan peringkat antarabangsa di bawah *APICTA*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Negara Brunei Darussalam telah diumumkan sebagai Tuan Rumah bagi *23rd APICTA Awards* yang akan berlangsung pada bulan Disember 2024.

Dengan adanya penyertaan dari negara ini, ianya membuka peluang kepada individu, pelajar-pelajar, syarikat-syarikat serta organisasi yang berminat untuk meransang inovasi dan penciptaan kreativiti serta menjana inovasi dalam membangunkan sektor *ICT* negara.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dengan apa yang dikongsikan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ dapat memberi bayangan bahawa warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkuasa di bawahnya akan sentiasa bersedia dan beradaptasi bagi sebarang perubahan dan sentiasa peka akan perkembangan yang berlaku dan dapat merealisasikan peranan asas Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber, meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi dan pemudah cara bagi mendukung kemajuan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan.

Sekian kaola sampaikan dan semoga segala inisiatif yang diusahakan akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan kepada kemajuan dan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas penerangan yang jelas mengenai hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Maka, sekarang saya bukakan Tajuk SN01A – SN09A untuk dibahaskan. Seperti biasa saya akan mempersilakan beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk mengemukakan satu soalan setiap seorang dan seterusnya saya akan mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memberikan jawapan ataupun responsnya sama ada untuk dijawab sekarang atau dijawab secara bertulis kemudian nanti.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan hormatnya, sukacita kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin merakamkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang telah membentangkan mukadimah termasuklah inisiatif-inisiatif yang telah dan akan 'diungkayahkan' bagi Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai visi antara lain seperti berikut tentang *Digital Government, Utilising technology and connectivity to spur innovation and improve the lives and the needs of citizens and businesses for continued national development through Digital Economy, Digital Government and Digital Society initiatives*. Di bawah tajuk strategik objektif 1 iaitu *Digital Transformation,* terdapat *KPI* yang Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi tetapkan seperti berikut:

1. Sebanyak 97% *System Availability For E-Government Short Services by* 2025,

2. Sebanyak 50% *Digitalization of MTIC Documentation by* 2025, dan

3. Sebanyak 30% *MTIC services automated by* 2025.

Walaupun *KPI* tersebut adalah sangat relevan bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, *KPI's* yang sepatutnya diketengahkan ialah *KPI* yang menjurus kepada perkhidmatan kerajaan yang lebih efisien, efektif atau berkesan dan *transparent* secara keseluruhannya serta memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat bukan sahaja diberikan kepada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, tetapi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang lain.

Sebagai sebuah kementerian yang menerajui *Digital Transformation* bagi keperluan kerajaan terutama dengan adanya Pusat Kebangsaan e-Kerajaan *(EGNC)* di bawahnya, pelan strategik tersebut sepatutnya menyasarkan *KPI-KPI* atau *strategic outcome* yang boleh memberikan perkhidmatan atas talian yang lebih bermakna dan impak kepada masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti pihak syarikat-syarikat swasta atau perniagaan khususnya.

Persoalan yang ingin ditimbulkan ialah apakah peranan pusat Pusat Kebangsaan e-Kerajaan *(EGNC)* dalam hal ini memandangkan kepakaran *Digital* transformasi perlulah dipusatkan kepada agensi berkenaan berserta kapasiti tenaga manusia untuk melaksanakan projek-projek digital transformasi bagi keseluruhan jentera kerajaan bersama kementerian-kementerian yang lain.

Adakah *EGNC* telah membuat perancangan bagi melahirkan pakar-pakarnya sendiri dalam pelbagai bidang teknikal seperti *application development* bagi mendukung dan menyokong usaha digital transformasi bersesuaian dengan usianya yang melebihi 15 tahun dan visinya *Modernize Government for Digital Transformation*?

Pada tahun 2013, terdapat inisiatif di bawah *Brunei Solution Developments Centre, Capability and Mentoring Program* yang dipelopori oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui *EGNC* bersama dengan *ICT Centre* dan *Microsoft*. Inisiatif *Brunei Application* yang telah menelan perbelanjaan yang bukan sedikit, ini menyasarkan kapasiti negara untuk memajukan *ICT* keseluruhannya dan juga melahirkan *Technopreneurs* tempatan yang boleh menyumbangkan kepada kepelbagaian ekonomi.

Sejauh manakah ia membuahkan hasil dan apakah inisiatif serupa dengan ia masih diteruskan ataupun sudah berhenti? Jika ia berhenti, apakah yang membimbangkan ialah kebergantungan *EGNC* atau jabatan-jabatan lain pada syarikat pembekal atau teknologi *vendors* terutama yang luar negeri yang akan berterusan dengan sendirinya menjadikan digital tranformasi berkenaan menjadi *unsustainable* atau tidak berdaya tahan.

Jika ia diteruskan, adakah terdapat mekanisme bagi memastikan *transfer of technology* atau *knowledge* tersebut benar-benar terlaksana tanpa memerlukan *vendors* seumpamanya menjadikan inisiatif tersebut sebagai *backdoor* untuk mereka mendapat projek-projek e-Kerajaan.

MTIC dan *EGNC*, kaola pasti dapat mempelajari akan *business* modal yang telah dipraktikkan oleh di luar negeri seperti jiran kita Singapura, system e-Kerajaan mengembang majukan *capacity building* berkemahiran secara *in-house* oleh badan berkanun *Government Technical Agency* atau *Government Technology Agency of Singapore* yang mempunyai lebih daripada 700 orang *developers* untuk *in-house development* tersebut tanpa bergantung sepenuhnya pada *vendors*. Ini sudah setentunya menjimatkan perbelanjaan secara signifikan serta lebih ramai lagi mereka yang berkepakaran dan berkemahiran dalam *ICT* dan digital bagi memenuhi keperluan negara.

Dalam hubungan ini, kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi, apakah strategi atau inisiatif dalam kita bersama-sama memastikan *transfer of technology* atau *knowledge* kepada anak-anak tempatan untuk mencapai tahap kepelbagaian kemahiran dan profesion yang tinggi supaya negara tidak bergantung sepenuhnya pada pakar-pakar luar negeri?

Kedua, adakah sebarang penelitian atau kajian dilakukan termasuk *cost effectiveness* terhadap sesuatu projek *e*-Kerajaan atau *ICT* menjurus ke arah transformasi digital dalam jentera kerajaan yang lebih *sustainable*?

Ketiga, bagi menjimatkan perbelanjaan kerajaan khususnya aspek *cost effectiveness* atau bagi mengelakkan sebarang duplikasi atau bertindih-tindih dalam projek e-kerajaan atau *ICT*, adakah penelitian diadakan untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku?

Jadinya, kaola mengakhiri dengan وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan kaola lagi sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan *Digital Masterplan* yang dijadualkan untuk direviu pada tahun ini yang memberikan peluang untuk menyatukan pencapaian dan cita-cita kita dalam *domain* digital. Pada pandangan kaola, proses ini memerlukan beberapa pendekatan yang patut diselaraskan seperti *digital collaboration tool* untuk projek-projek antara pihak kementerian, kepentingan untuk mengukuhkan *data governance framework* dan menghubungkaitkan *Artificial Intelligent* secara strategik terutamanya *generative AI* dalam pelan hala tuju *ICT* kita.

Pendekatan ini merupakan asas untuk meningkatkan kecekapan operasi di seluruh sektor kerajaan dan mengadakan potensi transformatif ekonomi kita. Integrasi ini bukan hanya melibatkan kemajuan teknologi tetapi juga akan dapat mewujudkan ekosistem digital yang berdaya tahan, inklusif dan berpandangan ke hadapan yang boleh menjadikan tanda untuk kemajuan masyarakat dan kepelbagaian ekonomi kita. Dengan itu, ia akan dapat meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam ke peringkat serantau atau antarabangsa.

Memandangkan konteks ini, kaola ingin mengemukakan kepentingan *data governance*. *Data* adalah minyak dalam abad ke-21 dan sama seperti minyak ia perlu ditapis sebelum boleh menjana inovasi enjin. *Raw data* sama ada nombor atau imej, mempunyai nilai yang wujud tetapi ia memerlukan proses *refining*. Proses ini melibatkan

pembersihan, mengorganisasi dan penganalisisan untuk mengubahnya menjadi wawasan yang boleh dilaksanakan atau *refined data*. Dengan itu, ia akan dapat menggunakan inovasi enjin *Smart Nation* mendorong kepada perkembangan di pelbagai sektor.

Dengan itu soalan kaola, apa inisiatif yang sedang dijalankan untuk mewujudkan *data framework* dan *data governance* yang kukuh di semua agensi kerajaan? Adalah penting untuk memastikan *standardization and interoperability of data* daripada kumpulannya untuk *future proofing* bagi ekosistem digital kita? Sekian sahaja daripada kaola Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil maklum tentang *Postal Services Order* yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi sebentar tadi untuk tujuan *efficiency*.

Kaola percaya sektor ini boleh diperluaskan untuk mengurangkan masa dan kesesakkan di *MPC* dengan penghantaran secara langsung ke rumah-rumah tanpa memerlukan orang ramai mengambil di *MPC*.

Selain itu, ini juga dapat memudahkan perniagaan yang memesan barang dan membolehkan ia dihantar secara langsung dan efisien. Salah satu inisiatif ke arah *ease of doing business*, ini juga adalah peluang untuk kita dapat menyediakan pekerjaan kepada golongan yang menganggur jika sekiranya terdapat kekurangan *manpower* dalam membuat penghantaran *parcel* ke rumah-rumah. Sekian sahaja cadangan kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم.

Kaola bercakap berkenaan dengan kawalan harga bagi kenderaan beroda dua iaitu motosikal. Akhir-akhir ini, kenderaan motosikal merupakan pilihan kepada orang ramai yang tidak berkemampuan membeli kereta. Namun pada itu, motosikal juga digunakan sebagai kegiatan dan aktiviti perniagaan.

Tidak hairan jumlah penggunaan motosikal di Negara Brunei Darussalam semakin bertambah dari masa ke masa ke semasa, ia lebih jimat dari segi perbelanjaan petrol dan sebagainya. Terdapat perbezaan harga yang ketara dengan harga-harga motosikal di pasaran tempatan. Sebagai contoh

motosikal jenis skuter termurah bermula dengan harga anggaran $5,000 tunai.

Manakala di negara jiran Malaysia, ia dijual dengan harga RM6,500 bersamaan $1,840. Manakala di Indonesia pula sekitar IDR22 juta bersamaan $1,880 dengan jenis skuter dan spesifikasi yang sama. Sehubungan dengan itu, kaola ingin tahu apakah harga kenderaan motosikal ini termasuk dalam kawalan pihak kerajaan. Sekian saja yang dapat kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas pembentangan mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang sangat jelas tentang tindakan perancangan dan hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh di bawah Tajuk SN05A - Jabatan Pengangkutan Darat. Terdapat keluhan-keluhan daripada pengusaha-pengusaha sekolah memandu yang proses permohonan untuk mendapatkan sebagai Jurulatih Memandu mengambil masa lama seperti yang dialami pada masa ini seperti permohonon untuk menjadi Jurulatih Memandu dibuat pada 1 Jun 2022.

Setelah itu untuk menjalani ujian bertulis kelayakan jurulatih memandu baru dilaksanakan pada 6 Disember 2022, sudah memakan masa hampir 6 bulan. Setelah itu 'barutah' menjalani Ujian Kelayakan Memandu dan Kejurulatihan pada 22 Mac 2023 dan ini memakan masa 3 bulan. Kemudian untuk mendapatkan keputusan Kelayakan Memandu dan Kejurulatihan tersebut sehingga kini belum ada jawapan, sudah mencapai satu tahun lebih. Kaola ingin pencerahan kenapa perkara tersebut memakan masa yang begitu lama dan ini menjejaskan pengusaha-pengusaha Sekolah Memandu bagi memberikan pekerjaan kepada warga tempatan?

Yang Berhormat Pengerusi. Selain itu, masalah kekurangan Pegawai Penguji salah satu perkara yang sudah lama terjadi. Permohonan untuk mendapatkan Lesen Memandu ini meningkat dari tahun ke tahun dan boleh dirujuk pada kadar keramaian pemohon lesen sementara dan juga kadar umur 18 tahun di Negara Brunei Darussalam dengan jumlah Lesen Memandu yang baru lulus.

Penambahan Pegawai Penguji diperlukan adalah bagi memenuhi permintaan orang ramai, tambahan pula dengan adanya syarat wajib bagi pemandu warga asing yang menetap di negara ini dikehendaki melalui proses ujian dengan sendirinya tempahan ujian-ujian amat ketara peningkatannya begitu juga dengan permohonan tambahan Kelas Lesen Memandu bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan berkepentingan yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Perkara ini akan lebih terjejas apabila terdapat hari kelepasan awam pada tarikh yang akan ditempah atau ada pegawai yang bercuti meskipun pegawai yang bercuti itu ada pengganti. Adakalanya Pegawai Melesen bercuti, Pegawai Penguji akan mengganti Pegawai Melesen dan slot ujian akan berkurangan disebabkan menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Melesen.

Jika jumlah Pegawai Penguji bertambah, pengeluaran Lesen Memandu ini akan meningkat dan hasil pendapatan juga akan meningkat. Di samping itu, ruang kerja di kedua-dua belah pihak pun akan bertambah. Pertanyaan kaola apakah inisiatif dan tindakan kementerian untuk menangani masalah tersebut agar keadaan ini tidak berpanjangan.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih atas perancangan yang disusun oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam mengurus, membelanjakan bagi Bajet Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 melalui mukadimah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi yang cukup jelas dan komperhensif.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu Keselamatan Jalan Raya adalah merupakan isu global. Pelbagai usaha dan inisiatif telah pun diungkayahkan oleh pihak kerajaan dalam membudayakan pengguna-pengguna jalan raya agar lebih berhemah dan bertanggungjawab ketika memandu di jalan raya.

Kecuaian dan memandu laju adalah antara punca berlakunya kemalangan dan mendatangkan kerugian dan kecederaan kepada para pengguna. Aktiviti yang tidak sihat dalam kalangan pemandu seperti memecut laju bagi tujuan berlumba atau sebaliknya boleh membahayakan orang ramai dan kemalangan lalu lintas sehingga meragut nyawa. Penguatkuasaan undang-undang jalan

raya antara kaedah yang mampu mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Sehubung dengan itu, kaola sukacita mencadangkan agar diwujudkan zon-zon perangkap had laju dengan menyediakan Kamera Perangkap Laju iaitu sistem penguatkuasaan otomatik (*AES*) di kawasan-kawasan strategik sebagai usaha ke arah membudayakan pengguna jalan raya agar lebih memandu dengan cermat dan berhemah. Selain itu, kaola juga menyarankan agar denda bagi pesalah lalu lintas disebabkan mabuk dapat diteliti semula mengikut denda yang dikenakan oleh negara-negara lain.

Sekian kaola memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi mengenainya.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Junjung kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan mukadimah yang panjang lebar dan jelas sebentar tadi.

Pada tahun 2022, 'kitani' digemparkan dengan berita mengenai penubuhan syarikat penerbangan kedua di negara ini yang akan menawarkan perkhidmatan penerbangan komersial. Kaola kira ini adalah berita yang diketahui umum dan merupakan satu pencapaian bagi negara ini dalam mengembangkan sektor penerbangan awam.

Kaola mengambil baik atas perkembangan ini memandangkan ia akan memberikan pilihan alternatif kepada orang ramai bagi perkhidmatan penerbangan komersial. Kalaulah jadi إِنْ شَاءَ اللهُ kaola mempunyai soalan dari beberapa perspektif. Yang pertama, ialah dari segi perundangan dan peraturan yang kaola ada membuat kajian sendiri. Pada masa ini, kita bersandar kepada *Civil Aviation Order* tahun 2006.

Kaola juga terbaca berita pada tahun 2014 mengenai satu *consultancy* kontrak yang ditandatangani antara Jabatan Penerbangan Awam *dengan Civil Aviation Authority International,* sebuah anak syarikat *UK Civil Aviation Authority*. Kontrak berkenaan antara lainnya mempunyai objektif untuk membuat reviu ke atas perundangan penerbangan awam serta memberikan cadangan ke arah transformasi rangka kerja kawal selia yang bertaraf dunia dan *ICAO Compliant Safety Security Oversight System.* Soalan kaola, 'usulnya' projek ini sudah selesai dilaksanakan tapi mengapakah 'kitani' masih lagi menggunakan Perundangan Perintah Penerbangan Awam Tahun 2006.

Dari segi pengawal selia (*regulator)* yang masih lagi di bawah Jabatan Penerbangan Awam secara amnya peranan *regulator* bukan sahaja menguatkuasakan apa yang dapat dan

tidak dapat dibuat oleh operator. Turut sama penting adalah peranan pengawal selia untuk memastikan adanya *industry development* seperti perkembangan sumber tenaga manusia, peluang pekerjaan dan perniagaan.

Soalan kaola, dengan pertumbuhan yang dijangka ini sejauh manakah keupayaan Jabatan Penerbangan Awam sebagai *regulator?* Adakah Jabatan Penerbangan Awam sudah membuat *risk assessment* dan meneliti kesiapsagaan (*preparedness)* mereka dari segi keupayaan dalaman jabatan sebagai *regulator* atau pengawal selia terutamanya dari segi *human resources* dan peraturan serta pandangan yang diperlukan?

Dari segi infastruktur dan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sekiranya syarikat penerbangan kedua ini sudah mula beroperasi adakah kapasiti LTAB pada masa ini dapat menampung pertambahan kapasiti dari syarikat-syarikat penerbangan yang ada. Maksud kaola adalah dari segi pengendalian penumpang, kemudahan atau fasiliti seperti *aerobridge*, ruang *parking* untuk pesawat dan sebagainya.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah pun mendengar soalan-soalan daripada 7 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik sebentar tadi dan kita akan menunggu jawapan dan respons daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi tapi saya kira cukuplah dulu pada hari ini kita bersidang, berbahas di Peringkat Jawatankuasa ini.

Saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dahulu kita bersidang pada hari ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari iaitu hari Khamis, 21 Mac 2024 sebagaimana lazimnya mulai daripada pukul 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 10 Ramadan 1445 / 21 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketujuh belas, pada hari ini Khamis, 10 Ramadan 1445 bersamaan 21 Mac 2024 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه اَلْحَمْدُ لِلهِ syukur ke hadrat أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bagi bersidang pada hari yang ketujuh belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk menyambung penelitian ke atas Rang Undang-Undang ini dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada hari semalam, kita telah pun mula membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan telah pun mendengar soalan-soalan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Walau bagaimanapun, sebelum saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memberikan respons kepada soalan-soalan yang dikemukakan semalam.

Saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin membuat beberapa penjelasan dan respons tambahan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan pada pagi semalam yang belum sempat dijawabnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Kaola ingin menambah jawapan kepada soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai bagaimanakah pihak kerajaan dapat memastikan kerahsiaan seorang individu terutama sekali pesakit mental supaya tidak menjadi penghalang mereka berkehidupan secara normal?

Jawapannya ialah pihak Kementerian Kesihatan akan menitikberatkan isu kerahsiaan *(confidentiality)* pesakit. Rekod perubatan pesakit-pesakit berkenaan hanya boleh diakses oleh pegawai perubatan, jururawat ataupun *allied health professional* seperti *psychologist* atau *medical social worker* yang tertentu sahaja iaitu mereka yang terlibat dengan rawatan pesakit berkenaan sahaja. Doktor dan profesional kesihatan lain yang tidak berkenaan tidak mempunyai akses kepada catatan *clinical* terperinci pesakit tersebut. Walau bagaimanapun, mereka dapat melihat tarikh perjumpaan, *diagnosis* dan ubat sahaja.

Selain itu juga untuk memastikan kerahsiaan dan pemeliharaan maklumat pesakit mental di dalam situasi apabila agensi-agensi luar meminta laporan perubatan psikiatrik, kebenaran secara bertulis ataupun *consent* haruslah diperolehi daripada pesakit terlebih dahulu. Pihak kementerian tidak akan mengeluarkan apa jua maklumat perubatan sekiranya tidak ada kebenaran diperolehi daripada pesakit dan dengan adanya sistem Bru-HIMS ini juga, 'kitani' dapat melihat *audit trail* siapa-

siapa juga yang ada melihat *diagnosis* pun boleh 'tani' Nampak dan kalau ada orang 'inda' berkenaan selalu melihat, bila 'tani' membuat audit, 'tani' boleh bertanya kenapa ia selalu memerhatikan orang punya perjumpaan dan sebagainya. *So,* itu saja dari kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas penerangan tambahan yang telah pun disampaikannya terhadap soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Yang Dilantik semalam.

Dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memberikan responsnya terhadap soalan-soalan yang dikemukakan oleh 7 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah menyuarakan beberapa soalan pada petang semalam. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Terima kasih lagi sekali kerana memberi kaola peluang untuk menjawab soalan-soalan dan juga memberikan respons kepada kenyataan-kenyataan yang telah disuarakan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bermula dengan soalan-soalan dan kenyataan-kenyataan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof yang antara lainnya mengongsikan pandangan mengenai *KPI's* atau *strategic outcome* yang boleh memberikan perkhidmatan atas talian yang lebih bermakna dan *impact* kepada masyarakat dan seterusnya mengajukan beberapa soalan mengenai peranan dan perancangan masa depan agensi, strategi dan inisiatif *transfer of technology* atau *knowledge* dalam membina kemahiran anak-anak tempatan, status inisiatif *Brunei Solution Developments Centre* dan apakah penelitian atau kajian dilakukan termasuk *cost effectiveness* terhadap suatu projek e-Kerajaan dan penelitian atas projek-projek untuk memastikan ia tidak berduplikasi dan bertindih.

Sebagai respons, kaola ingin bermula dengan lebih dahulu mengongsikan bahawa prinsip yang kaola cuba terangkan adalah bahawa *digitalisation in not an end but a means to an end* atau dalam erti kata lain program-program atau projek-projek digitalisasi ini adalah memberi laluan kepada destinasi yang hendak kita capai.

Jika dari konteks kemajuan negara, penghujung yang hendak kita capai adalah ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu: Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya, Kualiti Kehidupan yang Tinggi dan Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Berikutan dengan itu, di sinilah aspek digitalisasi boleh memainkan peranannya tersendiri merentas kementerian-

kementerian mahupun pelbagai sektor seperti pendidikan, kesihatan, perekonomian dan lain-lain.

Dalam hubungan ini juga, mereka akan mempunyai *KPI's* mereka tersendiri. *KPI's* tersebut juga boleh mencorak sebagai *lagging indicators* atau *leading indicators* dan pada lazimnya pencapaian-pencapaian strategik merupakan *lagging indicators* ini juga bergantung kepada *hierarchy* atau *maturity* sebuah organisasi tersebut.

Oleh yang demikian, pandangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof tersebut adalah tepat dari segi sudut tiba masanya untuk direviu balik *KPI's* tersebut yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 dan disasarkan untuk dicapai pada tahun 2025 memandangkan *maturity* pencapaian pada masa kini.

Untuk makluman, *midterm review* bagi Pelan Strategik *MTIC 20*25 tersebut telah dibuat pada bulan Ogos 2022 dan telah menghasilkan Pelan Strategik yang baharu iaitu dikenali sebagai *MTIC 2025 Refresh* termasuk *KPI's* yang baharu yang lebih meluas dan menitikberatkan *impact* kepada masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan.

Di bawah objektif Strategi 1, yang meliputi Sains, Teknologi dan Inovasi dan transformasi digital. Antara *KPI's* yang berkenaan adalah mempertingkatkan perbelanjaan Keluaran Dalam Negara Kasar untuk Penyelidikan dan Pembangunan pada tahap 0.01%.

Kedua, ialah sumbangan sektor *ICT* kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu pada peringkat 3.2% dan 68.7% sebagai kepercayaan pengguna dalam ekosistem digital. Manakala 56% individu yang mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas digital.

إِنْ شَاءَ اللهُ Memandangkan kita juga di penghujung hayat pelan strategik ini, *KPI's* ini juga akan dikemaskinikan yang mana juga *KPI's* di bawah Wawasan Brunei 2035 akan juga disandarkan sebagai *lagging indicators* sebagai bahan rujukan.

Seterusnya, bagi menjawab soalan mengenai peranan *EGNC* sebagai pusat yang mempunyai kepakaran digital transformasi. Ia salah satu peranan Pusat Kebangsaan e-Kerajaan atau *EGNC* melalui penubuhannya pada 1 April 2028 ialah bertanggungjawab ke atas perancangan, pengambilan, pembangunan dan penempatan semua kakitangan *IT* dalam perkhidmatan awam.

Dalam hal ini, jumlah kakitangan yang diperbantukan di kementerian-kementerian dan institusi-institusi pengajian tinggi adalah sebanyak 59% daripada *head count EGNC* secara menyeluruh dan berperanan dalam membantu dalam usaha transformasi digital agensi-agensi kerajaan.

Dalam hal ini juga, antara usaha agensi untuk menghasilkan pakar-pakar tersendiri untuk mendukung usaha transformasi digital, sukacita dimaklumkan dari tahun 2021 sehingga kini, sebanyak 35% pegawai dan kakitangan *EGNC* yang memerlukan kelulusan profesional telah memiliki Sijil Pengiktirafan Profesional atau *Professional Certification* dalam pelbagai bidang *IT* yang telah menyumbang kepada adanya pakar-pakar rujuk dalam bidang-bidang *IT* yang tertentu.

Di samping itu juga, sukacita juga mengongsikan bahawa beberapa pegawai pakar rujuk ini juga telah di*elevate* atau menjadi pakar rujuk bagi pihak kementerian dalam memberikan *consultancy* serta merangka hala tuju transformasi digital secara menyeluruh.

Di samping ini, perkembangan kompetensi bagi sektor *ICT* juga ditunduki oleh *MISC Working Group on ICT* yang diterajui oleh *AITI Brunei ICT Industry Competency Framework* juga telah disediakan untuk melaksanakan pelbagai peranan kerja *ICT* dan berfungsi sebagai panduan komprehensif untuk pekerja *ICT* dan menyediakan latihan dan pensijilan profesional.

Selain itu, melalui memorandum kerjasama antara agensi seperti Universiti Teknologi Brunei serta memorandum persefahaman bersama negara sahabat seperti negara-negara ahli *ASEAN* dan Republik Korea akan memudahkan lagi dan menyediakan peluang untuk bekerjasama serta bertukar-tukar fikiran dengan pakar-pakar industri yang lain dalam membantu *EGNC* menyusun strategi dan hala tuju memudah cara transformasi digital secara menyeluruh.

Berhubung dengan *Brunei Solution Development Centre (BSDC)* iaitu *Capacity and Monitoring Programme (CMP)* penubuhan *Brunei Solution Development Centre (BSDC)* pada satu ketika dahulu bertujuan untuk membantu pembangunan industri *ICT* dan membina kepakaran kemahiran anak-anak tempatan dalam penyediaan aplikasi perisian *made in* Brunei.

BSDC juga menyediakan *Capability* dan *Mentoring Programme* seramai 38 orang graduan dari 5 pengambilan telah selesai dijalankan dan berjaya mendapat pensijilan *Microsoft Certified Solution Developer Share Point*.

Seterusnya sebanyak 9 buah syarikat *ICT* tempatan yang bertaraf mikro iaitu kurang daripada 4 orang pekerja telah mengambil bahagian dalam program *IT Vendor* 6 dengan buah syarikat adalah hasil daripada graduan *CMP* tersebut. Sehingga kini masih terdapat sejumlah daripada *technopreneurs* melalui *IT Vendor* masih kekal beroperasi, contohnya *Cube Box Solution*, *HAD Technologies* dan *Techno Net Sdn. Bhd*. Dalam pada itu, *EGNC* juga telah menggembangkan peranannya melalui penubuhan Bahagian Perkhidmatan Digital yang bertanggungjawab dalam

pembinaan *online application forms* dan seterusnya menambah baik proses manual ke digital. Sehingga kini, terdapat 19 aplikasi yang telah dibangunkan oleh bahagian ini termasuk *Travel Port App* dan *MTIC Runner* yang telah digunakan oleh warga awam.

Di samping itu juga, dalam hasrat untuk menggembangkan lagi peranannya *EGNC* sedang giat dalam proses *organization review*. Antara objektif inisiatif ini ialah untuk mereviu pembangunan kapasiti ke arah penambahbaikan aplikasi melalui kaedah-kaedah terkini seperti *DevOps, Adoption* dan *Low Code Platform*.

Inisiatif ini juga dirancang sesuai dengan objektif projek *gov.bn 2.0* iaitu salah satu projek RKN-12 yang akan membantu dalam mempercepatkan pendigitalan proses-proses agensi kerajaan dengan lebih mudah.

Sebagai kesinambungan daripada inisiatif *CMP* tersebut, beberapa inisiatif baharu telah disediakan umpamanya seperti program-program *Tech Clinic* dan *TechInspire* di bawah *AITI, IT Academy Huawei* dan program-program di bawah *DARe* dan *Brunei Innovation Lab*.

Berhubung dengan *transfer of technology* atau *knowledge* kepada anak-anak tempatan, dalam perkara ini sukacita dimaklumkan bahawa satu rangka kerja dasar *local business development* bagi projek-projek *ICT* kerajaan telah dilancarkan pada bulan Mac 2017 yang bertujuan untuk menilai penyertaan syarikat *ICT* tempatan yang berkebolehan dan seterusnya pembangunan kemahiran dan tenaga kerja tempatan.

Ini memberikan dan memastikan peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan melalui pelaksanaan projek-projek *transformative digital* tersebut. Melalui rangka kerja *LBD* ini juga dihasratkan akan dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan termasuk pertambahan bilangan tenaga kerja mahir tempatan, pengambilan pekerja tempatan, latihan pekerja tempatan dan perbelanjaan kandungan tempatan (*Local Content Spending*).

Dalam pada masa yang sama melalui rangka kerja *Brunei ICT Industry Competency Framework* yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 2022 terdapat 20 peranan pekerja atau *job roles* dan 79 buah bidang kemahiran (*competencies*) yang telah ditetapkan. Sebanyak 32 *job roles* tambahan adalah dirancang untuk dibangunkan mulai tahun 2023-2025.

Dalam hal ini, penelitian kajian secara berterusan juga diperlukan ke atas rangka kerja tersebut dalam memastikan peranan pekerjaan (*job roles*) dan *skill set* tersebut adalah bertepatan dengan perkembangan teknologi semasa.

Pihak *AITI* juga turut melancarkan *Digital Upskilling Training Programme* bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja *ICT* di negara ini. Program tersebut

menawarkan kursus untuk melatih dan meningkatkan kemahiran warga tempatan mengikut keperluan latihan yang dikenal pasti di dalam rangka kerja Brunei *ICT Industry Competency Framework* tersebut seperti kecekapan dalam industri mengenai *data analytics, artificial intelligence, application development, network security, cyber security* dan sebagainya.

Melalui *project management framework* juga disasarkan atau disarankan untuk memastikan kepentingan latihan dan *knowledge transfer* bagi setiap projek bertujuan untuk mengurangkan ketergantungan pada kontraktor.

Selanjutnya, berpindah kepada soalan mengenai penelitian projek-projek e-Kerajaan. Mengambil kira kos-kos digital yang lazimnya adalah tinggi, antara usaha-usaha *EGNC* bagi memastikan *cost effectiveness* dan *consolidation* adalah melalui perkara-perkara berikut:-

1. Melalui *Digital Transformation Review Committee,* projek-projek diteliti dan memfokuskan kepada *centralization* dan *consolidation* bagi projek-projek yang berpotensi untuk diselaraskan dan diintegrasi sama ada melalui penggunaan perkhidmatan guna sama *EGNC* yang sedia ada ataupun diteliti sama ada boleh diintegrasikan melalui satu projek sahaja yang mempunyai *cross functional capabilities* lebih daripada satu kementerian. Bagi projek-projek ini ia lazimnya direviu melalui *Chief Information Officers Forum.*

   Hasil daripada *consolidation* ini telah mengelakkan perbelanjaan tambahan kerajaan sejumlah kira-kira $36 juta bagi projek-projek di dalam RKN-12. Melalui rangka kerja pengurusan projek, ia diguna pakai dalam memantapkan lagi urus tadbir pengurusan projek-projek transformasi digital dan seterusnya memastikan *cost effectiveness* dan *consolidation.*

   Antara aspek yang difokuskan iaitu pada fasa perancangan pihak projek *owner* hendaklah memastikan terdapatnya peningkatan di dalam *business process* untuk mencapai peningkatan yang ketara dari segi prestasi, kecekapan dan keberkesanan dan keseluruhan proses pengurusan.; dan

2. Adalah untuk meningkatkan strategi dalam penilaian projek yang menumpukan kepada *critical success area* termasuk *business process improvement, cost benefit analysis* dan *impact* sesebuah projek pada peringkat perancangan dan juga memastikan pematuhan terhadap penggunaan rangka kerja tersebut melalui penyerahan dokumen yang diluluskan dan diberikan pengesahan daripada *CIO-officers* di kementerian masing-masing. Ini juga termasuk meningkatkan kaedah pemantauan sesebuah projek tersebut.

Bagi mendukung usaha ke arah pengintegrasian sistem-sistem kerajaan, beberapa dasar telah dikuatkuasakan untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan iaitu dasar penggunaan *platform* gov.bn 2.0 yang merupakan satu *centralized platform* bagi orang ramai untuk mengakses perkhidmatan kerajaan.

Itulah Yang Berhormat Pengerusi, jawapan daripada soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Seterusnya menjawab soalan kedua daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee yang ingin mengetahui mengenai inisiatif yang sedang dijalankan untuk mewujudkan *Data Framework* dan *Data Governance* yang kukuh dalam semua agensi kerajaan dan untuk memastikan *standardization* dan *interoperability* daripada pengumpulannya untuk *future proofing ecosystem digital* Brunei.

Dalam hubungan tersebut, sukacita mengongsikan dahulu ketika merujuk kepada soalan *Artificial Intelligence* terutama dari segi peranan *refined data*. Bagi meningkatkan kecekapan operasi seluruh sektor kerajaan dalam hal ini pihak kerajaan telah pun mengenal pasti kepentingan bagi data-data tersebut terutamanya dari segi mempertingkatkan lagi kolaborasi dan *data sharing* antara agensi-agensi kerajaan.

Dari segi ini, platform *National Information Hub* merupakan salah satu *deliverables* utama Majlis Ekonomi Digital dalam pelaksanakan *flagship projects*. Antara hasrat utamanya adalah:-

1. Berperanan untuk menambah baik perkongsian data atau *common data repository* antara agensi kerajaan yang terdiri daripada *People Hub* yang mengandungi maklumat peribadi berkenaan warganegara, penduduk tetap dan pekerja asing di Negara Brunei Darussalam.;

2. *Land Hub* yang mengandungi mengenai kemajuan perancangan bagi pembangunan perumahan dan bangunan termasuk juga senarai alamat yang sah di Negara Brunei Darussalam.; dan

3. *Business Hub* yang mengandungi maklumat syarikat dan perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Platform ini telah mula digunakan pada bulan Jun 2021 dan sehingga kini sebanyak 10 *data providers* dan 15 *data users* yang terdiri daripada agensi kerajaan yang berkepentingan telah menggunakannya.

Sebanyak 21 pengintegrasian sistem kerajaan daripada *data users* telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian dengan kerjasama

Pusat Kebangsaan e-Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan platform *National Information Hub* tersebut termasuk penubuhan satu *Data Sharing Working Group* yang antara lainnya berhasrat untuk meningkatkan penggunaan *NIH* tersebut, memastikan penyelarasan *data standardization* dan meningkatkan *data quality* dan *data accessibility.*

Sehubungan itu juga, penyediaan garis panduan *(data sharing guideline)* yang telah dikuatkuasakan pada bulan Mei 2023, khusus bagi penggunaan agensi sektor kerajaan yang terlibat dalam perkongsian data peribadi dengan agensi kerajaan yang lain dan juga organisasi yang memproses data.

Dari segi penggunaan *AI* pula, pekara ini masih dalam perbincangan dengan pihak berkepentingan antaranya adalah seperti penyediaan *AI Ethics Guideline* yang selaras dengan perkembangan serantau dan juga secara global.

Berhubung *data framework* dan *data governance* bagi mewujudkan keharmonian dan *interoperability* antara jabatan-jabatan kerajaan terutama sekali bagi keperluan perkongsian data.

Beberapa perancangan dan inisiatif telah dilaksanakan dan antaranya adalah membuat kajian terhadap keperluan *data management framework* dan kandungannya bagi menyediakan *structured approach* dalam pengurusan dan pentadbiran data dalam kerajaan. Ini adalah bagi memastikan *data quality, accessibility* dan *security.* Pembangunan *Data Management Framework* ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan ia akan membantu kerajaan dalam pengurusan data yang lebih efektif dan efisien.

Pada masa ini, penyelidikan sedang dijalankan iaitu *framework* itu nanti akan mengandungi garis panduan, proses dan prosedur berkaitan data seperti *Data Governance, Data Security, Data Interoperability* dan *Integration* dan sebagainya*.*

Sedang dalam pelaksanan pada masa ini ialah pengumpulan maklumat dan analisis terhadap sistem dan *data dictionary* yang sedia ada bagi keperluan penyediaan *data standardization* dan pembangunan *data reference model* dan *data catalogue.*

Untuk makluman, satu usaha dalam membentuk *data sharing working group committee* juga telah diadakan yang dihasratkan untuk bertanggungjawab dalam memastikan dan mendukung pelaksanaan perkongsian data antara agensi sama ada agensi kerajaan dan pihak swasta serta memberikan nasihat dan memastikan kepatuhan agensi kerajaan terhadap dasar dan prosedur yang telah ditetapkan berkaitan dengan perkongsian data.

Selain itu, pada tahun 2022, *EGNC* juga telah melaksanakan *Data Maturity Assessment* kepada semua agensi kerajaan dengan tujuan untuk mengenal

pasti kematangan agensi-agensi kerajaan dalam pengurusan dan penggunaan data sebagai sebahagian daripada *Digital Transformation Plan* dan seterusnya untuk mengenal pasti keupayaan agensi data, manfaatkan data yang diperlukan dalam era digital dan untuk membangunkan keupayaan evolusi berterusan. Hasil daripada penilaian tersebut mendapati penggunaan *Business Intelligence* atau *data analytics* adalah masih terlalu rendah dan belum diterapkan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, adalah diharapkan melalui inisiatif-inisiatif ini akan dapat menghasilkan landskap data yang selamat, telus dan berguna bagi agensi kerajaan bagi memperkuat keupayaan untuk membuat keputusan yang berasaskan data dan memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh. Ini juga adalah merupakan *precurser* kepada 2 projek RKN-12 seperti *Data Analytics as a Service* dan Sistem Pengurusan Rekod (SpeRe).

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, itulah jawapan kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Seterusnya, beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang mencadangkan untuk memperluaskan sektor perkhidmatan pos bagi mengurangkan masa dan kesesakan di *Mail Processing Centre (MPC)* dengan penghantaran secara langsung ke rumah-rumah dan juga memudahkan penjagaan yang memesan barang dengan lebih efisien.

Dalam menjawabnya, lebih dahulu diucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Jabatan Perkhidmatan Pos sangat mengambil berat tentang kepentingan orang ramai. إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya transformasi Jabatan Perkhidmatan Pos, peluang pekerjaan akan ditawarkan bagi membuat penyerahan-penyerahan mel. Jabatan ini juga sedang giat aktif dan melaksanakan beberapa kajian dalam perubahan proses tuntutan dengan penambahbaikan dan menaik taraf sistem-sistem *back-end.*

Menyentuh mengenai pemprosesan mel, diambil kesempatan ini memberi sedikit pencerahan mengenai *the back-end process*. Untuk makluman, Jabatan Perkhidmatan Pos hanya dapat memproses mel yang datang dari luar negara setelah tiba di Negara Brunei Darussalam tertakluk kepada cara penghantaran dari negara asal sama ada kaedah pengangkutan udara atau laut.
Mel yang datang tersebut akan dibawa dari *Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC)* jika melalui udara ataupun *Muara Port Company* jika melalui laut dan terus ke pusat memproses mel dan bungkusan *(MPC)*.

Untuk makluman, mel berkenaan akan menjalani tapisan pemeriksaan *X-ray* yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Hasil daripada tapisan *X-ray* ke atas mel berkenaan akan dicop sama ada dengan label

"hijau" atau "merah". Hanya mel berlabel "hijau" yang akan dihantar terus kepada pelanggan. Manakala, mel berlabel "merah" memerlukan pemeriksaan lanjut. Terdapat juga paket kecil yang tidak mempunyai ciri-ciri jejak dan kesan atau *untrackable item* walaupun ia mempunyai nombor *tracking.*

Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengambil inisiatif untuk merekodkan dengan mengadakan *data entry* semua paket-paket kecil sebagai tujuan *tracking* di dalam negeri.

Mengenai perkara pelanggan beratur bagi membuat tuntutan bungkusan di *Mail Processing Center,* ia adalah bagi bungkusan dan paket kecil yang berlabel merah. Pelanggan perlu menuntut mel tersebut di cawangan pejabat pos terpilih kerana ia memerlukan pemeriksaan oleh pihak berkuasa. Paket kecil mereka dapat diambil dan di*track* dan dituntut melalui aplikasi *Bru-Track.*

Pada masa yang sama, Jabatan Perkhidmatan Pos juga melaksanakan projek paket-paket label "merah" ini yang penghantarannya, pemeriksaan dibuat dengan kebenaran pelanggan untuk pihak berkuasa kastam memeriksanya tanpa hadirnya pemilik mel tersebut. Ini adalah salah satu usaha untuk membolehkan paket-paket "merah" ini juga dapat dihantar terus kepada para pelanggan.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi sebagai keterangan dan pencerahan mengenai soalan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed tersebut.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub mengenai kenapa terdapat perbezaan ketara bagi harga kenderaan motosikal di pasaran tempatan berbanding dengan negara jiran termasuk dalam kawalan pihak sama ada ia dalam kawalan pihak kerajaan.

Bagi menjawabnya, soalan Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa kerajaan tidak mengenakan kawalan harga bagi motosikal, namun begitu pengimportan motosikal akan dikenakan *duty-excise* sebanyak 30% hingga 35% tertakluk kepada kapasiti enjin motosikal tersebut. Mengenai dengan perbezaan harga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, ini mungkin adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kos produk, kos pengangkutan, kos pemasaran, margin keuntungan *(profit margin)* penjual dan keadaan pasaran yang berlainan di negara-negara tersebut seperti saiz pasaran dan *affordability* atau kuasa pembeli. Ini adalah antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan harga seperti yang telah dikongsikan.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menjawab soalan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin yang mohon pencerahan mengenai proses permohonan bagi mendapatkan

jurulatih memandu yang mengambil masa yang agak lama dan ingin mengetahui inisiatif dan tindakan untuk menangani masalah kekurangan Pegawai Melesen dan Pegawai Penguji Memandu.

Pada masa ini, kaola ingin mengongsikan bahawa pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) memang maklum mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan adalah dikongsikan di sini bahawa terdapat *bottleneck* disebabkan oleh kekurangan tenaga penguji dan juga dari segi kapasiti litar untuk kegunaan latihan dan juga ujian.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan diusahakan bagi mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian. Antara lain mungkin perkara yang dipertimbangkan adalah mengenai keperluan penggunaan litar bagi ujian ini yang juga menyebabkan *bottleneck*. إِنْ شَاءَ اللهُ jika ada perkembangan selanjutnya akan dikongsikan kepada Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Seterusnya berpindah kepada soalan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang mencadangkan agar wujud zon-zon perangkap had laju dan juga menyarankan agar denda bagi kesalahan lalu lintas dalam keadaan mabuk boleh diteliti semula.

Dalam hubungan ini, sukacita saja memberikan pencerahan untuk mengongsikan maklumat di mana merujuk kepada Bab 37A (1), Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68, memperuntukkan bahawa pertandingan atau ujian laju yang melibatkan pengunaan sebarang kenderaan tidaklah boleh diadakan di atas jalan raya atau tempat awam tanpa kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Polis. Suatu denda tidak kurang daripada $1,000.00 dan tidak lebih daripada $2,000.00 dan penjara selama 6 bulan.

Dengan hal penyabitan kesalahan kedua atau berikutnya satu denda tidak kurang dari $2,000.00 dan tidak lebih $3,000.00 dan penjara selama 12 bulan.

Manakala bagi kesalahan-kesalahan memandu, kadar kompaun telah dinaikkan mengikut had kelajuan sebagai contoh memandu melebihi had laju yang telah ditetapkan di jalan raya pada kenderaan sehingga 30 kilometer sejam dikenakan $50.00, memandu lebih had laju yang telah ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih daripada 30 kilometer sejam hingga 40 kilometer sejam membawa denda sebanyak $100.00 dan bagi memandu melebihi laju yang telah ditetapkan di jalan raya atau pada kenderaan lebih 40 kilometer sejam dikenakan denda $150.00.

Kaola ingin menekankan di sini bahawa Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya mempunyai matlamat yang sangat tinggi ke atas semua pengguna jalan raya di negara ini dan melalui kerjasama sepadu di bawah Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) pemantauan dan penguatkuasaan kawasan lalu lintas juga akan dipertingkatkan dari masa ke masa.

Dalam hubungan itu, cadangan untuk memasang Kamera Perangkap Laju Sistem Penguatkuasaan Automatik *(AES),* di kawasan-kawasan strategik sebagai usaha ke arah membudayakan pengguna jalan raya agar lebih memandu dengan cermat dan berhemah adalah disambut dengan baik dan alat tersebut akan memaparkan kelajuan pemandu yang mendekati pada jarak yang ditentukan selain berkeupayaan menangkap gambar termasuk *plate license* kenderaan. Dengan adanya paparan kelajuan tersebut, dengan sendirinya pemandu menyedari bahawa dia telah memandu dengan laju.

Kaola ingin memaklumkan bahawa antara kawasan strategik yang telah dikenal pasti adalah di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebanyak 287 *CCTV* telah pun dipasang di sepanjang jambatan tersebut dan di antara objektif pemasangan *CCTV* tersebut adalah bagi pemantauan *Main Control Centre* jambatan tersebut dan memastikan had laju dipatuhi oleh pemandu-pemandu.

Kaola percaya bahawa langkah-langkah seperti ini adalah di antara inisiatif yang akan ditunduki oleh Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR). Pada masa yang sama dikongsikan juga di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) *Smart Transport System,* kaedah menggunakan *GPS tracking* juga akan diperkenalkan.

Beralih kepada soalan mengenai dengan denda bagi pesalah lalu lintas disebabkan mabuk dengan merujuk kepada Bab 26(1), Akta Lalu Lintas Jalan Raya Penggal 68 memperuntukkan bahawa mana-mana orang semasa memandu atau cuba memandu atau apabila bertanggungjawab terhadap kenderaan bermotor di jalan atau di tempat awam lain yang mabuk akibat minuman keras atau dadah sehingga tidak dapat mengawal kenderaannya dengan baik, bersalah kerana melakukan atau kesalahan dan hukuman denda sebanyak $10,000 dan penjara 2 tahun dan sekiranya sabit keduanya atau berikut didenda $200,000 dan penjara 4 tahun.

Berdasarkan statistik kes memandu dalam keadaan mabuk yang sudah didakwa tahun 2019 hingga 2023 yang dikeluarkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei menunjukkan penurunan yang amat ketara iaitu pada tahun 2019 sebanyak 14 kes, tahun 2020 sebanyak 8 kes, tahun 2021 sebanyak 2 kes, tahun 2022 sebanyak 5 kes dan hanya 3 kes pada tahun lepas. Jadi difikirkan melihat daripada jumlah denda tersebut memang sudah sangat berat dan termasuk juga penjara.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai dengan mengapakah Jabatan Penerbangan Awam masih lagi menggunakan perundangan Perintah Penerbangan Awam 2026 dan juga sejauh mana keupayaan Jabatan Penerbangan Awam pengawal selia dan adakah Jabatan Penerbangan Awam sudah membuat *Risk Assessment* dan

meneliti kesiapsiagaan dari struktur keupayaan dalaman jabatan sebagai pengawal selia dan mengetahui kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa pada masa ini dan kemampuan untuk menampung pertambahan kapasiti.

Sedikit latar belakang mengenai projek konsultasi di antara Jabatan Penerbangan Awam dengan *Civil Aviation Authority International Limited, United Kingdom* yang telah dirujuk, salah satu bahagian dari *Civil Aviation Authority International Limited, United Kingdom yang* bermula pada penghujung tahun 2014 dan berjalan selama 2 tahun.

Objektif projek konsultasi ini ialah untuk membantu Jabatan Penerbangan Awam dalam mensiapsiagakan dirinya untuk menjadi Penguatkuasa Penerbangan Awam bagi Negara Brunei Darussalam yang memenuhi piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangasa atau *International Civil Aviation Organization.*

Di antara piawaian adalah untuk Jabatan Penerbangan Awam menyediakan *Aviation Safety* dan *Security Oversight System*. Projek konsultasi ini merangkumi beberapa *work streams* dan antaranya adalah menyediakan Rangka Kerja Perundangan Penerbangan Awam (*Civil Aviation Legislative Framework)* yang meliputi bukan saja me*review Civil Aviation Order 2006* bahkan beberapa *regulations* yang lain berkaitan penerbangan awam.

Rangka kerja ini juga telah memerlukan Jabatan Penerbangan Awam untuk menyediakan beberapa peraturan-peraturan teknikal yang berupa *Brunei Aviation Requirements* bagi industri penerbangan awam dan penstrukturan Jabatan Penerbangan Awam juga diperlukan dalam memastikan kerja-kerja pengawalseliaan adalah *independent* dari peranan lain jabatan itu iaitu Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Navigasi Udara.

Manpower review juga diadakan bukan saja dalam mengenal pasti jumlah *aviation inspector* yang diperlukan, malah juga *competency requirements* termasuk latihan-latihan teori dan amali tahap *qualification* yang bersesuaian.

Dalam membantu *aviation inspectors* menjalankan tugas-tugas secara tulus dan teratur, *set of processes procedures* dan *checklist* juga telah disediakan. Secara amnya dengan adanya projek konsultasi tersebut, Jabatan Penerbangan Awam telah pun menjalankan *risk assessment* dan mengenal pasti kekurangan, yang sebahagian besarnya telah pun 'ditunduki'.

Self-assessment juga telah dijalankan secara berkala dalam menilai setiap tahap *aviation safety* dan *security oversight system* mengikut soalan-soalan audit yang disediakan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

Dalam pada itu, *Civil Aviation Order 2006* masih lagi diguna pakai dan masih relevan dalam mengawal selia industri penerbangan awam iaitu sebagai *high*

level legislation dan yang utama adalah Jabatan Penerbangan Awam telah menyediakan *Brunei Aviation Requirements* iaitu peraturan-peraturan teknikal yang perlu dipenuhi oleh industri penerbangan, seperti permohonan *Gallop Air* untuk menyediakan penerbangan yang berdaftar di negara ini dan juga termasuk *foreign aircraft operator* seperti yang telah dikeluarkan kepada *Air Asia, Singapore Airlines, Malindo dan Cebu Pacific.*

Berhubung dengan kemampuan dan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sepertimana yang dikongsikan, operasi *airport* masih di bawah kapasiti. Dari segi pergerakan penumpang, *cargo transfer* dan juga *in terms of* kemampuan untuk membuat *security screening* kepada bagasi dan seumpamanya.

Dari segi ketibaan penumpang ada 3… Minta maaf. Dari segi kapasiti *airport* pada masa ini kita hanya, memenuhi 40% *slot* penerbangan yang digunakan. Ini bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masih mempunyai *slot* penerbangan untuk mengendali penerbangan-penerbangan berjadual dan juga sewa *(chartered)*.

Mengenai kemampuan untuk menerima pesawat-pesawat yang dicadangkan. Ia boleh mampu untuk menampung 5 pesawat Kod C iaitu 2 pesawat Kod E. Pesawat Kod C adalah seperti *Airbus A320* dan 2 pesawat Kod E iaitu *Dreamliners dan Boeing 787,* dan satu pesawat Kod F iaitu *Boeing 747* dengan menggunakan titisawat *(aerobridge)* dari satu masa ke satu masa iaitu *turn around* selama 90 minit.

Jadinya, berhubung dengan kemampuan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menampung pertumbuhan, pada masa ini masih di bawah kapasiti dan jika perlu diperkembangkan lagi ia akan memang dirancang tetapi pada masa ini mengambil kira operasi sekarang ini masih *under capacity* dan jika kita semakin dekat kepada mengoptimumkan *(maximizing)* kapasiti memang rancangan untuk pengembangan lapangan terbang tersebut akan dilihat.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi usaha kaola untuk menjawab 7 soalan yang telah diajukan kepada kaola kelmarin, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas respons dan juga jawapan yang diberikan. Sekarang kita akan menyambung perbahasan di bawah tajuk kementerian ini dan saya akan mula dengan mempersilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Insiden eksploitasi kanak-kanak dalam talian yang membimbangkan.

Antara tahun 2021 dan tahun 2023, data menunjukkan 60 kes eksploitasi seksual secara *online* terhadap kanak-kanak. Ini adalah satu statistik yang amat membimbangkan. Oleh itu, kaola menyokong pembinaan rangka kerja *(framework)* untuk perlindungan kanak-kanak secara *online.*

Kaola difahamkan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah penting pada tahun 2013 dengan menjadi negara pertama di rantau ini yang membuat rangka kerja Perlindungan Kanak-Kanak secara *Online (Child Online Protection Framework)* berdasarkan kesatuan telekomunikasi antarabangsa *(ITU* dan *AITI Brunei).*

Rangka kerja sedemikian adalah penting untuk menyelaraskan usaha pelbagai agensi untuk memastikan langkah yang mencukupi disediakan untuk melindungi kanak-kanak dalam talian. Dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan golongan muda, mereka lebih terdedah kepada buli siber, gangguan dan pemangsa seksual.

Walaupun kerja terpuji telah dilakukan oleh pihak berkepentingan seperti *AITI* dan *Cyber Security Brunei* dalam penyiasatan dan menapis kandungan dalam talian untuk melindungi generasi muda kita, kaola memahami bahawa rangka kerja itu belum diwartakan.

Oleh itu, kaola menyeru agensi berkaitan untuk mewartakan rangka kerja dan penyelidikannya boleh diakses secara terbuka untuk orang awam secara *online*. Ketelusan adalah penting dalam memastikan akauntabiliti dan memupuk kepercayaan dalam perlindungan kanak-kanak dalam talian.

Seterusnya kaola ada terjumpa dokumen bertajuk 'Rangka Strategi Nasional Perlindungan Dalam Talian Kanak-Kanak Untuk Brunei Darussalam' secara *online* bertarikh April 2015 yang dibuat dengan kerjasama *ITU dan AITI Brunei.* Kaola meminta penjelasan tentang status rangka kerja ini dan kemajuan pelaksanaannya.

Bagi kaola adalah penting bahawa rangka kerja Perlindungan Kanak-Kanak secara *online* diwartakan dan disebarkan secara meluas untuk orang awam bagi keselamatan kanak-kanak Negara di Brunei Darussalam.

Dalam era digital masa kini kanak-kanak semakin terdedah kepada risiko dalam talian, langkah proaktif ini penting untuk

melindungi mereka daripada ancaman seperti eksploitasi dan buli siber.

Dengan memastikan wujudnya panduan yang jelas kesedaran digital yang tinggi dan kerjasama bersepadu kita dapat mencipta persekitaran *online* lebih selamat bagi kanak-kanak untuk berkembang tanpa rasa takut. إِنْ شَاءَ اللهُ Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّه kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah peranan dan perancangan kementerian di dalam mengurus dan merancang Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Semoga dapat pelaksanaan yang baik إِنْ شَاءَ اللهُ

Kaola sukacita menyentuh berkenaan permohonan Lesen Memandu di kalangan warga asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam. Memiliki Lesen Memandu Antarabangsa yang dikeluarkan oleh negara masing-masing.

Sepertimana yang kaola sedia maklum mana-mana pekerja asing yang berkerja di negara ini dikehendaki untuk mendapatkan Lesen Memandu Negara Brunei Darussalam dengan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) iaitu menghadiri kelas Memandu, Ujian Bertulis dan Ujian Memandu melalui sekolah-sekolah memandu yang diiktiraf oleh JPD. Jika dulu mereka hanya perlu melalui proses temu duga untuk mendapatkan lesen memandu Negara Brunei Darussalam.

Kaola menyuarakan kebimbangan pihak-pihak berkenaan dengan beberapa isu yang timbul mengenai perkara ini yang sewajarnya perlu diberi perhatian. Ini termasuklah isu penggunaan bahasa. Ada antara pekerja ini tidak pandai berbahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris. Isu komunikasi merupakan masalah utama bagi mereka kerana bahasa yang digunakan di dalam kelas dan ujian adalah dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Sehubungan dengan ini, kaola mengharapkan perkara ini diteliti semula terutama sekali kesediaan dan persiapan pihak-pihak berkenaan untuk mengendalikan proses mendapatkan lesen memandu di kalangan warga asing. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola terpanggil untuk mengemukakan 8 isu untuk dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kerana sekatan, kaola akan sebutkan sahaja isu-isunya dan *headline*nya sepintas lalu.

Isu pertama, transformasi pengangkutan darat awam, apakah tidakan *interim plan* untuk membaiki kelemahan yang ada sekarang?;

Isu kedua, merealisasikan usul menjadikan Brunei hub perhubungan udara *BIMP-EAGA* dan *network* kereta api *Inter-Borneo*. Tubuhkanlah *task force* untuk membantu merealisasikan agar apabila rezeki datang, kecil tapak tangan, niru ditadahkan.;

Isu ketiga, meningkatkan keselamatan di jalan raya dan usaha-usaha melancarkan *traffic floor* di *highway* apabila ada kemalangan.;

Isu keempat, *corporatisation* Pejabat Pos dan modal-modal baharu.;

Isu kelima, *Smart Nation Initiative* yang masa ini banyak *multiple ICT project* dalam beberapa kementerian, pastikan *integrasi*nya dengan *e-government.;*

Isu keenam, penggunaan dana *CREATES* sebagai geran ICT untuk membuat aplikasi mesra pelanggan mengakses *public transportation* masa kini.; dan

Isu ketujuh, *Vehicle Inspection System* tingkatkan *adhoc verification* dan.;

Isu kelapan, *maritime industry,* status untuk memperkembangkan industri ini selain dari Muara Port.;

Kaola akur dan menghormati saranan Yang Berhormat Pengerusi untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan hanya satu isu sahaja dalam Dewan yang mulia ini dan soalan-soalan lain bolehlah disampaikan kemudian kepada Yang Berhormat Menteri.

Demi menjimatkan masa dalam Dewan yang mulia ini, kaola tidak akan menyuarakan mana-mana soalan kaola dan bagi memberi laluan. Kaola akan hadapkan soalan-soalan kaola kemudian untuk rekod dalam *hansard* sahaja. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tidaklah berhajat untuk membuat *argument* dengan mana-mana Ahli Yang Berhormat tentang apa juga perkara yang ditimbulkan tetapi pada pandangan saya, kita sekarang berhadapan dengan bajet yang 'kitani' rundingkan.

Jadi kalau bajet yang kita rundingkan ini *derail* dengan soal-soal apa yang terjadi dalam pejabat atau dalam kementerian-kementerian yang berkenaan daripada A to Z, jadinya barangkali 3 minggu, 6 minggu pun tidak selesai 'kitani' di sini.

Barangkali 'kitani' mempunyai ruang atau tempat yang lain. Sebab itu kita telah menyediakan peluang bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk datang sendiri berhadapan dengan sama ada dengan menteri-menteri yang berkenaan ataupun pegawai-pegawainya untuk bertanya mengenai dengan perkara-perkara seperti ini, apa jadinya ini, apa jadinya itu, apa jadinya rancangan yang sudah berlalu dan apa jadinya.

Jadi perkara itu, saya kira adalah satu perkara yang baik dan boleh diteliti oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. *We are all human, check and balance are very important to us.* Tetapi *you have to appreciate that* kita berhadapan dengan bajet yang harus kita luluskan dan juga sebagaimana yang kita ketahui, kita mempunyai keahlian kabinet yang kecil dan mereka mempunyai tugas-tugas yang tertentu selain daripada menghadiri mesyuarat ini saya percaya, sama ada di dalam negeri ataupun di luar negara.

Jadi sebab itu juga saya mengambil maklum dan tidak ada komen mengenai dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang tidak dapat hadir, *I appreciate because* saya pernah menjadi Menteri Kabinet. *Appreciate* dorang punya *effort to come* berhadapan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan dengan jelas dan nyata dan telah juga memberikan hala tuju kementerian masing-masing.

Jadi perkara ini barangkali satu perkara yang harus kita teliti kemudian, yang mana tumpuan ketika bermesyuarat ini adalah khas untuk membincangkan mengenai dengan bajet yang harus kita selesaikan.

Jadi soal-soal lain, saya kira itu terpulang kepada menteri yang berkenaan, dia mahu menjawab ataupun tidak, ataupun mahu menjawab secara bertulis, itu terpulang kepada mereka.

Tapi bagi saya *I don't want to go into argument with any of you because to be fair, you have to be fair to me as well, so* kedua-dua belah pihak harus berusaha sama-sama. Supaya 'kitani' dapat melancarkan pekerjaan 'kitani' اَلْحَمْدُ لِلهِ.

Jadi saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi di atas mukadimahnya yang cukup jelas tentang rancangan dan usaha-usaha kementerian bagi melaksanakan visi dan misi ke arah menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Kaola menyambut baik saranan-saranan yang disuarakan oleh rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta usaha-usaha yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan di dalam membudayakan pengguna-pengguna jalan raya agar lebih berhemah dan bertanggungjawab ketika memandu.

Pernah satu ketika dahulu inisiatif ini dimulakan di peringkat sekolah lagi dengan melibatkan penyertaan penuntut-penuntut sekolah untuk menyertai peraduan dan pertandingan keselamatan jalan raya yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya dengan kerajasama Syarikat Minyak Shell Brunei bertujuan bagi mendedahkan generasi muda untuk mempelajari dan memahami undang-undang dan peraturan jalan raya. Selain daripada itu juga turut dianjurkan peraduan-peraduan melukis poster keselamatan jalan raya dan bukakan penyertaannya di peringkat nasional.

Sehubungan dengan ini apakah perancangan pihak kementerian khususnya Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei untuk memperluaskan kesedaran ini dalam kalangan penuntut-penuntut sekolah dan apakah usaha-usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai? Mohon pencerahan mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: أَلْحَمْدُ لِلّٰه terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
الحَمْدُ لِلَّهِ وَكَفَى وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى النَّبِيِّ ٱلمُصْطَفَى
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اهْتَدَى ، أَمَّا بَعْدُ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kampung Air dikenali sebagai *Venice of the East*. Apa yang dulunya menjadi laluan air yang sibuk, kini semakin ketinggalan dalam pemodenan negara.

"Bandarku Ceria", bagaimanapun telah menekankan keperluan bagi Brunei untuk mempunyai logistik laluan air yang mantap. Pada hari-hari biasa pengusaha teksi air ini hanya gemar memberi perkhidmatan di kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah tanpa menyedari bakal pelanggan dari kawasan-kawasan lain.

Kaola mencadangkan untuk kementerian mengenalkan aplikasi teksi air seperti Aplikasi Dart. Aplikasi yang boleh menghubungkan pelanggan dengan pengendali teksi air untuk memberitahu

pengendali di mana dan bila pelanggan memerlukan perjalanan ini.

Mungkin ia akan meningkatkan penggunaan laluan yang sebelum ini jarang digunakan seperti dari Kampung Air ke Kiulap dan juga ke Gadong. Harga bagi *service* boleh juga dipantau kerana pada masa ini, ia tidak tetap dan kadang-kadang pelancong dikenakan harga yang tinggi. Dalam harapan Brunei menjadi di antara 10 bandar terbaik untuk didiami di Asia, sudah semestinya perlu ada perhubungan yang baik. Semoga bermanfaat.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang untuk kaola turut serta dalam perbincangan ini. Di samping itu, kaola juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi di atas mukadimah dan pembentangan yang dikongsikan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh perkara berkaitan dengan pengendalian kargo melalui Sektor Pengangkutan dan Logistik, khususnya di *Muara Container Terminal*. Apakah tindakan yang diambil dalam cabaran pengurusan baris gilir *(queue management)* yang diharapkan semasa pengendalian kargo *Brunei Fertilizer Industry (BFI)* sehingga memakan masa yang lama untuk menyelesaikan kerja-kerja memunggah dan penghantaran kontena yang lain.

Misalnya terdapat dalam satu situasi iaitu beberapa *cargo vessel* perlu menangguh penghantaran dan terpaksa *divert* ke Kota Kinabalu Port beberapa hari untuk menunggu giliran jika *BFI Vessels* berada di *loading terminal.*

Selain itu, kaola ingin mengetahui dengan lebih lanjut, jika terdapat perancangan dan pelaksanaan untuk menambah jumlah *quay cranes* yang hanya ada dua buah sahaja pada masa ini di *Muara Container Terminal*.

Yang Berhormat Pengerusi. Jika dibenarkan, izinkan kaola untuk menambah satu lagi isu. Kaola ingin mengetengahkan perkara mengenai para pelancong yang menyatakan kadar bayaran dan cabaran untuk mendapatkan teksi dan seumpamanya dari kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Adakah terdapat inisiatif pihak kerajaan untuk mengawal harga perkhidmatan teksi?

Kaola ingin mencadangkan agar kadar pembayaran perkhidmatan seumpamanya memberikan piawaian harga yang berpatutan selaras dengan perjalanan dan destinasi yang hendak dituju. Kaola terpanggil untuk menyuarakan isu ini kerana pernah beberapa orang pelancong yang terpaksa berjalan kaki dari Lapangan Terbang Antarabangsa ke kawasan Kiulap disebabkan tidak mahu menggunakan transportasi sedemikian yang mengenakan bayaran sebanyak $50. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas mukadimah yang cukup jelas dan terperinci semalam berkenaan dengan perbelanjaan bajet tahun 2004/2005. Diharapkan agar semua perancangan dapat keputusan yang baik.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan sistem kemudahan pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam. Kaola telah pun menerima keluhan daripada orang ramai tentang keberadaan pengangkutan awam seperti bas yang sering berubah-ubah, tidak mencukupi dan ada juga perkhidmatannya ditiadakan di beberapa kawasan yang ramai penduduk seperti Skim Perumahan Negara dan lain-lain.

Pengangkutan bas awam adalah merupakan pilihan kepada orang awam yang tidak memiliki kenderaan, para pekerja asing, penuntut-penuntut universiti, ibu-ibu tunggal dan lain-lain sebagai pengangkutan utama ke tempat kerja dan seumpamanya. Isu kekurangan bas awam bukanlah isu baharu malah ia sering menjadi masalah kepada orang ramai terutama sekali di kawasan-kawasan baharu dan terpencil.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin tahu apakah perancangan pihak kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam? Dan ketika ini berapa banyakkah syarikat-syarikat yang beroperasi menyediakan perkhidmatan bas awam? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang saya juga terpanggil untuk bertanya. Apakah kegunaannya *figure* ataupun angka-angka yang sebagaimana yang dipohonkan? Untuk apa 'dipinta' angka-angka yang seperti itu? Adakah kajian lanjut dibuat, mengenai dengan apa? Apakah *correlation* dengan apa-apa

hubungan satu-satu projek yang dilaksanakan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri atau orang-orang yang berkenaan atau kementerian-kementerian yang berkenaan.

Jadi, kalau saya kira, kalau sudah semuanya kita tanya perangkaan A, perangkaan B dan Z, jadinya 2di mana kementerian-kementerian yang berkenaan ini mempunyai waktu untuk mengerjakan pekerjaannya seharian. Kadang-kadang saya juga *wondering,* dalam duduk di sini, kita harus lebih praktikal.

Jadi barangkali kita harus membantu rakan-rakan kita di sebelah sini supaya mereka dapat mengerjakan atau mengusahakan projek-projek. Tadi kita berdoa kepada mereka supaya projek-projek itu akan berjalan dengan lancar dan teratur, إِنْ شَاءَ اللهُ. Tetapi kalau sekiranya mereka *derail* dengan perkara-perkara yang ini harus dilihat dahulu, ini harus dilihat dahulu, jadi di mana waktunya akan *one time* 'kitani' mengucap ia harus menggunakan pegawai-pegawai dengan efisien tapi kalau pegawai-pegawai itu harus melaksanakan sesuatu perkara yang tidak ada hubungannnya dengan pekerjaannya dengan projek yang dilaksanakannya, bagaimana? *Where is their efficiency?*

Tetapi walau bagaimanapun, saya pulangkanlah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan dan juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sebagaimana yang saya nyatakan, saya tidak mahu turut campur mengenai perkara ini tetapi saya terpanggil untuk memberikan *observation from time to time*.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memberikan responsnya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, sebelum saya menjawab soalan-soalan yang baru tersebut, saya ingin membuat pembetulan setelah apabila merujuk kepada peraturan lalu lintas tadi yang mana denda bagi kesalahan kedua adalah $200 ribu, *typo error* ia hanyalah $20 ribu.

Berpindah kepada soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai *Framework Child Protection.* Untuk makluman, memang pihak kementerian melalui *AITI* dan juga melalui *ITU* telah menyediakan *framework* tersebut yang mana telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengimplementasinya, إِنْ شَاءَ اللهُ akan bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengetahui status pelaksanaan *framework* tersebut.

Namun begitu, *MTIC* melalui *AITI* juga melaksanakan inisiatifnya tersendiri iaitu *Child Online Protection National Framework* yang telah disediakan

dengan bantuan *ITU* tersebut yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Peguam Negara, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei dan *ITPSS*.

Selain itu, *AITI* juga sentiasa aktif mengadakan program-programnya yang tersendiri seperti *awareness* di sekolah-sekolah termasuklah membuat buku untuk kanak-kanak dan untuk pelajar tentang apa yang diperlukan dan dilakukan sebelum membuat sebarang aktiviti di dalam talian. Ini juga termasuk menyediakan *video awareness* untuk kanak-kanak dan juga ibu bapa tentang cara memantau dan perkara yang perlu dipantau apabila anak-anak membuat aktiviti-aktiviti secara *online*. Inisitatif-inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama rapat bersama *ITPSS* bagi memastikan kanak-kanak tahu apa yang perlu dilakukan apabila mereka membuat aktiviti secara *online*.

CSB (Cyber Security Brunei) sendiri juga mengadakan program-program *outreach* yang menyasarkan golongan remaja dan kanak-kanak. Pada tahun 2023, *CSB* telah mengadakan program-program hampir 50 buah sekolah dengan melibatkan lebih kurang sejumlah 5 ribu pelajar. Untuk kemudahan rujukan dan memberikan kesedaran yang berterusan kepada orang ramai, tajuk-tajuk yang termasuk dalam program kesedaran yang dikelolakan atau 'diungkayahkan' oleh *CSB* bolehlah diperolehi melalui laman sesawang yang telah disediakan *www.secureverifyconnect.info*.

CSB dan *ITPSS* juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui Program SINAR yang 'diungkayahkan' oleh berbagai kementerian dan jabatan termasuk Kementerian Pendidikan, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik untuk 'membarigakan' kesedaran kepada golongan remaja dan kanak-kanak khususnya mengenai isu-isu berkaitan dengan *cyber bullying, sexual bullying* dan juga *internet addiction*. Dalam masa yang sama juga, *CSB* bekerjasama dengan membantu Jabatan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan untuk memasukkan *content* yang bersesuaian ke dalam kurikulum pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah iaitu di antara pacuan untuk menerapkan nilai-nilai seperti keselamatan atas talian yang diteruskan dari semasa ke semasa.

Untuk perhatian bersama, jika sekiranya terdapat kes-kes jenayah terhadap remaja atau kanak-kanak, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Bahagian Jenayah atau menghadapkan kepada pihak *CSB* untuk membuatkan siasatan digital. Itu sahaja jawapan kaola kepada soalan dan saranan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai proses mendapatkan lesen

memandu dalam kalangan warga asing. Memang diakui perubahan proses dalam meluluskan lesen warga asing yang mana dulu hanya di*endorse* tetapi sekarang perlu melalui ujian. Ini adalah mengenai dengan peningkatan jumlah kes-kes kemalangan melibatkan warga-warga asing.

Oleh kerana itulah diperkuatkan peraturan tersebut untuk melibatkan warga-warga asing melalui ujian di negara 'kitani'. Difahami mengenai keluhan yang dikongsikan ialah mengenai bahasa. Menguasai bahasa juga merupakan elemen keselamatan seperti dapat membaca papan-papan tanda 'kitani', yang berbahasa Inggeris ataupun Melayu. Tetapi pada masa ini, bahasa rasmi negara kita ialah bahasa Melayu dan juga diserapkan kepada peraturan mengenai tanda-tanda lalu lintas seperti dalam Bab 82 (1) mempersyaratkan "Bahasa Rasmi Negeri ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis.

Dalam pada itu, alternatif bagi soalan-soalan ujian tersebut juga disediakan di dalam bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa yang diguna pakai kebanyakan negara termasuk negara-negara *Commonwealth.*

Di sinilah timbul masalah sekiranya bahasa Melayu pun 'inda' pandai, bahasa Inggeris pun 'inda' pandai, tetapi 'inda jua karang' kalau ada terdapat 50 jenis warga asing datang, terpaksa juga menyediakan 50 jenis bahasa. Namun begitu, kita akan menunduki bagaimana boleh membantu jika terdapat warga asing tidak dapat menguasai 2 bahasa utama ini pada masa hadapan.

Selanjutnya, mengenai soalan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann mengenai perancangan kementerian khususnya MKKJR untuk memperluaskan lagi kesedaran keselamatan dan juga usaha-usaha meningkatkan kesedaran. Dikongsikan melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, kumpulan-kumpulan tindakan atau *action groups* adalah terdiri daripada agensi-agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Pengangkutan Darat, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain bagi melaksanakan tindakan-tindakan yang berunsur *action orientated* mengikut sasaran yang telah ditetapkan oleh Pelan Strategik MKKJR 2035.

Antara pelan pelaksanaan yang melibatkan kerjasama bersama Kementerian Pendidikan adalah mengendalikan Program Inisiatif Keselamatan Jalan Raya bersama insitusi pendidikan yang bertujuan untuk menyemai pengetahuan asas keselamatan jalan raya pada murid-murid di peringkat rendah.

Antara program yang telah diselenggarakan adalah seperti berikut:

1. Mengadakan Kuiz Keselamatan Jalan Raya;

2. Pertandingan Mencipta Video Keselamatan Jalan Raya; dan

3. Mengadakan Peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya.

Kerjasama juga diadakan dengan Kementerian Pendidikan dalam menerbitkan sebuah buku bacaan iaitu Adab Keselamatan Jalan Raya telah pun dilancarkan. Buku-buku ini mengandungi 6 jilid dan telah diterbitkan untuk anak-anak murid sekolah rendah dan juga pihak urus setia MKKJR juga sering hadir ke sekolah-sekolah rendah sama ada sekolah kerajaan dan swasta untuk memberikan taklimat keselamatan jalan raya.

Dalam menambahkan lagi usaha yang telah dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai, pada setiap tahun, minggu ketiga bulan November, MKKJR akan mengadakan Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Jalan Raya Sedunia. Antara aktiviti yang diadakan oleh MKKJR semasa sambutan tersebut adalah dengan mengadakan jerayawara atau kempen keselamatan jalan raya dengan berkolaborasi bersama syarikat-syarikat seperti *BLNG, BSP, BSM, UNN* dan lain-lain.

Selanjutnya sebagai Negara Zikir, beberapa inisiatif dan aturcara berbentuk keugamaan juga telah 'diungkayahkan' bagi memperingati mangsa-mangsa lalu lintas jalan raya seperti:

i. Meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya melalui khutbah Jumaat.;

ii. Mengadakan Ratib Al-Attas serta Solat Sunat Hajat.;

iii. Membaca Surah Yaasin.; dan

iv. Mengadakan Malam Munajat dianjurkan bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kelolaan MKKJR.

Seterusnya, menyentuh mengenai soalan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang bertanyakan statistik itu, Yang Berhormat Pengerusi. Boleh dikongsikan di sini bahawa terdapat beberapa syarikat-syarikat pengangkutan bas awam yang beroperasi pada masa ini.

So, bus awam *inter-district* adalah sebanyak 5 buah pengusaha di Daerah Brunei-Muara yang mengoperasikan 6 laluan iaitu *Northern Line, Southern Line, Eastern Line, Circle Line* dan *Central Business Line*. Bagi Daerah Belait terdapat 1 pengusaha yang mengoperasi 2 laluan iaitu Laluan Keliling Kuala Belait dan Laluan Keliling Seria. Ketiga, bas awam *inter-district* terdapat 5 pengusaha bagi laluan Bandar Seri Begawan dan Seria.

Seperti mana dikongsikan dalam mukadimah *in terms of* hala tuju ke hadapan kita akan memperkenalkan *model* pengangkutan awam secara 3 peringkat *(3 tiers)* iaitu *bus core network,*

on-demand share rides dan juga *on-demand taxi* seperti *Dart services.*

Ini adalah penambahbaikan dan juga dikongsikan di sini walaupun disebutkan beberapa pengusaha bas yang awal tersebut tadi sebenarnya masa ini mereka tidak beroperasi mengikut ikatan kontrak atau piawaian perkhidmatan. Inilah lagi satu penambahbaikan yang akan dikongsikan masa depan. *In terms of* jumlah bas, tertakluk kepada jumlah bas tetapi *availability* dan *connectivity* yang disediakan. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Seterusnya, bagi soalan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan mengenai kemudahan pengangkutan di Kampong Ayer ini. Diakui ia tidaklah ditunduki secara dekat oleh pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta juga *MBAPD* dari segi kawalan operasi bot-bot tambang dan bot servis akan tetapi perkembangan baru ini yang juga dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ialah *service on-demand, GoMamam* di Kampong Ayer. Apabila mengetahui dengan kemudahan ini ia juga boleh digunakan aplikasi tersebut untuk memanggil perahu tambang. So, ini adalah salah satu *probably* masa hadapan ia boleh diperkembangkan servis seperti tersebut di mana *on-demand service* ini bukan hanya untuk perkhidmatan teksi atau pengangkutan di darat tetapi juga untuk perahu-perahu tambang di Kampong Ayer.

Seterusnya, berpindah kepada soalan Yang Berhormat Awang Lau How Teck yang menyentuh mengenai satu, tidak silap tadi perkhidmatan teksi di Lapangan Terbang Antarabangsa. Memang perkara ini akan ditunduki secara menyeluruh melalui strategi penambahbaikan pengangkutan awam *(Brunei Smart Mobility Expo)* yang telah dikongsikan jua di dalam mukadimah.

Berhubung dengan *Muara Port* memang pada masa ini terdapat *bottleneck* memandangkan industri hiliran juga menggunakan *current Muara Port* bagi tujuan eksportnya. Oleh yang demikianlah, kenapa *MPC* sekarang merancangkan untuk meng*extend* kemampuan untuk mengendalikan perkapalan dan kargo di *Muara Port*. Itulah sahaja yang dapat dijawab dulu Yang Berhormat Pengerusi dan sekiranya dapat disusuli juga dengan jawapan bertulis jika mana yang tertinggal. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita telah pun mendengar perbahasan di bawah Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan saya kira cukuplah dulu kita membahaskan mengenai tajuk-tajuk di bawah kementsserian ini.

Maka saya berpendapat sesuailah Tajuk SN01A hingga SN09A ini kita undi. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk SN01A hingga SN09A diluluskan dan kita beralih ke Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SN01A hingga SN09A bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa sekarang berpindah untuk membincangkan Tajuk di bawah Kemajuan.

Sebelum Tajuk SP01A - Kemajuan ini dibuka untuk dibahaskan seperti lazimnya saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk menyampaikan penerangannya tentang Belanjawan Kemajuan yang disediakan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana yang telah kaola sampaikan semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 pada 29 Februari yang lalu.

Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan sebanyak 305 buah projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN-12) dengan Harga Rancangan sebanyak $4 bilion untuk dilaksanakan mulai daripada Tahun Kewangan 2024/2025 hingga Tahun Kewangan 2029/2030.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dengan berkat daulat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerjasama padu secara *whole of government approach,* projek-projek yang telah diluluskan disasarkan akan dapat menyumbang kepada kemajuan-kemajuan untuk mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 teruatamanya bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk dan meningkatkan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam yang berterusan.

Sebelum kaola membentangkan peruntukan bagi RKN-12, izinkan kaola terlebih dahulu mengongsikan prestasi kemajuan 221 projek di bawah RKN-11 setakat 29 Februari 2024. Secara keseluruhan sebanyak 153 projek RKN-11 akan ditunda ke RKN-12, antaranya mengambil kira perkara-perkara berikut,

sebanyak 54 projek telah siap dilaksanakan.

Projek-projek ini ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk, meningkatkan aktiviti perekonomian negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, meningkatkan *accessibility* kemudahan-kemudahan asas dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti dari segi *efficiency* dan keberhasilan negara.

Antara projek-projek tersebut adalah seperti berikut, membukakan kawasan penanaman padi secara komersial, berkeluasan 500 hektar kawasan Kandol Daerah Belait Fasa 2, pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong, bangunan tambahan Sekolah Menengah Menglait, pembinaan jejambat di Lebuh raya Muara-Tutong, persimpangan Perumahan Kampung Lugu, 10 buah projek-projek elektrik seperti Pengukuhan Rangkaian Sistem 11KV/415V bagi kawasan Jalan Pasar Gadong dan sekitarnya dan pengukuhan sistem rangkaian 11KV dari *substation* 66kV/11kV Pasir Puteh hingga JKR *Package Unit* Serambangun Mukim Tanjung Maya dan kawasan sekitarnya di Daerah Tutong. Pembinaan blok baru Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong, blok penjagaan kesihatan asasi, menaiktaraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah fasa 2, projek-projek penggantian paip-paip air, kajian dan pengurusan terperinci pembahagian *non-revenue water*, projek-projek transformasi digital seperti Sistem Kebajikan Negara dan *Central Account Password Privilege Management Platform*.

Seterusnya, sebanyak 72 projek sedang dalam pelaksanaan *(in progress)* yang mana sebanyak 57 daripadanya akan ditunda ke RKN-12. Sebanyak 7 projek sumber tenaga manusia tidak lagi disediakan di bawah RKN kerana sudah dibiayai di bawah Peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian yang berkenaan mengambil kira inisiatif pembangunan sumber tenaga manusia perlu diadakan secara berterusan.

Projek-projek tersebut termasuk 5 projek sumber tenaga manusia seperti program *I-Ready* di bawah *Manpower Planning and Employment Council,* satu projek *Civil Service Leadership Pipeline* di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan satu projek Biasiswa Pendidikan Teknikal Vokasional di bawah Kementerian Pendidikan. Manakala 8 selebihnya tidak ditunda ke RKN-12.

Sebanyak 95 projek lain masih dalam pelbagai peringkat awal penyediaan seperti perancangan, tawaran dan reka bentuk, yang mana sebanyak 86 daripadanya akan ditunda ke RKN-12. Manakala sebanyak 9 projek tidak ditunda ke RKN-12, antara lainnya mengambil kira perubahan perancangan ataupun penyerapan ke dalam projek-projek lain secara *consolidation* dan selebihnya diteliti semula pelaksanaanya. Sebagai kesinambungan, RKN-12 akan

memfokuskan kepada projek-projek berikut:

1. Projek yang berwawasan ataupun *visionary* dan *flagship* serta mempunyai ciri-ciri matlamat jangka panjang bagi menjamin kesejahteraan generasi akan datang; dan

2. Projek yang mendatangkan impak tinggi dan dapat merubah corak dan pencapaian sosioekonomi negara ataupun *game changer.*

Demi mencapai sasaran keberhasilan Wawasan Brunei 2035, sebanyak 8 objektif RKN-12 telah ditetapkan seperti berikut:

1. Meningkatkan kemahiran dan kepakaran sumber manusia tempatan;

2. Menyumbang kepada transformasi digital ke arah meningkatkan daya inovasi dan tahap prduktiviti negara;

3. Meningkatkan pertubuhan ekonomi;

4. Meningkatkan aktiviti perdagangan khususnya pengeksportan produk dari sektor bukan minyak dan gas;

5. Pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat ke arah meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk;

6. Memanfaatkan pembiayaan secara alternatif seperti *public private partnership* dan meperluas sumbangan dan kerjasama dari pihak-pihak yang berkepentingan dari bukan sektor kerajaan seperti *GLC's* dan *FDI's;*

7. Meningkatkan sekuriti ataupun keselamatan negara dari ancaman-ancaman keselamatan seperti ancaman di sempadan, siber dan sebagainya; dan

8. Menyumbang kepada kelastarian alam sekitar.

Bagi tempoh RKN-12, jumlah harga rancangan yang telah diluluskan ialah sebanyak $4 bilion untuk membiayai 305 projek iaitu $1.7 bilion bagi 153 projek tunda dan $2.3 bilion bagi 152 projek baharu.

Manakala bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, sejumlah $500 juta telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan di bawah RKN-12. Disebalik situasi fiskal yang mencabar pada masa ini, peruntukan besar yang disediakan di bawah RKN-12 ini dihasratkan sebagai *investment in our future* di mana projek-projek yang telah dicadangkan akan membantu meningkatkan efisiensi dan produktiviti pihak-pihak yang berkenaan di samping mengurangkan perbelanjaan secara jangka masa panjang.

Yang Berhormat Pengerusi, semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan, 2024/2025 sebelum ini, kaola telah mengongsikan peruntukan bagi beberapa projek RKN yang telah disediakan.

Oleh itu, kaola tidak akan mengulanginya lagi dan akan menyebutkan secara ringkas sahaja di sini. Daripada Harga Rancangan sebanyak $4 bilion dan peruntukan sebanyak $500 juta yang telah disediakan mengikut kluster:

1. Mengukuhkan keselamatan negara disediakan Harga Rancangan sejumlah $974.1 juta dengan peruntukan sebanyak $134.8 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

2. Mengukuhkan kemudahan akses pendidikan disediakan Harga Rancangan sebanyak $472.3 juta dengan peruntukan sebanyak $43.6 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

3. Meningkatkan dan mengukuhkan bekalan elektrik disediakan Harga Rancangan sejumlah $400 juta dengan peruntukan sebanyak $34.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

4. Meningkatkan penyediaan perumahan disediakan Harga Rancangan sejumlah $309.8 juta dengan peruntukan sebanyak $41.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

5. Mengukuhkan sekuriti makanan disediakan Harga Rancangan sejumlah $257.7 juta dengan peruntukan sebanyak $43.7 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

6. Menyediakan prasarana untuk kesihatan yang baik disediakan Harga Rancangan sejumlah $256.5 juta dengan peruntukan sebanyak $3.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

7. Meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam disediakan Harga Rancangan sejumlah $243.5 juta dengan peruntukan sebanyak $10.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

8. Mengukuhkan infrastruktur *ICT* disediakan Harga Rancangan sejumlah $233.9 juta dengan peruntukan sebanyak $55.5 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

9. Menyediakan pembekalan air bersih disediakan Harga Rancangan sejumlah $226.6 juta dengan peruntukan sebanyak $43.1 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

10. Kemudahan awam untuk urusan melalui jalan darat disediakan Harga Rancangan sejumlah $114.8 juta dengan peruntukan sebanyak $23.4 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

11. Memantapkan kecekapan sistem pengangkutan disediakan dengan Harga Rancangan sejumlah $93.7

juta dengan peruntukan sebanyak $20.7 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

12. Mengukuhkan perkembangan Syiar Islam disediakan Harga Rancangan sejumlah $64.3 juta dengan peruntukan sebanyak $10.1 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.;

13. Menangani risiko menghadapi bencana alam disediakan Harga Rancangan sejumlah $62.5 juta dengan peruntukan sebanyak $6.3 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.; dan

14. Menangani perubahan iklim disediakan Harga Rancangan sejumlah $52.6 juta dengan peruntukan sebanyak $526.1 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025;

Untuk Kajian disediakan Harga Rancangan sejumlah $48.4 juta dengan peruntukan sebanyak $1.9 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Pembangunan Industri disediakan harga rancangan sejumlah $43.8 juta dengan peruntukan sebanyak $1.1 juta bagi tahun 2024/2025. Memajukan Industri Pelancongan disediakan harga rancangan sejumlah $36.4 juta dengan peruntukan sebanyak $7.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Menaik taraf dan Meningkatkan Kadar Penyambungan Sistem Pembetungan dan Menjaga Kualiti Air Sungai-Sungai disediakan Harga Rancangan sejumlah $34.5 juta dengan peruntukan sebanyak $4.2 juta bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Mengukuhkan Kelestarian Alam Sekitar disediakan Harga Rancangan $19.2 juta dengan peruntukan sebanyak $692.9 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Penyediaan Pelan Induk seperti Pelan Induk Sanitasi dan Pembetungan bagi Negara Brunei Darussalam, Pelan Daerah Brunei Muara disediakan harga rancangan $13.8 juta dengan peruntukan sebanyak $271.8 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Memantapkan Pembangunan Sumber Manusia disediakan harga rancangan sejumlah $6.6 juta dengan peruntukan sebanyak $66.1 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Mengukuhkan Pusat-Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi disediakan harga rancangan $1.5 juta dengan peruntukan sebanyak $150 ribu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dan di samping itu, Peruntukan di bawah Simpanan Gagasan juga disediakan Harga Rancangan $33.6 juta dengan peruntukan sebanyak $11.7 juta bagi keperluan-keperluan segera yang diluar jangkaan.

Yang Berhormat Pengerusi, sepertimana kelazimannya Jawatankuasa Kerja RKN akan terus memantau kemajuan Projek-Projek RKN di samping lawatan ke tapak-tapak projek dan pemantaun di peringkat pegawai di Bahagian RKN Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan pegawai fokal di setiap kementerian pelaksanaan projek.

Dengan bertambahnya jumlah projek daripada 221 projek dalam RKN Ke-11 ke 305 projek dalam RKN Ke-12,

إِنْ شَاءَ اللهُ diharap akan memberikan peluang yang sangat berharga kepada semua pihak termasuk pihak swasta dalam sama-sama menyumbang bagi kemajuan Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, kejayaan pelaksanaan RKN Ke-12 memerlukan kerjasama padu antara semua kementerian-kementerian serta agensi-agensi bukan kerajaan termasuk sektor swasta dalam sama-sama berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar, sempurna, berkualiti dan mengikut perancangan masa yang telah ditetapkan serta berpandukan piawaian-piawaian dan amalan terbaik antarabangsa ke arah kejayaan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi, sekianlah yang dapat kaola kongsikan dalam mukadimah dalam pembentangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 bagi Tahun Kewangan 2024/2025. إِنْ شَاءَ اللهُ, apa jua persoalan yang berkaitan dengtan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini, kaola yakin rakan-rakan sejawat kaola sudah setentunya akan dapat memberikan penjelasan lanjut selaku agensi-agensi pelaksana projek-projek kementerian masing-masing. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلهِ, kita mengucapkan teima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas penerangan yang cukup jelas dan terperinci berkenaan dengan penyediaan Belanjawan Kemajuan ini.

Sungguhpun perkara ini sedikit sebanyak kita percakapkan dan perbahaskan dalam kita melihat Rang Perbekalan yang telah kita luluskan bagi Tahun 2024/2025, banyak perkara-perkara mengenai Kemajuan ini telah pun ditimbulkan dan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan telah pun menjawab soalan yang berkenaan itu dengan tepat, maka untuk memenuhi keperluan penubuhan *Standing Order* kita, saya perlulah membukakan tajuk SP01A ini untuk dibahaskan.

Seperti yang lazimnya, saya akan menjemput beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk mengemukakan soalan dan seterusnya saya akan mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan jawapan atau responnya sama ada untuk dijawab sekarang atau dijawab secara bertulis kemudian nanti. Untuk memulakan, saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih**,** Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan Tajuk 1213 Mengukuhkan Infrastruktur *ICT,* kaola sukacita menyuarakan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian.

Penggunaan *ICT* dalam kalangan masyarakat semakin meningkat bukan hanya di kawasan bandar mahupun luar bandar, ia sudah menjadi keperluan penting bagi memudahkan urusan pernigaan serta sosial. Namun pada itu, cabaran bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan *ICT* bagi memenuhi permintaan pelanggan memerlukan infrastruktur yang serba lengkap dengan sistem teknologi terkini.

Apakah projek-projek ini memberi tumpuan kepada penambahan menara pancaran di kawasan-kawsan *low signal receiver* khususnya kawasan pedalaman. Sepertimana yang sedia kita maklum, *UNN* (*United Nation Network*) telah memulakan lonjakan besar dengan visi digitalnya dengan pembinaan salah satu pusat data paling maju di Asia Tenggara pada Mac 2023. Kemudahan Pusat Data 51 ribu kaki persegi yang diperakui mampu menjadi hos pelbagai aplikasi dan perkhidmatan mesin kritikal daripada perkhidmatan kewangan kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kerajaan serta membolehkan penggunaan *low latency gaming dan cloud service.* Kaola ingin tahu apakah perkembangannya sekarang?

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita teruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan pembentangan Harga Rancangan Kemajuan sebentar tadi. Kaola sukacita merujuk Anggaran Perbelanjaan Kemajuan dengan KOD 1208-001 iaitu memantapkan kecekapan sistem pengangkutan awam yang berjumlah lebih kurang $4.7 juta.

Perkara sistem pengangkutan awam khususnya bas awam sudah kaola bangkitkan pada sesi MMN 2023 tahun lepas. Kaola juga memberi pendapat penyebab antara kenapa orang ramai masih merungut sebab lama menunggu di perhentian bas adalah disebabkan sistem pengangkutan bas awam 'kitani' sejak dari dulu lagi tidak berkesan dan tidak cekap. Kalau 'abiskaola' diizinkan mengemaskini tajuk rancangan ini kepada memperbaiki sistem pengangkutan awam dan bukannya

memantapkan kecekapannya sebab setakat ini sistem memang tidak cekap.

Setelah 1 tahun berlalu, belum juga nampak perubahan walaupun sedikit mengenai usaha-usaha 'mengusai' sistem bas awam negara. Yang didengar hanyalah *survey* dikelilingkan dan juga dokumen "*request for information (RFI)* dikeluarkan baru-baru ini yang bertajuk '*Smart Public Transport and Mobility System for Brunei Darussalam - CORE BUS NETWORK SERVICES*' Itupun ia dikeluarkan 10 bulan setelah berakhirnya sesi MMN tahun lepas.

Kaola rasa dengan kelajuan tindakan sebegini yang perlahan, ia akan melambatkan usaha pembaikan sistem bas awam dan dengan hanya peruntukan RKN 12 berjumlah $4.7 juta apa yang dapat 'kitani' boleh buat dalam masa terdekat. Ramai yang 'kitani' lihat mengharapkan sistem pengangkutan yang moden dan cekap. Dan ramai juga yang 'kitani' lihat masih menunggu lama di *bus stop*. Kemusykilan kaola, pendekatan apakah yang dicari oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Apa yang kaola baca dari dokumen *RFI* itu tadi tidak banyak perubahan dari apa yang telah dahulunya dirancang. Bagi kaola, sana dan sini pun sistem mesti juga sama seperti apa yang 'kitani' alami dinegara jiran apabila 'kitani' bercuti dan sebagainya. Untuk sistem pintar, mesti ada sistem untuk kawal pergerakan bas dengan kemudahan IT yang boleh membantu pengguna tidak menunggu lama di *bus stop* dan tidak membuang masa mereka.

Jenis bas pula mesti ada yang mesra warga orang kurang upaya (OKU). Rangkaian bas atau *bus routing* pun mesti yang bersaling hubung dan banyak lagi. Kaola rasa tidak perlunya ada *survey* lagi sebab jawapan yang kita cari sudah ada 'kitani' alami. Dengan sistem pintar dan sebagainya yang kaola nyatakan di atas, ia sudah menepati kehendak orang ramai, pelancong, orang yang kurang berkemampuan untuk dapat bergerak sana sini.

Dengan adanya sistem yang cekap nanti, ia bukan sahaja sebagai dukungan kepada sektor-sektor lain dan ekonomi negara tetapi ia juga akan menyumbang kepada *spin off effect* yang lain sangat berharga dan bermanfaat untuk rakyat dan negara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية .وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan sebentar tadi peruntukan kemajuan 2024/2025. Kaola menyokong Anggaran Belanjawan Kemajuan 2024/2025 dengan jumlah yang tidak berbeza daripada belanjawan 2023/2024. أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Beberapa tajuk penting masih diberi keutamaan pada tahun ini bagi mengukuhkan kemudahan akses pendidikan sebanyak $43,575, 812 telah diperuntukan. Kaola berharap di bawah tajuk ini peruntukan akan digunakan bagi memulakan pembinaan sekolah-sekolah baharu seperti yang telah tersenarai.

Sekolah baharu seeloknya dibina sebagai bangunan yang *energy efficient* dengan mengunakan tenaga solar. Untuk itu bangunan sekolah yang hendak dibina hendaklah dibina bagi membolehkan *solar panel* dipasang. Ini akan memantapkan lagi usaha pihak kerajaan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektik iaitu usaha ke arah *energy saving*.

Di samping itu, kaola berharap sekolah-sekolah yang ada sekarang perlu juga diberi perhatian kerana sebahagiannya perlu pembaikan segera. Kebanyakan sekolah-sekolah ini telah berusia lebih daripada 30 tahun dan pemeriksaan ke atas struktur dan *safety feature*snya diharapkan sudah dilaksanakan ke atas bangunan-bangunan ini. Satu tajuk yang juga seharusnya sentiasa dalam belanjawan kemajuan ialah Tajuk 1205 - Meningkatkan Penyediaan Perumahan. Selagi kita belum dapat mencari alternatif dalam penyediaan perumahan maka tanggungjawab itu adalah atas kerajaan.

Adalah diramalkan jika pendapatan sebenar atau *real household income* tidak meningkat atau masih ramai yang dalam lingkungan kemiskinan atau tidak miskin ataupun mereka tidak miskin tetapi tidak mampu, kebergantungan kepada kerajaan bagi perumahan akan bertambah dan bukan setakat itu sahaja malah dalam hal-hal lain pun mereka akan bergantung kepada kerajaan. Ini senario yang membimbangkan dan tidak boleh diambil ringan dan hanya dijadikan bahan perbincangan dari tahun ke tahun. Mudah-mudahan usaha kita mengenalkan banyak dasar dan tindakan untuk memperbaiki sosioekonomi kita hasilnya dapat meringankan *'it hurts most'* iaitu *'the pocket of ordinary people'*. Adakah kajian telah dibuat? Sejauh mana *we are better off now than yesterday.*

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga menyentuh mengenai Tajuk 1211 iaitu Memajukan Industri Pelancongan sepertimana telah kaola nyatakan sebelum ini adalah terlalu kecil kalau kita bersungguh untuk memajukan industri pelancongan ini. *To stay ahead* dalam industri ini kita mesti melabur secukupnya. Kaola berpendapat apabila ia sudah mantap, industri ini akan berkembang dengan sendirinya dan

pulangannya juga akan berganda. Kaola melihat dikebanyakan negara sebaik saja COVID-19 berakhir industri pelancongan adalah antara industri pertama yang dikembangkan dengan hasil yang memberi pulangan yang besar kepada negara berkenaan. Jadi, kaola berharap peruntukan bagi industri ini akan dapat dikaji dan ditambah pada masa akan datang.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai Tajuk 1216 - Kemudahan Awam Untuk Urusan Melalui Jalan Raya. Rangkaian jalan raya yang efisien, selamat dan berkualiti adalah penting bukan saja bagi tujuan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat bahkan memainkan peranan yang besar dalam memajukan negara dengan menjadikan beberapa kawasan terbuka (*accessible*). Ini akan menjana pertumbuhan di kawasan-kawasan yang terdapatnya jalan raya.

Dalam hubungan ini, kaola menyokong Tajuk 1221 - Pelan Induk kerana dengan adanya peruntukan ini pembesaran kawasan *urban* dan pembukaan kawasan *rural* mudah dirancang seperti di mana hendak menempatkan projek *infrastructure* industri tertentu ataupun kawasan perumahan baharu dan penggunaan tanah bagi pertumbuhan ekonomi.

Berbalik kepada isu jalan raya, pihak berkenaan juga diharap dapat memberi perhatian jalan-jalan di kawasan *shopping complexes* yang banyak rosak dan tidak diketahui pihak mana yang patutnya membaikinya. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama membincangkan berhubung kait dengan Rancangan Kemajuan Negara. Terima kasih juga diucapkan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan peruntukan Kemajuan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola sangat mengalu-alukan dan menghargai Projek Kemajuan

Negara di bawah Kemajuan Negara yang telah dikenal pasti lebih memfokuskan keutamaan dalam usaha menggerakkan pertumbuhan mempelbagaikan ekonomi negara, meningkatkan ekosistem perniagaan dan perlaburan yang lebih kondusif. Dalam usaha kita bersama, mudah-mudahan akan lebih banyak lagi pelaburan yang berskala besar ke negara ini serta sekali gus dapat mendatangkan impak sosioekonomi yang signifikan.

Begitu juga dari aspek pelbagai infrastruktur insiatif-inisiatif dirancangkan akan terus dilaksanakan semata-mata untuk menambah baik serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan fasiliti-fasiliti semata-mata untuk menjaga kesejahteraan, kebajikan, keselesaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam suasana kehidupan yang aman damai, makmur serta penuh keharmonian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Apa yang kita harapkan segala projek-projek dan insiatif-inisiatif yang dirancangkan dalam RKN ini akan dapat disediakan, dipantau secara terus menerus sehingga terlaksana dan direalisasikan dengan penuh kesempurnaan mengikut piawaian atau spesifik yang ditetapkan dalam tempoh masa rancangan yang ditentukan.

Ini sudah setentunya memerlukan pegawai-pegawai dan semua *stakeholders* yang berkaitan sangat bersungguh-sungguh komited, dedikasi, berintegrasi, lutanan serta penuh bertanggungjawab dalam memastikan apa juga projek dan inisiatif dirancangkan sehingga mencapai kualiti yang disasarkan dan kejayaan yang kita banggakan semua. Sebarang kecacatan projek bukan sahaja merugikan pihak kerajaan bahkan menjejaskan harapan dan perkhidmatan dan kesejahteraan orang ramai tetapi juga *stakeholders* yang berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seperti pengalaman sebelum ini ada terdapat beberapa projek disiapkan dalan keadaan yang tidak memuaskan, ada juga sehingga diiktirafkan *not fit to stay* atau *live* dan ada juga kadang kala beberapa buah projek terpaksa ditunda dari semasa ke semasa.

Dalam perkara ini, sebagai pengajaran kita bersama, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah strategi dan inisiatif-inisiatif dalam kita bersama-sama memastikan setiap projek dan rancangan kemajuan akan 'kitani' laksanakan dengan berkualiti mengikut piawaian atau *specification* yang ditentukan serta dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditentukan. Kaola di sini ingin menyentuh tentang Pusat Kesihatan Pandan, Daerah Belait.

Ia termasuk dalam senarai Rancangan Kemajuaan Negara ke-11, tetapi sehingga kini tidak dapat direalisasikan. Sedangkan projek ini telah dikenal pasti

tentang keperluannya bukan sahaja memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sekitarnya tetapi juga untuk mengurangkan kesesakan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Projek tersebut juga berasaskan kepada sokongan daripada pelan induk infrastruktur dan sistem kesihatan Negara Brunei Darussalam dan memenuhi kehendak kaedah *Universal Health Coverage* yang bermotifkan "*accessibility, equality dan operability*". Dalam hal ini, apakah kedudukan projek pusat Kesihatan tersebut? Adakah ia dinilai tidak lagi diperlukan atau tidak diutamakan? Sedangkan masyarakat di sekitarnya 'menunggu-nunggu' terhadap pusat kesihatan yang telah dirancangkan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekali lagi, kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Kaola bercakap berkenaan dengan Tajuk 1211 - Memajukan Industri Pelancongan. Difahamkan sebanyak $7,214,876 juta telah disediakan di bawah tajuk ini. Sepertimana yang kita sedia maklum, industri pelancongan Negara Brunei Darussalam tidak kurang hebatnya berbanding dengan negara-negara lain. Keunikan budaya dan warisan sejarah yang dimiliki mampu menarik ramai pelawat dan pelancong datang ke negara kita.

Selain itu, negara kita juga menawarkan tempat-tempat lawatan yang mempunyai nilai dalam mewarnakan industri pelancongan tempatan. Dalam pada itu, penglibatan masyarakat kita juga memberikan impak ketara kepada kemajuan industri pelancongan seperti menawarkan pakej-pakej lawatan, membuka tempat-tempat lawatan yang menaiktarafkan di kawasan kampung dan menyediakan perkhidmatan *homestay.* Ada di antaranya sudah beroperasi sekian lama dan masih bertahan sehingga sekarang.

Namun pada itu, usaha-usaha dan inisiatif ke arah mewujudkan industri pelancongan tempatan yang mapan dan berdaya maju memerlukan bantuan berterusan daripada pihak kerajaan.

Sehubungan itu, kaola ingin tahu apakah projek-projek RKN-12 di bawah tajuk ini juga memberikan perhatian ke arah menaiktarafkan tempat-tempat lawatan yang ada di kampung-kampung? Jika ada, bolehlah dijelaskan di mana dan apakah jenis projek yang disediakan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Begitulah soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh 5 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan responsnya, saya ingin bertanya kepada 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah menarik diri daripada menyoal, adakah mahu terus membuat soalan ini ataupun tidak lagi?

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Kalau diberi peluang?

Yang Berhormat Pengerusi: Ya silakan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Merujuk pada Tajuk 1223 – Elektrik yang memperuntukkan bajet $34,870,068 juta di bawah RKN-12. Kaola sukacita mengemukakan beberapa perkara iaitu kalau kita lihat masih lagi terdapat saliran elektrik yang menggunakan *overhead cable* terutama sekali di kawasan-kawasan di luar bandar. Sering berlaku kejadian *blackout* disebabkan kayu tumbang menyebabkan bekalan elektrik terputus.

Selain daripada itu, terdapat juga tiang-tiang elektrik yang sudah usang, senget dan ditumbuhi tumbuh-tumbuhan menjalar. Perkara ini sering kita lihat di kawasan-kawasan terpencil seperti jalan-jalan kecil di kampung-kampung dan kadang-kadang menimbulkan masalah *blackout* terutama waktu hujan. Menaik taraf bekalan elektrik di kawasan-kawasan tertentu berdasarkan kapasiti penduduk dan jumlah bangunan rumah yang semakin bertambah.

Kaola ingin tahu apakah projek-projek di bawah RKN-12 ini memberi perhatian tentang perkara-perkara ini, perkara-perkara di atas untuk kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf?

Sekian, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Diucapkan terima kasih kepada 6 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan.

Pertama sekali, terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai dengan *connectivity* terutama sekali di kawasan pedalaman.

Pada masa ini keraja *UNN* ini memang tidak masuk dalam Rancangan Kemajuan Negara, itu perbelanjaan dibiayai oleh *UNN* sendiri iaitu sebuah *Government*

Link Companies. Jadi untuk menjawab juga pada masa ini memang keraja *UNN* itu diteruskan menyambung yang bernama *optic fibre* kepada kawasan-kawasan pedalaman seperti di Mukim Sukang dan sebagainya.

Jadi mengambil kira *accessibility* kepada kawasan pedalaman itu, memang ada cabarannya jadi memang tidak 'terdapat' jalan raya dan sebagainya. Jadi lebih mengambil masa untuk memasang *optic fibre* dan sebagainya. Jadi pada setakat ini *connectivity* dalam negeri bagi *mobile* dan *broadband* telah mencapai lebih daripada 90%. Pada masa ini memang *percentage* ini mungkin akan meningkat lagi pada masa akan datang.

Jadi bagi soalan mengenai dengan *Law Latency Cloud Services* pada masa ini memang *UNN* ada meng*offer cloud services.* Jadi soalan mengenai dengan *low latency* memang 'kitani' sudah memasang *5G* pada masa ini, jadi ini memang sudah *improved* sudah *latency* jadi 'kitani' ikutlah yang *latest technology* lah. Kalau bagi *connectivity* ini memang *5G* ini lebih baik daripada *4G* dari segi *latency.* Dalam dunia pada masa ini, yang paling tinggi 5G jadi 'kitani' sudah ikut *5G* yang *the best latency that we can have* jadi *we cannot do more than that* itu sahaja jawapan kaola.

Jadi bagi soalan kedua daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai pengangkutan awam jadi dengan keizinan Yang Berhormat Pengerusi kemudian rakan sejawat kaola Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha mungkin juga dapat menjawab soalan ini.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, pertama sekali mengenai dengan sekolah supaya dapat dibangun dengan lebih *energy efficient.* Sama juga bangunan-bangunan yang sudah lama dibangun, yang lama dibangun supaya dapat 'kitani' menggunakan *solar energy* dan sebagainya.

Dalam RKN-12 memang 'kitani' diberikan peruntukan sejumlah $50 juta untuk mana-mana projek kalau ada memerlukan untuk di*convert* bangunan yang ada pada masa ini ataupun yang akan dibangun untuk menjadikan satu *green building.*

Peruntukan ini juga boleh digunakan untuk *solar energy* dan sebagainya. Jadi *rainwater collection, energy conservation* dan sebagainya. Jadi jumlah ini memang $50 juta ini bagi kaola memang belum cukup tetapi memang secara permulaan sahaja. Jadi kalau sekiranya sambutan baik, 'kitani' boleh mencari jalan lagi untuk meningkatkan lagi jumlah tersebut.

Jadi mengenai dengan perumahan, mungkin rakan sejawat kaola dari Kementerian Pembangunan. Tetapi tidak ada di sini jadi mungkin kaola akan

mencadangkan untuk menjawab secara bertulis.

Seterusnya, mengenai pelancongan juga rakan sejawat kaola juga tidak ada di sini. Jadi mungkin soalan ini sudah dijawab semasa 'kitani' membentangkan peruntukan di bawah kementerian tersebut. Jadi ada baiknya mungkin rakan sejawat nanti akan menjawab secara bertulis juga dan seterusnya juga sama mengenai dengan jalan raya untuk dijawab secara bertulis nanti.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, mengenai dengan pemantauan projek-projek RKN ini sebenarnya dalam mukadimah kaola tadi, kaola sudah menerangkan cara-cara pasukan RKN di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Cara-cara memantau projek-projek RKN ini termasuk melawat ke tapak-tapak, mengadakan perbincangan dengan kementerian-kementerian secara *ad hoc* ataupun secara berjadual dan juga mengongsikan *knowledge sharing, lessons learned* daripada projek-projek RKN sebelum ini yang mana dapat 'kitani' mempelajari.

Jadi ada juga 'kitani', ada kaola mengongsikan juga dalam pembentangan Kertas Perbekalan 2 ke 3 minggu yang lepas mengenai satu sistem yang 'kitani' akan siapkan. إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilancarkan pada 1 April iaitu *TAFIS 2.0.*

Jadi *module* ini membolehkan 'kitani' memantau projek-projek RKN yang lebih berkesan dan akan meningkatkan lagi cara-cara 'kitani' merancangkan projek-projek di peringkat rancangan, tawaran dan sebagainya. Inilah beberapa langkah-langkah yang 'kitani' telah ambil, memang perkara ini merupakan satu usaha berterusan untuk sama-sama 'kitani' tingkatkan lagi cara 'kitani', memantaukan projek-projek 'kitani'.

Mengenai dengan Pusat Kesihatan di Kampung Pandan pada masa ini 'kitani' tidak lagi menyediakan dalam RKN *because* projek ini akan menggunakan *Public Private Partnership* melibatkan *private sector.* Sama-sama kitani membangun Pusat Kesihatan.

Ini merupakan satu usaha dari Kementerian Kesihatan, jadi mungkin kaola akan kongsikan juga dengan rakan sejawat kaola, Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menjawab secara bertulis juga.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, sama juga soalannya industri pelancongan, soalan ini juga akan dijawab secara bertulis oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai elektrik. Kalau

ada *overhead cable*, kalau sekiranya ada pokok jatuh, putus dan sebagainya.

Ini memang dalam Perbelanjaan Berulang-Ulang untuk 'kitani' *maintenance* dan sebagainya. Bukan dalam bajet RKN, kalau sekiranya ada projek yang memerlukan 'kitani' mengubah lokasi *cable, overhead cable* dan sebagainya.

Di bawah RKN, pada masa ini 'kitani' peruntukan bagi ke Jabatan Elektrik ini sejumlah $400 juta di bawah RKN-12 ini tidak lagi spesifik mana-mana projek yang akan dilaksanakan. Jadi *budget* ini diperuntukkan untuk mana-mana saja. *As and when* juga kalau ada diperlukan mereka boleh menggunakan bajet ini. Jadi daripada 'kitani' khaskan ke beberapa projek ini adalah terikat, peruntukan ini tidak lagi dapat digunakan untuk projek-projek yang *ad hoc.*

Ini kira satu cara yang baharu untuk 'kitani' sediakan untuk elektrik $400 juta untuk mana-mana sahaja kerja yang perlu dibuat untuk meningkatkan lagi *stability* dan *reliability electric supply* di dalam negeri.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Satu soalan mungkin Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi akan menjawab mengenai dengan pengangkutan awam. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhomat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, kerana telah menyuarakan mengenai dengan projek pengangkutan awam ini.

Kaola merujuk juga kepada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, dikongsikan bahawa akan mula merebiu semula pelan-pelan strategik yang telah dilakukan dahulu. Juga dikongsikan bahawa projek RKN mengenai pengangkutan awam yang lepas semasa RKN-11, projek tersebut dibatalkan.

Oleh sebab itu, tidaklah ada peruntukan untuk membuat kerja-kerja setakat ini, untuk membuat cadangan dalam RKN-12 ini. Jika mengikut proses perolehan *(procurement process)* yang betul, *we cannot do tendering and all that* sebelum ada bajet.

Oleh yang demikian, dengan mengambil inisiatif untuk memulakan proses ini awal, proses *Request for Information* telah dikeluarkan. Tujuannya ialah:

1. Untuk mendapatkan maklumat terkini, terutama daripada kaedah teknologi atau peralatan, bukannya

dari sistem. Tetapi because *we only know what we know*. Tujuan untuk mengeluarkan *RFI* ialah untuk mendapatkan maklumat lanjut atau maklumat terkini lagi mungkin terdapat kaedah-kaedah, peralatan atau sistem-sistem yang lebih canggih atau lebih sesuai kepada keadaan negara 'kitani'. Sebab itulah tujuannya *RFI* tersebut.

2. Berhubung dengan *survey* yang dilakukan. Untuk makluman, ia juga sudah disuarakan pada tahun lepas di Majlis ini untuk mengendalikan *survey*. Jadinya mengambil baik cadangan tersebut, kementerian ini juga melakukan *survey* mengenai *public transport*.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Daripada ini masih dalam penelitian, akan tetapi respons-respons menunjukkan *valuable information.* Walaupun hanya sebanyak 1,570 orang responden yang terdiri daripada warga tempatan, tetapi dengan memberi cadangan penambahbaikan pun, *in terms of* kemungkinan 'diaorang' menaiki bas awam masih rendah.

   Itu salah satu perkara yang perlu diambil kiralah juga mengenai *one of the reasons* cadangan yang dahulu dibatalkan. Itulah isu mengenakan *potential viability system*.

Dalam pada itu, *that's why* 'kitani' tidak hanya *when we talk about mobility* ini, tidak hanya bersandarkan kepada bas awam. *That's why* kita mengendalikan mungkin ikut kesesuaian *society* 'kitani' *on demand transportation* ini lebih menarik. Apa yang menjadi *resistance* mengenai kosnya yang dianggap masih tinggi. Itulah di antara perkara-perkara yang akan ditangani. Itulah *the reason* dikeluarkan *RFI* ini untuk mendapat maklumat lanjut mengenainya.

Oleh yang demikianlah juga, selain daripada perbelanjaan $4.7 juta tersebut itu untuk prasarana bas awam. Tetapi *the smart transport system* itu sistem pemboleh untuk kepada *online demand*. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, dengan kerajaan yang menyediakan sistem tersebut boleh menurunkan kos kepada operasi pengangkutan awam ini.

Itulah sahaja dahulu yang dapat dikongsikan dengan perancangan dan sepatutnya dikongsikan juga semasa mukadimah dengan mengumpulkan maklumat yang terdapat ini. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, *Request For Proposal* akan dikeluarkan pertengahan tahun ini.

Di sinilah juga disarankan, *probably* teman-teman perniagaan Ahli Yang Berhormat untuk menunjukkan minat untuk menceburi diri dalam perusahaan pengangkutan ini.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Kita telah pun mendengar perbahasan di bawah Tajuk SP01A – Kemajuan. sekarang saya kira cukuplah kita

membahaskan mengenai dengan tajuk di bawah Belanjawan ini.

Maka saya berpendapat sesuailah Tajuk SP01A - Kemajuan ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Maka Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan dan kita beralih ke tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2024/2025 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1 April 2024.

Maka saya kira Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa tidak perlu dibahaskan. Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Gelaran Pendek dan tarikh Permulaan Berkuat Kuasa Akta ini untuk diluluskan? Yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira adalah sesuai sekarang bagi kita untuk berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Kita telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Jadual bagi Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan dan perbahasan Rang

Undang-Undang ini sehingga ia selesai kita laksanakan.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Sebagai peraturan perundangan di dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Rang ini sekarang akan dibaca bagi kali ketiganya sebelum Rang tersebut dapat kita luluskan untuk dijadikan Akta. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk melaksanakannya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud**

yang tertentu" untuk dibaca bagi kali ketiga.

Adakah Ahli Yang Berhormat yang suka menyokong untuk cadangan ini? Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّه Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. Nampaknya semuanya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara dan tiada ada tentangan. Maka, Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: أَلْحَمْدُ لِلّه Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 dan Akta ini akan berjalan kuat kuasanya bermula pada 1 April 2024. Sekarang kita beralih kepada perkara selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara ke-VII. Ketetapan 1 iaitu Ketetapan di bawah Perkara 83, Fasal 7 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebanyak 21 buah Perintah-Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2023 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini iaitu tahun 2024. Kesemua Perintah-Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh kerana Perintah-Perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan adalah seperti yang terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2024. Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah ketetapan yang berbunyi:

"Majlis ini membuat Ketetapan menurut Perkara 83 Fasal 7 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 Fasal 3 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang dibentangkan dihadapan Majlis ini sebagai Kertas No.1 Tahun 2024 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan."

Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan cadangan, adakah salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat Menteri Kabinet yang ingin untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan sepenuhnya.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan sebuah ketetapan di bawah Perkara 83 Fasal 7 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi, bahawa kebanyakan atau pun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas Nombor 1 Tahun 2024 telah pun diluluskan secara Perintah Darurat dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah pun berjalan dan berkuatkuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara ini tidaklah perlu untuk dibahaskan. Maka ada baiknya ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ini diundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara maka ketetapan ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Ketetapan kedua di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bahawa Majlis ini dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah $500 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2024/2025 dibentangkan sebagai Kertas Bilangan 2 Tahun 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas Nombor 2 Tahun 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan

secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa yang telah pun diluluskan dengan tiada pindaan.

Maka kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Dari itu, kaola sukacita mencadangkan supaya Majlis dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah $500 juta untuk dibenarkan diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2024/2025 dibentangkan sebagai Kertas Bilangan 2 Tahun 2024.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136).

Adakah salah seorang di antara Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong mengenai dengan cadangan kenyataan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136) Negara Brunei Darussalam dan kenyataan cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua Peruntukan Wang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta.

Oleh yang demikian perkara ini tidaklah perlu untuk dibahaskan lagi. Maka ada baiknya ketetapan ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka ketetapan ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini telah selesai mengenai Perkara 7.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللّٰهُ. pada hari Sabtu, 23 Mac 2024 seperti lazimnya mulai pukul 10.00 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 12 Ramadan 1445 / 23 Mac 2024

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kelapan belas, hari ini, Sabtu, 12 Ramadan 1445 bersamaan 23 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya juga kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini bersidang pada hari yang kelapan belas, dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita telah adakan pada hari Khamis yang lepas telah selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan operasinya bermula pada 1 April 2024.

Persidangan juga telah pun selesai meluluskan dua Ketetapan iaitu Ketetapan di bawah Perkara 83, Fasal (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggal 136).

Maka sekarang, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan beralih ke perkara selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara VIII - Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan sekarang beralih kepada Perkara VIII - Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Ucapan Penangguhan yang pertama ialah daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم segala puji dan syukur ke hadrat أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya lebih dahulu ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa bulan Ramadan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta sekalian yang hadir yang beragama Islam dan mendoakan semoga segala amal ibadah yang kita kerjakan pada bulan yang penuh keberkatan dan keistimewaan ini akan dikurniakan dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Berhormat.

Syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga negara kita masih menikmat keamanan dan kemakmuran serta dapat terus membangun di bawah berkat dan daulat kepimpinan bijaksana lagi penuh wawasan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tinggi kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah dapat memimpin permuzakarahan kita di Dewan ini dengan penuh berwibawa, adil lagi bijaksana dalam suasana muhibah dan silaturahim.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang meskipun buat pertama kali tetapi telah dapat menyusun agenda persidangan dan jadual kerja harian kita dengan baik, teratur dan lancar serta kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat

atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan persidangan pada tahun ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan-penjelasan yang diberikan pada menjawab pertanyaan-pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Begitu juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik kerana telah dapat mengetengahkan pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini untuk dibincangkan dalam persidangan ini.

Penglibatan dan penyertaan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memberikan pandangan yang bernas dan cadangan-cadangan penyelesaian yang membina menunjukkan komitmen dan kesungguhan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama menanai dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara maju selaras dengan Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku wakil rakyat dan penduduk di negara ini adalah sangat dihargai dan setentunya akan diambil perhatian serta dijadikan sebagai rujukan, panduan dan nilai tambah oleh pihak kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan apa juga dasar, strategi dan inisiatif ke arah pembangunan sosioekonomi negara.

Perkara ini sangat penting dalam memastikan segala dasar, strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan itu akan dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi kesemua pihak yang berkepentingan serta mendatangkan impak yang positif terhadap kebajikan dan kesejahtaraan rakyat dan penduduk.

Ia juga diharap akan dapat meningkatkan keyakinan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan di samping memastikan perkembangan dan pembangunan yang inkulsif dan menyeluruh bagi semua pihak sebagaimana yang dihasrat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bercakap mengenai peranan kepentingan Majlis ini dalam menggubal dasar pentadbiran negara, saya amat tertarik kepada slogan atau moto "Adil Laila Bahagia" yang terdapat dalam logo Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang tersergam di hadapan kita sekarang yang saya telah difahamkan membawa maksud: "Mengekalkan keadilan dalam membuat keputusan untuk kebahagian dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini".

Di dalam logo terdapat sebuah "dacing" atau alat timbangan yang melambangkan keadilan dalam membuat sesuatu keputusan. Moto tersebut pada hemat saya amat penting untuk sentiasa dijadikan sebagai prinsip dasar dan panduan dalam menjalankan tugas dan tangggungjawab yang diamanahkan bukan sahaja bagi kita selaku Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara sama ada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan mahupun Ahli-Ahli Yang Dilantik menurut kategori-kategori tertentu bahkan "Adil Laila Bahagia" itu hendaklah sewajarnya juga sentiasa diamalkan oleh semua peringkat pegawai dan kakitangan sama ada yang berkhidmat di sektor kerajaan mahupun swasta.

Perkara ini pernah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah semasa mempengerusikan Persidangan Khas Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet yang diadakan pada 4 Julai 2022 di Istana Nurul Iman yang antara lainnya saya petik seperti berikut:

"*…* antara amanah bagi pemegang-pemegang jawatan ialah melaksanakan tanggungjawab dengan tulus dan adil dan bersikap baik sangka terhadap semua anak buah serta mengelakkan amalan pilih kasih termasuk tidak sekali-kali bersikap suka mencari-cari kelemahan atau kesalahan orang-orang di bawah tangan kita kemudian menghukumnya dengan tindakan-tindakan melulu yang menyakiti…"

Negara Brunei Darussalam adalah Negara Zikir. Etika Negara Zikir mengenai kuasa dan kepimpinan aksinya adalah keadilan. Justeru, semua pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan dengan kuasa untuk memimpin rakan-rakan dan kakitangan bawahan dalam mana-mana organisasi mempunyai kewajipan untuk menanai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Mulia tersebut iaitu menggunakan kuasa yang dipertanggungjawabkan dengan adil dan saksama terutama sekali apabila mempertimbangkan sesuatu sokongan seperti kenaikan pangkat, sokongan disiplin ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, dalam persidangan ini kita telah meluluskan beberapa akta penting termasuk Akta Perbekalan 2024/2025, yang إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan membolehkan jentera kerajaan untuk terus bergerak ke arah melaksanakan rancangan-rancangan dan inisiatif pembangunan demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Sebagaimana yang telah diterangkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Belanjawan Negara pada tahun ini akan memfokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk melalui pembangunan infrastruktur, menjana kepelbagaian ekonomi bagi mengurangkan kebergantungan pada

sektor minyak dan gas, dan menyediakan Sistem Pendidikan yang berkualiti ke arah melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Semua ini setentunya memerlukan komitmen sokongan, kerjasama dan usaha gigih yang berterusan daripada semua pihak termasuk sektor pekhidmatan awam dan swasta serta seluruh lapisan masyarakat untuk sama-sama bekerja keras, berganding bahu dan bersatu-padu menggemblengkan tenaga ke arah membina masa depan yang lebih cerah dan makmur untuk seluruh rakyat dan penduduk selaras dengan pendekatan *Whole of Nation* yang sering kita dengar dan ungkapkan pada masa ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaedah *Whole of Nation Approach* ini atau pendekatan senegara ini sebenarnya bukanlah satu konsep yang baharu malah ia juga telah diguna pakai dan diamalkan semasa zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang terkenal dengan nama 'Arkitek Brunei Moden'. Sebagaimana titah Al-Marhum sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-43 pada 23 September 1959, yang antara lainnya saya petik dan saya kongsikan di sini untuk rujukan dan panduan serta iktibar bagi kita semua seperti berikut:

"Dalam suasana yang sedang kita hadapi masa ini, dan masa-masa yang akan datang, kita sekalian bukan hanya menyatukan, bukan hanya menumpukan harapan pada pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga meliputi seluruh rakyat yang taat setia di Brunei ini. Penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, menteri-menteri darat, pegawai-pegawai ugama, menteri-menteri ugama serta sekalian pehin-pehin mahulah berusaha menumpukan perhatian ke arah kemajuan dan kemakmuran bangsa dan tanah air di Brunei. Dirikanlah dan timbulkanlah perasaan yang kukuh dan tabah dengan perasaan yang benar-benar ikhlas, jujur dan berani di atas dasar-dasar yang benar yang mendatangkan faedah, manfaat dan kebajikan."

Titah nasihat dan saranan Al-Marhum tersebut jelas sekali menggambarkan kebijaksanaan dan pandangan jauh baginda dalam tugas dan tanggungjawab dalam meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara itu, tidaklah seharusnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata tetapi ia haruslah dipikul bersama secara bersepadu oleh seluruh anggota lapisan masyarakat sebagai usaha ke arah memenuhi tanggungjawab bernegara dan sebagai lambang ketaatan dan kesetiaan kepada raja, bangsa dan negara selaras dengan tema sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara.'

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersempena

dengan bulan Ramadan al-mubarak ini, marilah kita sama-sama memohon kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja baginda akan sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat, kesejahteraan dan kebahagiaan serta sentiasa dalam rahmat dan lindungan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Kita juga bedoa semoga Negara Brunei Darussalam serta seluruh rakyat dan penduduknya akan terus dilimpahi dengan rahmat dan nikmat keamanan, kemajuan dan kemakmuran serta dilindungi daripada segala ancaman, bala bencana dan wabak penyakit oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, saya ingin mengongsikan, tanpa alunan atau lagu, beberapa rangkap syair yang saya petik daripada dua buah syair berjudul: 'Sha'er Laila Hasrat' dan 'Syair Perlembagaan Negeri Brunei' yang telah digubal oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berasaskan pengalaman baginda sendiri semasa menjadi Sultan memerintah Negeri Brunei selama 17 tahun dari tahun 1950 sehingga 1967 untuk ristaan dan renungan 'kitani' bersama. Syair itu berbunyi:

Tugas pentadbir dan juga sultan,
Boleh jadi senang pada sebutan,
Apabila diteliti banyak kesulitan,
Pada menjalankan tugas, perbuatan.

Pada menjalankan tugas pentadbir,
Hendaknya banyak menggunakan fikir,
Membuat kiraan dan juga sifir,
Daripada mula sehingga akhir.

Tuhan itu amat Pemurah,
Bekerja rajin, berhati tabah,
Kepada hamba-Nya yang bersusah payah,
Akan menikmati rahmat yang limpah.

Berusaha bertekun tiada mungkir,
Akan mendapat rahmat 'dikair',
Tidak dikirakan Islam atau kafir,
Sama ada mastautin atau musafir.

Menjalankan hukum usaha kebajikan,
Kepada saudara rakyat sekalian,
Melaksanakan kerja untuk kebaikan,
Dengan izin الله Malikuldian.

Dengan bertawakal kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ maka saya sukacita Mengusulkan agar Persidangan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 ini ditangguhkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-2 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat .

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana denga izin dan rahmat-Nya juga, kita telah sampai ke sesi penutup Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1445 bersamaan Tahun 2024.

Kaola sekali lagi ingin menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda merasmikan Majlis ini dan limpah kurnia titah baginda di Dewan yang mulia ini.

Izinkan juga kaola mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memandu permesyuaratan ini dengan cekap, sabar, tenang dan lagi sempurna.

Dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Dewan ini telah dapat menjuruskan perbincangan pada isu-isu strategik dan berkeutamaan. Sesuai dengan sifat Majlis ini sebagai sebuah institusi yang menjadi lambang keunggulan sistem kerajaan dan fungsinya sebagai wadah untuk melahirkan idea-idea baharu, membina dan bernas.

Kaola juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada semua Yang Berhormat Menteri yang telah dengan penuh sabar, meluangkan masa mendengar pertanyaan dan saranan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini. Jawapan-jawapan yang diberikan أَلْحَمْدُ لِلّٰه adalah cukup memuaskan, bernilai dan informatif.

Ini jelas menggambarkan tujuan murni Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mencapai satu matlamat yang sama iaitu untuk menjunjung hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memakmurkan negara dan menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk di dalamnya masa kini dan generasi yang akan datang dengan bekerja sebagai satu pasukan ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Kaola menyambut baik dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memberikan jaminan dan cadangan-cadangan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diteliti, diambil perhatian dan menjadi nilai tambah bagi menggubal dasar kerajaan terutamanya yang membabitkan kemaslahatan dan kepentingan rakyat secara menyeluruh.

Kaola juga mengucapkan penghargaan terima kasih atas nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi. Kaola juga mengambil baik dan menghargai nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan ini supaya mana-mana isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang belum terjawab atau belum dijawab sepenuhnya akan disusul sama ada secara "bertulis" atau dengan mengadakan sesi Muzakarah susulan pada masa yang akan datang.

Cuma kita memohon jasa baik dan budi bicara Yang Berhormat Menteri-Menteri supaya meluangkan masa dan memberi ruang bagi sesi Muzakarah ini akan dapat diadakan lebih awal sebaik-baiknya sebelum penyediaan bajet yang akan datang. Ini ialah bagi membolehkan maklum balas dan keprihatinan rakyat yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat diteliti dan yang berpatutan akan dapat dimasukkan dalam cadangan belanjawan yang dipohonkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebenarnya, maklum balas yang disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik adalah hasil usaha turun padang ahli-ahli tersebut untuk mendapatkan keadaan sebenar ataupun *situation on the ground* rakyat dan penduduk negara ini. Ia adalah sebagai sumbangan positif Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mempraktikkan *inclusiveness* dalam mendapatkan fakta dan maklumat terkini yang dapat dijadikan *input* dan asas bagi menyokong dan membantu kementerian-kementerian untuk menggubal dasar supaya ia akan lebih inklusif, menyeluruh dan meliputi semua aspek kehidupan rakyat dan penduduk di semua peringkat.

Oleh itu, kaola berharap supaya maklum balas ini akan diterima dengan tangan terbuka *(open minded)*, positif dan membina supaya apa jua dasar yang bakal digubal nanti akan lebih mantap, kukuh dan mendapat sokongan ataupun *buy in* dari semua peringkat rakyat dan penduduk negara ini.

Perkara ini adalah sangat penting dan relevan mengambil kira hasrat dan niat ikhlas kita di sini adalah sama iaitu untuk menyokong dan mendukung dasar kerajaan untuk menjadikan Negara Zikir yang berpaksikan amalan Melayu Islam Beraja ini akan sentiasa makmur, maju jaya, aman damai di bawah pimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat dan penduduknya sentiasa sejahtera mengecapi kehidupan dengan sentosa dan selesa.

Dalam pada itu, kaola juga penuh berharap apa jua dapatan, dasar dan peraturan yang dipersetujui di dalam Dewan yang mulia ini mahupun yang akan dilaksanakan di luar Dewan ini, ia akan dapat "dibarigakan" ataupun *publicized* kepada orang ramai secara telus dan berterusan bagi memberikan maklumat yang betul, sahih, cepat dan tepat.

Langkah ini adalah penting dengan adanya "pembarigaan" yang berterusan ini ia akan membolehkan orang ramai, masyarakat bisnes dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk menyambut baik, melibatkan diri dan ikut serta dalam pembangunan dan kemajuan negara bagi mencapai hala tuju dan sasaran seperti yang termaktub dalam Wawasan Brunei 2035, إِنْ شَاءَ اللهُ .

Usaha ini juga adalah selaras dengan hasrat supaya negara ini akan sentiasa mengamalkan *the Whole of Nation Approach*. Sebagai contoh,salah satu usaha yang dapat dikongsi sama hasil dari perbincangan di dalam Dewan ini ialah pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini.

Pada hemat kaola, ini adalah satu usaha kerajaan paling unggul untuk menyejahterakan rakyat, merangsang aktiviti ekonomi dan menjana peluang pekerjaan di negara ini. Kita berharap dengan suntikan kerajaan sebanyak $4 bilion pada Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini, ia akan menjadi pemangkin dan pengukuh keyakinan terutamanya masyarakat bisnes tempatan mahupun *FDI's* terhadap peluang-peluang perniagaan di negara ini dalam waktu terdekat, sederhana dan panjang.

Apa yang penting ialah hala tuju yang jelas dan tindakan sejajar kerajaan selaku pemudah cara untuk mengaktifkan dan merangsang aktiviti ekonomi domestik supaya ia akan bertambah maju dan lebih banyak *FDI's* baharu akan melibatkan diri dalam menjana ekonomi negara. Prasyarat dan *building blocks* untuk menjadikan ekonomi berdaya tahan dan berdaya saing telah pun kaola sentuh dalam beberapa intervensi kaola di dalam Dewan ini. Kaola tidaklah berhasrat mengulanginya lagi, memadailah ia diambil kira dan dijadikan sandaran dalam usaha-usaha kita menjadikan ekosistem ekonomi negara lebih kondusif, *business friendly* dan probisnes.

Kita penuh yakin dengan koordinasi dan penjajaran kukuh, kecepatan dan kecekapan agensi-agensi pelaksana dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing, usaha ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan berhasil membuka dan membanyakkan

lagi peluang perniagaan, perdagangan, perkhidmatan dan peluang pekerjaan yang baharu serta berkualiti kepada negara. Ini juga diharap akan mengurangkan jumlah rakyat yang termasuk dalam kategori kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jika kita amat-amati penglibatan rakyat memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-40 tahun pada tahun ini, kita dapat merasakan cetusan perpaduan yang kukuh dan mantap, kecintaan yang mendalam atau semangat patriotik yang berkobar-kobar seluruh rakyat dan penduduk negara ini. Ini kaola rasa adalah satu petanda yang baik keterlibatan rakyat dalam mengisi kemerdekaan negara.

Pada hemat kaola, jika semangat, kecekalan, jati diri, penjajaran dan koordinasi, kerja keras serta penglibatan ikhlas seluruh rakyat dan penduduk negara ini dalam menyemarakkan sambutan hari yang bersejarah tersebut dijadikan iktibar, pedoman dan titik tolak ataupun *benchmark*, kaola penuh yakin dan tidak ragu-ragu dengan izin dan pertolongan Allah, kita akan berjaya merealisasikan usaha negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 إِنْ شَاءَ اللهُ dan menjadi negara بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, izinkanlah juga kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mantan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar, atas sumbangan beliau selama ini.

Kaola juga ingin merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-timgginya kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara atas lantikan beliau.

Kaola juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama, kecekapan dan sokongan berterusan mereka sepanjang permesyuaratan ini.

Dengan mengambil sukut baik bulan Ramadan yang mubarak ini, marilah sama-sama kita berdoa semoga ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan mengurniakan taufik, petunjuk dan hidayah-Nya, membuka minda dan mata hati kita semua untuk melaksanakan amanah ini dengan ikhlas, tabah, penuh keredaan dan tanggungjawab.

Kaola juga ingin memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekiranya" tersuruk langkah" dan terkasar bahasa dalam menyampaikan pandangan dan pendapat. Yang baik itu semua datangnya daripada Allah dan yang kurang baik itu adalah daripada kaola sendiri selaku manusia yang serba kekurangan, yang hanya berharap semata-mata kepada petunjuk,

pertolongan dan limpah kurnia ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Pemurah.

Akhir sekali, kaola berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat, dikurniakan nikmat lanjut usia, taufik dan hidayah, keberkatan dan kebahagiaan, perlindungan dan pemeliharaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, kekal karar memerintah negara dengan penuh kesejahteraan dan kemakmuran dan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan berterusan dikurniakan kesejahteraan, rahmat dan nikmat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Sebagai penutup, izinkanlah kaola menyudahi Ucapan Penangguhan ini dengan 3 rangkap pantun:

Kapal belayar mudik ke hulu,
Singgah sebentar di Kampung Peramu,
Persidangan Dewan berhenti dulu,
إِنْ شَاءَ اللهُ panjang umur kita bertemu.

Singgah sebentar di Kampung Peramu,
Untuk membeli juadah bekalan,
Panjang umur kita bertemu,
Salah dan silap mohon maafkan.

Kapal belayar menyusur bukit,
Berlabuh sebentar di Bukit Merikan,
Saranan para Ahli bukan sedikit,
Mana yang baik tolong timbangkan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-3 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang-Ahli Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang telah sama-sama menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi sepanjang persidangan.

Sebagaimana yang kita telah lihat dan dengar, persidangan pada tahun ini mencerminkan hasrat baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagaimana yang dititahkan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara Ke-20 iaitu bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat menggunakan platform atau medan ini untuk menyuarakan pendapat dan idea yang membina serta membincangkan isu-isu yang relevan demi kebaikan negara dan rakyat.

Kaola juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang telah menjawab pertanyaan-pertanyaan 'abiskaola' dengan penuh kesabaran dan sedaya

upaya. Kaola yakin bahawa perbincangan ini tidak akan berakhir di sini sahaja dan seperti lazimnya sesi Muzakarah, dialog dan lawatan akan diadakan dengan berterusan sepanjang tahun dengan harapan kita terus dapat bekerjasama dan berkolaborasi dalam apa jua kaedah untuk kemajuan serta kebaikan rakyat dan negara kita. Persidangan yang telah diadakan sepanjang 4 minggu ini juga mencerminkan hala tuju dan perancangan negara, industri mana yang dijangka akan berkembang dan di mana kita sedang menerokai peluang.

Oleh yang demikian, kaola menyeru agar semua lapisan masyarakat untuk tidak berputus asa dan menggunakan peluang ini untuk mengejar peluang pekerjaan dan untuk sama-sama membangunkan negara. Belia adalah masa depan negara, generasi yang penuh kreativiti, idea dan tenaga. Oleh itu, diharap dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ada sepenuhnya.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dalam memandu persidangan dengan penuh kesabaran dari hari pertama ia bersidang. Kebijaksanaan dan panduan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sangat dihargai dalam memastikan persidangan dijalankan dengan lancar, teratur dan sempurna.

Juga tidak lupa mengucapkan tahniah dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dalam membantu mengendalikan persidangan buat kali pertamanya pada tahun ini serta juga kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah berkerja keras dan bertungkus-lumus untuk memastikan persidangan dapat diadakan dengan teratur dalam menghasilkan *hansard* harian tanpa gagal setiap hari sehingga memastikan penyampaian maklumat kepada orang awam dibuat dengan baik mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dari hari pertama persidangan.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa kepada semua dan didoakan agar ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan sentiasa memberkati kita semua dan memberikan kita perlindungan dan kesihatan serta mengampuni dosa-dosa kita dan menerima semua amal ibadah kita sepanjang bulan yang mulia ini.

Kaola juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya yang akan tiba kepada semua dan untuk kita tidak lupa mendoakan orang-orang yang telah mendahului kita. Dalam suasana gembira dan aman sejahtera, kita juga mengingati saudara-saudara kita yang sedang berjuang di Palestin dan untuk sentiasa mendoakan mereka agar ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menurunkan rezeki yang melimpah ruah dan perlindungan kepada mereka dan seterusnya saudara-saudara kita akan dapat bebas dari kekejaman dan peperangan yang sedang berlaku.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-4 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِين

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan rasa penuh hormat disertai dengan kesyukuran ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas nikmat-Nya kepada kaola khasnya sempat lagi menyertai Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan serta juga Yang Berhormat rakan-rakan sepermesyuaratan dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1445/2024.

Kaola seterusnya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang memang diketahui berkewibawaan memimpin sesi-sesi permesyuaratan majlis ini iaitu Majlis Mesyuarat yang merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahlinya, sebagaimana disebut dan direkodkan sebagai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat ini pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Dalam konteks itu, baginda juga menyatakan bahawa Majlis ini dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memahami dan menyifatkan titah baginda itu adalah pada menyatakan *hope* bukan sahaja harapan bahkan keyakinan baginda tentang relevansinya Majlis Mesyuarat Negara ini yang ditubuhkan semula di bawah Perkara 23 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 dan dalam konteks itu baginda menyatakan bahawa perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundingan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara yang baginda seterusnya bertitah bahawa perkara sedemikian akan lebih mengukuhkan sistem kerajaan serta perpaduan antara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Maaf, kaola menghubungkaitkan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara tahun ini dengan titah baginda sempena Majlis

Penandatanganan Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 itu.

Dalam sesi Ucapan Penangguhan ini yang sepatutnya kaola ucapkan dalam masa ucapan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan titah baginda dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara 'kitani' ini.

Kaola mohon maaf tapi dalam hal ini kaola merasakan ia adalah kerana kaola dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian yang berada dalam Dewan ini dengan masing-masing 'kapasitas' atau kapasiti adalah untuk menjayakan harapan dan keyakinan baginda dengan memastikan relevansi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ini untuk seterusnya berkembang ke arah kemajuan negara dan mengukuhkan lagi perpaduan antara kita.

Kaola menyebutkan perkataan 'kita' dengan merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sendiri dengan maksud bagi kaola, 'kita' itu bermaksud adalah kerajaan berpemerintahan beraja yang bijaksana dan berwawasan, adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia sementara rakyat sekalian yang taat setia akan berusaha dan sentiasa mendoakan semoga hidup sentosa, negara dan sultan, Ilahi selamatkan Brunei Darussalam.

Dalam memanfaatkan 'kapasitas' masing-masing untuk mengembang majukan negara dan menguatkan lagi perpaduan negara antara kita sendiri, setentunya akan bijaksana menyampaikan *signal* (isyarat) yang sampai di luar Dewan ini kepada rakyat dan orang ramai bahawa Majlis Mesyuarat Negara adalah sebahagian lembaga pemerintahan negara yang dinamik, tidak statik namun akan sangat-sangat berhati-hati berkembang menurut tahap-tahap yang sihat, berkebajikan, selamat dan aman dengan sentiasa berpaksikan perpaduan antara kerajaan berpemerintahan beraja dengan rakyat seperti sifat dan hakikatnya yang kaola sebutkan tadi.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada hemat kaola sistem berpemerintahan negara kita sebagaimana menurut perlembagaan, baik Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan perlembagaannya yang kini Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 adalah *Syariah Compliance* kerana itu kaola tidak ragu untuknya berkembang dengan semangat musyawarah seperti yang jelas ketara dalam peruntukan-peruntukan di dalam perlembagaan itu.

Mengenai perkara ini kaola menaruh harapan agar pusat-pusat pengajian tinggi negara ini akan berperanan memberikan kefahaman ilmiah meliputi undang-undang dan sejarah, iaitu

mengenai ketatanegaraan meliputi sudut-sudut kenegaraan kita, negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik, bersendikan agama Islam menurut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah dengan mengajarkan ilmu ketatanegaraan, iaitu undang-undang perlembagaan dan syariahnya beserta sejarahnya tidak semata-mata setakat sekarang ini adalah semboyan tentang Melayu Islam Beraja yang rumusannya telah pun 'kitani' ketahui oleh Jawatankuasa Tertinggi Peringkat Kebangsaan yang seolah-olah selepas itu kita lupa bahawa ia adalah negara berdaulat, merdeka, demokratik, bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang seolah-olah hakikat ini kita tidak menyebutnya.

Maka huraikanlah apa demokratiknya itu yang disebut secara demokratik berdasarkan agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah diajarkan secara ilmiah dan untuk menjadi pegangan yang kuat bagi rakyat terutama sekali yang berpendidikan tinggi dan kesannya ialah kepada masyarakat biasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin menyebut ringkas mengenai peranan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak eksekutif, iaitu kementerian-kementerian dari keahlian Ahli-Ahli Yang Berhormat menurut kategori masing-masing sebagaimana juga diisyaratkan dalam titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara baru-baru ini.

Kaola dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola masuk *part* lain Yang Berhormat Yang Di-Pertua setelah *part* yang pertama tadi. Kaola dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga Majlis Ugama Islam إِنْ شَاءَ اللهُ akan menyertakan beberapa Ahli Yang Berhormat dalam beberapa peringkat jawatankuasa yang ada kaitannya dengan orang ramai, iaitu bidang-bidang Zakat, Waqaf dan Baitulmal, bidang Haji dan Umrah, bidang Hal Ehwal Masjid, bidang-bidang pelajaran agama dan bidang dakwah إِنْ شَاءَ اللهُ.

Maka sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini kaola sukacita menyampaikan tahniah dan penghargaan kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Memsyuarat Negara, Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra yang walaupun baru dalam tugasan ini semua abiskaola rasa, semua abiskaola di sini mengucapkan syabas atas keterampilan kedua-duanya dalam mengurus dan menjalankan perjalanan mesyuarat ini yang bukan sahaja membantu 'abiskaola' bahkan juga kaola percaya membantu Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Begitu juga kepada semua peringkat tenaga dalam Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan juga beberapa pegawai yang kaola difahamkan diperbantukan untuk membantu perjalanan mesyuarat

pada Musim Permesyuaratan Ke-20 ini dari kementerian-kementerian yang lain. Semoga mereka itu juga akan bukan sahaja mendapat pujian bahkan juga mendapat balasan yang baik daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

Kaola akhiri dengan doa, semoga ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. memberkati kita sekalian berkat dalam bulan Ramadan ini dengan limpah rahmat, kasih sayang-Nya dengan dilanjutkan usia dalam keadaan sihat dan bahagia, istiqamah, mengibadati ٱللَّهَ sambil bermuhibah sesama kita manusia iaitu makhluk dan hamba ٱللَّهَ Kaola tidak mengambil kesempatan untuk berpantun ataupun bersyair, memadai dengan,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-5 daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم, السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
أَلْحَمْدُ لِلّٰه lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas memimpin permesyuaratan dengan ramah dan cekap serta kadangkala tegas, namun abiskaola sangat memahami tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua amatlah berat.

Kaola tidak lupa merakamkan terima kasih kepada Yang Mulia Puan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, pegawai-pegawai Jabatan Majlis Mesyuarat Negara kerana dapat menguruskan dan melaksanakan Musim Permesyuaratan kali ini dengan sempurna dan berjalan lancar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kita memperkatakan soal ekonomi mampan (*sustainable economy),* Negara Brunei Darussalam dilihat mampu mewujudkan landskap dan iklim perniagaan yang lebih kondusif untuk rakyat berkecimpung dalam keusahawanan.

Ini termasuk menyediakan tempat-tempat perniagaan lebih menarik dan strategik. Pelan transformasi ke arah menaik taraf tempat-tempat perniagaan bumiputera sama ada di bandar mahupun di kampung-kampung perlu diwujudkan.

Ini termasuk menjadikan 'gerai-gerai' sebagai Pusat Perekonomian Kampung yang berfungsi sebagai *multibusiness centre* yang menyediakan bukan hanya sekadar meja dan bangku tetapi lebih daripada itu bagi menarik lebih ramai pelanggan serta menepati cita rasa semasa.

Memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah pun berbelanja besar bagi menyediakan prasarana perniagaan. Namun pada itu usaha dan inisiatif bagi melestarikan iklim perniagaan yang lebih kompetitif bukanlah sekadar membina

sahaja tetapi lebih daripada itu. Seperti kata-kata *Harold Geneen*, "Dalam dunia perniagaan, semua orang dibayar dalam dua syiling; wang tunai dan pengalaman. Ambil pengalaman lebih dahulu, wang tunai akan datang kemudian".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyentuh soal isu banjir kilat yang berlaku di sana sini apabila berlaku hujan lebat. Kita mungkin telah belajar daripada pengalaman yang sudah-sudah tentang terjadinya keadaan sedemikian. Kadangkala ia disebabkan oleh longkang tersumbat, rumput panjang dan sebagainya. Isu ini bukan isu baharu malah sudah ada cara untuk mengatasinya.

Merujuk kepada sesi Muzakarah bersama pemimpin-pemimpin akar umbi kawasan Zon '1' dan Zon '2' bagi Daerah Tutong, isu yang sama antara isu tertinggi yang dibangkit oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Ini bererti rakyat sangat terkesan dengan situasi ini dan memerlukan tindakan segera daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam projek-projek RKN-12, telah disediakan peruntukan sebanyak $6,310,441.00 bagi menangani Risiko Menghadapi Bencana Alam, sebanyak $692,905.00 ke arah mengukuhkan Kelestarian Alam Sekitar dan sebanyak $526,080.00 bagi menangani Perubahan Iklim. Skop peruntukan ini sememangnya berkait rapat dengan isu-isu yang kaola nyatakan tadi.

Dalam kesempatan ini, kaola menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan agar lebih prihatin dengan permasalahan ini dan tangani secara bijak sebagai persiapan 'kitani' menjadikan sebuah negara maju menjelang Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kesempatan ini kaola juga mengharapkan agar projek-projek yang akan dilaksanakan sama ada di bawah RKN-12 juga menyasarkan kepada kemajuan di dalam dan luar bandar.

Tumpuan kepada penambahan baik infrastruktur dan kemudahan asas bagi merealisasikan kemajuan yang seimbang. Justeru, isu penghijrahan warga luar bandar ke bandar dapat diatasi dengan sewajarnya. Perkara ini telah kaola timbulkan pada sesi permesyuaratan yang lalu. Usaha pihak kerajaan meletakkan Zon-Zon Skim Rancangan Perumahan di kawasan luar bandar untuk masa akan datang adalah sesuatu yang disambut baik.

Akhirnya, kaola sangat-sangat mengharapkan kerjasama padu daripada pihak kerajaan agar sentiasa duduk semeja dengan pihak-pihak yang berkepentingan khusus kepimpinan akar umbi bagi membantu ke arah mewujudkan pelan-pelan kemajuan serta menggerakkan semua bentuk kemajuan dan pembangunan yang dihasratkan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola memohon maaf jika ada kata-kata dan perbualan kaola yang keterlaluan serta menyinggung perasaan ketika berhujah dan mengemukakan soalan sepanjang Musim Permesyuaratan Ke-20 ini.

Sesungguhnya yang baik itu datang daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. ,kekurangan dan kelemahan itu datang daripada diri kaola sendiri.

Sekian, sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-6 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama untuk menyertai Ucapan Penangguhan bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam pada itu, kaola juga dengan penuh hormat sukacita mengucapkan penghargan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana أَلْحَمْدُ لِلّٰه telah berjaya memimpin sepanjang persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan ketabahan dalam memastikan mesyuarat berjalan dengan lancar, teratur dan penuh sempurna.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan keseluruhan pegawai serta warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kegigihan dan dedikasi serta kerjasama dalam menyelenggarakan perjalanan mesyuarat dengan penuh tersusun dan 'lutanan' pada Musim Permesyuaratan pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada kesempatan ini juga, kaola ingin merakam berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada kesemua Yang Berhormat Menteri-Menteri atas pembentangan dan pencerahan yang begitu komprehensif termasuk dalam memberikan respons dan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh abiskaola di Dewan yang mulia ini.

Di samping itu, kami Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini mengharapkan mana-mana *idea*, *input* dan sasaran yang positif yang dikongsikan bukan sahaja pada Musim Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini, tetapi semasa sesi Permuzakarahan bertempat di kementerian masing-masing supaya

apakah kiranya akan dapat diambil perhatian dan seterusnya dipertimbangkan dengan sewajarnya demi semata-mata bersama-sama bertanggungjawab dan menambah baik dan juga memantapkan bukan sahaja dari aspek perkhidmatan fasiliti-fasiliti awam malahan melangkaui mengembangmajukan sosioekonomi negara menjurus ke arah إِنْ شَاءَ اللهُ yang lebih mampan dan sistematik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini apatah lagi dalam bulan suci Ramadan mubarak yang penuh kerahmatan dan keberkatan.

اَلْحَمْدُ لِلهِ, kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan seterusnya dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya dengan berkat kepimpinan, bijaksana, kewibawaan, keprihatinan dan berwawasan yang jauh Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa kita semua اَلْحَمْدُ لِلهِ terus menerus menikmati pelbagai perkhidmatan, kemudahan serta pelbagai kemajuan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping kita bersama-sama menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana keamanan, kemakmuran dan keharmonian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepertimana kita sedia maklum dan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai penyediaan Rang Anggaran Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025, antara lain menyatakan sekali lagi negara ini dijangkakan mengalami *fiscal deficit* berjumlah $2.99 bilion bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Bukan sahaja cabaran *fiscal deficit* yang telah kita alami sejak beberapa tahun sehingga pada masa kini, malahan juga melangkaui cabaran yang lebih besar iaitu bagaimana kita menjurus untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal 11 tahun sahaja lagi.

Khususnya 3 Matlamat utama:

i. Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.;

ii. Kualiti Kehidupan yang Tinggi.; dan

iii. Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama 2023, antara lain baginda bertitah:

"…oleh itu semua pihak tidaklah boleh goyang kaki melainkan sama-sama mesti serentak menggandakan usaha ke arah mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan. Pihak pelaksana tidak boleh lemah atau pun semangat sejuk untuk menghadapi sebarang cabaran. Sangat mustahak untuk diingat bahawa sebarang usaha atau kerja untuk mengurus negara dan kerajaan, memang tidak sunyi dari cabaran…".

Titah baginda semestinyalah kita junjung yang setinggi-tingginya dan dengan penuh bertanggungjawab oleh semua *stakeholders* bukan sahaja di sektor kerajaan bahkan sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

اَلْحَمْدُ لِلهِ, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah dan akan terus berusaha menyusun strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif strategik yang dikenal pasti termasuk melalui *Economic Blueprint for Brunei Darussalam* untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak berkepentingan untuk membangun dan mempelbagaikan ekonomi negara yang lebih mampan dan *sustainable* melalui aspirasi dan hala tuju dasar yang jelas yang melengkapi usaha untuk mencapai ke arah Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ke arah ini, kesemua peringkat *stakeholders* di negara ini, bukan sahaja di sektor kerajaan malahan pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini, semestinyalah kita bersama-sama berganding bahu, bekerjasama lebih erat dan padu serta bersungguh-sungguh bagi lagi berintegrati dalam 'kitani' usaha bagi memajukan, sama-sama berperanan mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing bagi menggerakmajukan sosioekonomi negara. Ini adalah juga bagi kita sama-sama mendukung dan menyokong sepenuhnya kaedah yang sering dilaung-laungkan *Whole of Nation* dan *Whole of Government Approach.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berpendapat *economic driven activity dan initiative* adalah sebagai tonggak ataupun penggerak utama bagi pertumbuhan dan perkembangan perekonomian yang merupakan asas utama berupaya dan mampu menjelmakan serta menyumbangkan *impact* yang signifikan bagi mengembangmajukan lagi sosioekonomi negara yang dinamik.

Antara yang perlu diambil perhatian adalah bagaimana ataupun tatacara untuk memperhebatkan serta memperkesankan lagi kepelbagaian ekonomi, menarik Pelaburan Langsung Asing ke negara ini, menggerakkan dan memajukan industri-industri dengan

lebih agresif termasuk yang telah dikenal pasti seperti aliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan, teknologi dan infokomunikasi dan perkhidmatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ini sudah setentunya memerlukan dasar atau polisi memfokuskan ke atas destinasi yang sama dalam memastikan sesuatu inisiatif, إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat direalisasikan dengan penuh kecemerlangan.

Setiap kementerian, agensi-agensi kerajaan dan semua *stakeholders* yang berkepentingan, mendukung bukan sahaja menyejajarkan malahan menyelaras dasar atau polisi yang ditetapkan terutama sekali yang mendatangkan *spin of effect* yang signifikan dalam pelbagai bidang aktiviti-aktiviti perekonomian dan perdagangan di negara ini.

Contohnya, dasar menarik lebih banyak pelaburan asing dan mempergiatkan serta meningkatkan industri pelancongan di negara ini. Antara kemajuan dan perkembangan kedua-dua sektor ini, misalannya mampu menjana, mewujudkan industri-industi aliran, lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya membuka lebih banyak sektor perniagaan dan perusahaan.

Kepentingan *research and development* semestinyalah juga diperluaskan yang berpotensi menambahbaikkan lagi produktiviti, meningkatkan kreativiti, inovasi, *value of the product* dan memperbanyakkan serta menaikkan tahap kemahiran tenaga manusia.

Ini kesemuanya sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan sosioekonomi, menaikkan tahap kehidupan rakyat dan penduduk negara ini dan seterusnya meningkatkan lagi pertumbuhan keluaran dalam negeri iaitu KDNK.

Apa yang mustahak juga diambil perhatian perlu dipertingkatkan, dikembangmajukan keberkesanan yang ada mempunyai *connectivity* dalam *economic driven activity* tesebut yang berhubung kait keperluan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi seperti air, elektrik, energi dan prasarana yang juga berperanan dalam mewujudkan industri dan juga menjaga, meningkatkan kesejahteraan awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berpandangan negara kita ini pada hakikatnya tidak ketandusan dalam pelbagai bidang kemahiran, *expertise* dan *profession* diiktiraf di persada dunia ditambah lagi dengan pengalaman yang meluas, sama ada di sektor kerajaan, sektor swasta dan dalam kalangan masyarakat awam.

Ada dalam kalangan mereka ini berkelulusan dari universiti-universiti yang tersohor dan terkemuka di dunia, misalannya dari *University Oxford, Cambridge, London School of Economics, Imperial College, Kings College, National University of Singapore* dan lain-lain.

Persoalannya, adakah kita sudah meng*optimize* dan menggunakan sepenuhnya *talented pool* apa juga kepakaran atau *profession* dalam kalangan mereka yang berkaliber, berfikiran dinamik dan jauh berpandangan dalam jurusan yang relevan untuk bersama-sama mengongsikan peranan, idea yang bernas dan pengetahuan dalam usaha mempercepatkan dan meningkatkan lagi keberkesanan dan mengambil langkah-langkah efektif ke arah lebih maju ke hadapan sehinggalah kita إِنْ شَاءَ اللهُ berjaya mencapai Wawasan Brunei 2035.

Mereka yang *talented* dimaksudkan khususnya dalam kalangan generasi muda perlu dikenal pasti dan diberikan peluang untuk diasuh, dicungkil dan digilap supaya mempunyai '*sense of belonging'* sehingga mencapai kecemerlangan jika dilibatkan dalam tadbir urus dan pengurusan yang bersesuaian, bukan hanya diketepikan kerana mereka berpeluang dan berpotensi untuk menjadi penerus kepimpinan akan datang.

Kaedah dan tatacara memilih dan menggunakan mereka yang berkemahiran dan berkepakaran mengikut jurusan pekerjaan atau *profession* masing-masing dapat 'kitani' ambil natijah pengajaran dan tauladan daripada ayat suci al-Quran dalam surah Al-Anbiya ayat 7,

Antara lainnya: "Tanyakanlah kepada orang yang berilmu jika kamu tidak mengetahui", manakala dalam hadis رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang bermaksud: "Apabila suatu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya maka tunggulah akan kehancurannya".

Mengambil tabaruk keberkatan bulan Ramadan, dalam usaha kita bersungguh-sungguh serta memartabatkan jentera pentadbiran dan pengurusan negara yang berintegriti serta menyemarakkan ke arah Negara Zikir lagi diredai أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kita sepatutnyalah juga jangan membelakangi malahan mempergiatkan lagi dalam penyebaran dan 'membarigakan' penyebaran dan penyerapan serta penghayatan kerohanian keagamaan berlandaskan maqasid syariah dalam kalangan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini dalam kita sama-sama mengukuhkan ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah.

إِنْ شَاءَ اللهُdengan petunjuk dan hidayah أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan kita memohon syafaat Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ disertai keimanan yang kukuh di negara ini, إِنْ شَاءَ اللهُ Negara Brunei Darussalam akan menjadi بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-7 akan

disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Awal kalam, kaola sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang untuk kaola ikut serta menyampaikan Ucapan Penangguhan pada pagi ini di Dewan yang mulia ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Syukur ke hadrat أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan petunjuk dan izin-Nya jua kita dikurniakan nikmat kesihatan dan berkesempatan untuk sama-sama hadir pada sesi penutup Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1445 / 2024 setelah bersidang selama 18 hari.

Dalam kesempatan ini, kaola dengan penuh hormat dan takzim sekali lagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda merasmikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dan atas limpah kurnia titah baginda di Dewan yang mulia ini pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445/ 27 Februari 2024 yang lalu.

Keberangkatan baginda ini jelas menunjukkan kepimpinan dan kebijaksanaan baginda untuk terus menyokong persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang baginda sifatkan sebagai medan bagi para ahli melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina agar kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik semata-mata untuk kemanfaatan rakyat dan negara.

Sokongan dan kepercayaan baginda ini terhadap pelaksanaan permesyuaratan ini sangat bertepatan dengan firman أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam Surah Ali Imran, ayat 159 yang bermaksud:

"Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan permasalahan keduniaan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat, maka bertawakallah kepada أَللّٰه (untuk melaksanakannya). Sesungguhnya أَللّٰه mengasihi orang yang bertawakal".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana

dengan cekap telah berjaya memimpin permesyuaratan ini dengan penuh kesabaran dan tekun untuk memastikan perjalanan mesyuarat yang sempurna dan dalam keadaan yang tenang.

Penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tinggi juga kaola ucapkan kepada Yang Mulia, Puan Jurutulis, Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan mengurus permesyuaratan ini agar berjalan lancar dan teratur serta atas kerjasama berterusan dalam memudahkan segala urusan abiskaola, bukan sahaja semasa musim permesyuaratan ini, malah sepanjang masa.

Seterusnya, dalam kesempatan ini juga kaola mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya serta tahniah kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang dengan penuh kesabaran dan bersungguh-sungguh memberikan maklum balas terhadap sebahagian besar isu dan persoalan yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat rezeki yang dikurniakan oleh أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan-Nya jua, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mampu memperuntukkan jumlah belanjawan yang agak besar bagi Tahun Kewangan 2024/2025 untuk membangun negara yang kita cinta ini.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak di sektor kerajaan, swasta, *NGO's* serta individu dan pihak lain yang berkepentingan untuk melipatgandakan usaha bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan kemajuan pembangunan demi untuk memberikan kehidupan yang berkualiti tinggi kepada rakyat dan menjadikan ekonomi negara ini dinamik dan berdaya tahan menjelang tahun 2035, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kemakmuran dan kemajuan sebuah negara berkait rapat dengan kestabilan ekonomi dan faktor-faktor sosial seperti kadar jenayah, kemiskinan dan pengangguran. Masalah sosial akan lebih terkawal dengan memperkasakan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan dalam pelbagai sektor yang ada.

Selama 18 hari permesyuaratan berlangsung, sehingga ke hari ini kita mendengarkan berbagai-bagai cabaran, strategi dan inisiatif kemajuan yang dilaksanakan telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri khusus untuk mempertingkatkan ekonomi negara.

Manakala, di pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan lebih

700 soalan dan pandangan serta cadangan penyelesaian yang difikirkan dapat memberikan impak positif kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan sosioekonomi negara.

Semuanya dibentangkan atas dasar niat ikhlas dan keinginan abiskaola untuk menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan kemajuan pembangunan yang pesat di negara yang kita cintai ini dari pelbagai aspek antaranya aspek perekonomian, pembangunan, kesihatan, pendidikan, keagamaan, pelancongan, perkhidmatan-perkhidmatan, sekuriti makanan dan dalam sektor pertanian dan penternakan, pengangguran dan juga peluang-peluang pekerjaan serta hal-ehwal sosial berkaitan wanita dan kanak-kanak, kebajikan Warga Emas dan Orang-Orang Kelainan Upaya serta isu kemiskinan.

Semuanya dikemukakan dalam konteks yang berbeza tetapi membawa maksud dan tujuan yang sama, iaitu untuk dipertingkatkan, ditambah baik, dikembangluaskan, dimantapkan, dan dibasmi tertakluk pada isu yang dikemukakan agar rakyat hidup dengan sejahtera dalam negara yang maju dan makmur.

Harapan abiskaola supaya semua isu ini yang dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini dan medan perbincangan yang mulia ini supaya diteliti dan dinilai kesesuaiannya dan dipertimbangkan sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menghargai kepimpinan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berusaha gigih merancang pelbagai strategi dan inisiatif berimpak tinggi, termasuk perubahan-perubahan sistem dan penggubalan berbagai-bagai dasar, garis panduan, peraturan, pelan tindakan dan rangka kerja bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negara dan menangani isu serta cabaran yang mengesankan rakyat dan negara.

Kaola menyokong perubahan yang dibuat kerana kaola yakin setiap perubahan itu tidak lain adalah dihasratkan untuk menambah baik apa yang sedia ada bagi kepentingan dan kebajikan semua pihak. Namun, dalam membuat perubahan, justifikasi dan manfaat yang dijangkakan dari hasil perubahan itu hendaklah jelas kepada semua pihak yang berkepentingan khususnya masyarakat awam.

Selain itu, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang lebih cekap dan efektif hendaklah ditekankan agar apa yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sudah sampai masanya untuk pihak-pihak yang berkepentingan membuat perubahan minda dan sikap terhadap pendekatan dan budaya kerja yang sedia ada, menilai semua langkah, inisiatif dan strategi yang kurang efektif yang masih

mendatangkan hasil yang tidak mencapai sasaran yang dihasratkan untuk tempoh yang bertahun-tahun lamanya, kenal pasti punca kelemahan serta siap siaga ke arah budaya kerja yang lebih efektif dan efisien bagi mendapatkan hasil berbeza yang lebih baik semata-mata untuk kebajikan rakyat dan negara.

Maksud dari Ayat 11, dari Surah Ar-Ra'd berikut ini sangat relevan untuk menjadi panduan kita semua: "Sesungguhnya ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada sesuatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Semua pihak dalam perkhidmatan awam harus bergerak aktif agar lebih produktif dan bersikap terbuka, mengakui kelemahan dan kelambatan yang ada dalam sebahagian perkhidmatan kerajaan.

Contohnya, dalam pemprosesan permohonan-permohonan bantuan-bantuan kebajikan, penyelesaian tuntutan-tuntutan kewangan rakyat dan sebagainya. Proses-proses yang ada perlu diperbaiki untuk perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat.

Adalah juga perlu untuk mendengar dan memanfaatkan pemikiran-pemikiran baharu melalui perbincangan dan sesi dialog bersama golongan yang berpendidikan dan berkemahiran, seperti para belia, graduan dan pegawai-pegawai dalam kerajaan yang berpotensi tinggi tanpa mengira pangkat dan kedudukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sektor pelancongan, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita mempunyai banyak bangunan ikonik dan tempat tarikan pelancong untuk dipromosikan.

Dari alam semula jadi yang hijau kepada yang berunsurkan keislaman ataupun berbentuk pengembaraan dan kesukanan. Strategi dan promosi perlu dilipatgandakan dengan lebih aktif dengan perancangan-perancangan strategik untuk menarik masuk lebih banyak pelancong ke negara ini.

Kaola mengambil kesempatan ini agar kementerian yang berkenaan merancang Tahun Melawat Brunei untuk jangka masa 2 tahun ke hadapan dengan tema yang khusus yang dapat menarik dan mula bergerak membuat persiapan-persiapan yang perlu.

Ini bukan sahaja akan menarik minat pelancong dari luar negeri, tetapi yang lebih penting untuk memastikan rakyat Negara Brunei Darussalam melancong dan berbelanja di negara sendiri. Ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi pelancongan kita dan membukakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Kaola masih menaruh harapan tinggi berkaitan kos menunaikan ibadah Haji di negara ini. Kaola berpendapat masih ada ruang dan peluang untuk pengurangan kos berkenaan dengan perbincangan-perbincangan bersama pihak-pihak yang berkepentingan dan meneliti serta menilai aspek-aspek yang di bawah kawalan kerajaan untuk

membuat penyelarasan harga yang lebih berpatutan bagi membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk menunaikan ibadah Haji bagi kali pertama.

Perlindungan bagi kaum wanita dan kanak-kanak merupakan satu kewajiban khususnya dalam konteks dunia teknologi masa kini.

Dasar-dasar dan akta-akta yang melindungi kedua-dua golongan ini perlu diperkukuh dan segera dikuatkuasakan. Reka bentuk bangunan yang mempromosikan inklusiviti bagi semua anggota masyarakat juga perlu difikirkan untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi golongan Orang Kurang Upaya dan Warga Emas lebih berdikari dalam komuniti meskipun memiliki kelainan fizikal dan keupayaan. Stigma masyarakat terhadap pesakit kesihatan mental juga perlu dihapuskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Peranan pengusaha-pengusaha warga tempatan dalam pertumbuhan ekonomi tidak dapat dinafikan dan hendaklah disokong oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan menyediakan kemudahan dan kemahiran yang bersesuaian serta mewujudkan persekitaran yang membantu perkembangan mereka ke tahap yang lebih baik secara berterusan.

Peniaga-peniaga "ali baba" tidak seharusnya mendapat tempat di negara ini. Tindakan yang lebih tegas perlu diambil untuk memberikan hak perniagaan kepada warga tempatan.

Para pemimpin hendaklah bersikap lebih telus 'membarigakan' apa jua dasar dan inisiatif yang dirancang, mengongsikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara serta bersifat lebih terbuka, memeduli, mendengar dan memberikan respons terhadap pandangan dan keluhan rakyat, meskipun hanya yang diluahkan di media-media sosial.

Sifat pemedulian ini akan membuatkan rakyat merasa didengar dan dihargai oleh pihak berwajib dan إِنْ شَاءَ اللهُ dengan kefahaman yang mendalam, rakyat akan memberikan kepercayaan mereka dan lebih mudah untuk mereka menyokong dan menerima sebarang perubahan dengan hati yang terbuka dan bersedia untuk maju ke arah kehidupan yang lebih cemerlang.

Dalam hal ini, kaola menyambut baik dan terus memberikan sokongan padu terhadap strategi dan inisiatif kolaborasi antara sektor kerajaan, swasta dan *NGO's* serta semua golongan masyarakat umum di luar sana untuk diusahakan secara bersepadu untuk satu tujuan dan matlamat iaitu mencapai kebajikan rakyat dan kestabilan sosioekonomi negara semata-mata.

Berkat perpaduan semua rakyat, petunjuk ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ serta dengan bertawakal kepada-Nya, إِنْ شَاءَ اللهُ kita mampu merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam ini menjadi بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ, iaitu negara yang baik (aman makmur), yang mendapatkan keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Yang Maha Pengampun.

Marilah kita semua mencontohi kepimpinan رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ sebagai amalan dalam tadbir urus kerajaan di Negara Brunei Darussalam ini dengan bersandarkan empat sifat Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang masyhur, iaitu: Siddiq (Jujur), Amanah (Dipercayai), Tabligh (Menyampaikan) dan Fatanah (Bijaksana).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Penutup kalam, kaola memohon doa ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ agar melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melimpahkan rahmat-Nya dan mengurniakan nikmat kesihatan dan keafiatan kepada baginda dan ahli-ahli kerabat diraja serta seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini agar hidup aman dan makmur dalam keadaan ekonomi yang mampan mengikut petunjuk, keberkatan dan keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ di dunia dan di akhirat, إِنْ شَاءَ اللهُ. آمِيْنُ.آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن.

Kaola juga memohon kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat andai "tersuruk Langkah" dan terkasar bahasa dalam ucapan kaola hari ini. Mohon dimaafkan segala kekurangan dan kelemahan yang ada. Akhir kalam, kaola ucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa pada bulan Ramadan al-mubarak ini.

Semoga nikmat kesihatan, rahmat dan keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sentiasa melimpahi kehidupan 'kitani' serta ahli keluarga dan selamat menyambut bulan Syawal yang mulia nanti, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sekian, Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-8 Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم.
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin merafakkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, Tahun 2024 dan mengurniakan titah yang penuh berwawasan dan prihatin terhadap hal-ehwal rakyat.

Seterusnya, kaola suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk bersama-sama menyertai Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

Tidak lupa juga kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Mulia, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan keseluruhan warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan mereka yang terlibat telah berkerja dengan keras dalam memastikan kesempurnan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini berjalan dengan lancar.

Penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya juga kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri atas pencerahan dan respons yang komprehensif serta begitu jelas tentang isu-isu atau perkara-perkara yang abiskaola sebelah sini timbulkan di Dewan yang mulia ini.

Kaola dengan penuh semangat menantikan jawapan bertulis yang akan diajukan oleh kementerian-kementerian berkaitan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , kaola bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu membiayai belanjawan yang besar untuk pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Kaola yakin bahawa kementerian-kementerian, *Government Linked Companies* dan pihak-pihak terlibat lainnya, bekerja keras untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kita perlu mengejar pertumbuhan Negara Brunei Darussalam tanpa henti. Terdapat pelbagai sektor utama yang sudah kita kenal pasti dengan memberi fokus utama bagi mengekalkan kemakmuran negara kita seperti keterjaminan air dan tenaga, termasuklah minyak dan gas huluan dan hiliran, peningkatan sara diri dalam bekalan makanan dan juga pertumbuhan ekonomi dalam sektor pelancongan untuk pertumbuhan negara.

Namun, kaola berpendapat tiba masa bagi kita membuat transformasi yang besar kerana langkah-langkah kecil yang ada belum lagi memberi impak yang efektif seperti yang dihasratkan. Salah satu aspek penting dalam transformasi ini adalah memanfaatkan potensi generasi muda sebagai ejen perubahan yang proaktif.

Ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-77 bahawa baginda menyatakan Negara Brunei Darussalam perlu bergerak lebih cepat, dengan menggalakkan lebih banyak *Foreign Direct Investment* yang berkualiti untuk membantu mempelbagaikan ekonomi dan dalam masa yang sama, menyediakan peluang pekerjaan dan *spin off* untuk perniagaan kecil dan sederhana tempatan.

Dari segi pendidikan, kaola berpendapat bahawa kementerian perlu memberikan perhatian serius terutama bagi transformasi pendidikan teras untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan *'O' Level* yang kekal pada kadar yang rendah untuk sepuluh tahun kebelakangan. Hal ini membimbangkan kerana ianya berkaitan rapat dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.

Dari segi pelancongan, kaola juga menggalakkan usaha untuk menarik lebih banyak pelancong ke Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai acara antarabangsa seperti mengadakan *marathon* di Jambatan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan strategi pemasaran yang lebih cekap bukan sahaja untuk menarik minat pelancong tetapi memastikan rakyat kita berbelanja di negara 'kitani'. Kaola teruja dengan *Tourism Industry Roadmap* yang dijanjikan dan berharap ia akan dilaksanakan segera bagi mempercepatkan pertumbuhan sektor pelancongan kita, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Dalam konteks kesihatan, penting bagi kita untuk mengakui perlunya mengurangkan stigma sosial terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. Sejalan dengan perkembangan dunia digital yang semakin pesat, keprihatinan yang berterusan terhadap perlindungan golongan *vulnerable* seperti wanita dan kanak-kanak perlu diberikan keutamaan.

Selain itu, kemakmuran ekonomi kita juga bergantung pada faktor-faktor seperti kadar penurunan jenayah, kemiskinan, dan pengangguran. Kadar-kadar ini seharusnya dijadikan sebagai *indicator* bagi kemajuan negara kita.

Semakin tinggi kadar peningkatan, seharusnya kita harus bertungkus-lumus untuk memperkasa ekonomi kita, mempertingkatkan lagi ekonomi dengan memajukan sektor-sektor seperti pertanian, pelancongan, pengukuhan industri tenaga dan sebagainya.

Pemerkasaan peniaga-peniaga tempatan harus diteruskan, terutama sekali di tapak-tapak perniagaan kerajaan dan bumiputera. Elemen *rent seeking* atau konsep "ali baba" di dalam ekonomi kita haruslah dikawal dan digubal satu Rang Undang-Undang untuk menangani isu ini bagi membendung usaha meraih keuntungan "atas angin".

Dari segi peluang pelaburan yang baharu, ia harus diambil dengan cepat. Kaola mencadangkan satu pasukan khas perlu ditubuhkan untuk memastikan peluang-peluang ini dapat direalisasikan dengan berkesan, terutama dengan

fokus kepada sektor-sektor yang memberikan impak yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Di samping itu, kita juga perlu ikut serta dalam arena global untuk mempromosikan negara kita, khususnya dalam isu perubahan iklim melalui Pusat Perubahan Iklim *ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change; ACCC)* yang telah dinanti-nantikan.

Di sini juga, kaola berharap Negara Brunei Darussalam akan terus lebih aktif memainkan peranannya di arena diplomasi dengan rakan serantau bagi mempercepatkan lagi usaha-usaha yang dapat membantu menaikkan imej negara terutama dalam *ACCC* ini.

Dalam era ekonomi "hijau", kaola menyarankan perlunya *BNCCP* ini untuk disemak semula dengan menetapkan Indikator Prestasi Kunci *(KPI's)* yang selaras dengan pelan pertumbuhan ekonomi negara, seperti penjanaan pekerjaan "hijau" dan pertumbuhan KDNK di industri hijau.

Ini akan dapat membentuk strategi pertumbuhan ekonomi baharu yang lebih mampan dan dalam masa yang sama menjadi salah satu negara peneraju utama dalam kemajuan aktiviti menangani perubahan iklim dengan dan visi yang jelas untuk memanfaatkan keberadaan *ACCC* di negara ini.

Bersama-sama dengan pembangunan ekonomi, tidak lupa juga *cultural transformation* dalam kerajaan. Ini adalah penting kerana sebagai jentera negara, kita harus merangkul budaya yang menghargai dialog terbuka, ketelusan dan akauntabiliti, memastikan bahawa suara rakyat kita didengar dan kebimbangan mereka ditangani tanpa rasa bimbang.

Pemimpin dalam sesebuah organisasi juga adalah penting dalam menggerakkan kemajuan. Kita harus mengambil pendekatan berorientasikan hasil dan membina kumpulan pemimpin yang komited kepada inovasi dan keunggulan, dari peringkat tertinggi kerajaan hingga peringkat akar umbi.

Rakyat kita yang berpendidikan tinggi, yang berkhidmat dalam sektor kerajaan, dengan kekayaan pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki, haruslah dimanfaatkan sebaiknya pandangan mereka untuk memaklumkan pembuatan dasar kita. Kaola percaya mereka juga mempunyai pelbagai cita-cita dan aspirasi untuk meneraju pembangunan negara bersama.

Akhirnya, mari kita singkirkan sebarang kekangan dan merangkul semangat, cita-cita dan keazaman yang tinggi dalam mengejar aspirasi negara kita. *Idea* negara kita yang sangat kecil dari pelbagai aspek, pada kaola perlu dikembangluaskan. Bak kata pepatah, Kecil-kecil cili padi; Brunei meskipun kecil haruslah berani mengharungi cabaran yang sangat kompleks ini. *Lead by example,* إِنْ شَاءَ اللهُ, rakyat akan mengikut juga.

Dengan mencabar diri untuk melampaui batasan yang dilihat, kita dapat

menggenggam penuh potensi negara dan mencapai kemajuan seiring dengan impian kita.

Kaola berdoa semoga ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan terus mengurniakan rahmat dan kebahagiaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat baginda serta seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dalam aman tenteram dan makmur. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-9 akan disampaikan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم, lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas memimpin permesyuaratan dengan ramah dan cekap serta kadangkala tegas, namun abiskaola sangat memahami tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua amatlah berat.

Tidak lupa merakamkan terima kasih kepada Yang Mulia, Puan Jurutulis dan Yang Mulia, Puan Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana dapat mengurus dan melaksanakan musim permesyuaratan kali ini dengan sempurna dan berjalan dengan lancar.

Kaola sukacita menarik perhatian berkenaan dengan peranan belia dalam pembangunan negara. *Direction* serta bimbingan secara berterusan adalah penting bagi mewujudkan belia yang lebih bertanggungjawab dan komited menjayakan semua bentuk kemajuan dan pembangunan negara.

Memahami kehendak belia serta kemampuan mereka mampu mencipta pelbagai kejayaan dalam melaksanakan program-program belia yang menjurus kepada teknologi, sosial dan kemasyarakatan.

Justeru, kaola sangat-sangat berharap agar semua bentuk program dan projek yang akan dan sedang dilaksanakan sewajarnya perlu melihat kepada nadi dan kehendak belia.

Sehubungan dengan itu, segala cadangan dan saranan yang melibatkan pembangunan belia pada musim permesyuaratan di Dewan yang mulia ini hendaklah diberi perhatian dan dijadikan inti pati bagi 'mengungkayahkan' program-program yang lebih baik.

Program-program integrasi belia bersama Majlis Perundingan Kampung hendaklah 'diungkayahkan' ke arah memantapkan lagi kegiatan belia agar lebih berkesan dan efektif melalui kepimpinan akar umbi yang banyak menyumbang kepada kesejahteraan dan

sosioekonomi masyarakat mukim dan kampung ke arah mewujudkan kemajuan yang seimbang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pelbagai kenangan dan pengalaman telah kaola diterima sepanjang mengikuti musim permesyuaratan di dewan yang mulia ini, pelbagai isu dan permasalahan rakyat sering disuarakan, namun niat dan hasrat ke arah penyelesaian dan pertimbangan amatlah tinggi kerana akhirnya sebarang kejayaan dalam melaksanakan kepentingan rakyat dan negara itulah yang akan menjadi "kayu ukur" kepada kejayaan kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kaola juga ingin menyentuh berkenaan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Kaola mengharapkan semua usaha ke arah ini hendaklah dilaksanakan dengan lebih teratur dan sabar. Setiap pelaksanaan perlu melihat kepada kapasiti dan kemampuan kita.

Setiap pelaksanaan hendaklah bermula dari akar sehingga ia tumbuh menghasilkan buah iaitu kejayaan yang diharapkan. Tidak ada jalan mudah atau jalan pintas, kita harus menerima hakikat ini. Kalau kita melihat kepada sejarah kejayaan ahli perniagaan Jack Ma pengasas *"ali baba"* yang telah menerima kegagalan mampu bangkit sehingga mewujudkan sebuah empayar perniagaan *e*-Dagang yang terkemuka dunia.

Inilah yang menjadi harapan kita bagi melahirkan ahli-ahli perniagaan yang berjiwa besar bagi mencipta sumber ekonomi baharu yang berdaya maju. Namun pada itu kejayaan ini tergantung pada komitmen kita untuk berubah, bersikap lebih terbuka untuk membuat perubahan dan transformasi tanpa mengetepikan nilai-nilai kebruneian berlandaskan Melayu Islam Beraja.

Perubahan dasar dan peraturan yang sedia ada perlu diteliti dan dilaksanakan sejajar dengan kehendak masa yang terlalu cepat berubah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dari sudut pembangunan negara, kaola menyambut baik di atas perancangan strategik pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian berkenaan di dalam kemajuan daerah-daerah dengan melaksanakan beberapa projek di bawah RKN-12. Justeru, kaola sangat-sangat mengharapkan agar Daerah Tutong tidak terkecuali mendapat manfaat yang sama.

Ini termasuklah bagi membangunkan Pekan Tutong sebagai sebuah perbandaran yang strategik dalam sektor perekonomian, pelancongan dan sosial kemasyarakatan. Selain itu, perancangan ke arah menaik taraf infrastruktur seperti Jalan Enche Awang dan kawasan Jeti Pekan Tutong kepada mesra pengguna dan alam sekitar memerlukan perhatian yang sewajarnya.

Isu-isu kesesakan lalu lintas di lampu isyarat Lebuh Raya Telisai - Tutong pertemuan antara Jalan Enche Awang dan Jalan Kuala Tutong hendaklah ditangani secara serius dengan mengambil kira kepentingan serta keperluannya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhirnya, kaola sudahi Ucapan Penangguhan ini dengan pantun:

Baik budi baiknya hati,
Tersusun bahasa budaya kita,
Mohon pertimbangkan dengan teliti,
Agar penyelesaian dapat dikota.
Anak kampung 'mengusai' atap,
Hidup bersendirian sebatang kara,
Kaola memohon ampun dan maaf,
Jika terlanjur tutur bicara.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-10 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara. Selamat pagi dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memimpin dan mengendalikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dengan sempurna, penuh kesabaran dan kewibawaan yang tinggi.

Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Mulia, Jurutulis dan Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat negara serta kakitangan dan pegawai Jabatan Majlis - Majlis Mesyuarat atas kerjasama dan kecekapan yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini dijalankan.

Dalam interaksi dan perbualan dengan pelbagai jabatan di seluruh kementerian adalah jelas bahawa pentingnya keperluan tindakan kerjasama yang lebih padu dan ketara antara semua pihak dalam kementerian. Sinergi dan kerjasama sedemikian adalah amat penting bagi mengelakkan kehadiran dasar yang tidak produktif yang boleh menghalang inisiatif pihak kerajaan secara kolektif.

Kaola amat berharap dan tidak sabar untuk menyaksikan penyejajaran yang lebih *cohesive* dan mantap dalam semua kementerian yang akan mengukuhkan asas dan landasan kita serta mendorong semua pihak untuk mencapai objektif bersama dengan lebih cekap dan produktif.

Memandangkan peningkatan kebergantungan agensi-agensi kerajaan terhadap media sosial dalam 'membarigakan' pemberitahuan dan penglibatan awam, ditambah lagi dengan kepentingan kaji selidik dalam memahami pendapat orang ramai bagi membuat dasar atau *policy making*, terdapat kebimbangan yang ketara

mengenai keberkesanan dan pengurusan profesional platform ini.

Meskipun dengan adanya usaha terbaik dari agensi-agensi kerajaan, nampaknya kaedah semasa melibatkan media sosial dan dengan menjalankan kaji selidik mungkin masih tidak mencukupi untuk mengesan dan mencapai sasaran serta kehendak demografi yang diperlukan.

Walaupun sesetengah jabatan telah menjalankan usaha mereka dengan baik komunikasi dalam media sosial yang kurang berkesan boleh membawa kepada salah tanggapan atau interpretasi orang ramai tentang *stagnation* atau kurangnya kemajuan sehingga menjejaskan usaha gigih pegawai-pegawai jabatan.

Oleh yang demikian, disarankan supaya agensi kerajaan menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan para pegawai di semua kementerian dalam menguruskan media sosial dan menjalankan kaji selidik dengan lebih berkesan. Selain itu, disarankan juga supaya ditubuhkan sebuah akademi untuk meningkatkan piawaian dalam perhubungan awam.

Dalam konteks cita-cita kita untuk menjadikan sebuah negara yang *Smart Nation* adalah penting untuk mempertimbangkan kajian semula bagi asas Kurikulum *ICT* di Kementerian Pendidikan iaitu dicadangkan agar pendedahannya dimulakan seawal peringkat sekolah rendah.

Inisiatif ini amat penting untuk mempersiapkan dan melengkapkan generasi yang akan datang dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membantu ke arah, serta menyumbang kepada perubahan dunia yang semakin digital.

Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan perpaduan demi matlamat dan hala tuju yang jelas dalam usaha ini serta komited sepenuhnya dalam merealisasikan wawasan kita untuk pencapaian dan kemajuan negara dengan kerjasama yang kukuh dari semua pihak, kita pasti dapat mencapai kemajuan yang amat signifikan dan menetapkan landasan yang kukuh bagi masa depan yang sejahtera dan inovatif untuk Negara Brunei Darussalam.

Dewan MMN tempat bertemu,
Senangnya rasa Ahli
Yang Berhormat semua,
Baliknya kita membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam Ramadan.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan penangguhan yang ke-11 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya juga dan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita kini sampai ke penghujung Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه hampir semua tajuk belanjawan kementerian telah dapat dibahaskan sepanjang 18 hari persidangan dan diluluskan dengan sebulat suara.

Kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang bijaksana, sabar dan tegas dari awal persidangan hingga ke hari ini.

Persidangan telah berlangsung dalam suasana yang tenang, mesra, hormat-menghormati serta dengan penuh tanggungjawab.

Dalam kesempatan ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Mulia, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah selaku Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Mulia, Jurutulis, Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra dan pegawai-pegawai Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bekerja *behind the scene* untuk memastikan mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara berjalan dengan teratur.

Kaola dengan tulus ikhlas sekali lagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Saádul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan atas limpah kurnia titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah bagi negara meneruskan dan mempertingkatkan lagi usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberi tumpuan kepada industri-industri strategik yang negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk berjaya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه hampir semua Rang Belanjawan telah dapat dibahaskan dalam suasana yang mesra, saling memahami akan peranan masing-masing di samping sama-sama mencari solusi yang terbaik bagi permasalahan.

Banyak isu yang dibangkitkan tetapi tidak kurang juga cadangan-cadangan termasuk lebih 700 soalan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi pertimbangan Yang Berhormat Menteri-Menteri. Semogalah semua pandangan dan cadangan diambil secara positif. *For whatever it is worth.*

Dalam kita sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu perundingan timbal balik untuk memastikan *inclusiveness* bagi membantu reka dasar kerajaan.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri atas sikap terbuka dan toleransi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Kaola menyokong sepenuhnya hala tuju dan perancangan strategik serta tindakan-tindakan yang berkaitan kementerian masing-masing. Beberapa pencapaian dan objektif utama telah dikongsikan dan kita mengalu-alukan pencapaian setiap kementerian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidaklah akan berpanjang lebar dalam Ucapan Penangguhan ini kerana apa yang ingin kaola sampaikan telah pun kaola sampaikan dan juga oleh Yang Berhormat rakan-rakan lain semasa membahaskan peruntukan belanjawan kementerian.

Kaola cuma ingin merumuskan inti pati apa yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan ini dan juga apa yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan iaitu usaha mempelbagaikan ekonomi yang perlu kita teruskan.

Aktiviti perekonomian dalam sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan dilaksanakan berterusan perlu dipertingkatkan, diperkukuhkan, usaha kita untuk menarik pelabur asing mesti juga dipertingkatkan, mengenal pasti dan memfokus kepada industri-industri strategik, melahirkan tenaga kerja yang berkelulusan tinggi dan berkemahiran dan tetap fokus kepada mencapai Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Antaranya juga ialah menambah pekerjaan dan mengurangkan pengangguran. Meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan kemiskinan. Memelihara kesihatan rakyat, persekitaran yang bersih dan tidak tercemar. Keselamatan negara di bawah Kementerian Pertahanan dan juga melalui perhubungan diplomatik yang kukuh dan rapat.

Kaola juga ingin menambah mewujudkan ekosistem perniagaan yang *business*

friendly sebagai *prerequisite* untuk menarik Pelabur Langsung Asing dan menggalakkan perniagaan. Kaola yakin setiap kementerian dalam menggunakan peruntukan yang telah diluluskan akan berusaha menggunakannya secara berhemah dan sebaik mungkin bagi pembangunan dan kemajuan negara kita untuk menuju kepada *the big future* yang kita ini akan *better off today than yesterday*, sesuai dengan tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Sekian sahaja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sudahi dengan mendoakan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan seluruh kerabat diraja sentiasa mendapat rahmat daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, sentiasa sihat walafiat dan nikmat umur yang panjang.

Sekian, terima kasih.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya cadangkan supaya kita tangguhkan dahulu Persidangan Mesyuarat kita ini bagi membolehkan kita berehat selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-12 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلهِ kita bersyukur dengan izin ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana telah dapat bersidang selama 18 hari dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dengan penuh rasa muhibah, berjalan dengan lancar.

Kaola dengan hati yang tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas kepimpinan, kebijaksanaan serta kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang mesyuarat ini.

Terima kasih kaola tujukan kepada Yang Mulia, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah dan Yang Mulia, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran

Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama yang diberikan sepanjang persidangan ini.

Dalam kesempatan ini, kaola juga tidak lupa merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri kerana memberikan penjelasan dan pencerahan kepada soalan-soalan yang telah diajukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita memfokus dalam Ucapan Penangguhan ini kepada kepentingan pengawasan perbelanjaan kerajaan, pembangunan sosioekonomi melalui pelaksanaan projek yang berkesan, melalui semua peringkat pegawai setiap kementerian dengan memberikan kualiti perkhidmatan yang tinggi, penuh efisien dan penuh tanggungjawab.

Pengawasan dan pemantauan perbelanjaan kerajaan merupakan tanggungjawab yang amat penting. Ia tidak hanya melibatkan kewangan negara tetapi juga hendaklah berkesan dalam pengurusannya.

Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan diurus dengan berhemah, teliti dan rapi serta mematuhi tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan. Semua harus dipantau dengan bersungguh-sungguh dengan berkesan supaya tidak ada ketirisan dan tidak ada rancangan yang tertangguh menurut tempoh masa yang ditetapkan.

Selain itu, adalah penting setiap pegawai memahami bahawa setiap projek yang dilaksanakan oleh kerajaan mempunyai impak langsung terhadap kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Projek-projek ini tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negara, tetapi juga memastikan bahawa semua lapisan masyarakat dapat menikmatinya.

Dalam hubungan ini, adalah penting usaha hendaklah diteruskan dalam meningkatkan aliran Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* dengan tindakan-tindakan yang cepat supaya mereka tidak akan beralih untuk melabur di negara-negara lain.

Semoga *FDI* ini akan dapat menambah kemakmuran dan meningkatkan lagi kehidupan raykat di negara ini. Peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dan dalam masa yang sama mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Dari segi pendidikan, akan bertambah lagi rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkualiti. Semua kemudahan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi mempunyai kelengkapan yang canggih seperti alat peranti mudah alih dan mudah diakses oleh semua pelajar.

Suasana pengajaran dan pembelajaran lebih kondusif bagi semua warga sekolah dan pendidikan tinggi. Tidak kurang penting juga, guru yang boleh membimbing dan membantu pelajar yang berkeperluan khas.

Mengenai Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), ia haruslah dipercepatkan

pembinaannya kerana ini adalah langkah penting dalam memperkukuhkan pendidikan, terutamanya dalam bidang pengetahuan berasaskan ilmu Islam, sejajar dengan nilai-nilai kebudayaan dan agama kita. Sebagai universiti Islam yang tulen yang bertaraf dan berkualiti tinggi di persada antarabangsa, pembinaan dan pembangunannya mestilah ikonik yang menjadi bukan sahaja rakyat di Daerah Temburong tetapi semua kita di negeri ini. Kaola yakin bahawa dengan membangunkan institusi pendidikan yang berkualiti dan memartabatkan kepentingannya, kita dapat meluaskan lagi ilmu-ilmu Islam, pemahaman, pengamalannya dalam masyarakat kita.

Dalam sektor pelancongan, kita berharap akan lebih ramai lagi pelancong-pelancong dari luar negara terutamanya pelancong *high-end* dengan adanya kemudahan-kemudahan yang sedia ada ditambah baik dan tempat-tempat baharu yang menarik dibina di negara ini. Ini akan juga membuka ruang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dalam sektor ini.

Di hospital-hospital dan klinik-klinik, kakitangan kesihatan seperti juga ahli-ahli berpakaian uniform dapat dilihat dan diperhatikan bahawa pegawai-pegawai kesihatan seperti jururawat dan doktor-doktor memberikan penjagaan dan rawatan kepada semua peringkat pesakit dari anak-anak damit, wanita, orang tua dengan penuh komitmen dan dedikasi serta penuh tanggungjawab.

Walaupun diketahui bahawa pada masa wabak *COVID-19* yang berbahaya dan berisiko tinggi yang boleh memudaratkan mereka, tetapi mereka menghadapi semua cabaran ini dengan terus bekerja dengan bersungguh-sungguh, *beyond the call of duty*. Akan tetapi amatlah sedih, mereka ini kurang diberikan penghargaan dan penghormatan atas jasa-jasa mereka. Sebaliknya, mereka diberikan kata-kata yang kurang disenangi oleh sebahagian orang ramai. Oleh yang demikian, sebagai usaha kesedaran kolektif, sepatutnya mereka ini patut diberikan penghargaan dan pengiktirafan yang tinggi.

Dalam segala usaha kita membangun dan memajukan negara, marilah kita berdoa semoga semua projek yang diluluskan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 akan berjalan dengan baik dan lancar seperti yang diharapkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ini tidak pandai berpantun dan bersyair tetapi dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola akan membaca sebuah puisi yang dicipta oleh seorang anak muda yang sentiasa mengikuti persidangan dalam Dewan yang mulia ini. Beliau mempunyai kelulusan *BA* dan *MBA* tetapi belum mempunyai pekerjaan.

Begini puisi beliau:

Di mesyuarat ini kami bersyukur,
Bersama-sama dengan izin Illahi
yang luhur,

Terima kasih Yang Berhormat Yang
Di-Pertua,
Penuh muhibah lancar jalan
mesyuaratnya.

Ucapan tahniah untuk kepimpinan
yang tulus,
Keberhasilan mesyuarat, tanda
kesabaran yang khusus,
Terima kasih kepada Jurutulis dan
Pegawai-Pegawai,
Kerjasama yang diberikan sungguh luar
biasa.

Menteri-menteri terima kasih
atas penjelasan,
Pengawasan perbelanjaan
tanggungjawab bersama,
Projek yang berkesan untuk
kesejahteraan rakyat,
FDI meningkat, pengangguran pun
kurang amat.

Universiti Islam Sultan Sharif Ali penting
disegerakan,
Pendidikan berkualiti, nilai keagamaan
terjaga,
Kita tawakal kepada Allah dalam segala
usaha,
Ramadan yang berkat, ampun dan maaf
dipohon.

Semua kesilapan datang dari kita juga,
Terima kasih Yang Berhormat
Yang Di-Pertua,
Dengan kesungguhan dan doa
yang tak putus,
Ke arah kebaikan bersama kita terus.

Kaola dalam bulan Ramadan yang berkah ini, memohon ampun dan maaf zahir dan batin sekiranya terdapat tutur kata yang kurang manis dan sorok langkah yang tidak disenangi.

Dengan bertawakal kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kaola memohon supaya terhindar daripada fitnah dunia dan akhirat. Yang baik itu adalah ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, semua kesilapan, kelemahan dan kekurangan itu adalah datang daripada kaola juga.

Pada akhirnya, kaola memohon doa ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ agar melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melimpahkan rahmat-Nya dan mengurniakan nikmat kesihatan keafiatan kepada baginda dan ahli-ahli kerabat diraja serta seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini, agar hidup aman dan makmur dalam keadaan ekonomi yang mampan, mengikut petunjuk, keberkatan, keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dunia dan akhirat آمِيْن يَا رَبَّ العَالَمِيْنَ. إِنْ شَاءَ الله

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-13 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan kaola untuk memberikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه bersyukur kita ke hadrat اَللَّه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ bahawa dengan izin-Nya juga, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 telah bersidang dengan jayanya.

Kaola dengan penuh rasa tulus ikhlas mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin pemuzakarahan di peringkat Majlis Mesyuarat Negara dan juga di peringkat Jawatankuasa. Ia dijalankan dengan lancar dan berjalan dalam suasana yang harmoni.

Kala juga merakamkan tahniah dan terima kasih kepadaYang Mulia Jurutulis dan Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta semua yang terlibat dalam menjayakan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan penuh dedikasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyambut baik peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Kaola berharap dengan belanjawan yang diluluskan ini maka pihak kementerian akan lebih bijaksana serta amanah dalam melaksanakan perancangan demi kemaslahatan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini.

Kaola juga menyokong dan menyambut baik atas usaha-usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat melalui kementerian-kementerian dengan peruntukan yang diberikan.

Kaola juga bersyukur kerana kita dapat menikmati hidup dengan aman dan makmur serta negara akan terus membangun berkat dan daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola juga berharap, semoga isu-isu yang ditimbulkan atau saranan yang diberikan akan diambil perhatian dan tindakan dengan penuh pertimbangan dan kebijaksanaan dengan perhatian dan tindakan terhadap isu-isu tersebut serta turun padang.

Ia akan lebih memacu ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035. Segala perbincangan dan saranan dalam permesyuaratan ini, masyarakat di luar sana sentiasa menilai dan menantikan penyelesaian.

Segala isu yang dibangkitkan terutama isu-isu yang perlu diambil tindakan segera seperti masalah jalan raya, air, elektrik, masalah isu proses permohonan yang memakan masa yang lama dan lain-lain lagi yang perlu diperhatikan dan dikaji demi kebaikan semua pihak.

Di samping itu juga, isu pengangguran yang masih belum dikurangkan ke tahap yang lebih baik. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. ان شاء الله kaola selaku pemimpin akar umbi akan terus berusaha dan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menangani apa juga kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat khususnya masyarakat kampung di bawah tadahan kaola.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengundur diri, kaola tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang kaola bercakap dan memberi pandangan dan perbincangan-perbincangan mengenai peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Semoga segala isu yang dibangkitkan dan saranan yang diberikan akan dijadikan sebagai bahan pertimbangan dalam melaksanakan apa juga tindakan demi penambahbaikan pentadbiran kerajaan.

Kaola juga tidak lupa merakamkan tahniah kepada semua kementerian atas usaha yang gigih demi kemajuan negara dan juga demi kesejahteraan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini dengan penuh kesabaran dan bertanggungjawab.

Semoga usaha yang baik dan ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan keredaan daripada اللهُ juga.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-14 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan ini dan merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan Ucapan Penangguhan mereka bagi Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Semoga apa-apa disampaikan dapat diteliti dan diambil

perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan sebagai panduan ke arah menyelesaikan permasalahan dan merancang sebarang pembangunan yang lebih strategik dan relevan, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sepanjang Musim Permesyuaratan Ke-20 berlangsung banyak isu dan pertanyaan disuarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, adakalanya isu-isu berkenaan merupakan isu-isu popular yang sering ditimbulkan pada setiap kali Musim Permesyuaratan diadakan.

Inilah yang disuarakan oleh rakyat tentang permasalahan yang masih belum diberi perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak berkenaan sehingga ia disuarakan lagi di Dewan yang mulia ini. Begitu juga berkenaan dengan cadangan kaola mengenai dengan Peruntukan Khas untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat ini.

Ini adalah kali kedua kaola bawakan untuk perhatian dan penelitian pihak-pihak berkenaan dan koala bersedia memberi penjelasan mengenainya jika diperlukan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bukan hanya menyuarakan isu-isu rakyat bahkan juga turut turun padang bagi menangani dan menyelesaikan sebarang masalah terutama yang memerlukan penyelesaian segera dan mendesak. Tidak semua masalah atau isu dapat ditangani secepatnya oleh pihak kerajaan mahupun agensi-agensi yang berkenaan disebabkan kapasiti yang terhad termasuklah hal-hal peruntukan kewangan.

Dalam pada itu, kaola mencadangkan agar disediakan Peruntukan Khas di bawah kapasiti Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang boleh digunakan bagi membiayai projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu yang memerlukan perhatian dan bantuan seperti membaik pulih bumbung rumah disebabkan bencana alam, membina jambatan sementara atau membaiki infrastruktur awam seperti jalan raya yang menimbulkan kesusahan kepada orang ramai, membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan terutama sekali misi-misi bantuan dan sebagainya.

Yang Berhormat Di-Pertua. Dalam kita sama-sama memperkatakan soal kemajuan dan pembangunan Pusat Bandar, kaola berpandangan sudah tiba masanya Kuala Belait diiktirafkan sebagai Pusat Bandar kedua selepas Bandar Seri Begawan memandangkan Kuala Belait merupakan kawasan industri minyak dan gas yang menjadi sumber ekonomi negara.

Pengiktirafan sebagai bandar kedua mampu memacukan lagi sektor perekonomian industri dan membuka peluang-peluang perniagaan kepada pelabur. Selain itu, Kuala Belait juga berpotensi dari segi geografi kerana berdekatan dengan pintu masuk negara jiran.

Selain itu, mempunyai penduduk yang berbilang bangsa serta kehadiran

pekerja-pekerja asing dalam industri minyak dan mampu menyumbangkan kepada pertumbuhan yang ekonomi yang lebih baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Slogan": Tekad Pemedulian Orang Ramai atau dikenali dengan TPOR adalah merupakan visi dan misi pihak agensi kerajaan ke arah memberikan perkhidmatan yang efisien kepada orang ramai mengikut tempoh yang ditetapkan. Namun pada itu, sejauh manakah TPOR ini dapat dilaksanakan kerana masih sahaja ada proses-proses permohonan yang masih perlahan?

Kaola berharap dengan adanya usaha-usaha ke arah menambah baik sistem maklumat dan perkhidmatan di setiap agensi kerajaan ia diharapkan mampu 'membisaikan' lagi sebarang kekurangan yang ada melalui RKN-12 sebanyak $10,936,558.00 telah disediakan ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Dengan peruntukan ini kapasiti perkhidmatan awam dapat dipertingkat dari semasa ke semasa, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kecekapan memimpin permesyuaratan ini dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Mulia, Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat di atas kelancaran Musim Permesyuaratan Ke-20 ini. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-15 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ الله وَبَرَكَاتُه

dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِله lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana mengemudi permesyuaratan di Dewan yang mulia ini dengan bijak dan penuh cermat serta teratur sehingga semua perbahasan dapat disampaikan dengan penuh yakin dan bersemangat.

Sekalung budi juga kaola sampaikan kepada Yang Mulia, Jurutulis dan Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis - Majlis Mesyuarat yang telah mengurus atau mengurus atur Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam era digitalisasi yang serba mencabar ini kita hendaklah sentiasa mencari jalan ke arah meningkatkan keupayaan diri khususnya

mempelbagaikan kaedah perkhidmatan agar lonjakan arus perubahan dapat diperkenalkan dalam pentadbiran kerajaan terutama sekali dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Ini termasuk memansuhkan penggunaan kertas dan beralih ke sistem atas talian sepenuhnya untuk sebarang proses permohonan. Langkah ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai.

Transformasi ini penting dilaksanakan kerana ketika ini masih saja ada proses permohonan untuk memperbaharui pasport dikehendaki setiap pemohon untuk mengemukakan salinan Kad Pintar dan pasport yang lama.

Kaedah ini sepatutnya tidak lagi dipraktikkan memandangkan kerajaan telah pun mempunyai sistem pengenalan data pemohon yang komprehensif.

Kaola menyeru agar usaha-usaha ke arah penambahbaikan proses untuk mana-mana permohonan di jabatan kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien agar tidak lagi membebankan orang ramai.

Namun pada itu, kaola juga menyambut baik dengan usaha kerajaan melalui projek-projek di bawah RKN-12 yang menyenaraikan pelaksanaan ke arah mengukuhkan infrastruktur *ICT* dengan penyediaan akses infrastruktur yang serba lengkap.

Negara Brunei Darussalam bukan sahaja akan memupuk pertumbuhan ekonomi digital tetapi juga memacu pemerkasaan masyarakat yang membawa kepada penyertaan di dalam ekonomi digital merentasi pelbagai industri termasuk pertanian, pendidikan, penjagaan kesihatan dan perubatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Peranan dan penglibatan masyarakat adalah penting bagi memantau menggerakkan agenda pembangunan negara.

Ini termasuklah usaha-usaha ke arah menghidupkan suasana Pekan Bangar. Ini dapat dilihat dengan penganjuran acara-acara seperti 'Temburong Bisai' mampu merangsang aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi. Penglibatan Majlis-Majlis Perundingan Kampung (MPK) dilihat serampang dua mata ke arah meramaikan Pekan Bangar sebagai destinasi hujung minggu.

Dalam perkara ini, untuk usaha yang berterusan, kaola sukacita mencadangkan agar diwujudkan Kalendar Acara Tahunan *(Yearly Event Calendar)* untuk Daerah Temburong khususnya Pekan Bangar yang menyenaraikan jadual acara-acara sepanjang tahun melalui rangkaian kerjasama pihak kerajaan, swasta dan Majlis Perundingan Kampung.

Dalam kesempatan ini juga, kaola juga sukacita menyuarakan berkenaan dengan

isu gaji bagi kakitangan swasta yang berpendapatan rendah. Isu ini sememangnya tidak disandarkan sepenuhnya kepada pihak kerajaan namun pada itu, ia juga berkait rapat dengan kualiti hidup masyarakat kita yang masih lagi ada pada tahap rendah berbanding dengan negara-negara maju.

Kita perlu melihat dan mencontohi negara lain yang berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Pendekatan dan amalan ini boleh saja dijadikan kaedah bagi mewujudkan ekonomi baharu yang lebih stabil dan dinamik seperti kata-kata motivasi 'Jika kita ingin melihat masa depan kita, ciptalah masa depan itu hari ini'.

Akhirnya, kaola dengan ingatan tulus ikhlas memohon maaf jika ada kata-kata serta "suruk langkah" kaola yang tidak sempurna sepanjang Musim Permesyuaratan ini berlangsung, sama ada disedari ataupun tidak disedari. Namun, kaola hanya melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Behormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-16 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita sudah sampai ke penghujung Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 dan berjaya membahaskan beberapa perkara berkenaan dengan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 dengan jayanya.

Ucapan tahniah dan terima kasih ditujukan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan memimpin permesyuaratan ini dengan sebaik mungkin.

Tidak lupa juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia, Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang berjaya melaksanakan urusan permesyuaratan ini dengan sempurna.

Yang Behormat Yang Di-Pertua. Sektor pertanian sering dilihat sebagai satu aktiviti ekonomi yang boleh membawa banyak impak positif kepada negara. Sektor ini mampu menjana pendapatan yang besar kepada negara dan petani. Hasil pertanian yang dituai oleh petani kecil boleh menjadi penyumbang rezeki.

Bagi tanaman komersial pula, negara dapat menambahkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melalui pengeksportan tanaman, secara tidak langsung pengaliran wang dari luar negara dapat ditambahkan dan memanfaatkan ekonomi negara.

Pendapatan yang stabil dari bidang pertanian akan membantu negara menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.

Selain itu, perkembangan pesat dalam sektor pertanian mampu menyediakan peluang pekerjaan yang cukup besar kepada rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Sejak zaman dahulu lagi pertanian merupakan pekerjaaan warisan yang menjana ekonomi negara. Pekerjaan dalam sektor pertanian bukan sahaja bekerja di ladang malahan meliputi pemprosesan dan pemasaran.

Justeru, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan perlu melihat kepentingan ini dengan memberikan bimbingan berterusan terutama sekali dalam memberi pendedahan kepada teknologi terkini kepada petani dan peladang bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran hasil yang lebih baik.

Selain itu, penguatkuasakan harga barang bersubsidi seperti baja hendaklah sentiasa dipantau agar para peladang dan petani tidak dibebankan dengan kenaikan harga yang melampau. Pemberian bantuan dan insentif daripada pihak kerajaan juga dilihat penting ke arah menggalakkan para usahawan baharu berkecimpung dalam sektor pertanian.

Semua pihak hendaklah melihat kepentingan sektor pertanian dan sektor "hijau" ini sebagai berpotensi untuk dimajukan, kita harus bersama-sama bak kata pepatah "Bagai aur dengan tebing' supaya sektor ini mendapat perhatian dan pengiktirafan yang sewajarnya.

Kerajaan sudah membuka jalan seluas-luasnya tentang kepentingan industri ini dan terus berusaha untuk menarik lebih ramai rakyat Negara Brunei Darussalam khususnya generasi muda turut menceburinya.

Kalau kita majukan pertanian, negara akan terus bertambah maju sekali gus mampu memantapkan ekonomi negara dalam sektor bukan minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam RKN-12 kerajaan memperuntukkan sebanyak $43,670,939 bagi mengukuhkan Sekuriti Makanan, dalam perkara ini kaola mengharapkan agar kajian-kajian diteruskan bagi menghasilkan benih-benih padi yang lebih baik dan mampu menghasilkan kapasiti beras tempatan yang konsisten.

Pembukaan tempat-tempat strategik dan pengunaan teknologi penanaman padi yang terkini membolehkan negara mencapai tahap Sekuriti Makanan yang dihasratkan إِنْ شَاءَ اللهُ Sebelum mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola dengan rasa rendah diri memohon maaf jika ada kesalahan dan tingkah laku kaola yang tidak menyenangkan sepanjang Musim Permesyuaratan ini berlangsung.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa, semoga segala amalan baik diberi ganjaran pahala daripada ٱللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

Amin. Kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini dengan serangkap pantun:

Bunga mawar putih suci bersih,
tumbuh mekar disiang hari,
mohon maaf dan terima kasih
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ kaola mengundur diri.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-17 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola bagi ikut serta dalam menyampaikan Ucapan Penangguhan ini. Kaola turut bersyukur ke hadrat آللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan rahmat-Nya juga kata sepakat telah pun dicapai dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 bagi semua kementerian.

Kaola menyokong penuh dan menyambut baik peruntukan belanjawan yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan mengharapkan ia digunakan dengan berhemah mengikut keperluan yang telah dirancangkan.

Dalam persidangan di dalam Dewan yang mulia ini juga, berbagai-bagai isu pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh orang ramai telah pun disampaikan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dengan baik dan jelas.

Ini bukanlah setakat di sini sahaja, bahkan akan diteruskan dari masa ke masa melalui permuzakarahan dan perjumpaan bersama pihak-pihak yang berkenaan. Semoga semua perbincangan seperti ini dapat diteliti secara mendalam dan untuk diambil tindakan sewajarnya.

Mengenai usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di negara ini, kaola selaku pemimpin akar umbi menyeru bagi mereka yang terlibat supaya akan dapat meningkatkan lagi hasil-hasil tersebut.

Ini termasuklah meningkatkan sokongan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam usaha mengembangkan 1 Kampung 1 Produk secara berterusan dan mengharapkan penglibatan para belia sebagai sukarelawan dalam program MPK ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengundurkan diri, kaola dengan penuh hormat sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana sekali lagi dapat memimpin dan memandu Persidangan

Majlis Mesyuarat Negara di Dewan mulia ini dengan penuh kebijaksanaan dan dapat menjadikan berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh muhibah.

Inilah cara 'kitani' 'calak' orang Brunei berpandukan konsep Melayu Islam Beraja. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas penyelenggaraan perjalanan mesyuarat yang teratur.

Juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga atas agensi-agensi kerajaan yang telah memberikan respons bagi menyokong dan membantu pembangunan dan sosioekonomi negara dari semua aspek untuk memastikan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-18 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sajehtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat-Nya jua kaola mendapat peluang untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini. Kaola lebih dahulu sukacita dengan penuh hormat dan takzim merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga kepada Yang Mulia, Jurutulis dan Yang Mulia, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama dan sokongan sepanjang permesyuaratan ini.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri atas kesabaran demi mendukung inisiatif-inisiatif dan semangat baharu untuk usaha menyokong pembangunan negara terutama sekali dengan mendengar suara masyarakat awam. Kaola berharap *whole of nation* dan *whole of government approach* amat penting bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan melibatkan kerjasama yang rapat antara satu kementerian dengan yang lain.

Kaola selaku pemimpin akar umbi ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas pimpinan Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas usaha-usaha mengadakan pendekatan dan permuzakarahan bersama kementerian yang berkepentingan untuk menyelesaikan masalah di peringkat daerah dan negara.

Kaola memohon ampun dan maaf jika ada "suruk langkah" dan kata-kata kurang manis sepanjang 18 hari dari Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 ini.

Kaola mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa, semoga ibadah Puasa dan amal jariah 'kitani' semua diterima oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ .
آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-19 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِين

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِله seperti juga sesi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2023 tahun lepas dan khusus sepanjang sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini yang berlangsung selama 18 hari, banyak perkara, isu dan persoalan yang telah dibahaskan dan juga perdebatan sihat dan profesional mengenainya.

Kaola percaya semua itu adalah satu petanda yang baik dan perlu 'kitani' ambil langkah-langkah ke hadapan mengenainya supaya apa yang dibahaskan dan didebatkan itu akan dapat diterima dengan pemikiran minda yang positif, membina dan diambil tindakan yang wajar dan cepat demi hasrat 'kitani' mencapai Wasawan Brunei 2035.

Sebelum kaola merungkai Ucapan Penangguhan kaola ini, kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kebijaksanaan, kewibawaan, kesabaran, lemah lembut tapi tegas menerajui mesyuarat-mesyuarat yang dijalankan sepanjang sesi Majlis.

Kaola sangat teruja bercampur terharu dengan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada usia yang sebegini tahan duduk, sebegitu lama berjam-jam, berhari-hari. Kaola yang berumur lebih 30 tahun muda dari Yang Berhormat Yang Di-Pertua pun terasa 'sangal' dan rasakan ter*cramp* saja.

Penghargaan dan terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis

Mesyuarat Negara dan warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang bekerja keras di belakang tabir, media massa, Radio Television Brunei, Jabatan Penerangan, akhbar "Media Permata", "*Borneo Bulletin"* dan lain-lain yang bertugas sepanjang sesi Majlis Mesyuarat Negara dengan penat lelah dan keringat mereka.

Terima kasih jua diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat jemaah menteri yang telah menjawab soalan-soalan, usulan-usulan dan cadangan yang diberikan daripada kaola dan rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

Semoga apa yang dibahaskan dan didebatkan dalam Dewan yang mulia ini akan mendapat rahmat dan ganjaran daripada أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن. Seperti juga sesi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2023 fokus kaola adalah sentiasa kepada membahaskan:

1. Strategi dan dasar ke arah penjimatan perbelanjaan kerajaan.;

2. Langkah-langkah dan inisiatif ke arah menaikkan lagi hasil pendapatan fiskal negara.;

3. Menyampaikan kemaslahatan pengusaha-pengusaha termasuk golongan belia untuk memastikan urusan-urusan untuk mengusahakan bisnes adalah diterima dalam sama-sama mendukung usaha mempertingkatkan lagi ekonomi negara termasuk memacu perusahaan dan perniagaan, mempelbagaikan ekonomi negara supaya kita tidak bergantung dari hasil minyak dan gas.; dan

4. Mengetengahkan isu-isu semasa yang melibatkan perekonomian negara, kemaslahatan rakyat dan golongan belia pemacu kesinambungan agenda negara.

Dari aspek ekonomi, apa yang kaola tekankan dalam perbahasan kaola sepanjang Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2024 ini ialah gagasan dalam usaha agenda mempelbagaikan ekonomi terutama dalam subsektor pertanian, pengangkutan dan pelancongan, perikanan dan hiliran minyak dan gas. Ini adalah teras dan perlu tindakan yang cepat dan berterusan.

Dari aspek jimat belanja dan naikkan hasil pendapatan, persoalan-persoalan dan usulan-usulan kaola mengenai memudah cara dan bekerjasama rapat dengan sektor swasta adalah penting. Kalau sektor swasta 'payah' atau perlahan usahanya, 'payah' juga kan maju ke hadapan dengan cepat. Pengemaskinian dasar dan proses-proses menarik pelabur asing adalah jua satu perkara yang perlu diberikan pendekatan yang lebih efisien.

Antara projek dan inisiatif yang kaola tekankan ialah seperti bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar, pendekatan model yang kreatif dalam pembangunan perumahan negara dan lain-lain.

Dari aspek menangani kemaslahatan rakyat, أَلْحَمْدُ لِلّٰه berkat kepimpinan raja yang disanjungi dan disayangi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, suara-suara yang disalurkan melalui Majlis Mesyuarat Negara ini didengar oleh kementerian-kementerian berkaitan dan ada jua tindakan yang memerlukan tindakan lanjut dan pengemaskinian.

Antara yang kaola tekankan ialah seperti isu sistem pengangkutan bas awam yang masih lagi belum ada perubahan, isu perumahan negara yang masih ramai yang menunggu bertahun-tahun, isu sekuriti makanan (*food security*) iaitu padi, daging, ayam dan telur. Ini adalah suara rakyat. Khusus berkenaan telur ini, kaola sekali lagi tekankan agar apa yang 'kitani' eksport ke luar negara dan tinggalkan untuk kegunaan dalam negara seimbang atau setara dari segi kualiti. Ini adalah untuk menjaga imej negara dan kesejahteraan rakyat. Jangan yang kita tinggalkan untuk rakyat itu gred yang di bawah, yang masih mahal pula harganya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana. Dalam mereviu lebih berpuluh-puluh soalan-soalan dan usulan-usulan yang telah kaola ajukan dan juga yang tidak sempat dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه seperti juga pada sesi MMN 2023 tahun lepas, ada perkara-perkara yang diutarakan dan diusulkan telah diberi pencerahannya di dalam Dewan yang mulia ini إِنْ شَاءَ اللهُ selepas saja sesi MMN 2024 ini berakhir, kaola akan menyusul secara "bertulis" kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan dalam jangka masa 45 hari hingga 90 hari.

Mengambil 'sukut' keberkatan pada bulan Ramadan yang mubarak ini, kaola berdoa kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus dikurniakan rahmat dan perlindungan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, serta ahli-ahli kerabat baginda dan juga seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Akhir kalam, di dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin memohon sejuta kemaafan jika sekiranya ada dalam perbahasan dan perdebatan yang kurang senang didengar. Jika sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai yang hadir di Dewan ini rasa terusik hati, kaola memohon maaf dari hujung jari hingga ke hujung rambut. Kaola sangat berharap apa juga kaola tekankan semasa sesi perdebatan supaya tidak akan "diambil hati" mengenainya walaupun selepas berakhirnya sesi MMN dan di luar nanti.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih sekali lagi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang bijaksana.

Yang Mulia Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-20 daripada Ahli Yang

Berhormat yang terakhir, yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰن الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam Ramadan. Kaola akur kaola yang terakhir membuat Ucapan Penangguhan dan Dewan sudah mulai kosong di belakang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّٰه diberi kesempatan untuk memberi sumbangan Ucapan Penangguhan. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan penuh kesabaran, memimpin, menegur dan mempengerusikan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir penghabisan.

Dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perbincangan dalam Majlis yang mulia ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه berjalan dengan lancar, penuh muhibah serta dalam suasana semangat permuzakarahan sambil mengeratkan hubungan silaturahim yang harmoni dengan sama-sama memikul tanggungjawab dan amanah masing-masing untuk mencapai matlamat arah tuju yang sama iaitu membina negara yang berwawasan dengan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Beberapa isu, pandangan, cadangan dan saranan telah pun dibangkitkan di dalam Dewan ini untuk kita bersama-sama menanai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka. Moga hasrat murni ini diredai ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, dan usaha kitani dirahmati, memberi kesan yang baik, positif dan produktif kepada Negara Brunei Darussalam, bangsa dan agama yang sama-sama kita cintai ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam pembentangan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan yang membawa tema: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur", membawa banyak makna dan memberikan harapan yang cukup besar bagi setiap lapisan masyarakat baik di sektor kerajaan, swasta dan rakyat serta penduduk negara. Kaola sambut baik peruntukan ini dan telah menyokong untuk diluluskan.

Bersyukur kita kerana menjadi rakyat yang mendapat dan menikmati rahmat bernaung dalam Negara Brunei Darussalam yang mempunyai raja dan kepala negara ululamri yang prihatin atas kesejahteraan rakyat, kemakmuran dan keamanan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, أَلْحَمْدُ لِلّٰه daripada mukadimah-mukadimah Yang Berhormat Menteri-Menteri dalam pembentangan peruntukan bagi kementerian masing-masing dan dari penjelasan-penjelasan seterusnya diharapkan akan dapat memberi penerangan agar warga kementerian dan rakyat turut teruja akan arah tuju dan pelan-pelan tindakan kementerian agar dapat membantu mencapaikannya.

Masing-masing 'kitani' mengambil peranan dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh dalam sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara akan terus terjamin. Rakyat berharapan penuh bahawa belanjawan tahun ini dengan inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan dan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan dilaksanakan oleh kementerian akan boleh meringankan sedikit beban ekonomi yang ditanggung oleh sebahagian besar rakyat yang bergantung pada belanjawan dan projek-projek kerajaan dan juga mana-mana aktiviti yang menaik taraf kehidupan rakyat masa ini dan untuk anak-anak mereka pada masa hadapan.

Sebagaimana yang kaola sarankan semasa pembahasan Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberkatan dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan untuk menggunakan Majlis Mesyuarat Negara sebagai medan, berhemah dan berpandangan strategik mengikut perkembangan semasa dalam sosioekonomi serantau dan global apabila menimbulkan satu-satu isu rakyat dalam membincangkan perbelanjaaan kementerian.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sedaya upaya kaola telah cuba mempraktikkan pengalaman kaola dalam industri sebagai seorang bekas ahli profesional dalam teknikal dan korporat memberi pandangan yang mungkin berbeza tapi إِنْ شَاءَ اللّٰهُ tidak bertentangan dengan arah tujuan dan ideologi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri-Menteri, abiskaola Ahli-Ahli Yang Berhormat mengambil serius amanah yang dipertanggungjawabkan ke atas kaola dan telah membuat beberapa inisiatif awal untuk mempersiapkan diri untuk menghadiri sesi kedua Majlis Mesyuarat Negara agar lebih berwawasan dan terus relevan mewakili apabila membawa isu rakyat.

Justeru, kalau kaola telah membuat beberapa pendekatan dengan rakyat secara informal dengan membuat beberapa perjumpaan bersama individu, kumpulan-kumpulan yang

berkepentingan dan agensi-agensi kerajaan.

Kaola juga beruntung dan berterima kasih diberi peluang oleh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah membawa kaola dan Yang Berhormat teman-teman menghadiri sesi perundingan di peringkat antarabangsa seperti menghadiri Mesyuarat *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* untuk pendedahan pada isu-isu serantau dan global dan secara tidak langsung menimba pengalaman bagaimana legislatif di luar negara membuat penampilan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola maklum dari imbal balas daripada orang-orang awam yang mengikuti Dewan di luar sana, mana-mana soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini jika Yang Berhormat Menteri tidak menjawab di dalam Dewan yang mulia ini, maka soalan itu tidak dilaporkan oleh mana-mana media rasmi dan tidak rasmi dan seolah-olah tidak pernah diusulkan.

Walau bagaimanapun, jawapan pada isu dibangkitkan diterima secara "bertulis" kemudiannya, mana-mana soalan yang tidak dijawab di dalam Dewan tidak dilaporkan dalam sebarang media, justeru seolah tidak pernah disuarakan. *What is not answered* dalam Dewan *is not reported and thus does not exist.* Ini kenyataan yang menyedihkan, sudah dua puluh kali Dewan bersidang. Sudah masanya 'kitani' mencari kaedah yang baharu, bagaimana rakyat dapat menghayati perbincangan dan isu yang diusulkan dalam Dewan dengan lebih berkesan kalau mereka tidak menyedari, tidak menghadiri sesi di dalam Dewan atau tidak mahu membaca *Hansard.*

Jadi, tidaklah keterlaluan apabila kaola sampaikan bahawa ada dalam kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk kaola terasa terharu apabila peluang untuk menyuarakan isu rakyat dengan serba kelemahan-kelemahan kaola disekat pada satu soalan seorang untuk tidak disuarakan di dalam Dewan dan selanjutnya disampaikan sahaja secara "bertulis" di luar Dewan.

Ini disebabkan kesuntukan masa Yang Berhormat Menteri-Menteri yang tidak dapat hadir di dalam Dewan kerana tugas-tugas lain yang lebih penting. Kaola sedar mana-mana isu, *message* yang tidak dibincang di dalam Dewan tidak akan sampai meluas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk membantu mengukuhkan isu-isu dan keluhan rakyat untuk dibincangkan di dalam Dewan dengan fakta-fakta agar strategik, kaola telah mengambil beberapa anak 'kitani' iaitu graduan lepasan universiti tempatan dan luar negara yang masih menunggu rezeki pekerjaan tetap serta membantu membuat *research* untuk kami secara *part time.*

Seperti kelainan pada tahun lepas, أَلْحَمْدُ لِلّٰه *research assistants* telah membuat penilaian awal yang berkenaan

isu dan keberkesanan isu-isu yang telah ditimbulkan di dalam Dewan ini. Seperti yang telah dimaklumkan awal, jika pada tahun lepas Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini telah membangkitkan lebih 500 isu yang bukan sahaja soalan tetapi juga berupa cadangan, tahun ini disebabkan penelitian awal Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan lebih 700 isu berupa 480 soalan dan 230 cadangan.

Terserahlah kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri-Menteri dan warga kementerian-kementerian menerimanya sebagai hadiah daripada rakyat untuk menilai kesesuaiannya jika perlu dimasukkan dalam agenda *action item* dalam kesibukan mereka.

Untuk pengetahuan awal, Kementerian Pendidikan mendapat 96 soalan dan isu. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang paling banyak menerima segala soalan dan cadangan.

Masa terlalu suntuk untuk dilaporkan di dalam Dewan ini *result analysis* kerana memerlukan *quality check*. إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan 'membarigakan' kepada kementerian-kementerian tentang analisis yang telah dibuat menggunakan simbol warna lampu trafik, iaitu "hijau" isu yang dibentangkan telah dijawab sejumlah 230, "kuning" dijawab sebahagiannya 75 dan "merah" isu belum dijawab 173.

Tidak termasuk soalan-soalan "bertulis" yang akan dikemukakan. إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan gunakan analisis ini sebagai *baseline* untuk mengukur perbincangan lanjutan dengan kementerian-kementerian. Kaola tidak akan berhajat untuk mengulang lagi isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam Dewan hanya setakat mengingatkan *headline* berikut:

1. Mengenai ekonomi, mohon kaji selidik semula bagaimana bisnes-bisnes yang meraih untung besar di dalam negara sama ada *business* persendirian, orang luar yang datang *overnight flyer* diteliti untuk menyumbang ke khazanah negara.;

2. Pendidikan, kalau kejayaan *PISA* dan '*O" Level* adalah sebagai sukat-sukat petanda kejayaan negara ke arah Wawasan Brunei 2035, matlamat nombor satu. Masih banyak peningkatan pendidikan 'kitani' belum dikatakan berjaya dan berkesan.;

3. Pengangguran, menyediakan 12 ribu pekerjaan setahun tidak cukup untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan anak-anak muda 'kitani' walhal 'kitani' ada banyak warga masih meraih rezeki mereka di sini. Kadeah perlu menjadikan anak tempatan lebih cepat mengisikan kerja yang sedia ada dalam negeri seperti mencari industri baharu untuk menjana pekerjaan baharu.;

4. Perumahan, apa perlu 'kitani' perlukan untuk mengurangkan

waiting list rakyat yang ingin mempunyai rumah yang selesa?;

5. Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, pengajaran dari RKN-11 perlu diambil kira agar RKN-12 akan disiapkan seperti dikehendaki; dan

6. Perhubungan, "rezeki tidak datang bergolek, mesti juga di cari. Apabila yang datang kecil tapak tangan, nyiru perlu ditadahkan".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola teruja dan mengambil baik jaminan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pihak kementerian-kementerian akan meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Dewan ini untuk melihat kesesuaiannya dan teruskan dengan sesi muzakarah di luar Dewan, إِنْ شَاءَ اللهُ ini akan diusahakan.

Kaola dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat berharap penuh sekurang-kurangnya ada sesi *mid-term review* Bersama pihak kementerian untuk mendapat pendekatan *status* pencapaian jika pada waktu yang sama memberi peluang pada pihak kementerian memberi pendekatan awal tentang peruntukan-peruntukan dan bajet-bajet yang bakal dipohonkan untuk tahun hadapan. إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di kesempatan ini, izinkan kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Mulia Jurutulis dan seluruh warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas nasihat, tunjuk ajar, bantuan-bantuan yang diberikan kepada kaola dan teman di sini yang sebahagiannya masih mentah dan belum berpengalaman dalam membawa isu-isu rakyat dalam Dewan yang mulia ini, agar kehadiran kaola dan teman terus relevan dan terus berkesan. إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan akur dan menanai amanah yang telah dipertanggungjawabkan untuk mewakili rakyat dalam Dewan yang mulia ini.

Kaola akhiri dengan Ucapan Penangguhan semoga kita berjaya meraih rahmat dan berkah dalam bulan Ramadan yang mulia ini, maaf zahir dan batin dan diiring doa semoga kita sihat walafiat, rahmat, taufik dan hidayah dengan keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Usaha kita dalam Dewan ini menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan, 'kitani' bebas daripada fitnah dunia dan akhirat.

Kaola akhiri dengan pantun bekas ahli korporat:

Rakyat mohon isu mereka
dibuat susulan,
Tanai amanah pemimpin Dewan
jadikan medan,
Rakyat berkeluh isu mereka
tiada kedengaran,
Hajat tidak kesampaian,
Harap wakil dalam Dewan
bukan pameran.

Orang Belait sekawan
memburu ke Telisai,
Teguran orang tua
'kitani' bijak bestari,
Kita akur dan hormati,
Muzakarah dalam Dewan
baru pun selesai,
Usaha tulus sedia diberi,
agar negara terus dirahmati.

Padian ramai berumah di ujung batu,
Belikan kami rempah buat madu kesirat,
Harapan tunai amanah
mohon doa restu,
Bebaskan kami dari fitnah
dunia dan akhirat.

Sebelum menutup, koala ingin sekali lagi memohon maaf jika sekiranya ada tersilap kata, terkasar bahasa, tingkah laku yang kurang sopan sewaktu menyampaikan hujah memberi pandangan, saranan dan soalan semasa sesi Muzakarah dan juga sepanjang musim permesyuaratan pada tahun ini. Yang baik itu daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan yang kurang baik itu pastinya sebab kelemahan kaola sendiri dan maaf dipohonkan.
والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selesai kita laksanakan dengan selamat dan teratur. Saya kira saya tekankan perkataan "teratur". Kita di sini bukanlah satu Majlis yang 'kitani' bertikam lidah sesama sendiri. Kita di sini, untuk mencari penyelesaian satunya, yang keduanya untuk memberi penerangan, penerangan yang dibuat oleh satu pihak iaitu pihak kerajaan yang menyokong kita sendiri, yang menyokong Dewan ini, yang menyokong Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Janganlah sampai kita dalam sesuatu *situation* atau satu *stage* kita meniadakan apa yang dibuat oleh kerajaan, apa yang cuba dibuat oleh kerajaan, apa yang cuba dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sini.

Saya sekarang terkeluar daripada teks saya. Kalau dilihat dari segi *governance* ataupun pemerintahan yang berdemokrasi yang di*elect* oleh rakyat, tidak ada saya kira kerajaan yang terbuka seperti 'kitani' di sini, tidak ada kerajaan atau tidak ada Yang Berhormat Menteri yang sanggup berdiri di hadapan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara menjawab soalan-soalan tentang kementeriannya dari *A to Z*.

Cuba fikirkan, cuba bayangkan *do we have super human ministers* yang boleh berbuat sedemikian? *We are all simple human, mere mortal* yang cuba untuk membuat sebaik-baiknya apa yang dituntut oleh rakyat bagi kepentingan negara yang menyokongnya.

Saya bukan cuba untuk membuat penilaian tetapi saya cuba untuk

menyuarakan harapan supaya terdapatnya persefahaman antara kedua belah pihak supaya kita benar-benar bermusyawarah ertinya ada *give and take.* Kalau dijawab, jawapan itu telah diberikan dan tidak difahami oleh sebelah kiri 'barangkali' sampai mana pun tidak putus, 'pasal' apa jawapan yang difikirkan yang betul dalam pemikiran di sebelah kiri ini adalah jawapan 'A' sahaja, yang dijawab oleh Yang Berhormat 'B+C+X' tidak betul.

Jadi itulah saya tekankan apa pun dibuat kita harus meneliti ataupun melihatnya secara dalam suasana yang terbuka supaya tidak ada manusia yang sama pemikiran. Jadi saya kira kita akan *continue to be like this* dan saya tidak fikir *unless we come* 'barangkali' dalam satu suasana yang berlainan 'kitani' akan berfahaman satu-satu *stream* sahaja.

Jadi, diharaplah Ahli-Ahli Yang Berhormat akan faham kedudukan di sebelah kiri dan kedudukan di sebelah kanan. Jadi, apabila jawapan sudah diberikan tentang berita yang *they catch,* macam mana sesuatu soalan ditimbulkan sedangkan di sebelah sini minta tangguh supaya perkara itu diteliti dahulu untuk dijawab, jadi kalau ini sudah dikeluarkan, sebelah sini tidak berjawab dalam suasana yang sama, seolah-olah di sini membenarkan apa yang dituduh tadi.

Tuduh-menuduh ini sudah tidak dalam *culture* kita, sepatutnya tidak ada timbul lagi. Saya haraplah dengan penuh harapan bahawa, saya kira saya ini umur sudah pun lanjut dan telah duduk di dalam Majlis ini, begitu lama *even* sebelum negara ini mencapai kemerdekaan, saya pun telah duduk sebagai Setiausaha Kerajaan dalam Majlis ini dan *defending* kerajaan pada ketika itu dan kita harus meneliti ataupun melihat sesuatu itu dengan pemikiran yang terbuka.

Ertinya kalau sudah belum dijawab, saya telah memberikan keputusan supaya akan diteliti atau dijawab oleh pihak sebelah sini, apa salahnya? Adakah ini semacam 'kitani' periksa dalam sesuatu peperiksaan persekolahan, jadi jika sudah putus waktunya, kira tidak lagi boleh dijawab sebelah sini, sudah dikira *fail*. Keadaan kita dalam hidup, tidak ada itu.

Jadi, *please forgive me also,* saya juga berkali-kali minta maaf bahawa *I have no intention to* mengecilkan sesuatu pendapat sesiapa pun dalam Majlis ini*. I really admire their courage but please understand also* orang di sebelah dari pihak kerajaan bersedia untuk menjawab إِنْ شَاءَ اللهُ akan menjawab.

Jadi, dapat saya balik ke skrip saya kembali supaya kita akan dapat *dispose* mesyuarat 'kitani' ini dan 'kitani' selesaikanlah mesyuarat 'kitani' ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selesai kita laksanakan dengan selamat dan teratur. Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas atas kerjasama yang diberikan

oleh kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini selama 18 hari dalam suasana yang harmoni, saya kira, muhibah dan saling menghormati yang berteraskan kepada konsep pendirian kita: "Melayu Islam Beraja".

Ucapan terima kasih dan penghargaan setinggi-tinggi juga saya tujukan khusus kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Bentara-Bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan temasuklah *interns* yang telah terlibat yang ditugaskan sama ada dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menyediakan pelbagai keperluan bagi melicinkan lagi segala urusan kita sepanjang permesyuaratan ini diadakan.

Saya juga dengan penuh rendah diri ingin menyembahkan menjunjung kasih sepenuh-penuhnya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024 dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih berupaya menyediakan peruntukan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan mengemukakan perancangan bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 untuk meneruskan projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan negara demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Ini akan memberikan, saya percaya *impetus* yang sangat besar nilainya terhadap usaha-usaha pembangunan negara dari aspek ekonomi dan sosial dan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur terutamanya dan rakan-rakan negara kita dalam rantau ini bahawa Negara Brunei Darussalam ini masih kukuh dan berupaya meneruskan pembangunannya meskipun dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan ini, saya ingin memberikan beberapa pandangan hasil daripada saya mengemudi perbincangan di Dewan yang mulia ini.

Di sepanjang persidangan diadakan, kita telah mendengar pertukaran fikiran berupa cadangan dan pandangan bernas Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah

dikemukakan pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan yang sebelumnya. Saya penuh yakin, perkara-perkara ini telah diambil baik dan diberikan penelitian oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan dan sedikit sebanyak dipertimbangkan dalam membuat keputusan dalam peringkat kementerian masing-masing. Ini adalah kekuatan Majlis Mesyuarat Negara kita. Kita sama-sama bermuzakarah bagi membincangkan perkara-perkara strategik yang berkepentingan untuk rakyat dan negara.

Seterusnya, bergerak bersama ke hadapan sama ada dengan agenda pembangunan, yang sama juga dengan agenda pembangunan negara kita terutamanya pada masa ini terdapat pelbagai cabaran semasa dan kemelut yang melanda yang melahirkan kepada kepelbagaian buah fikiran dan lontaran pendapat.

Biarpun berbeza dan kadangkala berselisih pendapat dan pemikiran tetapi bukan bermakna tidak ada kesepakatan yang boleh disatukan agar terbentuk satu masyarakat Brunei yang bertamadun.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara merupakan landasan rasmi bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengadakan perbincangan secara bermuafakat yang memerlukan kebijaksanaan dan seterusnya kesediaan untuk menerima serta menghormati keputusan yang telah dibuat dengan berpandukan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, kita boleh melaksanakan perkara ini dengan menjaga adab dan tatatertib dengan baik dan selain membentuk perbincangan yang berpegang kepada Peraturan-Peraturan Mesyuarat, Ahli-Ahli Yang Berhormat juga dicabar dengan kemampuan untuk mendengarkan pandangan-pandangan yang meliputi pelbagai aspek yang meluas dan perspektif yang mungkin juga berbeza.

Walau bagaimanapun, sikap keterbukaan di dalam Dewan Majlis memerlukan kematangan dan tidak wajar untuk diambil kesempatan oleh mana-mana pihak untuk melancarkan agenda peribadi ataupun memperkecilkan mana-mana usaha atau keputusan yang telah diambil.

Perbezaan pendapat seharusnya menjadi landasan kepada pencetus idea-idea terbaharu untuk membangun dan menyatupadukan negara kita ini. Hanya dengan bersatu padu, negara kecil yang cantik molek ini akan terus dapat kita tanai. Apa yang kita rasai sekarang akan terus dapat dirasai oleh generasi anak cucu kita yang akan datang, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat meneruskan lagi pelbagai usaha untuk menyokong dan meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara seperti permuzakarahan dan mengadakan perbincangan di luar Dewan ini dari semasa ke semasa. Perkara ini adalah dalam sama-sama kita menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bahawa baginda telah menaruh harapan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk senantiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, sektor swasta, persatuan-persatuan, para penduduk yang diwakili mereka masing-masing. Saya kira *platform-platform* lain yang difikirkan bersesuaian selain dari sesi-sesi Muzakarah dan lawatan haruslah dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa kepada semua. Saya berdoa semoga amalan ibadah yang kita lakukan pada bulan yang penuh dengan keberkatan ini, bulan yang penuh rahmat yang mewajibkan 'kitani' bersilaturahim, maaf-bermaafan akan dapat diterima oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, serta segala usaha murni yang dicurahkan dengan ikhlas akan dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan dengan berkat rahmat petunjuk dan keredaan daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.

Saya juga, ingin memanjatkan doa ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat di bawah perlindungan dan rahmat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan semoga negara kita serta seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan sentiasa berada di bawah perlindungan-Nya dan dikurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan, kemakmuran yang berterusan.

Dengan ucapan yang ringkas dan harapan yang penuh tinggi, saya dengan penuh tawakal dan mengikut Peruntukan 35(1) dari Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis Mesyuarat Negara ini saya tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan berjumpa lagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

1. PENGEMASKINIAN TEMPOH PENDIDIKAN WAJIB

Dengan sistem perlaksanaan sistem ini, kaola juga mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai tempoh pendidikan ugama wajib. Adakah tempoh itu akan dikemas kini? Ini mengambil kira tempoh pendidikan ugama yang wajib yang termaktub dalam Bab 5 Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 ialah tempoh pendidikan ugama yang disediakan di sebuah sekolah ugama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun.

JAWAPAN:

Merujuk Bab 5 (3) "Tempoh Pendidikan Ugama Wajib bermakna tempoh pendidikan ugama yang disediakan di sesebuah sekolah ugama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun".

Bermula tahun ini (2024) sistem pengintegrasian telah dilaksanakan di persekolahan umum iaitu murid Darjah Pra, 1, 2 dan 3 di persekolahan ugama mula diserapkan ke pendidikan umum dan berada dalam Tahun 2, 3, 4 dan 5.

Dengan perubahan ini, Tempoh Pendidikan Ugama Wajib sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan Ugama Wajib (Penggal 215) masih dalam penelitian pihak jabatan dengan mendapatkan pandangan serta nasihat daripada Jabatan Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.

2. MEWAJIBKAN SETIAP PELAJAR ISLAM MENUNAIKAN SOLAT ZUHUR SEMASA BERADA DI SEKOLAH

Tidak semua pelajar yang berugama Islam menunaikan solat Zohor semasa berada di sekolah pada waktu tengah hari. Perkara solat ini adalah amalan fardu yang mesti diambil serius lebih-lebih lagi di peringkat umur yang muda ini. Oleh itu, perlunya pihak sekolah untuk mewajibkan setiap pelajar Islam yang tidak balik tengah hari untuk menunaikan solat fardhu Zuhur di sekolah secara sukarela**.** Maksud kaola, bukannya dipaksa melalui inisiatif-inisiatif bercorak pendidikan yang memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kewajipan ini.

JAWAPAN:

Pelaksanaan solat fardhu Zohor bagi murid-murid berugama Islam di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta adalah dititikberatkan dengan mengambil kira ianya merupakan sebahagian penerapan pendidikan Islam. Oleh yang demikian, murid-murid berugama Islam dikehendaki untuk menunaikan solat fardhu Zohor berjemaah di sekolah. Waktu sembahyang berjemaah adalah sekitar 1.15 petang dan selesai sebelum sesi pembelajaran 1.30 petang bermula.

Dalam pada itu, sebahagian murid ada yang dibawa keluar oleh ibu bapa dan penjaga untuk makan tengah hari dan sebagainya. Murid-murid berkenaan dikehendaki kembali semula ke sekolah bagi sama-sama menunaikan sembahyang fardhu Zohor secara berjemaah. Murid-murid yang lewat hadir dan tidak sempat menunaikan solat berjemaah pula dikehendaki menunaikan sembahyang secara bersendirian.

Bagi memastikan solat Zohor di sekolah dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta Kementerian Pendidikan sentiasa memantau pelaksanaannya secara berterusan di samping memastikan kemudahan-kemudahan berkaitan dapat disediakan.

Di samping itu, antara usaha bagi menerapkan penghayatan dan menggalakkan murid-murid melaksanakan solat secara sukarela, Bahagian Kenaziran melalui Unit IRK mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program yang berhubung kait dengan ibadat solat. Pada peringkat permulaan, Program 'Ajarkanku Wudhu' dilaksanakan khusus bagi murid Tahun 2 yang antara lain bertujuan untuk membimbing murid-murid tata cara berwudhu yang betul dengan lebih terperinci. إِنْ شَاءَ اللهُ program-program yang berkaitan dengan ibadat solat akan diteruskan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Selain itu, sebagai pengukuhan sepertimana yang dilaksanakan di persekolahan ugama, pihak sekolah juga menyediakan Buku Rekod Solat. Perkara ini adalah bertujuan untuk mendidik murid menunaikan ibadah solat secara konsisten dengan bimbingan dan pemantauan guru-guru di sekolah.

3. PENGAWASAN PELAJAR SEMASA WAKTU SOLAT ZUHUR TERTUMPU SEBAHAGIAN BESARNYA KEPADA GURU-GURU UGAMA

Pengawasan pelajar semasa waktu solat zohor tertumpu sebahagian besarnya kepada guru-guru ugama. Dalam hal ini, penyusunan jadual pengawasan yang ada bolehlah dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan melibatkan semua guru untuk diberikan tanggungjawab mengawas pelajar secara bergilir dan tidak mengehadkannya kepada guru ugama semata-mata.

JAWAPAN:

Pihak sekolah khususnya sekolah-sekolah rendah kerajaan telah menyediakan penjadualan bagi mengawasi murid-murid semasa waktu rehat dan solat fardu Zohor secara bergilir. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, guru-guru umum di sekolah-sekolah berkenaan telah memberi kerjasama dalam pengawasan tersebut. Walau bagaimanapun, sebilangan guru mempunyai komitmen yang lain termasuk komitmen dalam urusan anak-anak dan keluarga yang menyebabkan guru-guru berkenaan tidak dapat mengikuti pengawasan sepenuhnya.

Bagi sekolah swasta, dari 52 buah jumlah keseluruhan sekolah swasta, 22 buah sekolah ada menyediakan jadual pengawasan berwudhu dan solat Zohor berjemaah. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pengawasan tersebut turut melibatkan guru-guru lain dan tidak hanya tertumpu kepada guru-guru ugama sahaja.

Perkara ini dalam pemerhatian dan pemantauan berterusan Jabatan Pengajian Islam di samping memohon kerjasama dari pihak sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pendidikan Swasta.

4. GURU-GURU UGAMA TERHAD MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI SEKOLAH

Terdapat juga sekolah yang mengehadkan guru-guru ugama daripada menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah. Perkara ini pada pandangan kaola tidak sepatutnya terjadi meskipun guru-guru tersebut di bawah kawalan kementerian yang berbeza. Guru ugama

juga sebahagian dari penjawat awam dan warga sekolah yang berkenaan. Oleh itu adalah diharapkan agar pihak-pihak yang berkaitan daripada kedua-dua kementerian meneliti isu ini dan memberikan pencerahan kepada pemimpin-pemimpin sekolah bahawa semua kelengkapan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah hak bersama guru-guru sama ada yang mengajar mata pelajaran umum ataupun mata pelajaran ugama.

JAWAPAN:

Sebahagian besar bangunan sekolah rendah digunakan secara guna sama dengan sekolah ugama. Walau bagaimanapun ada sebahagian sekolah rendah mengehadkan penggunaan kemudahan-kemudahan yang ada bagi sekolah ugama seperti penggunaan Bilik Pendidikan Khas (**LAMPIRAN A)**. Bilik Pendidikan Khas juga adalah termasuk keperluan pembelajaran ugama bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang ada di sekolah-sekolah berkenaan. Perkara ini memerlukan perundingan dan kerjasama dari pemimpin sekolah-sekolah yang berkenaan.

Manakala guru-guru ugama yang ditempatkan bertugas di sekolah-sekolah rendah kerajaan, أَلْحَمْدُ لِلّٰه mendapat kemudahan yang bersesuaian sebagaimana guru-guru umum yang lain.

SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENGEHADKAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN BILIK DARJAH (LEARNING ASSISTANCE CENTRE)

(LAMPIRAN A)

BIL	KAWASAN	JUMLAH
	BRUNEI I	
1.	Sekolah Rendah Mabohai	6
2.	Sekolah Rendah Pusar Ulak	
3.	Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah	
4.	Sekolah Rendah Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap	
5.	Sekolah Rendah Pulaie *(boleh digunakan selepas jam 3:00 petang)*	
6.	Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (*bilik UPK dibenarkan selepas jam 3:00 petang)*	
	BRUNEI IIA	
1.	Sekolah Rendah Amar Pahlawan	1
	BRUNEI IIB	
1.	Sekolah Ugama Batu Marang	5
2.	Sekolah Rendah Kapok, Muara	
3.	Sekolah Rendah Dato' Md Yaasin, Mentiri	
4.	Sekolah Rendah Dato Othman, Lambak Kiri	
	Sekolah Rendah Sungai Hanching *(bilik UPK, dibenar selepas Jam 3:00 petang)*	

	BRUNEI III	
1.	Sekolah Rendah Katok A	1
	TUTONG II	
1.	Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang	2
2.	Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang	
	JUMLAH SEMUA	**15**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MOMIN

1. CADANGAN SETIAP PERMOHONAN ZAKAT DISIASAT DENGAN TELITI

Mengambil kira peningkatan jumlah asnaf, adalah dicadangkan supaya setiap permohonan disiasat dengan teliti melalui pelbagai pendekatan, antaranya mengadakan lawatan dan temu duga. Ini bertujuan untuk mengesahkan status pemohon serta memastikan kategori bantuan yang dapat diberikan bagi membolehkan mereka mengupayakan diri dan menaikkan taraf hidup serta seterusnya mengeluarkan diri dari kepumpungan kemiskinan.

JAWAPAN:

Setiap permohonan diteliti mengikut Kadar Minimum Kos Asasi (KMKA) yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Kemajuan dan Ekonomi (JPKE) - sekarang dikenali sebagai Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES). JUZWB mengguna pakai KMKA tersebut dengan mengambil kira lima (5) aspek utama di dalam penyisatan kes-kes iaitu:

- Punca dan jumlah pendapatan.;
- Baki pendapatan.;
- Keadaan tempat tinggal.;
- Tanggungan.; dan
- Masalah sosial.

2. STATISTIK JUMLAH ASNAF BERJAYA KELUAR DARI KEMISKINAN MELALUI PROPAZ

Berapakah jumlah asnaf yang telah berjaya keluar dari kemiskinan menerusi Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ)?

JAWAPAN (Rujuk LAMPIRAN B)

LAMPIRAN B

STATISTIK PROGRAM PROGRAM PENGUPAYAAN ASNAF ZAKAT [PROPAZ]

JUMLAH ASNAF ZAKAT YANG DIUPAYAKAN

TAHUN	ASNAF DIUSAHAKAN	MENAMATKAN PROGRAM	MEMPEROLEHI SUMBER PENDAPATAN
2008	18	13	13
2009	25	16	20
2010	40	28	34
2011	29	25	25
2012	14	13	10
2013	*76	49	28
2014	26	16	9
2015	0	0	0
2016	*58	42	26
2017	20	16	9
2018	*36	29	18
2019	15	13	9
2020	**39	29	25
2021	0	0	0
2022	8	8	8
2023	2	1	1
2024	17	*[Masih menjalani latihan]*	

Nota: Maklumat adalah berdasarkan tahun tamat program.
*Jumlah adalah gabungan program-program PROPAZ-PPB dan PROPAZ-Perantis.
**Jumlah adalah gabungan program-program PROPAZ-PPB, PROPAZ-Perantis & PROPAZ Az-Zira'ah.

PERATUSAN PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

TAHUN	MENAMATKAN PROGRAM	MEMPEROLEHI SUMBER PENDAPATAN
2008	72.2%	72.2%
2009	64%	80%
2010	70%	85%
2011	86.2%	86.2%
2012	92.8%	71.4%
2013	*64.4%	36.8%
2014	61.5%	34.6%
2015	0	0
2016	*72.4%	44.8%
2017	80%	45%
2018	*80.5%	50%
2019	86.6%	60%
2020	**74.3%	64.1%
2021	0	0
2022	100%	100%
2023	50%	50%

* Jumlah adalah gabungan program-program PROPAZ-PPB dan PROPAZ-Perantis.
**Jumlah adalah gabungan program-program PROPAZ-PPB, PROPAZ-Perantis & PROPAZ Az-Zira'ah.

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MUMIN

1. PEMBAYARAN BAGI IMAM DAN BILAL

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ada menyebut mengenai pembayaran bagi imam dan bilal yang dibayar menggunakan peruntukan kerajaan dan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi masjid-masjid yang berkeupayaan. Adakah ini termasuk juga membayar pelapis imam bagi imam yang tidak hadir ke masjid?

JAWAPAN:

Dalam usaha jabatan menyelesaikan masalah kekurangan pegawai masjid bertugas khususnya ketika mereka bercuti, sakit dan sebagainya. Maka Jabatan Hal Ehwal Masjid memberikan peluang kepada orang ramai khususnya belia lepasan universiti yang belum mempunyai pekerjaan tetap agar mereka diberikan peluang sebagai pelapis Imam dan pelapis Bilal dengan syarat mereka lulus dalam ujian tasmik bacaan, untuk turut sama menyumbang khidmat bakti di masjid-masjid seluruh negara.

Pelapis Imam dan Bilal akan diberikan elaun tanggungjawab dibayar menurut kadar dan syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Pemangku Imam: Dibayar elaun memangku sebanyak $20.00 sehari
- Pemangku Bilal: Dibayar elaun memangku sebanyak $10.00 sehari

Manakala masjid-masjid yang berkemampuan tinggi dari segi kewangannya juga telah mengambil inisiatif melantik lepasan graduan ugama untuk menjadi pelapis Bilal yang dibayar menggunakan kewangan Tabung Masjid mereka.

Merujuk garis panduan pemangku Imam dan Bilal 2011, khidmat pelapis digunakan dengan dibayar elaun, jika pegawai masjid dalam keadaan seperti berikut:

i. Ketiadaan/kekurangan pegawai masjid

ii. Cuti tahunan / sakit

iii. Menghadiri jemputan Majlis Adat Beristiadat

iv. Ditimpa musibah secara mendadak

Bagi Imam yang tidak hadir bertugas ke masjid kerana sakit atau ada masalah dan diganti oleh jemaah atau pelapis Imam atau pelapis Bilal tidak akan dibayar elaun.

2. PEMERKASAAN INSTITUSI MASJID

Dalam Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2023 yang lalu, beberapa cadangan bagi memperkasakan institusi masjid telah disarankan. Apakah tindakan yang diambil sejauh ini?

JAWAPAN:

i. Masjid Sebagai Gudang Ilmu

Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Perpustakaan dan Unit Teknologi Maklumat telah mewujudkan perpustakaan mini tersendiri di semua masjid, balai ibadat dan surau.

Manakala perpustakaan terbesar ada di Jame 'Asr Hassanil Bolkiah. Perpustakaan ini dinamakan dengan 'Perpustakaan Ismail bin Omar Aziz' (mengambil sukut nama tokoh Agamawan Brunei iaitu Mantan Mufti Brunei Pertama). Perpustakaan ini menyimpan lebih kurang 1,305 buah buku Bahasa Melayu, 618 buah buku Bahasa Inggeris, 5,304 buah buku Bahasa Arab dan 214 buah tesis dalam Bahasa Arab dan Universiti Al-Azhar As-sheriff.

Di samping itu, masjid-masjid seluruh negara mempunyai jumlah keseluruhan sebanyak 38,881 buah buku dan mempunyai 3 kategori perpustakaan:

Kategori	Jumlah
Bilik Khas	5 buah
Bilik Perpustakaan	71 buah
Sudut Bacaan	42 buah

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan adanya usaha ini, ia berjaya menjadikan masjid bukan sekadar Pusat Penyebaran Ilmu, tetapi gudang ilmu dan perpustakaan ini menjadi tempat rujukan pelajar-pelajar dari SOASCIS UBD, UNISSA dan KUPU SB.

ii. Capaian Internet Untuk Tarikan Belia-Belia Ke Masjid

Mengenai capaian internet untuk tarikan belia-belia ke masjid, sebelum ini banyak masjid, surau, balai ibadat pernah dipasang *rangkaian One Government Network (OGN)*. Namun, akses tersebut diberhentikan memandangkan kadar penggunaan perkhidmatan yang sangat rendah.

Kemudahan internet dari 40 buah masjid telah dipindah ke 40 buah sekolah ugama yang belum pernah dipasang rangkaian *OGN.*

Mana-mana masjid, surau atau balai ibadat yang tidak dipasang prasarana capaian internet ketika ini akan dibekalkan kemudahan tersebut melalui permohonan peminjaman sahaja di Bahagian Teknologi Maklumat.

Kemudahan tersebut terdiri daripada peralatan *access point (AP)* beserta *sim card data internet* yang dibayar secara bulanan melalui pengesahan Bahagian Teknologi Maklumat.

Pada tahun 2023 sebanyak 36 buah masjid telah dipohonkan untuk talian internet kerajaan iaitu *One Government Network (OGN)* ke EGNC melalui Bahagian Teknologi (BTM) KHEU. Setakat Mei 2024, sebanyak 9 buah masjid telah dipasang talian internet oleh syarikat DST.

Setakat Disember 2023, terdapat 116 buah masjid telah dibekalkan *OGN*, 14 buah masjid telah melanggan secara persendirian dengan langganan internet *Imagine Sdn BHd.* إِنْ شَاءَ اللّٰهُ masjid-masjid yang lain akan meyusul kemudian

mengikut kesesuaian peruntukan kewangan.

iii. Penghargaan Khas Dalam Mentakmirkan Masjid

Penghargaan khas kepada golongan yang sama-sama berperanan mentakmirkan masjid yang terdiri daripada para imam dan jemaah dengan pelbagai kategori seperti warga emas, belia dan remaja.

Sebagai penghargaan kepada AJK Takmir Masjid yang telah memberikan sumbangan dalam mengurus dan mentakmir masjid, satu anugerah telah diperkenalkan pada 1991 bersempena dengan Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negara bagi 4 kategori iaitu:

Bil.	Kategori Anugerah
1.	Anugerah masjid takmir bagi Masjid-masjid Utama
2.	Anugerah masjid takmir bagi masjid-mukim
3.	Anugerah masjid takmir bagi masjid-masjid kampung
4.	Anugerah masjid takmir bagi surau-surau dan balai ibadat

Pada tahun 2002-2008, format Anugerah Takmir Masjid diubah kepada 5 kategori:

Bil.	Kategori Anugerah
1.	Kategori Imarah (aktiviti takmir masjid)
2.	Kategori Idarah (pengurusan dan pentadbiran)
3.	Kategori Riayah (pemeliharaan)
4.	Kategori Kumpulan Belia Masjid
5.	Kategori Keseluruhan

Manakala, bermula pada tahun 2010, 2012 dan 2014, Anugerah Takmir Masjid digantikan kepada Anugerah Imam dan Bilal Cemerlang sebagai penghargaan kepada pegawai-pegawai masjid.

Walau bagaimanapun, selepas tahun 2014, tiada lagi penganugerahan tersebut diberikan selaras dengan keputusan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Dewasa Kebangsaan.

Jabatan Hal Ehwal Masjid telah membuat inisiatif untuk mengadakan kembali penganugerahan tersebut dengan tujuan untuk memberikan motivasi dan penghargaan kepada pegawai-pegawai masjid & Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dalam sama-sama membantu pegawai-pegawai masjid dalam pengurusan dan pentakmiran masjid.

Kertas Kerja bagi anugerah tersebut kini sedang dalam peringkat pengemaskinian.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

Kaola merasakan adanya keperluan untuk difikirkan bersama cara untuk mengembangmajukan lagi sumber tenaga manusia supaya ia kekal relevan selaras dengan keperluan negara dan mengikut perkembangan semasa dan akan datang. Khususnya dalam prospek pembangunan kerja bagi graduan-graduan KUPU SB dengan pelbagai kompetensi dan *skill* ke arah yang lebih *marketable.* Berdasarkan kepada statistik, seramai 240 orang penerima ijazah dan diploma pada tahun 2022 dan seramai 234 orang penerima pelbagai ijazah dan sijil serta diploma pada tahun 2023.

Dalam perkara ini, berapa peratus secara purata setiap tahun bagi graduan-graduan keluaran daripada KUPU SB ini mendapat pekerjaan termasuk dalam profesion perguruan?

JAWAPAN:
Rujuk **LAMPIRAN C**

Statistik Graduan KUPU SB Pra Perkhidmatan Yang Telah / Belum Berkhidmat dan Meninggi Tahap Pengajian Tahun 2011-2023.

LAMPIRAN C

STATISTIK GRADUAN KUPU SB (PRA PERKHIDMATAN) YANG TELAH/BELUM BERKHIDMAT DAN MENINGGI TAHAP PENGAJIAN TAHUN 2011-2023

TAHUN	JUMLAH GRADUAN PRA PERKHIDMATAN	BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN		BERKHIDMAT DENGAN SWASTA		MENINGGI TAHAP PENGAJIAN		BELUM BERKHIDMAT/ MENCARI PEKERJAAN/ TIADA MAKLUMAT	
		JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
2011	84	71	85%	2	2%	2	2%	9	11%
2012	98	46	47%	7	7%	10	10%	35	36%
2013	131	27	21%	12	9%	8	6%	84	64%
2014	150	10	7%	27	18%	32	21%	81	54%
2015	160	10	6%	18	11%	25	16%	107	67%
2016	188	11	6%	23	12%	35	19%	119	63%
2017	218	15	7%	15	7%	61	28%	127	58%
2018	212	14	7%	28	13%	75	35%	95	45%
2019	221	25	11%	26	12%	33	15%	137	62%
2020	236	8	3%	8	3%	49	21%	171	72%
2021	208	2	1%	10	5%	130	63%	66	32%
2022	224	8	4%	15	7%	27	12%	174	78%
2023	151	9	6%	13	9%	37	25%	92	61%
JUMLAH	2281	256	11%	204	9%	524	23%	1297	57%

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

PENAMBAHBAIKAN SUKATAN ATAU SYLLABUS MATA PELAJARAN PENDIDIKAN UGAMA

Mengenai pendidikan agama di negara kita, khususnya penambahbaikan dalam sukatan atau *syllabus* mata pelajaran pendidikan agama. Dalam menyedari bahawa dunia dan generasi baharu pelajar kita tidak lagi sama seperti yang sebelumnya, perlulah ada pendekatan yang berbeza dalam pendidikan mereka. Sebagai negara Islam, adalah tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar kita tidak hanya menghafal ajaran-ajaran agama tetapi juga memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka.

Justeru, sukatan pelajaran pendidikan Islam perlu ada peningkatan agar lebih relevan dan sesuai dengan keperluan masa kini. Perubahan bukanlah sesuatu yang mudah, namun kita juga ingin meningkatkan iman generasi muda tanpa menggunakan paksaan. Maka kita perlu mencari strategi baharu yang menarik untuk mengajar Islam tanpa mengurangkan kandungan ajaran Islam yang sebenar. Salah satu pendekatan yang boleh dipertimbangkan adalah penggunaan teknologi dalam pendidikan agama. Dengan memanfaatkan platform digital, kita boleh menyediakan bahan pembelajaran interaktif yang menarik dan boleh diakses dengan mudah oleh pelajar-pelajar kita. Selain itu, pendekatan kreatif seperti aktiviti luar bilik darjah seperti lawatan-lawatan ke masjid dan sebagainya juga boleh digunakan untuk meningkatkan daya tarikan pembelajaran ugama.

JAWAPAN:

Hasil penelitian dan sumbangsaran pihak-pihak berkepentingan dan berkepakaran tersebut, pihak jawatankuasa telah berjaya menyediakan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam yang mula dilaksanakan pada 2 Januari 2024 bagi semua peringkat pembelajaran Tahun 2 hingga Tahun 5, sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta.

Bagi membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, Jabatan Pengajian Islam juga telah menyediaan *e-Book* interaktif Kompilasi Pendidikan Islam yang telah dimuat naik ke dalam aplikasi *Microsoft Teams* 'Bahan Kurikulum Pendidikan Islam' mengikut peringkat Tahun Pembelajaran, di samping *e-Book* interaktif bagi buku-buku pelajaran yang telah disediakan sebelumnya.

Jabatan Pengajian Islam juga telah berhasil mereka cipta aplikasi berbentuk pembelajaran Al-Quran Tahun 5 dan dijangka akan diguna pakai pada tahun 2025. Bahan-bahan ini akan di*upload* ke dalam perisian *Microsoft Teams* 'Bahan Kurikulum Pendidikan Islam'.

Jawatankuasa Kerja Kurikulum dan Penilaian Bagi Pengintegrasian Mata Pelajaran Ugama Ke Dalam Sistem Pendidikan Umum dan akan terus melaksanakan penelitian dan pengemaskinian kurikulum Pendidikan Islam. Proses pengemaskinian kedua ini termasuk penyediaan sukatan pelajaran, penyediaan dan penulisan buku-buku teks dan pengemaskinian sistem penilaian. Kurikulum kemas kini Pendidikan Islam yang lebih menyeluruh ini dirancang untuk mula dilaksanakan secara berperingkat pada Januari 2025 bagi Tahun 2.

Selain itu, dalam usaha meningkatkan pengetahuan pedagogi guru,

jawatankuasa kerja berkenaan dengan kerjasama *Brunei Darussalam Leadership dan Teacher Academy (BDLTA)* merancang untuk melaksanakan bengkel bagi guru-guru ugama dengan melantik pakar-pakar dari fakulti Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHBIE), Universiti Brunei Darussalam.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

CADANGAN AKTIVITI BADAN SUKARELAWAN DALAM PENGAGIHAN BANTUAN DIPANTAU

Semakin bertumbuhnya badan sukarelawan yang menjalankan kewajipan dan pengagihan bantuan makanan dan pakaian kepada yang memerlukan. Kaola berharap aktiviti badan sukarelawan seperti ini akan dapat dipantau bukan untuk menyekat kegiatan mereka malah digalakkan tetapi biar teratur.

JAWAPAN:

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) mengambil baik saranan yang Berhormat Pehin tersebut.

Adapun peranan JUZWAB dalam aktiviti-aktiviti amal badan sukarelawan atau mana-mana agensi setakat ini adalah terhad kepada menyalurkan senarai nama asnaf yang berdaftar di jabatan ini kepada badan amal tersebut mengikut keperluan atau zon yang dipohonkan serta memastikan sumber bantuan yang dihulurkan bukanlah hasil kutipan zakat dari orang awam. Ini adalah penting bagi memastikan zakat fitrah dan harta di negara ini adalah diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei ataupun JUZWAB, sepertimana kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Bab 114 seperti berikut:

"Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah bertugas, untuk memungut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dan untuk menyelesaikan sebagaimana yang diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tertakluk kepada syarat-syarat akta ini, semua zakat dan fitrah yang harus dibayar di Negara Brunei Darussalam menurut hukum syarak. Dan hendaklah berbuat demikian setakat mana dan dengan cara yang ditetapkan dalam akta ini."

JUZWAB mengambil maklum bahawa Pendaftaran bagi sukarelawan ada disediakan oleh agensi yang berkenaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan seumpamanya.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

1. **PEMERKASAAN JENAMA BRUNEI HALAL BAGI MEMUDAHKAN PROSES DAN MENJADIKAN HALAL BRUNEI SEBAGAI JENAMA UTAMA YANG BERPRESTASI**

Kaola ingin menyatakan beberapa isu yang telah diusulkan dalam Dewan tahun lalu dan masih menunggu jawapan.

Pemerkasaan Jenama Brunei Halal bagi memudahkan proses dan menjadikan Halal Brunei sebagai jenama utama yang berprestasi.

JAWAPAN:

Beberapa inisiatif telah dijalankan dalam memperkasa Label Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) seperti-:

i. Label Halal MUIB telah didaftarkan di bawah BRU-IPO (*Brunei Darussalam Intellectual Properties Office*) sebagai *certification mark*, dan logo Halal MUIB ini dilindungi melalui undang-undang.;

ii. KHEU telah menandatangani MoU bersama negara-negara MABIMS termasuk penerimaan logo-logo halal di antara negara-negara MABIMS.;

iii. Label Halal MUIB telah digunakan pada produk-produk di luar negeri yang memegang Permit Halal MUIB.;

iv. Sebanyak 30 buah pusat penyembelihan yang diikitraf di luar negara telah mendapat pengiktirafan Halal MUIB.;

v. Semua daging mentah di Negara Brunei Darussalam adalah melalui proses pemeriksaan yang ketat dan ditanda dengan Label Halal MUIB.; dan

vi. Label Halal MUIB telah didaftarkan di beberapa buah negara terpilih oleh Bahagian Industri dan Ekosistem, MOFE, bagi membolehkan produk-produk halal tempatan dapat menembusi pasaran antarabangsa.

2. PEMERKASAAN JENAMA BRUNEI HALAL BAGI MEMUDAHKAN PROSES DAN MENJADIKAN HALAL BRUNEI SEBAGAI JENAMA UTAMA YANG BERPRESTASI [RUU (2023) PERBEKALAN 2023/2024]

SOALAN:

a) Membuat pembarigaan untuk membantu menaikkan *confidence* awam dan pengguna tentang *integrity process certification* atau pensijilan ini dan seterusnya memperkasa *brand premier*.

JAWAPAN:

Pembarigaan kepada orang awam telah diusahakan melalui pelbagai platform merangkumi peruntukan undang-undang, proses permohonan Pensijilan Halal, prinsip halal menurut hukum syarak, kesalahan-kesalahan halal:

Bil.	Platform
1.	Media sosial seperti aplikasi Instagram, Facebook dan Tiktok
2.	Program bulanan iaitu Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal (PPKMH)
3.	Jemputan Taklimat dan Pameran/ Expo
4.	Video korporat ditayangkan pada semua program, taklimat dan pameran/expo termasuk SAPPHAT

SOALAN:

b) Untuk melantik agensi ketiga yang boleh melakukan *independent ad hoc verification* dan *quality control* serupa dengan konsep dalam *industry other party* bebas yang mengakses kompetensi the *accessor* dan *compliance*nya seperti "*who verified the verifier"*

JAWAPAN:

Auditor / Pegawai Pemeriksa dilantik di bawah bab 18 Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dengan titah perkenan KDYMM dalam memberikan kuasa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh MUIB.

Keperluan untuk melantik *external auditor* belum menjadi keutamaan jabatan, memandangkan peranan yang dijalankan

oleh Pegawai Pemeriksa sedia ada adalah memadai sebagai sebuah badan yang berintegriti. Pegawai-pegawai ini mempunyai pelbagai "*education background*", merangkumi syariah/ugama, saintifik dan pemakanan.

SOALAN:

c) Dicadangkan perlu ada latihan-latihan dan kompetensi-kompetensi pada pegawai KHEDN sebelum diberi tugas sebagai *Halal Certifier* hendaklah di*formalize*.

JAWAPAN:

Bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran, pegawai-pegawai Bahagian Kawalan Makanan Halal dihantar untuk mengikuti pelbagai latihan & kursus antaranya:

i. Kursus Penyiasatan (2015).;
ii. Kursus Perisikan (2015).;
iii. Kursus Asas Auditor Halal (2017).;
iv. Kursus Undang-Undang ADH 183 & PSHLH 2005 (Pindaan 2016) (2017).;
v. Kursus Penyembelihan (2018).;
vi. Kursus & Latihan Bagi Meningkatkan Keupayaan Pegawai-Pegawai Berbagai Agensi Yang Bertugas Di Pos-Pos Kawalan Darat, Kali Ke-01/2018 (2018).;
vii. Kursus Perkhidmatan Logistik Halal (2018).;
viii. Kursus & Latihan Bagi Meningkatkan Keupayaan Pegawai-Pegawai Berbagai Agensi Yang Bertugas Di Pos-Pos Kawalan Darat, Kali Ke-02/2018 (2018).;
ix. Kursus Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dan Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP) (2018).;
x. Bengkel Pengenalan Logis-k (2019).;
xi. Kursus Perkhidmatan Logistik Halal 2 (2019).;
xii. Kursus CPC (2019).;
xiii. Kursus Penyediaan Kertas Siasatan (2021).;
xiv. Kursus *Food Handlers* (19 Julai 2022).; dan
xv. Kursus Penyembelihan 2022 (2 Julai 2022).

SOALAN:

d) Proses untuk membuat *lab testing* makanan hendaklah jelas dan sentiasa tidak boleh diragui. Kaola berpendapat kalau proses di atas ini di*formalize* tidak mustahil proses kehalalan Brunei akan boleh mencapai tahap *ISO Quality Certificatio*n untuk Sijil Brunei Halal dan ini akan memberi nilai tambah *premier brand* yang akan digalakkan dan mendapat kepercayaan awam pada proses yang sensitif ini.

JAWAPAN:

Dalam proses pensijilan halal, ada menggunakan kaedah *lab testing* bagi memastikan kehalalan sesuatu produk yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik (DSS), Kementerian Kesihatan. Pihak berkenaan sentiasa memberikan kerjasama dan keutamaan kepada pihak jabatan untuk membuat ujian analisis yang diperlukan. Jabatan Perkhidmatan Saitifik juga telah pun mendapatkan pengiktirafan *International Organization for Standardization* (ISO) dan pihak jabatan berpendapat untuk mewujudkan duplikasi kaedah *lab testing* adalah tidak perlu.

SOALAN:

e) *Conduct ad hoc verification audit on process to ensure full compliance*.

JAWAPAN:

Sebelum syarikat disahkan halal, perlu dijalani audit dokumentasi, audit lapangan dan lulus ujian. Audit lapangan adalah penting untuk memastikan *full compliance* syarikat terhadap peruntukan undang-undang dan kehendak, syarat serta garis panduan halal seperti berikut:

- Kehendak-kehendak Sijil Halal dan Permit Halal
- Syarat-Syarat Sijil Halal dan Permit Halal
- BCG Halal 1 (Garis panduan bagi Pensijilan Halal)
- BCG Halal 2 (Garis panduan untuk Audit Pematuhan)
- BCG Halal 3 (Garis panduan bagi Juruaudit Halal)
- BCG Halal 4 (Garis panduan untuk Audit Pemantauan Halal)
- Piawaian Brunei Darussalam (PBD) 24: 2007 – Makanan Halal
- PBD 26: 2015 – Garis panduan untuk Pengilangan dan Pengendalian Produk Kosme-k Halal, Brunei Darussalam.
- GD 24: 2010 – Garis panduan untuk Pengilangan dan Pengendalian Produk Perubatan, Ubat Tradisional dan Tambahan Kesihatan Halal Brunei Darussalam. Jawatankuasa Pemeriksaan Sijil Halal dan Label Halal terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan turut terlibat dalam proses audit sebelum disokong ke MUIB.

SOALAN:

f. Reviu untuk mendapatkan *ISO Quality Certification process Issue of Brunei Halal Certification* untuk nilai tambah kepercayaan awam pada proses yang sensitif ini.

JAWAPAN:

Pihak Jabatan mengakui dengan adanya ISO merupakan satu nilai tambah kepada pensijilan halal.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan belum ada perancangan dalam masa terdekat untuk mendapatkan *ISO Quality Certification*. Ketiadaan *ISO Quality Certification* tidak menjejaskan Proses Pensijilan Halal dengan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

CADANGAN MEWUJUDKAN KAJIAN KHUSUS BAGI MENGETAHUI KEDUDUKAN SEMASA TARAF HIDUP RAKYAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN MENYEDIAKAN PERATUS BERDASARKAN PENDAPATAN SETIAP ISI RUMAH MENGIKUT KATEGORI SEPERTI DI NEGARA- NEGARA JIRAN

Kaola sukacita merujuk kepada persoalan kaola pada sesi Muzakarah bersama Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan status taraf hidup rakyat yang terkini dengan mengambil kira situasi ekonomi sekarang yang serba mencabar. Perkara ini adalah penting sebagai petunjuk kedudukan kualiti hidup rakyat bagi mencapai Wawasan Brunei 2035. Dalam pada itu kaola ingin mencadangkan agar satu kajian khusus perlu diwujudkan bagi mengetahui kedudukan semasa taraf hidup rakyat Negara Brunei Darussalam dengan menyediakan peratus berdasarkan pendapatan setiap isi rumah mengikut kategori seperti di negara-negara jiran. Apakah pernah dikemaskinikan status taraf hidup berdasarkan pendapatan dalam kategori iaitu fakir miskin, miskin dan sederhana serta kaya?

JAWAPAN:

JUZWAB dengan kerjasama pemegang taruh *(stakeholders)* yang lain akan melaksanakan satu kajian dalam tahun 2024 untuk mengenal pasti isu kutipan Zakat harta yang kurang meningkat dengan mengenal pasti kesesuaian metodologi pengumpulan data, *platform* media sosial seperti *google form*, *sampling*, tempoh dan sebagainya.

Turut dikongsikan bahawa UNISSA dan KUPU SB dengan Kerjasama JMUI dan JUZWAB sedang menjalankan satu kajian bertajuk 'ASNAF ZAKAT FAKIR, MISKIN DAN GHARIMIN: KAJIAN KES DI BRUNEI DARUSSALAM' bermula awal tahun 2024.

Objektif kajian agar dapat menghasilkan suatu cadangan yang memberikan impak positif kepada masyarakat dan pembangunan negara dan selari dengan keutamaan negara dalam menangani cabaran-cabaran masa kini.

Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat (JMZ) dalam menimbangkan permohonan dan kelayakan seseorang individu dalam memenuhi kriteria kelompok asnaf fakir dan miskin, adalah juga merujuk kepada Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA) 2015 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) yang mana pengiraannya adalah berasaskan kepada Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) 2015/16.

Perkiraannya adalah merangkumi elemen-elemen yang diperlukan bagi menentukan Had Al-Kifayah bagi seseorang individu ataupun keluarga, kerana elemen yang diambil kira merangkumi perbelanjaan Keperluan Makanan Asasinya sebagai Keperluan Dharurinya dan juga perbelanjaannya Keperluan Asas Bukan Makanannya yang merupakan Keperluan Ijtihadi dan Keperluan Semasa berdasarkan 'Urf meliputi Pakaian & Kasut, Perumahan, air, eletrik, gas dan bahan bakar lain, Perhiasan, peralatan isi rumah dan penyelenggaraan rutin isi rumah, Pendidikan, Pengangkutan, Perhubungan, Perubatan / Kesihatan dan pelbagai barangan dan perkhidmatan.

YANG BERHORMAT HAJI AWANG SULAIMAN BIN HAJI NASIR

CADANGAN MENUBUHKAN UNIT BAHAGIAN KEAGAMAAN DI SELURUH JABATAN-JABATAN KERAJAAN

Bacaan doa ketika bertugas adalah merupakan amalan baik yang perlu diterapkan di jabatan-jabatan kerajaan dan ia merupakan budaya kerja yang perlu dipraktikkan agar setiap pekerjaan dan perkhidmatan beroleh keberkatan daripada اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Selain daripada itu, ia mampu mewujudkan suasana kerja yang lebih kondusif serta mendukung berkonsepkan 'Melayu, Islam Beraja'. Sehubungan dengan ini, kaola sukacita mencadangkan agar ditubuhkan suatu Unit Bahagian Keagamaan di seluruh jabatan-jabatan kerajaan dan melantik atau menyerapkan seorang pegawai atau guru-guru agama bagi tujuan menghidupkan amalan membaca doa sebelum memulakan tugas harian. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

JAWAPAN:

Pihak KHEU ada memperbantukan guru-guru ugama seramai 64 orang ke beberapa agensi kerajaan antaranya pasukan beruniform seperti Institusi Penjara, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei dan pusat-pusat kesihatan yang dihasratkan dapat membantu bagi pelaksanaan bukan hanya setakat Bacaan Doa Harian sebelum bertugas bahkan dimanfaatkan bagi pelaksanaan acara-acara keugamaan dan program-prorgam yang bersesuaian. Ini

juga disesuaikan dengan peranan dan fungsi agensi-agensi berkenaan dalam mengukuhkan penghayatan hidup berugama dan pengamalan ibadah-ibadah harian.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

YANG BERHORMAT AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI HAMDAN

1. PENOMBORAN RUMAH-RUMAH

Berkenaan dengan sistem-sistem penomboran rumah-rumah kediaman. Ada beberapa rumah yang tidak mempunyai nombor dan perkara ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak-pihak berkenaan terutama sekali jika berlaku kecemasan seperti ambulans dan sebagainya.

Perkara ini pernah berlaku di Kampung Penabai, Kuala Tutong apabila pihak paramedik terpaksa pergi ke rumah Ketua Kampung kerana gagal mencari rumah pesakit disebabkan rumah tidak bernombor.

Dalam pada itu, kaola mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan dapat mengemaskinikan nombor-nombor rumah di Negara Brunei Darussalam

JAWAPAN :

Penomboran rumah-rumah dan simpang-simpang jalan adalah menjadi tanggungjawab pemilik rumah untuk mendaftarkan di Jabatan Ukur untuk dikemaskinikan di dalam sistem penomboran rumah dan simpang-simpang.

Bagi penyiapan rumah-rumah baharu, pendaftaran nombor rumah dan simpang akan diselaraskan semasa kebenaran *Occupational Permit* diberikan bagi memastikan setiap rumah diberi nombor rumah dan simpang.

Walau bagaimanapun, masih terdapat rumah-rumah lama yang tidak didaftar dan bernombor dan hanya diketahui jika ada isu berbangkit (seperti kecemasan, keperluan alamat untuk elektrik, air dan sebagainya) sapertimana Yang Berhormat sarankan. Antara sebab-sebab yang dikenal pasti ialah:

- Rumah lama yang diwarisi dan nombor rumah tidak dikemas kini.;
- Dibangun di atas TOL dan tidak dipohonkan nombor rumah.;
- Rumah yang dibangunkan secara persendirian (tanpa kebenaran) dan tidak dipohonkan nombor rumah.;
- Masih menggunakan penomboran rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Elektrik dahulu dan tidak dikemas kini dengan sistem penomboran baharu.

Sehubungan dengan itu, إِنْ شَاءَ اللهُ, pihak Jabatan akan mengadakan jerayawara bagi meningkatkan kesedaran kepentingan peralamatan yang lengkap dan betul. Jabatan Ukur akan terus berusaha memastikan pendaftaran dan penomboran rumah melalui kerjasama pihak Penghulu, Ketua Kampung dan orang ramai.

2. PENYEDIAAN PELAN-PELAN TRANSFORMASI KAWASAN PEKAN TUTONG

Berkenaan dengan kawasan Tatangan Persiaran Sungai Tutong, Pekan Tutong yang mana kawasan ini telah siap dan dirasmikan pada 22 April 2012. Dengan terbinanya kawasan *waterfront* ini, ianya telah mengubah landskap tebing Sungai Tutong sebagai kawasan riadah yang menarik.

Sudah 12 tahun berlalu, terdapat beberapa struktur tebing sungai sudah mulai rosak serta lampu-lampu tidak

berfungsi yang sedikit sebanyak telah menjejaskan keindahan kawasan berkenaan dan memerlukan perhatian segera. Tatangan Persiaran Sungai Tutong sewajarnya memerlukan transformasi dari semua aspek, ini termasuklah sebagai ikonik yang mempunyai nilai kepada tarikan pelancong.

Sehubungan dengan ini, kaola mengharapkan agar perkara ini dapat diberi perhatian, ini termasuklah menyediakan pelan-pelan transformasi kawasan mengikut tempoh beberapa tahun ke hadapan agar Pekan Tutong tidak terpinggir dari arus perubahan.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan menyambut baik saranan ini. Melalui program Rancangan Kemajuan Negara ke-12, Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang meneliti semula perancangan guna tanah bagi kawasan Pekan Tutong dan kawasan sekitarnya melalui kajian semula Pelan Pembangunan Daerah Tutong.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek *landscape enhancement* di Pekan Tutong telah bermula pada 9 Disember 2023 dan telah siap sepenuhnya pada 8 February 2024. (*Maintenance Period* bermula 9 Februari 2024 sehingga 8 Mei 2024).

Skop kerja termasuk penanaman pokok, *shrub* dan *ground cover* yang mengambil kira keindahan tatangan secara keseluruhan, manakala kemudahan lain seperti tempat berjalan kaki, kemudahan landskap yang lain akan juga dibuat pembaikan bagi memastikan ianya selamat untuk kegunaan pengunjung.

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

1. JAMBATAN SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN

Walau bagaimanapun, kaola akan menyentuh sedikit mengenai Jambatan Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien ini kerana ia melibatkan pelaburan yang melebihi $1 bilion. Jumlah pelaburan ini adalah sangat besar. Jambatan ini juga sering digunakan oleh kenderaan asing kerana modal yang disediakan oleh jambatan ini membuat jarak perjalanan lebih pendek dan dapat mengurangkan masa perjalanan ke destinasi yang dituju.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, adakah kerajaan akan mengenakan caj tol ke atas kenderaan asing seperti juga *ASEAN Friendship Bridge* di Sungai Baram?

JAWAPAN :

Mengenai cadangan caj atau tol Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (SHOAS) berkenaan, perkara ini perlu untuk diteliti oleh Kementerian Pembangunan dan ianya akan dibawa untuk dibincangkan dengan beberapa-beberapa kementerian yang berkaitan terutama sekali Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menerokai langkah ke hadapan dengan cadangan-cadangan ini.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SULAIMAN BIN HAJI NASIR

Menyentuh berkenaan dengan batu-batu penanda yang diletakkan di sepanjang jalan atau sempadan. Lazimnya ianya diletakkan bagi setiap jarak 1 km atau 1.6 km. Fungsi batu penanda adalah penting kepada para pengguna jalan raya sebagai

rujukan dan petunjuk tentang kedudukan dan jarak perjalanan menuju destinasi yang dihajati. Memang diakui masa ini kewujudan batu-batu penanda ini sememangnya tidak diperlukan lagi disebabkan penggunaan aplikasi *map* atau perjalanan yang meluas.

Ada sebahagian kawasan jalan-jalan di Daerah Temburong tidak mempunyai batu-batu penanda. Ada antaranya menerima liputan internet dan GPS. Keberadaan batu-batu penanda adalah penting jika berlaku sebarang kecemasan seperti kerosakan kenderaan, kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Dalam pada itu kaola mencadangkan pemasangan batu-batu penanda ini dapat diberikan perhatian tentang kepentingan dan fungsinya kepada orang ramai terutama di kawasan-kawasan jalan yang strategik.

JAWAPAN :

Pada masa ini, Jabatan Kerja Raya tidak lagi memasang batu-batu penanda dan digantikan dengan papan papan tanda kilometer pada setiap jalan-jalan utama di negara ini.

Kaola difahamkan bahawa Jabatan Kerja Raya akan memasang papan tanda yang jaraknya 100 metre yang dipanggil *hectometer* untuk menyenangkan pengguna jalan raya dan dijadikan petunjuk jika diperlukan dalam kecemasan. إِنْ شَاءَ اللهُ, perkara ini akan diambil tindakan.

Pihak JKR memang mempunyai perancangan bagi pemasangan baharu dan penggantian papan tanda kilometer (bagi jarak 1km) dan *hectometer* (bagi jarak 100m). Setakat ini kesemua kawasan lebuh raya telah dipasang papan-papan tanda berkenaan dan program ini akan dilaratkan lagi ke jalan-jalan utama.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

1. KEMUDAHAN AWAM – INFRASTRUKTUR JALAN RAYA

Kemudahan Awam untuk urusan melalui jalan darat dan projek-projek infrastruktur jalan raya iaitu sebanyak $144,830,758 telah diberikan. Seperti yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya, terdapat *potholes* setiap kurang dari dua kilometer dan *pavement cracks* setiap kurang dari lima kilometer.

Pada masa ini, kerosakan hanya diperbaiki dengan menutup *potholes* dan *pavement cracks* tersebut yang akan rosak dengan lebih teruk dalam tempoh yang tidak lama.

Jabatan Kerja Raya mempunyai *Highway Maintenance Unit* yang mungkin fungsinya dapat diaktifkan semula sebab kalau dilihat dari luar, seolah tidak ada aktiviti langsung kerana pejabatnya kelihatan sepi. Kaola mengambil maklum rancangan seperti dalam Kod 1216-008 dan 1216-010 iaitu menaik taraf jalan daerah dan membaiki dan menurap semula jalan-jalan aspal termasuk jalan kampung, jalan simpang dan jalan-jalan utama. Jalan-jalan kampung terutamanya di sebahagian kawasan tidak pernah dinaik taraf sejak ia dibina.

Diharap yang melaksanakan projek-projek ini, pertimbangan akan dibuat bagi kawasan-kawasan yang strategik dan kawasan-kawasan pedalaman bukan sahaja untuk keselesaan penduduk setempat difikirkan tetapi kebergantungan mereka kepada jalan raya yang ada yang selamat bagi menguruskan kehidupan seharian mereka.

Berkaitan dengan jalan raya ini, kaola ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan dan juga Autoriti Kemajuan Daerah Temburong sama ada mempunyai rancangan bagi rangkaian jalan raya Daerah Temburong ditambah memandangkan daerah ini akan menjadi pusat pertumbuhan *(growth centre)* di masa yang terdekat. Hanya yang ada pada masa ini ialah rancangan menaik-taraf jalan-jalan raya termasuklah jalan raya ke Batang Duri.

JAWAPAN:

Highway Management Unit atau *HMU* merupakan salah satu unit pengurusan di bawah Jabatan kerja Raya (Bahagian Jalan Raya) yang mula ditubuhkan pada 28 September 2011. Kerja-kerja penyelenggaraan semua lebuh raya di negara ini dibuat melalui *Integrated Maintenance Management term contracts* bagi kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan jalan dan longkang, pembaikan aspal jalan, mengaris semula jalan, membaiki cerun dan sebagainya.

JKR mempunyai program berterusan untuk menaik-taraf jalan-jalan daerah dan jalan-jalan kampung yang masih berbatu ke taraf aspal. Di samping itu, pembinaan longkang konkrit serta program kerja-kerja melapis semula jalan raya berkenaan termasuk dalam RKN-12.

Sama seperti di daerah lain, perancangan jalan raya di Daerah Temburong adalah melalui pelan-pelan perancangan sama ada melalui Pelan Induk Kebangsaan mahupun Pelan Perancangan Daerah. Pembinaan mana-mana jalan baharu akan mengikut keperluan dan pemintaan dari agensi-agensi kerajaan dan penduduk setempat.

2. JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

Kaola ingin merujuk Indikator Petunjuk Prestasi Utama tentang jumlah rumah kosong yang belum diperuntukkan disebabkan mengalami kerosakan iaitu sebanyak 1,388 unit. Ini bukanlah angka yang kecil, أَلْحَمْدُ لِلّٰه sasaran pihak Jabatan Kemajuan Perumahan ialah untuk membaiki rumah-rumah ini supaya selamat didiami dan akan diagihkan.

Yang ingin kaola timbulkan di sini ialah supaya kementerian memastikan perkara ini tidak akan berulang dan bagi Jabatan Kemajuan Perumahan memastikan semua unit perumahan dalam kondisi yang boleh didiami apabila sudah diserahkan semasa penyerahan rumah itu.

Kita pada masa ini mempunyai satu projek yang sedang berjalan di Perumahan Negara Kampung Lugu yang pernah dilaporkan mempunyai masalah dengan pekerja-pekerjanya, diharap ini tidak akan menjejaskan tempoh siapnya dan juga kualiti kerja. Jabatan Kemajuan Perumahan mestilah bersikap tegas dengan kontraktor dan dipantau kerja mereka agar projek yang siap tidak substandard.

Ada beberapa persoalan mengenai perumahan ini yang ingin kaola sentuh di sini dengan izin Yang Berhormat Pengerusi:

1. Berapa banyakkah tunggakan yang tidak berjaya dikutip? Kerana ada sebahagian dari penerima adalah dalam kategori golongan yang tidak mampu untuk membayar tunggakan? Bagaimanakah pihak kementerian akan menyelesaikan isu ini?;

2. Kementerian Pembangunan juga harus mengkaji kesesuaian, pengemaskinian polisi, dasar dan syarat kelayakan mendapatkan rumah. Kaola

berpendapat terdapat *loopholes* seseorang itu diberi perumahan tetapi nyata kemudiannya ia mampu memiliki tanah sendiri tanpa perlu memohon Skim Perumahan Negara ataupun Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Kadang kalanya rumah ini kosong tidak didiami oleh pemohon atau disewakan atau dijual kepada orang lain.;

3. Kaola juga berpendapat kemudahan pembiayaan rumah perumahan dari sesi kewangan dan kemudahan pinjaman kerajaan bagi kakitangan yang layak di dalam senarai pemohon-pemohon yang telah diperkenankan patut juga dipermudahkan untuk pemohon menggunakannya. Ini agar pemohon yang dikategorikan ini dapat membayar sendiri rumah yang mereka diami dan tidak perlu bergantung kepada kerajaan.;

4. Seterusnya, kaola juga ingin supaya kitani memikirkan bersama bagaimana pihak Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan khususnya mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan STKRJ dengan penglibatan pihak swasta dan melalui modal *Public Private Partnership (PPP)*. Perkara ini sudah lama dalam pemikiran Kementerian Pembangunan tetapi belum ada hasilnya.; dan

5. Kaola ingin pencerahan mengenai dengan Skim Pengurniaan Tanah Rakyat Jati, adakah masih diteruskan? Kaola berpendapat dengan pengurniaan tanah ini mereka akan membangun rumah mereka tanpa membebankan kerajaan. Tanah-tanah di Daerah Temburong misalannya, kaola berpendapat adalah sesuai untuk diberikan untuk mempercepatkan kemajuan di daerah itu.

JAWAPAN:

RUMAH KOSONG DAN ROSAK

Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan bahawa jumlah rumah yang mengalami kerosakan dan belum diperuntukkan telah menurun dengan jumlah pada masa ini adalah sekitar 591 buah rumah. Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan telah membuat beberapa tindakan untuk mengambil maklum mengenai rumah-rumah kosong yang mengalami kerosakan dan telah memohon peruntukan bagi membaik pulih sebahagian dari rumah-rumah kosong berkenaan. Rumah-rumah berkenaan akan diperuntukkan kepada pemohon Skim Perumahan Negara yang berkelayakan selepas rumah-rumah tersebut dibaik pulih. Untuk makluman lanjut, sebahagian dari rumah-rumah kosong di Perumahan Negara Kampung Panchor masih di bawah kawalan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

KUALITI RUMAH PERUMAHAN NEGARA KAMPUNG LUGU

Mengenai pengawasan bagi projek- projek kerajaan, pengawasan pembinaan untuk memastikan kualiti dan '*compliance to specifications*' atau kepatuhan kepada spesifikasi kontrak adalah sangat penting. Pengawasan adalah dilaksanakan melalui pengawas-pengawas '*inhouse*' ataupun lantikan *site staff*. Lantikan *site staff* saperti lazimnya adalah Jurutera atau Pegawai Teknikal yang berpengalaman dalam pengawasan pembinaan yang dilantik secara berkontrak khusus untuk pengawasan di tapak-tapak pembinaan.

Untuk makluman, bagi projek pembinaan Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2 yang sedang berjalan pada masa ini, Jabatan Kemajuan Perumahan menggunakan *Building Quality Assessment System ("BuildQAS")* yang melibatkan pihak ketiga untuk menjalankan penilaian ke atas kualiti pembinaan rumah khususnya bagi skop *Architectural Works* dan *Mechanical, Electrical and Plumbing* (MEP). Di samping itu, pihak Konsultan yang dilantik daripada "*BuildQAS*" juga telah mengadakan latihan bagi kakitangan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memberikan pengetahuan mengenai piawaian penilaian *"BuildQAS"* dan untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran praktikal untuk menjalankan penilaian secara dalaman dengan berkesan berdasarkan piawaian tersebut. Kaedah penilaian kualiti daripada pihak ketiga ini diharap akan dapat meningkatkan kualiti pembinaan rumah dan seterusnya mengelakkan aduan daripada pemilik rumah dan juga mengurangkan kos bagi membaik pulih.

TUNGGAKAN

Jabatan Kemajuan Perumahan telah dan akan terus mempertingkatkan usaha untuk mengutip tunggakan perumahan. Di samping itu juga, terdapat agensi kebajikan yang dapat membantu dalam membayar hutang perumahan.

Untuk makluman, rumah-rumah ini dikurniakan dengan harga subsidi lebih 60% dari harga sebenar kos bagi sesebuah rumah tersebut. Perlu juga diketahui bahawa harga yang dibayar setelah menerima rumah-rumah kurnia tersebut adalah kurang dari separuh harga asal kos pembinaannya. Di samping itu, para penerima diberikan ruang masa sehingga 30 tahun untuk membayar balik harga yang kurang separuh tersebut.

Perlu ditekankan bahawa ini adalah ihsan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang mencerminkan kasih dan keprihatinan baginda dalam memelihara kesejahteraan rakyat dalam memenuhi hasrat supaya rakyat baginda yang tidak mampu memiliki rumah diberikan bantuan sebaiknya. Jika dibuat perbandingan, rasanya tidak ada keistimewaan seperti ini diberikan di negara lain.

Oleh yang demikian, penerima rumah diseru menjalankan tanggungjawab untuk membuat pembayaran agar banyak lagi rumah dapat dibina untuk pemohon pemohon lain.

MENGEMAS KINI DASAR

Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan akan sentiasa meneliti dasar dan syarat permohonan perumahan bagi memastikan pemohon-pemohon yang akan diperuntukkan tanah dan rumah adalah mereka yang berkelayakan dari segi persyaratan yang telah ditetapkan.

Tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara adalah tidak dibenarkan untuk dijual dan disewakan tanah dan rumah sepertimana merujuk kepada Peraturan dan Syarat - Syarat Bagi Mengikuti Skim Perumahan Negara, Negara Brunei Darussalam yang ditandatangani oleh pemilik-pemilik tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara ada menyatakan di bilangan 7, Syarat Khas Tanah pecahan 7.2:"Tanah dan rumah atau sebahagian daripadanya tidak boleh digunakan bagi tujuan-tujuan

perniagaan, perusahaan, tumpangan atau sewa" dan pecahan 7.4:" Tidak boleh dijual, dipajakkan, digadaikan atau dipindah milik terhadap tanah dan rumah yang disebutkan atau sebahagian daripadanya melainkan kepada kerajaan atau melainkan setelah mendapat persetujuan bertulis yang terdahulu daripada kerajaan".

Pemilik-pemilik tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara yang didapati menjual atau menyewakan tanah dan rumah adalah jelas telah melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengambil tindakan kepada pemilik-pemilik tanah dan rumah yang didapati menjual atau menyewakan tanah dan rumah di bawah Skim Perumahan Negara seperti menarik balik tanah dan rumah berkenaan.

ALTERNATIVE FINANCING - PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP

Secara dasarnya, kerajaan memang tiada halangan dengan konsep PPP untuk membiayai pembinaan perumahan.

Sepertimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan sedia maklum, Kementerian Pembangunan sudah lama mencari kaedah *PPP* yang dapat digunakan untuk menyediakan rumah.

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan berkerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk mencari kaedah yang sesuai. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang telah dibuat belum mendatangkan hasil yang dihasratkan, iaitu untuk menyediakan perumahan dengan harga yang berpatutan, saiz dan kualiti yang memuaskan tanpa melibatkan peningkatan dalam subsidi kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini berpendapat kaedah *PPP* masih dapat digunakan dan akan terus cuba mencari kaedah yang terbaik. Status terkini bagi projek PPP adalah pihak Kementerian Pembangunan tidak ada halangan bagi cadangan konsep awal PPP yang telah dicadangkan oleh pihak Syarikat P Cube Sdn. Bhd., dan untuk merangka cadangan konsep ini dengan lebih terperinci agar dapat memenuhi keperluan projek dengan memberi faedah *value for money* kepada pihak kerajaan serta memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerajaan dan sektor swasta.

STKRJ

Skim Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati telah pun digabungkan menjadi di bawah satu Skim iaitu Skim Perumahan Negara bermula pada tahun 2010.

3. TANAH YANG DIMILIKI BERSAMA

Seterusnya, kaola ingin menimbulkan isu tanah yang dimiliki bersama oleh beberapa *owners* (tanah yang ada *multiple owners*). Tanah ini sukar untuk dimajukan jika salah seorang pemilik yang sama mempunyai kes undang-undang atau *legal issues* seperti *bankruptcy.* Setelah persetujuan kemajuan ditandatangani, apakah tidak ada sebarang solusi untuk pemilik-pemilik yang lain yang tidak ada masalah undang-undang untuk meneruskan kemajuan rumah tersebut daripada ia tergantung kerana salah seorang daripada mereka mempunyai masalah undang-undang.

JAWAPAN:

Secara ringkasnya, satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan

mendapatkan kebenaran mahkamah bagi tanah tersebut untuk dipecah (*sub-divide)* dan mengeluarkan hak pemilik yang *bankrupt* atau muflis itu daripada kemajuan yang dirancangkan.

Cara yang lain juga adalah dengan mendapatkan kebenaran mahkamah bagi pemilik-pemilik yang lain untuk membeli bahagian pemilik yang *bankrupt* atau muflis tersebut itu dan sebarang bayaran ke atas jual-beli tersebut hendaklah dibayar ke Penerima Rasmi (*Official Receiver*). Walau bagaimanapun, jawapan ini hanyalah secara am sahaja dan ada baiknya merujuk kepada peguam untuk khidmat nasihat undang-undang yang lebih terperinci.

4. MASA DEPAN *PROFESSIONAL CONSULTANT* TEMPATAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

Permasalahan yang dihadapi oleh masa depan *professional consultant* tempatan dalam industri binaan. Bilangan mereka yang aktif semakin berkurangan dan mereka bimbang dengan kecenderungan pihak kerajaan yang menawarkan projek melalui *design and build* akan menyulitkan lagi keadaan mereka. Kaola ingin perkara ini dikaji oleh Kementerian Pembangunan dan juga kementerian-kementerian yang berkenaan agar mereka ini yang berupa nadi kepada industri binaan di negara ini masih kekal memainkan peranan mereka dalam pembangunan fizikal negara dan pertumbuhan negara secara amnya.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan menyedari mengenai isu mengenai masalah yang dihadapi oleh firma *professional consultants*. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh tahap pembangunan negara pada masa ini, keperluan pembinaan bangunan dan prasarana baharu memang berkurangan kalau dibandingkan dengan masa lalu semasa pembangunan yang lebih pesat.

Di samping itu, kerajaan juga perlu untuk membelanjakan peruntukan secara berhemah. Oleh itu, *procurement* yang lebih kos efektif diamalkan pada masa ini dalam pelaksanakan projek-projek kerajaan termasuk lantikan konsultan. Amalan-amalan ini termasuk jua kaedah *design and build* yang memberikan beberapa kelebihan. Di samping itu, lantikan konsultan profesional melalui kaedah *Request for Quotation* juga didapati boleh mendatangkan penjimatan kepada kerajaan dengan mendapatkan harga perkhidmatan yang lebih kompetitif berbandingkan proses terdahulu.

Mengenai dengan kelambatan pembayaran yuran perunding, tuntuntan ini hanya dapat dilunaskan setelah pihak-pihak yang berkenaan telah memenuhi keperluan dalam kontrak.

Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum saranan Yang Berhormat dalam perkara ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ, akan meneliti isu ini secara lebih lanjut.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

1. KADAR PEMILIKAN RUMAH

Adakah Kementerian Pembangunan telah mencapai sasaran 70% pemilikan rumah pada tahun 2023 seperti yang dinyatakan di perancangan strategik kementerian ini bagi tahun 2018 hingga tahun 2023?

Apakah strategi atau rancangan sama ada alternatif baharu bagi masa sederhana dan panjang selain daripada skim-skim perumahan negara yang ada pada masa ini bagi menangani isu perumahan apatah lagi untuk mencapai Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan yang menyasarkan 85% pemilik rumah pada tahun 2035.

Misalannya di Singapura yang telah menubuhkan *Housing Development Board* sebagai Badan Berkanun (*Statutory Body*) yang berperanan menyediakan perumahan berkualiti dan *affordable,* iaitu mampu milik dalam persekitaran yang kondusif khususnya bagi masyarakat yang *vulnerable*. Kaola berpendapat perkara ini haruslah diambil perhatian oleh Kementerian Pembangunan dalam sama-sama 'kitani' membanyakkan lagi perumahan - perumahan di Negara Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

Soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan ialah adakah kementerian telah mencapai sasaran 70% seperti yang dinyatakan? Sukacita dimaklumkan bahawa sepanjang 5 tahun pelaksanaan Perancangan Strategik Kementerian 2018-2023, Kementerian Pembangunan telah mencapai sebanyak 66% pemilikan rumah.

Walaupun ini tidak mencapai target 70% yang telah ditetapkan terdapat peningkatan daripada 61% *baseline* pada tahun 2018.

Pencapaian 66% ini adalah berdasarkan (*insert formula* perumahan) dan mengambil kira beberapa inisiatif lain yang telah ditunduki beberapa kali bersama pihak-pihak berkepentingan seperti pelaksanaan PPP tetapi akhirnya ianya tidak *viable* untuk dilaksanakan.

Ini memberikan kesan kepada *house production* dan seterusnya pemilikan rumah. Kementerian akan sentiasa berusaha untuk memastikan *home ownership* tercapai menjelang 2035.

Mengenai dengan soalan selain dari Skim Perumahan Negara, apakah alternatif baharu untuk menggalakkan pembinaan perumahan mencapai sasaran 85% pemilik rumah menjalang tahun 2035.

Kementerian ini dengan agensi-agensi di bawahnya telah mengenal pasti beberapa inisiatif untuk menggalakkan pembinaan perumahan di sektor swasta untuk mengurangkan penggantungan kepada Skim Perumahan Negara, antara yang pada masa ini dalam pelaksanaan adalah saperti berikut:

1. Mempercepatkan proses pindah milik tanah, yang pada masa ini dalam pelaksanaan.;

2. Memperbaiki proses permohonan perancangan dan membina rumah di Autoriti Perancang dan ABCi. Inisiatif ini masih dalam proses penambahbaikan secara berterusan;

3. Meningkatkan daya tarikan untuk perumahan pemaju *(private developments)* dengan menjadikan proses pembelian rumah pemaju lebih selamat dan menjaga kepentingan pembeli. Akta *Housing Developers Order* telah di gubal dan akan dikuatkuasakan apabila semua persediaan siap dilaksanakan. Akta ini bertujuan mengawal selia pemaju perumahan yang melebihi 4 buah

melalui satu lembaga di bawah Kementerian Pembangunan. إِنْ شَاءَ اللهُ, apabila sedia untuk dimulakan, Kementerian Pembangunan akan mengadakan 'pembarigaan' kepada orang ramai.

2. PEMILIK KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN DAN KELULUSAN DI BIDANG TEKNIKAL

Memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, daripada jumlah tersebut 1,745 orang pembina yang berdaftar dalam *ABCi* berapa peratus atau berapa jumlahkah daripada jumlah keseluruhan pemilik kontraktor yang berdaftar mempunyai kelayakan dan kelulusan di bidang teknikal seperti yang dipersyaratkan dalam Buku Prosedur Pendaftaran Pembina dan Kontraktor Kementerian Pembangunan 2020?

JAWAPAN:

Dalam usaha pengawalan dalam pendaftaran, syarat-syarat pendaftaran telah pun dikemas kini mengikut Akta Kawalan Bangunan, Penggal 256 dan Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Edisi 2020 dengan syarat kelayakan adalah melalui kelayakan minimum atau kelamaan pengalaman dalam industri pembinaan atau perniagaan. Sebagai penambahbaikan bermula tahun 2019, sesi temu duga bagi permohonan pendaftaran baharu telah pun diadakan. Sesi temu duga ini adalah bagi penilaian pengetahuan, penglibatan dan pengalaman pemilik dalam bidang industri pembinaan. Sesi temu duga ini adalah turut dilaratkan kepada permohonan membaharui pendaftaran jika pemilik tidak dapat menunjukkan kelulusan dan pengalaman dalam bidang industri pembinaan. Dari 105 temu duga dengan pemilik syarikat yang dijalankan pada tahun 2023, didapati sebanyak 50.47% daripada pemilik syarikat didapati tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang industri pembinaan dan permohonan daripada pemilik syarikat ini telah tidak diluluskan. Namun pihak kementerian mempunyai perancangan dalam menilai semula syarat kelayakan ini dari semasa ke semasa.

3. ARKITEK, JURUTERA DAN JURUUKUR BAHAN YANG TIDAK BERDAFTAR

Apa yang koala ingin merujuk di sini, kaola dapat maklumat dari perangkaan jumlah pekerja asing di bawah Lesen Pekerja Asing tahun 2022 daripada Jabatan Buruh, iaitu seramai 490 orang yang berdaftar sebagai Jurutera dan 163 orang adalah berdaftar sebagai Arkitek dan 131 orang terdiri daripada Juruukur Bahan jadinya maknanya 497 orang.

Secara tidak langsung mereka ini tidak berdaftar dengan lembaga tersebut. Ini adalah dikira melanggar etika pekerjaan seperti yang dikehendaki di bawah perintah tersebut dan kadang-kadang mereka ini bergegas sebagai *freelance*.

Sehubungan dengan ini, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhomat Menteri Pembangunan, berapakah jumlah sebenarnya mereka ini berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan? Adakah mereka yang tidak berdaftar ini dibolehkan memberikan perkhidmatan dan diiktiraf dalam profesion masing-masing di negara ini?

Dalam menjaga kredibiliti dan kualiti kerja segala projek pembinaan terpelihara dan terjamin, apakah langkah-langkah untuk memastikan mengikut amalan terbaik mengikut profesion masing-masing seperti digariskan oleh Kementerian Pembangunan, apatah lagi untuk mematuhi peraturan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan Agung yang telah dikuatkuasakan?

JAWAPAN:

Di bawah *Akta Architect, Professional Engineers and Quantity Surveyors APEQS* semua arkitek, jurutera profesional dan *quantity surveyors* mestilah berdaftar dengan Lembaga *BAPEQS* jika mereka menggunakan gelaran profesional saperti Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur bahan. Pada masa ini, sejumlah 241 orang profesional terdiri dari Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan berdaftar dengan Lembaga *BAPEQS*. Jika ada terdapat sesiapa yang menggunakan gelaran profesional tetapi tidak berdaftar, mahupun melaksanakan kerja di dalam bidang profesi tersebut, Lembaga *BAPEQS* akan mengambil tindakan mengikut undang undang.

4. KOS *QP* YANG TINGGI

Adakah usaha pihak kementerian ini untuk memperkenalkan mekanisme kawalan harga. Adalah sudah tibanya barangkali *ABCi* untuk berperanan secara lebih aktif untuk memudahkan dan mengurangkan bebanan bagi proses memiliki perumahan atas inisiatif mereka sendiri.

JAWAPAN:

Tanggungjawab kerajaan dalam kawalan kemajuan adalah untuk memastikan sebarang kemajuan ini sama ada membuat rumah sebuah ataupun bangunan *apartment* ataupun pusat pusat komersial, adalah untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan orang awam dan kawasan kawasan sekeliling tidak terjejas oleh kemajuan tersebut. Pernah terjadi aduan-aduan diterima mengenai masalah yang timbul saperti banjir dan tanah susur terjadi akibat kemajuan yang berhampiran. 'Kitani' pun pernah mendengar mengenai bangunan yang roboh yang mengorbankan nyawa dan harta benda terjadi akibat pembinaan bangunan yang tidak mengikut piawaian.

Jadinya, untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan, ini memerlukan proses permohonan yang teknikal, termasuk reka bentuk dan lukisan-lukisan yang dilaksanakan oleh orang yang berkelayakan, sebelum ianya diluluskan dan dibina. Orang yang berkelayakan atau dipanggil *Qualified Persons* (QP) inilah terdiri dari Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan yang dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan melalui satu lembaga pengawal.

Pembinaan rumah persendirian, walaupun dilihat kecil tetapi ianya memakan belanja yang bukan sedikit. Oleh itu mesti juga memastikan rumah yang dibina adalah selamat dan selesa dan tidak memberikan masalah pada masa hadapan. Ianya juga mempunyai risiko yang sama dengan bangunan yang besar dan memerlukan khidmat dari pakar yang berpengalaman dalam mereka bentuk dan menyelaras pembinaan yang dapat membantu dan memberikan khidmat perancangan, reka

bentuk, seni bina, struktur dan elektrik, pemilihan kontraktor melalui tawaran dan pengawasan di tapak bina untuk memastikan kualiti kerja. Pakar-pakar ini adalah *Qualified Persons* tadi, iaitu Arkitek, Jurutera Profesional, Juruukur Bahan yang berpengalaman dan berdaftar dengan Lembaga Arkitek Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan *(BAPEQS).*

Kementerian mengambil maklum mengenai keluhan orang ramai mengenai kos membina rumah terutama sekali pembinaan sebuah rumah dan mengenai kos perkhidmatan *Qualified Persons* ini. Berapa pilihan telah dilaksanakan oleh kementerian pada masa ini, saperti berikut:

i. Selain dari arkitek berdaftar, perkhidmatan Tukang Pelan Bangunan Berdaftar atau *Registered Building Draftsmen* dapat dilantik sebagai QP. Perkhidmatan Tukang Pelan Berdaftar ini secara amnya memberikan kos yang lebih rendah dari perkhidmatan arkitek. Perkhidmatan Tukang Pelan Berdaftar ini jua dikawal selia oleh Lembaga *Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS)* untuk memastikan perkhidmatan profesional yang memuaskan.;

ii. Beberapa firma arkitek yang berdaftar jua secara amnya memberikan perkhidmatan yang khusus untuk sebuah rumah yang memberikan kos perkhidmatan QP yang rendah. Tuan punya tanah yang ingin membina rumah adalah disyorkan untuk mendapatkan *quotation* atau sebut harga dari beberapa firma arkitek untuk mendapatkan harga yang kompetitif.;

iii. Kementerian Pembangunan pada masa ini tidak mempraktikkan lagi *fixed scale of fees* dan menggalakkan *open market* atau pasaran terbuka yang setiap pelanggan dapatlah mendapatkan sebut harga yang kompetitif.

Namun begitu, Kementerian Pembangunan melalui *Authority of Building Control Order and Construction Industry (ABCi)* dan *Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS)* sentiasa memantau isu ini dan akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Mengenai cadangan untuk melaksanakan kawalan harga bagi *QP,* perkara ini sudah dan masih dibincangkan. Antara *concern* mengenai kawalan harga ini, kalau harga dikawal di tahap yang terlalu rendah maka mungkin terdapat situasi yang pihak *QP* tidak mahu ikut serta dalam sebut harga ataupun akan menjejaskan perkhidmatan dan kualiti reka bentuk dan menimbulkan masalah kepada tuan punya rumah.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam perbincangan kementerian bersama *Authority Building Control Order and Contruction Industry (ABCi)* dan *Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS).*

5. KAWASAN KOMERSIAL

Mengenai jalan-jalan di beberapa kawasan komersial seperti kawasan Batu Bersurat, Menglait, Serusop dan Gadong yang sering mengalami kerosakan atau sudah rosak sejak sekian lama sehingga kerosakan tersebut menjadi kebiasaan bagi pemilik dan orang ramai yang mengunjungi tempat-tempat komersial tersebut.

Kebersihan juga tidak memuaskan. Jika kita bandingkan negara luar, amalan yang dipraktikkan kebiasaannya pemeliharaan

jalan tapak persendirian di kawasan komersial dan kebersihannya adalah dipertanggungjawabkan bersama di atas pemilik bangunan ataupun pemilik *strata title* di kawasan tempat secara *joint management body* atau *management cooperation*.

Sukacita mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, adakah sebarang rancangan dalam senario ini dan sudah tiba masanya di negara ini jika sekiranya belum wujud, undang-undang atau peraturan yang sama seperti diamalkan di luar negeri, untuk dipertanggungjawabkan memelihara, membaiki dan juga kebersihahan sekitar komersial yang berkenaan termasuk jalan raya sama ada menubuhkan *joint management* atau *joint cooperation*.

JAWAPAN :

Dalam isu pemeliharaan kawasan bersama ataupun *common areas* dalam kawasan kemajuan perniagaan, satu Jawatankuasa Bertindak telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan pada Ogos 2023 untuk menangani perkara ini. Tumpuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menjalankan kerja-kerja *profiling* status pemilikan bukan saja jalan-jalan yang terkandung dalam kawasan perniagaan utama di negara ini akan tetapi juga termasuk fasiliti dan infrastruktur yang lainnya.

Isu pemeliharaan kawasan bersama ini adalah merupakan *cross-cutting issues* yang melibatkan berbagai pihak dan ianya perlu dikenal pasti dalam menetapkan siapa yang mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kawasan bersama dan infrastruktur yang ada.

Pihak Kementerian Pembangunan mengambil maklum akan kaedah pendekatan yang dipraktikkan di negara luar yang memerlukan pemilik bangunan komersial untuk menubuhkan satu badan penyelaras yang digelar dengan *Management Corporation* bagi menyelaras pemeliharaan kawasan bersama.

Ke arah itu, pihak Kementerian Pembangunan sedang dalam usaha untuk menggubal keperluan dasar dan undang-undang, termasuk juga untuk menjadikan sebagai keperluan mandatori untuk menubuhkan *Management Corporation* bagi menyelaras kerja-kerja penyelanggaraan bagi kawasan bersama dalam kemajuan perniagaan yang sedia ada dan yang sedang dibina (*being developed/built*), sama ada ianya melibatkan tanah persendirian atau kerajaan. Antara perkara yang sedang dalam penelitian pihak Jawatankuasa Bertindak adalah untuk menetapkan siapakah yang patut dikenakan tanggungjawab untuk menubuhkan *Management Corporation* ini dan memantau tugas-tugasnya.

Dalam hal ini, pindaan kepada Bab 57, Akta Kawalan Bangunan akan dilaksanakan yang memastikan pemilik Bangunan perniagaan atau penghuni-penghuninya untuk mendapatkan perkhidmatan seorang Pengurus Bangunan (*Property Manager*) atau Pengurus Fasiliti (*Facility Manager*) untuk mengurus dan menyelenggara bangunan termasuk kawasan bersama dan infrastruktur yang ada yang mana akan menjadi kesalahan yang boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan jika gagal mematuhinya.

Sebagai tambahan lagi, bagi mana-mana kemajuan perniagaan baharu yang hendak

dimajukan, pengenaan syarat baru di peringkat permohonan kebenaran perancangan (di Jabatan Perancang Bandar dan Desa) juga akan diperkenalkan. Persyaratan mandatori ini memerlukan pemilik bangunan atau pemaju untuk mengenal pasti *Management Corporation* atau *Property / Facility Manager* yang akan diambil bekerja untuk menjalankan kerja-kerja penyelanggaraan di kawasan bersama (termasuk infrastruktur) bangunan perniagaan persendirian masing masing.

Sementara bagi penyelangaraan kawasan-kawasan di bawah penyelarasan pihak kerajaan, ianya akan mengikut *Standard Of Procedure* yang sedia ada, namun dalam masa yang sama Jawatankuasa Bertindak sedang membuat kajian dalam menerokai pendekatan lain yang lebih bersesuaian dan *sustainable* agar tidak terlampau bergantung dan membebankan pihak kerajaan.

6. PELUPUSAN SISA-SISA

1. Adakah rancangan prasarana *incinerator system waste-to-energy* yang dirancangkan ini termasuk sisa penjagaan kesihatan (*healthcare* ataupun *medical care*) dan sisa perindustrian iaitu *industrial waste*?

2. Dalam interim pada masa ini, bagaimanakah tatacara pelupusan sisa penjagaan kesihatan (health waste atau medical waste) dan sisa perindustrian (*industrial waste*) dilaksanakan? Adakah ianya dilaksanakan mengikut piawaian standard yang diiktiraf oleh *World Health Organisation (WHO)* dan di manakah tempat pelupusan bagi kedua-dua sisa ini? Adakah ia dijamin dan disahkan oleh pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan tidak mendatangkan pencemaran, bahaya atau risiko-risiko?

3. Sepertimana yang ditimbulkan di dewan permesyuaratan yang lalu, kaola ingin penjelasan ataupun apakah perkembangannya setakat ini? Sudahkah diwujudkan peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi tata cara pengurusan dan pelupusan ketiga-tiga sisa berkenaan?

JAWAPAN :

Loji *Waste-to-Energy* atau *WtE* yang dirancang ialah bagi membakar sisa buangan domestik sahaja iaitu sisa buangan yang dihasilkan dari rumah yang kitani buang seharian – seperti sisa makanan, kertas, plastik, sisa tebasan – atau sisa hijau dan sebagainya, tidak termasuk sisa buangan *medical* atau *clinical waste*.

Sepertimana yang Kaola difahamkan, *medical* atau *clinical waste* mempunyai sifat merbahaya dan toksik. Pelupusan bahan-bahan merbahaya dan toksik memerlukan kaedah dan prosedur yang tertentu bagi mengelakkan jangkitan kepada manusia dan binatang dan pencemaran kesihatan.

Sekiranya kitani akan melupuskan secara pembakaran, ianya memerlukan tahap suhu *incinerator* yang tinggi iaitu perlu melebihi 1,000 *degrees celcius* iaitu 1,200 *degrees celsius* dan tidak sesuai bagi loji WtE yang hanya mempunyai suhu 800 *degrees celsius*.

Merujuk maklumat yang kaola terima, pada masa ini terdapat sebuah syarikat tempatan diiktiraf yang boleh melupuskan

dan membakar *medical* atau *clinical waste*. Sebelum dihantar ke tapak syarikat ini, *medical waste/clinical waste* perlu diasingkan bagi memastikan tiada bahan merbahaya yang lain seperti *radioactive material*.

Walau bagaimanapun bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, Kementerian ini akan membuat perundingan bersama Kementerian Kesihatan untuk membincangkan hala tuju strategik bagi menangani isu pelupusan *medical/clinical waste* dan memastikan ianya mengikut piawaian dan garis panduan *World Health Organisation*.

Manakala, soalan mengenai *industrial waste* tadi, *industrial waste* atau sisa-sisa buangan yang dihasilkan oleh sektor industri boleh dikategorikan kepada 2 jenis: (1) jenis tidak berbahaya atau sampah biasa (*non-hazardous waste*) dan (2) jenis berbahaya (*hazardous waste).* Tata cara pelupusan *non-hazardous industrial waste* yang dipraktikkan pada masa ini adalah sama seperti sisa-sisa buangan yang am atau *general waste* iaitu dengan dilupuskan di tapak-tapak pelupusan yang dibenarkan iaitu secara *landfilling.*

Manakala tata cara pelupusan *hazardous industrial waste* dilaksanakan melalui dua kaedah: (1) dihantar dan dilupuskan di fasiliti-fasilti yang dibenarkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) yang mempunyai keupayaan untuk merawat dan melupuskan sisa buangan berkenaan; dan (2) dihantar keluar negeri yang mempunyai fasiliti khusus bagi merawat, *recover* atau melupuskan satu-satu jenis *hazardous waste* melalui penghantaran renats sempadan yang dikawal di bawah *Basel Convention*, yang memerlukan pihak Industri untuk mendapatkan permit daripada pihak jabatan sebelum penghantaran dapat dijalankan. Melaui kedua-dua kaedah, pelupusan sisa industri yang berbahaya adalah disyorkan untuk diuruskan dengan tata cara yang bersesuaian dan mengikut amalan antarabangsa yang diiktiraf.

7. GOVERNMENT ASSETS IN INFRASTRUCTURE SYSTEM. PELAKSAAN SISTEM PENGURUSAN *(GAIS)*

Apakah status perkembangan dan perlaksanaan projek ini? Adakah ianya berjalan seperti yang dirancangkan atau adakah terdapat tekanan untuk melaksanakan projek ini?

JAWAPAN:

Government Assets in Infrastructure System (GAIS) atau Pelaksaan Sistem Pengurusan ini merupakan *Flagship project* di bawah RKN 11 yang melibatkan usahasama Kementerian Pembangunan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan. Ianya dihasratkan sebagai penyediaan sistem pengurusan bagi aset-aset kerajaan termasuk bangunan dan kenderaan yang merangkumi proses inventori-inventori pembekalan, tawaran, sebut harga, pembayaran dan yang berkenaan dengannya.

Projek *GAIS* iaitu *Government Asset Inventory System* pada masa ini tergendala perlaksanaan nya dan masih dalam penelitian dan penyelerasan semula.

Penelitian semula ini perlu dilaksanakan disebabkan didapati pertindihan skop dengan projek TAFIS 2 yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi. إِنْ شَاءَ اللهُ Projek *GAIS* akan diteruskan

semula apabila penelitian siap dilaksanakan.

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

1. PELABUR TEMPATAN DAN ASING MEMAJUKAN TANAH KERAJAAN

Mengenai dengan Jabatan Kementerian Pembangunan. Pada sesi Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2023, kaola pernah membangkitkan mengenai isu pelabur tempatan dan asing yang mengalami kesukaran untuk memajukan tanah kerajaan melalui *Government Land Lease* disebabkan oleh dasar dan proses yang memakan masa yang lama, ini menjejaskan kecepatkan 'kitani' dalam perolehi hasil pendapatan negara dan pembangunan yang menjana kepada ekonomi negara.

Kaola berterima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebelum ini, iaitu ada terdapat 26 tapak yang akan dikeluarkan *Expression of Interest* atau *Request for Proposal.* Setelah tempoh setahun, kaola ingin mengetahui apakah statusnya pada masa ini dan adakah prosesnya sudah dikemas kini supaya ia tidak memakan masa yang lama.

JAWAPAN :

Pada masa ini, iklan secara terbuka dirancang untuk dikeluarkan bagi 3 daripada 26 tapak *Government Land Lease (GLL)* tersebut. Proses bagi pelabur tempatan (atau pelabur asing secara *Joint Venture* dengan pelabur tempatan) untuk memajukan tanah tersebut telah dikemas kini tata cara pelaksanaannya. Pengemaskinian ini dihasratkan untuk memastikan proses ini adalah lebih telus yang juga akan melibatkan penilaian dari segi kemampuan kewangan bagi pelabur berkenaan dalam memastikan projek berjalan dalam masa yang dicadangkan berkenaan di samping memastikan pemeliharaan ditanggung oleh pelabur.

2. BANGUNAN KOSONG

Adakah langkah-langkah atau perancangan Jabatan Kementerian Pembangunan untuk bangunan-bangunan ini dibukakan kepada pihak swasta untuk dimajukan seperti juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II melalui kaedah Public Private Partnership (PPP) atau adakah kawasan-kawasan bangunan itu dapat dibangunkan rumah untuk menampung jumlah perumahan negara yang pada masa ini diperlukan oleh rakyat di negara ini.

JAWAPAN:

Secara amnya, cadangan bagi bangunan-bangunan kerajaan yang kosong untuk diserahkan kepada pihak swasta boleh dilaksanakan berpandukan tata cara perolehan kerajaan yang ada pada masa ini. Pada ketika ini, kaedah pemberian bangunan-bangunan kerajaan kepada pihak swasta dikendalikan oleh agensi di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan yang sedia berkerjasama untuk mempermudahkan pengurusannya.

Untuk makluman lanjut, terdapat sekitar 54 buah bangunan yang telah diserahkan untuk digunakan oleh pihak swasta dan agensi kerajaan yang lain. Sebagai contoh, beberapa bangunan di Kampung Anggerek Desa telah diserahkan kepada *Darussalam Enterprise* untuk tujuan *'redevelopment'* dalam mana, beberapa buah flat sedang diperbaiki dan dibesarkan. Di samping itu, beberapa buah berek dan bangunan juga

telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk dijadikan sebagai rumah bantuan atau rumah penempatan sementara.

3. PERUMAHAN

i. Dengan peruntukan RKN ke-12 berjumlah $276 juta lebih yang hanya dapat membangun rumah, rumah teres seperti RPN Lugu sebanyak 1,600 buah seperti dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ini akan memakan masa selama 5 tahun walhal masih ramai senarai yang menunggu termasuk yang sudah menunggu berpuluh tahun.

Soalan kaola, adakah langkah-langkah atau perancangan lain yang lebih kreatif dari Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memperkasa penglibatan syarikat swasta tempatan untuk melabur dan membantu kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan di samping mempercepatkan pembangunan rumah perumahan negara. Sebagai contoh, bolehkah dibangun rumah sebanyak 2,000 buah atau lebih daripada 1,600 ini dengan harga Rancangan Kemajuan Negara ke-12 yang diperuntukkan.

ii. Mengenai mereka yang sudah lama tinggal di RPN dan belum membayar cukai tanah, kaola berpendapat ini mungkin isu proses dalaman di antara Jabatan Kemajuan Perumahan dan Jabatan Tanah. Secara logiknya, untuk mendapatkan geran tanah perlu maklumat lengkap datangnya dari Jabatan Kemajuan Perumahan ke Jabatan Tanah dengan penetapan tarikh-tarikh bilakah geran itu mula berkuat kuasa untuk memudahkan Jabatan Tanah mengira jumlah cukai yang perlu dikenakan. Kalaulah betul pendapat koala ini. Soalan kaola, berapakah jumlah rumah yang belum berdaftar di Jabatan Tanah dari lebih 30,000 unit yang telah siap sejak dari dulu lagi.

Berapakah anggaran kutipan cukai tanah yang masih perlu dikutip dan apakah kutipan cukai itu bermula dari tarikh pendaftaran di Jabatan Tanah atau tarikh penerima itu menerima kunci? Jumlah ini adalah dikira hasil jabatan yang menyumbang kepada pendapatan fiskal negara.

iii. Mengenai dengan menambah rumah yang 'seingan-ingannya'. Usulan kaola, kalau dapat *design* rumah yang baharu itu nanti *design* yang simple dan mampu milik serta apabila hendak menambah di masa akan datang *design*nya sudah disediakan a pre-approved *Authority of Building Control Order and Construction Industry (ABCi) design*. 'Nda' lagi payah *apply* ke *ABCi.*

Kaola percaya ini boleh mengelakkan tambahan yang keterlaluan di samping menjaga keselamatan penghuni dan kemaslahatan jiran 'sebalah-menyubalah'. Kadang-kadang rumah di perpindahan itu bersayap 'bekiri bekanan' dan sebagainya.

iv. Keempat, mungkin juga kaola boleh buat usulan untuk isu rumah teres sahaja masa ini dan yang lama menunggu sebab gaji yang rendah. Cadangan kaola kalau dapat juga dipertimbangkan *design* rumah itu supaya ia mesra dengan bertambahnya ahli keluarga penerima itu.

Mungkin mula-mula *design* rumah yang simple dan murah tetapi apabila keluarga bertambah boleh ditambah mengikut cadangan yang kaola sebutkan di atas tadi. Mengapa kaola cadangkan yang *simple* dan murah itu ialah supaya ia jadi rumah mampu bayar bagi golongan yang rendah pendapatan dan kerajaan mungkin boleh membuat rumah lebih banyak dari sekarang ini.

v. Mengenai tanah-tanah kosong dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) yang sudah bertahun-tahun tidak dimajukan oleh pihak kerajaan boleh ditawarkan kepada swasta untuk dimajukan dan hasil pendapatan dari pajak, sewa atau kongsi sama hasil itu boleh dikutip oleh kerajaan melalui Jabatan Perumahan dan ini akan barang setentunya menambah hasil kerajaan.

JAWAPAN:

i. Sepertimana jua projek yang berjalan pada masa ini di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu, tujuan tawaran ialah untuk memaksimumkan jumlah pembinaan rumah dengan peruntukan yang disediakan. Ia ditawarkan melalui *design and build* yang membuka peluang bagi '*creativity*' pihak swasta yang terdiri dari *planner*, arkitek dan kontraktor, dalam membina rumah secara *cost effective* di samping memenuhi keperluan perumahan.

ii. Diakui bahawa terdapat kelambatan dalam pendaftaran geran-geran tanah di Skim Perumahan Negara dan melibatkan kutipan cukai tanah. Antara lain, perkara ini disebabkan oleh jumlah pemilik rumah baharu yang ramai dalam tempoh waktu yang singkat yang menyebabkan kelewatan dalam proses pendaftaran geran tanah. Kelewatan ini bermakna maklumat-maklumat yang sedia ada bukanlah maklumat yang terkini yang boleh digunakan untuk tujuan pendaftaran. Maklumat-maklumat tambahan dan sebarang pengemaskinian bergantung kepada kerjasama para pemilik rumah. Maklumat Rajah Geran Tanah (RGT) juga diperlukan bagi proses pendaftaran geran tanah yang kelewatan mendapatkan maklumat ini menyumbang pada kelewatan proses pendaftaran geran tanah tersebut.

Jabatan Tanah hanya mengutip cukai tanah-tana yang bedaftar di Jabatan Tanah. Setakat ini, sejumlah 10,672 lot tanah RPN dan 2765 lot STKRJ didaftarkan. Mengenai pemilik rumah RPN yang hanya diberikan salinan geran tanah, lazimnya geran tanah asal akan diserahkan setelah mendapatkan pengesahan dari pihak Jabatan Kemajuan Perumahan dan setelah pembayaran rumah telah dijelaskan sepenuhnya.

iii. Menyedari bahawa kebanyakan pemilik rumah berhasrat untuk menambah rumah mereka, rumah-rumah yang dibina pada masa ini di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu dirancang dan disediakan dengan reka bentuk untuk membuat penambahan. Walau bagaimanapun, mengikut pengalaman Jabatan Kemajuan Perumahan, kebanyakan pemilik rumah lebih suka untuk membuat reka bentuk sendiri mengikut keperluan dan keupayaan masing masing.

Walaupun menggunakan *pre-approved design*, sebarang penambahan rumah masih memerlukan kebenaran dari

ABCi. Ini disebabkan setiap reka bentuk bagi pembinaan dan penambahan rumah memerlukan *Qualified Person (QP)* untuk bertanggungjawab terhadap reka bentuk yang dibina, Tanggungjawab *QP* adalah juga merangkumi semasa proses pembinaan dijalankan selaras dengan keperluan di bawah *Building Control Order, 2014.*

iv. Rumah teres di kawasan Perumahan Negara mempunyai 4 buah bilik tidur iaitu mencukupi bagi keluarga dengan keramaian minimum 5 orang dan juga mempunyai kawasan di hadapan atau belakang rumah dalam kawasan lot tanah rumah berkenaan. Ini memberi ruang kepada pemilik rumah untuk menambah mengikut keperluan jika sekiranya penghuni rumah bertambah.

v. Keselesaan pemilik rumah adalah antara faktor utama yang diambil kira dalam meneliti kesesuaian reka bentuk sesuatu jenis rumah di bawah Skim Perumahan Negara. Reka bentuk rumah perlu menepati unsur-unsur yang sesuai dengan falsafah Melayu Islam Beraja, menepati piawaian yang ada dan juga memastikan susun atur yang fleksibel untuk memberi ruang kepada pemilik rumah untuk mengubah atau menambah mengikut keperluan.

vi. Tanah-tanah kosong yang mempunyai keluasan besar di kawasan Perumahan Negara pada lazimnya adalah disediakan untuk fasiliti-fasiliti kemudahan awam seperti yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk. Walau bagaimanapun, sebahagian dari tapak-tapak tersebut belum lagi dimajukan oleh agensi-agensi yang berkenaan. Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan dan Kementerian Pembangunan pada masa ini sedang menyelaras tapak-tapak yang tidak diperlukan dan untuk diubah penggunaan tapak tersebut. Tapak-tapak *Government Land Lease* bagi tujuan komersial di kawasan Perumahan Negara juga sudah dikenal pasti dan sedang dalam perancangan untuk dibukakan tawaran *Expression of Interest (EOI)* kepada pemaju yang berminat. Tapak komersial tersebut akan dipajakkan dalam tempoh jangka masa panjang dan akan diusahakan oleh pihak swasta untuk dimajukan

4. SISTEM *ONLINE* TANAH

Sistem *online* tanah. Tidakkah ada pemikiran untuk memperbaiki sistem pangkalan data dan permohonan melalui *online* tanah bagi transaksi *online* tukar milik pendaftaran tanah dan sebagainya untuk diperkenalkan.

Kaola percaya ini akan menambah keberkesanan dan juga mempercepatkan hasil kutipan dan boleh mengelakkan dari ketirisan kutipan hasil negara terutama kutipan hasil dari pajakan tanah kerajaan.

Satu lagi cadangan Yang Berhormat Pengerusi, kalau sudah online 'bagus tah' di*push* 'tia' SMS macam Jabatan Pengangkutan Darat. SMS ini nanti tujuannya untuk mengingatkan pemilik tanah untuk membayar cukai setiap tahun sebab masa ini mengharapkan orang ingat sahaja agak sulit sedikit dan kadangkala ada yang membayar beberapa tahun terkumpul. Isu ini menjejaskan kutipan hasil kerajaan setiap tahun.

JAWAPAN:

Di bawah Projek *1-MOD Platform*, Jabatan Tanah bersama vendor yang dilantik sedang dalam proses untuk merangka satu sistem perkhidmatan *online* bagi

perkhidmatan-perkhidmatan yang dihulurkan kepada orang ramai dan pemilik tanah. إِنْ شَاءَ اللهُ, sistem tersebut dijangkakan siap untuk digunakan pada sekitar bulan Mei 2025. Turut dimuatkan dalam sistem itu adalah kemudahan penghantaran mesej, makluman melalui SMS dan emel kepada pemohon yang merangkumi semua perkhidmatan termasuk makluman mengenai cukai tahunan tanah.

5. PERKHIDMATAN AIR

Kaola ada sedikit isu dari suara segelintir rakyat yang mengadu dengan terpasangnya *smart meter* di premis mereka. Ada juga isu dialami iaitu bil air dari Jabatan Perkhidmatan Air yang dicaj beratus atau beribu ringgit walhal tidak ada kebocoran dengan paip dalam premis dan kemungkinan timbul dari masalah bil yang dikeluarkan dari sistem perkhidmatan air. Kaola mohon pencerahan mengenai ini.

Berkait dengan *smart meter* ini juga bilakah ia akan dipasang di bangunan jabatan-jabatan kerajaan?

Kaola nampak terdapat kebocoran paip yang 'suak-suak' dan membazir air yang ada yang tidak dibaiki sekian hari dan sekian lama. Kaola percaya dengan dipasang smart meter ke pejabat kerajaan ini akan dapat lagi memastikan tidak ada pembaziran yang tidak terjaga.

JAWAPAN:

Secara lazimnya, jika terdapat *technical error* dalam pembacaan meter termasuk jumlah pembayaran yang tidak berpatutan, Jabatan Perkhidmatan Air akan membuat penyelarasan (*adjustment*) terhadapnya dan bil baharu akan dikeluarkan semula. Bagi isu bil tertunggak, ianya juga boleh menyumbang kepada bil tinggi yang perlu dibayar secara beransur-ansur.

Mengenai pemasangan *smart meter* di bangunan jabatan-jabatan kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa bermula awal tahun 2023, pemasangan USMS di jabatan-jabatan kerajaan sedang dilaksanakan. Setakat ini, sebanyak 88 unit telah dipasang.

6. **TAMAN DAN PANTAI**

Usulan kaola supaya mana-mana taman dan pantai yang strategik lokasinya untuk digazetkan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membolehkan kementerian itu membukakan tawaran bagi kawasan-kawasan itu dan dimajukan oleh pelabur tempatan atau asing untuk dijadikan sebagai tarikan-tarikan unik.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat Pengiran Isa tersebut dan akan membuat perbincangan dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tentang kesesuaiannya.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM.

1.* PEMBINAAN PERUMAHAN YANG *AFFORDABLE.

Seperti yang dimaklumi, kewangan yang diperuntukkan untuk pembinaan perumahan ini nampaknya banyak $277 juta. Tapi kalau dikira, pemohon-pemohon yang memohon bagi perumahan ini adalah

begitu banyak juga yang senarai menunggu nampaknya adalah dalam 11,000 orang.

Jadi, kalau kita mengira dari segi peruntukan yang disediakan $277 juta ini hanyalah boleh menampung kira-kira 3,000 buah rumah dalam jangka waktu 5 tahun yang akan datang. Ini bermakna terdapat jurang yang begitu besar bagi memenuhi pembinaan perumahan dalam kategori harga yang *affordable* dan berpatutan.

Dalam pada itu, harga hartanah yang dibina oleh pihak swasta pada masa ini adalah masih tinggi. Di negara-negara lain, pasaran rumah adalah salah satu petunjuk pertumbuhan ekonomi. Ini kerana penyediaan perumahan ini sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pihak swasta dan dibantu oleh institusi kewangan bagi menyediakan pinjaman pembinaan mahu pun *end financingnya*. Ia akan memberikan spin-off yang positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Berasaskan faktor-faktor ini dan perkara-perkara yang telah disentuh oleh rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, kaola rasa isu-isu penyediaan perumahan ini akan memerlukan kaedah-kaedah yang baharu yang bukan sahaja perlu ditangani oleh Kementerian Pembangunan malahan kepada agensi-agensi yang lain seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan institusi-institusi kewangan di negara ini untuk sama-sama bekerjasama menyediakan perumahan yang *affordable* kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Ke arah itu, kaola seperti Ahli-Ahli yang lain juga memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai strategi ataupun *options* yang berpatutan dan *viable* yang telah dirancang oleh Kementerian Pembangunan khususnya dan agensi-agensi yang berkaitan secara amnya dalam menangani isu penyediaan perumahan secara holistik.

JAWAPAN :

CADANGAN DASAR BAHARU
ALTERNATIVE FINANCING

Cadangan dasar baharu *alternative financing* adalah melalui kaedah perolehan dan pengenalan skim baharu di bawah Skim Perumahan Negara seperti berikut:

A. PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP (PPP)

Konsep PPP adalah masih dalam tahap penelitian awal *(preliminary concept).* Jabatan Kemajuan Perumahan dan *P Cube Sdn. Bhd*. sedang meneroka kaedah konsep ini bagi memastikan *feasibility, economic viability* dan *sustainability* projek agar dapat mengurangkan risiko dan hasil yang menguntungkan bagi semua pihak dalam perlaksanaan projek PPP berkenaan.

Status terkini bagi projek PPP adalah pihak Kementerian Pembangunan tidak ada halangan bagi cadangan konsep awal PPP yang telah dicadangkan oleh pihak *Syarikat P Cube Sdn. Bhd.,* dan untuk merangka cadangan konsep ini dengan lebih terperinci agar dapat memenuhi keperluan projek dengan memberi faedah *value for money* kepada pihak kerajaan serta memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerajaan dan sektor swasta.

B. SKIM PEMAJU

Skim Perumahan Pemaju adalah berasaskan pada penyediaan perumahan

di tapak tanah kerajaan oleh pemaju-pemaju tempatan yang dilantik oleh pihak kerajaan, bagi pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat Skim Perumahan Negara. Rumah-rumah ini dijual dengan harga kos pembinaan iaitu tanpa subsidi. Walau bagaimanapun disebabkan oleh penggunaan tapak tanah kerajaan, kos bagi nilai harga tanah tidak menjadi faktor kepada harga jualan rumah dan membolehkan rumah-rumah di bawah skim ini dijual dengan harga mampu milik dengan harga yang lebih rendah dari harga jualan rumah dipasaran terbuka.

Cadangan dasar baharu *alternative financing* ini boleh meningkatkan hasil pengeluaran rumah sebagai tambahan kepada penyediaan perumahan di bawah skim-skim Perumahan Negara yang sedia ada, di samping untuk mengurangkan beban kerajaan dalam pembiayaan program-program perumahan. Cadangan dasar baharu ini juga membuka peluang perniagaan bagi pemaju-pemaju tempatan dan sebagai *spin off* bagi perkhidmatan yang bersangkut paut seperti sektor pembinaan, institusi kewangan dan lain-lain. Ianya juga mempunyai potensi bagi peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat dan penduduk tempatan di dalam sektor hartanah dan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Adalah dihasratkan pemohon bagi Skim Pemaju & PPP ini adalah pemohon yang berpendapatan sederhana dan mampu untuk mendapatkan pinjaman kewangan bagi pembiayaan pembelian rumah sama ada melalui pinjaman bank atau Skim Pinjaman Kewangan Perumahan daripada Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan & Ekonomi. Sebagai daya tarikan bagi skim ini, rumah jenis kembar adalah dicadangkan.

2. *LOCAL BUSINESS DEVELOPMENT*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola berharap projek-projek yang tersenarai dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 di bawah kawalan Kementerian Pembangunan ini akan menjadi pemangkin industri pembinaan bagi tempoh 5 tahun mendatang dan akan menyuntik semangat dan nafas baharu kepada pihak-pihak yang berkepentingan, terutamanya yang bergiat dalam sektor ini. Kaola berharap projek-projek ini akan dilaksanakan dan disiapkan menurut jangka waktu yang telah ditetapkan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

Dalam pada itu, kaola menyarankan supaya diperkukuhkan peraturan bagi meningkatkan lagi penglibatan *local business development* dalam industri pembinaan ini.

Di samping itu, pemantauan yang telus dan kukuh perlu juga dilaksanakan bagi memantapkan *compliance* terhadap standard industri ini. Latihan-latihan kompetensi dan *skill enhancements* juga perlu diadakan bagi anak-anak tempatan yang terlibat dalam industri pembinaan dari semasa ke semasa.

JAWAPAN :

Pihak Kementerian Pembangunan mengambil baik saranan Yang Berhormat dan untuk makluman Yang Berhormat perkara ini sememangnya dalam pelaksanaan dan perancangan pihak kementerian dalam meneliti tata cara pengawalseliaan urus tadbir pendaftaran *Construction Personnel* syarikat-syarikat pembina bagi jawatan-jawatan yang akan dikawal selia dan program-program latihan bagi anak-anak tempatan menerusi pihak *Manpower Industry Steering Committee in Construction*. Dalam pada itu pihak kementerian juga senantiasa

menitikberatkan latihan kapasiti kepada pegawai-pegawai projek dalam kementerian dengan mengadakan program-program latihan pembangunan profesional dan teknikal.

3. JAMBATAN SHOAS, PEMASANGAN *BRIDGE MONITORING HEALTH SYSTEM.*

Dalam Tajuk 1216 - Tajuk 014 di Jabatan Kerja Raya, terdapat juga Projek Pemasangan *Bridge Health Monitoring System (BHMS)* bagi jambatan ini yang kaola rasa perlu juga dipelihara secara berterusan.

Dalam hubungan ini, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenai langkah ke hadapan Kementerian Pembangunan, mungkin Kementerian Kewangan dan Ekonomi, untuk menjana hasil tambahan bagi menampung perbelanjaan pemeliharaan ini khususnya yang kaola percaya ia akan memerlukan penelitian yang mendalam sebelum ia diperkenalkan.

JAWAPAN :

Pihak JKR melaksanakan berbagai kerja-kerja penyelenggaraan (pemeliharaan, pengurusan dan operasi) Jambatan Haji Sultan Haji Omar Ali Saifuddien sejak mula penggunaannya pada 17 Mac 2020 yang kos bagi kerja-kerja rutin sahaja dianggarkan sebanyak $300,000.00 setahun setakat ini, yang mungkin akan meningkat di tahun-tahun akan datang. Manakala kerja-kerja yang dirancang atau serta-merta (*ad hoc*) akan dinilai bila diperlukan dan dipohonkan peruntukannya.

Bridge Health Monitoring System (BHMS) bagi Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien akan dipasang di bawah peruntukan RKN-12 bertujuan untuk meningkatkan sistem pemantauan kesihatan struktur jambatan *tower cable-stay* secara berterusan dan mendapatkan amaran awal jika keadaan struktur jambatan berpotensi memberi risiko kepada pengguna jambatan dan jalan raya.

Pada masa ini, belum ada perancangan bagi tata cara alternatif untuk menjana hasil tambahan bagi menampung kerja-kerja berkenaan. Secara lazimnya, peruntukan yang diperlukan bagi Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien adalah melalui peruntukan tahunan JKR dan melalui RKN.

DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

1. SUNGAI PAKU

Apakah inisiatif-inisiatif khusus yang dijalankan oleh kementerian untuk menurunkan kadar penjanaan sisa sebenar di Negara Brunei Darussalam dengan mengambil kira sekadar semasa 1.2 kg per kapita sehari pada tahun 2023?

Adakah terdapat program atau kempen yang disasarkan yang bertujuan untuk mengurangkan pengeluaran sisa seperti menggalakkan amalan penggunaan lestari (*sustainable consumption practices*) atau memberi insentif kepada usaha pengurangan sisa dalam kalangan industri dan isi rumah?

Adakah kementerian membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke atas Pelan Pengurusan Sisa Negara (*National Waste Management Plan*) yang komprehensif untuk Negara Brunei Darussalam?

Cadangan kaola, memandangkan projek loji *waste-to-energy incinerator* ini ada dua kelebihan, iaitu menangani isu pengurusan

sisa yang semakin meningkat dan mengambil alih kebergantungan tenaga kepada minyak dan gas sebanyak 8 megawatt. Kaola sarankan supaya projek ini dipercepatkan memandangkan tapak pelupusan Sungai Paku yang menampuh 90% daripada sisa negara akan mencapai had kapasitinya lebih awal daripada yang dijangkakan pada tahun 2030.

Yang kedua, kementerian mempertimbangkan pembinaan loji kitar semula yang canggih dan menyeluruh.

Yang ketiga, menegakkan undang-undang yang lebih ketat dalam pengurusan sisa untuk mengalihkan bahan buangan yang tidak dapat dikitar semula dari tapak pembuangan sisa.

Yang keempat, meningkatkan kempen kesedaran awam di media sosial untuk mempromosikan amalan pembuangan sisa yang betul termasuk pengasingan sisa terutama di peringkat rumahtangga.

Yang kelima, memberi insentif kepada perniagaan untuk mengamalkan amalan pengurusan sisa yang mampan dan orang-orang yang mengitar semula.

Dan yang terakhir, mewajibkan bekas sekitar (*recycling bin*) di tempat awam termasuk bangunan kerajaan dan swasta.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah mula mengenalkan inisiatif kaedah 3R – *Reduce, Reuse and Recycle* sejak tahun 2011, antaranya ialah mengenalkan mengenai penggunaan beg kitar semula, menyediakan garis panduan 3R bagi orang ramai, menyediakan pusat-pusat pengumpulan sisa buangan yang boleh dikitar semula di lima belas (15) kawasan seluruh negara (Daerah Brunei Muara, Tutong dan Belait) dan seterusnya mengemas kini proses dan garis panduan pengurusan operasi dan aktiviti kitar semula bagi syarikat-syarikat kitar semula yang terdapat di negara ini. Untuk memastikan keberkesanan amalan hijau ini, pihak kementerian menggariskan sasaran kadar kitar semula sebanyak 20% pada tahun 2025, 25% pada tahun 2030 dan 30% pada tahun 2035.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sejauh ini, kadar yang diperolehi telah mencapai sasaran sebanyak 25.58% pada tahun lepas (2023). Sisa buangan yang dikitar semula terdiri daripada bahan-bahan seperti plastik, kertas dan besi.

Selain penyediaan kemudahan awam, pihak kementerian secara berterusan berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai kaedah kitar semula dan kepentingannya melalui pelbagai cara, termasuk memberikan taklimat di sekolah-sekolah dan institusi lainnya, perkongsian di media massa dan media sosial, serta penglibatan badan bukan kerajaan (*NGOs*) dan belia-belia.

Mengenai penyelidikan dan pembangunan *(R&D)* yang telah dibuat, dimaklumkan bahawa sejak pengurusan sisa buangan diserahkan ke JASTRe, sebanyak dua kajian telah dilaksanakan iaitu *Solid Waste Master Plan* pada tahun 2007 dan *Waste Management Feasibility Study* pada tahun 2020.

Seterusnya mengenai projek *WtE,* saranan agar dipercepatkan memandangkan Sungai Paku akan melebihi had menjelang 2030.

Projek *Waste to Energy* ialah satu projek pelaburan yang setentunya dijangka memerlukan jumlah kos yang tinggi. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ jika projek ini berjalan dengan lancar dengan kerjasama padu bersama agensi kerajaan iaitu Kementerian

Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Tenaga, loji *Waste to Energy (WtE)* akan dijangka mula dibina pada tahun 2026 dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2030.

Mengenai saranan untuk mempertimbangkan pembinaan loji kitar semula yang canggih dan menyeluruh, memberi insentif kepada usaha pengurangan sisa dalam kalangan industri dan isi rumah dan memberi insentif kepada perniagaan untuk mengamalkan amalan pengurusan sisa yang mapan dan orang-orang yang mengitar semula.

Usaha amalan hijau 3R akan sentiasa diteruskan dan pihak kementerian mengalu-alukan apa jua cadangan dan buah fikiran daripada pelbagai pihak dalam sama-sama memikirkan dan menerokai kaedah dan sistem pengurusan kitar semula yang efektif serta berdaya tahan termasuk teknologi kitar semula yang canggih dan menyeluruh. Cadangan dan penilaian perlu mengambil kira faktor dari segi keutamaan *(priority)* dan kemampuan *(capability)* bersesuaian dengan keadaan sekeliling dan sumber-sumber yang terdapat di negara ini.

Mengenai soalan perundangan - saranan untuk menegakkan undang-undang yang lebih ketat dalam pengurusan sisa untuk mengalihkan bahan buangan yang tidak dapat dikitar semula dari tapak pembuangan sisa.

Pihak Kementerian Pembangunan melalui JASTRe dan Divisyen Pelaburan dan Undang-Undang (DIL) bersama pihak Pejabat Peguam Negara sedang menggubal satu peraturan iaitu Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal *(Solid Waste Management Regulations)* di bawah Akta Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar, Penggal 240. Draf peraturan tersebut telah pun dihadapkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk penelitian lanjut. Peraturan tersebut akan memberikan peruntukan kuasa kepada pihak JASTRe untuk mengawal selia berkaitan dengan pengurusan pembuangan sampah antaranya ialah pelesenan syarikat sebagai *'waste collector'* dan *'waste disposal facility',* peruntukan kuasa untuk mengawal selia ke atas setiap individu yang menghasilkan sampah, petugas pengutip sampah, penghuni kemudahan pelupusan sampah untuk mengurus sampah yang dihasilkan dengan baik. Ini termasuk tanggungjawab menghendaki setiap individu atau syarikat untuk mengasingkan sisa-sisa buangan mengikut bahan yang bersesuaian bagi tujuan dikitar semula.

Manakala kempen-kempen kesedaran awam bagi menggalakkan orang ramai untuk mempraktikkan amalan kitar semula telah dan akan secara berterusan dijalankan. Antara yang telah diungkayahkan ialah inisiatif Hari Kitar Semula *(Recycling Day)* bertujuan untuk menyediakan platfom bagi orang ramai menghantar sisa buangan yang boleh dikitar semula seperti sisa kertas, kotak kadbod, botol plastik, minyak masak terpakai dan sisa peralatan elektrikal *(e-waste)* ke lokasi-lokasi tertentu di keempat-empat daerah. Program kesedaran awam seterusnya ialah *awareness talk* yang disampaikan di sekolah-sekolah dan syarikat-syarikat swasta; mempromosi aktiviti kitar semula melalui media-media sosial dan platform media yang lain; dan menerapkan amalan *waste minimisation* semasa mengadakan acara-acara awam tertentu yang dikelolakan oleh pihak kementerian.

2. WATER SECURITY

Mengenai keterjaminan bekalan air yang mencukupi di Negara Brunei Darussalam,

kaola berpendapat ini juga adalah keutamaan yang penting bagi negara. Usaha menyeluruh diperlukan untuk menangani cabaran dalam bekalan dan permintaan air.

Kaola ingin mengajukan beberapa soalan:

1. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyediakan peruntukan bagi mengendalikan proses rawatan air mentah secara efisien, menangani aduan ketiadaan air dan masalah air dari sumber lain termasuk merancang untuk melaksanakan proses desalinasi pada tahun 2035 seperti yang digariskan oleh kementerian di dalam *'Brunei Darussalam Towards Water Security 2021-2035'?*

2. Bagaimana Kerajaan Brunei mengendalikan isu *non-revenue water* terutama setelah laporan menunjukkan terdapat bahawa sebanyak 33% ke 45% air yang dirawat hilang dari saluran air negara pada tahun 2021.

   Adakah terdapat data terkini yang menunjukkan penurunan dalam jumlah kehilangan air ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan negara dari kerugian ini?

   Mohon pencerahan juga mengenai Projek Perancangan dan Pengurusan *Non-Revenue Water (NRW)* Bagi Sistem Bekalan Air di Negara Brunei Darussalam (Fasa 3), Kod/Akaun 1220/009. Apakah projek ini dianggap sebagai langkah yang efektif bagi menangani isu *operation loss* dalam sistem bekalan air kita.

   Adakah terdapat penurunan baki tunggakan air di negara ini selepas pelaksanaan *Unified Smart Metering System (USMS)* dan apakah kesannya terhadap pengurangan tuntutan tunggakan air yang masih banyak di negara ini?

   Adakah kerajaan merancang untuk mengkaji semula sistem penentuan harga air di negara ini khususnya untuk sektor pertanian dan industri dengan bertujuan merangsang inovasi dan penjimatan dalam penggunaan air negara ini?; dan

3. Apakah pelajaran yang dipetik oleh kementerian daripada gangguan bekalan air akibat gangguan bekalan elektrik pada bulan Oktober 2023.

   Adakah terdapat proses penilaian semula bagi *business continuity plan* bagi bekalan air bersih di negara ini untuk mengelakkan kejadian serupa daripada berulang dan bagaimana kesan terhadap langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kebolehpercayaan sistem bekalan air dalam jangka panjang?

JAWAPAN:

Kementerian telah menghadapkan keperluan peruntukan untuk dipertimbangkan di Rancangan Kemajuan Negara Ke-2 dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Jawatankuasa Tertinggi RKN telah menyokong beberapa projek untuk memastikan loji-loji rawatan air di tahap yang efisien dan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ inisiatif ini akan terus dilaksanakan. Di bawah RKN 12 jua, Jabatan Kerja Raya merancang untuk malaksanakan kajian induk "*Water Demand Study 2035*" mengenai sumber air yang akan dapat diterokai di masa akan datang.

Dalam menangani isu *non revenue water*, beberapa Inisiatif yang dilaksanakan antaranya seperti berikut:

- Projek penggantian paip lama RKN12.;
- Projek *NRW* Fasa 3 RKN-12 termasuk kerja mencari kebocoran, penambahbaikan tekanan paip air agar pengurusan kebocoran paip air dpt dikawal.;
- Kerja memasang *Cathodic Protection* pada paip utama untuk mengelakkan kebocoran berlaku.; dan
- Kerja penambahbaikan penyelenggaraan aset air seperti pili bomba,*washout* dan lain lain,

Data *NRW* terkini adalah anggaran/*estimate* sahaja iaitu sebanyak 45% bagi seluruh negara. Dengan perlaksanaan Projek NRW Fasa 3 dan juga Fasa 4 seterusnya, pihak kementerian boleh mendapatkan data jumlah peratus *NRW* yang sebenarnya. Usaha penggurangan *NRW* adalah usaha yang dilaksanakan dalam jangka masa panjang. Berdasarkan *Masterplan NRW* di bawah Jabatan Perkhidmatan Air, jumlah *NRW* disasarkan untuk dikurangkan secara berfasa (fasa 1 hingga 4) iaitu dari 45% turun ke 25% (atau kurang) menjelang RKN-13 (tahun) 2038.

USMS membantu pengiraan terhadap *NRW* di negara ini dengan menambah baik pemantauan pemakaian air dan juga akan dapat mengatasi isu bil air tertunggak yang mana seterusnya dapat menurunkan jumlah *NRW.*

Semasa gangguan bekalan elektrik yang terjadi pada tahun lalu, didapati menjejaskan loji-loji rawatan air dan pam-pam yang memerlukan tenaga elektrik. Pada masa kini, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Electrik, JPM mengatur perancangan bagi menilai semula pembaikan atau penukaran genset yang baharu jika perlu.

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD SALAM

1. INISIATIF KEMUDAHAN AWAM

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menurut statistik Banci Penduduk dan Perumahan dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik pada tahun 2021 terdapat seramai 44,711 orang warga emas iaitu yang berumur 60 tahun ke atas dan 7,024 orang yang mempunyai sekurang- kurangnya 1 kelainan upaya di negara ini.

Golongan-golongan ini adalah sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai hak dan peluang yang saksama untuk menjalani kehidupan yang kondusif dan bebas halangan *(barrier-free)* bagi pergerakan yang lebih mudah, menggalakkan integrasi sosial dan memberikan mereka peluang untuk lebih berdikari dalam komuniti sebagaimana anggota masyarakat yang lain, meskipun memiliki kelainan fizikal dan keupayaan.

Inisiatif menaik taraf kemudahan-kemudahan awam telah banyak dilaksanakan oleh pihak kementerian. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola bersyukur atas inisiatif-inisiatif ini.

Namun kemudahan-kemudahan yang tersedia bagi memudahkan akses-akses ataupun pergerakan golongan warga emas dan orang-orang yang kelainan upaya di negara ini masih di tahap yang rendah. Contohnya seperti laluan-laluan atau laluan pejalan kaki yang luas untuk pengguna kerusi roda mengakses tempat-tempat seperti tempat tarikan awam, riadah dan

pelancongan untuk mereka berurusan di bangunan-bangunan kerajaan, swasta dan komersial contohnya atau ke institusi-institusi pendidikan dan rumah-rumah ibadat (masjid).

Ini termasuk juga kemudahan tandas-tandas awam dan kemudahan mengakses pengangkutan pengangkutan awam. Akibatnya, golongan ini menghadapi cabaran yang mengehadkan pergerakan mereka dalam masyarakat kerana prasarana yang sedia ada kurang menyokong keperluan fizikal dan keupayaan mereka.

Di negara-negara maju, kerajaan telah memberikan komitmen yang tinggi dan mengutamakan keterangkuman *(inclusivity)* dalam penyediaan infrastruktur yang memberikan hak dan peluang yang sama kepada semua golongan masyarakat untuk mewujudkan kestabilan sosial dan persekitaran kondusif yang boleh diakses sepenuhnya oleh semua pihak tanpa mengira keistimewaan ataupun keupayaan mereka. Ia juga sebagai tarikan kepada pelancong-pelancong yang memerlukan bantuan *accessibility* ini.

Berkaitan itu, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai kemudahan-kemudahan *accessibility* ini yang ada di negara ini dan perancangan kementerian mengenainya.

Sebagai langkah utama ke arah *inclusivity* dan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesaksamaan kesemua pihak, kaola juga sukacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan meneliti dasar-dasar yang sedia ada dan mempertimbangkan untuk menguatkkuasakan peraturan reka bentuk yang inklusif dengan penyediaan kemudahan-kemudahan yang menyokong *accessibility* bagi golongan seperti yang kaola nyatakan tadi yang istimewa itu sebagai salah satu syarat utama dalam pembinaan bangunan-bangunan dan tempat-tempat awam yang baharu di negara ini dan untuk pihak kementerian meneliti bangunan-bangunan yang sedia ada, sama ada bangunan kerajaan, swasta dan komersial serta tempat-tempat awam dan pengangkutan awam yang sedia ada di negara ini dan merancang penambahbaikan untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan ini yang bersesuaian mengikut reka bentuk yang sedia ada.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan melalui *Authority of Building Order and Construction Industry (ABCi)* telah menyediakan garis panduan bagi keperluan orang berkelainan upaya iaitu *Different Abilities Design Guidelines*, 2018 *(DADG)* yang memberi penekanan terhadap konsep reka bentuk universal dan peruntukan reka bentuk kepada golongan keluarga yang lebih meluas seperti ibu-ibu mengandung dan anak-anak kecil. Garis panduan ini juga mengandungi keperluan aksesibiliti bangunan bagi memenuhi peningkatan jumlah warga emas dengan kekurangan pergerakan, pengguna kerusi roda dan keperluan kemudahan mesra keluarga dalam bangunan-bangunan yang sering dikunjungi seperti tandas mesra kanak-kanak dan bilik untuk ibu.

Bagi memenuhi keperluan ini, pemilik bangunan-bangunan baharu (tidak termasuk rumah persendirian), adalah untuk melantik *Qualified Person* iaitu

arkitek berdaftar untuk memasukkan keperluan-keperluan ini ke dalam reka bentuk bangunan sebelum dihadapkan untuk kebenaran pelan kemajuan. Tidak dinafikan penyediaan beberapa keperluan aksesibiliti dan juga fasiliti oleh pemilik-pemilik bangunan komersial baharu adalah masih di tahap yang rendah. Manakala bangunan-bangunan komersial dan kerajaan yang didirikan sebelum 2019 adalah digalakkan untuk menyediakan keperluan minimum bagi aksesibiliti kepada bangunan seperti tempat letak kereta, *ramp*, tandas dan *directional signage* yang setentunya memerlukan peruntukan untuk disediakan terlebih dahulu.

Pihak kementerian juga mempunyai pendapat yang sama bagi keperluan aksesibiliti ini disediakan dan antara perancangan yang masih dalam penelitian ialah mengadakan satu lagi keperluan laporan mandatori untuk dihadapkan semasa proses permohonan kebenaran pelan kemajuan oleh *Qualified Person* bagi bangunan-bangunan swasta.

Manakala bagi bangunan-bangunan kerajaan, kementerian telah menekankan keperluan ini semasa pelancaran Garis Panduan *Different Abilities Design Guidelines, 2018* supaya semua bangunan baharu kerajaan mestilah menyediakan fasiliti-fasiliti yang digariskan dalam garis panduan berkenaan.

2. JABATAN KERJA RAYA

Pertambahan jumlah penduduk dan kenderaan yang pesat di negara ini selaku pengguna jalan raya terutama di laluan-laluan utama telah mengakibatkan kesesakan pada setiap hari khususnya pada waktu-waktu puncak. Keadaan ini akan betambah berat ataupun teruk lagi apabila berlaku kemalangan dan ada kerja-kerja pembinaan dilaksanakan di laluan-laluan berkenaan.

Sukacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan membuat kajian menyeluruh mengenai sistem dan infrastruktur jalan raya dan perancangan bandar di negara ini mengambil kira pertambahan jumlah pengguna dan kenderaan yang semakin tinggi serta sistem pengangkutan awam yang terhad di negara ini.

Hasil kajian hendaklah menetapkan dasar-dasar dan tindakan ke hadapan untuk menambaih baik keadaan semasa sistem dan infrastruktur jalan raya ini dengan memberikan penekanan terhadap keperluan untuk menyediakan laluan khas bagi kenderaan-kenderaan kecemasan seperti ambulans yang sering kali terjejas atau tersekat dalam kesesakan-kesesakan jalan raya dan mengakibatkan kelambatan dan dalam masa yang sama membahayakan pengguna-pengguna yang lain.

Kaola juga sukacita mencadangkan supaya kerja-kerja pembinaan atau penambahbaikan yang tidak *urgent* untuk dilaksanakan pada waktu-waktu di luar waktu puncak atau contohnya pada waktu malam misalnya, tertakluk kepada tempoh masa kerja-kerja berkenaan dilaksanakan. Begitu juga untuk memastikan bekas-bekas kerja pembinaan yang dibuat supaya tidak ditinggalkan begitu sahaja oleh kontraktor-kontraktor sehingga mengakibatkan kesesakan yang berganda daripada biasa dan menjejaskan banyak pihak seperti kenderaan kecemasan, penjawat-penjawat awam dan swasta serta pelajar-pelajar sekolah.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan kerja Raya sentiasa memantau dan mengkaji, serta mempunyai perancangan bagi menangani isu-isu kesesakan lalu-lintas di tempat tempat yang terjejas terutama waktu puncak *(peak hours)* seperti:

i. Pembinaan jejambat *(flyover)* di persimpangan-persimpangan utama.;

ii. Pemasangan sistem lampu isyarat baharu dan mengubah suai masa lampu isyarat sedia ada.;

iii. Pembinaan jalan-jalan alternatif.;

iv. Pelebaran kawasan kritikal sepanjang lebuh raya dan jalan-jalan utama.;

v. Mengenal pasti demografi keadaan trafik, kenaikan para pengguna dari semasa ke semasa.; dan

vi. Tata cara alternatif selain perkara di atas dalam perancangan Jabatan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, setiap intervensi perlu dikaji dari segi *cost benefit* disebabkan kesesakan jalan raya hanyalah terjadi dalam masa singkat sahaja semasa *peak hours* dan projek-projek pembinaan jejambat dan pelebaran memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Seperti lazimnya mana-mana kerja pembinaan atau pemeliharaan jalan raya dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan ianya dimaklumkan terlebih dahulu kepada orang awam melalui *press release* bagi memastikan orang ramai dapat merancang perjalanan mereka dan mengelak jalan tersebut dengan melalui jalan alternatif yang lain.

Manakala kerja-kerja jalan raya yang tidak *urgent* memang dilaksanakan di luar waktu puncak tertakluk kepada keadaan cuaca. Walau bagaimanapun, kerja-kerja serta merta tidak dapat dijadualkan dan harus dilaksanakan pada bila-bila masa diperlukan bagi memastikan keselamatan para pengguna.

Sisa-sisa pembinaan juga akan dipastikan untuk diedarkan dari tapak selepas siap kerja-kerja pembaikan. Terdapat jua ada kerja kerja yang tidak dapat dilaksanakan di waktu malam disebabkan keselamatan dan dalam memastikan kualiti kerja. Sebagai misalannya, untuk membaiki *pothole* jalan raya memerlukan aspal yang baharu dibuat dalam suhu yang diperlukan (atau *asphalt hotmix*) untuk memastikan kualiti pembaikan, akan tetapi bekalan aspal hanya dapat diperolehi sewaktu waktu bekerja sahaja.

Bagi laluan kecemasan, terdapat bahu jalan beraspal di beberapa lebuh raya dan jalan jalan utama yg dapat digunakan bagi para pengguna memberi laluan kepada paramedik dengan menepikan kenderaan mereka.

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

2. JAMBATAN SULTAN HAJI OMAR `ALI SAIFUDDIEN

Menyentuh sedikit mengenai Jambatan Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien ini kerana ia melibatkan pelaburan yang melebihi $1 bilion. Jumlah pelaburan ini adalah sangat besar. Jambatan ini juga sering digunakan oleh kenderaan asing kerana modal yang disediakan oleh jambatan ini membuat jarak perjalanan lebih pendek dan dapat mengurangkan masa perjalanan ke destinasi yang dituju.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi, adakah kerajaan akan mengenakan caj tol ke atas kenderaan asing seperti juga *ASEAN Friendship Bridge* di Sungai Baram?

JAWAPAN:

Mengenai cadangan caj atau tol Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (SHOAS) berkenaan, perkara ini perlu untuk diteliti oleh Kementerian Pembangunan dan ianya akan dibawa untuk dibincangkan dengan beberapa-beberapa kementerian yang berkaitan terutama sekali Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menerokai langkah ke hadapan dengan cadangan-cadangan ini.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

1. PERUMAHAN

Cadangan untuk menilai beberapa *financing* model untuk menjana projek berterusan dan cara pembayaran bulanan perumahan bolehlah dibuat dan dikenalkan segera dan memastikan *affordability* (kemampuan) dan kelestarian *(sustainability)* dari pihak kerajaan untuk meningkatkan dan mempercepatkan lebih banyak lagi rumah dalam skim perumahan dan juga menjadikan pelbagai modal pembayaran balik oleh penerima yang berbeza mengikut kemampuan dalam jangka waktu dan jumlah yang bersesuaian agar skim perumahan berjalan lancar.

JAWAPAN:

Pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan sedang dalam proses meneroka kaedah pembiayaan alternatif untuk meningkatkan jumlah penghasilan rumah dengan menggunakan dan memanfaatkan pembiayaan swasta. Ianya boleh mengurangkan beban kerajaan dalam pembiayaan projek-projek perumahan serta mempercepatkan jumlah penghasilan rumah dan seterusnya mengurangkan tempoh masa menunggu bagi pemohon.

Saiz rumah di bawah skim ini dalam 120-130 meter persegi dan tapak tersekat adalah sebab fakta kemampuan kerajaan menjadikan tapak dan rumah dalam bajet yang terhad. Adakah pelan untuk mereviu kesesuaian reka bentuk yang sedia ada dengan mengambil imbal balik dari orang-orang yang pernah tinggal di rumah teres, rumah kembar bertemu dan ada rumah bertemu dapur, akan kesesuaian reka bentuk rumah demikian dengan ciri calak orang Brunei dan menyebabkan *extension* bertambah yang tidak seimbang dan sebab tambahan itu ada menyebabkan insurans rumah tidak dapat dibaharui.

JAWAPAN:

Reka bentuk dan jenis perumahan akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan pemohon-pemohon Skim Perumahan Negara. Data yang perlu diambil kira semasa kajian reka bentuk dan jenis perumahan adalah saiz isi rumah (*household size*) yang diperolehi daripada Laporan Banci Penduduk dan Perumahan, profil pendapatan pemohon yang diperolehi daripada data kemas kini pemohon dan juga keluasan tapak yang sedia ada untuk dimajukan bagi projek-projek Perumahan Negara di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan. Maklumat tersebut adalah perlu sebagai asas dalam menentukan keperluan pemohon dan perancangan yang lebih mantap.

2. HOUSING DEVELOPMENT BOARD

Mungkin sudah masanya untuk menilai keperluan penubuhan badan induk seperti yang telah disarankan oleh beberapa ahli di sini yang bebas, ala *housing development board* yang bertanggungjawab untuk merancang dan membina perumahan dalam Skim Perumahan Negara yang bertugas antara lain menyediakan perumahan yang selesa dan model reka bentuk yang bersesuaian mengikuti calak orang Brunei termasuk mencari menjana dana dan juga membuat kutipan pembayaran.

JAWAPAN:

Kaola dimaklumkan bahawa satu cadangan yang pernah dikaji adalah untuk menjadikan Jabatan Kemajuan Perumahan sebagai satu badan korporat yang berupa *Statutory Board*. Perbincangan jua diadakan bersama urusetia Jawatankuasa Pengkopratan dan Kerjasama Awam dan Swasta di Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai cadangan ini.

Pada masa ini, cadangan ini masih dalam penelitian Jabatan Kemajuan Perumahan untuk memastikan ianya dapat menjadi satu badan yang mampu berdiri sendiri dan tidak menjadi beban kepada kerajaan dari segi kewangan.

Beberapa model kewangan telah dikaji dan diteliti dengan tujuan untuk mengenal pasti satu model yang dapat memberi manfaat yang yang sebenanya kepada semua pihak berbanding dengan yang sedia ada.

3. TANAH DI DAERAH BELAIT

Kebanyakan tanah di Daerah Belait adalah tanah kerajaan atau digazet di bawah kawalan untuk meneroka minyak atau hutan simpanan. Tanah persendirian sangat terhad untuk pembinaan rumah *private* menyebabkan harga tanah tidak mampu dijangkau oleh *young professional* dan keluarga muda. Adakah ura-ura pihak kerajaan untuk membuka lebih banyak tapak-tapak tanah untuk dibukakan untuk perumahan persendirian tetapi dibina di atas skim penganugerahan tanah untuk membolehkan membina rumah persendirian dengan dana sendiri atau *loan* perumahan yang diambil sendirian?

JAWAPAN:

Pelan Perancangan Guna Tanah Daerah Belait 2005 – 2025 telah mengenal pasti tiga kawasan pertumbuhan utama iaitu Kawasan Pertumbuhan Sungai Liang dengan keluasan 713 hektar, Kawasan Pertumbuhan Labi dengan keluasan 45 hektar dan Kawasan Pertumbuhan Sungai Mau dengan keluasan 17 hektar.

Dalam Kawasan Pertumbuhan Sungai Liang dan Sungai Mau, terdapat kawasan yang boleh dibukakan bagi skim perumahan.

4. BANGUNAN TERBIAR

Apa status bagi bangunan-bangunan terbiar yang ada pada masa ini?

JAWAPAN:

Jabatan Kerja Raya telah mendapati bahawa kebanyakan bangunan yang kosong adalah berupa tempat kediaman iaitu rumah, berek dan flat, dan mengenal pasti beberapa sebab kenapa bangunan bangunan ini kosong dan tidak didiami:

i. Beberapa bangunan sudah mengalami kerosakan dan akan memakan perbelanjaan yang tinggi untuk diperbaiki.;

ii. Permintaan bagi tempat kediaman di beberapa kawasan saperti di Daerah Tutong dan Belait tidak lagi diperlukan oleh sebab komunikasi melalui jalan raya sudah lancar dan mudah dilalui, sebagai misalannya perumahan flat guru guru di beberapa buah sekolah.;

iii. Di Daerah Belait, kurangnya permintaan disebabkan kebanyakan pekerja kerajaan sudah diperuntukkan perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara dan STKRJ.; dan

iv. Reka bentuk lama yang kurang kondusif bagi saiz keluarga pada masa ini. Sebagai misalannya, kebanyakan flat dan berek lama hanya mempunyai dua bilik tidur dan satu bilik air.

Beberapa tindakan telah dilaksanakan, antaranya setiap kementerian telah melaksanakan penilaian ke atas bangunan-bangunan kosong untuk diambil tindakan, sama ada untuk diperbaiki, diroboh ataupun ditawarkan kepada agensi kerajaan lain yang memerlukan.

Setakat Januari 2024, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan pemeriksaan teknikal ke atas 137 bangunan dari pelbagai kementerian dan 38 buah dicadangkan untuk diperbaiki agar dapat diguna semula manakala 99 buah dicadangkan untuk diroboh disebabkan sudah rosak dan tidak sesuai untuk diperbaiki. Bangunan-bangunan yang dicadangkan untuk diroboh akan dihadapkan kepada Jawatankuasa Penghapusan Harta Benda Kerajaan untuk mendapatkan kebenaran.

Untuk makluman lanjut, terdapat sekitar 54 buah bangunan yang telah diserahkan untuk digunakan oleh pihak swasta dan agensi kerajaan yang lain. Sebagai contoh, beberapa bangunan di Kampung Anggerek Desa telah diserahkan kepada *Darussalam Enterprise* untuk tujuan *'redevelopment'* dalam mana beberapa buah flat sedang diperbaiki dan dibesarkan. Di samping itu, beberapa buah berek dan bangunan juga telah diserahkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk dijadikan sebagai rumah bantuan atau rumah penempatan sementara.

Mengenai cadangan untuk diserahkan kepada pihak swasta, pada masa ini belum ada tata cara untuk menjual bangunan kerajaan, walau bagaimanapun ianya satu cadangan yang perlu diteliti selanjutnya.

5. ***ENERGY SAVING INITIATIVES***

Mohon penjelasan langkah-langkah khusus yang telah diperkenalkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam pelbagai projek infrastruktur kerajaan.

Dalam peningkatan teknologi solar, adakah ada pelan untuk memasang *street lights solar* di jalan-jalan raya yang jauh daripada jalan raya besar yang tidak berdekatan dengan prasarana dan perumahan?

JAWAPAN :

Mengenai tenaga solar di bangunan kerajaan, ianya adalah di bawah Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, kaola difahamkan ada projek di bawah RKN-12 untuk pemasangan solar PV di bangunan-bangunan kerajaan yang sedia ada.

Bagi bangunan-bangunan baharu, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Kedua telah memaklumkan dalam mukadimahnya mengenai satu dana untuk penggunaan teknologi hijau bagi bangunan kerajaan dengan tujuan supaya bangunan-

bangunan kerajaan yang baharu akan menggunakan teknologi hijau yang bersesuaian.

Pihak kementerian telah mula menerokai penggunaan tenaga solar untuk mengurangkan bil-bil elektrik yang semakin meningkat disebabkan bertambahnya jumlah aset infrastruktur kerajaan, sebagai contoh, dengan menggunakan lampu-lampu solar di kawasan perkarangan Kementerian Pembangunan serta menggantikan lampu-lampu *(spot light)* di dalam kawasan stesen pam saliran dan pembetungan yang menggunakan tenaga grid elektrik kepada lampu-lampu tenaga solar.

Perkara ini telah dimulakan sejak beberapa tahun yang lalu secara berfasa dan akan dilaratkan ke semua stesen-stesen pam, kolam takungan banjir dan kolam kumbahan serta loji-loji rawatan kumbahan di keempat daerah. Di samping itu jua, kebanyakan lampu dalam bangunan kerajaan sudah di ganti dengan *energy efficient lighting* dan penukaran *aircond chillers* di bangunan bangunan kerajaan kepada *chiller* yang lebih *energy efficient* telah pun di laksanakan.

4. PROJEK KERETA API SEBORNEO

Mohon pencerahan Yang Berhormat jika kementerian ada pelan awal dan akan turut menilai kesesuaian untuk ikut serta dalam *network* ini dan memastikan keperluan negara diambil kira dalam memilih tempat-tempat perhentian dan *route* kereta api.

JAWAPAN:

(Merujuk respons oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi).

PERUNTUKAN (KEMAJUAN) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN

1. MENINGKATKAN PENYEDIAAN PERUMAHAN.

Selagi kita belum dapat mencari alternatif dalam penyediaan perumahan maka tanggungjawab itu adalah atas kerajaan.

Adalah diramalkan jika pendapatan sebenar atau *real household income* tidak meningkat atau masih ramai yang dalam lingkungan kemiskinan atau tidak miskin ataupun mereka tidak miskin tetapi tidak mampu, kebergantungan kepada kerajaan bagi perumahan akan bertambah.

Dan bukan setakat itu sahaja malah dalam hal-hal lain pun mereka akan bergantung kepada kerajaan. Ini senario yang membimbangkan dan tidak dapat diambil ringan dan hanya jadi bahan perbincangan dari tahun ke tahun.

Mudah-mudahan usaha kita mengenalkan banyak dasar dan tindakan untuk memperbaiki sosioekonomi kita hasilnya dapat meringankan iaitu *it hurts most* iaitu *the pocket of ordinary people.*

Adakah kajian telah dibuat? Sejauh mana *we are better off now than yesterday*.

JAWAPAN:

Penyediaan perumahan bagi golongan yang kurang mampu pada masa ini ada

dibantu melalui beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan, saperti JAPEM, Jabatan Jabatan Daerah, Majlis Ugama Islam Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan di kalangan NGO. Isu ini jua dibincangkan SKN di bawah KKBS.

Walau bagaimanpun, Kementerian Pembangunan berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap sektor Perumahan di Negara Brunei Darussalam secara keseluruhan dengan bantuan daripada pakar Konsultan yang akan dilantik. Kajian tersebut amat diperlukan untuk mengukuhkan pemahaman terhadap isu-isu perumahan yang dihadapi bukan sahaja dari sudut pandangan Kementerian Pembangunan malahan juga dari sudut pandangan warganegara Brunei Darussalam yang berkenaan. Seterusnya hasil kajian tersebut akan dijadikan asas bagi penggubalan dasar-dasar perumahan, terhadap pembekalan perumahan secara holistik termasuk jua perumahan yang mampu milik dan mampan.

2. KEMUDAHAN AWAM UNTUK URUSAN MELALUI JALAN RAYA.

Rangkaian jalan raya yang efisien, selamat dan berkualiti adalah penting bukan saja bagi tujuan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat bahkan memainkan peranan yang besar dalam memajukan negara dengan menjadikan beberapa kawasan terbuka *(accessible).*

Ini akan menjana pertumbuhan di kawasan-kawasan di mana terdapatnya jalan raya. Dalam hubungan ini, kaola menyokong Tajuk 1221; pelan induk kerana dengan adanya peruntukan ini pembesaran kawasan urban dan pembukaan kawasan rural mudah dirancang seperti di mana hendak menempatkan projek *infrastructure* industri tertentu ataupun kawasan perumahan baharu dan penggunaan tanah bagi pertumbuhan ekonomi.

Berbalik kepada isu jalan raya, pihak berkenaan juga diharap dapat memberi perhatian jalan-jalan di kawasan *shopping complexs* yang banyak rosak dan tidak diketahui pihak mana yang patutnya membaikinya.

JAWAPAN:

Dalam menanggani isu pemeliharaan jalan raya dalam kawasan perniagaan, satu Jawatankuasa Bertindak telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan pada Ogos 2023 untuk mengkaji permasalahan tersebut dan mengambil tindakan yang diperlukan untuk menanganinya. Isu yang ditangani bukan saja mengenai jalan-jalan yang terkandung dalam kawasan perniagaan utama di negara ini akan tetapi juga termasuk fasiliti dan infrastruktur lain termasuk kebersihan, saliran pembetungan, pengutipan sampah dan lain-lain lagi.

Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan kawasan komersial adalah atas tanah persendirian *(private lands)* yang menjadi tanggungjawab tuan punya tanah dan sebahagian kawasan komersial telah diserahkan kepada kerajaan dan bertaraf *State Lands*.

Sehubungan dengan itu, kementerian sedang melaksanakan beberapa inisiatif di bawah akta yang sedia ada untuk memberi notis kepada tuan punya tanah untuk mengambil tindakan memperbaiki kerosakan jalan dan prasarana yang sedia ada.

Jawatankuasa bertindak juga mengkaji cadangan untuk mengadakan *management corporation* seperti yang pernah dicadangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF.

Terdapat beberapa projek disiapkan dalam keadaan yang tidak memuaskan, ada juga sehingga diiktiraf *not fit to stay* atau *live* dan ada juga kadang kala beberapa buah projek terpaksa ditunda dari semasa ke semasa.

Dalam perkara ini, sebagai pengajaran kita bersama, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah strategi dan inisiatif- inisiatif dalam kita bersama-sama memastikan setiap projek dan rancangan kemajuan akan 'kitani' laksanakan dengan berkualiti mengikut piawaian atau *specification* yang ditentukan serta dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditentukan.

JAWAPAN:

Ada banyak faktor yang boleh menyumbang kepada kelancaran perlaksanaan sesuatu projek yang menyebabkan ianya tertunda atau melebihi tempoh penyiapannya.

Antara lain, ini termasuklah isu yang berkaitan dengan peruntukan projek, perancangan pengguna atau klien, isu tapak, serta juga isu-isu teknikal seperti perubahan spesifikasi bagi projek berkenaan, isu pembekalan bahan atau produk, serta juga perkara-perkara yang di luar jangkaan atau *unforeseen conditions* seperti masalah *site conditions* dan pengalaman wabak COVID.

Kementerian Pembangunan akan sentiasa dari masa ke semasa berusaha untuk memastikan *delivery* projek adalah *fit for purpose* dan selaras dengan yang dihasratkan penggunaannya, serta berkualiti mengikut garis panduan dan piawaian yang tertentu.

Antara strategi dan inisiatif yang dilaksana untuk memastikan perkara ini dilaksana, adalah seperti berikut :

1. Mereviu semula persyaratan kontrak yang diguna pakai pada masa ini agar ianya meliputi amalan terbaik antarabangsa di samping bersesuaian dengan calak Brunei, termasuk juga penyediaan persyaratan kontrak yang baharu seperti *Design & Build, Design, Build, Operate and Transfer dan Facility Management.*

2. Sejak tahun 2023, Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan sesi *MOD Talk Series*, yang antara lain, memfokuskan ke arah memperkasa sumber tenaga (khususnya teknikal), dan juga ke arah tadbir urus yang baik dalam pengurusan dan pengendalian projek. Ianya dihasratkan untuk memupuk budaya kerja yang lebih berpengetahuan, cekap serta peka terhadap isu-isu integriti dan pematuhan.

   Usaha ini masih diungkayahkan secara berterusan dengan melibatkan berbagai lapisan pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan, sebagai *platform* bagi perkongsian ilmu dan pengalaman serta pendedahan terhadap dapatan dan penemuan audit untuk dijadikan iktibar dan pengajaran bersama.

3. Mempertingkatkan kapasiti sumber tenaga melalui *Professional Development Programme* dan *Technical Development Programme* bagi pegawai dan kakitangan teknikal, sebagai usaha untuk mempertingkat kemahiran dan pengetahuan bagi membentuk pegawai dan kakitangan yang lebih berpengetahuan dan kompeten dalam mengendalikan bidang kerja mereka.

4. Mempertingkatkan kawalan terhadap pengurusan dan kawal selia projek melalui penggunaan garis panduan seperti *Contract Administration Guide (CAGE), Administration Guide for Quotation Works (QAGE), Project Implementation Manual (PIM), PWD Quality Supervision Manual* di samping pematuhan terhadap syarat kontrak, spesifikasi, surat-surat keliling dan peraturan-peraturan yang berkaitan yang berkuat kuasa pada masa ini.

5. Mempertingkatkan pemantauan projek-projek RKN dengan lebih dekat dari segi *milestones* perancangan dan perlaksanaannya (seperti penyediaan reka bentuk, pengendalian tawaran, dan seterusnya pembinaan).

6. Memastikan penggunaan bahan dan produk binaan berkualiti yang telah diiktiraf oleh pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan *(ABCi)*.;

7. Jabatan Kemajuan Perumahan telah menggunakan satu sistem kawalan kualiti bagi pembinaan rumah di bawah Skim Perumahan Negara di panggil *Building Quality Assessment System* atau *"BuildQAS"* yang melibatkan pihak ketiga untuk menjalankan penilaian ke atas kualiti pembinaan rumah khususnya bagi skop *Architectural Works and Mechanical, Electrical and Plumbing (MEP).* Kaedah penilaian kualiti daripada pihak ketiga ini akan dapat meningkatkan kualiti pembinaan rumah dan seterusnya mengelakkan aduan daripada pemilik rumah dan juga mengurangkan kos bagi membaik pulih.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

Kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Apakah langkah-langkah strategik kementerian untuk meningkatkan lagi pencapaian ini supaya ianya akan menjadi platform untuk mengenal pasti, memupuk dan mengetengahkan belia-belia yang berbakat dan berpotensi untuk berjaya dalam bidang masing-masing terutamanya dalam perniagaan yang diceburi?

Kedua, kaola perhatikan dalam Tajuk 1214 - Pembangunan Industri. Terdapat satu program 1214-005: *Creative, Cultural Industries Hub (CCI Hub)* dan *Community Library* yang diperuntukkan dengan Harga Rancangan sebanyak $31.75 juta. Kaola hanya ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Apakah sebenar fungsi *CCI Hub ini*? Apakah sasaran yang telah ditetapkan dan akan dicapai oleh *Program CCI* ini dari segi meningkatkan pihak penglibatan yang berkepentingan dalam pembangunan industri yang dimaksudkan?

Sebagaimana kita maklumi Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah terbukti dan teruji dalam meningkatkan jati diri, keyakinan dan sikap positif peserta-pesertanya. Syabas dan tahniah. Memandangkan impak yang begitu berkesan, pada tahun lepas semasa membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri, kaola sendiri telah mencadangkan supaya diteliti kemungkinan untuk melaratkan program ini kepada graduan-graduan yang baharu dilantik ataupun *new recruit* dalam Perkhidmatan Awam.

Program ini tidak semestinya dalam tempoh yang begitu lama atau kurikulum yang 100% sama seperti program PKBN, akan tetapi bersesuaian untuk menanam sikap positif, *teamwork,* jati diri, kerjasama dan jalinan *network* kepada peserta-peserta. Mungkin *possibility* cadangan ini boleh diteliti bersama JPM, JPA dan mana-mana agensi yang berkepentingan.

Ke arah itu kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga agensi-agensi yang berkepentingan. Apakah sudah ada penelitian yang telah dilakukan untuk menilai *viability* program yang dicadangkan dan apakah status nya pada masa ini?

Yang terakhir, setiap tahun semasa Hari Belia Kebangsaan, negara akan mengenal pasti dan memberikan pengiktirafan serta penghormatan kepada belia-belia cemerlang yang menyumbangkan khidmat dalam bidang masing-masing. Setakat ini, mungkin sudah terdapat puluhan belia yang telah menerima penghormatan ini.

Oleh itu, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Adakah *progression* atau perkembangan belia-belia cemerlang ini masih dipantau oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan?

Apakah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada belia-belia ini supaya sumbangan mereka kepada masyarakat akan dapat dipertingkatkan dan masih ampuh, memandangkan mereka ini masih boleh disifatkan sebagai *agents of change* dalam bidang masing-masing yang boleh memberi impak yang positif kepada belia-belia yang lain?

Maksud kaola potensi mereka ini sepatutnya berterusan diasuh dan pengalaman mereka diguna pakai dalam program-program pemerkasaan dan motivasi belia. Misalnya yang berkaitan dengan kesukarelawanan *(volunteerism)* dan keterlibatan mereka perlu ditingkatkan dalam apa jua dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkait langsung dalam penggubalan dasar mahupun aktiviti-aktiviti belia secara menyeluruh.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin atas soalan yang berkaitan untuk langkah-langkah strategi dalam meningkatkan platform bagi belia yang berbakat dalam bidang perniagaan, penelitian *viable* program PKBN dan perkembangan belia cemerlang. Pihak Kementerian mengambil baik dengan cadangan yang diusulkan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat menitikberatkan penyediaan platform bagi memperkasa golongan belia di negara ini yang mana telah digariskan dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024

bagi mencapai Belia Siaga Masa Depan yang disejajarkan dan dilengkapkan dengan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 yang memfokus kepada memantapkan Ekosistem Pembangunan Belia melalui pendekatan '3P' (Pengupayaan, Pemerkasaan dan Penglibatan).

Pertama, mengukuhkan Ekosistem Keusahawanan Belia melalui strategi-strategi berikut:

i. Penubuhan *Youth Entrepreneurship Steering Committee* yang bertujuan dalam mendukung Ekosistem Keusahawanan Belia ke arah Pembangunan Keusahawanan Belia.;

ii. Meningkatkan hubungan kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta bagi pelaksanaan program-program berimpak tinggi.; dan

iii. Penyediaan ruangan perniagaan, peralatan, infrastruktur, platform perniagaan termasuk bantuan kewangan.

- Bagi tempoh 2020 hingga 2023, seramai 32 syarikat belia telah dberikan bantuan *micro grant* sebanyak lebih kurang $83 ribu ringgit ($83,644.00).

- Satu Kajian Reviu Ekosistem Keusahawanan Belia akan dilaksanakan dalam mengenal pasti jurang dan seterusnya menghasilkan *National Entrepreneurship Strategies And Action Plan* dilaksanakan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP).*

Kedua, berhubung dengan cadangan melatih para graduan dan rekrut baharu dalam perkhidmatan awam, Bahagian Khidmat Bakti Negara telah mengadakan perbincangan awal bersama Institusi Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Perkembangan mengenai dengan perkara ini akan dikongsikan dari semasa ke semasa.

Ketiga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat mengenai kesesuaian penerima anugerah-anugerah dalam mahupun luar negara untuk memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada masyarakat.

i. Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 menggariskan empat strategik teras dan salah satu *deliverable* ialah Pelantikan Duta Belia (*Youth Ambassador*). Pelantikan Duta Belia ini bertujuan untuk memperkasa serta meningkatkan kepimpinan golongan belia, terutama penerima-penerima anugerah tersebut agar dapat dijadikan sebagai inspirasi dan contoh teladan bagi generasi muda sebagai agen perubahan kepada pembangunan belia dan negara.;

ii. Lantikan Ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan belia merupakan salah satu contoh penglibatan dan pengiktirafan terhadap golongan belia dalam sama-sama membantu pihak kerajaan melaksanakan penggubalan dan pembentukan dasar di negara ini.

Menyentuh berkenaan maklumat lanjut mengenai CCI:

i. Hab Industri Kesenian dan Kebudayaan adalah satu projek yang إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Projek ini ialah bagi pengubahsuaian Bangunan Lama RTB di Bandar Seri Begawan menjadi Hab Industri Kesenian dan Kebudayaan yang akan menempatkan:

i. Prasarana Industri Kreatif dan Kebudayaan seperti Dewan Persembahan, Galeri dan Pusat Inkubator.;

ii. Kemudahan Ruang Seni seperti Studio Tarian, Seni Tampak, Sinematografi, Audio dan Animasi.;

iii. Akademi Seni Budaya Brunei - yang membukakan ruang kursus sama ada peringkat *masterclass*, berkala, jangka masa pendek dan sederhana, termasuk pengiktirafan pelbagai kelulusan seni budaya bersama institusi serantau dan antarabangsa.; dan

iv. Menempatkan Residen Orkestra Tradisional Senandung Budaya, Orkestra Simfoni, Koir Kebangsaan dan Sanggar Budaya.

إِنْ شَاءَ اللهُ hab ini akan menyasarkan:

i. Peningkatan dalam KDNK bagi industri bercorakkan kreatif, seni dan kebudayaan serta industri berlandaskan hak-cipta intelektual seni *(IP in Arts)* sebanyak 2-3% dari KDNK.;

ii. Menjana pekerjaan di hab berkenaan terutama sekali kepada para belia dan penggiat seni budaya, إِنْ شَاءَ اللهُ disasarkan sebanyak 200 pekerjaan

Walau bagaimanapun, sasaran ini tergantung jua kepada pelaksanaan beberapa tindakan di peringkat industri dan dasar termasuk:

i. Dasar bagi Industri Kreatif Kebangsaan.;

ii. Memberi ruang kepada para *content creator* untuk mendapat pembayaran dari media sosial dan internet.

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

Menyentuh berkenaan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) iaitu mengenai dengan Sistem Kebajikan Negara (SKN). Sepertimana yang kita sedia maklum, SKN mula beroperasi pada 15 Julai 2020, merupakan sistem permohonan atas talian bagi orang awam memohon Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi asnaf fakir dan miskin. Namun pada itu, terdapat beberapa keluhan daripada orang ramai mengenai pengendalian Sistem SKN ini.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin tahu apakah pihak kerajaan mengambil maklum dengan perkara ini dan apakah perancangan pihak kementerian di dalam memastikan SKN ini mesra pengguna terutama sekali kepada mana-mana pemohon yang kurang mahir dalam IT termasuklah golongan warga emas.

Seterusnya kaola menyuarakan berkenaan dengan isu kelambatan di dalam permohonan Pencen Umur Tua yang baharu mencapai umur 60 tahun bagi rakyat Negara Brunei Darussalam yang memiliki kad pintar berwarna kuning yang mengambil masa 5 ke 6 bulan lamanya.

Kaola ingin tahu mengapakah proses permohonan ini mengambil masa yang lama. Mohon pencerahan mengenainya.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan isu kelambatan di dalam permohonan Pencen Umur Tua (PUT).

Setiap permohonan hendaklah terlebih dahulu dihadapkan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk diteliti syarat kelayakan kewarganegaraan dan keberadaan 183 hari sepertimana yang dipersyaratkan di dalam Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya. Senarai permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa *Competent Authority* (JKCA) yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, untuk pengesahan kewarganegaraan dan keberadaan 183 hari menetap di negara ini.

Di antara isu kelambatan berbangkit adalah mungkin disebabkan oleh keperluan pendekatan lanjut seperti dokumen perjalanan (salinan passport) yang tidak lengkap dan jika tidak ada memiliki dokumen tersebut, maka dokumen tambahan yang diperlukan adalah surat pengakuan dari pemohon.

Walau bagaimanapun, kelambatan proses tidak akan menjejaskan jumlah pembayaran yang layak diterima oleh pemohon tertakluk kepada tarikh permohonan.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN

Sukan Asia Tenggara iaitu lebih dikenali sebagai dengan nama *SEA Games* telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999. Ia merupakan *SEA Games* yang Ke-20 dan negara kita menjadi tuan rumah kepada sukan besar berkenaan buat pertama kali.

Kaola melihat dari sudut kemampuan negara di dalam mengendalikan dan menjadi tuan rumah bagi sukan-sukan besar serantau mahu pun antarabangsa.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin tahu apakah perancangan pihak kerajaan di dalam kesediaan Negara Brunei Darussalam menganjur dan menjadi tuan rumah kepada sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa?

Berkenaan dengan membudayakan penggunaan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam, kaola menyambut baik usaha-usaha pihak kementerian, khususnya kepada pihak-pihak yang berkepentingan, sentiasa menyatakan pameran-pameran dan *roadshow* ke arah memartabatkan penggunaan tulisan jawi dalam masyarakat 'kitani'. Ini termasuklah meletakkan tulisan jawi berkedudukan teratas pada papan-papan tanda, nama jalan, bangunan dan premis perniagaan.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berkenaan dengan peraturan dan syarat-syarat yang disediakan bagi penyediaan papan-papan tanda. Adakah ada ditubuhkan *taskforce* bagi memastikan peraturan syarat dan apakah tindakan yang diambil jika berlaku sebarang pelanggaran? Terdapat juga beberapa papan tanda yang kelihatan menjawikan jenama-jenama perniagaan kepada bahasa Melayu. Namun pada itu, ada juga terdapat jenama yang tidak dibahasakan Melayu. Maksudnya ada juga terdapat jenama-jenama yang tidak dibahasa Melayukan. Seperti *JobCentre Brunei* yang dijawikan.

Kaola mohon penjelasan mengenai perkara ini. Sekian, itu saja yang dapat kaola sampaikan.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman. Mengenai dengan persediaan negara menganjurkan sukan-sukan serantau dan antarabangsa.

Perkara-perkara yang diutarakan ada digariskan dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024 bagi mencapai Negara Sukan Yang Gemilang yang disejajarkan dengan Dasar Sukan Negara. Setiap sektor termasuk sektor kesukanan telah menyediakan pelan strategik perlaksanaan pelan tindakan bagi memantapkan ekosistem pembangunan sukan yang menjurus kepada dua bidang utama iaitu sukan untuk masyarakat dan sukan prestasi tinggi.

Untuk makluman, sejak 4 tahun kebelakangan sejumlah $3.6 Juta ($3,565,460.24) telah diperuntukkan bagi program mengukuhkan lagi ekosistem sukan yang merangkumi $6.3 Juta ($6,293,354) bagi pemeliharaan prasarana dan aset.

Dikongsikan bahawa salah satu perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan adalah mengenal pasti kemudahan dan kompleks sukan untuk dinaik taraf dan ditambah baik secara berfasa dan berperingkat-peringkat bertujuan:

Bagi persediaan acara-acara sukan antarabangsa yang boleh menarik minat mengembang maju sukan pelancongan (*sports tourism*);

Bagi kegunaan persatuan-persatuan sukan dan masyarakat untuk mengadakan kejohanan-kejohanan dan beriadah.

Pada masa ini, Jabatan Belia dan Sukan sedang melaksanakan kajian mengenai fasiliti dan prasarana sukan mengikut piawaian antarabangsa.

Sehingga kini, sejumlah 7 buah kompleks sukan termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah iaitu dari 33 buah kompleks dan fasiliti sukan telah dinaik taraf dan ditambah baik.

Secara dasarnya, penaiktarafan dan penambahbaikan prasarana sukan akan terus dilaksanakan secara berfasa dan dirancang melalui Rancangan Kemajuan Negara dalam mana mengambil kira perkara seperti pulangan pelaburan jangka panjang, *viability*, keutamaan dan mengikut keperluan semasa serta persediaan negara bagi acara-acara kejohanan di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Dari aspek persediaan atlet, kumpulan atlet yang terdiri daripada atlet pelapis dan atlet kebangsaan sememangnya disediakan secara berterusan dan berfasa. Persediaan ini adalah bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan dan Majlis-Majlis Sukan.

Antara persediaan atlet yang dijalankan adalah kejohanan dalam negeri peringkat remaja dan kebangsaan; kejohanan luar negeri secara jemputan, serantau dan antarabangsa dan sukan berkontinjen; dan latihan luar negeri bagi atlet elit.

Mengenai soalan yang berkaitan dengan peraturan dan syarat-syarat yang disediakan bagi penyediaan papan-papan tanda.

Selaras dengan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil.: 21/1988 yang menyatakan bahawa semua kementerian dan jabatan supaya mengawal dan memastikan penggunaan tulisan jawi di samping tulisan rumi pada papan-papan tanda di bangunan-bangunan kerajaan dan badan-badan perniagaan, termasuk papan-papan tanda, kepala surat, papan kenyataan, poster, iklan, kain rentang, nama-nama dan tanda-tanda jalan, DBP telah dilibatkan semula untuk membuat pengesahan tulisan jawi dan bahasa Melayu pada papan-papan tanda, kain rentang dan papan iklan mulai 1 Jun 2021.

Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan (Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda) 2016 adalah di bawah kawalan *ABCi*. Sehubungan itu, *ABCi* merupakan agensi kerajaan yang bertindak di bawah Akta Kawalan Iklan dengan mengenakan denda bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemilik papan tanda pada premis-premis perniagaan. Ini termasuklah pemasangan iklan, papan iklan dan papan tanda yang tidak mempunyai pengesahan daripada pihak yang berkuasa di bawah kawalan iklan, seperti penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda yang memerlukan pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Bulan Bahasa yang diadakan pada setiap Julai bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan satu agenda nasional dalam rangka memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam segenap ranah kehidupan yang merangkumi seluruh jentera pentadbir baik kerajaan mahupun bukan kerajaan, individu dan syarikat. Selain itu, DBP kini dalam proses mendraf semula surat keliling, iaitu Penyegaran Surat Keliling yang antara lain pengisiannya adalah usaha memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam mesyuarat di setiap peringkat jabatan ataupun kementerian.

Mengenai nama-nama perniagaan seperti *body shop* yang tidak diterjemahkan. Bila diterjemahkan ia menjadi kedai badan dan ia tidak sesuai. Contoh lain*, Spicy Hair & Beauty Salon,* jika diterjemahkan akan menjadi Salun Rambut & Kecantikan Berempah, *Sing U-Me* Restaurant pula jika diterjemahkan menjadi Restoran Baru U-Saya. DBP mempunyai kaedah tertentu dalam bidang penterjemahan.

Melalui DBP, pelbagai kegiatan telah diungkayahkan seperti Bulan Bahasa yang diadakan setiap bulan Julai sejak tahun 2012; Tamu Bahasa; Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya; peraduan penulisan; Pertandingan Pidato Kebangsaan; Kaji selidik tentang bahasa Melayu; Forum bahasa Melayu; Syarahan bahasa Melayu; Seminar Kebahasaan; dan Pertandingan kuiz dalam bahasa Melayu.

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu Kaola ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana telah berjaya menganjurkan Sambutan Hari Kebangsaan ke-40 pada bulan lepas.

Kaola menghargai usaha Jabatan Belia dan Sukan serta *Young Professional Network Brunei*, iaitu *YPN* kerana telah berjaya menganjurkan secara bersama tujuh *Youth Town Hall* sejak tahun 2020.

Inisiatif ini dengan ketara telah menyumbang dalam merapatkan jurang generasi membolehkan belia memberikan pandangan tentang pembangunan negara

dan memahami bagaimana dasar dan belanjawan negara dalam bentuk memajukan masa depan mereka.

Kaola juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Majlis Belia Brunei dan *You Can Lead* atas dedikasi dalam menerbitkan program pembangunan jati diri dan profesional di platform mereka.

Kaola mengambil baik usaha gigih 3 pihak organisasi yang secara sukarela menganjurkan acara dan bengkel di dalam negara. Inisiatif ini telah menunjukkan kepentingan nilai mereka melengkapkan generasi muda mereka.

Seiring dengan pengiktirafan *UN Youth Strategy 2018* dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 terhadap warga muda sebagai golongan yang akan membuat perubahan, kaola ingin mencadangkan inisiatif bagi memanfaatkan lagi potensi demografi ini, iaitu menubuhkan platform untuk perwakilan belia dan integrasi pembimbing belia ke dalam *Steering Committee* atau *National Council* bagi setiap kementerian.

Dengan melibatkan bakal belia yang bersemangat tentang kemajuan negara dan menunjukkan kepimpinan, kita boleh menyuntik perspektif inovatif dan mengekalkan ketangkasan dalam segi pembangunan negara kita.

Integrasi ini juga akan dapat menjadikan untuk meningkatkan penglibatan sivik dalam kalangan belia, melahirkan pemimpin masa depan dan mempromosikan penyelesaian inovatif untuk kemajuan negara.

Oleh yang demikian, soalan kaola bagaimanakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merangka dan melaksanakan strategi ini untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi belia kita dalam pembangunan dan kemajuan negara? Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan berkaitan dengan platform untuk perwakilan belia dan pengintegrasi pemimpin belia ke arah pembangunan dan kemajuan belia.

Dalam pemerkasaan belia, beberapa usaha telah giat dilaksanakan bagi melibatkan belia dalam proses pembuat keputusan, input perwakilan belia tersebut diambil kira bagi merangka dan pembentukan dasar seperti:

Pertama, Penglibatan Belia jelas dilihat melalui penglibatan mereka menyediakan resolusi belia dalam *Sustainable Development Goals*.; dan

Kedua, Kumpulan Penasihat Belia *(Youth Advisory Group)* yang dianggotai oleh kumpulan belia dan salah seorang daripadanya turut menganggotai Ahli Jawatankuasa Peneraju Khas Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 yang turut menjadi *check and balance* kepada pelaksanaan pelan tindakan dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Di samping itu, penglibatan Yang Berhormat Chong Chin Yee sendiri selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan salah satu contoh penglibatan dan pengiktirafan terhadap golongan belia dalam sama-sama membantu pihak kerajaan melaksanakan penggubalan dan pembentukan dasar di negara ini.

Akhir sekali, saya turut mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan kerjasama pihak Yang Berhormat selaku

Penghulu dan Ketua Kampung untuk sama-sama melibatkan belia khususnya melalui platform Majlis Perundingan Mukim dan Kampung agar agenda pembangunan belia benar-benar dapat dirasakan secara inklusif kerana belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan bagi sesebuah negara.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola cuma ingin membawakan satu perkara, iaitu mengenai Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035.

Salah satu daripada matlamat utama dalam dasar ini adalah Pemerkasaan Belia, namun begitu sejauh mana belia sudah terlibat dalam memahami dan mengetahui peranan mereka dalam pelaksanaan dasar ini?

Adakah laporan-laporan disediakan untuk memastikan isu-isu yang mereka hadapi dirujuk dan diambil kira?

Di sini kaola ingin mencadangkan bagi pemerhatian semula oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui kerjasama dengan persatuan-persatuan belia serta pergerakan belia di negara kita sebagai asas kukuh untuk memastikan suara belia dapat didengar melalui platform yang sedia ada serta merangka pelan tindakan serta melaksanakannya melalui sokongan daripada persatuan-persatuan belia.

Selain itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama juga perlu mengintegrasikan program-program dalam Dasar Belia Negara dan Strategi ke dalam kokurikulum pendidikan untuk melahirkan pemimpin masa hadapan yang bersedia menghadapi cabaran globalisasi.

Itu saja yang kaola ingin suarakan dan memohon pencerahan mengenainya. Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan penglibatan golongan belia terlibat dalam memahami dan mengetahui peranan mereka dalam pelaksanaan dasar ini.

Melalui Pendekatan Senegara, Pelan Tindakan DBNS 2020-2024 sememangnya dilaksanakan secara kolektif dan kerjasama padu agensi-agensi berkepentingan sebagai Peneraju-Peneraju Khas DBNS 2020-2035 termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang turut merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan perancangan dan pengimplementasi inisiatif-inisiatif ke arah pembangunan belia secara holistik. Kementerian ini telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti:

i. Melaksanakan Program 'Pembarigaan' yang bertujuan untuk menyalurkan maklumat mengenai dengan peranan belia dalam Pelan Tindakan DBNS 2020-2035, setakat ini sebanyak 24 sesi pembarigaan dilaksanakan melibatkan 2,700 orang.;

ii. Mengadakan komunikasi berkesan melalui dialog terbuka antara para belia dengan pengubal dasar dan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para belia akan terus diambil kira dan akan dikongsikan kepada pihak–pihak berkepentingan untuk tindakan sewajarnya. Kementerian ini bersama

rakan strategik telah mengadakan beberapa siri *town hall* bersama belia termasuk sesi dialog di ke empat-empat daerah.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG ALI BIN TANJONG

Kaola merujuk kepada badan sukarelawan di negara ini. Ada terdapat banyak badan sukarelawan yang aktif di bawah persatuan-persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dengan aktiviti yang dikendalikan.

Perkara yang paling ketara adalah semasa pandemik COVID-19 melanda di negara ini. Pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha untuk mendapatkan khidmat sukarelawan dari pelbagai pihak bagi sama-sama memberikan khidmat dalam menangani pandemik tersebut. Badan Sukarelawan Belia telah pun ditubuhkan.

Walau bagaimanapun, setelah berakhirnya pandemik tersebut apakah keberadaan sukarelawan ini? Adakah ianya tidak lagi relevan untuk diteruskan?

Dari sini kaola ingin mencadangkan supaya Badan Sukarelawan Belia ini dikekalkan dan diteruskan serta dinaikkan tarafnya kepada taraf kebangsaan sebagai Badan Sukarelawan Kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ianya bukan sahaja memfokuskan kepada kemasyarakatan bahkan menyeluruh mengikut keperluan kebangsaan. Dengan tertubuhnya badan ini, kaola rasa ianya memudahkan pengurusan jika diperlukan pada bila-bila masa. Itu sahaja yang kaola persoalkan Yang Berhormat Pengerusi.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan Sukarelawan Belia.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 menggariskan empat strategik teras dan dua daripadanya ialah Budaya Perpaduan dan Pemerkasaan Belia yang memfokuskan dalam menggalakkan kesukarelawanan bagi menanai nilai-nilai murni dalam kalangan belia disamping meningkatkan pengintegerasian masyarakat dan semangat kekitaan melalui peluang-peluang perkhidmatan sukarela di Negara Brunei Darussalam..

Lebih daripada 10,000 sukarelawan belia telah mendaftar sejak operasi tersebut dimulakan. Dengan perubahan masa dan keadaan, peranan Sukarelawan Belia masih lagi relevan dan disesuaikan dengan keperluan masa kini. Peranan Sukarelawan Belia masih lagi diperlukan dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه mereka masih lagi aktif dengan kerja-kerja sukarelawan bila diperlukan dalam apa juga acara atau majlis di peringkat kebangsaan.

Sebagai usaha untuk menyatukan, mengukuhkan dan memastikan keberkesanan pergerakan dan pengarahan sukarelawan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sedang meneliti rancangan bagi menubuhkan satu Badan Sukarelawan Kebangsaan.

Untuk makluman tambahan, Kementerian ini telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penglibatan khususnya belia dalam kesukarelawanan seperti:

Pertama, platform "Aplikasi Mengalinga" telah memberikan pengalaman baharu bagi belia dan masyarakat untuk melibatkan diri dalam berbagai program

dan kegiatan kesukarelawanan di Negara Brunei Darussalam. Setakat ini, lebih 4,000 orang belia,155 organisasi dan 482 aktiviti sukarelawan telah berdaftar pada aplikasi berkenaan.

Kedua, memperkukuhkan jalinan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan swasta serta persatuan dan pergerakan belia selaku peneraju utama di negara ini. Kerjasama sedemikian dihasratkan dapat dijadikan sebagai landasan dan sasaran ke arah penyediaan latihan kemahiran asas sebagai sukarelawan dengan berpandukan kepada Garis Panduan Sukarelawan.

Ketiga, melaksanakan Kempen Hari Bertindak atau *Day of Action* (D.O.A) yang diadakan setiap tahun pada 5 Disember bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa. Inisiatif ini dijadikan sebagai satu platform penghargaan bagi sumbangan para sukarelawan yang aktif mencurahkan bakti mereka kepada negara.

Inisiatif D.O.A ini melibatkan pelbagai peringkat penglibatan sukarelawan secara menyeluruh dan inklusif tidak mengira umur, latar belakang atau organisasi. Kita berharap D.O.A ini akan dijadikan sebagai salah satu landasan utama bagi para belia untuk berjinak-jinak dengan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABDUL SALAM

Kaola tertarik dengan kandungan pembentangan tadi berkaitan dengan penggubalan Pelan Tindakan Wanita yang sedang dalam proses mendapatkan kelulusan daripada jawatankuasa yang berkenaan untuk ianya dikuatkuasakan.

Kaola mengambil maklum pelan tindakan ini akan memfokuskan pemerkasaan dan perlindungan hak wanita, penjagaan kesihatan, pemerkasaan ekonomi, pekerjaan dan keseimbangan hidup kerja iaitu antara pekerjaan dan kehidupan berkeluarga kaum wanita di negara ini. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan potensi maksimum wanita di negara ini dan pembangunan yang saksama untuk kaum wanita terlibat aktif ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pelan Tindakan ini akan menggariskan dasar-dasar kerajaan dan inisiatif di peringkat kebangsaan yang perlu dibangunkan dan diperkukuhkan untuk pembangunan dan pemerkasaan wanita di Negara Brunei Darussalam, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Oleh itu, kaola mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, apakah mekanisme pihak kementerian untuk menilai sejauh mana keberkesanan dasar dan inisiatif yang terkandung di dalam Pelan Tindakan itu nanti dan fokus daripada penggubalan tersebut sama ada pihak kementerian akan mencadangkan sebarang perubahan dasar dalam perkhidmatan awam dan swasta di negara ini, bagi memperkenalkan persekitaran kerja yang lebih fleksibel dan lebih menyokong kepada keseimbangan kedua-dua kerja dan kehidupan berkeluarga bagi kaum wanita yang bekerja di negara ini. Ini akan meningkatkan prestasi dan pencapaian potensi penuh mereka.

Oleh itu, adalah penting supaya Pelan Tindakan ini dapat diakses dengan mudah oleh semua pihak dan orang ramai melalui portal rasmi kementerian dan untuk pihak kementerian mengadakan 'pembarigaan' meluas mengenainya bagi memberikan penjelasan dan kefahaman kepada

masyarakat, khususnya pihak-pihak yang berkepentingan.

Soalan kaola mengenai *Youth Town Hall.* Pada tahun 2022 terdapat kira-kira 151,200 orang belia berumur 15 hingga ke 34 tahun di Negara Brunei Darussaslam. Ini menunjukkan satu per tiga dari *population* Brunei adalah di kalangan belia.

Golongan belia perlu dilihat sebagai enjin yang mampu membawa perubahan baharu. *Town Halls* memainkan peranan penting dalam memupuk penglibatan sivik dengan menyediakan ruang untuk penduduk terutama sekali belia bergiat secara aktif mengambil bahagian dalam pentadbiran tempatan, menyuarakan pendapat mereka dan menyumbang kepada pembangunan komuniti dan negara selaras dengan gagasan kerajaan iaitu *whole of nation approach*.

Mereka membantu mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan rakyat dengan memudahkan komunikasi dan kerjasama.

Kaola menyambut baik *Youth Town Hall* yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama dengan *Young Professional Network (YPN)* yang ditubuhkan pada tahun 2020 dengan objektif untuk memupuk minda yang dipacu penyelesaian, berfikir ke hadapan dan komuniti belia kolaboratif yang bersemangat untuk menyumbang kepada pembangunan negara kita dengan memberi peluang kepada belia untuk berinterikasi dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.

Kaola dimaklumkan bahawa tujuh sesi *Youth Town Hall* telah diadakan sejak tahun 2020. Soalan kaola:

- Sejauh manakah keberkesanan *Youth Town Hall* dalam mencapai objektifnya?
- Apakah fokus utama dari sesi-sesi *Youth Town Hall* yang telah diadakan? Cadangan kaola, kaola berpendapat impak dan keberkesanan inisiatif *Youth Town Hall* untuk memastikan suara dan sumbangan belia dihargai dengan beberapa cara iaitu meningkatkan jumlah sesi *Youth Town Hall* bersama menteri-menteri.

  Ini boleh dicapai dengan menyusun kalendar tahunan dan merancang jadual menteri dengan lebih awal. Mengadakan Sesi *Youth Town Hall* di keempat-empat daerah, Daerah Temburong boleh digabungkan dengan Daerah Brunei dan Muara. Hal ini akan memastikan bahawa peluang untuk penglibatan belia lebih luas dan merata di seluruh negara. Ini juga akan dapat menjadi model turun padang bagi Menteri-Menteri Kabinet untuk mengurangkan jurang pembangunan dan aspirasi terutama bagi perspektif golongan belia; dan

  Sorotan daripada perbincangan *Youth Town Hall* dikongsi kepada masyarakat awam dan juga membangunkan laman *website* khusus. Kaola juga tertarik kepada inisiatif *youth conversations* yang dilakukan oleh negara jiran kita yang memberi ruang selamat kepada belia mereka untuk berdialog dan berkongsi pelbagai pandangan dan mereka juga mengeluarkan laporan penuh untuk dikongsi dengan masyarakat. Kaola berharap agar *hopes and fears* belia 'kitani' dapat menjadi isi kandungan *conversations* di *Youth Town Hall* dan idea-idea

mereka diambil serius dan dapat dilaksanakan.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang menimbulkan penyelidikan mengenai pembangunan wanita di Brunei Darussalam.

Kaola / Saya ingin mengongsikan bahawa draf Pelan Tindakan Wanita sebelum ini telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) pada tahun 2018. Walau bagaimanapun Pelan Tindakan tersebut belum disahkan oleh MKIS dan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak telah dimandatkan untuk lebih dahulu melaksanakan penyelidikan mengenai isu-isu wanita di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah untuk memastikan Pelan Tindakan Wanita akan benar-benar memberikan gambaran yang tepat mengenai dengan peluang dan cabaran yang dihadapi demi memastikan kaum wanita dinegara ini dapat mengecapi tahap pembangunan yang saksama.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam telah selesai dilaksanakan pada penghujung bulan Disember 2023 dan telah dilaporkan kepada MKIS pada Februari 2024.

Secara rumusan, hasil penyelidikan ini mengesahkan bahawa perkembangan dan pembangunan wanita di negara ini adalah pada tahap yang baik sebanding dengan negara-negara serantau. Antara perkara-perkara yang perlu difokuskan untuk memastikan pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam adalah untuk meningkatkan sokongan di tempat kerja dan khususnya bagi mencapai keseimbangan tanggungjawab di tempat kerja dan rumah tangga. Ini adalah kerana wanita memegang berbagai peranan selaku wanita berkerjaya, isteri dan juga ibu. Selain itu, penyelidikan juga mengenal pasti keperluan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan wanita.

Hasil penyelidikan adalah dihasratkan untuk menjadi asas bagi penyediaan Pelan Tindakan Wanita yang lebih terarah dan berimpak tinggi. Dikongsikan bahawa status terkini setelah penyelidikan tersebut dilaporkan kepada MKIS adalah untuk penyediaan draf Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita yang disasarkan selesai pada tahun ini untuk disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak.

Dengan mengambil kira saranan-saranan dan dapatan dari penyelidikan tersebut, Pelan Tindakan ini akan mengandungi beberapa strategi dan inisiatif, termasuk perubahan dasar perkhidmatan awam dan swasta di negara ini bagi persekitaran kerja yang fleksibel bagi keseimbangan kehidupan berkeluarga wanita yang bekerja.

إِنْ شَاءَ اللّٰه rumusan hasil penyelidikan akan dibukukan dan diterbitkan bagi rujukan orang ramai.

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

Soalan kaola mengenai *Youth Town Hall*. Pada tahun 2022 terdapat kira-kira 151,200 orang belia berumur 15 hingga ke 34 tahun di Brunei. Ini menunjukkan satu per tiga dari *population* Brunei adalah dalam kalangan belia.

Golongan belia perlu dilihat sebagai enjin yang mampu membawa perubahan baharu. *Town Halls* memainkan peranan

penting dalam memupuk penglibatan sivik dengan menyediakan ruang untuk penduduk terutama sekali belia bergiat secara aktif mengambil bahagian dalam pentadbiran tempatan, menyuarakan pendapat mereka dan menyumbang kepada pembangunan komuniti dan negara selaras dengan gagasan kerajaan iaitu *whole of nation approach*.

Mereka membantu mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan rakyat dengan memudahkan komunikasi dan kerjasama.

Kaola menyambut baik Youth Town Hall yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama dengan *Young Professional Network (YPN)* yang ditubuhkan pada tahun 2020 dengan objektif untuk memupuk minda yang dipacu penyelesaian, berfikir ke hadapan dan komuniti belia kolaboratif yang bersemangat untuk menyumbang kepada pembangunan negara kita dengan memberi peluang kepada belia untuk berinterikasi dengan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet.

Kaola dimaklumkan bahawa tujuh sesi *Youth Town Hall* telah diadakan sejak tahun 2020. Soalan kaola:

- Sejauh manakah keberkesanan *Youth Town Hall* dalam mencapai objektifnya?
- Apakah fokus utama dari sesi-sesi *Youth Town Hall* yang telah diadakan? Cadangan kaola, kaola berpendapat impak dan keberkesanan inisiatif *Youth Town Hall* untuk memastikan suara dan sumbangan belia dihargai dengan beberapa cara iaitu meningkatkan jumlah sesi *Youth Town Hall* bersama menteri-menteri. Ini boleh dicapai dengan menyusun kalendar tahunan dan merancang jadual menteri dengan lebih awal. Mengadakan Sesi *Youth Town Hall* di keempat-empat daerah, Daerah Temburong boleh digabungkan dengan Daerah Brunei dan Muara. Hal ini akan memastikan bahawa peluang untuk penglibatan belia lebih luas dan merata di seluruh negara. Ini juga akan dapat menjadi model turun padang bagi Menteri-Menteri Kabinet untuk mengurangkan jurang pembangunan dan aspirasi terutama bagi perspektif golongan belia; dan
- Sorotan daripada perbincangan *Youth Town Hall* dikongsi kepada masyarakat awam dan juga membangunkan laman *website* khusus. Kaola juga tertarik kepada inisiatif *youth conversations* yang dilakukan oleh negara jiran kita yang memberi ruang selamat kepada belia mereka untuk berdialog dan berkongsi pelbagai pandangan dan mereka juga mengeluarkan laporan penuh untuk dikongsi dengan masyarakat. Kaola berharap agar *hopes and fears* belia 'kitani' dapat menjadi isi kandungan conversations di *Youth Town Hall* dan idea-idea mereka diambil serius dan dapat dilaksanakan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan *Youth Town Hall* sebagai enjin pembawa perubahan, keberkesanan dan objektifnya serta mengongsikan laporan berkenaan melalui laman web untuk makluman masyarakat awam.

Kementerian melalui Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 menggariskan

empat strategik teras dan salah satu daripadanya ialah Pemerkasaan Belia yang memfokuskan kepada penubuhan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan bertujuan untuk menyediakan sistem komunikasi berkesan yang menghubungkan suara belia ke peringkat dasar melalui platform Dialog Awam Belia *(Youth Town Hall)* seumpama ini.

Youth Town Hall memang melibatkan interaksi belia di pelbagai umur dengan Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sejak tahun 2020, sebanyak 7 *Youth Town Hall* telah diadakan dengan melibatkan Menteri-Menteri Kabinet dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan lebih 2600 belia telah mengikutinya secara keseluruhan.

Sesi-sesi *YTH* telah dapat memberikan manfaat kepada belia-belia yang terlibat dan membolehkan mereka:

i. Memahami dengan mendalam usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan ke arah pembangunan negara dalam bidang masing-masing.;

ii. Mengetengahkan pendapat mereka, menyumbangkan buah fikiran dan idea bernas serta berani untuk mengemukakan soalan di khalayak ramai.;

iii. *Youth Town Hall* ini adalah juga satu platform berkesan untuk mengangkat suara belia dan sumbangan idea, pendapat bernas dan boleh diterokai oleh pihak kerajaan dalam pembuatan dan pengubalan dasar di peringkat kementerian masing-masing selaras dengan Inisiatif Dasar untuk menubuhkan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan. Sebagai contoh beberapa pandangan belia telah diambil kira dalam pembentukan:

   - Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2024.
   - *Brunei Darussalam Mental Health Action Plan 2022-2025* yang telah dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2022.

Untuk makluman bersama hasil laporan *Youth Town Hall* ini sememangnya telah dan akan dikongsikan kepada agensi-agensi berkaitan untuk apa juga tindakan lanjut dan bersesuaian mengenainya. إِنْ شَاءَ اللهُ cadangan bagi membuat laman web khusus dan laporan akan diteliti bersama *YPN* selaku rakan strategik dalam penganjuran *Youth Town Hall.*

Pelaksanaan *Youth Town Hall* ini akan dipertingkatkan lagi di masa hadapan dengan mengambil kira cadangan-cadangan Yang Berhormat untuk meningkatkan dan melibatkan lebih ramai penyertaan dari kalangan barisan Menteri-Menteri Kabinet termasuk Ahli-Ahli Mesyuarat Negara di masa akan datang.

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN

Dalam perbincangan ini, kaola akan menyentuh mengenai persatuan belia dan mereka yang berpendidikan tinggi.

Di tahun-tahun 60-an dan 70-an, banyak persatuan belia yang tumbuh seperti cendawan dan persatuan belia ini

kebanyakannya dipimpin oleh kalangan belia yang mempunyai kelulusan seperti 'O' Level, SPM dan sebahagiannya hanya setakat darjah 6 dari kalangan kerani, guru-guru, tetapi mereka ini mempunyai komitmen dan dedikasi yang tinggi menggerakkan persatuan mereka.

Ini dapat dilihat dari segi penglibatan mereka dalam bidang ekonomi, budaya, ugama, sukan, kemasyarakatan. Mereka berjaya menubuhkan syarikat-syarikat kerjasama, syarikat pengangkutan seperti bas-bas sekolah.

Pada masa ini, banyak belia-belia yang berkelayakan dan berpendidikan tinggi sama ada dari dalam negeri ataupun luar negeri.

Belia yang berpendidikan tinggi sepatutnya dapat membawa semangat baru, idea inovatif, komitmen yang mendalam untuk membuat perubahan positif dalam masyarakat kita dan menciptakan impak yang berlipat ganda dalam masyarakat.

Mereka berdarah muda *(young blood)* dapat membawa pandangan segar dan penyelesaian yang penuh inovatif untuk menangani masalah yang kompleks. Dengan menyokong dan memberikan peluang untuk memimpin persatuan belia, kita dapat mendorong pertumbuhan dan transformasi masyarakat yang berkesan. Persatuan-persatuan belia yang dipimpin oleh belia berpendidikan tinggi juga lebih berpotensi untuk kelangsungan jangka panjang.

Mereka membawa kepakaran dalam pengurusan organisasi, perancangan strategik dan pengumpulan dana. Dengan mempromosikan profesionalisme dan akauntabiliti, kita dapat menarik lebih banyak dana dan mendapat kepercayaan dari pihak yang berkepentingan.

Untuk mencapai matlamat ini, kita perlu menggalakkan lebih banyak belia berpendidikan tinggi untuk terlibat dalam pengurusan dan pengendalian pasukan persatuan belia. Mereka adalah generasi baharu yang penuh semangat dan inovatif, dengan memberi mereka sokongan yang mencukupi kita dapat memastikan bahawa kepimpinan persatuan belia terus dinamik dan berkesan.

Soalannya Yang Berhormat Pengerusi, berapa ramaikah persatuan-persatuan belia yang terdapat pada masa ini yang dipimpin oleh belia-belia yang berkelayakan tinggi untuk memperkasa dan membina persatuan-persatuan ini ke arah yang lebih cemerlang, gemilang mahupun di peringkat negara dan luar negara?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan pemerkasaan persatuan dan pergerakan belia di negara ini.

Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 turut mengariskan takrif Pemimpin Belia adalah mereka yang berusia tidak melebihi dari 45 tahun. Manakala, Mentor Belia pula tidak dikenakan batas umur yang berperanan sebagai penasihat dan mem

bimbing pergerakan dan persatuan belia melalui pengalaman dan tunjuk ajar daripada pemimpin terdahulu.

Persatuan belia adalah penting bagi mengerakmajukan pergerakan belia. Persatuan-persatuan belia yang masih aktif dan masih sah berdaftar dengan *Registrar of Society* (ROS) ialah sebanyak lebih kurang 90 buah dengan mengadakan

kegiatan seperti kemasyarakatan / sukarelawan, pendidikan, sosial dan sebagainya.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

Kaola memohon izin Yang Berhormat Pengerusi untuk meneruskan, ada yang kaola ingin persoalkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Semasa Musim Permesyuaratan ke-19 pada tahun lepas di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada mengongsikan mengenai peranan Majlis Kebangsaan Isu Sosial sebagai Jawatankuasa Induk bagi Menangani Isu-Isu Kemiskinan di samping isu-isu sosial yang lain yang dihadapi di negara ini.

Adalah juga difahamkan bahawa Majlis ini telah merangka satu pelan tindakan untuk membasmi kemiskinan sebagai mekanisme utama bagi melaksanakan tindakan strategik *secara whole of nation approach* demi mengeluarkan lebih ramai lagi golongan tertentu daripada kitaran kemiskinan dengan memastikan golongan ini mampu untuk berdikari sendiri tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan.

Melalui kaedah dan pelan tindakan yang telah diusahakan setakat ini, membantu dalam usaha-usaha yang lain, kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, setakat manakah inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan itu melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial mendatangkan keberkesanan lagi efektif, berjaya mengeluarkan daripada kitaran kemiskinan tanpa mengharapkan lagi sebarang bantuan daripada pihak kerajaan. Apakah statistik terkini warga miskin yang telah berjaya dikeluarkan dari kitaran kemiskinan.

Yang berhubung dengan keperluan asas, minimum asas adalah 'kitani' fahami kadar-kadar pemberian bantuan melalui Skim Kebajikan Negara dikira daripada anggaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi berasaskan kepada Kajian Perbelanjaan 2015/2016.

Seperti kita maklumi bersama, keadaannya semakin berubah sekarang. Apatah lagi harga barang makanan termasuk keperluan asas telah meningkat dari semasa ke semasa. Ini juga bermakna *cost of living* atau kos sara hidup juga telah meningkat.

Bersabit dengan perkara ini, kaola memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adakah kos minimum keperluan asas telah direviu atau dikemas kini, sedangkan kadar kos minimum keperluan asas yang digunakan sebelum ini diperkenalkan hampir 9 tahun yang lalu.

Bagi garis panduan kadar jumlah bantuan yang akan dikeluarkan kepada mereka yang berkelayakan di bawah skim-skim kebajikan.

Ini adalah dalam kita bersama-sama memastikan golongan yang berkelayakan di bawah SKN atau Sistem Kebajikan Negara ini sekurang-kurangnya dapat menyara kehidupan dan keluarga seharian disebabkan kenaikan kos harga, kos sara hidup yang telah dialami.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

Kaola juga cuma ingin bertanya tentang Sekolah Sukan yang pada masa ini memanglah di bawah Kementerian Pendidikan. Adakah kerjasama wujud di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk memajukan sekolah sukan ini, yang pada masa ini seolah-olah kalau mengikut orang putih *neither here nor there* keadaannya?

Kaola berpendapat Sekolah Sukan jika dikendalikan dengan betul sebagaimana sekolah sukan di negara-negara lain dan didukung sepenuhnya oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai potensi untuk melahirkan olahragawan dan ahli-ahli sukan yang boleh meraih kejayaan di peringkat antarabangsa selain daripada wushu dan silat.

Sekolah Sukan yang ditubuhkan pada tahun 2003 mula beroperasi di bangunan sendiri pada tahun 2009, mempunyai prasarana yang *propose build* untuk mengasuh bakat sukan di peringkat sekolah lagi. Bagi kaola adalah satu pembaziran jika Sekolah Sukan ini tidak diusahakan sepenuhnya untuk melahirkan belia-belia yang boleh bertanding di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, mengenai dengan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan dan KKBS untuk memajukan sekolah sukan.

Pembangunan dan kemajuan sukan adalah tanggungjawab bersama antara kerajaan dengan sektor bukan kerajaan yang terdiri daripada pertubuhan / persatuan sukan, bergerak secara sukarela dengan peranan dan tanggungjawab yang selaras dengan matlamat Dasar Sukan Negara.

Perancangan dan pelaksanaan program mencungkil bakat dan potensi ke arah kecemerlangan sebagai sebahagian daripada peranan rancangan pembangunan sukan negara. Penubuhan Sekolah Sukan dan penubuhan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah adalah antara sumbangan besar Kementerian Pendidikan dalam pembangunan sukan negara melalui program latihan remaja yang berterusan, kejohanan-kejohanan dilaksanakan di peringkat sekolah-sekolah serta penyaluran pelajar-atlet remaja yang berpotensi ke peringkat atlet kebangsaan.

Sebagai rakan strategik, usaha sama dalam pelbagai bidang telah lama terjalin termasuk perkongsian pakar kejurulatihan kepada guru-guru latihan jasmani, pegawai teknikal, perubatan sukan, sains sukan serta kongsi sama *venue* dan kemudahan-kemudahan sukan. Ini menunjukkan kolaborasi antara dua Kementerian (KKBS & KP) memang sentiasa terjalin dan setentunya akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa khususnya dalam sama-sama mendukung Sukan Untuk Masyarakat dan Sukan Prestasi Tinggi.

Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Majlis-Majlis Sukan dalam mengenal pasti dan mengembangkan bakat penuntut yang berpotensi dalam sukan, bukan sahaja dari Sekolah Sukan tetapi juga di sekolah-sekolah lain.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

Kaola pendekkan soalan, mohon 'barigakan' kalau sudah ada strategi kementerian untuk menjadikan penglibatan dalam sukan dan kebudayaan berbaloi dapat menjana pekerjaan dan *viable alternative form of employment.*

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan pekerjaan alternatif yang berdaya maju dalam sukan dan kebudayaan.

Dasar Sukan Negara menggariskan panduan dalam memantapkan ekosistem sukan ke arah Negara Sukan Yang Gemilang seperti berikut:

i. Memberi peluang-peluang biasiswa bagi atlet melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dengan hasrat untuk memperkasakan sukan negara di masa kini dan akan datang. Perkara ini adalah dalam perbincangan di antara kementerian ini dengan Kementerian Pendidikan.;

ii. Mengadakan kolaborasi bersama rakan strategik seperti persatuan-persatuan sukan dari aspek *development pathways.*; dan

iii. Memberikan peluang kepada atlet yang ingin meneruskan kerjaya dalam bidang kejurulatihan untuk mengikuti kursus kejurulatihan atau kursus teknikal sukan. Setakat ini beberapa orang bekas atlet negara telah pun meneruskan kerjaya antaranya sebagai jurulatih sukan, pengurusan sukan dan pegawai teknikal.

Selain daripada melalui penglibatan kerajaan secara langsung, kita juga melihat perkembangan sukan yang ketara di sektor swasta. Sebagai contoh, *event organiser,* perniagaan, penubuhan pusat *fitness* dan *gym, freelancing* dalam bidang sukan dan *sports journalism & broadcasting*.

Dalam profesi pegawai teknikal sukan di peringkat serantau dan antarabangsa, beberapa anak tempatan telah diiktiraf seperti sukan bola sepak seramai 11 orang pengadil bertaraf antarabangsa; sukan renang seorang pegawai teknikal antarabangsa dan beberapa sukan-sukan yang lain.

Dari aspek kerjaya dalam bidang sukan sebagai atlet profesional, diakui bahawa hanya segelintir sahaja atlet kebangsaan pada masa ini yang telah mencapai tahap tersebut. Sebagai contoh, tiga orang atlet E-sukan negara telah diimport untuk menyertai pasukan profesional club di Malaysia dan Indonesia dan seorang lagi pegawai Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam telah diambil bekerja di pejabat *Asian Football Confederation* berpusat di Kuala Lumpur.

Mengenai strategi untuk menjadikan penglibatan dalam kebudayaan sebagai dapat menjana pekerjaan.

KKBS adalah sebagai pemegang taruh kebudayaan yang merangkumi warisan, budaya dan sejarah ke arah merealisasikan pencapaian visi Budaya Dinamik Warisan Terpelihara sejajar sepertimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi mewujudkan peluang penglibatan dalam seni kreatif dan industri kreatif sebagai pekerjaan alternatif yang berdaya maju, adalah utama untuk meneliti semula

strategi dan teras ekosistem yang mendukung pembangunan budaya dan seni kreatif.

Peranan ini bukan sahaja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, namun ia adalah tanggungjawab *whole of government* untuk memberi sokongan dan membantu belia-belia dan para penggiat industri kreatif untuk mengembangkan dan meningkatkan industri kreatif secara keseluruhan.

Antara inisiatif yang perlu dipertimbangkan bersama adalah:

i. Menaik taraf status penggiat seni dan budaya kreatif dalam mempromosi, melindungi penggiat seni dan budaya kreatif termasuk pertubuhan pengiktirafan bidang seni dan kretaif termsuk ekonomi gig;

ii. Mengukuhkan pendidikan budaya kreatif di peringkat pendidikan dan peringkat tinggi untuk menjana perubahan iklim dan pelan strategi pendidikan kesenian dan kebudayaaan termasuk pembelajaran sepanjang hayat termasuk penubuhan Akademi Seni Budaya Brunei (ASBAB).;

iii. Menggabungkan kemajuan budaya dan teknologi.; dan

iv. Memantapkan kerjasama serantau dan antarabangsa, semua ini memerlukan kerjasama *whole of nation* untuk mewujudkan strategi teras dan ekosistem yang holistic ke arah membangunkan budaya dan industri kreatif sebagai pekerjaan alternatif yang berdaya maju.

Menyedari potensi industri kebudayaan dan kreatif sebagai platform berdaya maju untuk artis dan pakar dalam menjana pendapatan dan 34 meneruskan laluan kerjaya alternatif, KKBS memainkan peranan penting untuk memudah cara dan memberi bantuan kemudahan, kemahiran, bengkel dan pembangunan kapasiti.

Peningkatan permintaan dalam Industri Kebudayaan dan Kreatif dapat mewujudkan persekitaran yang menghargai dan menyokong usaha kreatif. Kementerian ini sentiasa menyokong dan memberikan peluang dan galakan kepada *individual* dan artis-artis yang berhasrat untuk menyertai aktiviti keusahawan dan industri kreatif.

Ke arah ini, KKBS secara berterusan menyokong bagi memperkembangkan Industri Kebudayaan dan Kreatif (CCI) di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, individu dan pakar dalam industri kreatif. Dengan adanya bangunan Hab Budaya, akan lebih dapat mendukung dan mengembang maju industri kreatif sebagai penjanaan pendapatan.

Pada masa yang sama, kementerian ini juga akan menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk platform untuk mendukung dan mengembang maju industri kreatif melalui pembangunan kapasiti belia dan pengusaha-pengusaha, peningkatan produk seni dan kreatif tempatan, penjanaan pekerjaan dan pendapatan.

Secara keseluruhannya, usaha ini mempertingkatkan potensi dan peranan budaya dan kreativiti dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan perlindungan warisan budaya serta memupuk kreativiti belia tempatan selaras dengan *2030 Agenda for Sustainable*

Development yang menggariskan kepentingan untuk mengintegrasikan budaya dalam semua aspek pembangunan

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

Soalan kaola ialah mengenai dengan peruntukan RKN ke-12 berjumlah sebesar $11 juta iaitu untuk bangunan baharu ibu pejabat Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Soalannya tidakkah ada peruntukan tambahan bagi Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan yang hanya diperuntukkan sebanyak $631 ribu sahaja.

Tambahan yang kaola maksudkan ialah supaya Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan itu akan dapat ditambah atau lebih baik dinaik taraf dengan kemudahannya mengandungi ruang-ruang untuk berniaga bagi penerima JAPEM dan warga kurang pendapatan atau susah untuk membantu mereka mencari rezeki ke arah warga mandiri.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat mengenai peruntukan tambahan bagi Unit Perlindungan di Kompleks Rumah Kebajikan.

Mengenai RKN-12 Projek Membina Bangunan Baharu Unit Kompleks Rumah Kebajikan ($631,206) merupakan projek yang ditunda dari RKN-11. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, projek ini telah siap dibina pada 17 Mei 2022 dan digunakan. Peruntukan RKN-12 ini adalah untuk baki bayaran projek.

Mengenai saranan untuk memberikan ruang di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) untuk para penerima bantuan JAPEM dan golongan berpendapatan rendah untuk berniaga, ingin kaola/saya menerangkan bahawa Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) di bawah pengendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat adalah diwartakan di bawah Akta Perlindungan Kanak-Kanak dan Orang Muda, Penggal 219 dan juga Akta Perlindungan Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis, Penggal 120 sebagai tempat yang selamat ataupun *Place of Safety.* Ini bermaksud tempat ini adalah tempat yang dikawal dan tidak bersesuaian untuk kunjungan orang ramai apatah lagi untuk berniaga.

Walau bagaimanapun, saranan Yang Berhormat itu disambut baik. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang menyediakan beberapa peluang keusahawanan termasuk ruang untuk berniaga dan juga bantuan geran kewangan, bukan sahaja bagi penerima bantuan JAPEM dan golongan berpendapatan rendah, bahkan juga untuk golongan OKU dan Warga Emas untuk mereka berdikari. Antara lain, ini termasuk penyediaan ruang keusahawanan (sama ada secara kekal atau pop-up) di Ruang Legar KKBS, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Hua Ho Manggis Mall, Galeri Yayasan Tutong, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Maritim Brunei Darussalam dan *Coffee Bean & Tea leaf* di Mayapuri, *Centrepoint* dan *The Mall*. Inisiatif ini akan terus dipergiatkan dengan kerjasama dari semua pihak dalam memastikan pembangunan secara inklusif.

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN HAJI JIHAN

Muzium Negara di Kota Batu adalah salah satu destinasi pelancongan yang ada di Daerah Brunei dan Muara dan ia adalah gudang ilmu bagi penuntut-penuntut dan para pencari ilmu. Muzium ini telah ditutup

buat sementara bagi kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian pada tahun 2014. Projek ini adalah di dalam RKN-11.

Kaola sering ditanya di majlis-majlis rakyat dan juga sering mendengar mengenainya dibincangkan oleh rakyat yang prihatin, apa kedudukan muzium negara 'kitani' yang masih lagi belum dibuka dinding keselamatannya sehingga ke hari ini.

Perkara ini telah pun dibangkitkan mungkin pada Majlis Mesyuarat Negara yang lepas tetapi masih lagi kedengaran bisikan mahupun suara secara lantang dari rakyat yang prihatin.

Oleh yang demikian, kaola suka mengetahui dan suka mendengar pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai apakah kedudukannya sehingga sekarang? Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Semoga bermanfaat, sekian.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan status kesiapan pembaikan dan pengubahsuaian untuk Muzium Brunei.

Kronologi penutupan Muzium Brunei:

i. Mula ditutup bagi kunjungan orang ramai sejak 28 Januari 2014.;

ii. Kejadian tanah susur di kawasan cerun belakang Muzium Brunei yang berlaku pada 23 Januari 2014 dan 12 Februari 2014 dan selesai dibaik pulih pada 6 Ogos 2015. Akan tetapi, satu kajian tanah yang dilaksanakan oleh pihak Bahagian Kaji Tanah, Kaji Bumi dan Ujian Bahan Binaan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan pada tahun 2017 mendapati kerja-kerja tambahan untuk membaik pulih tanah susur di kawasan cerun kiri dan kanan belakang kawasan tersebut perlu dilaksanakan. Perkara ini dilaksanakan bermula 30 Julai 2020 dan siap pada 29 Mac 2021 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak $1,065,243.50 oleh Syarikat Normila Sdn. Bhd.;

iii. Kerja-kerja pembaikan mula dijalankan pada tahun 2015 termasuk kerja-kerja membaik pulih struktur bangunan dan cerun di belakang Muzium Brunei, Kota Batu dan membaik pulih lapisan dalaman tingkat 1; membaik pulih lapisan konkrit *'beam'*, tiang pecahan dinding dan anti *carbonation*; dan kerja-kerja mengecat dalaman siling, tiang dan dinding serta luaran atap.;

iv. Masalah anai yang dihadapi di bangunan Muzium Brunei menyebabkan keperluan untuk segala binaan yang diperbuat dari kayu yang terdapat di Muzium Brunei dimusnahkan sebelum kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf dimulakan.;

v. Galeri-galeri pameran dikosongkan dan pemindahan Artifak Kesenian Islam dari Dewan 1 ke Muzium Jabatan Perdana Menteri dan ke Balai Pameran Islam, Jabatan Mufti Kerajaan bermula pada 31 Disember 2015 berakhir pada 5 Mac 2016.;

vi. Projek Membaik pulih dan Menaik taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran Secara Menyeluruh diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11) (2018-2023) dengan anggaran peruntukan sebanyak $12,000,000.00 (dua belas juta ringgit).;

vii. Kerja-kerja mengemas kini inventori dan pembungkusan serta pemindahan koleksi muzium dari Muzium Brunei ke Stor Muzium-Muzium di Gudang Blok G, Stor Negara, Gadong bermula pada 2 Januari 2019 dan selesai pada 21 Februari 2020.;

viii. Kerja-kerja *Internal Demolition, Dismantling, Clearing Dan Removal Works for Brunei Museum Building,* Kota Batu telah bermula pada 18 Mei 2020 dan siap pada 20 Julai 2020.;

ix. Pelantikan konsultan - *Peridot Architects* telah bermula pada 11 Julai 2020 dengan bayaran yuran perunding sebanyak $875,000.00 untuk menyediakan *Request for proposal (RFP)* bagi perisian dalaman Projek Membaik pulih dan Menaik taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran secara menyeluruh.;

x. Pelantikan kontraktor – *GR Technic Sdn. Bhd.* telah bermula pada 1 September 2021 dengan harga projek sebanyak $11,107,567.15 dengan tarikh sasaran penyiapan asal adalah pada 31 Oktober 2022 iaitu bagi tempoh 14 bulan. Namun memandangkan cabaran-cabaran yang dihadapi, projek ini memerlukan tambahan lanjutan masa (EOT) yang dianggarkan siap pada 24 Januari 2024. Kebenaran tambahan lanjutan masa seperti berikut;

   - EOT 1 – Kebenaran pada 25 Oktober 2022 iaitu selama 6 bulan dijangka siap 31 Mac 2023.;
   - EOT 2 – Kebenaran pada 3 Mei 2023 iaitu selama 89 hari dijangka siap 28 Jun 2023.; dan
   - EOT 3 – Kebenaran pada 4 Julai 2023 iaitu selama 210 hari dijangka siap 24 Januari 2024.

Beberapa cabaran yang dihadapi dalam menyiapkan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran secara menyeluruh seperti berikut:

i. Penutupan tapak projek selama 14 hari disebabkan berlakunya penularan wabak *Covid-19.;*

ii. Kelambatan perlaksanaan kerja-kerja elektrikal dan mekanikal disebabkan pekerja-pekerja kontraktor yang telah dijangkiti *Covid-19* dan diperlukan menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari.;

iii. Masalah pembekalan material pembinaan dari luar negeri yang terjejas disebabkan kawalan ketat dan operasi yang terjejas dalam perihal pengangkutan di luar negara disebabkan *lock down*.;

iv. Kerja-kerja yang tidak dapat diramal tetapi perlu dilaksanakan seperti pengukuhan struktur bangunan di aras bawah, keperluan reka bentuk *ducting* sesuai dengan nilai estetik galeri dan kerja mengecat luaran bangunan. Kerja-kerja ini memerlukan tambahan harga.;

v. Projek ini menghadapi isu pertikaian kontrak dan skop kerja yang memerlukan tindakan pembaikan segera Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan tidak lagi memberi kebenaran permohonan tambahan lanjutan masa perkhidmatan kontraktor – *GR Technic Sdn. Bhd*. dan konsultan

- *Peridot Architects*. Semua kerja-kerja telah berakhir setelah kebenaran *EOT* ke-3 tamat pada 24 Januari 2024.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan telah menetapkan untuk menamatkan kontrak perkhidmatan kontraktor dan konsultan. Pihak Kementerian Pembangunan telah mengeluarkan Sijil Siap Kerja Praktikal *(Certificate of Practical Completion)* kepada kontraktor pada 24 Januari 2024. Melalui Sijil Siap Kerja Praktikal *(Certificate of Practical Completion)* tersebut, maka perkhidmatan konsultan juga berakhir.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menerokai dan seterusnya akan memohon khidmat nasihat daripada Pejabat Peguam Negara mengenai dengan tindakan undang-undang yang akan dapat diambil dalam memastikan tindakan tersebut adalah teratur. Projek Fasa 2 ini telah dilaksanakan melalui proses tawaran secara terbuka dan iklan tawaran telah dibuka pada 2 Mac 2024 dan akan tutup pada 2 April 2024.

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin mengetengahkan satu usul yang berkaitan dengan partisipasi dan penglibatan belia.

Kaola mencadangkan agar kerjasama perlu dilakukan bukan saja dari pihak kerajaan, namun juga penglibatan dari sektor-sektor swasta supaya berganding bahu, menyusun strategi untuk merealisasikan *the whole nation approach* terutama untuk pembangunan belia.

Sebagai contoh, menyokong *venture agriculture* para belia agar syarikat-syarikat di sektor swasta dapat memberi dan menyediakan sedikit sebanyak insentif dari segi modal *(capital)* ataupun *support* dan *mentorship.*

Kaola faham perkara ini sudah pernah dilakukan oleh salah sebuah syarikat yang menolong membersihkan dan meratakan tapak serta membuat longkang yang pernah dijalankan di Kampung Selangan, Mukim Amo, Temburong beberapa tahun yang lalu melalui kerjasama Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam program Skim Belia Tani. Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan untuk mengembangkan lagi aktiviti pertanian dalam kalangan belia melalui kerjasama dengan sektor-sektor swasta dalam pemberian insentif dari segi modal atau dukungan kepada golongan belia sekali gus membantu dalam mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan anak tempatan di negara ini.

Oleh itu, di sini saya percaya dengan adanya sokongan yang padu daripada pihak swasta terutama dari segi pemberian modal serta sokongan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu tadi, sedikit sebanyak ianya akan dapat melihat pertumbuhan penglibatan golongan belia yang mempelopori bidang ini di masa hadapan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

LANGKAH STRATEGIK UNTUK MENCAPAI SASARAN KEBANGSAAN 'O' LEVEL

1. Dalam keputusan BC-GCE 'O' Level baru-baru ini, nampaknya sasaran ini tidak dapat dicapai. Keputusan yang dicapai hanyalah 43% berbanding 60% dalam sasaran. Kaola memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengapa sasaran ini tidak dapat dicapai dan apakah langkah-langkah strategik Kementerian Pendidikan untuk mencapai sasaran ini?

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan akan sentiasa memastikan pentadbiran dan pelaksanaan peperiksaan awam khususnya peperiksaan BC-GCE 'O' Level, IGCSE dan 'A' Level mengikut standard yang telah ditetapkan oleh *Cambridge International* bagi menghasilkan keputusan peperiksaan yang tepat dan sahih (*reliable and valid*).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian peperiksaan BC-GCE 'O' Level, IGCSE dan 'A' Level, contohnya *learning loss* akibat COVID-19, sosioekonomi yang rendah, kualiti pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar secara holistik melalui pelbagai inisiatif seperti berikut:

- Program Sokongan Pembelajaran *(Learning Support Programme*) yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran literasi dan numerasi di setiap sekolah rendah dan menengah seluruh negara;

- Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT) melalui platform Skim Kebajikan Negara (SKN) untuk menangani kebajikan dan kesejahteraan pelajar dengan membiayai persekolahan pelajar-pelajar yang berasal dari keluarga kurang berkemampuan (mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan);

- Program peningkatan kemahiran *(Professional Development Programme)* untuk meningkatkan kemahiran para tenaga pengajar agar mereka lebih berkompetensi dan sentiasa berdaya saing agar dapat mencetuskan mutu kerja yang berkualiti dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran;

- Pengukuhan piawaian dan kurikulum selaras dengan piawaian antarabangsa bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, *Mathematics, English Language, Science, Digital Literacy* (piawaian) dan *Information and Communication Technology* (kurikulum) dan rangka kerja literasi kewangan (*Brunei Darussalam Financial Literacy Competency Framework).*

- Perlaksanaan rintis Program Sahsiah Pelajar (PSP) ke atas 18 buah sekolah. Ianya bertujuan untuk melahirkan pelajar yang holistik dan kompeten dalam 4 komponen PSP, iaitu Fizikal, Kerohanian, Perkhidmatan dan Kreativiti.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah strategik ini, Kementerian Pendidikan إِنْ شَاءَ اللهُ. akan dapat mencapai sasaran yang ditetapkan di masa akan datang.

PENCAPAIAN PENUNTUT PERINGKAT 'O' LEVEL DALAM MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS, SAINS DAN MATEMATIK

2. Dari jumlah 43% yang lulus dengan mempunyai kredit 5 'O' Level dan ke atas, berapakah peratus yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Inggeris, Sains dan Matematik?

JAWAPAN:

Jumlah calon yang lulus dengan mempunyai kredit 5 'O' Level ke atas adalah seperti berikut:

- Pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris iaitu "*Cambridge IGCSE English as a Second Language (Speaking endorsement) (0510)*" dan "*Cambridge IGCSE English as a Second Language (Count-in speaking) (0511)*" pada tahun 2022 adalah sebanyak 67.04% manakala pada tahun 2023 adalah sebanyak 57.70%.;

- Pencapaian mata pelajaran IGCSE Mathematics (0580) pada tahun 2022 adalah sebanyak 17% dan 16.73% pada tahun 2023.

  Manakala bagi mata pelajaran *Mathematics (Syllabus D)* pada tahun 2022 adalah sebanyak 66.94% dan 65.60% pada tahun 2023.

- Pencapaian bagi mata pelajaran Sains adalah seperti berikut:

	Tahun 2022	Tahun 2023
Biology	86.19%	82.35%
Chemistry	78.60%	77.89%
Physics	80.84%	80.47%
Combined Science	17.45%	15.46%

SECTOR Category	O LEVEL Year	510 ENG Cand	510 ENG Credit	510 ENG %Credit	511 ENG Cand	511 ENG Credit	511 ENG %Credit	ENG Cand	ENG Credit	ENG %Credit
MoE	Nov/2013	1597	146	**9.14%**	592	38	**6.42%**	3635	1462	**40.22%**
MoE	Nov/2014	1570	229	**14.59%**	584	68	**11.64%**	3295	1542	**46.80%**
MoE	Nov/2015	1483	133	**8.97%**	734	94	**12.81%**	3149	1532	**48.65%**
MoE	Nov/2016	1615	131	**8.11%**	821	114	**13.89%**	2964	1461	**49.29%**
MoE	Nov/2017	1347	97	**7.20%**	1183	138	**11.67%**	2668	1526	**57.20%**
MoE	Nov/2018	1255	67	**5.34%**	1081	94	**8.70%**	2555	1497	**58.59%**
MoE	Nov/2019	848	35	**4.13%**	1227	45	**3.67%**	2734	1716	**62.77%**
MoE	Nov/2020	830	53	**6.39%**	1019	61	**5.99%**	2494	1764	**70.73%**
MoE	Nov/2021	731	82	**11.22%**	1040	103	**9.90%**	2505	1843	**73.57%**
MoE	Nov/2022	597	44	**7.37%**	945	77	**8.15%**	2779	1863	**67.04%**
MoE	Nov/2023	399	26	**6.52%**	910	46	**5.05%**	2794	1612	**57.70%**
MoRA	Nov/2013			**-**			**-**	289	113	**39.10%**
MoRA	Nov/2014			**-**			**-**	231	110	**47.62%**
MoRA	Nov/2015			**-**			**-**	395	189	**47.85%**
MoRA	Nov/2016			**-**			**-**	436	191	**43.81%**
MoRA	Nov/2017			**-**			**-**	420	230	**54.76%**
MoRA	Nov/2018			**-**			**-**	449	230	**51.22%**
MoRA	Nov/2019			**-**			**-**	502	301	**59.96%**
MoRA	Nov/2020			**-**			**-**	625	468	**74.88%**
MoRA	Nov/2021			**-**			**-**	790	590	**74.68%**
MoRA	Nov/2022			**-**			**-**	950	607	**63.89%**
MoRA	Nov/2023			**-**			**-**	679	383	**56.41%**
NGOV	Nov/2013			**-**			**-**	779	595	**76.38%**
NGOV	Nov/2014			**-**			**-**	810	616	**76.05%**
NGOV	Nov/2015			**-**			**-**	840	659	**78.45%**
NGOV	Nov/2016			**-**			**-**	836	638	**76.32%**
NGOV	Nov/2017			**-**			**-**	841	634	**75.39%**
NGOV	Nov/2018			**-**			**-**	784	638	**81.38%**
NGOV	Nov/2019			**-**			**-**	716	598	**83.52%**
NGOV	Nov/2020			**-**			**-**	728	661	**90.80%**
NGOV	Nov/2021			**-**			**-**	813	766	**94.22%**
NGOV	Nov/2022			**-**			**-**	793	690	**87.01%**
NGOV	Nov/2023			**-**			**-**	838	684	**81.62%**
GOV	Nov/2013	1597	146	**9.14%**	592	38	**6.42%**	3924	1575	**40.14%**
GOV	Nov/2014	1570	229	**14.59%**	584	68	**11.64%**	3526	1652	**46.85%**
GOV	Nov/2015	1483	133	**8.97%**	734	94	**12.81%**	3544	1721	**48.56%**
GOV	Nov/2016	1615	131	**8.11%**	821	114	**13.89%**	3400	1652	**48.59%**
GOV	Nov/2017	1347	97	**7.20%**	1183	138	**11.67%**	3088	1756	**56.87%**
GOV	Nov/2018	1255	67	**5.34%**	1081	94	**8.70%**	3004	1727	**57.49%**
GOV	Nov/2019	848	35	**4.13%**	1227	45	**3.67%**	3236	2017	**62.33%**
GOV	Nov/2020	830	53	**6.39%**	1019	61	**5.99%**	3119	2232	**71.56%**
GOV	Nov/2021	731	82	**11.22%**	1040	103	**9.90%**	3295	2433	**73.84%**
GOV	Nov/2022	597	44	**7.37%**	945	77	**8.15%**	3729	2470	**66.24%**
GOV	Nov/2023	399	26	**6.52%**	910	46	**5.05%**	3473	1995	**57.44%**

SECTOR Category	O LEVEL Year	580 MAT Cand	580 MAT Credit	580 MAT %Credit	BIO Cand	BIO Credit	BIO %Credit	CHE Cand	CHE Credit	CHE %Credit
MoE	Nov/2013	2116	148	**6.99%**	1393	1048	**75.23%**	1527	1168	**76.49%**
MoE	Nov/2014	2104	284	**13.50%**	1430	1141	**79.79%**	1469	1205	**82.03%**
MoE	Nov/2015	2048	260	**12.70%**	1473	1131	**76.78%**	1457	1193	**81.88%**
MoE	Nov/2016	2638	381	**14.44%**	1384	1065	**76.95%**	1337	1073	**80.25%**
MoE	Nov/2017	2711	453	**16.71%**	1248	1035	**82.93%**	1228	1022	**83.22%**
MoE	Nov/2018	2515	469	**18.65%**	1274	1028	**80.69%**	1320	1066	**80.76%**
MoE	Nov/2019	2323	392	**16.87%**	1486	1196	**80.48%**	1552	1165	**75.06%**
MoE	Nov/2020	2057	449	**21.83%**	1365	1090	**79.85%**	1340	1040	**77.61%**
MoE	Nov/2021	2093	478	**22.84%**	1180	1036	**87.80%**	1268	1053	**83.04%**
MoE	Nov/2022	1971	335	**17.00%**	1361	1173	**86.19%**	1444	1135	**78.60%**
MoE	Nov/2023	1787	299	**16.73%**	1377	1134	**82.35%**	1420	1106	**77.89%**
MoRA	Nov/2013	30	14	**46.67%**	80	59	**73.75%**	78	58	**74.36%**
MoRA	Nov/2014	19	8	**42.11%**	70	61	**87.14%**	70	63	**90.00%**
MoRA	Nov/2015	40	17	**42.50%**	73	61	**83.56%**	69	60	**86.96%**
MoRA	Nov/2016	44	25	**56.82%**	109	96	**88.07%**	109	99	**90.83%**
MoRA	Nov/2017	26	13	**50.00%**	194	121	**62.37%**	137	123	**89.78%**
MoRA	Nov/2018	29	17	**58.62%**	167	92	**55.09%**	113	95	**84.07%**
MoRA	Nov/2019	43	21	**48.84%**	222	171	**77.03%**	197	181	**91.88%**
MoRA	Nov/2020	30	19	**63.33%**	313	244	**77.96%**	260	235	**90.38%**
MoRA	Nov/2021	44	26	**59.09%**	293	245	**83.62%**	214	200	**93.46%**
MoRA	Nov/2022	50	13	**26.00%**	454	275	**60.57%**	279	248	**88.89%**
MoRA	Nov/2023			**-**	413	256	**61.99%**	282	192	**68.09%**
NGOV	Nov/2013	1	1	**100.00%**	428	341	**79.67%**	418	351	**83.97%**
NGOV	Nov/2014	57	3	**5.26%**	423	327	**77.30%**	409	334	**81.66%**
NGOV	Nov/2015	55	10	**18.18%**	491	422	**85.95%**	455	386	**84.84%**
NGOV	Nov/2016	70	33	**47.14%**	463	386	**83.37%**	411	367	**89.29%**
NGOV	Nov/2017	66	29	**43.94%**	462	400	**86.58%**	425	372	**87.53%**
NGOV	Nov/2018	136	53	**38.97%**	419	376	**89.74%**	395	361	**91.39%**
NGOV	Nov/2019	133	46	**34.59%**	404	359	**88.86%**	369	348	**94.31%**
NGOV	Nov/2020	140	63	**45.00%**	427	368	**86.18%**	389	344	**88.43%**
NGOV	Nov/2021	138	55	**39.86%**	406	395	**97.29%**	396	388	**97.98%**
NGOV	Nov/2022	103	45	**43.69%**	398	384	**96.48%**	399	375	**93.98%**
NGOV	Nov/2023	116	41	**35.34%**	414	385	**93.00%**	415	392	**94.46%**
GOV	Nov/2013	2146	162	**7.55%**	1473	1107	**75.15%**	1605	1226	**76.39%**
GOV	Nov/2014	2123	292	**13.75%**	1500	1202	**80.13%**	1539	1268	**82.39%**
GOV	Nov/2015	2088	277	**13.27%**	1546	1192	**77.10%**	1526	1253	**82.11%**
GOV	Nov/2016	2682	406	**15.14%**	1493	1161	**77.76%**	1446	1172	**81.05%**
GOV	Nov/2017	2737	466	**17.03%**	1442	1156	**80.17%**	1365	1145	**83.88%**
GOV	Nov/2018	2544	486	**19.10%**	1441	1120	**77.72%**	1433	1161	**81.02%**
GOV	Nov/2019	2366	413	**17.46%**	1708	1367	**80.04%**	1749	1346	**76.96%**
GOV	Nov/2020	2087	468	**22.42%**	1678	1334	**79.50%**	1600	1275	**79.69%**
GOV	Nov/2021	2137	504	**23.58%**	1473	1281	**86.97%**	1482	1253	**84.55%**
GOV	Nov/2022	2021	348	**17.22%**	1815	1448	**79.78%**	1723	1383	**80.27%**
GOV	Nov/2023	1787	299	**16.73%**	1790	1390	**77.65%**	1702	1298	**76.26%**

SECTOR Category	O LEVEL Year	CSC Cand	CSC Credit	CSC %Credit	MAT Cand	MAT Credit	MAT %Credit	PHY Cand	PHY Credit	PHY %Credit
MoE	Nov/2013	4121	778	**18.88%**	3653	1606	**43.96%**	1401	1058	**75.52%**
MoE	Nov/2014	3756	697	**18.56%**	3286	1601	**48.72%**	1336	1108	**82.93%**
MoE	Nov/2015	3766	656	**17.42%**	3280	1562	**47.62%**	1352	1132	**83.73%**
MoE	Nov/2016	3869	685	**17.70%**	2776	1446	**52.09%**	1266	1043	**82.39%**
MoE	Nov/2017	3860	660	**17.10%**	2468	1472	**59.64%**	1192	998	**83.72%**
MoE	Nov/2018	3401	601	**17.67%**	2341	1504	**64.25%**	1261	1022	**81.05%**
MoE	Nov/2019	3071	491	**15.99%**	2469	1620	**65.61%**	1478	1126	**76.18%**
MoE	Nov/2020	2785	548	**19.68%**	2266	1572	**69.37%**	1271	1041	**81.90%**
MoE	Nov/2021	2945	806	**27.37%**	2180	1467	**67.29%**	1157	993	**85.83%**
MoE	Nov/2022	2745	479	**17.45%**	2350	1573	**66.94%**	1336	1080	**80.84%**
MoE	Nov/2023	2509	388	**15.46%**	2311	1516	**65.60%**	1290	1038	**80.47%**
MoRA	Nov/2013	133	38	**28.57%**	258	130	**50.39%**	124	65	**52.42%**
MoRA	Nov/2014	121	39	**32.23%**	212	97	**45.75%**	89	61	**68.54%**
MoRA	Nov/2015	101	6	**5.94%**	354	183	**51.69%**	254	136	**53.54%**
MoRA	Nov/2016	122	25	**20.49%**	392	187	**47.70%**	268	153	**57.09%**
MoRA	Nov/2017			**-**	394	210	**53.30%**	337	156	**46.29%**
MoRA	Nov/2018			**-**	419	235	**56.09%**	369	173	**46.88%**
MoRA	Nov/2019	185	16	**8.65%**	458	278	**60.70%**	247	195	**78.95%**
MoRA	Nov/2020	199	86	**43.22%**	595	411	**69.08%**	342	296	**86.55%**
MoRA	Nov/2021	306	262	**85.62%**	746	487	**65.28%**	362	323	**89.23%**
MoRA	Nov/2022	280	87	**31.07%**	900	513	**57.00%**	445	308	**69.21%**
MoRA	Nov/2023	3	0	**0.00%**	679	364	**53.61%**	413	258	**62.47%**
NGOV	Nov/2013	345	178	**51.59%**	783	527	**67.31%**	416	351	**84.38%**
NGOV	Nov/2014	379	165	**43.54%**	746	506	**67.83%**	407	358	**87.96%**
NGOV	Nov/2015	336	138	**41.07%**	783	554	**70.75%**	448	412	**91.96%**
NGOV	Nov/2016	361	152	**42.11%**	763	530	**69.46%**	394	367	**93.15%**
NGOV	Nov/2017	368	134	**36.41%**	774	538	**69.51%**	411	392	**95.38%**
NGOV	Nov/2018	350	142	**40.57%**	645	513	**79.53%**	392	364	**92.86%**
NGOV	Nov/2019	296	126	**42.57%**	576	477	**82.81%**	365	344	**94.25%**
NGOV	Nov/2020	293	174	**59.39%**	585	516	**88.21%**	393	366	**93.13%**
NGOV	Nov/2021	408	293	**71.81%**	676	565	**83.58%**	396	371	**93.69%**
NGOV	Nov/2022	391	192	**49.10%**	686	556	**81.05%**	399	383	**95.99%**
NGOV	Nov/2023	421	232	**55.11%**	721	585	**81.14%**	414	400	**96.62%**
GOV	Nov/2013	4254	816	**19.18%**	3911	1736	**44.39%**	1525	1123	**73.64%**
GOV	Nov/2014	3877	736	**18.98%**	3498	1698	**48.54%**	1425	1169	**82.04%**
GOV	Nov/2015	3867	662	**17.12%**	3634	1745	**48.02%**	1606	1268	**78.95%**
GOV	Nov/2016	3991	710	**17.79%**	3168	1633	**51.55%**	1534	1196	**77.97%**
GOV	Nov/2017	3860	660	**17.10%**	2862	1682	**58.77%**	1529	1154	**75.47%**
GOV	Nov/2018	3401	601	**17.67%**	2760	1739	**63.01%**	1630	1195	**73.31%**
GOV	Nov/2019	3256	507	**15.57%**	2927	1898	**64.84%**	1725	1321	**76.58%**
GOV	Nov/2020	2984	634	**21.25%**	2861	1983	**69.31%**	1613	1337	**82.89%**
GOV	Nov/2021	3251	1068	**32.85%**	2926	1954	**66.78%**	1519	1316	**86.64%**
GOV	Nov/2022	3025	566	**18.71%**	3250	2086	**64.18%**	1781	1388	**77.93%**
GOV	Nov/2023	2512	388	**15.45%**	2990	1880	**62.88%**	1703	1296	**76.10%**


Perbezaan Pencapaian Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta
Matapelajaran Biology
100.00%
90.00%
80.00%
70.00%
60.00%
50.00%
40.00%
30.00%
20.00%
10.00%
0.00%
2013
2014
2015
2016
2017
2018
2019
2020
2021
2022
2023
MoE
NGOV


Perbezaan Pencapaian Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta
Matapelajaran Chemistry
100.00%
90.00%
80.00%
70.00%
60.00%
50.00%
40.00%
30.00%
20.00%
10.00%
0.00%
2013
2014
2015
2016
2017
2018
2019
2020
2021
2022
2023
MoE
NGOV


Perbezaan Pencapaian Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta
Matapelajaran Physics
100.00%
90.00%
80.00%
70.00%
60.00%
50.00%
40.00%
30.00%
20.00%
10.00%
0.00%
2013
2014
2015
2016
2017
2018
2019
2020
2021
2022
2023
MoE
NGOV


Perbezaan Pencapaian Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta
Matapelajaran Mathematics
100.00%
90.00%
80.00%
70.00%
60.00%
50.00%
40.00%
30.00%
20.00%
10.00%
0.00%
2013
2014
2015
2016
2017
2018
2019
2020
2021
2022
2023
MoE
NGOV

SASARAN PENGIJAZAHAN DI PERINGKAT PASCA MENENGAH DAN PENGAJIAN TINGGI

3. Begitu juga di peringkat pasca-menengah dan pengijazahan (pengajian tinggi, pendidikan teknikal dan vokasional) yang disasarkan 90% lulus setiap tahun, adakah sasaran ini telah tercapai dan apakah peranan Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan?

JAWAPAN:

Definisi peratusan pengijazahan adalah graduan yang menamatkan pengajian mengikut tempoh yang telah ditetapkan daripada institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta, penerima biasiswa kerajaan ke luar negeri, Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP), institusi-institusi pendidikan teknikal, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pengajian tahap 2 hingga 6 berpandukan kepada '*Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)*'

Kadar Pengijazahan bagi tahun 2022 institusi-institusi pengajian tinggi, pendidikan teknikal dan vokasional secara keseluruhannya adalah sebanyak 86.8%, di mana terdapat sedikit penurunan sebanyak 4% berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu 91% bagi tahun 2021.

Oleh yang demikian, beberapa usaha telah pun diungkayahkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi, teknikal dan vokasional dalam membantu meningkatkan kadar pengijazahan tersebut. Sebagai contoh:

Universiti Teknologi Brunei

1. Universiti Teknologi Brunei telah memperkenalkan peraturan kemajuan baharu (*New Progression Rules*) dan dengan adanya peraturan kemajuan baharu ini, ianya akan memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian mereka selagi mereka masih berada dalam tempoh pengajian (*candidature*).;

2. Pelajar yang gagal dalam penilaian semula dalam mana-mana modul ijazah atau modul teras utama dan dianggap gagal serta diberhentikan daripada program, mungkin layak *mendapat Exit Award*, dengan syarat pelajar berkenaan memenuhi syarat kelayakan untuk menerima anugerah tersebut.;

3. Intervensi Awal (*Early Intervention*): Kenal pasti pelajar yang berisiko lebih awal dan memberikan mereka sokongan dan intervensi yang disasarkan untuk menangani cabaran mereka sebelum masalah mereka berterusan.

Politeknik Brunei

1. Mempertingkatkan perkhidmatan pelajar dan staf, iaitu:
    - *Academic Support Services Initiatives for Staff and Students* (ASSiSt).;

- Program Mentoring bagi tenaga pengajar.; dan
- Mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling akademik.

2. Memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran secara *blended* , seperti melaksanakan Hyflex *Blended Learning Technologies* di kelas / kuliah.; dan

3. Mengadakan kelas *remedial* - menawarkan konsultasi one-to-one dan kelas remedial for pelajar yang memerlukan dan kurang berprestasi.

IBTE

1. Taklimat diberikan kepada pelajar-pelajar baru dan juga ibu bapa atau penjaga semasa minggu suai kenal bagi mengongsikan peraturan-peraturan sekolah seperti, Kedatangan, tata tertib dan pencapaian akademik bagi memastikan pelajar-pelajar akan lulus dan tamat pengajian tepat pada masanya dan mengelakkan pelajar-pelajar dikeluarkan dari daftar sekolah *(withdrawn)* dari program yang diambil kerana masalah kedatangan, tata tertib dan tidak lulus.;

2. Penyediaan program bimbingan akademik dan kaunseling untuk pelajar.;

3. Memberikan peluang kepada pelajar yang mengulang modul dibuat serentak (concurrently) semasa semester baru dijalankan tetapi tertakluk kepada jumlah credit values pada Satu semester, terdapatnya tenaga pengajar (*availability of instructors*) dan kesanggupan pelajar mengulang modul serentak dengan modul baru.;

4. Melaksanakan kaedah pengajaran yang interaktif dan menarik seperti perbincangan berkumpulan, kajian kes, dan aktiviti praktikal untuk merangsang penyertaan aktif dan pemahaman di kalangan pelajar.;

5. Peningkatan latihan dan pembangunan tenaga pengajar untuk meningkatkan kualiti pengajaran.

Seterusnya, beberapa inisiatif juga telah diusahakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi, institusi pendidikan teknikal dan vokasional dalam membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan seperti berikut:

1. Kementerian Pendidikan sentiasa mengadakan perbincangan berterusan bersama pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dan Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dalam membincangkan hala tuju trend pekerjaan serta program-program akademik yang diperlukan oleh pihak industri dari masa ke masa.;

2. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (IPT *Taskforce*) dan ahli-ahlinya terdiri daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk membincangkan, memastikan program-program yang ditawarkan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta sentiasa relevan dengan pasaran kerja di Negara Brunei Darussalam.;

3. Mulai tahun 2021, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi dengan melibatkan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk membuat kajian tahunan *Employers' Satisfaction Survey* (ESS) yang bertujuan untuk mengetahui kualiti kerja, prestasi dan kecekapan pekerjaan para graduan-graduan. Bagi *Employer Satisfaction Survey* 2021, secara keseluruhan kadar kepuasan majikan-majikan terhadap pekerja mereka (daripada graduan-graduan kohort 2020) adalah 80.6%. Ini menunjukkan bahawa graduan-graduan ini memenuhi keperluan dan jangkaan majikan mereka. Kajian ini adalah sebagai panduan dalam penelitian semula kurikulum dan antara salah satu maklumat dikongsikan kepada institusi bagi rujukan dan tindakan masing-masing.

   Selain daripada ESS dan untuk memastikan bahawa program-program pengajian yang ditawarkan adalah bersesuaian dan benar-benar memenuhi keperluan dan permintaan industri yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa, Institusi Pengajian Tinggi (awam dan swasta) menjalankan inisiatif penelitian semula kurikulum dan beberapa inisiatif seperti:

   a) Melalui jawatankuasa penelitian semula kurikulum, yang mana keahlian jawatankuasa bukan saja terdiri dari para akademik dan pentadbir institusi tetapi juga terdiri daripada pengamal industri dan badan-badan profesional mewakili industri dan agensi-agensi pengawal selia seperti Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kebangsaan (MKPK), Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP), *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) dan sebagainya. Peranan ahli pengamal / profesional adalah untuk memberikan maklumat, maklum balas, cadangan serta nasihat ke atas modul dan program berdasarkan keperluan semasa industri tempatan mahupun luar negara dalam memastikan kurikulum yang sentiasa relevan. Sebagai contoh:

      i. Jawatankuasa Perhubungan Industri [*Industry Liaison Committee* (ICL)] dan Lembaga Penasihat Perindustrian [*Industrial Advisory Board* (IAB)] Universiti Teknologi Brunei, yang bermesyuarat sekurang-kurangnya setahun sekali.;

      ii. *External Review Committee (ERC)* Politeknik Brunei yang meneliti dan menyemak kurikulum dan program lazimnya pada tahun ketiga atau kelima pelaksanaan program atau tertakluk kepada keperluan semasa.;

      iii. IBTE membangunkan kurikulum bersama rakan-rakan dari industri melalui lantikan sebagai *Program Development Evaluation Committee* (PDEC). Kurikulum ini akan disahkan (*verified*) dahulu oleh industri yang berkepentingan sebelum diguna pakai sebagai bahan pengajaran. Di samping itu, *After Action Review* (AAR) juga

diadakan bersama rakan industri bagi menyemak isi kandungan program yang telah berjalan dan membuat pengemaskinian dan perubahan yang bertepatan dengan keperluan pasaran/industri terkini.;

b) Melalui kerjasama dengan pihak industri dan agensi awam dan secara berkala bersama pelajar/alumni yang berkaitan, sebagai contoh:

i. UBD telah mengadakan bengkel antara tenaga akademik dan majikan yang memfokuskan kepada memahami perspektif majikan, penyelarasan pendidikan dengan keperluan industri, dan penelitian semula kurikulum pada bulan Ogos 2023. UBD juga telah melibatkan para pelajar bagi mendapatkan perspektif daripada belia melalui bengkel penglibatan penelitian semula kurikulum pada bulan September 2023.;

ii. *Laksamana College of Business* bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menawarkan kursus-kursus pendek bagi pemandu pelancong daripada ejen-ejen pelancongan. *Laksamana College Business* juga bekerjasama dengan pihak industri hospitaliti dalam melengkapi program kulinari dengan perisian kemahiran teknikal yang relevan (seperti pengendalian makanan, persediaan dapur, pengetahuan pengeluaran makanan, keselamatan makanan, dan patisserie. Ini memberikan peluang graduannya untuk berkhidmat di industri berkenaan atau mendirikan perniagaan sendiri.

c) Melalui penawaran program-program yang menerima akreditasi badan profesional (*professional bodies accreditation*). Sebagai contoh:

i. *Faculty of Integrated Technologies* (FIT) di UBD telah mereka bentuk program Sarjana Muda Kejuruteraan yang memenuhi keperluan untuk akreditasi *Accreditation Board for Engineering and Technology (ABET)*. *ABET* adalah sebuah badan akreditasi kejuruteraan berprestij yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang mana akreditasi ABET adalah diperlukan untuk menjadi jurutera profesional berlesen.;

ii. Sekolah Perniagaan di UTB pula berjaya menerima akreditasi antarabangsa daripada *European Foundation for Management Development (EFMD)* yang berprestij bagi program-program perniagaan dan pengurusan. *EFMD* adalah sebuah organisasi antarabangsa terkenal yang menilai dan mengakreditasi sekolah dan program perniagaan di seluruh dunia.;

iii. Akademi *BICPA* pula menawarkan program-program perakaunan profesional di bawah *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) yang sentiasa meneliti semula sukatan pelajarannya. Proses penelitian ini bukan saja bertujuan agar program-program yang dijalankan mematuhi piawaian global dan kriteria akreditasi yang ditetapkan oleh *ACCA* malah memastikan ianya sejajar dengan tren industri terkini, amalan baru (*emerging practice*), dan perubahan peraturan.

d) Dari segi akademik pula: Program *internship* ataupun *work attachment* telah diperkenalkan oleh IPT dalam usaha untuk memberikan pelajar pengalaman bekerja, contohnya:

i. Program UBD *Summer Works Experience,* Latihan Amali di UNISSA, *Experience Plus* di UTB, Work *Attachment* di PB, program latihan industri di *Micronet International College* dan *Laksamana College Brunei Internship Programme* dan sebagainya. Program-program ini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada pelajar akan alam pekerjaan serta memberikan mereka peluang untuk mempraktikkan kemahiran yang telah dipelajari dan mempertingkatkannya, malahan ia melatih pelajar etika kerja dalam mempersiapkan mereka kepada alam pekerjaan. Di sinilah kerjasama dengan pihak industri dan majikan amat kritikal agar mereka memberikan peluang kerja yang dapat memberikan manfaat kepada pelajar dan bukanlah yang berbentuk ala kadar sahaja.

e) Melalui pengambilan pensyarah sambilan, staf *adjunct* dan *locum tenen* dari dalam industri berkaitan. Ini akan mendedahkan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi kepada amalan dan kemahiran terkini dan sejajar dengan keperluan industri. Dalam masa yang sama dengan mendedahkan pelajar-pelajar sebagai pelatih dalam industri juga memberikan peluang besar kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan pekerjaan.

f) Perkongsian kepakaran dan peralatan pendidikan teknikal memerlukan sokongan padu dari pihak industri di dalam memberikan nilai tambah kepada pelajar dari segi pengalaman kerja dan kecekapan kemahiran di alam pekerjaan. Penglibatan industri juga amat diperlukan di dalam memberikan latihan terutama kepada pengajar-pengajar mengenai amalan terbaik dan terkini yang ada di dalam industri serta perkongsian pengajaran dari pakar teknikal (*technical expert*) dari industri juga amat dialu-alukan.

Salah satu cabarannya adalah perkakas atau peralatan yang

terkebelakang (*outdated*) dan memerlukan modal perbelanjaan yang bukan sedikit, bantuan dari industri umpamanya pembinaan dan penyediaan *mini plant* oleh industri minyak dan gas, penyediaan Huawei ICT *Academy Smart Lab*, dan pemakaian kongsi sama BGC *state-of-the-art Bridge Simulator* bagi kursus maritim, amatlah dihargai.

PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lepasan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) ada menawarkan pelbagai program-program meningkatkan kemahiran (*upskilling*) atau menambah kemahiran baru (*reskilling*) di bawah tunggak Program Perkembangan Tenaga Kerja dengan kolaborasi pembekal-pembekal latihan dari sektor awam dan swasta.

Di samping itu, bagi memudahkan akses kepada program-program ini, para peserta yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan juga boleh memanfaatkan bantuan pembiayaan sebanyak BND1,000.00 iaitu pembiayaan *SkillsPlus* untuk membiayai yuran kemasukan program-program *upskilling* atau *reskilling* yang tertentu melalui portal L3C. *SkillsPlus* ini adalah salah satu inisiatif daripada pihak MPEC bagi membantu individu untuk meningkatkan kemahiran atau menambah kemahiran mereka, selaras dengan *demand* pasaran kerja semasa.

Pada tahun 2023, sebanyak 93 program-program dan aktiviti-aktiviti perkembangan tenaga kerja telah dijalankan dengan seramai 1,068 peserta.

SKIM BANTUAN PINJAMAN PENDIDIKAN

SOALAN:

Yang terakhir, mengenai Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (*Student Education Loan*). لْحَمْدُ لِلّٰه Semenjak skim ini dilancarkan beberapa tahun lalu, ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Maklum balas yang diterima, skim ini juga telah berjaya menghasilkan graduan-graduan yang cemerlang dalam bidang masing-masing,

Sehubungan dengan itu, kaola ingin memohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Berapakah jumlah graduan-graduan yang telah berhasil menamatkan pengajian mereka melalui skim ini? Berapakah jumlah yang mendapat keputusan yang cemerlang (peringkat Kelas Pertama)?

Kaola sebenarnya hanya ingin menyampaikan cadangan dari ibu bapa. Kemungkinan ada fleksibiliti dari segi bilangan penuntut yang dihantar dalam skim ini akan dapat ditambah dan bidang kursus juga akan diluaskan bagi mengambil kira minat dan keperluan pihak-pihak yang terlibat kerana mereka juga bukan sahaja menyumbang pembiayaan, malahan sebilangan mereka mempunyai sasaran tertentu dalam memilih kursus-kursus tersebut.

Kaola rasa keprihatinan mereka ini munasabah juga untuk diteliti secara mendalam dan saksama memandangkan

bilangan biasiswa kerajaan dari segi jumlah dan kursus pun sudah terhad.

JAWAPAN:

Sejak SBPP mula diperkenalkan pada tahun 2014, seramai 864 pelajar telah dianugerahkan skim tersebut dan jumlah graduan yang telah tamat dan lulus dalam pengajian adalah seramai 692 orang. Dari jumlah tersebut seramai 122 pelajar telah memperolehi keputusan kepujian Kelas Pertama dan seramai 378 pelajar memperolehi keputusan kepujian Kelas Kedua atas.

Berikut adalah jumlah penerima SBPP yang dianugerahkan kepujian Kelas Pertama dan Kepujian Kelas Kedua dalam tempoh 3 tahun kebelakangan:

- Pada tahun 2021, seramai 14 orang pelajar (25%) memperolehi Kepujian Kelas Pertama dan 28 orang pelajar (49%) memperolehi Kepujian Kelas Kedua atas.;

- Pada tahun 2022, seramai 13 orang pelajar (24%) memperolehi Kepujian Kelas Pertama dan 28 orang pelajar (51%) memperolehi Kepujian kelas kedua atas.; dan

- Pada tahun 2023, seramai 9 orang pelajar (21%) memperolehi Kepujian Kelas Pertama dan 23 orang pelajar (53%) memperolehi Kepujian Kelas Kedua atas.

Berhubung dengan cadangan *flexibility* bagi menambah bilangan pelajar untuk penghantaran ke luar negeri di bawah SBPP, sukacita dimaklumkan bahawa jumlah penghantaran setiap tahun adalah berpandukan kepada jumlah peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Manakala cadangan bagi memperluaskan bidang atau kursus program bagi SBPP, dengan ini sukacita dimaklumkan bahawa senarai kursus-kursus yang ditawarkan di bawah SBPP ini adalah berpandukan maklumat yang diperolehi dari pihak MPEC berdasarkan keperluan negara khususnya keperluan dari pihak industri dan agensi-agensi swasta. Kerjasama berterusan dengan pihak MPEC ini adalah penting ke arah memastikan perancangan tenaga kerja yang berkesan dan cekap melalui pensejajaran antara kebolehpasaran dan pekerjaan.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF

PERSEDIAAN PERINGKAT AWAL PERSEKOLAHAN AGAR PELAJAR MENGIKUTI PROGRAM YANG MENJURUS KEPADA KEPERLUAN

Apakah perancangan dan persediaan di peringkat awal persekolahan bagi menggalakkan dan menarik minat lebih ramai pelajar-pelajar mengikuti program-program yang menjurus kepada keperluan negara dan industri-industri di masa akan datang?

Dengan cara demikian ianya membolehkan penuntut-penuntut ini untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih *marketable*.

JAWAPAN

Kementerian Pendidikan memang memberikan keutamaan terhadap pendidikan di peringkat awal persekolahan. Oleh yang demikian, pihak Kementerian

Pendidikan memberikan tumpuan terhadap perkembangan, pembelajaran dan pengajaran yang berinspirasikan pendekatan projek yang dikendalikan oleh Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (UPPAKK). Pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang holistik, yang bukan sahaja ianya dapat meningkatkan pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak secara akademik, malahan ianya juga dapat mengembangkan kemahiran-kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerjasama dalam kumpulan, inovasi teknologi, kreativiti, kemahiran menyelesaikan masalah, pemikiran kritis dan pembangunan pengetahuan. Pendekatan ini mengalakkan kanak-kanak untuk meluahkan pendapat mereka, mencari penyelesaian kepada masalah dan mencari jawapan kepada perkara-perkara yang mereka ingin ketahui melalui aktiviti penyelidikan dan eksplorasi.

Sebagaimana pendekatan ini dijalankan di luar negara, guru-guru prasekolah di negara ini tidak terkecuali daripada membuat aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan bersama kanak-kanak seperti memasak, menanam, lawatan, main peranan dan lain-lain, dengan masih mengambil kira kepentingan literasi dan numerasi. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti ini akan mempersiapkan diri kanak-kanak untuk menjadi individu yang mampu berdikari sendiri, berkeyakinan tinggi, berkemahiran dan lain-lain seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Negara 2035.

Selain daripada itu, Pusat STEP juga memberikan sokongan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti untuk memberikan pendedahan seawal peringkat sekolah rendah dengan kemahiran STEAM dan *future ready skills* termasuk ICT & *Programming, Engineering, Design & Creativity* dan Media. Program-program tersebut ditawarkan seawal peringkat sekolah rendah supaya kemahiran-kemahiran ini dapat ditanai secara perlahan dari awal peringkat persekolahan, untuk membiasakan pelajar dengan penggunaan (aplikasi) kemahiran secara relevan dan ianya bertujuan untuk menggalakkan pihak sekolah membudayakan kemahiran inovasi secara berperingkat.

Dengan pendedahan awal tersebut ianya diharapkan akan membantu memudahkan pelajar menceburi bidang-bidang di peringkat pengajian teknikal dan pengajian tinggi bagi penyediaan *manpower* dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Selain daripada itu, pihak Kementerian Pendidikan juga mengadakan jerayawara seperti *Expo* Pengajian Tinggi, Hari Terbuka dan Jerayawara Program Hala Tuju bagi mempromosikan kursus-kursus kepada pelajar peringkat sekolah menengah. Tambahan lagi, melalui institusi pengajian tinggi juga turut menjalinkan hubungan kerjasama (kolaborasi) dengan pihak industri, di samping menawarkan program pengajaran dan pembelajaran yang relevan dengan menggunakan kaedah pengajaran yang inovatif, termasuk penggunaan teknologi dan laboratori dalam proses pembelajaran. Dengan yang demikian, ianya boleh membantu meningkatkan keberkesanan program-program pengajian tersebut.

KEPUTUSAN GCE 'O' LEVEL DAN 'A' LEVEL DI SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA

Kaola ingin menyentuh tentang keputusan peperiksaan *GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level* iaitu antara prestasi yang telah pun ditunjukkan di sekolah-sekolah swasta dan di sektor kerajaan. Apa yang diperhatikan di negara ini keputusan peperiksaan dalam pengamatan saya kalau tidak betul sila betulkan iaitu seperti *GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level* di institusi-institusi atau sekolah-sekolah di sektor swasta pastinya prestasinya lebih baik jika dibandingkan dengan institusi-institusi atau sekolah-sekolah sektor kerajaan. Perkara ini telah pun berlaku di tahun-tahun sebelumnya.

Sehubungan itu, sukacita kaola ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah sudah dikenal pasti punca satu penilaian yang menyumbang kepada prestasi peperiksaan *lulusan GCE 'O' Level* dan *GCE 'A' Level* di sekolah-sekolah swasta adalah lebih baik dibandingkan dengan sekolah-sekolah di sektor kerajaan.

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan sangat menyambut baik terhadap persoalan Yang Berhormat Pehin kemukakan dan إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di peringkat Kementerian Pendidikan bagi memastikan semua sekolah (kerajaan dan swasta) di Negara Brunei Darussalam akan dapat memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti tinggi demi membangun sumber manusia yang diharapkan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Untuk makluman Yang Berhormat Pehin, ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam membuat perbandingan di antaranya adalah sepertimana penjelasan berikut:

- Hanya terdapat 12 buah sekolah swasta yang menawarkan peringkat menengah dengan jumlah keseluruhan pelajar yang akan menduduki peperiksaan *'O' Level* antara 12% - 15% sahaja setiap tahun berbanding dengan keramaian pelajar sekolah kerajaan antara 85% - 88% setiap tahun.;

- Jumlah pelajar yang lebih sedikit dibandingkan dengan sekolah kerajaan membolehkan pengajaran dan pembelajaran lebih fokus kepada setiap individu pelajar.;

- Pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat menengah di sekolah swasta pada kelazimannya adalah pelajar yang sama yang telah pun berdaftar dengan sekolah berkenaan dari peringkat tadika lagi. Oleh itu, pihak sekolah lebih memahami pelajar-pelajar berkenaan.;

- Permulaan lebih awal persekolahan diperingkat tadika KG1 (berumur 3 tahun) berbanding dengan pelajar di sekolah kerajaan yang mana pada tahun 2024 hanya mendaftarkan pelajar apabila berumur 4 tahun bagi mengikuti peringkat tadika.

- Hanya ibu bapa atau penjaga pelajar yang berkemampuan sahaja yang dapat menghantar anak-anak mereka untuk mengikuti pelajaran di sekolah swasta peringkat menengah disebabkan oleh yuran sekolah yang tinggi dan perlunya untuk membayar pendaftaran peperiksaan berbanding dengan sekolah kerajaan ianya tidak

mengira tahap kemampuan semuanya diterima untuk belajar dan tidak perlu membayar yuran pendaftaran peperiksaan kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti kehadiran yang tidak mencukupi 85%.;

- Sekolah kerajaan tidak ada pilihan akan tetapi dikehendaki untuk mendaftarkan semua pelajar yang memohon mengikut tadahan sekolah masing-masing termasuklah pelajar-pelajar berkeperluan khas.;

- Sekolah swasta ada yang membuat penilaian sebelum menerima pelajar dan besar kemungkinan tidak akan menerima pelajar berkeperluan khas disebabkan oleh tidak mempunyai tenaga pengajar yang berkebolehan atau prasarana yang mencukupi.;

- Latar belakang keluarga pelajar-pelajar di sekolah swasta memiliki sosioekonomi yang tinggi atau berkemampuan, jadi perkara ini mempengaruhi tatacara pembelajaran pelajar-pelajar berkenaan, antaranya mempunyai prasarana pembelajaran yang lebih kondusif di rumah, mengikuti kelas-kelas tambahan (*tuition*) dan sebagainya berbanding dengan pelajar-pelajar di sekolah kerajaan.;

- Penekanan sekolah swasta dalam pencapaian keputusan bagi memastikan imej atau status sekolah terjaga atau diperbaiki bagi memberikan keyakinan kepada ibu bapa atau penjaga untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah berkenaan.;

- Peranan ibu bapa yang sentiasa dilibat sama oleh pihak sekolah dalam memastikan pencapaian anak-anak mereka dipantau dari semasa ke semasa.

Rujukan 1

Tren pencapaian peperiksaan *'O'* dan *'A'* Level di sekolah kerajaan dan swasta:

Peringkat *'A' Level*

Tiada maklumat mengenai peratus pencapaian peperiksaan dalam laporan bagi sekolah-sekolah swasta kecuali data peratus pencapaian pusat-pusat tingkatan enam kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peringkat *'O' Level*

- **Sekolah Kerajaan**
  Mengikut perbandingan pencapaian Peperiksaan 'O level tahun 2022 dan 2023 menunjukkan penurunan dari 36.71% ke 35.65%.

- **Sekolah Swasta**
  Mengikut perbandingan pencapaian Peperiksaan O level tahun 2022 dan 2023 menunjukkan sedikit peningkatan dari 68.52% ke 68.94%.

1. Perbezaan Pencapaian Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta.

Jumlah 'O' Level	Kerajaan	Swasta
5 Kredit 'O' Level keatas	35.65%	68.94%
4 Kredit 'O' Level Keatas	43.98%	75.53%

Sumber: Laporan Peperiksaan *BC GCE 'O' Level and IGCSE Oct/Nov 2023.*

2. Perbezaan Pencapaian Subjek Sekolah Kerajaan dan Sekolah Swasta. Sebagai contoh: *Pure Sciences classes.*

Subjek	Gred A - C	
	Kerajaan	Swasta
Physics	76.1%	96.62%
Chemistry	76.26%	94.46%
Biology	77.65%	93.0%

Sumber: Analisa mata Pelajaran *BCGCE O Level and IGCSE Oct/Nov 2023.*

3. Perbandingan Sekolah Berprestasi Tinggi Antara Sekolah Kerajaan dan Swasta

Pencapaian	Sekolah Kerajaan		Sekolah Swasta	
	Maktab PSBS	SMPJN B KB	Sekolah Chung Hua KB	Sekolah St Andrew
Kredit 5 'O' level ke atas	92.40%	97.78%	74.65%	82.27%

Sumber: Laporan Peperiksaan *BC GCE 'O' Level and IGCSE Oct/Nov 2023*

Rujukan 2:

STATISTIK KESELURUHAN PELAJAR SWASTA YANG MASUK/BERPINDAH KE SEKOLAH KERAJAAN TAHUN 2018 HINGGA 2024

PERINGKAT / TAHUN	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 (sehingga 30 Dec 2023)	JUMLAH
RENDAH	471	589	855	834	720	734	591	4794
MENENGAH	837	872	842	784	829	914	929	6007
JUMLAH	1308	1461	1697	1618	1549	1648	1520	10801

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MOMIN

MENERAPAN AMALAN TERBAIK BAGI SEKOLAH KHAS

Soalan kaola yang kedua mengenai penubuhan Sekolah Khas Kerajaan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Penubuhan sekolah tersebut tidak termasuk di dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027:

Adakah terdapat amalan-amalan terbaik dari sekolah khas yang berjaya yang dapat diambil oleh Negara Brunei Darussalam sebagai strategi pelaksanaan untuk menyatu padukan pelajar ke dalam masyarakat sambil memerhatikan keperluan Melayu Islam Beraja dalam kejayaan?

JAWAPAN:

Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) di bawah Kementerian Pendidikan berperanan untuk merancang dan melaksanakan program pembelajaran dan perkhidmatan bantuan yang bersesuaian untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas yang terdiri dari pelbagai peringkat keupayaan. Usaha untuk meningkatkan kelayakan dan kemahiran sumber tenaga manusia adalah menjadi keutamaan semata-mata untuk menjayakan segala perancangan dan pengendalian program-program dan perkhidmatan-perkhidmatan khusus bagi memenuhi keperluan khas para pelajar.

Pihak JPKhas juga tidak ketinggalan menyertai kursus-kursus peringkat serantau anjuran *South East Asian Ministers of Education Organisation – Regional Centre for Special Educational*

Needs (SEN) yang mengendalikan kursus-kursus jangka pendek dalam pelbagai bidang Pendidikan Khas bagi guru-guru yang berminat untuk mengajar pelajar-pelajar berkeperluan khas dengan membuat perancangan menghantar pegawai-pegawai dan guru-guru Pendidikan Khas yang berkelayakan bagi memenuhi keperluan jabatan dan sekolah-sekolah kerajaan mahupun sekolah khas.

Kementerian Pendidikan melalui pihak Jabatan Pendidikan Khas serta agensi-agensi lain akan sentiasa memastikan sekolah khas di Negara Brunei Darussalam mengikuti amalan-amalan terbaik yang dipraktikkan di sekolah khas luar negara. Beberapa amalan terbaik dari sekolah khas yang berjaya di luar negara boleh diambil kira dalam usaha untuk menyatupadukan pelajar berkeperluan khas ke dalam masyarakat sambil memerhatikan keperluan Melayu Islam Beraja.

Penekanan pada Pendidikan Ugama Islam: Sama seperti Negara Brunei Darussalam, negara luar seperti Malaysia mempraktikkan penekanan pada pendidikan agama di sekolah khas bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas, terutama dalam konteks pendidikan ugama Islam. Dengan memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran ugama Islam sebagai asas kepada pendidikan serta menekankan nilai-nilai keagamaan, moral dan etika dalam kurikulum pendidikan khas akan dapat membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam kehidupan bermasyarakat.

Pengajaran Bahasa dan Budaya Tempatan: Negara seperti Jepun dan Korea Selatan mempunyai kurikulum pendidikan yang memberi penekanan kepada pengajaran bahasa dan budaya tempatan di sekolah. Negara Brunei Darussalam boleh menekankan pengajaran bahasa Melayu dan pemahaman terhadap budaya Melayu Islam Beraja dalam pendidikan di sekolah khas untuk memupuk identiti kebangsaan yang kukuh dan kesatuan masyarakat.

Kemahiran Kerja: Negara-negara seperti Jepun dan Korea Selatan menekankan pembangunan kemahiran kerja di peringkat sekolah menengah dan tinggi melalui program-program latihan vokasional dan kerjasama dengan industri. Seperti di Brunei, pendekatan ini dapat membantu persediaan pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah khas Negara Brunei Darussalam untuk memasuki pasaran kerja sambil memperkukuh penglibatan mereka dalam masyarakat.

Pembangunan Kecemerlangan Holistik: Menyediakan program-program yang membantu pembangunan kecemerlangan pelajar berkeperluan khas dalam pelbagai aspek termasuk akademik, kemahiran sosial, dan kesihatan mental. Ini memastikan bahawa pelajar mempunyai peluang yang sama untuk berkembang dan mencapai potensi maksimum mereka.

Pengintegrasian Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Negara seperti Singapura telah berjaya mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran secara holistik. Brunei juga memang sedang giat melaksanakan transformasi digital dalam pendidikan termasuk bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk meningkatkan akses, kualiti dan keberkesanan pendidikan dengan tidak meminggirkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja.

Pendidikan Keusahawanan: Negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Kanada menggalakkan pembangunan keusahawanan di sekolah sebagai sebahagian daripada kurikulum. Pendekatan ini boleh diterapkan dalam kurikulum khas bagi membantu memupuk sikap inovatif dan kepimpinan dalam

kalangan pelajar untuk kejayaan dalam masyarakat dan ekonomi.

Program Pembangunan Sosial dan Emosi: Boleh mengambil contoh seperti di Australia memberikan penekanan kepada pembangunan sosial dan emosi dalam kurikulum Pendidikan khas. Jika diterapkan di sekolah khas di Negara Brunei Darussalam dapat membantu melatih pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk berinteraksi secara efektif dalam masyarakat sambil memupuk nilai-nilai Melayu Islam Beraja seperti kesopanan dan kesejahteraan emosi.

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI HAJI SHEIKH ABDUL SALAM

BIDANG KEUSAHAWANAN

1. Menambah sedikit perbahasan mengenai bidang keusahawanan. Kaola mengambil maklum mengenai pelbagai inisiatif menyokong bidang ini yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan melalui agensi-agensi seperti Pusat Keusahawanan Inovasi dan institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta di negara ini. Kaola memohon pencerahan:

   Bagaimanakah pihak kementerian menjejaki kelangsungan penglibatan siswa/siswi ini dalam bidang keusahawanan setelah mereka menamatkan pengajian? Kaola berpendapat maklumat ini penting diketahui untuk mengenal pasti keberkesanan program untuk merancang penambahbaikan dan membantu mengembangluaskan perusahaan yang diceburi.

JAWAPAN:

Kementerian Pendidikan, melalui Jabatan Pengajian Tinggi dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi memang ada melaksanakan kajian *Graduate Employment Study (GES)* untuk memantau *employment status* bagi setiap kohort graduan sama ada sudah bekerja (termasuk yang bekerja sendiri/menceburi bidang keusahawanan), tidak bekerja (sama ada aktif mencari pekerjaan atau tidak) atau melanjutkan pengajian.

Kajian ini lazimnya dijalankan selama dua (2) tahun bagi setiap kohort mengikut *interval* berikut:

- 6 bulan selepas Majlis Konvokesyen.;
- 12 bulan selepas Majlis Konvokesyen.;
- 18 bulan selepas Majlis Konvokesyen.;
- 24 bulan selepas Majlis Konvokesyen (khusus bagi graduan yang bekerja sendiri sahaja).

2. Sejauh manakah penglibatan siswa/siswi dalam bidang ini yang telah berjaya mengembangluaskannya sebagai sumber pendapatan utama mereka setelah menamatkan pengajian sehingga mampu membukakan peluang-peluang pekerjaan kepada yang lain? Jika ada data mengenainya, mohon dikongsikan untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

JAWAPAN:

Bidang keusahawanan memang menjadi keutamaan bagi kesemua Institusi Pengajian Tinggi (UBD, UTB, UNISSA, PB & IBTE), dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa lepasan pelajar dari setiap institusi telah berjaya memulakan perniagaan sendiri dan

menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam pelbagai bidang.

Hasil tinjauan terkini yang dibuat oleh pihak Universiti Brunei Darussalam, dari 27 *startup* yang memberikan maklum balas, tiga perempat darinya kekal aktif. Didapati juga lebih dari separuh responden telah berjaya menjadikan *startup* mereka sebagai sumber pendapatan utama dengan tahap kemampanan kewangan yang kukuh. *Startup* yang ditinjau, secara kolektif, telah mewujudkan sekurang-kurangnya 76 pekerjaan dan ini menampakkan kesan positif terhadap peluang pekerjaan.

Bagi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pula, sehingga tahun 2022 seramai lebih kurang 70 orang graduan terlibat secara langsung menjadi pengusaha. Di antara perniagaan yang diusahakan oleh graduan UNISSA adalah seperti berikut:

- *Syarikat Bersih Solution*
- *Syarikat al-Huffaz Management*
- *Sharqiaa Hijab Brunei (Jeqenbell Enterprise)*
- *Kancil Tuition Centre*
- *Pelita Café*

Sementara itu, Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga telah berjaya menghasilkan para graduan yang menceburi bidang keusahawanan setelah tamat pembelajaran. Dalam sektor fesyen, seorang alumni UTB berjaya menubuhkan perusahaan *Mayang Couture*. Manakala, *Rumine Corporation* merupakan sebuah perusahaan alumni UTB yang menawarkan perkhidmatan VR/AR kepada orang ramai.

Selain itu, graduan-graduan dari Politeknik Brunei (PB) juga turut berjaya menceburi bidang keusahawanan yang dapat dilihat dari penubuhan syarikat-syarikat, antara lain:

- *Jocon Contractor* (Sektor pembangunan)
- Gunung Mutiara (GM) *Adventure Park* (Sektor perkhidmatan pelancongan)
- *Bonda Restaurant* (Sektor permakanan)
- *AzamBK Company* (Sektor perkhidmatan komersil)

Dari pihak *Institute of Brunei Technical Education (IBTE)* pula, sokongan dan galakan sentiasa diberi kepada lepasan graduan dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh, hasil daripada program *AgroBiz* yang dilaksanakan oleh pihak *IBTE* melalui Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan bersama *LiveWIRE Brunei*, beberapa graduan telah berjaya membina Syarikat sendiri dalam bidang pertanian, antara lain seperti *AgroZID* dan *Al Kanz Paddy Farm*. Dalam masa yang sama, beberapa inisiatif juga telah diungkayahkan oleh Sekolah Bisnes *IBTE* seperti berkolaborasi bersama *Shell Livewire Brunei, DaRE and Brunei Innovation Lab* bagi mengendalikan projek *Startup673* kepada graduan *IBTE*, dan ianya telah berjaya menghasilkan beberapa graduan dalam pelbagai bidang, seperti:

- *Yazid Ar-Ramadhan Enterprise.;*
- *Gerai De'Ceria.;*
- *GoMamam.;*
- *Elyn Wedding Atelier.; dan*
- *PvintagCupcakes Brunei*

3. Akhir sekali, apakah perancangan jangka panjang pihak kementerian berkaitan hala tuju keterlibatan pelajar-pelajar ini dalam bidang keusahawanan khususnya dalam membantu

meningkatkan perkembangan ekonomi negara?

JAWAPAN:

Pihak Kementerian Pendidikan akan berusaha secara berterusan untuk memberi sokongan dan galakan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan. Seperti yang dikongsikan di atas, institusi-institusi pengajian tinggi memang telah berjaya untuk menghasilkan kalangan graduan yang menceburi bidang keusahawanan sebagai pekerjaan dan menjana pekerjaan.

Di peringkat Pendidikan Teras pula, Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) telah pun ditubuhkan pada November 2019 bagi menyelaraskan dan mensinergikan inisiatif-inisiatif keusahawanan dan inovasi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dalam mewujudkan pengalaman pendidikan yang mempunyai nilai tambah dan memberi impak yang membina ke arah peningkatan minda dan kemampanan (*sustainability*), sebagai pendedahan awal kepada pelajar dalam bidang keusahawanan.

Kementerian Pendidikan melalui EIC dengan *Shell LiveWIRE Brunei* juga telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) pada tahun 2023, kedua-dua pihak bersetuju untuk berkerjasama dalam memberikan sokongan bagi memupuk pemikiran dan kemahiran keusahawanan dan inovasi dalam kalangan para pelajar dari peringkat menengah hingga pengajian tinggi. Pelajar-pelajar yang mempunyai potensi dalam bidang keusahawanan dan inovasi, akan diberikan peluang untuk menjalani program-program latihan atau pertandingan anjuran *Shell LiveWIRE Brunei*. Di samping itu, pelajar-pelajar juga berpeluang untuk meneruskan kolaborasi bersama pihak Darussalam Enterprise *(DARe)* bagi penyediaan platfom dan kesinambungan latihan dalam bidang keusahawanan.

Pihak EIC akan terus berkolaborasi dengan pihak-pihak berkepentingan dengan memperkayakan pelajar dengan lebih penglibatan program-program yang berkaitan dengan pendidikan keusahawanan dan inovasi agar mereka lebih bersedia (*readiness*) dan meningkatkan kemahiran sehingga tertubuhnya perusahaan dan lahirnya usahawan serta mencipta peluang pekerjaan (*create employability*).

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA HAJI AWANG SUYOI BIN HAJI OSMAN.

PEMANTAUAN DAN BANTUAN YANG DIBERI KEPADA *UNDERPERFORMING* SCHOOL

1. Sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan yang telah dikenal pasti hendaklah dipantau satu persatu ertinya setiap sekolah mestilah dipantau dengan teliti. Jika hanya setakat memantau secara umum tanpa tindakan susulan dan berjadual, kemungkinan besar sekolah-sekolah itu akan masih berada di dalam kategori minimum sahaja iaitu mungkin *underperforming*.

Jadi, berkaitan dengan ini kaola juga bertanya berapa buahkah sekolah rendah dan menengah yang sudah dibantu dan menampakkan perubahan yang ketara?

JAWAPAN

Penilaian Keseluruhan Sekolah (*Whole School Evaluation*, WSE) adalah bertujuan untuk menilai kualiti pendidikan di sekolah dan penyediaannya secara menyeluruh dengan mengambil kira empat domain utama yang terkandung dalam rangka kerja penilaian WSE, iaitu

a. Kepimpinan dan Pengurusan.;
b. Pembelajaran dan Pengajaran.;
c. Etos dan Persekitaran.; serta
d. Hasil Pembelajaran Pelajar.

Kualiti setiap aspek dinilai mengikut deskripsi tahap yang ditetapkan dalam panduan penilaian WSE. Tahap tersebut mengikut lima skala, tahap 1 (paling rendah) hingga tahap 5 (tertinggi). Manakala itu, penilaian WSE dilaksanakan melalui dua pendekatan, iaitu:

a) *Internal Whole School Evaluation* (penilaian kendiri sekolah); dan

b) *External Whole School Evaluation* (penilaian luaran berupa lawatan kerja kumpulan pegawai / Nazir dari Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah ke sekolah berkenaan).

Sejak penggunaan instrumen *WSE* digunakan pada tahun 2017, sebanyak 120 daripada 153 sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan telah dinilai (iaitu 90 buah sekolah rendah; 26 buah sekolah menengah; dan 4 buah Pusat Tingkatan Enam). 15 peratus (iaitu 18 buah sekolah) daripadanya telah dinilai telah mencapai Band 3, iaitu kekuatan melebihi kelemahan dan banyak aspek yang baik tetapi beberapa aspek untuk penambahbaikan perlu ditangani.

Berdasarkan operasi pasca *External WSE*, pihak JKSS akan menyediakan satu laporan penilaian kualiti penyediaan pendidikan secara menyeluruh dengan mengambil kira empat domain utama yang terkandung dalam rangka kerja penilaian *WSE.*

a) Laporan berkenaan dikongsikan kepada pihak kepimpinan sekolah bersama pihak Ketua Kluster Jabatan Sekolah-Sekolah (*Head of Clusters*) masing-masing melalui satu sesi maklum balas dengan tujuan memberi penerangan tertahap kualiti penyediaan pendidikan (khususnya kekuatan dan perkara yg memerlukan pembaikan).

   Seterusnya, pihak sekolah akan menyediakan satu pelan tindakan ringkas yang mengandungi beberapa strategi atau tindakan untuk menangani sebarang isu yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan untuk dimuatkan bersama dengan laporan. Pelan tindakan tersebut akan dijadikan *"School Improvement Plan"* supaya penambahbaikan yang dilaksanakan itu mampan dan berupaya menjamin ke arah peningkatan sekolah.

b) Laporan juga dihadapkan kepada pihak berkepentingan tinggi dan jabatan-jabatan yang relevan sebagai maklumat sokongan untuk membuat sebarang cadangan dan khidmat sokongan kepada sekolah berkenaan dan seterusnya meningkatkan taraf pendidikan negara secara keseluruhan.

Setakat ini, sebanyak 26 sekolah telah dinilai semula, dan statistik menunjukkan bahawa 88.5% di antaranya telah menunjukkan peningkatan.

2. Seterusnya, kaola menyambut baik pemakluman tentang perubahan umur kanak-kanak untuk bersekolah iaitu 5 tahun.

   Apakah ada penambahan dalam peruntukan? kerana semestinya ianya memerlukan penambahan guru-guru yang berkemahiran, tambahan prasarana yang sesuai bagi menampung kanak-kanak sedemikian dan juga alat-alat pembelajaran yang sesuai yang membina minda kanak-kanak dan menimbulkan *curiosity* dalam kalangan mereka.

JAWAPAN:

Pada ketika ini, seramai 212 orang tenaga pengajar terlibat dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Pra-Sekolah) dan seramai 2,916 orang pelajar dalam pendidikan Pra-Sekolah. Dari data tersebut, nisbah tenaga pengajar dan pelajar adalah 1:14. Ini menunjukkan secara keseluruhan tenaga pengajar bagi pra-sekolah adalah mencukupi.

Manakala bagi alat-alat pembelajaran, pihak Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Jabatan Sekolah-Sekolah bertanggungjawab menyediakan bahan pengajaran dan Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK) membekalkan buku latihan. Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Jabatan Perkembangan Kurikulum akan reviu dan memastikan pembelajaran kanak-kanak selaras dengan keperluan kompetensi pada masa ini dengan menerapkan Pendidikan STEAM.

Prasarana yang sedia ada di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara secara amnya adalah lengkap. Walau bagaimanapun, perkara ini akan sentiasa diteliti dan dipantau oleh Jabatan Pengurusan dan Perkembangan Estet (JPPE) secara sistematik bagi memastikan prasarana yang disediakan adalah kondusif dan bersesuaian dengan keperluan pelajar pra-sekolah.

Begitu juga dengan mengadakan program kapasiti untuk guru-guru prasekolah, Pihak Kementerian Pendidikan menyediakan sejumlah peruntukan melalui Unit Pendidikan Awal kanak-Kanak, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) buat pertama kalinya melaksanakan program perkembangan kapasiti "*HOLISTIC INTEGRATED EARLY CHILDHOOD CARE EDUCATION: 'OUR HAPPY NEIGHBOURHOOD' (OHN)"* yang dianjurkan bersama *The South East Asian Ministers of Education Organisation Regional Centre For Early Childhood Care Education and Parenting (SEAMEO CECCEP),* Indonesia. Perkembangan kapasiti ini juga akan dijalankan secara befasa iaitu dengan memilih 80 orang guru prasekolah bagi fasa pertama dan 70-80 orang guru bagi fasa seterusnya. Selain itu juga, pihak-pihak perkepentingan dalam pendidikan awal kanak-kanak yang lain juga akan dijemput untuk menghadiri bengkel yang sama pada fasa-fasa yang dirancang. Program ini dihasrat agar dapat memperkukuhkan hubungan antara pendidikan awal kanak-kanak dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam mencipta persekitaran pendidikan awal kanak-kanak yang baik, positif dan kondusif.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

3. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola seterusnya ingin menyentuh mengenai

dengan pengurusan tenaga manusia yang mana adalah *crucial* bagi sesuatu organisasi.

Sejauh manakah isu-isu *meritocracy* penetapan jawatan, lantikan pemangku, penempatan kerja (*work placement*), pertukaran (*interdepartmental transfer*), tawaran latihan telah ditangani melalui prosedur-prosedur yang *transparent*.

JAWAPAN:

Pada Tahun 2021, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan telah pun melaksanakan *reconfiguration* di dalam struktur organisasi bagi pengemaskinian Bahagian Korporat ke Bahagian Pentadbiran dan Perkembangan Sumber Manusia.

Antara peralihan tugas yang diambil oleh Bahagian Pentadbiran dan Perkembangan Sumber Manusia ini adalah seperti berikut:

i. Perangkaan kompetensi teknikal dan kompetensi teras.;
ii. Perangkaan latihan bagi peningkatan kemahiran kapasiti bagi pegawai Bahagian I – Bahagian V.; dan
iii. Kajian di dalam sumber manusia

Antara inisiatif yang dilaksanakan di Jabatan ini bagi memastikan proses penetapan jawatan, lantikan memangku, tawaran latihan dan lain-lain dilaksanakan dengan teratur dan *transparent* adalah seperti berikut:

i. Pelaksanaan Hari Sumber Manusia (HR DA DAY) pada 10 Ogos 2023 dan 28 November 2023 bagi membarigakan proses mengenai penetapan jawatan, hal ehwal percutian dan tambang, hal ehwal memangku, hal ehwal perjawatan, hal ehwal pertukaran dan lain-lain bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk kakitangan bantu yang berada di sekolah.;

ii. Proses dan prosedur yang sedia ada di dalam bentuk pdf dan poster telah pun dimuat naik ke laman sesawang *intranet MOE Employee Service Hub (MESH*) yang boleh dimuat turun dan diakses oleh pegawai dan kakitangan MOE.;

iii. Penubuhan jawatankuasa Pengurusan dan Pertukaran Pegawai Bahagian II (3PB2) pada 25 Oktober 2023 dan Jawatankuasa Pengurusan dan Pertukaran Kakitangan Bantu yang sedia ada bagi memastikan keberkesanan pengurusan dan penempatan yang adil dan saksama serta mewujudkan keterbukaan dalam proses pertukaran tanpa ada kepentingan atau kuasa autonomi dari sesebuah pihak. Jawatankuasa-jawatankuasa ini bertindak bagi membincangkan dan mempertimbang-kan mana-mana permohonan pertukaran pegawai / kakitangan.;

iv. Perangkaan kursus-kursus *Signature, top up program,* dan *modular* bagi pegawai dan kakitangan Bahagian I hingga Bahagian V termasuk kakitangan bantu di pejabat telah pun ditawarkan secara *in house* telah bermula Tahun 2021. Pembarigaan kursus-kursus berkenaan melalui poster-poster digital yang diberikan secara dalaman melalui *mass* e-mel pegawai dan kakitangan, aplikasi *WhatsApp* melalui *HR Focal* di jabatan/bahagian/pusat masing-masing, memorandum dan minit ke Ketua Jabatan/ Bahagian /Pusat/

Ketua-Ketua Kluster dan para pemimpin sekolah.

Seterusnya pegawai dan kakitangan yang berjaya akan dimaklumkan untuk menghadiri kursus melalui aplikasi *WhatsApp Bizz* melalui sistem intranet MESH MOE.

HAL EHWAL GURU-GURU: KESEJAHTERAAN DAN PERKEMBANGAN PROFESIONAL

Pada musim Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19, ada ditimbulkan masalah guru yang antaranya mereka merasa kurang sokongan dari pihak pentadbiran, *stress* dan *burn out*, kurangnya peluang untuk perkembangan profesional, suasana sekolah yang kurang menarik dan pertambahan *work load* guru-guru. Adakah pembaikan dibuat dalam perkara ini? Mohon pencerahan Yang Berhormat Pengerusi.

JAWAPAN:

Isu berhubung Waktu Mengajar Para Guru:

Sebenarnya satu garis panduan telah pun dikeluarkan melalui Jabatan Sekolah – Sekolah pada tahun 2016 bagi membantu sekolah – sekolah dalam pembahagian waktu mengajar para guru yang lebih saksama.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik sentiasa memastikan waktu bebanan mengajar adalah berpandukan kepada dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan seperti berikut:

i. GB / Pengetua: 3 - 6 waktu seminggu.;
ii. Penolong GB / Timbalan Pengetua - 12 waktu seminggu.;
iii. Guru Kanan: 20 - 24 waktu seminggu.;
iv. Ketua Jabatan: 24 - 30 waktu seminggu.; dan
v. Guru Subjek: 28 - 30 waktu seminggu.

Hasil pemantauan berterusan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik dengan mengumpulkan data waktu mengajar para guru di setiap sekolah, berikut adalah dapatan yang dapat dikongsikan:

Kategori	Pengetua/ Guru Besar	Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar	Guru Kanan	Ketua Jabatan	Guru Subjek	Jumlah
Hijau	125 (82%)	116 (84%)	513 (74%)	320 (98%)	4824 (96%)	5898 (93%)
Kuning	23 (15%)	9 (7%)	134 (19%)	3 (1%)	192 (4%)	361 (6%)
Merah	4 (3%)	12 (9%)	44 (7%)	2 (1%)	18 (<1%)	80 (1%)
Jumlah	152 (100%)	137 (100%)	691 (100%)	325 (100%)	5034 (100%)	6339 (100%)

Dari hasil penelitian di atas, tenaga pengajar yang berada di dalam kategori merah atau 'terlalu berat' iaitu yang mempunyai waktu mengajar melebihi garis panduan adalah seramai 80 orang tenaga pengajar dan melibatkan 46 buah sekolah.

Dalam menangani isu berhubung waktu mengajar guru ini, beberapa strategi kementerian melalui Jabatan Pengurusan Pendidik yang menjurus kepada pengurangan kadar guru yang mempunyai waktu mengajar melebihi garis panduan telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Memastikan tenaga pengajar dimanfaatkan sepenuhnya mengikut garis panduan, berdasarkan keramaian pelajar sekolah dan pembahagian kelas pelajar melalui pelaksanaan inisiatif *Ideal Number of Teachers (INoT).;*

ii. Pengambilan guru baharu melalui Program Immersi dan Perantis.; dan

iii. Penempatan semula guru – guru mengikut keperluan sekolah yang dilaksanakan melalui jawatankuasa yang berkenaan. Di sepanjang tahun 2023 dan awal tahun 2024, Jabatan Pengurusan Pendidik telah dapat mengurangkan bebanan waktu mengajar tenaga pengajar yang terjejas dengan menempatkan tenaga baharu (penempatan) dan tenaga pengajar yang berpindah (penempatan semula) di sekolah-sekolah yang terlibat.

Berikut adalah hasil daripada penempatan dan penempatan semula tenaga pengajar:

i. Seramai 40 dari 80 orang tenaga pengajar yang berada di kategori merah atau 'terlalu berat' telah dapat dikurangkan bebanan waktu mengajar iaitu bersamaan dengan 50% dari jumlah keseluruhan tenaga pengajar yang terjejas.;

ii. Dari segi jumlah sekolah yang terlibat, 26 dari 46 buah sekolah telah dapat dipenuhi dengan menempatkan tenaga pengajar baharu dan penempatan semula tenaga pengajar di sekolah-sekolah yang terlibat. Ini bermakna 57% dari jumlah keseluruhan sekolah yang terlibat telah dapat dikurangkan bebanan waktu mengajar tenaga pengajar yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, bagi tenaga pengajar yang masih mempunyai bebanan waktu mengajar melebihi garis panduan, pihak Jabatan Pengurusan Pendidik akan terus memberi sokongan terhadap mereka melalui:

i. Analisa yang lebih terperinci serta menyeluruh bagi sekolah terjejas dengan mengambil kira data keseluruhan tenaga pengajar yang terdapat di sekolah tersebut. Ini termasuk menilai pelbagai faktor seperti jumlah jam mengajar, keperluan administratif, kelulusan akademik guru serta keperluan khusus pelajar.;

ii. Penelitian senarai guru-guru yang mempunyai bebanan mengajar lebih rendah di sekolah-sekolah dalam kluster yang sama atau berdekatan terutamanya bagi mata pelajaran yang telah dikenal pasti seperti Bahasa Melayu, Sains dan Pra-Sekolah. Langkah ini akan membantu untuk mengatur penempatan semula tenaga pengajar.

Peluang Perkembangan Profesional:

Dalam usaha untuk mempertingkatkan kompetensi profesionalisme para pendidik, Jabatan Pengurusan Pendidik melalui Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) telah menyediakan dan melaksanakan program perkembangan profesional yang mantap untuk tenaga pengajar, pemimpin sekolah dan pakar pendidikan berdasarkan analisis kompetensi yang diperlukan untuk pembangunan sumber manusia yang lebih kompeten dan berkualiti.

Unit Tenaga Pengajar Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (UTP BDLTA) telah menawarkan kursus-kursus untuk meningkatkan kompetensi teras pengajaran para guru *berdasarkan Brunei Teachers' Standards Teacher Performance Appraisal 2.0 (BTS-TPA 2.0)* sejak tahun 2021. Terdapat 4 siri program perkembangan profesional (PD) yang ditawarkan oleh UTP-BDLTA iaitu Siri *Signature, Siri Modular, Siri Toolbox* dan *Siri Bespoke.*

Manakala Unit Kepimpinan Sekolah, Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (UKS BDTLA) sentiasa menyediakan peluang perkembangan profesional secara berterusan kepada pemimpin-pemimpin sekolah yang memegang jawatan kepimpinan dari pelbagai aras melalui pendekatan konstruktivisme sosial. Terdapat lima siri kepimpinan yang terkandung dalam Program Kepimpinan Sekolah iaitu Siri *Signature, Siri Modular, Siri Toolbox, Siri Masterclass* dan *Siri Bespoke.*

Selain itu, Jabatan Pengurusan Pendidik juga melaksanakan latihan perkembangan profesional bagi calon pakar pendidikan yang terdiri daripada guru-guru yang telah dikenal pasti mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan menurut keperluan Kementerian Pendidikan berdasarkan Brunei Darussalam *Education Specialist Competency Framework.*

Di samping itu juga, Jabatan Pengurusan Pendidik giat melaksanakan penghantaran para guru untuk mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek dalam dan luar negeri serta latihan jangka panjang melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan mengikut keperluan strategik Kementerian Pendidikan.

Data statistik para pendidik yang telah mengikuti latihan perkembangan profesional di Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam *(BDLTA)* bagi tahun 2020 – 2024 dan data statistik para guru dan pemimpin sekolah yang mengikuti Kursus Jangka Pendek Dalam dan Luar Negeri serta Kursus Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi tahun 2021 – 2023 boleh dirujuk di dalam **Lampiran 1.**

Data Statistik Pendidik Mengikuti Latihan Perkembangan Profesional di Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam *(BDLTA)* bagi Tahun 2020 – 2024

UNIT	PROGRAM	TAHUN					JUMLAH KESELURUHAN	
		2020	2021	2022	2023	2024*		
Unit Kepimpinan Sekolah	Program Signature Series Tier 1	-	16	16	16	-	48	4126
	Program Signature Series Tier 2	-	25	25	25	22	97	
	Program Signature Series Tier 3	-	23	25	23	25	96	
	Program Modular	824	572	664	596	42	2698	
	Program Toolbox	117	169	228	28	-	542	
	Masterclass	-	-	36	184	-	220	
	Bespoke	-	111	205	109	-	425	
Unit Kepakaran	Program Signature Series Tier 1	-	-	41	48	39	128	688
	Bespoke	-	-	48	350	162	560	
Unit Tenaga Pengajar	Program Signature Series	-	-	22	72	50	144	17846
	Program Modular	1294	768	992	1712	8	4774	
	Program Toolbox	62	4282	71	1097	86	5598	
	Bespoke	-	869	4301	1905	255	7330	
JUMLAH KESELURUHAN		**2297**	**6835**	**6674**	**6165**	**689**	**22660**	

Data Statistik Keseluruhan Guru Sekolah Mengikuti Kursus Jangka Pendek Dalam dan Luar Negeri serta Kursus Skim Latihan Dalam Perkhidmatan bagi tahun 2020 – 2023



	2020	2021	2022	2023
Jumlah Kursus Diadakan	5	32	29	22
Jumlah Tenaga Pengajar	14	495	354	210

YANG BERHORMAT HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

KECICIRAN PELAJAR

1. Mengatasi kadar keciciran pelajar dan memberi sokongan kepada belia-belia yang terputus hubungan dalam sistem pendidikan. Merujuk kepada carta yang dilihatkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kadar kelulusan penuntut dari peringkat *'O' Level* hanya mencapai di bawah 46%. Kemasukan ke peringkat pasca-menengah (Tingkatan 6, *IBTE* dan *IPT*) juga hanya mencapai 60% pada tahun 2022/2023.

   Jika merujuk kepada statistik-statistik yang sedia ada, sama ada yang menduduki *'O' Level* atau menduduki *PISA* tahun 2018 dan kadar kelulusan *'O' Level* dan kemasukan ke pasca-menengah secara purata lebih 1000 pelajar yang telah menduduki *'O' Level* setiap tahun tidak memiliki arah tujuan selepas itu atau peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka.

   Adakah ini disebabkan oleh kekurangan tempat atau kegagalan dalam mendapatkan kelulusan?

JAWAPAN

Secara amnya, jumlah lepasan *'O' Level* setiap tahun adalah di dalam lingkungan 5,800 ke 6,200 orang. Berdasarkan kajian *Cohort Tracking* Kementerian Pendidikan, Kementerian ini mendapati bahawa secara purata lebih kurang 60% - 65% akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi pada tahun seterusnya. Manakala lebih kurang 10% secara amnya akan mendapat pekerjaan dengan menggunakan kelulusan *'O' Level* mereka. Selebihnya, iaitu antara 20% - 25% adalah dikategorikan sebagai *NEET* iaitu *'Not in Education Employment or Training'* yang mana jua Kementerian Pendidikan telah pun mengusahakan beberapa inisiatif untuk meluaskan akses kepada pendidikan pasca-menengah bagi memberikan peluang untuk mereka meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam mencari pekerjaan yang berkualiti. Di antaranya:

Institusi-institusi TVET awam iaitu Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE)* telah menawarkan pengambilan baharu sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun (iaitu pengambilan bulan Julai dan Januari) bagi beberapa program. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, bagi pengambilan Julai tahun 2023 dan Januari tahun 2024 ini, pengambilan PB dan *IBTE* telah dapat dipertingkatkan justeru memberi peluang tambahan kepada hampir 900 orang pelajar berbanding tahun sebelumnya untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi berkenaan.

Di samping itu, bagi mengatasi isu kapasiti ruang untuk jangka masa pendek, pihak PB juga telah menggunakan infrastruktur di Pusat L3 di Lambak Kanan bagi menampung penambahan kemasukan pelajar. Sebagai perancangan jangka masa panjang, Kementerian Pendidikan pada masa ini giat merancang pembinaan kampus kekal PB di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ke-12 untuk meningkatkan lagi jumlah kemasukan ke institusi berkenaan.

Sejak tahun 2018, pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan satu skim biasiswa kepada penuntut lepasan menengah, iaitu skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Skim BPTV) bagi penuntut

yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian di institusi-institusi swasta.

Mulai tahun lepas, satu skim pembangunan modal insan melalui Pendidikan *TVET* di institusi pengajian tinggi swasta, atau Skim TVET, telah diperkenalkan bagi membantu penuntut-penuntut lepasan sekolah menengah, khususnya penuntut yang hanya memperolehi 0 – 3 *'O' level*, untuk diberikan latihan dan pendedahan industri sebelum menceburi alam pekerjaan.

Kedua-dua Skim BPTV dan Skim TVET telah berjaya membuka peluang kepada lebih kurang 300 pelajar *NEETs* setiap tahun untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi swasta.

Bagi mereka yang berhasrat untuk menduduki semula peperiksaan *'O' Level* atau *'A' Level*, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) juga menawarkan program peningkatan akademik pada sebelah malam atau hujung minggu, untuk memberi peluang kedua bagi mereka yang ingin menambah baik keputusan mereka. Seramai 254 orang telah berdaftar ke program-program tersebut pada tahun 2023.

Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat juga menawarkan program-program perkembangan tenaga kerja (*workforce development*), perkembangan komuniti (*community development*) dan perkembangan peribadi (*personal development*) melalui kolaborasi bersama beberapa pembekal-pembekal pembelajaran sepanjang hayat dan agensi kerajaan bagi membolehkan orang ramai, antara lainnya, untuk *upskill* dan *reskill* kemahiran. Pada tahun 2023, seramai 1,803 orang telah berjaya berdaftar ke program-program tersebut.

SENARAI GRADUAN PhD

2. Adakah ada data tentang berapa graduan ijazah kedoktoran PhD dari universiti tempatan dan luar negeri dan berapa orangkah yang sudah memegang jawatan dalam bidang yang mereka pelajari dan adakah diketahui jumlah yang aset *underutilized* atau *underpaid* dengan kelulusannya?

   Apakah kita mempunyai senarai individu memiliki PhD tetapi masih belum bekerja atau bekerja bukan di tempat yang dipelajari?

JAWAPAN:

Secara ringkas, berikut adalah jumlah bilangan graduan PhD dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dari tahun 2019 hingga 2023.

Institutions	2019	2020	2021	2022	2023
UBD	29	40	16	18	43
UNISSA	3	8	8	1	7
UTB	--	2	7	2	10

*Source: EduStat 2019 – 2023

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi juga telah melaksanakan satu kajian setiap tahun iaitu *Graduate Employment Study* (GES). *Graduate Employment Study* adalah kajian yang dikendalikan bagi mengesan status pekerjaan graduan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta setelah 6 bulan dan 12 bulan majlis konvokesyen. Berdasarkan data

yang diperolehi daripada kajian terkini *Graduate Employment Study* 2022, sejumlah 12 (38.7%) orang daripada 31 orang graduan PhD telah memberikan respons kepada kajian tersebut. Kajian tersebut mendapati

seramai 8 (66.7%) orang graduan PhD telah mendapat pekerjaan 6 bulan selepas majlis konvokesyen, 2 (16.7%) orang graduan PhD *self-employed* atau bekerja sendiri dan 2 (16.7%) orang graduan PhD dikategorikan sebagai *unemployed* atau tidak bekerja. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa kadar peratus *Job Relevance* graduan PhD bagi kohort 2021 adalah sebanyak 83.3%.

Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam mendapatkan *response rate* bagi kajian tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa menambah baik dalam mendapatkan *response rate* sekurang-kurangnya 70% bagi setiap institusi pengajian tinggi awam dan swasta pada kajian yang akan datang.

Manakala statistik penerima graduan PhD Biasiswa Kerajaan Luar Negeri bagi 5 tahun kebelakangan (setakat Disember 2023) adalah seperti berikut:

Lulus: 6
Bekerja: 3
Belum Bekerja: 3

GRADUAN Ph.D YANG TELAH BEKERJA			
Pelajar	**Bekerja di Sektor**	**Jawatan**	**Bidang Pengajian**
1 orang	Sektor Kerajaan	Pensyarah	*Clinical Medicine*
1 orang	Sektor Kerajaan	Pensyarah	*Literature*
1 orang	Sektor Swasta	*Head Consultant*	Politik

GRADUAN Ph.D YANG BELUM BEKERJA		
Pelajar	**Tamat Pengajian**	**Bidang Pengajian**
1 orang	2023	*Medicine*
1 orang	2023	*Biology*
1 orang	2023	Southeast Asian Studies

LOGISTIK INSTITUSI

3. Kluster pendidikan UBD, UTB dekat dan kini kaola maklum bahawa Politeknik Brunei juga akan ditempatkan di tempat yang berdekatan. Apakah *pull factor* sebenarnya untuk mengambil keputusan untuk menempatkan ketiga-tiga institusi pendidikan ini berdekatan? 'Bukankah bisai' tempat pendidikan itu, dihare ditubuhkan di setiap daerah.

JAWAPAN:

Rasional Pemindahan Tapak Kampus PB dari Kampung Ikas, Mukim Keriam, Tutong ke tapak baharu di Kampung Madaras, Mukim Gadong A:

Antara Rasional Pemindahan Tapak berkenaan ke tapak baharu adalah seperti berikut:

i) Anggaran kos pembangunan di tapak asal iaitu di Kampung Ikas, Mukim Keriam, Tutong adalah amat tinggi jika mengambil kira beberapa aspek seperti kerja-kerja infrastruktur, sistem saliran, pembetungan, pembinaan/ pembesaran jalan raya untuk akses ke tapak tersebut dan jalan utama/lebuh raya, serta bekalan air dan elektrik.;

ii) Cadangan tapak baharu ini adalah berdekatan dengan institusi-institusi pengajian tinggi lain iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB). Oleh itu, kedudukan cadangan tapak tersebut adalah bersesuaian bagi tapak-tapak pendidikan yang lain termasuk Politeknik Brunei dan seterusnya berpotensi dijadikan sebagai tapak *EduCity*.

Selain itu, cadangan tapak baharu juga memberi peluang untuk memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di sekitarnya, yang berdekatan dengan institusi-institusi pengajian tinggi lain seperti Dewan Canselor *(Chancellor Hall)*, masjid, kolej kediaman pelajar dan sebagainya. Oleh yang demikian, ianya akan menyumbang kepada penjimatan kos bagi pembinaan kampus Politeknik Brunei yang baharu.

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN

FASILITI PADANG BOLA SEKOLAH

1. Terkait juga dengan padang bola ini, kenapa sesetengah padang bola sepak boleh digunakan oleh orang kampung dan sesetengahnya tidak boleh? Sebagai contoh salah sebuah sekolah yang terletak di Daerah Tutong, tidak dibenarkan untuk digunakan walhal rumput gajah tumbuh yang boleh mempercepatkan kerosakan kepada padang dan kesudahannya padang terbiar dan tidak boleh dipakai. Jika jangka penggunaan padang tersebut sehingga 10 tahun, tetapi oleh kerana ketumbuhan rumput-rumput gajah dan segala rumput-rampai yang memusnahkan padang tersebut akan memendekkan lagi jangka penggunaannya. Bukankah ini isu ketirisan dalam penggunaan peruntukan kerajaan dan adalah bertentangan dengan konsep lebih berhemah. Sebab itulah kaitannya soalan kaola ini dengan soalan dan cadangan kaola yang di atas.

JAWAPAN:

Pihak Kementerian sangat menyambut baik terhadap saranan dan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin terhadap pentadbiran dan pengurusan padang bola sepak sekolah ini. Walau bagaimanapun buat masa kini perkara tersebut belum dapat dilaksanakan memandangkan pihak sekolah sendiri masih memerlukannya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti fizikal dalam mata pelajaran pendidikan Jasmani dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum sekolah. Namun demikian pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa dengan sikap terbuka dan bersedia untuk berunding atau berbincang di masa akan datang.

Memang diakui terdapat berbezaan terhadap status kebenaran dan pengunaan padang bola sepak sekolah ini. Sebagai contoh, ada di antara padang-padang tersebut yang boleh digunakan dan disewakan tetapi ada juga didapati padang bola sepak sekolah yang tidak boleh disewa dan digunakan langsung oleh orang awam atau penduduk kampung. Sebenarnya dalam perkara ini pihak Kementerian Pendidikan menyerahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah sendiri untuk mentadbirnya dan selalunya ianya adalah tertakluk kepada keadaan, masa dan tempat atau kedudukan padang bola sepak sekolah berkenaan.

Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu, ada di antara sekolah yang tidak memberikan kebenaran kepada orang awam atau penduduk kampung untuk menggunakannya atas faktor-faktor keselamatan dan kebersihan.

Skop kerja pemeliharaan padang dan kemudahan sukan dalam kontrak *Facilities Management* adalah melibatkan pembaikan dan penyelenggaraan secara komprehensif kepada semua kemudahan sukan yang terdapat di sekolah-sekolah dan antara skop kerja adalah termasuk pemotongan rumput, memasang garisan padang, penggantian permukaan trek larian, gelanggang-gelanggang sukan, prasarana sukan dalam dewan serbaguna yang semuanya menjurus ke arah kemudahan sukan yang boleh dan selamat untuk digunakan oleh pihak sekolah.

Dengan jumlah kemudahan padang dan kemudahan sukan yang banyak tersebut, perlaksanaan bagi penyelenggaraan ini dilaksanakan secara berperingkat bermula Julai 2023 yang lalu. Jadual kerja telah pun disediakan dengan mengambil kira dan mengaturkan waktu yang sesuai untuk penyelenggaraan serta keperluan menempah barang-barang dari luar negara. Ingin juga dikongsikan bahawa jumlah kemudahan sukan sebenar dari 149 buah sekolah kerajaan seluruh negara bawah kawalan Kementerian Pendidikan adalah termasuk:

Bil.	Jenis Kemudahan Sukan	Jumlah
1	Padang bola jenis rumput biasa	90
2	Padang bola jenis rumput tiruan	27
3	Trek Larian	38
4	Padang Futsal jenis rumput tiruan	48
5	Gelanggang Netball sahaja	12
6	Gelanggang Volleyball sahaja	1
7	Gelanggang Takraw sahaja	10
8	Gelanggang serbaguna 3-in-1	52
9	Dewan Serbaguna menggunakan lantai sukan	84
	Jumlah Keseluruhan	**362**

Setakat ini sebanyak 79 jenis kemudahan sukan telah siap dilaksanakan dalam tempoh 8 bulan awal kontrak FM. Ianya bukan saja pembaikan kepada padang bahkan juga pembaikan kepada prasarana sukan lain seperti gelanggang takraw, *3 in 1 court* dan sebagainya. Pembaikan kesemua padang-padang dan kemudahan sukan ini dijangka siap sepenuhnya mengikut yang dijadualkan pada Oktober 2025. Di samping itu terdapat juga beberapa projek khusus bagi penyediaan 3 padang baharu di PTE Sengkurong, SR Katok B dan SR Rimba III yang dirancang dilaksanakan dalam TK2024/2025.

PERUNTUKAN UNTUK PEMBELIAN ALAT-ALAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PRAKTIKAL DI IBTE

2. Mengenai peruntukan kepada sistem pembelajaran yang ada di IBTE terutama sekali alat-alat pembelajaran

atau pengajaran untuk sesi praktikal pelajar dalam in *campus hands-on training*. Kalau kaola rujuk bajet 2024 yang ada:

Kenapakah tidak ada peruntukan untuk pembelian alat-alat pembelajaran praktikal berkenaan?

Pada hemat kaola, alat-alat ini adalah intipati sangat penting dalam memastikan pelajar mendapat kemahiran yang dihasratkan selagi mereka dalam kampus dan untuk mendukung kaedah program yang memerlukan *hands-on* dan program Dual TVET yang kaola bangkitkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas.

JAWAPAN:

Peruntukan bagi pembelian peralatan mengajar praktikal memang disediakan dalam peruntukan tahunan IBTE - Akaun B01201 - Perkhidmatan Pendidikan.

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

1. Pencapaian yang luar biasa bagi tahap minimum standard literasi bagi murid Tahun 1 dan 3 iaitu sebanyak 94 dan 95 peratus pada tahun 2023 telah mendorong kita untuk berada di hadapan pencapaian negara-negara Asia Tenggara, seperti yang dilaporkan baru-baru ini oleh *SEASIA Stats.* Walau bagaimanapun, kaola tertanya-tanya mengapa sasaran akan datang ditetapkan pada 80% peratus iaitu lebih rendah antara tahun 2024 hingga 2027, dan bukannya mendorong untuk mengekalkan dan meningkatkan lagi pencapaian ini?

JAWAPAN:

Sasaran tahap minimum bagi literasi dibuat berdasarkan hasil daripada *longitudinal data* pencapaian pelajar sebelum ini. Sasaran ini adalah sasaran yang realistik bagi Negara Brunei Darussalam dan ianya mengambil kira *inclusivity* semua pelajar yang mempunyai pelbagai kemahiran. Prosedur penetapan sasaran ini juga digunakan bagi membuat sasaran numerasi.

Walau bagaimanapun, keperluan perubahan ke atas sasaran ini akan dimesyuaratkan di peringkat kementerian dan seterusnya dimesyuaratkan bersama Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

2. Kemudian mengenai anggaran tahap minimum numerasi, untuk tempoh yang sama, telah ditetapkan secara konsisten pada 80%. Walau bagaimanapun, memandangkan tahap pencapaian pada tahun 2023 hanya berada pada 63% untuk murid Tahun 1 dan 50% untuk murid Tahun 3, hal tersebut menimbulkan persoalan tentang kebolehlaksanaan matlamat ini. Persoalannya, bukankah lebih strategik untuk melaksanakan peningkatan secara beransur-ansur, dilengkapi dengan tindakan yang boleh diukur untuk memastikan kemajuan dan pencapaian yang stabil?

JAWAPAN:

Trend pencapaian pelajar dalam numerasi itu menunjukkan bahawa kemahiran numerasi pelajar belum mencapai tahap *exit minimum* khusus dalam menjawab soalan-soalan berbentuk '*problem solving*'.

Pada tahun 2023 sasaran jumlah purata penuntut di bawah program sokongan pembelajaran yang dapat *exit minimum* adalah 20%.

Memandangkan hasil pencapaian pada tahun 2023 menunjukkan purata *exit* melebihi 40%, sasaran jumlah purata penuntut di bawah program sokongan pembelajaran yang dapat *exit minimum* untuk tahun 2024 dinaikkan ke 40%.

Walau bagaimanapun, peratus NKPI (90% penuntut Tahun 1 dan Tahun 3 berada di tahap literasi dan numerasi minimum) dalam *Brunei Darussalam Learning Support Guidebook* merupakan objektif jangka masa panjang Kementerian Pendidikan.

Sehubungan dengan itu, sasaran literasi dan numerasi tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi.